Tafsir Fi Zilalil Quran
oleh Sayyid Qutb

Kandungan

Salah Faham Terhadap Pemikiran Sayyid Qutb

lnilah penjelasan yang amat penting untuk pembaca Tafsir Fi Zilal dan buku-buku karangan asy-Syahid Sayyid Qutb yang lain yang kami petikkan sebahagiannya dari muqaddimah buku " " bahagian yang kedua dari buku " " iaitu karangan-karangan akhir beliau sebelum buku " ".

Muqaddimah ini ditulis oleh saudara beliau penulis Islam terkemuka di akhir abad ini iaitu al-Ustaz al-kabir Muhammad Qutb[1] dan dalam muqaddimah ini beliau telah mendedahkan beberapa salah faham yang ditimbulkan oleh pembaca-pembaca yang tidak menghayati karangan Sayyid Qutb secara menyeluruh atau membacanya secara tebuk-tebukan di sana sini lalu membuat kesimpulan-kesimpulan yang gopoh dan zalim yang mencemari persepsi beliau yang sebenar tanpa usaha menyelaras dan mensepadukannya dengan keterangan-keterangan beliau yang lain di tempat-tempat yang lain untuk mendapatkan satu persepsi yang betul yang dikehendaki beliau atau salah faham dan fitnah yang sengaja diada-adakan oleh musuh-musuh Islam yang begitu ghairah semasa hayat beliau untuk menghapuskan beliau dan memburuk-burukkan pemikiran Islamiyahnya yang tegas dan murni. Semoga muqaddimah ini menjadi garis panduan yang penting kepada para pembaca apabila menemui sesuatu ungkapan dalam Fi Zilal atau lainnya yang sekali imbas mendorong ke arah kesimpulan-kesimpulan yang melulu. Dengan pembacaan dan penelitian yang sedemikian hemat dapat menghindarkan pembaca dari kemungkinan-kemungkinan terperangkap dalam tompokan-tompokan buih yang tidak dimaksudkan yang terjana dalam curahan arus pemikiran Sayyid Qutb yang begitu meluas dan mendalam.

— *Penterjemah*

"Satu perkara lagi yang saya kemukakan sebagai jawapan kepada sahabat-sahabat saya yang bertanya dan membuat cadangan itu, iaitu saya selama-lamanya telah bersumpah ketika mengulangi cetak buku-buku karangan saudara saya bahawa saya akan mengekalkan segala isi kandungannya sebagaimana asalnya tanpa sebarang tambahan, potongan dan penerangan agar para pembacanya dapat membaca sebagaimana yang ditulis sendiri oleh beliau tanpa sebarang pindaan, walaupun di sana pada pandangan setengah orang terdapat ungkapan-ungkapan yang memerlukan pindaan dengan dipotong atau ditambah atau diulas atau dinotakakikan dan walaupun setengah-setengah orang itu sendiri sibuk menimbulkan setengah-setengah isu yang sebenarnya tidak wujud seperti (mengatakan beliau terpengaruh dengan) isu kesatuan kewujudan atau " "

Sebenarnya di dalam Tafsir Fi Zilal memang terdapat ungkapan-ungkapan yang menimbulkan salah faham pembaca yang mengambil ungkapan-ungkapan

[1] Di antara karangan beliau yang telah saya terjemahkannya ke bahasa ibunda ialah "***Salah Faham Terhadap Islam***" dan "***Memahami Jiwa Manusia Menurut Perspektif Islam***".

itu sahaja selaku ungkapan yang selalu digunakan oleh pendokong-pendokong konsep " ". Tetapi bagi pengkaji yang saksama apabila menemui lebih daripada satu tempat dalam Tafsir Fi Zilalil Qur'an ungkapan-ungkapan yang terang dan tegas yang menunjukkan bahawa pengarangnya beriman bahawa Allah berlainan dari makhluk-makhluk-Nya dan di sana tiada ruang untuk dicampuradukkan di antara Khaliq dan makhluk di dalam mana-mana sifat dan sifat-sifat-Nya dan di dalam mana-mana perbuatan dari perbuatan-perbuatan-Nya, maka seharusnya ia merujukkan maksud ungkapan-ungkapan yang mengelirukan ini kepada maksud ungkapan-ungkapan pengarangnya yang jelas dan tegas agar dengan itu hilanglah segala kekeliruan. Apa fikiran anda jika ada orang membaca perkataan para Hawari — yang masing-masing mempunyai kedudukan yang tinggi — di dalam al-Qur'an:

112. Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?

(Surah al-Ma'idah)

Lalu dia mengulaskan perkataan ini dengan mengatakan bahawa para Hawari meragui kekuasaan Allah! Apakah ulasannya itu benar?

Tentulah tidak benar sama sekali! Kerana kita mengetahui dari al-Qur'an dengan penuh keyakinan bahawa para Hawari adalah orang-orang yang beriman dan seseorang yang beriman sudah tentu tidak akan meragui kekuasaan Allah. Justeru itu ungkapan para Hawari yang mengelirukan itu wajib ditakwilkan atau lebih jelas, ungkapan mereka "Apakah Tuhanmu berkuasa menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit?" seharusnya ditakwil dengan takwilan yang mengubahkannya dari pengertiannya yang zahir agar selaras dengan kehendak keyakinan kita terhadap keimanan para Hawari itu. Begitulah juga halnya dengan ungkapan-ungkapan yang mengelirukan yang terdapat dalam Tafsir Fi Zilal ketika mentafsirkan Surah al-Hadid dan Surah al-Ikhlas, di mana ungkapan-ungkapan yang mengelirukan itu seharusnya ditakwilkan dengan pengertian dari ungkapan-ungkapan pengarangnya yang jelas dan tegas yang terdapat dalam kitab itu sendiri, iaitu pengertian yang dapat menolakkan sebarang saranan yang mengaitkan dengan konsep " " yang salah itu.

Walau bagaimanapun dalam buku yang kami persembahkan pada hari ini terdapat penerangan yang lebih jelas lagi mengenai persoalan ini dan menghapuskan sebarang kekeliruan seperti itu. Tersebut di dalam bab" Uluhiyah dan 'Ubudiyah (ms. 81):

"Kefahaman Islam secara total memisahkan di antara tabiat Uluhiyah dan tabiat Ubudiyah dan di antara posisi Uluhiyah dan posisi 'Ubudiyah dan di antara ciri-ciri Uluhiyah dan ciri-ciri 'Ubudiyah. Kedua-duanya tidak sama dan tidak bercampuraduk."

Dan tersebut dalam bab yang sama (ms. 116):

"Islam menganggap isu tauhid sebagai isu perdana dan isu teragung. Mentauhidkan Uluhiyah, mengkhususkan Uluhiyah dengan ciri-cirinya kepada Allah sahaja dan mengakui ciri-ciri Uluhiyah itu hanya berhak kepada Allah sahaja, dan konsep

kesyumulan 'Ubudiyah itu meliputi segala sesuatu dan segala yang hidup dan menanggalkan darinya segala ciri Uluhiyah, maka konsepsi tauhid dengan tahap dan kesyumulan yang sedemikian itulah tauhid yang menjadi tunggak dan teras pertama Islam."

Sebagaimana anda lihat itulah ungkapan-ungkapan tauhid yang amat jelas dan tegas (yang dikemukakan beliau) yang harus diselaras dan dirujukkan kepadanya apa sahaja ungkapan beliau yang tidak sengaja yang menimbulkan kekeliruan dan salah faham.

Dan walaupun pernah dikatakan setengah orang bahawa fikiran Sayyid Qutb ialah fikiran Khawarij!

Yang lumrah diketahui umum tentang golongan Khawarij ialah mereka mengkafirkan orang-orang yang mengerjakan maksiat dan mereka hanya mengira amalan dan perbuatan yang lahir sahaja tanpa melihat kepada niat yang menyertainya. Mereka menghukum kafir siapa sahaja yang disukai mereka semata-mata kerana perbezaan pendapat dan perbezaan perilaku tanpa merujukkan kepada kaedah-kaedah syara' mengenai hukum-hukum pendapat dan perilaku itu.

Dalam buku yang ada di tangan kita sekarang iaitu buku " " pembaca dapat menemui satu contoh pemahaman (beliau) yang jelas dan betul terhadap kaedah-kaedah syara' yang diambil dari kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. dalam persoalan kuasa hakimiyah yang menjadi pokok perbincangan.

Ujar Sayyid Qutb dalam bab "Uluhiyyah dan Ubudiyyah (m.s 167) berhubung dengan tafsiran ayat-ayat dalam Surah an-Nisa':

(60)

60. Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkan sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh.

hingga kepada ayat:

(65)

65. Oleh itu demi Tuhanmu, mereka sebenarnya tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang

perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerimanya dengan penuh kerelaan.

"Kita berhadapan dengan sekelompok manusia di dalam masyarakat Islam di negara Islam yang "mendakwa" bahawa mereka telah beriman kepada perintah yang telah diturunkan kepada Nabi s.a.w. dan kepada perintah yang telah diturunkan Allah sebelumnya iaitu mereka berkata: Kami mengaku tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah dan segala kerasulan adalah benar belaka dan segala syari'at yang dibawa oleh kerasulan-kerasulan itu adalah benar, dan seterusnya mengaku bahawa malaikat itu benar, Akhirat itu benar, qadha' qadar yang baik dan yang buruk adalah benar. Inilah makna beriman kepada apa yang diturunkan Allah kepada Rasulullah s.a.w dan apa yang diturunkan Allah sebelumnya dan mereka mendakwa telah beriman dengan perkara-perkara ini semua.

"Tetapi Allah tidak menerima dakwaan mereka ini dan tidak menganggapkan dakwaan ini sebagai keimanan, malah Allah melahirkan kehairanan terhadap sikap dan dakwaan mereka yang seperti ini!

Mengapa? Mengapa Allah tidak menerima dan mengambil kira dakwaan dan pengakuan ini dari mereka?

"Sebab mereka membuat pengakuan dan dakwaan itu, "sedangkan mereka masih ingin berhakimkan taghut" bukannya berhakimkan syari'at Allah dan mereka tidak merujukkan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka kepada Allah dan rasul-Nya. Kata kata "Taghut" mengikut tafsiran al-Imam ibn Jarir at-Tabani ialah setiap yang menentang Allah dan disembah selain Allah sama ada dengan paksaan darinya atau dengan keta'atan sukarela dari orang-orang yang menyembahnya sama ada yang disembahkan itu manusia atau syaitan atau berhala atau patung atau sesuatu kejadian yang lain" mereka mahu berhakimkan kepada mana-mana peraturan dari syari'at taghut ini dan tidak mahu berhakimkan kepada syari'at Allah. Justeru itu Allah sifatkan mereka sebagai orang-orang yang membuat dakwaan sahaja bukannya orang-orang yang benar beriman. Dakwaan mereka yang berkata bahawa mereka beriman kepada wahyu yang diturunkan kepada Nabi s.a.w. dan kepada wahyu yang diturunkan sebelumnya menunjukkan secara pasti bahawa pengakuan dengan lidah: Aku mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, malaikat itu benar dan Akhirat itu benar dan seterusnya mengakui seluruh kerasulan itu benar dan mengaku bahawa qadha' qadar Allah yang baik dan yang buruk itu benar adalah tidak diterima Allah dan tidak dikirakannya sebagai syahadat yang memasukkan orang-orang yang mengucapnya ke dalam Islam dan memberikan kepadanya sifat Muslimin dan hak terpelihara darah dan harta mereka apabila syahadat itu disertai keinginan dan kemahuan berhakimkan kepada syari'at yang lain dari syari'at Allah dan kemahuan tidak mahu merujukkan perkara-perkara yang dipertikaikan mereka dalam mana-mana urusan kehidupan insaniyah kepada Allah.

Kemudian beliau berkata (ms. 169):

"Dan selepas Allah memutuskan bahawa mereka berdusta di dalam dakwaan mereka yang mengatakan bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang diturunkan

kepada Rasulullah s.a.w. dan wahyu yang telah diturunkan kepada rasul-rasul sebelumnya dengan dalil mereka masih ingin berhakimkan taghut sedangkan mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya," maka kemahuan dan kecenderungan mereka yang sedemikian rupa itulah yang telah membohongi pengakuan lisan mereka dan menghapuskan nilainya dan selepas itu Allah menyifatkan mereka sebagai orang yang bemuka dua

Kemudian beliau berkata pula (m.s. 170):

"Penjelasan akhir dalam konteks ini merupakan nas yang jelas ( ) yang menetapkan satu-satunya syarat iman yang diungkap dalam salah satu bentuk penegasan yang amat kuat:

(65)

65. Oleh itu demi Tuhanmu mereka sebenarnya tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerimanya dengan penuh kerelaan.

(Surah an-Nisa)

Ayat ini merupakan nas yang amat jelas ( ) dan pemutus ( ) yang tidak memberi sebarang ruang untuk diperdebatkan dan dipertikaikan di samping tidak memberi sebarang ruang kepada pendapat yang lain selepasnya, kerana nas ini adalah dari nas yang padu atau utuh ( ) yang tidak memberi ruang kepada sebarang fikiran setelah ditetapkannya.

Nas ini bertujuan menjelaskan bahawa orang-orang yang mendakwa beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w dan wahyu yang diturunkan kepada rasul-rasul sebelumnya iaitu orang-orang yang berkata: Kami mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Rasulullah, sekalian rasul itu benar, kitab-kitab Allah itu benar, para malaikat itu benar, hari Akhirat itu benar, qadha' qadar yang baik dan yang buruk itu benar mereka yang membuat pengakuan sedemikian jika masih mempunyai keinginan dan kemahuan untuk berhakimkan kepada syari'at yang lain daripada syari'at Allah dan sekalipun mereka berhakimkan syari'at Allah dan sunnah nabi-Nya, tetapi hati mereka tidak bersetuju dan tidak menerimanya dengan penuh kerelaan, maka perkataan dan pengakuan mereka tidak diterima dan diambil kira dan mereka tidak termasuk dalam golongan Mu'minin dan tidak mendapat sifat keimanan, kerana pengakuan lisan hanya dipakai dan diambil kira jika tidak disertai keinginan dan kemahuan untuk berhakimkan kepada yang lain dari syariat Allah dan jika tidak ditemani perasaan tidak redha dan tidak menerima hukum-hukum Allah dan rasul dalam mana-mana urusan kehidupan.

Dan akhirnya beliau berkata (ms. 177- 178):

"Tetapi apabila isu ini dirujukkan kepada dasarnya iaitu kuasa hakimiyah dan kuasa memperhambakan manusia dan kuasa menggubalkan undang-undang, untuk mereka merupakan ciri-ciri utama Uluhiyah yang tiada seorang pun yang beriman kepada Allah sanggup mendakwa dan mengaku mempunyai ciri-ciri itu. Dan orang yang mendakwa mempunyai kuasa hakimiyah dan kuasa memperhambakan manusia dengan undang-undang yang digubalkannya bererti mendakwa mempunyai ciri uluhiyah dan sesiapa yang turut mengakurkan dakwaannya atau berhakimkan kepada undang-undang yang digubalkan dari hasil pemikirannya sendiri untuk orang ramai — kecuali ia dipaksa menerima undang-undang itu sedangkan hatinya tidak sukakannya atau ia menentang dengan kuasa yang ada padanya atau menentang dengan lidah atau dengan hatinya— maka bererti ia mengakurkan orang itu sebagai mempunyai ciri Uluhiyah dan seterusnya sesiapa yang menolak berhakimkan kepada syari'at Allah dalam segala urusan kehidupan bererti menolak pengakuan terhadap Uluhiyah Allah S.W.T walau dalam mana-mana aspek alam ini iaitu aspek kehidupan manusia dan sesiapa yang turut mengakurkan penolakannya bererti ia turut berkongsi menolak Uluhiyah Allah S.W.T. dalam aspek ini dan sesiapa yang menolak Uluhiyah Allah tidak boleh disifatkan sebagai seorang Muslim walaupun ia mendakwa dengan lisannya selama dakwaannya itu disertai dengan sesuatu perbuatan yang membatalkan erti dakwaannya, iaitu keinginan dan kemahuannya untuk berhakimkan taghut tanpa berhakimkan syari'at Allah apatah lagi perbuatan berhakimkan taghut dan tidak berhakimkan undang-undang yang diturunkan Allah.

"Kami berkata dengan merujukkan kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh nas-nas al-Qur'an yang jelas atau soreh ini bukannya menunjukkan kepada mafhum-mafhum yang diambil darinya, maka penjelasan yang lain tidak lagi diperlukan dan tidak ada lagi ruang untuk perdebatan yang serius kecuali perdebatan untuk menegakkan benang basah yang tidak wajar dihormati!"

Dari nas-nas yang kami terangkan dengan panjang lebar ini jelas ternyata bahawa perbuatan mengkafirkan seseorang dalam persoalan yang bergantung dengan isu hakimiyah itu adalah disyaratkan dengan wujudnya keinginan dan kemahuan hendak berhakimkan Taghut dan wujudnya keredhaan terhadap undang-undang yang lain dari undang-undang Allah. Inilah pendapat yang disepakati oleh para ulama' Islam di seluruh negeri dan di seluruh zaman terutama para ulama' salaf dari umat Muslimin. Allah cucurkan keredhaan-Nya ke atas mereka.

Adapun untuk menghukum generasi Muslimin sekarang ini apakah mereka mempunyai keinginan untuk berhakimkan taghut dan redha dengan syari'at yang lain dari syariat Allah atau kemahuan dan keredhaan yang sedemikian belum lagi wujud dengan sempurna di kalangan mereka, maka ia merupakan satu persoalan yang mungkin menimbulkan pandangan yang berbeza-beza tetapi yang menjadi asas pertimbangan bukannya perbezaan pandangan, malah yang menjadi asas pertimbangan ialah dengan mengguna dasar-dasar syar'iyyah di mana ditegakkan hukum-hukum Islam.

Dan walaupun saudara saya pernah dituduh bahwa beliau menampilkan da'wahnya dengan cara yang bertentangan dengan perintah Allah yang menyuruh berda'wah dengan menggunakan cara hikmat dan nasihat yang baik serta menggunakan kata-kata yang lemah-lembut!

Ramai orang memahami bahawa di antara maksud menggunakan methodologi hikmat dan nasihat yang baik itu ialah menepuk-nepuk bahu orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan dan tidak menghadapi mereka secara tegas kerana bimbang mereka akan lari dari da'wah dan enggan memberi sambutan kepadanya. Dari manakah mereka membawa pemahaman ini terhadap maksud arahan Rabbani yang mulia ini?

Apakah di sana ada orang yang lebih faham terhadap maksud arahan yang mulia ini dari para rasul yang dihadapkan arahan ini kepada mereka? Bagaimanakah Rasulullah s.a.w memahami arahan Allah yang diturunkan kepadanya supaya menyeru manusia ke jalan Allah dengan menggunakan methodologi hikmat dan pengajaran yang baik? Bagaimanakah Musa dan Harun a.s. memahami arahan Allah supaya berbicara dengan Fir'aun dengan kata-kata yang lemah-lembut **(** **)**agar baginda menerima pengajaran atau takut kepada Allah?

Rasulullah s.a.w telah bertindak menyampaikan da'wah sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadanya lalu kaum Quraysy bersungut: Ia telah mencela tuhan-tuhan kami, membodoh-bodohkan minda kami dan mengkafirkan bapa-bapa dan datuk-datuk nenek kami.

Sedangkan Musa dan Harun a.s. telah memulakan da'wah mereka dengan berkata kepada Fir'aun selamat sejahtera ke atas orang yang mengikut hidayat "

".Mereka tidak berkata kepada Fir'aun: Selamat sejahtera ke atas anda, kerana dalam ungkapan tadi terdapat saranan yang jelas bahawa Fir'aun tidak mengikut hidayat. Kemudian mereka iringi dengan penjelasan:

(48)

48. "Sesungguhnya telah diwahyukan Allah kepada kami bahawa azab (Allah) akan ditimpakan ke atas seseorang yang mendusta dan berpaling (dari hidayat). "

(Surah Taha)

Dalam kata-kata ini terdapat ancaman yang terus-terang terhadap Fir'aun dan kaumnya bahawa azab sedang menunggu mereka jika mereka mendustakan keduanya dan berpaling dari kebenaran yang dibentangkan keduanya kepada mereka. Inilah bentuk "kata-kata yang lemah-lembut" yang diperintahkan Allah kepada keduanya supaya ditujukannya kepada Fir'aun.

Berda'wah dengan lemah-lembut memang wajib, iaitu berlemah-lembut untuk **melahirkan kebenaran** bukannya berlemah-lembut untuk **menyembunyikan kebenaran!** Perbuatan yang akhir inilah yang diterangkan Allah kepada nabi-Nya.

(9)

9. "Mereka suka jika engkau bersikap lunak, mereka juga suka bersikap lunak. "

(Surah al-Qalam)

Sayyid Qutb tidak pernah mengatakan kepada seseorang: Awak kafir! Malah apa yang selalu dikatakan beliau: Keimanan itu mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang diterangkan dalam kitab Allah dan sunnah Rasul. Begitu juga kekufuran mempunyai ciri-ciri yang diterangkan dalam kitab Allah dan sunnah Rasul. Justeru itu sesiapa yang mendapati ciri-ciri keimanan pada dirinya, maka hendaklah ia bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat yang telah dikurniakan kepadanya dan sesiapa yang mendapati pada dirinya ciri-ciri sebaliknya, maka hendaklah ia bertaubat kepada Allah dan membersihkan diri dari ciri-ciri yang mengeluarkannya dari keimanan. Itulah maksud menggunakan methodologi hikmat dan nasihat yang baik untuk menghadapi situasi-situasi manusia yang berada dalam keadaan tersisih yang dihayati Islam pada hari ini. Itulah keadaan tersisih yang diisyaratkan Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadithnya.

"Islam bermula dengan keadaan tersisih dan akan kembali kepada keadaan tersisih sebagaimana mulanya. Justeru itu Syurgalah balasannya kepada orang-orang yang tersisih."

(Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim)

Kami harap mendapat taufiq dari Allah.

Muhammad Qutb.

SELENGKAR BIODATA PENGARANG

Al-Maqhfurulahu al-'Arif billah as-Syahid Sayyid ibn Qutb Ibrahim telah dilahirkan pada tahun 1906 di Kampung Musyah, daerah Asyut, Egypt dalam satu keluarga yang kuat mematuhi ajaran agama dan mempunyai kedudukan yang terhormat di kampung itu.

Bapanya Haji Qutb Ibrahim seorang yang disegani umum dan banyak berbakti kepada orang-orang miskin. Setiap tahun beliau menghidupkan hari-hari kebesaran Islam dengan mengadakan majlis-majlis jamuan dan tilawah al-Quran di rumahnya terutama di bulan Ramadhan. Ibunya juga seorang yang bertaqwa dan menyintai al-Quran. Ketika majlis-majlis tilawah al-Quran diadakan di rumahnya, ia mendengar dengan penuh khusyu', dengan seluruh perasaan dan jiwanya. Pemandangan ini begitu melekat dalam ingatan anaknya Sayyid Qutb yang masih kecil di waktu itu dan menjadi kenangan yang manis dalam usia selanjutnya sehingga beliau pernah berangan-angan mempunyai suara yang merdu dan lunak seperti para qari untuk memperdengarkan tilawah al-Qur'an kepada ibunya yang menyintai al-Qur'an, tetapi beliau tidak sedar bahawa takdir ilahi tidak melahirkannya untuk menjadi seorang qari yang bersuara emas, malah untuk menjadi seorang muffasir yang agung di zamannya.

Beliau telah menghafal al-Qur'an sejak dalam usianya yang belum mencecah sepuluh tahun dan dengan itu beliau telah merealisasikan cita-cita dan impian ayah dan ibu yang dikasihi dan beliau telah merakamkan hutang budi keduanya yang telah menanam benih-benih kecintaan kepada al-Qur'an di dalam kata persembahan dua buku karya sulungnya yang terkenal di dalam pengajian al-Qur'an.

Di sepanjang zaman kanak-kanak dan remajanya beliau telah memperlihatkan petanda-petanda kecerdasan yang tinggi dan bakat-bakat yang cemerlang yang menarik perhatian para guru dan pendidiknya, di samping memperlihatkan kegemaran membaca yang lahap, keberanian mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan mengeluarkan pendapat-pendapat yang bernas.

Beliau sentiasa mendampingi al-Quran sehingga beliau memasuki Kuliah Darul 'Ulum sebuah institusi pengajian tinggi Islam dan sastera Arab yang terkenal di seluruh dunia Islam, di mana kefahaman al-Qur'aniyah dan pemikiran Islamiyah beliau semakin subur dan terserlah. Setelah menamatkan pengajian tingginya, beliau menceburkan diri di bidang keguruan dan penulisan dan akhirnya dipindah ke bahagian Pentadbiran Kementerian Pelajaran di Qahirah.

Kini nama beliau begitu terkenal selaku seorang penulis yang prolifik yang bukan sahaja menulis dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah ilmiyah yang terkemuka, malah menerbitkan majalah-majalah yang lebih berwawasan dari majalah-majalah yang wujud masa itu hingga menggugatkan pihak-pihak yang tertentu. Penulisan-penulisan beliau diminati ramai terutama generasi muda. Mereka tertarik dengan penjelasan-penjelasan yang tajam, pendedahannya yang berani dan analisisnya yang mendalam.

Setelah merasa cukup matang, maka pada tahun 1945 beliau memutuskan untuk memulakan penulisan buku-buku. Ketika itu usia beliau menghampiri empat puluh tahun. Dan sejak tahun itu hingga ke tahun 1950 beliau telah berjaya menghasilkan dua puluh enam buah buku yang bermutu dalam berbagai-bagai bidang penulisan sastera Islamiyah.

Pada tahun 1948 beliau dihantar ke Amerika untuk mempelajari sistem pengajian dan pembelajaran di negeri yang termaju itu dan selama hampir dua tahun berada di sana beliau telah membuat kajian yang lebih mendalam dalam bidang yang menyangkut pendidikan dan pelajaran di negeri itu, iaitu beliau telah melakukan pengamatan-pengamatan yang luas mengenai kehidupan Amerika yang banyak mengecewakannya. Kini beliau telah melihat dan mengenal tamadun Amerika dari dekat. Kemudian dalam suratnya kepada pujangga Taufiq al-Hakim beliau menulis: "Amerika mempunyai segala sesuatu kecuali roh."

Sekembalinya dari Amerika beliau memutuskan untuk menumpukan seluruh hayatnya kepada pengajian lslamiyah dan harakat Islamiyah dan meninggalkan gelanggang sastera yang menjadi gelanggang peminatannya di zaman silam. Sewaktu merakam titik peralihan ini beliau menulis:

"Orang yang menulis kajian ini ialah seorang yang hidup membaca selama empat puluh tahun genap. Kegiatannya di peringkat pertama ialah membaca dan menelaah kebanyakan hasil-hasil pengajian dalam berbagai-bagai bidang pengetahuan manusia termasuk kajian yang menjadi bidang ikhtisasnya dan kajian-kajian yang menjadi bidang kegemarannya. Dan pada akhirnya ia pulang ke pangkal jalan iaitu pulang kepada sumber 'aqidah (al-Qur'an), pandangan dan kefahamannya. Dan di sana ia dapati bahawa seluruh apa yang dibacanya itu amat kerdil jika dibandingkan dengan potensi-potensi 'aqidah Islam yang agung itu dan akan terus dengan sifat agungnya. Walau bagaimanapun ia tidak menyesal atas kehabisan umurnya selama empat puluh tahun itu kerana dengan usianya yang selama itu ia berjaya mengenal hakikat jahiliyah, mengenal penyelewengnya, kekerdilannya, kekosongannya, kesongsangannya, kesesiaannya dan dakwaan-dakwaannya yang karut. Sejak itu ia sedar dengan penuh keyakinan bahawa seorang Muslim tidak boleh menyatukan dua sumber ilmu pengetahuan yang berlainan itu untuk diterima olehnya.

Tahun 1951 - 1964 merupakan masa peralihan beliau kepada penulisan-penulisan Islamiyah yang serius dan cemerlang di samping merupakan tahun-tahun yang amat produktif di mana lahirnya karya-karya agung yang menjadi buku-buku warisan Islamiyah yang penting di zaman ini dan di zaman-zaman mendatang. Dan karya yang menjadi mercu tanda daya penghasilan intelektualnya ialah tafsir "Fi Zilalil-Qur'an" dan juzu' pertama dari tafsir ini muncul pada tahun 1952 dan beliau telah menyelesaikan penulisan tafsir ini sebanyak tiga puluh juzu' pada akhir tahun lima puluhan, iaitu mengambil masa kira-kira hampir lapan tahun.

Tafsir Fi Zilalil-Qur'an adalah ditulis dengan bersandarkan kepada kajian-kajian beliau yang mendalam, yang ditimba secara langsung dari al-Qur'an dan as-Sunnah, di samping bersumberkan kepada kitab-kitab tafsir yang mu'tabar. Beliau memasuki ke dalam penulisan tafsir ini setelah melengkapkan dirinya dengan

pengalaman-pengalaman dan kajian-kajian yang kaya di bidang penulisan, keguruan, pendidikan dan pengamatannya yang luas dan tajam dalam perkembangan-perkembangan sosial dan politik dunia semasa. Beliau telah menghabiskan lebih dari separuh usianya dalam pembacaan dan penela'ahan yang mendalam terhadap hasil-hasil intelektual manusia di dalam berbagai-bagai bidang pengajian dan teori-teori, berbagai-bagai aliran pemikiran semasa dan berbagai-bagai kajian mengenai agama-agama yang lain.

Di samping itu tafsir Fi Zilalil-Qur'an adalah ditulis dengan tinta derita dan sengsara yang begitu pahit akibat penindasan dan permainan politik gila kuasa yang zalim di zaman itu. Beliau telah menjalani penyeksaan fizikal yang kejam dan tidak berperi kemanusiaan dan seluruh kesengsaraan ini telah membuat seluruh entiti beliau tertumpu kepada Allah dan kepada penghayatan al-Qur'an, di mana beliau hidup di bawah bayangan al-Qur'an dengan seluruh jiwa dan perasaannya dan hidup sebagai seorang penda'wah yang 'arifbillah, sabar, gigih, redha, tenang, tenteram, berserah bulat kepada Allah, tidak mengenal kalah dan putus asa. Semuanya itu merupakan faktor-faktor penting yang melahirkan tafsir "Fi Zilalil-Qur'an" di dalam bentuknya yang unik yang mengatasi tafsir-tafsir yang lain.

Sebelum memasuki ke dalam pentafsiran isi kandungan al-Qur'an beliau telah membuat kajian yang mendalam selama beberapa tahun untuk mencungkil rahsia-rahsia struktur pengungkapan al-Qur'an dan uslub penyampaiannya yang indah dan penuh mu'jizat. Hasil kajian Qur'aniyahnya yang ulung itu telah dibukukan dengan jodol " " (Penggambaran Yang Seni Di Dalam Al-Qur'an) diterbitkan pada tahun 1945 kemudian diiringi pula dengan buku " " (Pemandangan-pemandangan Qiamat di Dalam Al-Quran) diterbitkan pada tahun 1947 sebagai huraian dan pelengkap kepada bukunya yang pertama. Hasil kajian yang gemilang ini telah disifatkan oleh para pengkaji sebagai anak kunci yang dikurniakan Allah kepada beliau untuk membongkarkan rahsia-rahsia keindahan al-Qur'an yang unik itu. Dan buku-buku inilah yang banyak dirujukkan oleh beliau dalam tafsirnya, yang lahir kira-kira tujuh tahun selepas lahirnya bukunya yang pertama itu.

Tafsir Fi Zilalil-Qur'an berbeza dari tafsir-tafsir yang lain apabila beliau menggunakan satu methodologi pentafsiran yang membersihkan pentafsiran al-Quran dari pembicaraan-pembicaraan sampingan dan selingan yang tidak disarankan oleh nas-nas al-Quran. Justeru itu beliau menjauhkan tafsirnya dari perbahasan-perbahasan bahasa dan tata bahasa, perbahasan-perbahasan ilmu al-kalam dan ilmu fiqah dan dari cerita-cerita dongeng israeliyat yang lumrah dalam kebanyakan tafsir termasuk tafsir-tafsir yang terkenal sebagai sumber-sumber rujukan. Di samping itu beliau juga menjauhkan tafsirnya dari menundukkan nas-nas al-Qur'an kepada penemuan-penemuan dan pendapat-pendapat sains yang sering dilakukan oleh orang-orang yang terlalu ghairah untuk mendampingkan pentafsiran al-Qur'an dengan pentafsiran sains, sedangkan sumber kedua-dua tafsir itu adalah berlainan iaitu al-Qur'an bersumberkan wahyu dari Allah pencipta yang mengetahui segala sesuatu sementara sains bersumberkan intelektual manusia yang tidak syumul, tidak mantap dan sering berubah-ubah.

Beliau telah menyifatkan perbahasan-perbahasan sampingan itu sebagai campuraduk yang merosakkan jalan penyampaian al-Qur'an yang indah, lurus dan jelas dan seterusnya menyifatkan perbahasan-perbahasan itu sebagai halangan-halangan "yang melindungkan al-Qur'an dari jiwa saya dan melindungkan jiwa saya dari al-Qur'an."

Walaupun tafsir Fi Zilalil-Qur'an telah selesai ditulis dan walaupun masih meringkuk di dalam penjara, namun beliau masih belum puas menimba lautan kalamullah. Ufuk-ufuk pemikirannya yang meluas, gagasan-gagasan Islamiyah yang segar dan baru, pandangan-pandangan dan perasaan-perasaan kesedarannya yang lebih halus merangsangkan hati dan jiwanya, justeru itu pada awal tahun 1960 beliau sekali lagi tampil dengan penuh dedikasi mengemaskinikan tafsir Fi Zilalil-Qur'an dengan menokokkan huraian-huraian tambahan yang baru dan penghalusan-penghalusan yang perlu untuk menjadikan tafsir itu sebuah tafsir haraki yang sempurna. Usaha ke arah itu menjadi lebih lancar apabila beliau dibebaskan dari penjara dengan campurtangan Presiden Republik Iraq Abdul Salam 'Arif pada masa itu. Dalam kesempatan ini beliau telah berjaya membuat pembaharuan tafsir itu hingga ke juzu' yang ketiga belas di mana tamatnya Surah Ibrahim, tetapi beliau tidak sempat mengemaskinikan juzu yang baki, kerana beliau tiba-tiba ditangkap kembali atas tuduhan-tuduhan yang palsu dan zalim.

Setelah diundang ke alam para syuhada' tafsir Fi Zilalil-Qur'an merupakan satu-satunya tafsir yang paling luas tersebar di seluruh dunia Islam di zaman ini, di samping menjadi bahan-bahan kajian dan rujukan utama para ulama' dan para mufassirin. Ujar Dr. Hasan Farahat: "Tafsir Fi Zilalil-Quran" telah menjadi begitu terkenal dengan sebab Sayyid Qutb (Rahimahullah) telah menulis tafsir ini sebanyak dua kali; kali pertama ia menulis dengan tinta seorang alim dan kali kedua dia menulis dengan darah syuhada'. Ujar Yusof al-'Azym" "Tafsir Fi Zilalil-Qur'an" adalah wajar dianggap sebagai suatu pembukaan Rabbani yang diilhamkan Allah kepada penulisnya. Beliau telah dianugerahkan matahati yang peka yang mampu menanggap pengertian-pengertian, gagasan-gagasan dan fikiran yang halus yang belum dicapai oleh mana-mana penulis tafsir yang lain. Adalah jelas sekali bahawa keimanan beliau yang tulen, pembacaan beliau yang luas, pengalamannya yang mendalam dan bakat-bakat semulajadinya yang gemilang telah menjadikan tafsir Fi Zilalil Qur'an sebuah tafsir yang unik dan secara adil dapat diletakkan di kemuncak tafsir-tafsir yang lama dan yang baru, di mana terkumpul penjelasan-penjelasan yang syumul, himpunan ilmu pengetahuan, huraian yang citarasa dan da'wah yang lantang ke arah mengulangi semula hayat Islamiyah", sementara Dr. Saleh Abdul Fatah al-Khalidi pengkaji karya-karya Sayyid Qutb dan penulis biografinya yang terkenal telah berkata: "Sayyid Qutb dalam tafsir "Fi Zilalil-Quran" adalah dianggap sebagai mujaddid di dalam dunia tafsir, kerana beliau telah menambahkan berbagai-bagai pengertian dan fikiran haraki, dan berbagai-bagai pandangan tarbiyah yang melebihi tafsir-tafsir yang lalu, juga dianggap sebagai pengasas pengajian baru dalam ilmu tafsir, di mana beliau telah memperkenalkan aliran tafsir haraki."

Itulah liku-liku hidup yang penuh bersejarah yang dilalui oleh al-alim ar-Rabbani Sayyid Qutb dalam perjalanan menamatkan pengembaraannya yang jauh

di bawah bayangan al-Qur'anul-Karim dan meninggalkan hasil pengembaraannya yang kekal abadi kepada umat Muslimin.

Kemudian di waktu fajar hari Isnin 13 Jamadil Awal 1386 bersamaan 29 Ogos 1966 beliau telah menemui syahadatnya di tiang gantung setelah didapati bersalah oleh "Mahkamah Tentera" yang telah ditubuhkan oleh kerajaan revolusi di zaman itu. Mahkamah ini mempunyai sejarah pengadilan yang hitam dan banyak mengorbankan orang-orang yang tidak berdosa. Hukuman gantung itu telah dilaksanakan secara mendadak ke atas al-Marhum tanpa menghiraukan bantahan dunia Islam dan menolak secara tidak sopan telegram rayuan peribadi dari Raja Saudi Al-Marhum Faisal ibn Abdul Aziz di mana baginda merayu supaya beliau dibebaskan dari hukuman gantung dan baginda bersedia memberi apa sahaja yang dituntut oleh Kerajaan Mesir.

MUQADDIMAH

Hidup di bawah bayangan al-Quran adalah suatu keni'matan yang tidak dapat diketahui melainkan hanya oleh mereka yang mengecapinya sahaja. Ia adalah suatu keni'matan yang meluhur, memberkati dan membersihkan usia seseorang.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah yang telah mengurniakan kepadaku keni'matan hidup di bawah bayangan al-Qur'an selama beberapa waktu, di mana aku telah mengecapi ni'mat yang tidak pernah aku kecapi sepanjang hidupku, iaitu ni'mat yang meluhur, memberkati dan membersihkan usiaku.

Aku hidup seolah-olah mendengar Allah bercakap kepadaku dengan al-Quran ini… ya Dia bercakap kepadaku seorang hamba yang amat kerdil dan amat kecil. Manakah penghormatan yang dapat dicapai oleh seseorang lebih tinggi dari penghormatan Ilahi yang amat besar ini? Manakah keluhuran usia yang lebih tinggi dari keluhuran usia yang diangkatkan oleh kitab suci ini? Manakah darjah kemuliaan bagi seseorang yang lebih tinggi dari darjah kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah Pencipta Yang Maha Mulia?

Aku telah hidup di bawah bayangan al-Qur'an dan di sana aku melihat jahiliyah berkecamuk di muka bumi ini dan aku melihat minat dan cita-cita penduduk-penduduk dunia ini amat kecil dan kerdil, aku melihat pemuja-pemuja jahiliyah itu berbangga-bangga dengan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka, iaitu ilmu pengetahuan kanak-kanak, kefahaman dan pemikiran kanak-kanak, minat dan cita-cita kanak-kanak sama seperti pandangan seorang tua kepada mainan kanak-kanak, percubaan kanak-kanak dan keteloran lidah kanak-kanak. Aku merasa kaget dan hairan mengapa manusia jadi begini, mengapa mereka jatuh ke dalam lumpur yang kotor dan penuh penyakit ini? Mengapa mereka tidak mendengar seruan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, iaitu seruan yang dapat meluhur, memberkati dan membersihkan usia seorang?

Aku telah hidup di bawah bayangan al-Quran dan di sana aku dapat meni'mati kefahaman yang sempurna dan meliputi, tanggapan yang tinggi dan bersih terhadap alam al-wujud, terhadap matlamat seluruh alam al-wujud dan terhadap matlamat kewujudan manusia itu sendiri. Kemudian aku bandingkan dengan kefahaman-kefahaman dan tanggapan jahiliyah yang dihayati oleh umat manusia di Timur dan di Barat, di Utara dan di Selatan. Kemudian aku bertanya: Mengapa manusia sanggup hidup dalam paya yang busuk, di tahap yang amat rendah dan di dalam gelap gelita kesesatan yang menghitam itu, sedangkan mereka mempunyai padang-padang yang bersih, tempat-tempat yang tinggi dan cahaya yang terang benderang?

Aku telah hidup di bawah bayangan al-Qur'an, dan di sana aku dapat merasa adanya keseimbangan yang indah di antara harakat manusia seperti yang dikehendaki Allah dengan harakat alam buana yang diciptakan Allah. Kemudian aku melihat keadaan simpang-siur yang dialami oleh umat manusia yang telah menyimpang dan undang-undang alam buana, juga melihat percanggahan di antara pengajaran-pengajaran yang merosak dan jahat yang diajarkan kepada

mereka dengan fitrah semulajadi mereka, lalu aku berkata di dalam hatiku: Manakah syaitan yang jahat yang telah memimpin umat manusia ke Neraka ini?

Alangkah ruginya manusia!

Aku telah hidup di bawah bayangan al-Quran dan di sana aku melihat alam al-wujud ini adalah jauh lebih besar dari saiznya yang lahir yang dapat dilihat itu. Ia lebih besar dari segi hakikatnya dan dari segi bilangan aspek-aspeknya. Ia mencakup alam ghaib dan alam syahadah kedua-dua sekali bukannya alam syahadah sahaja. Ia merangkumi dunia dan Akhirat kedua-dua sekali bukannya dunia ini sahaja. Dan kewujudan manusia adalah bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat jauh itu. Maut bukannya penghabisan perjalanan hidup manusia, malah ia merupakan suatu peringkat perjalanan di tengah jalan. Segala sesuatu yang dicapai oleh seseorang di dunia ini bukanlah merupakan seluruh habuannya, malah hanya merupakan sebahagian dari habuannya sahaja. Segala balasan yang terluput di dunia ini tidak akan terluput di Akhirat nanti. Di sana balasan tidak akan mengalami penganiayaan, pengurangan dan kesesiaan. Peringkat perjalanan yang dilalui manusia di bumi ini merupakan peringkat perjalanan di sebuah alam hidup yang lumrah, sebuah alam sahabat yang mesra dan sebuah alam yang mempunyai roh yang sentiasa menerima, menyambut dan ia bertawajjuh kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa sebagaimana roh orang yang beriman bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh khusyu'.

(15)

15. "Hanya kepada Allah jua sujudnya sekalian penghuni langit dan bumi sama ada dengan sukarela atau terpaksa dan bayang bayang mereka (juga turut sujud) di waktu pagi dan petang."

(Surah ar-Ra'd)

(44)

44 . "Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian penghuninya sentiasa bertasbih kepada Allah dan tiada suatu kejadian pun melainkan seluruhnya bertasbih memuji Allah."

(Surah al-Isra')

Manakah kerehatan, keselesaan, kemesraan dan kepercayaan (yang lebih besar) dari kerehatan, keselesaan kemesraan dan kepercayaan, yang dicurahkan ke dalam hati kita oleh kefahaman yang syumul, sempurna, luas dan betul ini?

Aku telah hidup di bawah bayangan al-Qur'an dan di sana aku melihat manusia jauh lebih mulia dari segala penghargaan dan penilaian terhadap mereka yang dikenali mereka dahulu dan kemudiannya. Manusia telah menjadi insan dengan tiupan roh ciptaan Allah:

(29)

29. "Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh ciptaan-Ku, maka rebahkanlah diri kamu sujud kepada-Nya."

(Surah al-Hijr)

Dan dengan tiupan roh inilah manusia dilantik menjadi khalifah di bumi:

(30)

30. "Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhya Aku hendak melantik khalifah di muka bumi."

(Surah al-Baqarah)

Dan segala apa yang ada di bumi ini adalah ditundukkan untuk faedah manusia:

(29)

29. "Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi"

(Surah al-Baqarah)

Oleh sebab manusia mempunyai darjah kemuliaan dan ketinggian yang seluhur ini, maka Allah telah menjadikan tali hubungan yang mengikat umat manusia itu ialah tali hubungan yang diambil dari tiupan ilahi yang mulia, iaitu tali hubungan 'aqidah kerana Allah. Oleh itu 'aqidah seseorang Mu'min merupakan tanahairnya, kaumnya dan keluarganya dan di atas 'aqidah inilah umat manusia harus bersatu padu bukannya seperti haiwan yang berpadu kerana rumput, kerana padang ragut, kerana kumpulan dan kerana pagar.

Orang yang beriman mempunyai keturunan yang amat tua yang bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat jauh. Dia adalah salah seorang dari angkatan manusia yang mulia yang dipimpin oleh para rasul yang mulia, iaitu Nuh, Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kub, Yusuf, Musa, 'Isa dan Muhammad alayhimus-salam.

(92)

92. "Dan sesungguhnya umat (para anbia') ini adalah umat kamu iaitu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu. Oleh itu sembahlah Aku."

(Surah al-Anbia')

Angkatan manusia yang mulia yang bersinambung di lorong-lorong zaman yang amat lama itu menghadapi — seperti yang tergambar di bawah bayangan al-Qur'an — keadaan-keadaan yang serupa, krisis-krisis yang serupa dan pengalaman-pengalaman yang serupa di sepanjang zaman di berbagai-bagai tempat dan di kalangan berbagai-bagai kaum. Angkatan itu menghadapi kesesatan, kebutaan, kezaliman, hawa nafsu yang liar, penindasan, kekejaman,

ancaman dan pengusiran, tetapi ia terus mara menyusuri jalannya dengan langkah-langkah yang tetap, dengan hati nurani yang tenteram, dengan kepercayaan dan harapan yang penuh terhadap pertolongan Allah dengan hati yang menunggu-nunggu di setiap saat ketibaan janji Allah yang benar:

(**13**)

(**14**)

13 - 14 "Dan orang-orang kafir itu berkata kepada rasul-rasul mereka: Kami tetap akan mengusir kamu dari negeri kami atau kamu kembali semula kepada agama kami lalu Allah Tuhan mereka mewahyukan kepada mereka: Sesungguhnya Kami tetap akan membinasakan orang-orang yang zalim dan Kami tetap akan menempatkan kamu di negeri itu selepas (kebinasaan) mereka. (Janji) yang sedemikian adalah untuk orang-orang yang takut kepada maqam-Ku dan takut kepada janji azab-Ku."

(Surah Ibrahim)

Itulah sikap yang sama, pengalaman yang sama, ancaman yang sama, keyakinan yang sama dan janji yang sama kepada angkatan iman yang mulia, juga nasib kesudahan yang sama yang ditunggu-tunggu oleh para Mu'min di akhir perjalanan mereka semasa mereka menerima penindasan dan ancaman.

Di bawah bayangan al-Qur'an juga aku dapat mempelajari bahawa di dalam alam al-wujud ini tiada ruang bagi kebetulan yang membuta tuli dan bagi kejadian-kejadian luar dugaan yang mendadak. Kerana:

(49)

49. "Sesungguhnya Kami ciptakan segala sesuatu itu dengan ukuran yang rapi"

(Surah al-Qamar)

(29)

2. "Dan Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu iaitu menentukan keadaan makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna."

(Surah al-Furqan)

Setiap perkara dan kejadian ada hikmatnya, tetapi hikmat itu adalah suatu hikmat ghaib yang amat mendalam dan mungkin tidak ternampak kepada pandangan manusia yang singkat:

(19)

19. "Kamu mungkin bencikan sesuatu, sedangkan Allah menjadikan padanya kebajikan yang banyak."

(Surah an-Nisa')

(216)

216. "Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan kamu mungkin sukakan sesuatu, sedangkan ia lebih buruk kepada kamu. Dan hanya Allah yang mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui"

(Surah al-Baqarah)

Segala sebab-sebab yang diketahui umum itu kadang-kadang melahirkan kesan-kesannya dan kadang-kadang tidak, begitu juga muqaddimah/primisa yang dianggap orang sebagai pasti kadang-kadang melahirkan natijah dan kadang-kadang tidak, kerana sebab-sebab dan muqaddimah-muqaddimah itu sendiri bukanlah berkuasa mewujudkan kesan-kesan dan natijah-natijah itu, malah iradat Allah yang bebas itulah yang mewujudkan kesan-kesan dan natijah-natijah itu di samping mewujudkan sebab-sebab dan muqaddimah itu sendiri:

(1)

1. "Engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan selepas perceraian itu sesuatu perkara yang lain."

(Surah at-Talaq)

30. "Dan tidaklah kamu menghendaki kecuali bila dikehendaki Allah."

(Surah al-Insan)

Orang yang beriman menggunakan sebab-sebab kerana ia diperintah berbuat begitu, tetapi Allahlah yang menentukan kesan-kesan dan natijah-natijahnya. Keyakinan kepada rahmat Allah dan keadilan-Nya, kepada hikmat kebijaksanaan Allah dan ilmu-Nya itulah satu-satunya tempat perlindungan yang aman dan tempat yang selamat dari bisikan-bisikan dan godaan-godaan syaitan:

(268)

268. "Syaitan menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan menyuruh kamu melakukan kejahatan. sedangkan Allah menjanjikan kamu dengan keampunan dan limpah kurnia dari-Nya dan Allah itu Maha Luas Pengurniaan-Nya dan Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah)

Oleh sebab itulah aku hidup di bawah bayangan al-Qur'an dengan hati yang tenang tenteram dan di sana aku melihat tangan kekuasaan Allah mengendalikan segala peristiwa dan segala perkara. Di sana aku hidup di bawah naungan dan pemeliharaan Allah dan aku benar-benar merasa kesan-kesan sifatNya yang positif dan aktif:

62. "Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghilangkan kesusahan itu?"

(Surah an-Naml)

(18)

18. "Dan Dialah Yang Maha Berkuasa atas sekalian hamba-Nya dan Dialah yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu-Nya."

(Surah al-An'am)

(21)

21. "Dan Allah Itu berkuasa terhadap urusan-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya."

(Surah Yusuf)

وَاعْلَمُواْ أَنَّ اللّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ

24. "Dan ketahuilah bahawa Allah berkuasa menghalangkan di antara seseorang dengan hatinya."

(Surah al-Anfal)

(107)

107. "(Allah) Maha Berkuasa melaksanakan segala apa yang dikehendakiNya."

(Surah Hud)

(2)

(3)

2 - 3. "Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Dia mengadakan jalan keluar untuknya dan memberikan rezeki dari arah yang tidak disangka sangkakannya dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah Dia akan memberi pertolongan yang cukup kepadanya. Sesungguhnya Allah berkuasa melaksanakan segala urusan-Nya."

(Surah at-Talaq)

56. "Tiada seekor binatang pun melainkan Dialah (Allah) yang memegang ubun-ubunnya."

(Surah Hud)

36. "Bukankah Allah itu cukup untuk melindungi hamba-Nya? Sedangkan mereka menakut-nakutkan engkau dengan sembahan-sembahan yang lain dari Allah."

(Surah az-Zumar)

وَمَن يُهِنِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن مُّكْرِمٍ

18. "Sesiapa yang telah dihinakan Allah, maka tiada siapapun lagi yang dapat memuliakannya."

(Surah al-Haj)

(33)

33. "Sesiapa yang telah disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya."

(Surah ar-Rad)

Sebenarnya alam al-wujud ini tidaklah sekali-kali diserahkan kepada undang-undang otomatik yang membuta tuli, malah di sebalik undang-undang itu selalunya wujud iradat yang merancang dan masyi'ah yang bebas. Allah mencipta dan memilih apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Di samping itu aku juga belajar bahawa tangan qudrat Allah sentiasa bekerja, tetapi ia bekerja mengikut caranya yang tersendiri. Kita tidak boleh menggesa supaya dia bertindak segera dan tidak boleh membuat apa-apa cadangan kepada Allah. Sistem hidup yang diatur oleh Allah — sebagaimana yang dapat dilihat di bawah bayangan al-Qur'an — adalah digubal supaya ia dapat bertindak di dalam setiap masyarakat dan di dalam setiap peringkat perkembangan hidup manusia, juga dalam setiap keadaan jiwa umat manusia yang sama. Sistem ini digubal untuk manusia yang hidup di bumi ini dengan mengambil kira fitrah manusia, tenaga-tenaga, bakat-bakat semulajadinya, kekuatan dan kelemahannya, juga mengambil kira keadaan-keadaannya yang berubah yang dialaminya. Sistem itu tidak sekali-kali menaruh sangkaan yang buruk terhadap makhluk insan ini lalu memperkecil-kecilkan peranannya atau mensia-siakan nilainya dalam apa sahaja bentuk hidupnya sama ada dengan sifatnya sebagai individu atau sebagai anggota di dalam kelompok. Begitu juga sistem ini tidak sekali-kali mengelamun dengan daya khayal lalu mengangkatkan makhluk insan ini terlalu tinggi hingga mengatasi darjatnya, mengatasi tenaga kemampuannya dan mengatasi tugasnya yang dijadikan Allah ketika ia diciptakan. Dan dalam dua keadaan ini sistem ini juga tidak mengandaikan bahawa asas-asas fitrah makhluk insan ini adalah asas-asas yang dangkal yang hanya wujud dengan kuasa undang-undang atau boleh dihapuskan dengan hujung pena sahaja, malah makhluk insan ini dengan fitrah semulajadinya, dengan kecenderungan dan bakat-bakat semulajadinya adalah dipimpin oleh sistem hidup ilahi ini untuk mengangkatnya kepada setinggi darjah kesempurnaan yang telah ditentukan kepadanya, sesuai dengan kejadian dan tugasnya dan untuk menghormati dirinya, fitrah semulajadinya dan nilai-nilainya apabila ia

memimpinnya di jalan kesempurnaan menuju kepada Allah. Oleh sebab itulah sistem hidup Ilahi ini diciptakan untuk jangka waktu yang amat panjang yang hanya diketahui Allah yang menciptakan insan dan menurunkan al-Qur'an ini sahaja. Dan oleh sebab itulah ia tidak bertindak sewenang-wenang dan terburu-buru dalam usaha mencapai matlamatnya yang tinggi dari sistem ini. Masa di hadapannya terbuka luas tidak terbatas dengan umur individu. Dia tidak didorong oleh keinginan yang fana dan kebimbangan takut mati sebelum tercapai matlamatnya yang jauh sebagaimana yang berlaku kepada pejuang-pejuang isme-isme bumi yang bertindak sewenang-wenang dalam satu generasi dan bertindak melampaui fitrah semulajadi yang berjalan dengan langkah-langkah yang seimbang dan tenang kerana mereka tidak sabar untuk berjalan dengan langkah-langkah yang seimbang dan tenang, dan dalam perjalanan dan perjuangan mereka yang sewenang-wenang itulah berlakunya pembunuhan dan pertumpahan darah, runtuhnya nilai dan tercetusnya huru-hara dan kacau-bilau, kemudian pada akhirnya mereka pun hancur dan isme-isme bikinan mereka juga turut hancur di bawah pukulan tukul-tukul fitrah semulajadi yang tidak sanggup ditanggung oleh isme-isme yang sewenang-wenang. Adapun Islam ia tetap berjalan dengan lemah-lembut memimpin fitrah manusia, ia menolak di sini dan menahan di sana, dan ia membetul bila menyeleweng, tetapi ia tidak bertindak memecah atau menghancurkan fitrah manusia. Ia tetap sabar melayaninya, iaitu ia sabar dengan kesabaran seseorang yang arif, bijak dan yakin dengan matlamat yang telah ditetapkan itu. Jika tidak dapat dicapai dalam pusingan pertama diusahakan pula dalam pusingan yang kedua atau ketiga atau ke sepuluh atau ke seratus atau ke seribu. Masa masih lanjut dan matlamat cukup terang dan jalan menuju ke matlamat yang agung itu amat panjang. Jika pokok yang tinggi itu tumbuh dan akar-akarnya bertunjang teguh di dalam bumi, dahan-dahannya mencabang panjang dan merimbun tebal, maka begitulah juga Islam, ia tumbuh dan subur perlahan-lahan, lambat dan tenang dan ia selama-lamanya mengambil bentuk yang dikehendaki oleh Allah. Sesuatu tanaman itu kadang-kadang ditimbus pasir, kadang-kadang setengahnya dimakan ulat dan kadang-kadang kering tidak disirami air dan kadang-kadang tenggelam dalam air siraman, tetapi peladang yang arif dan bijak tahu bahawa tanaman itu tetap hidup dan subur dan ia akan dapat mengatasi segala penyakitnya dalam masa yang panjang itu. Oleh sebab itulah ia tidak bertindak sewenang-wenang dan tidak resah dan gelisah dan tidak cuba mematangkannya dengan cara-cara yang lain dari cara-cara fitrah yang tenang, lapang dada dan mesra, itulah cara peraturan Ilahi di seluruh alam al-wujud ini:

(23)

23. "Dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan di dalam undang undang Allah."

(Surah al-Fath)

Al-Haq kebenaran mengikut sistem Ilahi ini merupakan sesuatu yang hakiki dan tulen dalam binaan alam al-wujud ini. Ia bukannya sesuatu yang wujud secara mendadak dan sepintas lalu dan bukannya sesuatu yang wujud secara

kebetulan dan tidak disengajakan. Allah S.W.T. itulah yang benar/al-Haq dan kewujudan Allah Ta'ala inilah segala makhluk yang ada mengambil kewujudannya:

(30)

30. "Yang demikian ialah kerana Allah itulah yang benar/al-Haq dan segala apa yang mereka sembah selain dari-Nya itulah yang palsu dan Allah itulah Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."

(Surah Luqman)

Allah telah menciptakan alam buana ini dengan kebenaran/al-Haq dan tidak bercampur-aduk dengan kebatilan dan kepalsuan:

5. "Allah tidak menciptakan semuanya itu melainkan dengan kebenaran/ al-Haq."

(Surah Yunus)

191. "Wahai Tuhanku! Tiadalah Engkau ciptakan semuanya ini sebagai palsu, Maha Sucilah Engkau!"

(Surah Ali-Imran)

Kebenaran itulah yang menjadi tapak asas alam al-wujud ini dan apabila ia menyeleweng darinya ia akan rosak dan musnah:

71. "Jika kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi dan penghuni-penghuninya."

(Surah al-Mu'minun)

Oleh sebab itulah kebenaran pasti menang dan kebatilan dan kepalsuan pasti musnah. Walaupun keadaan-keadaan yang zahir nampaknya tidak begitu, namun kebenaran akan tetap muncul dengan begitu ketara:

18. "Malah Kami lontarkan kebenaran ke atas kepalsuan lalu ia mengalahkannya dan tiba-tiba kepalsuan itu terus lenyap."

(Surah al-Anbia')

Kebaikan dan kebagusan juga (mengikut sistem Ilahi) merupakan sesuatu yang tulen sama seperti kebenaran. Ia tetap kekal di bumi ini:

(17)

17. "Allah telah menurunkan air hujan dari langit lalu mengalirlah air dilembah-lembah menurut sukatannya. Kemudian banjir itu membawa buih-buih yang mengembang dan terapung-apung dan dari logam-logam yang mereka leburkannya di dalam api untuk membuat perhiasan atau barang-barang kegunaan juga terdapat buih-buih yang serupa (dengan buih banjir itu). Demikianlah Allah membuat perbandingan kebenaran dan kepalsuan. Adapun buih, maka ia akan lenyap terbuang di tepi-tepi tebing dan adapun yang berguna kepada manusia, maka ia akan tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah membuat berbagai-bagai perbandingan."

(Surah Ar-Ra'd)

(25) (24)

(26)

(27)

24 - 27. "Tidakkah engkau melihat bagaimana Allah membuat satu perbandingan iaitu kalimat yang baik itu laksana pokok yang baik akar tunjangnya teguh dan dahannya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buah-buahnya setiap masa dengan izin Allah. Dan Allah membuat berbagai-bagai perbandingan kepada manusia supaya mereka mendapat pengajaran. Dan bandingan kalimat yang buruk itu laksana pokok yang buruk yang telah dicabut akar umbinya dari muka bumi, ia tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi. Allah meneguhkan iman orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan dunia dan Akhirat dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan Allah melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya."

(Surah Ibrahim)

Manakah ketenteraman yang lebih ni'mat dari ketenteraman yang dilahirkan oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah ketenangan yang lebih ni'mat dari ketenangan yang dicurahkan ke dalam hati oleh kefahaman dan tanggapan ini? Manakah kepercayaan terhadap kebenaran, kebaikan dan keislahan yang lebih kuat dari kepercayaan ini? Dan manakah suatu kekuatan dan keunggulan yang mengatasi realiti hidup yang kecil ini yang dicurahkan ke dalam hati nurani oleh kefahaman dan tanggapan ini?

Masa penghayatanku di bawah bayangan al-Qur'an itu berakhir dengan satu keyakinan yang teguh dan tegas, iaitu dunia ini tidak akan mencapai kebaikan dan umat manusia tidak akan mencapai kerehatan, ketenteraman, ketinggian, keberkatan, kesucian dan keselarasan dengan undang-undang alam buana dan fitrah hidup yang suci melainkan dengan kembali kepada Allah.

Perkembalian kepada Allah itu — sebagaimana yang tergambar di bawah bayangan al-Quran — hanya mempunyai satu bentuk dari satu jalan sahaja, tiada jalan yang lain darinya — iaitu mengembalikan seluruh kehidupan ini kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk umat manusia sebagaimana digaris oleh-Nya di dalam al-Qur'anul-Karim. Perkembalian itu bererti penghakiman kepada al-Quran dalam seluruh urusan kehidupan mereka. Jika tidak, kerosakan akan berkecamuk di dunia ini, manusia akan terhumban ke dalam kecelakaan, akan jatuh terbalik ke dalam lumpur dan ke dalam jahiliyah yang menyembah hawa nafsu selain Allah itu:

(50)

50. "Jika mereka tidak menyambut seruanmu, maka ketahuilah bahawa mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja dan siapakah yang lebih sesat dari orang yang mengikut hawa nafsunya tanpa hidayat dari Allah? Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."

(Surah al-Qasas)

Berhakimkan kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah dalam kitab sucinya itu bukanlah suatu perkara sunat, bukan perkara sukarela dan bukan perkara pilihan, malah ia adalah perkara beriman atau tidak beriman:

36. "Tidaklah wajar bagi lelaki yang Mu'min dan perempuan yang Mu'min apabila Allah dan rasul-Nya telah menetapkan sesuatu keputusan, membuat pilihan yang lain dalam urusan mereka.'

(Surah al-Ahzab)

(18)

(19)

18 - 19. "Kemudian Kami jadikan engkau tegak di atas syari'at dan perintah-perintah Allah. Oleh kerana itu ikutlah syari'at ini dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya mereka tidak dapat menolong engkau sedikit pun dan azab Allah dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu menjadi pelindung-pelindung terhadap satu sama lain dan Allah adalah Pelindung orang-orang yang bertaqwa."

(Surah al-Jathiah)

Perkara ini adalah suatu perkara yang amat serius. Ia adalah perkara aqidah dan asasnya lagi. Ia adalah perkara kebahagiaan atau kecelakaan manusia.

Umat manusia yang diciptakan Allah ini tidak dapat dibuka pintu fitrah yang tertutup itu melainkan dengan anak-anak kunci dari ciptaan Allah itu dan penyakit-penyakitnya tidak boleh diubati melainkan dengan penawar yang dicipta oleh Allah S.W.T. Allah telah menyediakan di dalam sistem hidup yang diaturkan oleh-Nya itu anak-anak kunci untuk membuka segala pintu yang tertutup dan penawar untuk mengubatkan segala penyakit:

82. "Dan Kami turunkan dari al-Qur'an itu sesuatu yang menjadi rahmat kepada orang-orang yang beriman."

(Surah al-Isra)

9. "Sesungguhnya aI-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus."

(Surah al-Isra)

Tetapi malangnya umat manusia tidak mahu mengembalikan ibu kunci kepada tukang pembuatnya dan tidak mahu membawa orang sakit kepada penciptanya. Mereka tidak bertindak dalam urusan diri mereka, kemanusiaan mereka, kebahagian atau kecelakaan mereka seperti mereka bertindak dalam urusan mesin-mesin dan alat-alat murah yang digunakan mereka dalam keperluan-keperluan seharian mereka yang kecil. Mereka tahu jika mesin-mesin dan alat-alat itu rosak mereka akan memanggil mekanik kilang yang membuat mesin itu untuk memperbaikinya, tetapi mereka tidak menggunakan peraturan ini dalam usaha membetulkan manusia sendiri, iaitu dengan mengembalikan mereka kepada kilang yang mengeluarkan mereka dan tidak meminta petua dari Allah Pencipta yang telah mengadakan mesin-mesin manusia yang mengkagumkan ini, iaitu mesin manusia yang besar, mulia, halus dan seni, mesin yang tidak diketahui liku-liku dan pintu-pintunya melainkan oleh tukang yang membuatnya sendiri:

(13)

(14)

13 - 14. "Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala isi hati. Apakah Allah yang telah menciptakan (kamu) tidak mengetahui (isi hati kamu), sedangkan Dialah Yang Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya"

(Surah al-Mulk)

Dari sinilah kecelakaan menimpa umat manusia yang sesat, umat manusia yang sengsara dan bingung, umat manusia yang tidak akan bertemu dengan petunjuk dan hidayat, kerehatan dan kebahagiaan melainkan apabila fitrah mereka (yang rosak itu) dikembalikan kepada Penciptanya yang Maha Besar,

sebagaimana mesin-mesin yang murah itu dikembalikan kepada tukang-tukangnya yang kecil.

Tindakan mengenepikan Islam dari menerajui kepimpinan manusia merupakan satu peristiwa yang amat besar di dalam sejarah umat manusia dan satu malapetaka yang menghancurkan kehidupan mereka, iaitu malapetaka yang tidak ada tandingannya sejauh yang diketahui manusia yang telah membawa berbagai-bagai bencana yang dialami mereka.

Islam telah menerima teraju kepimpinan manusia setelah dunia ini rosak, setelah kehidupan dan kepimpinan-kepimpinan manusia itu rosak dan setelah umat manusia mengalami berbagai-bagai kecelakaan dari kepimpinan yang rosak dan setelah kerosakan itu lahir (merata-rata):

41. "Kerosakan telah lahir di daratan dan lautan kerana perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan manusia."

(Surah ar-Rum)

Islam telah memegang teraju kepimpinan manusia dengan al-Qur'an dan dengan kefahaman baru yang dikemukakan oleh al-Qur'an dan dengan syari'at yang diambil dari kefahaman ini. Itulah hari lahir yang baru bagi umat manusia, iaitu hari lahir yang lebih besar dari segi hakikatnya dari hari lahir kewujudan mereka, kerana al-Qur'an telah membentuk satu kefahaman yang baru kepada manusia, iaitu kefahaman terhadap alam al-wujud, kehidupan, nilai-nilai dan peraturan-peraturan hidup. Begitu juga Islam telah mewujudkan satu kenyataan realiti kemasyarakatan yang unik yang tidak dapat difikirkan oleh mereka sebelum ia dibentuk oleh al-Qur'an. Kenyataan/realiti itu begitu bersih dan indah, begitu agung dan luhur, begitu mudah dan senang, begitu realistik dan positif, begitu seimbang dan selaras sehingga tidak pernah terlintas di dalam hati manusia, jika tidak kerana Allah telah berkehendak menjadikannya untuk manusia dan telah mewujudkannya dalam hidup mereka, iaitu di dalam bayangan al-Qur'an, di dalam sistem hidup al-Qur'an dan di dalam syari'at al-Qur'an.

Kemudian berlaku malapetaka yang telah menghancurkan manusia itu, di mana Islam diketepikan dari teraju kepimpinan manusia. Ia diketepikan supaya teraju kepimpinan itu dipegang sekali lagi oleh jahiliyah dalam salah satu bentuknya yang begitu banyak itu, iaitu dalam bentuk pemikir kebendaan yang dikagumi oleh umat manusia pada hari ini sebagaimana kanak-kanak yang kecil mengkagumi pakaian-pakaian dan mainan-mainan yang cantik dan beraneka warna.

Di sana ada satu kumpulan penyesat dan penipu yang menjadi musuh umat manusia. Mereka meletak sistem hidup ilahi di satu daun neraca dan meletakkan penciptaan dan kemajuan manusia di alam kebendaan di daun neraca yang satu lagi, kemudian mereka berkata kepada manusia: Pilihlah di antara dua ini iaitu hidup dengan sistem ilahi dan meninggalkan segala ciptaan dan kemajuan yang telah dicapai manusia di alam kebendaan atau meni'mati hasil-hasil ilmu pengetahuan manusia dan meninggalkan sistem hidup ilahi ini adalah satu

penipuan dan pengeliruan yang keji, kerana kedudukan persoalan ini sama sekali bukannya begitu, kerana sistem hidup Ilahi sama sekali tidak memusuhi penciptaan dan kemajuan yang dicapai manusia, malah sistem hidup Ilahilah yang menggerakkan daya penciptaan dan kemajuan itu dan membimbingnya ke jalan yang betul supaya manusia dapat melaksanakan tugas khalifah di bumi ini iaitu tugas yang telah dikurniakan Allah kepada mereka di samping membekalkan mereka dengan bakat-bakat kebolehan dan tenaga-tenaga yang cukup untuk melaksanakan tugas yang dibebankan ke atas mereka. Begitu juga Allah telah menundukkan kepada mereka segala undang-undang alam yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas itu, di samping menyelaraskan di antara kejadian mereka dengan kejadian alam buana ini supaya mereka dapat hidup, bekerja dan mencipta kemajuan dan kejayaan dengan syarat penciptaan itu sendiri menjadi ibadat kepada Allah dan menjadi salah satu sarana pernyataan kesyukuran kepada Allah terhadap ni'mat-ni'matnya yang besar dan pernyataan mematuhi syarat Allah dalam menjalani tanggungan khalifah itu, iaitu bekerja dan bergerak dalam lingkungan yang diredhai Allah. Kumpulan penyesat yang meletakkan sistem Ilahi dalam satu daun neraca dan meletak kemajuan manusia dalam satu neraca sebelah lagi itu adalah kumpulan yang mempunyai niat yang jahat. Mereka adalah orang-orang jahat yang memburu umat manusia yang letih lesu dan bingung setiap kali ia merasa penat dan kesesatan dan kebingungan dan setiap kali ia ingin mendengar suara penasihat dan setiap kali ia ingin pulang dari padang kesesatan dan mencari ketenteraman di bawah perlindungan Allah.

Di sana ada lagi satu kumpulan yang lain. Mereka bukan tidak mempunyai niat yang baik, tetapi mereka tidak mempunyai kesedaran yang menyeluruh dan kefahaman yang mendalam. Mereka terlalu kagum dengan kuasa-kuasa alam dan undang-undang alam, mereka terlalu tertarik kepada pencapaian-pencapaian manusia di alam kebendaan. Perasaan ini telah mendorong mereka memisahkan di antara kuasa-kuasa alam dengan nilai-nilai keimanan, tindakannya dan kesan-kesannya di alam buana dan realiti kehidupan. Mereka menentukan kepada undang-undang alam satu bidang khas dan kepada nilai keimanan satu bidang khas yang lain pula, kerana menurut hemat mereka, undang-undang alam itu berjalan mengikut jalannya yang tersendiri tanpa terpengaruh kepada nilai-nilai keimanan, dan ia tetap melahirkan natijah-natijahnya sama ada manusia beriman atau kafir, sama ada mereka mengikut sistem hidup Allah atau menentangnya, sama ada mereka menghukum dengan syari'at Allah atau dengan hawa nafsu manusia.

Fikiran ini adalah karut, kerana ia memisahkan di antara dua jenis undang-undang Allah, sedangkan pada hakikatnya, kedua-duanya tidak pernah terpisah, kerana nilai-nilai keimanan ini merupakan sebahagian dari undang-undang Allah di alam buana ini. Ia sama seperti undang-undang alam dan natijah-natijahnya mempunyai hubungan yang rapat dan saling merangkumi satu sama lain. Tiada alasan dan sebab untuk memisahkan di antara kedua undang-undang itu mengikut perasaan dan kefahaman seseorang Mu'min. Inilah kefahaman yang betul yang dibentuk oleh al-Qur'an dalam hati Mu'min yang hidup di bawah bayangan al-Qur'an. Al-Quran membentuk kefahaman ini ketika ia memperkatakan tentang kaum Ahlil-Kitab di zaman lampau yang telah

menyeleweng dari ajaran-ajaran (kitab-kitab suci mereka) dan bagaimana kesan penyelewengan ini kepada mereka:

(65)

(66)

65 - 66. "Dan sekiranya kaum Ahlil-Kitab itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan dari mereka kesalahan-kesalahan mereka dan Kami masukkan mereka ke dalam Syurga yang penuh ni'mat. Dan sekiranya mereka menegakkan hukum Taurat dan Injil dan ajaran yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka nescaya mereka akan mendapat makanan yang mewah dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka."

(Surah al-Ma'idah)

Al-Quran membentuk kefahaman itu ketika ia memperkatakan janji Nuh kepada kaumnya:

(10)

(11)

(12)

10 - 12. "Dan aku telah menyeru mereka: Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun, nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai (dalam kebun itu) untuk kamu."

(Surah Nuh)

Al-Qur'an membentuk kefahaman itu ketika ia menghubungkan kenyataan di alam jiwa dengan kenyataan di alam luar iaitu kenyataan yang merupakan tindakan Allah terhadap mereka:

11. "Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum hingga mereka sendiri mengubah keadaan yang ada pada diri mereka."

(Surah ar-Ra'd)

Beriman kepada Allah, beribadat kepada Allah dengan jujur dan ikhlas dan menegakkan syari'at Allah di bumi ini, semuanya merupakan pelaksanaan undang-undang Allah, iaitu undang-undang yang aktif dan positif yang terbit dari

sumber yang sama yang melahirkan undang-undang alam yang kita dapat melihat kesan-kesannya yang nyata dengan hati dan ujian.

Kadang-kadang kita terpengaruh kepada gejala-gejala palsu dan perpisahan undang undang alam buana itu, iaitu ketika kita melihat bahawa mematuhi undang-undang alam boleh membawa manusia kepada kejayaan juga walaupun mereka menentang nilai-nilai keimanan. Kadang-kadang natijah dari gejala perpisahan ini titik ketara di permulaan jalan, tetapi ia tetap ketara pada akhirnya. Inilah yang telah berlaku kepada masyarakat Islam sendiri, di mana garis naiknya bermula dari titik pertemuan undang-undang alam dengan nilai-nilai keimanan di dalam hidupnya dan garisan menurun atau jatuhnya bermula dari titik perpisahan di antara kedua-duanya. Kemudian masyarakat Islam itu terus jatuh dan menurun apabila sudut perpisahan itu semakin terbuka luas hingga ia terhumban ke tahap yang serendah-rendahnya apabila ia sekaligus mengabaikan undang-undang alam dan nilai-nilai keimanan.

Sementara di sebelah lagi tegaknya pula tamadun kebendaan yang wujud hari ini. Tamadun ini berdiri laksana seekor burung yang berkibas dengan sebelah sayap yang amat gagah, sedangkan sayapnya yang sebelah lagi patah. Ia meningkat maju dalam kemajuan kebendaan, tetapi ia jatuh dalam konsep insaniyah dan ia mengalami kegelisahan, kebingungan, penyakit-penyakit jiwa dan saraf yang membimbangkan para cendikiawan di sana jika mereka tidak menemui sistem hidup ciptaan Allah, iaitu satu satunya sarana pengubatan dan ubat.

Syari'at Allah bagi manusia merupakan sebahagian dari undang-undang semesta Ilahi di alam ini. Pelaksanaan syari'at ini tentulah mempunyai kesan yang positif dalam menyelaraskan penjalanan manusia dengan perjalanan alam buana. Syari'at itu tiada lain melainkan hasil dari keimanan. Ia tidak tegak sendiri sahaja tanpa akar tunjangnya yang besar. Ia digubal untuk dilaksanakan dalam masyarakat Islam di samping untuk membantu membina masyarakat Islam. Ia bersepadu dengan kefahaman dan tanggapan Islam terhadap alam al-wujud yang besar dan terhadap kewujudan insan, juga bersepadu dengan ketaqwaan yang dilahirkan oleh kefahaman dan tanggapan ini, iaitu ketaqwaan di dalam hati nurani, kebersihan perasaan, kebesaran minat dan cita-cita, ketinggian budi pekerti dan kejujuran perilaku. Demikianlah persepaduan dan keselarasan yang wujud di antara seluruh undang-undang Allah sama ada undang-undang yang kita namakannya sebagai undang-undang alam dan apa yang kita gelarkannya sebagai nilai-nilai keimanan. Semuanya merupakan bahagian-bahagian dari undang-undang Allah yang merangkumi alam al-wujud.

Manusia juga merupakan salah satu kekuatan dari kekuatan-kekuatan alam al-wujud, tindakannya, kemahuannya, keimanannya, kesolehannya, ibadatnya dan kegiatannya, juga merupakan kekuatan-kekuatan yang mempunyai kesan-kesan positif di alam al-wujud dan berhubung rapat dengan undang-undang Allah yang merangkumi alam al-wujud. Semua kekuatan itu bertindak selaras dan seia sekata. Ia dapat mengeluarkan hasil-hasil yang sempuma apabila ia bertindak sepadu dan selaras, dan akan mengeluarkan kesan-kesan yang merosakkan

kehidupan, menyebarkan kecelakaan dan kesengsaraan di kalangan manusia apabila kekuatan-kekuatan itu bercanggah dan bertentangan satu sama lain:

53. "Hal sedemikian kerana Allah tidak sekali-kali mengubahkan sesuatu ni'mat yang telah dikurniakannya kepada sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri mengubahkan apa yang ada pada diri mereka."

(Surah al-Anfal)

Perhubungan dan pertalian itu tersimpul rapat di antara tindakan manusia dengan perasaannya, dan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam lingkungan undang-undang Allah yang merangkumi semua. Tiada siapa yang sanggup menyaran supaya diputuskan perhubungan dan dirosakkan keselarasan dan kesepaduan ini, dan tiada siapa yang sanggup menghalangkan di antara manusia dengan undang-undang Allah yang berkuatkuasa itu melainkan hanya musuh umat manusia yang mengusir mereka dari jalan hidayat. Oleh itu manusia harus berjuang memburu musuh mereka dan menjauhkannya dari jalan menuju kepada Allah Tuhan mereka Yang Maha Mulia.

Inilah beberapa fikiran dan kesan-kesan yang diperolehi semasa hidup di bawah bayangan al-Qur'an. Semoga Allah jadikannya petunjuk yang berguna.

29. "Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah."

(Surah at-Takwir)

Sayyid Qutb

Surah Al-Fatihah

Surah Pembukaan

Surah (1) - Makkiyah - 7 ayat

(1)

1. Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(2)

2. Segala puji-pujian terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta 'alam.

(3)

3. Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(4)

4. Tuhan yang menguasai hari pembalasan.

(5)

5. Hanya Engkau sahaja (Tuhan) yang kami sembah dan hanya kepada Mu sahaja kami pohon pertolongan.

(6)

6. Tunjukkan kami jalan yang lurus.

(7)

7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat ke atas mereka bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

Setiap orang Islam membaca surah yang pendek dan mengandungi tujuh ayat ini sekurang-kurangnya tujuh belas kali sehari semalam dan lebih sekali ganda lagi apabila ia menunaikan solat sunat dan sebanyak-banyaknya tanpa had apabila dia ingin mengadap Allah dengan solat-solat tambahan selain dari solat-solat fardhu dan solat-solat sunat.

Setiap solat tidak sah tanpa membaca surah ini. Ini berdasarkan keterangan hadith al-Bukhari dan Muslim dari Rasulullah S.A.W dari hadith 'Ubadat bin as-Samit: Sabda Rasulullah SAW:

"Tiada solat kepada mereka yang tidak membaca Surah al-Fatihah."

Di dalam surah ini terkandung dasar-dasar 'aqidah dan dasar-dasar kefahaman Islam, juga dasar-dasar perasaan (terhadap Allah) dan tawajjuh (berdoa) yang membayangkan sebahagian hikmat mengapa Surah al-Fatihah dipilih untuk diulang-ulangkan bacaannya dalam setiap raka'at solat dan hikmat batalnya setiap solat yang tidak dibacakan Surah al-Fatihah.

(Pentafsiran ayat 1)

Surah ini dimulakan dengan:

(1)

1. Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

Walaupun ada khilaf mengenai 'Bismillahirrahmanirrahim' apakah ia merupakan satu ayat dalam setiap surah atau ia merupakan satu ayat al-Qur'an yang dimulakan dengannya ketika membaca setiap surah, namun menurut pendapat yang arjah (terkuat) ia adalah satu ayat di dalam Surah al-Fatihah dan dengannya ia dikirakan tujuh ayat.

Dan di sana ada suatu pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan firman Allah 'Azzawajalla:

(87)

87. "Sesungguhnya Kami telah kurniakan kepadamu tujuh ayat dari ayat-ayat yang diulang-ulangkan bacaannya dan al-Qur'anul 'Azim"

(Al-Hijr)

ialah Surah al-Fatihah yang disifatkan sebagai surah yang mempunyai tujuh ayat dan sebagai "al-Mathani" kerana ia diulang-ulangkan bacaannya di dalam solat.

Memulakan sesuatu dengan "nama Allah" itu merupakan satu adab cara yang diwahyukan oleh Allah kepada RasulNya dalam ayat pertama yang diturunkan kepada beliau dengan ittifaq para ulama' iaitu:

(1)

1. **"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan"**

(Al-'Alaq)

Adab cara ini amat sesuai dengan dasar kefahaman Islam yang agung, yang menganggapkan Allah bersifat Maha Awal dan Maha Akhir, Maha Zahir dan Maha Batin. Allah S.W.T. adalah Zat yang maujud yang sebenar dan seluruh maujud yang lain mendapat kewujudan mereka dari kewujudan Allah dan segala permulaan yang lain adalah berpangkal dari kewujudan Allah, kerana itu amatlah wajar segala permulaan, segala harakat atau tindakan dan segala tujuan itu dimulakan dengan nama-Nya.

Allah SWT sifatkan diri-Nya di permulaan dengan sifat-sifat ar-Rahman "Maha Penyayang" dan ar-Rahim "Maha Pengasih" iaitu dua sifat yang mencakup segala pengertian, kasih sayang dan kasihan belas dan segala keadaannya. Hanya pada Allah SWT sahaja terkumpul dua sifat ini. Begitu juga hanya Allah sahaja yang wajar disifatkan dengan ar-Rahman "Maha Penyayang". Mana-mana hamba Allah boleh disifatkan dengan sifat ar-Rahim, tetapi tidak boleh disifatkan dengan sifat ar-Rahman dari segi kepercayaan dan lebih tidak wajar lagi dikembarkan kedua-dua sifat itu padanya.

Walaupun terdapat perselisihan pendapat tentang pengertian dua sifat ini, iaitu manakah di antara kedua-duanya yang mempunyai pengertian kasih sayang dan kasihan belas yang lebih luas, namun perselisihan itu bukanlah dari perbahasan yang kita hendak bicarakan dengan terperinci dalam Tafsir Fi Zilal ini, malah kita hanya membuat kesimpulan sahaja dari perbahasan itu bahawa kedua-dua sifat ar-Rahman dan ar-Rahim adalah meliputi segala pengertian kasih sayang dan kasihan belas juga meliputi segala keadaan dan bidangnya.

Jika memulakan sesuatu dengan nama Allah yang mengandungi maksud mentauhidkan Allah dan beradab sopan dengan-Nya itu merupakan dasar pokok dalam kefahaman Islam, maka pencakupan segala pengertian kasih sayang dan kasihan belas dengan segala keadaan dan bidangnya dalam dua sifat ar-Rahman dan ar-Rahim itu merupakan dasar yang kedua di dalam kefahaman ini dan ia juga menggariskan hakikat hubungan yang wujud di antara Allah dengan para hamba-Nya.

Setelah dimulakan dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, maka diiringi pula dengan menghadap Allah serta mempersembahkan kepada-Nya segala sanjungan dan pujian dan menyifatkan-Nya sebagai Tuhan yang memegang teraju Rububiyah yang mutlak terhadap semesta 'alam.

(Pentafsiran ayat 2)

(2)

2. Segala puji-pujian terpulang kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta alam.”

Alhamdulillah adalah perasaan kesyukuran yang melimpah pada hati mu'min sebaik sahaja ia teringat kepada Allah, kerana kewujudan dirinya dari mula lagi adalah dari limpah ni'mat kurniaan Ilahi yang membangkitkan kesyukuran, pujian dan sanjungan, malah di setiap kelip mata dan detik waktu, dan di setiap langkah Allah melimpahkan ni'mat dan rahmat-Nya ke atas seluruh makhluk-Nya terutama manusia, kerana itu mengucap Alhamdulillah di awal dan di akhir merupakan salah satu dari dasar-dasar kefahaman Islam secara langsung. (Firman Allah):

(70)

70. "Dan Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, terpulang kepada-Nya seluruh kepujian di awal dan di akhir."

(Surah Al-Qasas)

Namun demikian, kemurahan dan limpah kurnia Allah ke atas hamba-hamba-Nya yang mu'min itu adalah sampai ke tahap setinggi-tingginya apabila hamba itu berkata: "Alhamdulillah", maka Allah akan tuliskan untuknya satu balasan kebaikan yang mengatasi segala timbangan neraca yang lain.

Tersebut dalam Sunan Ibn Majah dari Ibn Umar R.A. bahawa Rasulullah S.A.W. telah menceritakan kepada mereka; iaitu ada seorang hamba Allah mengucap kepujian dengan kata:

(Ya rabbi lakalhamdu kama yam baghi li jala li wajhika wa 'azi mi sulto nik) "Wahai Tuhanku! Segala kepujian itu terpulang kepada-Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu."

Ucapan ini telah menyulitkan dua Malaikat pencatat amalan, kedua-duanya tidak tahu bagaimana hendak menulis pahalanya lalu kedua-dua Malaikat itu menghadap Allah dan berkata kepada-Nya: "Ada seorang hamba mengucapkan pujian yang kami tidak mengetahui bagaimana hendak menulis balasannya?" Firman Allah: (Sedangkan Dia lebih mengetahui apa yang telah diucapkan hamba-Nya itu) "Apakah pujian yang telah diucapkan oleh hamba Ku itu?" Jawab kedua-dua Malaikat itu dia berkata: "Wahai Tuhanku segala kepujian itu terpulang kepada Mu, iaitu kepujian yang layak dengan keagungan zat-Mu dan kebesaran kuasa-Mu." Firman Allah kepada kedua-duanya: "Tulislah ucapan itu sebagaimana yang diucapkan oleh hamba Ku sehingga ia menemui Aku dan Akulah sendiri akan membalaskannya."

Menghadap Allah dengan mengemukakan sanjungan dan kepujian menggambarkan perasaan mu'min yang terharu sebaik sahaja ia teringat kepada Allah sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini.

Adapun bahagian akhir ayat: 2. "... Tuhan yang memelihara semesta 'alam," adalah menjadi dasar kefahaman atau kepercayaan Islam kerana sifat Rububiyah yang mutlak dan menyeluruh itu merupakan salah satu daripada dasar-dasar 'aqidah Islam.

Kata-kata "Rabb" bererti pemelihara, penguasa, pentadbir dan pengurus yang memelihara urusan islah dan kerja-kerja tarbiyah dan pengasuhan terhadap seluruh makhluk-Nya. Allah tidak menciptakan 'alam kemudian membiarkannya begitu sahaja, malah Dia memperelok, menjaga, memelihara dan mengasuhnya, kerana itu hubungan di antara Allah dengan makhluk sentiasa berterusan pada setiap waktu dan keadaan.

Konsep Rububiyah Allah yang mutlak terhadap seluruh makhluk-Nya merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara 'aqidah tauhid yang jelas dan sempurna dengan 'aqidah yang kabur yang terjadi akibat dari ketidakjelasan dan ketidaktegasan hakikat tauhid ini. Ramai manusia yang mengakui Allah sebagai Tuhan Pencipta 'alam, tetapi di samping itu mereka mempercayai berbagai-bagai tuhan yang lain yang menguasai kehidupan mereka.

Kepercayaan yang seperti ini nampak jelas anih dan lucu, tetapi itulah yang telah berlaku dan sedang berlaku. Al-Qur'an telah menceritakan tentang perkataan sekumpulan kaum Musyrikin yang menyembah bermacam-macam tuhan itu.

3. "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebik dekat kepada Allah."

(Az-Zumar)

Al-Qur'an juga telah menceritakan tentang sekumpulan Ahlil Kitab.

31. "Mereka mengambil ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah."

(At-Taubah)

'Aqidah-'aqidah Jahiliyah yang tegak di merata negeri semasa kedatangan Islam adalah penuh dengan kepercayaan kepada berbagai-bagai tuhan yang disifatkan sebagai tuhan-tuhan kecil di samping tuhan yang agung mengikut sangkaan mereka.

Konsep Rububiyah yang mutlak yang meliputi seluruh 'alam yang terkandung di dalam surah ini merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara 'aqidah yang tersusun rapi dengan 'aqidah yang kacau-bilau. Konsep ini bertujuan supaya seluruh 'alam bertawajjuh kepada Allah yang Tunggal yang Berkuasa Penuh dan menolak semua tuhan yang lain, juga menghapuskan kebingungan bertawajjuh kepada bermacam-macam tuhan itu dan seterusnya supaya hati seluruh 'alam tenang dan tenteram kepada naungan dan Rububiyah Allah yang kekal dan pemeliharaan-Nya yang tidak pernah putus dan tak kunjung hilang, bukannya seperti pendapat Aristotle -- yang dianggap sebagai setinggi-tinggi kefahaman falsafah -- yang mengatakan bahawa Allah telah menciptakan 'alam kemudian Ia tidak memperdulikannya dengan alasan kerana martabat Allah itu begitu tinggi dan tidak wajar untuk memikirkan sesuatu yang rendah dari-Nya

dan kerana Allah hanya memikirkan tentang Zat-Nya sahaja. Aristotle yang mengeluarkan pendapat ini merupakan ahli falsafah yang paling besar dan akalnya merupakan akal manusia yang paling tinggi.

Islam datang ketika dunia dipenuhi dengan timbunan 'aqidah, pemikiran, dongeng, pendapat falsafah, kepercayaan yang karut-marut, yang bercampur aduk di antara yang benar dengan yang batil, yang betul dengan yang palsu, agama dengan khurafat, falsafah dengan dongeng, dan hati nurani manusia pada waktu itu meraba-raba dalam gelap gelita dan dalam sangka-sangkaan tanpa berpijak pada suatu keyakinan. Padang gurun yang tidak mempunyai sebarang kemantapan, sebarang keyakinan dan sebarang nur itulah yang (menjadi latar belakang) yang melingkungi kefahaman dan pemikiran manusia terhadap Allah, sifat-sifat-Nya, hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya terutama hubungan antara Allah dengan manusia.

Oleh sebab itu hati nurani manusia tidak berupaya memperoleh satu pegangan yang kukuh mengenai persoalan 'alam ini, persoalan diri mereka sendiri dan persoalan sistem hidup mereka sebelum mereka memperoleh pegangan yang kukuh mengenai persoalan 'aqidah mereka, persoalan kefahaman terhadap Tuhan mereka dan sifat-sifat-Nya dan sebelum mereka mendapat satu keyakinan yang jelas dan lurus di tengah gumpalan awan mendung, di tengah-tengah padang gurun dan di tengah-tengah timbunan sampah-sarap kepercayaan yang karut itu. Seorang manusia itu tidak dapat memahami betapa perlunya kemantapan ini sehingga ia mengetahui betapa besarnya timbunan sampah kepercayaan yang karut itu dan sehingga ia memeriksa padang gurun yang penuh dengan berbagai-bagai 'aqidah, berbagai-bagai kefahaman, berbagai-bagai dongeng, berbagai-bagai pendapat falsafah, berbagai-bagai tanggapan yang karut dan berbagai-bagai fikiran yang kacau yang mencemari dan mempengaruhi hati nurani manusia. Inilah keadaan yang didapati oleh Islam ketika ia datang.

Apa yang kami sebut secara sepintas lalu mengenai kepercayaan-kepercayaan ini hanya satu bahagian yang kecil sahaja. (Dalam pentafsiran surah-surah al-Qur'an kelak akan dibentangkan berbagai-bagai bentuk kepercayaan itu yang diolahkan oleh al-Qur'an dengan pengolahan yang lengkap dan sempurna). Oleh sebab itulah perhatian pertama Islam adalah lebih dahulu ditujukan kepada usaha membersihkan bidang 'aqidah ketuhanan, menetapkan kefahaman yang meyakinkan hati nurani mengenai persoalan Allah dan sifat-sifat-Nya dengan para makhluk-Nya dan hubungan para makhluk dengan-Nya secara tegas dan yakin. Oleh sebab itulah kepercayaan Tauhid yang sempurna, tulen, bersih dan menyeluruh, tidak bercampur dengan sesuatu yang asing sama ada dari dekat atau dari jauh merupakan tapak tegak kefahaman dan kepercayaan yang dibawa oleh Islam, dan Islam terus berusaha membersihkan kepercayaan ini dalam hati nurani manusia dan memeriksa setiap fikiran yang kotor di sekitar hakikat Tauhid itu supaya ia bersih dari segala kekeliruan dan kesamaran dan supaya tetap teguh tanpa dimasuki tanggapan yang karut baik dari apa-apa bentuk sekalipun.

Demikianlah Islam memberi kata pemutus yang begitu jelas dan terang mengenai sifat-sifat Allah terutama sifat-sifat yang ada hubungan dengan sifat Rububiyah yang mutlak.

Kebanyakan timbunan sampah-sarap kepercayaan yang wujud di padang gurun itu ialah sampah pendapat-pendapat falsafah dan 'aqidah-'aqidah yang simpang-siur, tanggapan-tanggapan yang kacau dan dongeng-dongeng yang karut tentang persoalan sifat-sifat ketuhanan yang amat penting ini, iaitu persoalan yang mempunyai kesan yang amat besar dalam hati nurani manusia dan budipekerti mereka. Sesiapa yang mengkaji usaha-usaha yang berterusan yang telah dilakukan oleh Islam untuk menegakkan kata pemutus mengenal Zat Allah, sifat-sifat-Nya dan hubungan-Nya dengan para makhluk-Nya, iaitu usaha-usaha dalam bentuk penerangan nas-nas al-Qur'an yang begitu banyak tanpa mengkaji timbunan sampah-sarap (kepercayaan karut) yang berat yang wujud di padang gurun yang amat luas, di mana sesatnya umat manusia itu mungkin tidak dapat memahami sejauh mana ia memerlukan kepada penerangan al-Qur'an yang berulang-ulang itu dan kepada pemeriksaan yang begitu teliti di segala lorong dan pintu hati nurani itu. Tetapi dengan mengkaji timbunan sampah sarap itu dapatlah diketahui betapa perlunya usaha-usaha yang berterusan itu dan betapa besarnya peranan yang dilakukan oleh 'aqidah Islam untuk membebaskan hati nurani manusia dari kepenatan meraba-raba dan terumbang-ambing di antara berbagai-bagai tuhan palsu, kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut-marut.

Keindahan, kesempurnaan dan keseimbangan 'aqidah Islam dan kemudahan hakikat Tauhid yang agung yang didokong oleh Islam itu tidak terserlah kepada hati dan akal manusia seterang yang terserlah kepadanya setelah ia lebih dahulu mengkaji dan menyelidiki timbunan sampah-sarap Jahiliyah dari berbagai-bagai 'aqidah, kepercayaan, dongeng dan falsafah terutama yang memperkatakan tentang hakikat ketuhanan dan hubungannya dengan 'alam. Ketika inilah 'aqidah Islam benar-benar merupakan rahmat yang haqiqi kepada hati dan akal, iaitu satu rahmat yang mengandungi keindahan dan kemudahan, kejelasan dan keseimbangan, kehampiran, kemesraan, dan keserasian secara langsung yang mendalam dengan fitrah manusia.

(Pentafsiran ayat 3)

(3)

3. Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

Kedua-dua sifat yang meliputi segala pengertian kasihan belas dan kasih sayang dalam segala keadaan dan bidangnya ini diulangi sekali lagi di tengah-tengah ayat untuk menonjolkan lagi ciri yang jelas dari konsep Rububiyah Allah yang sempurna dan untuk menegakkan asas-asas hubungan yang kekal di antara Allah dengan makhluk-makhluk-Nya iaitu hubungan kasih sayang dan belas kasihan yang merangsangkan kesyukuran dan sanjungan, hubungan yang

ditegakkan di atas rasa ketenteraman dan kemesraan. Oleh sebab itulah kesyukuran dan sanjungan itu merupakan sambutan semulajadi terhadap rahmat kasih sayang dan belas kasihan yang lemah-lembut itu. Tuhan yang disembah dalam Islam tidak memburu para hamba-Nya seperti musuh memburu musuh sebagaimana yang dilakukan oleh tuhan-tuhan atau dewa-dewa Olympus (tempat kediaman tuhan-tuhan) pada saat-saat mereka dilanda keinginan dan kemarahan seperti yang digambarkan oleh dongeng-dongeng Greek.

Tuhan dalam Islam tidak merancangkan tipu daya membalas dendam terhadap para hamba-Nya seperti yang didakwa oleh dongeng-dongeng yang dipalsukan dalam Perjanjian Lama (Taurat) sebagaimana diceritakan di dalam dongeng Babel bab dua belas Sifrut Takwin (Bahagian Penciptaan).

(Pentafsiran ayat 4)

(4)

4. Tuhan yang menguasai hari pembalasan.

Ini merupakan 'aqidah pokok yang amat besar dan mempunyai kesan yang amat mendalam dalam seluruh hidup manusia, iaitu 'aqidah pokok mempercayai hari Akhirat. Kata-kata "yang menguasai atau penguasa" membayangkan darjah kuasa yang paling tinggi. "Hari Pembalasan" ialah hari penentuan balasan di Akhirat. Ramai orang yang percaya kepada Uluhiyah Allah dan percaya bahawa Allahlah yang menciptakan 'alam buana ini bagi pertama kali, namun demikian mereka tidak percaya kepada Hari Balasan. Keperihalan setengah-setengah mereka telah diceritakan oleh al-Qur'an.

38. "Dan jika Engkau bertanya mereka: "Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: "Allah".

(Az-Zumar)

Kemudian dalam surah yang lain al-Qur'an menceritakan hal mereka:

(2)

(3)

2-3. "Bahkan mereka hairan kerana mereka telah didatangi seorang Rasul yang memberi peringatan dari kalangan mereka sendiri, lalu berkatalah orang-orang kafir: "Ini adalah suatu perkara yang amat aneh. "Apakah setelah kami mati dan menjadi tanah (kami akan dihidupkan kembali)? Itu adalah suatu perkembalian yang amat jauh."

(Surah Qaf)

Kepercayaan terhadap Hari Balasan merupakan satu lagi 'aqidah pokok di dalam Islam. Nilai kepercayaan ini ialah ia meletakkan pandangan dan hati

manusia pada sebuah 'alam yang lain setelah tamatnya 'alam bumi supaya mereka tidak begitu terkongkong kepada keperluan-keperluan bumi sahaja dan ketika itu mereka tidak lagi terpengaruh kepada keperluan-keperluan bumi, juga supaya mereka tidak begitu gelisah untuk mendapatkan balasan dan ganjaran dari hasil usaha mereka dalam usia mereka yang pendek dan di 'alam bumi yang terbatas ini dan ketika itu barulah mereka dapat berbuat amalan-amalan semata-mata kerana Allah dan sanggup menunggu ganjarannya mengikut bagaimana yang ditentukan Allah sama ada di 'alam bumi ini atau 'alam Akhirat. Mereka sanggup menunggu dengan tenang dan yakin terhadap balasan yang baik itu serta berpegang teguh dengan kebenaran, mereka sanggup menunggu dengan selesa, lapang dada dan penuh kepercayaan, kerana itu kepercayaan kepada Hari Balasan merupakan persimpangan jalan yang memisahkan di antara perhambaan kepada keinginan-keinginan hawa nafsu dengan kebebasan insaniyah yang layak dengan kejadian makhluk manusia, persimpangan jalan yang memisahkan di antara tunduk kepada kefahaman-kefahaman bumi, nilai-nilainya dan ukuran-ukurannya dengan tunduk dan berpegang kepada nilai-nilai Rabbaniyah dan tidak tunduk kepada logik Jahiliyah.

Seterusnya ia merupakan persimpangan jalan di antara insaniyah dalam bentuk hakikatnya yang unggul sebagaimana yang dikehendaki Allah kepada para hamba-Nya dengan insaniyah dalam bentuk-bentuknya yang buruk, menyeleweng dan tidak sempurna. Kehidupan manusia tidak akan bergerak lurus di atas jalan Allah yang luhur selagi kepercayaan pokok kepada Hari Balasan ini tidak wujud dalam pemikiran mereka, selagi hati mereka tidak yakin bahawa ganjaran dan balasan di 'alam bumi ini bukanlah ganjaran mereka yang terakhir dan selagi mereka yang mempunyai usia yang terbatas itu tidak percaya bahawa di sana ada sebuah 'alam hidup Akhirat yang patut mereka berjuang dan berusaha untuknya dan patut berkorban untuk membantu kebenaran dan mendokong kebaikan dengan kepercayaan akan mendapat balasan dan ganjaran Akhirat itu.

Orang-orang yang beriman kepada 'alam Akhirat dan orang-orang yang engkar akan hari Akhirat tidak mempunyai titik-titik persamaan dari segi perasaan, akhlak, kelakuan dan amalannya. Mereka merupakan dua golongan manusia yang berbeza. Mereka tidak bertemu di bumi dan tidak bertemu di Akhirat. Inilah persimpangan jalan.

(Pentafsiran ayat 5)

(5)

5. Hanya Engkau sahaja (Tuhan) yang kami sembah dan hanya kepada Mu sahaja kami pohon pertolongan.

Ini satu lagi 'aqidah pokok yang lahir dari 'aqidah-'aqidah pokok yang lepas yang telah diterangkan dalam surah ini, iaitu 'aqidah tiada 'ibadat melainkan untuk Allah dan tiada permohonan pertolongan melainkan kepada Allah. Di sini juga satu lagi persimpangan jalan, iaitu persimpangan jalan yang memisahkan di

antara kebebasan mutlak dari seluruh bentuk perhambaan dengan perhambaan mutlak kepada sesama manusia.

'Aqidah ini merupakan sebuah perisytiharan hari keputeraan kebebasan manusia yang mutlak dari perhambaan kepada kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang diciptakan manusia. Andainya Allah itu sahaja Tuhan yang disembah dan dipohon pertolongan maka selama itulah hati manusia bebas dari perhambaan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang ciptaan manusia dan dari perhambaan kepada tokoh-tokoh sebagaimana ia bebas dari perhambaan kepada dongeng-dongeng dan kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut.

Di sini diterangkan sikap orang Muslim terhadap kuasa-kuasa manusia dan kuasa-kuasa 'alam (tabi'i). Bagi seseorang Muslim kuasa-kuasa manusia itu terbahagi kepada dua jenis:

Satu kuasa yang mendapat hidayah, yang beriman kepada Allah dan yang menurut jalan Allah, kuasa inilah yang harus disokong olehnya dan diberi kerjasama untuk menegakkan kebajikan, kebenaran dan kebaikan.

Satu lagi kuasa ialah kuasa yang sesat yang tidak mempunyai hubungan dengan Allah dan tidak mengikut jalan-Nya. Kuasa inilah yang harus diperangi, ditentang dan dicemburui olehnya. Seorang Muslim tidak harus gentar kepada kuasa-kuasa yang sesat itu sama ada besar atau zalim, kerana kuasa yang sesat dan terputus dari kekuatan Allah tiada lagi mempunyai kekuatan yang haqiqi, ia telah kehilangan makanan tetapnya yang dapat memelihara tenaga kekuatannya. Ia adalah sama seperti nasib serpihan-serpihan dari sebuah bintang yang bernyala, iaitu ia hanya sebentar sahaja bernyala, kemudian ia beransur-ansur malap, mendingin dan terus padam biarpun bagaimana besar saiz serpihan-serpihan itu, tetapi sebiji atom yang kecil yang berhubung dengan sumbernya yang memancarkan sinar itu tetap kekal kekuatannya, kepanasannya dan cahayanya.

249. "Berapa banyak kumpulan yang sedikit telah mengalahkan kumpulan yang ramai dengan izin Allah?"

(Al-Baqarah)

Yakni mereka dapat mengalahkan kumpulan yang ramai itu dengan sebab mereka mempunyai hubungan dengan Allah selaku sumber kekuatan yang pertama dan kerana mereka mengambil kekuatan mereka dari Allah satu-satunya sumber seluruh kekuatan dan kemuliaan. Sikap seseorang Muslim terhadap kuasa-kuasa 'alam pula ialah sikap beramah-tamah dan bersahabat bukan sikap takut-takut dan bermusuh, kerana kekuatan manusia dan kekuatan 'alam adalah terbit dari kehendak iradat Allah belaka dan kedua-duanya dikendalikan oleh kehendak iradat Allah, kedua-duanya berlangsung seimbang dan saling membantu dalam pergerakan dan tujuan. 'Aqidah seseorang Muslim menyarankan bahawa Allah telah menciptakan kuasa-kuasa 'alam itu untuk menjadi sahabat dan teman pembantu yang boleh bekerjasama dan untuk menjalinkan persahabatan itu ia harus mengkaji, mengenalpasti dan bekerjasama

dengannya serta bersama-sama bertawajjuh kepada Allah selaku Tuhannya dan Tuhan kuasa-kuasa itu. Dan andainya kuasa-kuasa itu kadang-kadang mendatangkan kemerbahayaan kepada manusia, maka itu hanya merupakan akibat dari sikap manusia yang tidak mengkajinya dengan teliti dan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang undang-undang perjalanannya.

Biasanya orang-orang Barat yang mewarisi kepercayaan Jahiliyah Roman menggunakan ungkapan "menakluk 'alam" untuk menyatakan sesuatu kejayaan mempergunakan kuasa-kuasa 'alam. Ungkapan ini jelas menggambarkan satu pandangan Jahiliyah yang putus hubungan dengan Allah dan dengan roh 'alam buana yang patuh kepada Allah, sedangkan seseorang Muslim yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah Tuhannya yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, juga mempunyai hubungan yang mesra dengan roh 'alam buana yang bertasbih kepada Allah Tuhan yang memelihara semesta 'alam adalah tetap beranggapan bahawa di sana ada lagi hubungan yang lain dari hubungan menakluk yang kasar itu. Ia beranggapan bahawa Allah itulah Pencipta seluruh kuasa-kuasa 'alam itu, Allah menciptakan kuasa-kuasa itu mengikut satu peraturan yang sama supaya manusia dapat bekerjasama dengan-Nya untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan kepadanya mengikut peraturan itu.

Sejak dari awal kuasa-kuasa itu telah diciptakan Allah supaya dapat digunakan oleh manusia, kerana itu Allah memberi kemudahan-kemudahan kepada mereka untuk menemui rahsia-rahsia kuasa itu dan mengenalpastikan peraturan-peraturannya. Oleh sebab itu manusia harus bersyukur kepada Allah apabila ia berjaya mendapat pertolongan dari mana-mana kuasa itu kerana Allahlah yang menundukkan kuasa-kuasa itu untuk digunakan mereka dan bukan mereka yang dapat menaklukinya.

Firman Allah 'Azzawajalla:

13. "Dialah yang menciptakan untuk kamu segala apa yang ada di bumi."

(Surah al-Jathiah)

Dengan sikap sedemikian hati seorang Muslim tidak akan dipenuhi dengan anggapan-anggapan yang salah terhadap kuasa-kuasa 'alam dan tidak akan timbul perasaan-perasaan cemas dan takut terhadap kuasa-kuasa itu. Ia hanya beriman, menyembah dan memohon pertolongan kepada Allah yang Tunggal sahaja, kerana kuasa-kuasa 'alam itu adalah dari ciptaan Allah belaka. Ia mengkaji dan mempelajari rahsia-rahsia kuasa 'alam dan dari kajiannya itulah ia mendapat pertolongan dari kuasa-kuasa itu dan mengetahui rahsia-rahsianya dan membolehkannya hidup bersama-sama kuasa-kuasa itu di sebuah 'alam yang mesra dan dalam hubungan persahabatan yang baik.

Alangkah indahnya sabda Rasulullah SAW ketika beliau merenung Bukit Uhud: "*Bukit ini sayang kepada kita dan kita juga sayang kepadanya.*" Dalam kata-kata ini terbayang segala perasaan kasih mesra yang tersemat di dalam hati Muslim

yang utama Muhammad S.A.W. yang terjalin di antaranya dengan kejadian-kejadian 'alam di ruangnya yang besar dan kasar.

Setelah menjelaskan dasar-dasar 'aqidah yang asasi dalam kefahaman Islam dan menjelaskan konsep tawajjuh kepada Allah yang Tunggal, iaitu konsep yang menentukan segala 'ibadat dan memohon pertolongan kepada Allah yang Tunggal sahaja, maka ayat yang berikut menjelaskan pula cara 'amali untuk bertawajjuh dengan berdoa kepada Allah dalam bentuknya yang umum sesuai dengan suasana dan sifat surah ini.

(6)

6. Tunjukkan kami jalan yang lurus.

Maksudnya kurniakan Taufik kepada kami untuk mengenalpasti jalan yang lurus dan selepas mengenalinya kurniakanlah pula Taufik kepada kami untuk mengikut jalan yang lurus itu dengan penuh kejujuran. Mengenal dan berjalan di atas jalan yang lurus itu merupakan hasil dari hidayah, pemeliharaan dan rahmat Allah. Bertawajjuh kepada Allah dengan berdoa merupakan hasil dari kepercayaan bahawa Allah itulah satu-satunya Tuhan yang berkuasa memberi pertolongan. Hidayah inilah merupakan perkara yang paling penting bagi seseorang mu'min. Ia merupakan perkara utama yang harus dipinta pertolongan Allah untuk mencapaikannya. Mendapat Hidayah ke jalan lurus itulah jaminan kebahagiaan hidup di dunia dan Akhirat. Hidayah ke jalan yang lurus pada hakikatnya ialah Hidayah untuk memimpin fitrah manusia kepada undang-undang Allah yang mengatur dan memperseimbangkan di antara harakat manusia dengan harakat 'alam al-wujud seluruhnya menuju kepada Allah Tuhan Semesta 'Alam. Ayat yang berikut menjelaskan sifat jalan yang lurus itu:

(Pentafsiran ayat 7)

(7)

7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat ke atas mereka bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

Yakni jalan orang-orang yang Allah kurniakan ni'mat-Nya kepada mereka bukan jalan orang-orang yang dimurkai-Nya, iaitu mereka yang mengenal jalan yang benar, kemudian mereka menyimpang darinya atau mereka yang sesat terus dari mula-mula lagi dari jalan yang benar. Jalan yang lurus ialah jalan orang-orang yang berbahagia, yang mendapat hidayah dan sampai kepada Allah.

Di samping itu, inilah surah yang dipilih untuk dibaca berulang-ulang kali dalam setiap solat dan mana-mana solat tidak sah tanpa membacanya. Walaupun surah ini pendek namun ia mengandungi dasar-dasar 'aqidah yang asasi dalam

kefahaman Islam dan mengandungi tawajjuh atau doa-doa kepada Allah secara sedar yang terbit dari kefahaman itu.

Tersebut dalam Sohih Muslim dari hadith al-'Ala' ibn Abdur Rahman Maula al-Harqah dari bapanya Abu Hurairah dari Rasulullah S.A.W.: Firman Allah Ta'ala:

"Aku telah membahagikan solat (al-Fatihah) kepada dua bahagian, separuhnya untuk-Ku dan separuh lagi untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku," apabila hamba-Ku berkata: (alhamdulillahirabbil'alamin) Allah menjawab: "Hamba-Ku telah memuji-Ku" apabila hamba itu berkata: (arrahmanirrahim) Allah menjawab: Hamba-Ku telah memberi sanjungan kepada-Ku:" apabila hamba itu berkata: (malikiyaumiddin) Allah menjawab: "Hamba-Ku telah mengagung-agungkan-Ku dan apabila hamba itu berkata: (iyakana'buduwaiya kanasta'in) Allah menjawab: "Ini di antara hamba-Ku dengan Aku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku," apabila hamba itu berkata: (ihdinassira tal mustaqim siratallazi naan 'am ta 'alaihim ghairil maghdu bi 'alaihim waladdha lin) Allah menjawab: "Ini untuk hamba-Ku dan untuk hamba-Ku apa sahaja yang dipohonkan kepada-Ku." Setelah maksud ayat-ayat itu dihuraikan dengan jelas ternyatalah kepada kita bahawa hadith yang sohih ini telah mendedahkan salah satu daripada rahsia-rahsia (kebesaran) surah al-Fatihah ini yang dipilih sebagai surah yang dibaca oleh setiap Muslim sebanyak tujuh belas kali sehari semalam atau sebanyak mana yang disukainya apabila ia berdoa kepada Allah di dalam solat.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Al-Baqarah (Ayat 142 – 150)

JUZU' YANG KEDUA

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(Kata pengantar)

Mulai juzu' ini dari Surah al-Baqarah kita dapati pembicaraannya ditekankan pada penyediaan kaum Muslimin untuk memikul tugas amanah agung, iaitu amanah 'aqidah Islam dan amanah khilafah di bumi atas nama 'aqidah walaupun dari satu masa ke satu masa kita masih menemui perdebatan dengan musuh-musuh kaum Muslimin yang menentang mereka terutama Bani Israel, di mana kaum Muslimin menghadapi komplot komplot, tipudaya dan penentangan mereka terhadap dasar-dasar 'aqidah dan terhadap kewujudan kaum Muslimin. Begitu juga kita dapat menemui berbagai-bagai arahan dan perintah Ilahi kepada kaum Muslimin untuk menghadapi penentangan dan peperangan yang berbagai-bagai cara dan rupa yang dilancarkan oleh musuh-musuh mereka, dan untuk menghindari jalan-jalan gelincir yang telah menjatuhkan Bani Israel sebelum ini.

Bahan pembicaraan pokok juzu' ini dan bahagian yang tinggal lagi ialah melengkapkan kaum Muslimin dengan ciri-ciri satu umat yang memegang teraju khilafah dan ciri-ciri keperibadiannya yang bebas dan berdiri sendiri, iaitu bebas dengan kiblat sendiri dan dengan undang-undang dan peraturan-peraturannya yang mengesahkan peraturan peraturan dan undang-undang agama-agama Samawi sebelumnya dan mengatasinya, dan bebas dengan sistem hidupnya yang merangkumi segala bidang hidup, terutamanya bebas dengan kefahamannya yang tersendiri terhadap alam al-wujud dan hayat, dan terhadap hubungan mereka dengan Allah dan fungsi mereka di muka bumi ini dan kehendak-kehendak fungsi ini dari kewajipan-kewajipan mengenai diri, harta benda, perasaan, perilaku dan pengorbanan, juga kesediaan untuk membeli keta'atan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Ilahiyah yang digambar di dalam pengajaran-pengajaran al-Qur'anul-Karim dan bimbingan-bimbingan Nabi s.a.w., dan menerima pengajaran-pengajaran dan bimbingan-bimbingan itu dengan patuh, redha, percaya dan yakin.

Oleh sebab itu di sini kita dapati pembicaraan mengenai perubahan kiblat, dan dari pembicaraan ini ternyata bahawa Allah mahu supaya umat Muslimin menjadi satu umat yang adil saksama, di mana para anggotanya menjadi saksi di atas umat manusia yang lain, sedangkan Rasulullah s.a.w. menjadi saksi di atas mereka, satu umat yang memegang teraju kepimpinan, kekuasaan, penyeliaan dan bimbingan di atas umat-umat manusia yang lain di muka bumi. Begitu juga kita dapati umat Muslimin diseru supaya bersabar memikul kewajipan-kewajipan dan tugas (besar) yang terletak di atas bahu mereka, iaitu tugas yang harus dipikul oleh mereka untuk (kebajikan) umat manusia seluruhnya, dan seterusnya bersabar

menanggung beban-beban pengorbanan jiwa dan harta benda, dan redha menerima takdir Allah dan memulangkan segala urusan kepada Allah dalam segala keadaan.

Kemudian kita dapati penjelasan mengenai beberapa dasar kefahaman dan pemikiran keimanan, iaitu menjelaskan bahawa keta'atan itu ialah taqwa dan 'amalan yang soleh bukannya memaling-malingkan muka ke arah Timur dan Barat. Penjelasan ini merupakan jawapan terhadap tindak-tanduk kaum Yahudi yang menimbulkan keadaan gelisah, menyembunyi dan mengelirukan hakikat-hakikat yang sebenar, mencetuskan perdebatan dan pertikaian dalam perkara-perkara yang mereka ketahui kebenarannya. Kebanyakan pembicaraan di dalam bahagian ini ialah berhubung dengan perkara perubahan kiblat dan segala suasana dan desas-desus yang timbul di sekitarnya.

Kemudian ayat-ayat yang lain mula menjelaskan peraturan-peraturan amali dan lambang-lambang ta'abbudi iaitu dua unsur yang menjadi landasan kehidupan umat Muslimin, juga mengatur masyarakat kaum Muslimin untuk membolehkan mereka menghadapi tugas-tugas penting yang terletak di atas bahu mereka. Oleh itu (di sini) kita dapati pembicaraan-pembicaraan mengenai undang-undang qisas, peraturan wasiat, fardhu puasa, hukum-hukum berperang di bulan-bulan haram dan di Masjidil-Haram, fardhu haji, hukum hukum minum arak dan berjudi dan undang-undang keluarga, semuanya diikat dengan tali 'aqidah dan tali hubungan dengan Allah. Begitu juga kita dapati di bahagian akhir juzu' ini — sehubungan dengan pembicaraan mengenai jihad dengan jiwa dan harta benda — sebuah kisah di dalam sejarah hidup Bani Israel selepas Nabi Musa a.s., di mana mereka meminta kepada nabi mereka: Lantikkan untuk kami seorang raja supaya kami dapat berperang kerana sabilillah. Di dalam kisah itu terdapat banyak pengajaran dan bimbingan-bimbingan dan saranan-saranan kepada kaum Muslimin selaku umat yang mewarisi warisan agama-agama Samawi sebelumnya dan mewarisi pengalaman-pengalaman umat-umat sebelumnya dalam warisan ini

Dari kajian juzu' ini disamping juzu' pertama surah ini kita dapat memahami tabiat perjuangan yang diharungi al-Qur'an dan tabiat matlamat yang ditujui oleh al-Qur'an dalam membangunkan umat Muslimin, iaitu satu perjuangan yang besar menentang komplot-komplot, fitnah-fitnah, permainan-permainan jahat, gerakan menimbulkan keadaan-keadaan gelisah, pengeliruan dan pendustaan, juga menentang kelemahan manusia dan pintu-pintu fitnah dan kesesatan di dalam jiwa manusia. Ia juga merupakan perjuangan untuk pembangunan umat, memberi bimbingan-bimbingan dan menegakkan kefahaman dan pemikiran yang betul agar dapat dibangunkan di atasnya umat Muslimin yang telah diserahkan teraju khilafah di bumi ini, iaitu umat yang bertugas mengendalikan kepimpinan yang betul kepada seluruh umat manusia.

Di sini ciri mu'jizat al-Quran dapat dilihat dengan jelas, iaitu, bimbingan, arahan-arahan dan dasar-dasar yang dikemukakan oleh al-Quran untuk membangunkan angkatan Muslimin yang pertama itu masih tetap menjadi bimbingan-bimbingan, arahan-arahan dan dasar-dasar yang sama yang perlu untuk membangunkan angkatan Muslimin di setiap zaman dan tempat, dan perjuangan yang telah ditempuh oleh al-Quran terhadap musuh-musuh angkatan

Muslimin itulah juga perjuangan yang mungkin dihadapi oleh al-Quran di setiap zaman dan tempat. Bukan itu sahaja, malah musuh-musuh biasa atau tradisional yang dihadapi oleh al-Qur'an ialah musuh-musuh yang sama. Komplot-komplot, tipudaya-tipudaya mereka yang licin dan jahat ialah komplot-komplot dan tipudaya-tipudaya yang sama. Cara-cara dan senjata-senjata mereka juga cara-cara dan senjata-senjata yang sama. Yang berbeza hanya bentuknya sahaja mengikut perubahan keadaan-keadaan dan suasana-suasana. Hakikat dan tabiatnya kekal sama sahaja. Umat Muslimin memerlukan di dalam perjuangan dan langkah-langkah keselamatannya kepada bimbingan-bimbingan al-Quran sama dengan keperluan yang dialami oleh angkatan Muslimin yang pertama. Begitu juga mereka memerlukan dalam usaha membina kefahaman dan pemikiran mereka yang betul, dan dalam usaha memahami kedudukan mereka terhadap alam buana dan manusia, kepada ayat-ayat al-Qur'an dan bimbingan-bimbingannya yang sama. Di dalam ayat-ayat dan bimbingan-bimbingan ini anda boleh melihat garis-garis panduanNya yang amat jelas dan terang, iaitu garis-garis panduan yang anda tidak dapat menemuinya pada mana-mana sumber ilmu dan bimbingan yang lain. Al-Quran tetap akan menjadi kitab pedoman umat Muslimin yang berfungsi di dalam kehidupan mereka, dan kitab yang menjadi pemimpin mereka yang sebenar di alam kenyataan dan undang undang perlembagaannya yang lengkap dan sempurna, dan darinya diambil sistem hidup, peraturan-peraturan masyarakat, asas-asas perhubungan antarabangsa, asas-asas perilaku, akhlak dan tindakan-tindakan amali.

Inilah ciri mu'jizat al-Quran.

(Kumpulan ayat-ayat 142 - 152)

(142)

142. Orang-orang yang bodoh dari kalangan orang ramai akan berkata: "Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslinimiln) dari kiblat yang telah dihadapi mereka (selama ini)? Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus.

(143)

143. Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi

terhadap kamu. Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran) dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah salah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang-orang yang telah dihidayatkan Allah dan Allah tidak sekali-kali mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia.

(144)

144. Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) adalah suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka.

(145)

145. Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka, malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain. Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim.

(146)

146. Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengenali Muhammad sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedang mereka mengetahui.

(147)

147. Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu.

(148)

148. Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu berlumba-lumbalah membuat kebajikan di mana sahaja kamu berada Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat) sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu.

(149)

149. Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah ke arah Masjidil Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu.

(150)

150. Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampau dari mereka, oleh itu janganlah takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku dan agar Aku menyempurnakan ni'mat kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat.

(151)

151. Sebagaimana Kami telah utuskan di kalangan kamu seorang Rasul dari golongan kamu yang membaca ayat-ayat Kami kepada kamu, membersihkan jiwa kamu dan mengajar kepadamu kitab al-Quran dan al-hikmat dan mengajar kepada kamu perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui.

(152)

152. Oleh itu ingatilah kepada-Ku nescaya Aku ingatkan kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pembicaraan di dalam pelajaran ini hampir-hampir tertumpu sepenuhnya kepada peristiwa peralihan kiblat dan suasana-suasana yang melingkunginya dan komplot-komplot yang dilakukan oleh kaum Yahudi di dalam barisan kaum Muslimin mengenai peralihan kiblat itu dan desas-desus yang digembar-gemburkan oleh mereka di sekitarnya, di samping merawati kesan-kesan desas-desus itu di dalam jiwa setengah-setengah orang Islam dan di dalam barisan kaum Muslimin umumnya.

Di sana tidak terdapat satu riwayat yang qat'i mengenai peristiwa ini sebagaimana tidak terdapat satu ayat yang menerangkan sejarah peralihan itu dengan terperinci. Ayat-ayat khusus mengenainya di sini ialah ayat-ayat yang menerangkan perubahan kiblat dari Baitul-Maqdis kepada Ka'bah. Ini berlaku di Madinah selepas enam belas atau tujuh belas bulan berhijrah ke sana.

Dari kumpulan riwayat-riwayat yang berhubung dengan peristiwa ini dapatlah diambil kesimpulan secara umum, iaitu kaum Muslimin yang berada di Makkah adalah mengadap ke arah Kaabah sejak difardhukan solat — mengenai hal ini tidak ada satu nas pun yang menerangkannya di dalam al-Quran — kemudian selepas Hijrah mereka mengadap Baitul-Maqdis dengan perintah Ilahi kepada Rasulullah s.a.w. dan perintah ini kuat dipercayai bukanlah perintah menerusi al-Quran. Kemudian datang perintah al-Quran yang akhir memansuhkan perintah tadi iaitu ayat:

144. "Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya."

Walau bagaimanapun, persoalan mengadap kiblat ke arah Baitul-Maqdis — iaitu kiblat Ahlil-Kitab dan kaum Yahudi dan Nasara — telah menjadi punca yang membuat kaum Yahudi menggunakannya sebagai alasan untuk menolak kemasukan mereka ke dalam agama Islam. Mereka telah menyebarkan di'ayah ini di Madinah bahawa amalan Muhammad dan para pengikutnya mengadap ke arah kiblat mereka di dalam solat itu menunjukkan bahawa agama mereka adalah agama yang benar dan kiblat mereka adalah kiblat yang sebenar, dan merekalah yang asal. Oleh itu lebih baik kepada Muhammad dan para pengikutnya kembali kepada agama mereka sahaja bukannya menyeru mereka masuk ke dalam agama Islam.

Dalam waktu yang sama persoalan ini menjadi satu persoalan yang sulit kepada kaum Muslimin Arab yang telah terbiasa di zaman jahiliyah memuliakan Baitullah dan menjadikannya sebagai kiblat mereka, dan persoalan ini bertambah sulit lagi setelah mereka mendengar kaum Yahudi berbangga-bangga dengan kiblat Baitul-Maqdis dan menggunakannya sebagai hujah ke atas mereka.

Rasulullah s.a.w. seringkali menengadah mukanya ke langit bertawajjuh kepada Allah tanpa sepatah kata kerana menjaga adab sopannya terhadap Allah dan menunggu arahannya yang menyukakannya.

Kemudian turunlah ayat al-Quran yang memperkenankan hasrat yang berkecamuk di dalam dada Rasulullah s.a.w.:

(144)

144. "Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya."

Menurut riwayat-riwayat, peristiwa ini berlaku di dalam bulan yang keenam belas atau yang ketujuh belas Hijrah. Setengah-setengah kaum Muslimin sedang berada di pertengahan solat apabila mereka mendengar perintah perubahan kiblat itu lalu mereka berpusing menghalakan muka mereka ke arah Masjidil-Haram di tengah-tengah solat mereka dan menyempurnakan solat itu dengan menghala ke kiblat yang baru.

Ketika inilah kaum Yahudi meniup serunai di'ayah mereka. Mereka merasa begitu terkilan kerana Nabi Muhammad s.a.w. dan kaum Muslimin telah beralih dari kiblat mereka, dan kerana mereka telah kehilangan satu hujah yang kukuh yang selama ini menjadi landasan berpijak mereka dalam menunjukkan keangkuhan dan kesombongan mereka dan dalam usaha mereka menimbulkan keraguan di kalangan kaum Muslimin terhadap nilai agama mereka. Lalu mereka menaburkan di dalam barisan kaum Muslimin dan di dalam hati mereka, benih-benih keraguan dan kegelisahan terhadap pucuk pimpinan mereka dan terhadap asas agama mereka. Mereka berkata kepada kaum Muslimin:

"Jika menghala ke kiblat Baitul-Maqdis itu tidak sah, maka solat kamu di sepanjang masa ini tentulah sia-sia sahaja. Dan jika penghalaan ke kiblat Baitul-Maqdis itu benar, maka penghalaan yang baru ke Masjidil-Haram itu adalah tidak benar dan ia akan menghilangkan pahala segala solat kamu yang mengadap ke arahnya. Walau bagaimanapun — kata mereka — pemansuhan dan perubahan perintah-perintah atau ayat-ayat itu tidak sekali-kali terbit dari Allah. Inilah bukti bahawa Muhammad tidak menerima wahyu dari Allah."

Dan jelaslah kepada kita betapa besarnya kesan kempen kaum Yahudi ini di dalam hati setengah-setengah orang Islam dan di dalam barisan kaum Muslimin. Ini dapat difaham dari kajian ayat-ayat al-Quran yang diturun mengenai maudhu' ini mulai dari firman-Nya:

(106)

Yang mana pembicaraan maudhu' ini telah memenuhi dua pelajaran di dalam juzu' yang pertama, juga dapat difaham dari kajian pelajaran ini dalam juzu' yang kedua ini di samping penegasan-penegasan, penjelasan-penjelasan dan amaran-amaran yang kita akan pelajari dengan terperinci selepas ini ketika ditafsirkan nas-nas al-Qur'an nanti.

Sekarang kami ingin kemukakan sepatah kata tentang hikmat perubahan kiblat dan tentang mengapa kaum Muslimin dikurniakan kiblat khas untuk mereka hadapi (dalam solat mereka). Peristiwa ini merupakan satu peristiwa yang amat besar di dalam sejarah pertumbuhan jama'ah Muslimin dan ia mempunyai kesan yang besar di dalam kehidupan mereka.

Perubahan kiblat yang pertama dari Ka'bah kepada Masjidil-Aqsa itu ialah kerana sesuatu hikmat pendidikan yang ditunjukkan oleh sepotong ayat di dalam pelajaran ini iaitu:

143. "Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."

Orang-orang Arab sentiasa memuliakan Baitullah di zaman jahiliyah dan mereka mengirakannya sebagai lambang kemuliaan bangsa mereka, tetapi oleh sebab Islam mahu membersihkan hati mereka supaya bulat kepada Allah semata-mata dan tidak - bersangkut dengan sesuatu yang lain darinya, dan supaya bersih dari segala rasa kemegahan perkauman dan semangat fanatik bangsa, iaitu rasa kemegahan dan kesetiaan yang lain dari kemegahan dan kesetiaan kepada agama Allah yang berhubung secara langsung dengan Allah dan bersih dari segala hubungan sejarah atau hubungan kebangsaan atau kenegerian, maka Islam secara tegas mencabut mereka dari berkiblat kepada Baitullah dan memilih kiblat ke arah Masjidil-Aqsa dalam suatu tempoh yang tertentu untuk membersihkan jiwa mereka dari keladak-keladak jahiliyah dan segala sesuatu yang ada hubungan dengan jahiliyah, dan supaya dapat dilihat dengan jelas siapakah yang mengikut Rasulullah s.a.w. dengan ikutan yang bersih dari segala tujuan yang lain, iaitu ikutan yang penuh ta'at, patuh, yakin, redha dan menyerah diri, dan siapa yang kembali semula kepada kekufuran kerana dikongkong oleh semangat kebanggaan jahiliyah yang ada kaitan dengan bangsa, kaum, negeri dan sejarah atau semangat kebanggaan jahiliyah dari apa bentuk sekalipun yang tersemat di celah-celah lipatan perasaan dan hati nurani mereka sama ada dari jauh atau dari dekat.

Sehingga apabila kaum Muslimin menunjukkan kepatuhan yang bulat dan mengadap ke arah kiblat yang diarahkan oleh Rasulullah s.a.w., dan dalam waktu yang sama kaum Yahudi menggunakan kedudukan ini sebagai hujah bagi mereka, maka keluarlah perintah Ilahi Yang Maha Mulia supaya berkiblat ke arah Masjidil-

Haram, tetapi dalam hubungan ini Allah mengikatkan hati kaum Muslimin dengan suatu hakikat yang lain, iaitu dengan hakikat Islam yang mahukan rumah Ka'bah yang dibinakan oleh Ibrahim dan Ismail itu bersih untuk Allah semata-mata dan menjadi warisan umat Muslim yang dilahirkan Allah sebagai memperkenankan do'a Ibrahim yang telah memohon kepada-Nya supaya membangkitkan di kalangan anak cucunya seorang Rasul dari golongan mereka membawa agama Islam yang dipegang oleh beliau dan anak cucunya, sebagaimana telah dibicarakan di dalam pelajaran yang telah lalu pada ayat:

124. "Dan (kenangilah) ketika Allah menguji Ibrahim melaksanakan perintah perintah-Nya lalu disempurnakannya."

Di dalam juzu' yang lepas.

Pembicaraan tentang Masjidil-Haram, iaitu tentang pembinaan dan pengimarahannya dan segala apa yang ada hubungan dengan keduanya, juga perdebatan dengan kaum Musyrikin di sekitar Nabi Ibrahim a.s., zuriatnya, agamanya, kiblatnya, perjanjiannya dan wasiatnya yang telah dibicarakan di dalam surah ini, merupakan sebaik-baik pendahuluan bagi pembicaraan mengenai peralihan kiblat kaum Muslimin dari Masjidil-Aqsa kepada Masjidil-Haram selepas tempoh ini. Oleh itu peralihan kiblat kaum Muslimin kepada Masjidil-Haram yang telah dibina oleh Ibrahim dan Ismail, di mana mereka telah berdo'a kepada Allah dengan do'a yang panjang itu, kelihatan di dalam ayat ini sebagai satu peralihan yang tabi'i dan logik kerana kaum Muslimin mewarisi agama Ibrahim yang telah berjanji dengan Allah. Ia merupakan peralihan fizikal yang sesuai dengan peralihan semangat yang diciptakan oleh sejarah (Ka'bah itu).

Allah telah memerintah Ibrahim supaya menjadikan dirinya dari golongan Muslimin' dan Ibrahim pula telah mewasiatkan agama Islam ini kepada anak cucunya yang datang kemudian sama seperti wasiat yang telah dilakukan oleh Ya'kub — Israel — Ibrahim a.s. tahu dan sedar bahawa warisan janji Allah dan limpah kurnia-Nya itu tidak berlaku kepada anak cucunya yang zalim.

Allah telah memerintah Ibrahim dan Ismail supaya membina tapak-tapak asas Baitullah. Oleh itu Baitullah merupakan warisan mereka berdua dan warisan bagi orang-orang yang mewarisi janji Allah yang telah dijanjikan Allah kepada mereka berdua. Umat Musliminlah yang menjadi pewaris janji Allah dengan Ibrahim dan Ismail, juga pewaris limpah kurnia Allah kepada keduanya. Oleh itu amatlah tabi'i dan logik bahawa Baitullah itu diwarisi oleh umat Islam di Makkah dan dijadikannya sebagai kiblat mereka.

Pengkhususan dan kelainan merupakan dua ciri yang perlu kepada kaum Muslimin, iaitu pengkhususan dan kelainan di dalam pemikiran dan kepercayaan dan pengkhususan dan kelainan di dalam kiblat dan ibadat, Kedua-duanya pastilah mempunyai ciri-ciri yang khusus dan berlainan (dari kaum-kaum yang lain). Kadang-kadang pengkhususan itu amat jelas di dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan pemikiran dan kepercayaan, tetapi kadang-kadang pengkhususan itu tidak sejelas ini di dalam perkara-perkara yang bersangkutan

dengan kiblat dan syi'ar-syi'ar ibadat. Di sinilah Al-Qur'an menarik perhatian kepada nilai bentuk-bentuk ibadat.

Orang yang melihat kepada bentuk-bentuk ibadat ini secara terpisah dari hubungan-hubungannya dan terpisah dari tabiat jiwa dan perasaan manusia, mungkin berpendapat bahawa sikap berpegang kukuh kepada bentuk-bentuk lahir ibadat-ibadat itu merupakan semacam satu sikap fanatik yang sempit, atau semacam satu upacara beribadat dengan bentuk-bentuk yang lahir sahaja. Tetapi jika dilihat dengan pandangan yang lebih luas dan difaham dengan pemahaman yang lebih mendalam tentulah akan mendedahkan satu hakikat yang lain yang mempunyai alasannya yang cukup.

Jiwa manusia mempunyai kecenderungan yang semulajadi menggunakan bentuk-bentuk yang lahir untuk mengungkapkan perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hatinya. Kecenderungan ini adalah terjadi dari susunan kejadian manusia itu sendiri yang diciptakan dengan jasad yang lahir dan roh yang ghaib. Perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam hatinya itu tidak tenang dan tenteram sehingga ia dijelmakan dalam bentuk yang lahir yang dapat ditanggap oleh pancaindera. Dengan bentuk inilah ia dapat mengungkapkan perasaan itu di alam kenyataan sebagaimana ia mengungkapkannya di dalam jiwanya. Ketika itu barulah dia merasa tenang dan lega kerana dia dapat meluahkan semua perasaannya dan dapat menyelaraskan di antara lahirnya dengan batinnya, dan kerana dia dapat memenuhi keinginannya kepada rahsia-rahsia dan alam-alam majhul di samping memenuhi keinginannya kepada bentuk-bentuk yang lahir yang berwarna-warni.

Di atas landasan keinginan semulajadi inilah Islam menegakkan semua syiar-syiar ibadatnya. Ibadat-ibadat Islam tidak ditunai dengan semata-mata niat dan tidak pula dengan semata-mata penghadapan rohani, tetapi penghadapan itu mengambil satu bentuk yang lahir, iaitu berdiri mengadap kiblat, bertakbir, membaca, ruku' dan sujud dalam ibadat solat, dan berihram di tempat yang tertentu, memakai pakaian ihram, bergerak, tawaf dan sa'i, bertalbiyah, berkorban dan bercukur di dalam ibadat haji, berniat, menahan diri dari makan minum dan bersetubuh dalam ibadat puasa.Demikianlah seterusnya dalam setiap ibadat itu terdapat harakat-harakat yang tertentu dan dengan harakat-harakat yang tertentu itulah terjadinya ibadat untuk menyelaraskan di antara diri yang lahir dengan diri yang batin, juga menyelaraskan di antara semua daya tenaganya. Islam memenuhi semua kehendak keinginan semulajadi dengan satu cara yang sesuai dengan kefahamannya yang tersendiri.

Allah telah mengetahui bahawa keinginan semulajadi manusia menggunakan rupa bentuk yang lahir untuk melambangkan kuasa-kuasa ghaib itulah yang telah memesongkan golongan-golongan penyeleweng-penyeleweng dari jalan yang betul. Di sana terdapat golongan yang melambangkan kuasa teragung dengan lambang-lambang fizikal dalam bentuk batu-batu, pokok-pokok, bintang-bintang, matahari, bulan, binatang burung dan benda-benda yang lain apabila mereka tidak mendapat satu cara pengungkapan yang zahir yang melambangkan kuasa ghaib. Oleh sebab itu Islam datang memenuhi kehendak-kehendak keinginan semulajadi itu dengan menetapkan bentuk-bentuk harakat

yang tertentu bagi syi'ar-syiar ibadat, serta membersihkan Zat Ilahiyah dari segala gambaran fizikal dan kedudukan pada sesuatu hala yang tertentu. (Misalnya) seseorang itu mengadap kepada kiblat apabila ia bertawajjuh (di dalam solat) kepada Allah dengan keseluruhan dirinya, iaitu dengan hati, pancaindera dan anggota-anggotanya. Dan dengan ini terlaksanalah kesatuan dan keselarasan di antara seluruh daya tenaga seseorang ketika bertawajjuh kepada Allah yang tidak bertempat walaupun manusia menggunakan kiblat dan suatu tempat yang tertentu untuk mengadap-Nya.

Perbezaan atau kelainan tempat mengadap Allah perlu wujud, di mana setiap Muslim dapat bertawajjuh kepada-Nya dengan solat dan ibadat. Tempat mengadap itu perlu dikhususkan untuk kaum Muslimin) supaya mereka berbeza (dari golongan yang lain) dengan bentuk pemikiran, kefahaman, cara hidup dan tujuan yang tersendiri. Perbezaan ini dapat memenuhi kehendak perasaan mereka yang ingin mempunyai ciri istimewa dan tersendiri di samping mewujudkan perasaan mempunyai ciri istimewa dan tersendiri.

Di sinilah juga terletaknya tujuan Islam melarang (kaum Muslimin) meniru dan menyerupai ciri-ciri orang-orang yang bukan Islam, kerana ciri-ciri itu merupakan pengungkapan yang lahir dari perasaan-perasaan batin seperti larangan meniru cara-cara perasaan dan tingkahlaku mereka. Larangan ini bukannya suatu fanatik dan bukannya suatu pegangan kepada bentuk-bentuk yang lahir semata-mata, malah ia merupakan satu pandangan yang mendalam yang menembusi di sebalik bentuk-bentuk yang lahir itu. Ia merupakan pandangan kepada tujuan-tujuan dan motif-motif yang tersembunyi di sebalik bentuk-bentuk yang lahir itu, sedangkan tujuan-tujuan dan motif-motif inilah yang membezakan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, di antara satu 'aqliyah/mentaliti dengan satu 'aqliyah yang lain, di antara satu kefahaman dengan satu kefahaman yang lain, di antara satu hati nurani dengan satu hati nurani yang lain, di antara satu akhlak dengan satu akhlak yang lain dan di antara satu tujuan hidup dengan satu tujuan hidup yang lain.

Daripada Abu Hurayrah r.a. sabda Nabi s.a.w.:

,

"Kaum Yahudi dan Nasara tidak mewarnakan (rambut dan janggut uban mereka) oleh itu hendaklah kamu menyalahi mereka (yakni hendaklah kamu warnakannya)."

(Dikeluarkan oleh Malik, as-Syamkhan dan Abu Daud)

Sabda Rasulullah s.a.w. ketika beliau keluar menemui satu rombongan lalu mereka bangun berdiri (menghormatinya):

"Janganlah kamu bangun berdiri seperti kebiasaan orang-orang 'Ajam memuliakan satu sama lain."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Majjah)

Sabda beliau lagi:

:

"Janganlah kamu terlalu tinggi memuji-mujiku sebagaimana kaum Nasara terlalu tinggi memuji-muji putra Maryam (kerana sesungguhnya aku hanya seorang hamba katakanlah (sifatkanlah aku ini) hamba Allah dan Rasul-Nya."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari)

Rasulullah s.a.w. melarang (orang-orang Islam) dari meniru atau menyerupai pakaian (orang-orang yang bukan Islam) atau meniru gerak-geri dan tingkahlaku mereka atau meniru percakapan dan adab bicara mereka, kerana di sebalik pakaian, gerak-geri, tingkahlaku, percakapan dan adab bicara itu tersembunyi perasaan batin yang membezakan sesuatu kefahaman dari kefahaman yang lain, sesuatu sistem hidup dan sistem hidup yang lain dan sesuatu ciri kelompok dari ciri kelompok yang lain.

Kemudian beliau juga melarang (orang-orang Islam) dari menerima (ajaran-ajaran) dari yang lain dari Allah dan agama-Nya kerana umat Muslimin adalah dilahir untuk menegakkan agama ini di muka bumi. Beliau melarang (orang-orang Islam) dari kekalahan batin atau kekalahan semangat di hadapan mana-mana kaum yang lain di bumi ini, kerana kekalahan batin terhadap sesuatu masyarakat yang tertentu itulah yang mendorong hati mereka meniru masyarakat itu, sedangkan umat Muslimin diwujudkan untuk memegang teraju kepimpinan umat manusia. Oleh sebab itu mereka harus mengambil segala adat resam mereka itu dari sumber Ilahi yang telah memilih mereka sebagaimana mereka telah mengambil 'aqidah dan agama mereka dari sumber yang sama. Umat Muslimin adalah umat yang tertinggi dan umat yang adil. Merekalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk memimpin umat manusia. Oleh itu dari manakah mereka seharusnya mengambil fikiran, kefahaman dan sistem hidup mereka? Dari manakah mereka seharusnya mengambil adat resam dan peraturan-peraturan kehidupan mereka? Jika mereka tidak mengambil semuanya itu dari Allah, maka sudah tentu mereka akan mengambilnya dari manusia yang rendah sedangkan mereka datang untuk mengangkatkan manusia (ke tempat yang tinggi).

Islam menjamin untuk umat manusia setinggi-tinggi ufuk kefahaman dan pemikiran dan selurus-lurus sistem hidup. Ia menyeru seluruh manusia kembali kepadanya. Bukanlah suatu sikap yang fanatik apabila Islam memperjuangkan kesatuan umat manusia ditegakkan di atas asas Islam bukan di atas suatu asas yang lain, dan di atas sistem hidupnya bukan di atas suatu sistem hidup yang lain, dan di bawah benderanya bukan di bawah mana-mana bendera yang lain. Orang yang menyeru anda kepada kesatuan kerana Allah, kesatuan dalam pemikiran dan kefahaman yang paling tinggi dan kesatuan dalam sistem hidup yang paling baik, dan di samping itu ia enggan menukarkan kesatuan mu dengan penyelewengan dari jalan Allah dan kejatuhan dalam gaung-gaung jahiliyah bukanlah seorang yang fanatik, ya, boleh juga disifatkan sebagai seorang yang fanatik, tetapi fanatik untuk kebaikan, kebenaran dan kebagusan.

Kaum Muslimin yang mengadap kepada kiblat khas dan tersendiri itu pastilah memahami konsep mengadap kiblat itu, iaitu kiblat itu bukannya semata-

mata tempat atau hala yang dihadapkan oleh kaum Muslimin di dalam solat. Tempat dan hala itu hanya lambang-lambang semata-mata, iaitu lambang kelainan dan pengkhususan, iaitu kelainan di dalam pemikiran dan kefahaman, kelainan syakhsiyah, kelainan matlamat, kelainan minat dan cita-cita dan kelainan entiti.

Umat Muslimin yang wujud pada hari ini di tengah-tengah berbagai-bagai pemikiran jahiliyah yang memenuhi muka bumi ini, di tengah-tengah berbagai-bagai matlamat jahiliyah yang diwujudkan oleh penduduk bumi, di tengah-tengah berbagai-bagai minat dan cita-cita jahiliyah yang menarik hati seluruh manusia dan di tengah-tengah berbagai-bagai bendera yang dikibarkan oleh semua bangsa umat Muslimin pada hari ini amat memerlukan kepada ciri kelainan dengan syakhsiyah Islamiah yang tersendiri yang tidak bercampur aduk dengan syakhsiyah-syakhsiyah jahiliyah yang menonjol sekarang ini juga kelainan dengan pemikiran dan kefahaman yang tersendiri terhadap alam al-wujud dan terhadap hayat tanpa bercampur-aduk dengan cara pemikiran-pemikiran dan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang menonjol sekarang ini, kelainan dengan matlamat-matlamat, minat-minat dan cita-cita yang sesuai dengan syakhsiyah dan cara pemikiran itu, kelainan dengan satu bendera yang tersendiri yang membawa nama Allah yang Maha Esa sahaja hingga mereka dikenal sebagai umat adil yang dilahirkan Allah bagi manusia untuk memikul amanah 'aqidah dan warisannya.

'Aqidah Islamiyah merupakan satu sistem hidup yang lengkap. Sistem inilah yang membezakan umat Muslimin yang memegang teraju khilafah di bumi dan menjadi pewaris agama Allah, menjadi saksi terhadap umat manusia dan menjadi umat yang ditugas memimpin seluruh umat manusia kepada Allah. Penegakkan sistem ini di dalam kehidupan umat Muslimin itulah yang dapat memberi ciri kelainan kepada mereka dari segi syakhsiyah dan entiti, dari segi matlamat-matlamat dan minat-minat kecenderungan dan dari segi bendera dan gelaran. Ia juga memberi tempat kepimpinan kepada mereka yang memang dijadikan untuk mereka, dan kerana kepimpinan inilah umat Muslimin dilahirkan untuk umat manusia. Tanpa sistem hidup ini umat Muslimin akan hilang di tengah gelanggang pergolakan dan mempunyai sifat-sifat yang samar-samar dan tidak terkenal biar bagaimana hebat sekalipun mereka memakai pakaian-pakaian, menyebar da'wah-da'wah dan mengibar bendera-bendera.

Dari pembicaraan selingan yang sehubungan dengan peristiwa peralihan kiblat itu kita kembali semula menghadapi nas-nas al-Quran dengan huraian-huraiannya yang terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 142 - 143)

(142)

142. "Orang-orang yang bodoh dari kalangan orang ramai akan berkata: 'Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang telah

dihadapi mereka (selama ini)? Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."

(143)

143. "Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu. Dan Kami tidak jadikan kiblat yang Engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran) dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah salah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang yang mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia.

Dari keterangan-keterangan ayat-ayat al-Qur'an dan dari rentetan-rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Madinah jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan "orang orang yang bodoh" ialah kaum Yahudi, Merekalah yang menimbulkan kegemparan-kegemparan yang berlaku di sekitar perubahan kiblat sebagaimana telah kami terangkan sebelum ini. Merekalah yang menimbulkan pertanyaan ini:

142. "Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang dihadapi mereka (selama ini) yakni kiblat Masjidil-Aqsa."

Dari al-Bara' ibn 'Azib r.a. katanya: Pada permulaan kedatangan Rasulullah s.a.w. di Madinah, beliau berhenti di kediaman datuk neneknya — atau dia berkata bapa-bapa saudara sebelah ibunya — dari orang-orang Ansar dan beliau mendirikan solat mengadap Baitul Maqdis selama enam belas bulan atau tujuh belas bulan. Beliau suka supaya kiblatnya menghala ke arah Baitullah, dan solat beliau yang pertama mengadap ke Baitullah ialah solat Asar diikuti oleh sekumpulan kaum Muslimin. Selepas itu seorang dari mereka yang sembahyang bersama beliau keluar dan lalu di sebuah masjid, di mana orang-orang yang bersembahyang sedang ruku' lalu dia pun berkata kepada mereka: "Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa aku telah mendirikan solat bersama Rasulullah s.a.w. dengan mengadap ke arah Ka'bah" mereka pun terus berpusing mengadap ke arah Baitullah, Kaum Yahudi (sebelum ini) amat bergembira apabila beliau mendirikan solat dengan berkiblat ke arah Baitul-Maqdis. Oleh itu apabila beliau mengubahkan kiblatnya ke arah Baitullah, mereka terus mengecam perbuatan itu. Lalu turunlah ayat:

Lalu berkatalah orang-orang yang bodoh iaitu kaum Yahudi:

142. "Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dan kiblat yang dihadapi mereka (selama ini)?"

(Dikeluarkan oleh Malik, al-Bukahri, Muslim dan al-Tarmizi)

Kita dapat perhatikan bahawa cara al-Quran menangani pertanyaan-pertanyaan dan fitnah ini menunjukkan betapa besarnya kesan kempen-kempen itu di dalam hati setengah-setengah kaum Muslimin dan barisan Muslimin pada masa itu.

Yang jelas dari keterangan ayat ini:

142. "Orang yang bodoh dari kalangan orang ramai akan berkata: Apakah sebab yang memalingkan mereka (kaum Muslimin) dari kiblat yang dihadapi mereka (selama ini)?"

ialah keterangan ini merupakan permulaan bagi perisytiharan perubahan kiblat yang akan disebut di dalam ayat selepas ini di dalam pelajaran ini, di samping merupakan sebagai keterangan untuk menghapuskan desas-desus dan pertanyaan-pertanyaan yang diketahui Allah akan digembar-gemburkan oleh orang-orang yang bodoh, atau sebagai jawapan terhadap desas-desus yang telah dihamburkan mereka sebagaimana telah dijelaskan di dalam hadith yang telah lepas. Al-Qur'an nenggunakan pengungkapan "akan berkata" untuk menyarankan bahawa apa yang telah dikatakan mereka itu memang telah ditentukan begitu, memang telah diketahui rancangannya dan memang telah disediakan jawapannya. Ia merupakan salah satu cara yang memberi kesan yang amat mendalam.

Kini al-Quran mulai menangani kesan-kesan pertanyaan-pertanyaan itu dan memberi jawapannya dengan mengajar Rasulullah s.a.w. keterangan-keterangan untuk menghadapi (kaum Yahudi) dan untuk menjelaskan hakikat yang sebenar, dan dalam waktu yang sama untuk membetulkan kefahaman umum terhadap perkara-perkara itu:

(142)

142. "Katakanlah: Allah itu memiliki Timur dan Barat. Dia memberi hidayat kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus."

Arah Timur dan arah Barat adalah milik Allah belaka. Setiap yang mengadap Allah dari mana-mana arah dan hala adalah mengadap Allah belaka. Hala-hala dan tempat tempat itu sendiri tidak mempunyai apa-apa nilai, malah yang menjadikan hala-hala dan tempat-tempat itu bernilai ialah apabila ia dipilih dan diarah oleh Allah. Dan Allah memberi hidayat kepada sesiapa yang

dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus. Oleh itu apabila Allah telah memilih sesuatu arah dan kiblat kepada hamba-hamba-Nya maka arah dan kiblat itulah yang terpilih, dan melalui kiblat inilah mereka dapat berjalan menuju ke jalan yang lurus.

Demikianlah al-Quran menjelaskan hakikat kefahaman yang sebenar terhadap konsep tempat-tempat dan arah-arah dan terhadap hakikat sumber yang sebenar di mana manusia harus menerima arahan-arahan dan perintah-perintah dan seterusnya terhadap hakikat mengadap Allah yang betul, iaitu mengadap Allah dalam setiap keadaan.

Kemudian al-Qur'an membicarakan tentang umat Muslimin, iaitu tentang hakikat mereka yang agung di alam ini, tentang tugas mereka yang amat besar di bumi ini, tentang kedudukan mereka yang besar di kalangan umat manusia dan tentang peranan mereka yang asasi di dalam kehidupan manusia. Semuanya ini memerlukan bahawa mereka harus mempunyai kiblat yang tersendiri, mempunyai syakhsiyah yang tersendiri dan mereka tidak harus mematuhi kepada sesiapa kecuali kepada Allah yang telah memilih mereka memikul amanah yang besar ini:

143. "Demikianlah pula Kami telah jadikan kamu satu umat yang adil supaya kamu menjadi saksi terhadap manusia dan supaya Rasulullah menjadi saksi terhadap kamu."

Yakni umat Muslimin adalah umat yang adil yang menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan menegakkan keadilan di antara mereka, menetapkan neraca-neraca pertimbangan dan nilai-nilai, memberi fikiran dan pandangan yang muktamad kepada mereka, menimbangkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman mereka, adat-adat resam dan lambang-lambang mereka dan memberi keputusan-keputusan kepada mereka dengan mengatakan ini benar itu tidak benar, bukannya fikiran-fikiran, nilai-nilai, neraca-neraca dan ukuran-ukuran yang diterima dari manusia. Mereka menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan mempunyai kedudukan sebagai hakim yang adil kepada mereka. Sementara umat Muslimin menjadi saksi terhadap umat manusia, maka Rasulullah s.a.w. pula menjadi saksi terhadap mereka, beliaulah yang menetapkan neraca-neraca, ukuran-ukuran dan nilai-nilai mereka, beliaulah yang menilai amalan-amalan dan adat resam mereka dan menimbangkan segala perbuatan yang terbit dari mereka dengan memberi kata-kata pemutus terhadapnya. Dengan ini hakikat dan fungsi umat Muslimin sentiasa membaharu agar hakikat dan fungsi ini diketahui mereka, dan agar mereka sedar betapa besamya tugas mereka, dan seterusnya agar mereka dapat menilaikan peranan mereka dengan penilaian yang sebenar dan membuat persediaan yang wajar untuknya.

Umat Muslimin adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi kefahaman dan kepercayaan. Mereka tidak melampau-lampau dalam kemurnian rohaniah dan

tidak pula melampau di dalam kejatuhan kebendaan, mereka mengikut fitrah semulajadi yang diwakili oleh roh yang disalut dengan jasad atau oleh jasad yang disalut dengan roh. Mereka memberi kepada diri mereka yang mempunyai dua tenaga itu haknya yang sempurna dengan bekalan masing-masing. Mereka bekerja untuk memaju dan meningkatkan hayat dan kelanjutannya. Mereka melepaskan segala kegiatan di alam perasaan dan keinginan tanpa keterlaluan, malah secara sederhana dan selaras.

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi pemikiran dan perasaan. Mereka tidak membeku dengan pengetahuan-pengetahuan yang diketahui mereka dan menutup segala pintu ujian dan ilmu pengetahuan yang lain. Mereka tidak terikut-ikut kepada setiap penyeru dan meniru orang lain seperti beruk yang lucu, malah mereka berpegang teguh dengan kefahaman-kefahaman, cara-cara dan dasar-dasar berfikir yang ada pada mereka. Mereka mengkaji dengan teliti segala hasil pemikiran dan ujian. Cogankata mereka yang kekal ialah *"hikmah itu barang hilang orang Mu'min, di mana sahaja mereka temui hakikat itu mereka akan mengambilnya dengan penuh keyakinan."*

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi penyusunan dan penyelarasan. Mereka tidak membiarkan seluruh hidup ini kepada perasaan dan hati manusia sahaja dan tidak pula membiarkannya kepada kuasa undang-undang dan hukuman sahaja, malah mereka meningkatkan hati nurani manusia dengan bimbingan dan pendidikan, dan menjaga kesejahteraan masyarakat dengan undang-undang dan hukuman dan mencampurkan di antara bimbingan dan undang-undang. Mereka tidak menyerahkan manusia kepada kekuasaan dan hukuman perintah dan tidak pula menyerah mereka kepada ilham hati nurani semata-mata malah mereka mencampurkan di antara keduanya.

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi pertalian-pertalian dan hubungan-hubungan. Mereka tidak mengabaikan syakhsiyah individu dan nilai-nilainya dan tidak pula menghapuskan syakhsiyah individu di dalam syakhsiyah kelompok atau negara. Mereka tidak menjadikan individu itu bebas lepas, pementing diri, tamak haloba dan menjaga faedah diri sahaja, malah mereka membebaskan motif-motif dan tenaga-tenaga manusia sekadar yang boleh membawa manusia kepada harakat kemajuan dan kesuburan, dan membebaskan keinginan-keinginan dan ciri-ciri manusia sekadar yang boleh menegakkan syakhsiyah individu dan kewujudannya, kemudian mereka memasang berik-berik dan pengawal-pengawal yang dapat menghalangkan keterlaluan dan memberi motivasi-motivasi yang boleh menggalakkan individu untuk berkhidmat kepada masyarakat, Mereka menetapkan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dapat menjadikan individu berkhidmat kepada masyarakat dan masyarakat berkhidmat kepada individu dalam satu bentuk hubungan yang selaras dan harmoni.

Mereka adalah satu "umat yang adil" dari segi tempat, mereka mendiami kawasan kawasan pusat dan tengah-tengah bumi. Sehingga ke saat ini umat yang bumi mereka diselubungi nur Islam ialah umat yang mendiami di kawasan-kawasan di tengah bumi di antara Timur Barat dan di antara Selatan dan Utara. Dengan kedudukan yang sedemikian umat Muslimin masih menjadikan diri

mereka sebagai saksi terhadap seluruh manusia. Mereka memberi apa yang ada pada mereka kepada seluruh penduduk bumi, dan dengan perantaraan mereka dipindahkan hasil-hasil alam dan hasil-hasil rohani dan pemikiran dari satu tempat ke satu tempat. Merekalah yang memegang teraju pergerakan ini baik dari segi kebendaannya mahupun dari segi kerohaniannya.

Mereka adalah satu "umat yang pertengahan" dari segi zaman. Kelahiran mereka menamatkan zaman kebudakan manusia sebelumnya dan selepas itu merekalah yang menjadi pengawal zaman kematangan akal manusia. Mereka berada di pertengahan zaman, di mana mereka membersih umat manusia dan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan khurafat yang masih terlekat pada mereka sejak dari zaman kebudakan mereka. Merekalah yang menghalangkan umat manusia dari tersesat dengan akal dan hawa nafsu mereka. Merekalah yang mengahwinkan di antara warisan rohani dari zaman-zaman para rasul dengan hasil-hasil pencapaian akal manusia yang terus berkembang subur itu. Merekalah yang dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus di antara warisan rohani dan pencapaian akal.

Tiada yang menghalangi umat Muslimin hari ini dari mengambil tempat mereka yang sebenar yang telah dikurniakan Allah kepada mereka selain dari (kesalahan) kerana mereka telah meninggalkan sistem hidup Allah yang telah dipilih untuk mereka, dan kerana mereka telah memilih berbagai sistem hidup yang lain yang tidak dipilih Allah untuk mereka, dan kerana mereka telah mencelupkan diri mereka dengan berbagai-bagai celupan yang lain yang bukan dari celupan syari'at Allah sedangkan Allah mahukan mereka mencelupkan diri mereka dengan celupan syari'at Allah sahaja.

Umat Muslimin yang mempunyai fungsi dan peranan yang sedemikian besar seharusnya sanggup memikul tanggungjawab itu dan berkorban untuknya, kerana kepimpinan ini mempunyai kewajipan-kewajipan dan tanggungiawab. Mereka pasti sanggup diuji sebelum memegang tanggungjawab itu agar dapat dipastikan bahawa mereka benar-benar ikhlas kepada Allah dan benar bersedia untuk memberi kepatuhan yang tidak berbelah-bagi kepada kepimpinan yang betul.

Ayat berikut menjelaskan kepada mereka hikmat Allah memilih kiblat yang telah dihadapi mereka itu apabila mereka kini dipalingkan semula darinya.

143. "Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapakah pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."

Daripada ayat ini ternyatalah dengan jelas bagaimana cara didikan Rabbani yang diatur oleh Allah terhadap kelompok Muslimin yang baru itu, iaitu kelompok yang dikehendaki Allah supaya menjadi pewaris agama Allah dan pemerintah yang memerintah bumi di bawah panji-panji agama Allah. Allah mahukan kelompok ini ta'at dengan ikhlas kepadanya. Allah mahukan mereka membersihkan diri dari segala keladak jahiliyah dan hubungan-hubungannya,

juga membersihkan diri dari sifat-sifat jahiliyah yang lapuk dan keinginan-keinginannya yang terpendam. Allah mahukan mereka meninggalkan segala pakaian yang telah dipakainya di zaman jahiliyah dan membuang segala lambang jahiliyah yang pernah digunakan mereka. Allah mahukan mereka menyematkan lambang Islam sahaja di dalam hati mereka dan tidak bercampuraduk dengan lambang-lambang yang lain, dan Allah mahukan mereka menerima perintah dari satu sumber sahaja dan tidak dikongsikan oleh mana-mana sumber yang lain.

Oleh kerana persoalan mengadap kiblat itu telah bercampuraduk di dalam hati orang-orang Arab dengan gagasan yang lain dari gagasan agama, dan oleh kerana 'aqidah moyang mereka telah bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan syirik dan dengan semangat fanatik kaum, kerana Baitullah dianggap di waktu itu sebagai rumah suci orang orang Arab, sedangkan Allah mahukan rumah itu menjadi rumah suci Allah yang tidak ditokok tambah dengan lambang-lambang yang lain dan tidak bercampuraduk dengan sesuatu sifat yang lain dari sifatnya…Oleh kerana persoalan mengadap kiblat itu telah bercampur dengan ciri-ciri lain yang asing darinya, maka Allah telah memalingkan kaum Muslimin dari kiblat Baitullah untuk beberapa waktu dan mengarahkan mereka supaya berkiblat kepada Baitul-Maqdis dengan tujuan pertama untuk membersihkan perasaan mereka dari bercampuraduk dengan perasaan-perasaan yang lama, dan kedua untuk menguji sejauh mana keta'atan dan kepatuhan mereka kepada Rasulullah s.a.w. dan untuk mengasingkan orang-orang yang mengikuti beliau kerana beliau itu Rasulullah dan orang-orang yang mengikut beliau kerana beliau telah mengekalkan taraf Baitullah sebagai kiblat dan hati mereka merasa senang dengan kekalnya taraf itu di bawah tekanan pengaruh perasaan bangga mereka terhadap bangsa dan kaum mereka dan terhadap tempat-tempat suci mereka yang lama.

Itulah satu tarikan perhatian yang sangat halus. 'Aqidah lslamiyah tidak sanggup menerima sekutu di dalam hati. Ia tidak dapat menerima lambang lain dari lambangnya yang tunggal dan jelas. Ia tidak dapat menerima sebarang keladak dari keladak-keladak jahiliyah walau di dalam apa bentuk sekalipun. Inilah saranan yang jelas dari nas al Qur'an ini:

143. "Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau hadapi sekarang ini melainkan supaya kami dapat mengetahui (di dalam realiti) siapakah yang sebenar mengikut Rasulullah dan siapa pula yang berbalik ke belakang (kembali kepada kekufuran)."

Allah S.W.T. memang mengetahui segala sesuatu yang berlaku sebelum ia berlaku di alam kenyataan, tetapi Allah mahu menzahirkan sesuatu kelakuan manusia yang tersembunyi untuk menghisab dan menghukumkan mereka dengannya. Kerana rahmat dan kasihan belas Allah terhadap manusia, Dia tidak menghisab dan menghukum mereka mengikut apa yang diketahui-Nya dari kelakuan-kelakuan mereka, malah Dia menghisab dan menghukum mereka mengikut kelakuan yang terbit dan benar-benar berlaku dari mereka di alam kenyataan.

Allah S.W.T. memang mengetahui bahawa perpisahan dari keladak-keladak perasaan yang lama dan pembersihan diri dari segala sifat dan lambang yang telah melekat di hati itu merupakan suatu usaha yang amat sukar dan sulit kecuali keimanan telah menguasai sepenuh hati, dan kecuali hati telah mendapat pertolongan dari Allah dalam usahanya itu, iaitu Allah menghubungkan hati itu

:dengannya dan memberi hidayat ke arahnya

143. "Dan sesungguhnya peralihan kiblat itu adalah satu perkara yang amat berat melainkan kepada orang yang telah dihidayatkan Allah."

Apabila hidayat (telah meresap di dalam hati) maka tidak ada lagi kesulitan dan kesukaran baginya untuk membuang lambang-lambang dan keladak-keladak jahiliyah itu dan untuk memberi keta'atan dan kepatuhan yang tidak berbelah-bagi kepada Allah. Dia akan ikut ke mana sahaja diarahkan Allah dan akan patuh ke mana sahaja dipimpin oleh Rasulullah.

Kemudian Allah menenangkan hati kaum Muslimin terhadap keimanan dan ibadat solat mereka, iaitu mereka tidak sekali-kali sesat dan ibadat solat mereka tidak sekali-kali sia-sia, kerana Allah tidak sekali menyusahkan para hamba-Nya dan tidak sekali-kali mensia-siakan amal ibadat yang ditujukan mereka kepadanya, dan tidak sekali-kali membebankan mereka dengan taklif yang melampaui batas kemampuan dan keupayaan mereka yang ditambah dan dikuatkan oleh keimanan:

(143)

143. "Dan Allah tidak sekali kali mensia-siakan iman kamu sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."

Allah mengetahui keupayaan mereka yang terbatas. Oleh kerana itu Allah tidak membebankan mereka dengan tugas-tugas yang di luar keupayaan mereka, dan Allah sentiasa memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman dan sentiasa menolong mereka untuk melalui ujian apabila niat dan keazaman mereka telah membulat. Dan andainya ujian itu merupakan gejala dan hikmat kebijaksanaan Allah, maka kejayaan melalui ujian itu merupakan limpah rahmat-Nya:

(143)

143. "Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."

Demikianlah Allah mencurahkan ketenangan di dalam hati kaum Muslimin dan menghilangkan kegelisahan mereka dan melimpahkan keredhaan, kepercayaan dan keyakinan ke atas mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 144 - 150)

Selepas itu al-Qur'an mengumumkan limpah perkenan Allah terhadap hasrat Rasulullah s.a.w. yang ingin berkiblat kepada Ka'bah. Ia mengisytiharkan kiblat Ka'bah itu dan memberi amaran kepada kaum Muslimin terhadap fitnah kaum Yahudi serta mendedah sebab-sebab yang sebenar yang tersembunyi di sebalik kempen-kempen dan komplot-komplot mereka yang jahat itu. Pendedahan dibuat dalam bentuk yang dapat menunjukkan sejauh mana usaha yang telah dikorbankan untuk menyedia dan melengkapkan kaum Muslimin dan untuk memelihara mereka dari keadaan kacau-bilau dan fitnah.

(144)

144. "Sesungguhnya Kami melihat engkau kerap kali menengadah mukamu ke langit, dan sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu. Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) adalah suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka."

(145)

145. "Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka, malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain. Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim."

(146)

146. "Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengetahuinya (keterangan yang benar) sebagaimana mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedangkan mereka mengetahui."

(147)

147. "Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu."

(148)

148. "Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu bcrlumba-lumbalah membuat kebajikan. Di mana sahaja kamu berada Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat) sesungguhnya Allah Maha Kuasa diatas segala sesuatu."

(149)

149. "Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."

(150)

150. "Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram, dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampau dari mereka, oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku dan agar Aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."

Di permulaan ayat ini kita dapati satu pengungkapan menggambarkan keadaan Nabi s.a.w:

144. "Sesungguhnya Kami melihat engkau kerapkali menengadahkan mukamu ke langit."

Ia membayangkan keinginan beliau yang kuat agar Allah menghalakan beliau ke kiblat yang lain dari kiblat yang sedang dihadapinya itu setelah kaum Yahudi banyak mengeluarkan hujah-hujah dan alasan-alasan (yang menyakitkan hati), kerana mereka mendapat punca yang baik dari kedudukan kaum Muslimin yang menghadap kiblat mereka (Baitul Maqdis) untuk menimbulkan kekeliruan,

kebingungan dan kegelisahan (di kalangan kaum Muslimin). Oleh itu Nabi s.a.w. kerapkali menengadahkan mukanya ke langit tanpa memohon dengan terus-terang kerana menjaga adab sopannya terhadap Allah, dan kerana segan mengemukakan sesuatu cadangan kepada Allah atau mendahuluinya di dalam sesuatu perkara.

Kemudian Allah memperkenankan kiblat yang disukai beliau, dan pengungkapan yang menyatakan limpah perkenan itu membayangkan betapa besarnya hubungan kasih mesra Allah terhadap beliau:

144. "Sesungguhnya Kami berkenan memalingkanmu ke arah kiblat yang disukaimu."

Kemudian Allah menentukan kiblat yang diketahui-Nya disukai beliau:

144. "Oleh itu hadapilah mukamu ke arah Masjidil-Haram."

Sebagai kiblat untuk beliau dan umatnya sama ada yang sedang bersama beliau atau yang akan datang selepas beliau sehingga Allah mewarisi bumi dan sekalian penghuninya (Qiamat):

144. "Dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah muka kamu ke arahnya."

Yakni dari mana-mana hala di seluruh muka bumi ini. Ia merupakan satu kiblat yang tunggal yang menyatukan seluruh umat Muslimin dari berbagai-bagai negeri dan kedudukannya dari kiblat itu dan dari berbagai-bagai bangsa, bahasa dan warna kulit. Ia merupakan satu kiblat yang sama, di mana seluruh umat Muslimin menghala kepadanya di merata pelusuk Timur dan Barat di bumi ini. Dan di sana mereka merasa diri mereka selaku satu jisim dan selaku satu diri yang mengadap satu matlamat dan berjuang untuk menegakkan sistem hidup yang sama, iaitu sistem hidup yang lahir dari hakikat diri mereka yang menyembah Tuhan yang sama dan beriman kepada rasul yang sama dan mengadap kiblat yang sama.

Demikianlah Allah menyatukan umat Muslimin. Dia menyatukan mereka dari segi Tuhan mereka, rasul mereka, agama mereka dan kiblat mereka. Dia menyatukan mereka dari berbagai-bagai negara, bangsa, warna dan bahasa. Allah tidak menyatukan mereka di atas landasan negara, bangsa, warna dan bahasa, malah dia menyatukan mereka di atas landasan 'aqidah dan kiblat walaupun mereka berbeza dari segi negara, bangsa, warna dan bahasa. Itulah kesatuan dan perpaduan yang layak dengan makhluk insan, kerana insan seharusnya bersatu dan berpadu di atas landasan aqidah hati nurani dan kiblat ibadat, sementara haiwan bersatu dan berpadu di padang ragut dan dalam lingkungan pagar dan kandang.

Kemudian apakah sikap Ahlil-Kitab terhadap kiblat yang baru ini?

144. "Sesungguhnya orang-orang yang dikurniakan kitab itu memang mengetahui bahawa (berkiblat ke Masjidil-Haram) suatu perintah yang benar dari Tuhan mereka."

Yakni mereka memang mengetahui bahawa Masjidil-Haram itu ialah Baitullah yang pertama, yang mana tapak-tapak asasnya telah dibina oleh Ibrahim a.s. moyang umat pewaris dan moyang seluruh umat Muslimin, dan seterusnya mereka memang mengetahui bahawa perintah berkiblat kepada Masjidil-Haram adalah suatu perintah yang benar dari Allah yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Tetapi kaum Ahlil-Kitab akan bertindak bertentangan dengan saranan yang disarankan oleh ilmu pengetahuan yang diketahui mereka. Oleh itu tidak ada apa-apa kebimbangan kepada kaum Muslimin dan tindakan mereka, kerana Allah itu pemelihara dan penjamin yang berkuasa menolak dan membalas tipudaya mereka yang licik:

(144)

144. "Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan mereka."

Mereka tidak akan tunduk kepada dalil-dalil, kerana selama ini mereka bukannya kekurangan dalil, malah mereka tidak mempunyai keikhlasan dan kebebasan dari hawa nafsu dan tidak mempunyai kesediaan untuk menerima kebenaran apabila mereka mengetahuinya:

145. "Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu."

Mereka tetap degil kerana dipimpin oleh hawa nafsu dan dikongkong oleh muslihat dan kepentingan. Ramai dari mereka yang baik hati menyangka bahawa sebab yang menghalangkan kaum Yahudi dan kaum Nasara dari agama Islam itu ialah kerana mereka tidak mengetahuinya atau kerana agama Islam itu tidak pernah dikemukakan kepada mereka dalam bentuk yang meyakinkan. Pendapat ini adalah karut. Sebenarnya mereka tidak mahukan Islam kerana mereka mengenal hakikat Islam. Oleh sebab itulah mereka takut Islam mengancam kepentingan-kepentingan dan kekuasaan mereka. Oleh sebab itulah mereka mengatur berbagai-bagai tipudaya yang jahat terhadap Islam. Mereka tidak jemu-jemu melakukannya dengan berbagai-bagai jalan dan wasilah sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Mereka memerangi Islam secara berhadapan muka dan secara bersembunyi di sebalik tabir. Mereka memerangi Islam dengan diri mereka sendiri atau dengan memperalatkan pemeluk Islam memerangi Islam untuk mereka dengan berselindung di sebalik tabir. Mereka selama-lamanya tepat dengan firman Allah Ta'ala yang ditujukan kepada nabi-Nya yang mulia:

145. "Dan andainya engkau telah membawa segala ayat kepada orang-orang yang dikurniakan kitab itu, nescaya mereka tidak akan mengikut kiblatmu."

Untuk menghadapi kedegilan kaum Ahlil-Kitab yang menolak kiblat Islam yang menjadi lambang agama Islam itu, maka al-Qur'an menjelaskan hakikat sikap dan pendirian Nabi s.a.w. yang sebenar.

145. "Dan engkau tidak sekali-kali akan mengikut kiblat mereka."

Yakni bukanlah sekali-kali dari sikap engkau untuk mengikut kiblat mereka. Menggunakan jumlah ismiyah yang dinafikan di dalam ayat ini lebih kuat untuk menjelaskan sikap dan pendirian yang tetap teguh Rasulullah s.a.w. terhadap persoalan kiblat ini. Ia memberi saranan yang kuat kepada kaum Muslimin selepas beliau, iaitu mereka tidak akan memilih kiblat yang lain dari kiblat Rasul mereka yang telah dipilih dan diredhai oleh Allah untuk merelakan hati beliau, dan mereka tidak akan mengibarkan panji-panji yang lain dari panji-panji Allah dan tidak akan mengikut sistem hidup yang lain dari sistem hidup Ilahi yang berlambangkan kiblat yang terpilih ini. Inilah sikap kaum Muslimin selama mereka mengaku diri mereka sebagai orang-orang Islam. Andainya mereka tidak bersikap demikian, maka mereka bukanlah dari orang-orang Islam, malah pendakwa-pendakwa Islam sahaja.

Kemudian al-Qur'an terus mendedah hakikat pendirian yang sebenar yang wujud di kalangan kaum Ahlil-Kitab terhadap satu sama lain. Mereka sebenarnya tidak seia sekata kerana dipecah-belahkan oleh hawa nafsu mereka:

145. "Malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut kiblat sebahagian yang lain."

Perseteruan di antara kaum Yahudi dengan kaum Nasara, perseteruan di antara berbagai-bagai puak di kalangan kaum Yahudi dan perseteruan di antara berbagai-bagai puak di kalangan bumi Nasara merupakan perseteruan dan permusuhan yang ketat.

Tentulah tidak mungkin bagi Nabi s.a.w. yang berpendirian seperti ini dan kaum Ahlil-Kitab pula berpendirian seperti itu…. Tentulah tidak mungkin bagi beliau yang mengetahui hakikat persoalan ini mengikut kehendak hawa nafsu kaum Ahlil-Kitab setelah menerima wahyu dari Allah:

(145)

145. "Dan andainya engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya wahyu kepadamu, maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim."

Marilah kita berhenti seketika di hadapan amaran Ilahi yang tegas dan keras ini kepada Rasul-Nya yang mulia, sedangkan baru sekejap tadi Allah berfirman kepada beliau dengan firman-firman yang lembut dan mesra.

Persoalan di sini ialah persoalan yang berkaitan dengan kejujuran mematuhi hidayat dan arahan Allah, juga berkaitan dengan dasar kelainan dan keikhlasan yang tidak berbelah-bagi dalam keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dan agamanya. Oleh sebab itulah Allah menyampaikan firman-Nya dengan tegas dan dengan amaran yang keras:

(145)

145. "Maka sesungguhnya engkau tergolong di dalam golongan orang-orang yang zalim."

Jalan (yang terbentang di hadapan) amatlah jelas dan lurus, iaitu sama ada mengikut jalan wahyu yang datang dari Allah atau mengikut jalan hawa nafsu yang lain dariNya. Seorang Muslim tidak seharusnya menerima arahan melainkan daripada Allah. Ia tidak seharusnya meninggalkan ilmu yang diyakini benar kerana mengikut kehendak hawa nafsu yang berubah-ubah, dan segala apa yang bukan daripada Allah itu adalah tidak diragui lagi datangnya dari kehendak hawa nafsu.

Di samping saranan yang tetap ini, di sana kita dapati satu keadaan yang telah berlaku kepada setengah-setengah kaum Muslimin dalam kancah komplot-komplot kaum Yahudi dan kempen-kempen jahat mereka yang bertujuan untuk menimbulkan kekeiruan yang memerlukan mereka diberi amaran-amaran yang keras dan tegas seperti ini.

Selepas berhenti sebentar marilah kita kembali semula kepada nas al-Qur'an, dan kita dapati bahawa nas itu masih terus menjelaskan bahawa kaum Ahlil-Kitab itu benar-benar mengetahui bahawa penerangan yang sebenar mengenai perkara kiblat ini dan lain-lainnya ialah penerangan yang telah dikemukakan oleh al-Qur'an dan disuruhkan oleh Rasulullah s.a.w., tetapi mereka sengaja telah menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka kerana mengikut kehendak hawa nafsu yang disembunyikan mereka:

(146)

146. "Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab kepada mereka memang mengetahuinya (hakikat kiblat) sebagaimana mereka mengetahui anak mereka sendiri dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan hakikat yang sebenar, sedangkan mereka mengetahui"

Mengetahui sesuatu seperti mereka mengetahui anak-anak mereka sendiri itu merupakan satu contoh perbandingan mengikut bahasa Arab yang menunjukkan keyakinan yang tidak ada sebarang kesamaran lagi. Jika kaum Ahlil-Kitab itu yakin terhadap kebenaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w. termasuklah kebenaran yang diterangkan beliau mengenai kiblat, sedangkan sebahagian dari mereka sengaja menyembunyikan kebenaran yang diketahui mereka dengan penuh keyakinan itu, maka tidak ada sebab bagi orang orang Mu'min itu terpengaruh kepada pendapat-pendapat yang karut dan dusta yang disebarkan

oleh Ahlil-Kitab itu. Tidak ada sebab bagi orang-orang Mu'min untuk mengambil dari Ahlil-Kitab yang mempercayai kebenaran kemudian menyembunyikan sesuatu dari urusan agama mereka yang dibawa oleh Rasul mereka yang benar dan amanah.

Di sini al-Qur'an tujukan kenyataan yang berikut kepada Nabi s.a.w. selepas mengemukakan pandangan mengenai kaum Ahlil-Kitab:

(147)

147. "Kebenaran itu adalah dari tuhanmu. Oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu."

Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak pernah ragu-ragu dan syak walau sehari pun, dan apabila Allah berfirman kepada beliau dalam suatu ayat yang lain,

94. "Sekiranya engkau berada di dalam keraguan terhadap wahyu-wahyu yang Kami telah turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang orang yang pernah membaca kitab suci sebelummu."

(Surah Yunus)

Kaum Muslimin tidak harus ragu-ragu terhadap agama mereka, beliau terus menjawab:

"Aku tidak pernah ragu-ragu dan aku tidak akan bertanya."

Tetapi cara firman ini ditujukan kepada beliau adalah mengandungi satu saranan yang kuat untuk diingati kaum Muslimin di belakang beliau, sama ada mereka di waktu itu terpengaruh kepada pendapat-pendapat palsu kaum Yahudi dan tipu muslihat mereka atau mereka yang datang selepas kaum Muslimin (zaman Rasulullah) yang terpengaruh dengan pendapat-pendapat palsu kaum Yahudi atau bukan kaum Yahudi mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama mereka.

Kita (kaum Muslimin) di zaman inilah yang lebih wajar mematuhi amaran Ilahi ini, kerana kita dengan kebodohan yang tidak ada tolok bandingnya telah pergi meminta fatwa kepada golongan orientalis yang terdiri dari kaum Yahudi, kaum Nasara dan kaum Komunis yang kafir mengenai persoalan-persoalan agama kita, kita menerima dari mereka, (pendapat-pendapat dan penulisan-penulisan) mengenai sejarah kita dan meletakkan kepercayaan kita kepada mereka untuk memperkatakan tentang warisan-warisan kita, kita mendengar keraguan-keraguan yang disembunyikan mereka di dalam hasil-hasil kajian mereka mengenai al-Quran dan hadith kita, mengenai sejarah tokoh-tokoh kita yang ulung, kita mengirim kepada mereka para siswazah kita untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam dari mereka, di mana mereka mendapat ijazah dari universiti-universiti mereka kemudian pulang kepada kita dengan akal dan hati nurani yang telah dirosak dan dicemari mereka.

Kitab al-Qur'an ini ialah kitab suci kita umat Muslimin. Itulah satu-satunya kitab suci mereka yang kekal, di mana Allah menerangkan segala apa yang harus

dikerjakan mereka dan segala apa yang harus diawasi mereka. Kaum Ahlil-Kitab tetap kaum Ahlil-Kitab, kaum kafir tetap kaum kafir, dan agama tetap agama.

Marilah kita kembali semula kepada nas-nas al-Qur'an, di mana kita dapati al-Qur'an memalingkan perhatian kaum Muslimin supaya jangan mendengar perkataan-perkataan kaum Ahlil-Kitab dan jangan terpengaruh kepada bimbingan-bimbingan mereka. Ia menyarankan kepada kaum Muslimin supaya berdiri teguh di atas agama dan kiblat mereka tersendiri, kerana setiap golongan mempunyai hala-hala masing-masing, dan hendaklah kaum Muslimin berlumba-lumba ke arah kebajikan tanpa diganggu oleh sesiapa, dan ingatlah bahawa seluruh mereka akan kembali kepada Allah yang berkuasa mengumpul dan memberi balasan di akhir perjalanan hidup mereka.

(148)

148. "Setiap umat itu ada kiblat yang dihadapinya. Oleh itu berlumba-lumbalah membuat kebajikan. Di mana sahaja kamu berada Allah akan kumpulkan seluruh kamu (pada hari Qiamat) sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

Demikianlah Allah mengalihkan perhatian kaum Muslimin supaya jangan tergugat dan terpengaruh kepada komplot-komplot, fitnah-fitnah, pentafsiran-pentafsiran dan perkataan-perkataan yang ditaburkan oleh kaum Ahlil-Kitab. Allah mengalihkan perhatian mereka ke arah bekerja dan berlumba-lumba kepada amalan-amalan kebajikan sambil mengingatkan mereka bahawa seluruh mereka akan kembali kepada Allah belaka. Dan bahawa Allah Maha Kuasa terhadap segala sesuatu, Tiada suatu urusan yang melemahkan Allah dan terluput dari ilmu dan kudrat-Nya.

Itulah sikap dan kesanggupan yang membuat segala perkataan dan pendustaan yang karut itu menjadi begitu kecil dan kerdil.

Kemudian al-Qur'an kembali sekali lagi menjelaskan perintah mengadap kepada kiblat yang baru yang telah dipilih itu sambil diiringi dengan berbagai-bagai ulasan:

(149)

149. "Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil-Haram. Sesungguhnya berkiblat ke Ka'bah itu adalah perintah yang benar dari Tuhanmu dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."

Perintah pada kali ini bersih dari cerita kaum Ahlil-Kitab dan pendirian mereka. Ia mengandungi arahan supaya Rasulullah s.a.w. mengadap ke arah Masjidil-Haram ke mana sahaja beliau keluar dan di mana sahaja beliau berada, di samping menekankan bahawa arahan itu adalah suatu perintah yang benar dari

Allah, dan memberi amaran secara halus supaya jangan menyeleweng dari perintah yang benar ini; amaran itu terkandung di dalam firman-Nya:

(149)

149. "Dan Allah tidak sekali-kali lalai dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."

Ungkapan ini membayangkan bahawa di sana ada kejadian yang berlaku di belakang beliau dalam hati setengah-setengah orang Islam yang memerlukan kepada penjelasan yang tegas dan amaran yang keras ini.

Kemudian dikemukakan pula penjelasan bagi kali yang ketiga kerana sesuatu tujuan baru yang lain, iaitu untuk mematahkan hujah kaum Ahlil-Kitab dan hujah golongan yang lain dari mereka yang melihat kaum Muslimin mengadap ke arah kiblat kaum Yahudi lalu menyebabkan mereka percaya kepada kebenaran apa yang digembar-gemburkan oleh kaum Yahudi tentang kelebihan agama mereka yang mengatasi agama yang dibawa oleh Muhammad, dan tentang keunggulan kiblat mereka yang mengertikan keunggulan agama mereka atau (untuk mematahkan hujah) kaum Musyrikin Arab yang menggunakan isu mengadap kepada kiblat Baitul-Maqdis itu sebagai senjata untuk menghalangkan orang-orang Arab yang memandang suci kepada Baitul-Haram itu dan meliarkan mereka dari memeluk Islam yang menghendaki penganut-penganutnya mengadap kepada kiblat Bani Israel:

(150)

150. "Dan dari mana sahaja engkau keluar, maka halakanlah mukamu ke arah Masjidil dan di mana sahaja kamu berada, maka halakanlah mukamu ke arahnya agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu kecuali orang-orang yang melampau dari mereka, oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepadaku dan agar aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."

Itulah arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menghalakan mukanya ke arah Masjidil-Haram ke mana sahaja beliau keluar, juga arahan kepada kaum Muslimin supaya menghalakan muka mereka ke arahnya di mana sahaja mereka berada, dan kemudian al-Quran menerangkan sebab arahan ini:

(150)

150. "Agar tidak ada lagi sebarang hujah yang dapat digunakan orang terhadapmu."

Setelah itu al-Quran memperkecilkan perkataan-perkataan golongan yang zalim yang tidak tunduk kepada hujah dan logik, malah terus berdegil dan

berkeras kepala, Mereka tidak dapat dibungkamkan lagi. Mereka akan terus berada di dalam kedegilan mereka. Oleh itu tidak ada apa-apa kesalahan kepada orang-orang Islam dari tindak tanduk mereka:

150. "Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepada-Ku."

Yakni mereka tidak mempunyai sebarang kuasa di atas kamu, dan mereka tidak memiliki sesuatu kuasa dalam urusan kamu, dan tidak sayugia kepada kamu memberi perhatian kepada mereka sehingga menyebabkan kamu menyeleweng dari perintah yang datang dari-Ku. Sesungguhnya Akulah yang Wajar ditakuti kamu kerana Akulah yang menguasai segala urusan kamu di dunia dan di Akhirat. Serentak dengan memperkecilkan kedudukan orang-orang yang zalim dan dengan amaran terhadap azab Allah, al-Qur'an mengingatkan mereka dengan ni'mat-ni'mat Allah dan merangsangkan keinginan umat Muslimin agar Allah mengurniakan ni'mat yang sempurna kepada mereka apabila mereka menyambut perintah Allah dan menjunjungnya dengan patuh dan jujur.

(150)

150. "Dan agar Aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepada kamu dan agar kamu mendapat hidayat."

Itulah peringatan yang penuh dengan saranan dan perangsang dan tawaran limpah kurnia yang besar setelah dikurniakan limpah kurnia yang besar.

Ni'rmat yang diperingatkan kepada mereka ialah ni'mat yang ada di hadapan mereka. Mereka dapat menanggapinya di dalam diri mereka sendiri, di dalam kehidupan mereka, di dalam masyarakat mereka, di dalam kedudukan mereka di bumi dan di alam al-wujud ini.

Dahulu merekalah juga yang hidup di dalam kegelapan, kekotoran dan kebodohan jahiliyah, kemudian mereka berpindah ke dalam cahaya keimanan, ke dalam kebersihan keimanan dan ma'rifat keimanan dan mereka dapati kesan ni'mat itu dalam diri mereka begitu segar, jelas dan mendalam.

Dahulu merekalah juga yang hidup di zaman jahiliyah dalam bentuk suku-suku kaum yang berperang satu sama lain, yang mempunyai matlamat-matlamat hidup yang kecil dan minat-minat dan cita-cita yang terbatas, kemudian mereka berubah menjadi satu umat yang bersatu-padu di bawah panji-panji 'aqidah Islam, satu umat yang kuat dan gagah, satu umat yang mempunyai matlamat-matlamat yang tinggi, minat dan cita-cita besar yang berhubung dengan kepentingan umat manusia seluruhnya bukannya kepentingan menuntut bela terhadap satu suku kaum. Mereka dapati kesan ni'mat itu jelas kelihatan di sekeliling mereka sebagaimana mereka dapat melihatnya dengan jelas pada diri mereka sendiri.

Dahulu merekalah juga yang hidup di zaman jahiliyah dalam masyarakat yang rendah dan kotor, masyarakat yang mempunyai kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikiran yang simpang-siur dan nilai-nilai yang kacau dan tidak menetap, kemudian mereka berubah menjadi sebuah masyarakat Islam yang

bersih dan luhur, masyarakat Islam yang mempunyai kefahaman-kefahaman dan 'aqidah-'aqidah yang terang dan mempunyai nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang lurus. Mereka dapat melihat kesan ni'mat itu di dalam seluruh bidang hidup mereka sebagaimana mereka dapat menanggapinya di dalam hati mereka sendiri dan di dalam kedudukan mereka di kalangan umat-umat yang lain di sekeliling mereka.

Apabila Allah berfirman kepada mereka:

150. "Dan agar aku menyempurnakan ni'mat-Ku kepadamu,"

maka firman itu merupakan satu peringatan yang penuh dengan saranan, perangsang dan tawaran limpah kurnia yang besar selepas dikurniakan limpah kurnia yang besar.

Kita dapati ada tujuan yang baru pada setiap kali diulangi keterangan mengenai perintah mengadap kiblat yang baru itu. Kali yang pertama perintah mengadap kepada Masjidil-Haram itu disebut untuk menyatakan bahawa Allah telah memperkenankan hasrat Rasulullah s.a.w. yang sering menengadah ke langit berdo'a kepada Allah tanpa kalimat. Kali yang kedua disebut untuk menyatakan dengan tegas bahawa perintah mengadap kiblat (yang baru itu) adalah perintah yang benar dari Allah, iaitu perintah yang sesuai dengan hasrat dan do'a (Rasulullah s.a.w.). Kali yang ketiga disebut untuk mematah hujah-hujah manusia dan memperkecilkan pendirian mereka yang tidak tunduk kepada kebenaran dan hujah (yang betul).

Tetapi bagi kami — di samping tujuan-tujuan ini — kami dapati di sana ada kejadian yang telah berlaku di dalam barisan kaum Muslimin yang memerlukan ulangan, penegasan, penerangan dan analisis ini, yang membayangkan betapa hebatnya kempen-kempen (kaum Yahudi) yang menaburkan pengeliruan-pengeliruan dan pendapat yang karut dan kesannya yang mempengaruhi hati setengah-setengah orang Islam. Kesan-kesan itulah yang ditangani oleh al-Quranul-Karim. Kemudian ayat-ayat ini akan terus kekal di sepanjang zaman untuk menangani keadaan yang seperti ini di dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa dalam perjuangan dan pertarungan yang tidak pernah berhenti dan tidak pernah reda, lemah dan lembut.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

“Di bawah bayangan Al-Quran”

Al-Baqarah (Ayat 208 – 209)

(Pentafsiran ayat-ayat 208 - 209)

Di bawah bayangan dua lukisan yang menggambarkan contoh nifaq yang jahat dan contoh iman yang bersih ini, ayat-ayat yang berikut menyeru kaum Muslimin dengan sifat iman, iaitu sifat mereka yang dikenali umum supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka, dan supaya berwaspada dari mengikut jejak syaitan serta mengingatkan mereka dari tergelincir setelah mereka mendapat penerangan yang jelas:

(208)

208. "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa kamu dan janganlah kamu menurut jejak syaitan-syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang amat nyata."

(209)

209. "Oleh itu jika kamu tergelincir juga setelah datang kepada kamu keterangan-keterangan yang jelas, maka ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Itulah seruan kepada orang-orang Mu'min dengan nama keimanan iaitu seruan dengan sifat yang disukai mereka dan membezakan mereka, sifat yang menghubungkan mereka dengan Allah yang menyeru mereka agar seluruh mereka masuk ke dalam kedamaian.

Maksud pertama dari seruan ini ialah supaya orang-orang Mu'min menyerah seluruh jiwa raga mereka kepada Allah dan menyerah segala urusan mereka sama ada kecil atau besar kepada Allah. Mereka hendaklah menyerah secara mutlak kepada Allah tanpa meninggalkan sesuatu yang sumbang sama ada berupa fikiran atan perasaan, niat atau tindakan, kegemaran atau ketakutan yang tidak tunduk kepada Allah dan tidak redha dengan ketetapan dan keputusan-Nya. Mereka hendaklah memberi keta'atan dan kepatuhan kepada Allah dengan penuh keyakinan dan kerelaan. Mereka hendaklah menyerah diri mereka kepada qudrat Ilahi yang memimpin langkah-langkah mereka dengan keyakinan bahawa Allah mahukan mereka mendapat kebaikan, pengajaran dan petunjuk, dan dengan keyakinan bahawa mereka sedang menuju ke jalan dan kesudahan yang baik dunia dan Akhirat.

Penujuan da'wah yang seperti ini kepada orang-orang yang beriman itu membayangkan bahawa di sana ada orang-orang yang masih teragak-agak untuk memberi ketaatan dan kepatuhan yang mutlak kepada Allah sama ada di dalam sulit atau di dalam terang. Wujudnya orang-orang yang seumpama ini di dalam masyarakat Islam di samping golongan orang-orang yang penuh yakin dan redha itu memanglah suatu perkara yang biasa. Da'wah ini adalah ditujukan setiap masa kepada orang-orang yang beriman supaya mereka sentiasa ikhlas kepada Allah, dan supaya aliran fikiran dan perasaan mereka ini selaras dengan kehendak Allah

terhadap mereka dan selaras dengan matlamat yang dipimpin oleh nabi dan agama mereka tanpa digugatkan oleh sebarang keraguan dan keteragakan.

Apabila seseorang Islam menyambut da'wah itu dengan sambutan yang seperti itu bererti ia memasuki sebuah alam yang seluruhnya diselubungi kedamaian dan keamanan, sebuah alam yang seluruhnya dipenuhi kepercayaan dan keyakinan, kerelaan dan kemantapan, di mana tidak terdapat lagi sebarang kerunsingan dan kegelisahan, sebarang kedurhakaan dan kesesatan, iaitu kedamaian dengan jiwa dan hati nurani sendiri, kedamaian dengan akal dan logik, kedamaian dengan manusia dan makhluk-makhluk yang hidup, kedamaian dengan seluruh alam buana dan seluruh yang maujud, kedamaian dan keimanan yang menerangi liku-liku hati nurani, kedamaian dan keamanan yang memayungi kehidupan dan masyarakat, kedamaian dan keamanan di bumi dan di langit.

Kesan pertama yang dilimpahkan oleh kedamaian ini di dalam hati ialah kesahihan kefahaman dan kepercayaannya terhadap Allah, juga kejelasan dan kemudahan kefahaman dan kepercayaan itu sendiri bahawa Allah Tuhan Yang Maha Esa dan setiap Muslim hanya bertawajjuh kepada-Nya sahaja dengan hati yang teguh dan yakin. Hatinya bulat kepada Allah tanpa dikelirukan oleh berbagai-bagai kepercayaan yang lain. Ia tidak diburu oleh berbagai-bagai tuhan di sana sini seperti di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme dan jahiliyah. Ia hanya bertuhan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan hanya kepada Allah ia membulatkan hatinya dengan penuh keyakinan, ketenteraman, terang dan jelas.

Allah Maha Kuat, Maha Kuasa, Maha Perkasa dan Maha Gagah. Setiap Muslim yang bertawajjuh kepada Allah bererti ia bertawajjuh kepada kekuatan dan kuasa yang haqiqi dan tunggal di alam al-wujud ini. Ia tidak lagi takut kepada segala kekuatan dan kuasa lain yang palsu. Dia benar-benar merasa tenteram dan senang hati. Ia tidak lagi takut kepada sesiapa dan kepada sesuatu apa kerana ia menyembah Allah yang Maha Kuasa, Maha Perkasa dan Maha Gagah. Ia tidak lagi bimbang kehilangan sesuatu dan tidak mengharapkan sesuatu pada yang lain dari Allah yang berkuasa menahan dan memberi.

Allah Maha Adil dan Maha Bijaksana. Kekuatan dan kudrat kuasaNya menghindarkannya dari kezaliman, dari hawa nafsu dan penganiayaan. Allah tidak sama dengan tuhan-tuhan di dalam kepercayaan-kepercayaan paganisme dan jahiliyah yang mempunyai berbagai-bagai keinginan dan kehendak hawa nafsu. Setiap Muslim yang berlindung pada Allah bererti ia telah berlindung pada satu kuasa Yang Maha Kuat, di mana ia boleh meni'mati keadilan, pembelaan dan keamanan.

Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang, Pemberi dan Pengurnia segala ni'mat, Pengampun dosa dan Penerima taubat. Dialah yang menyambut do'a orang yang berada di dalam kesusahan dan menghapuskan kesusahan itu apabila ia memohon kepada-Nya. Oleh itu setiap Muslim yang berada di bawah naungan-Nya merasa aman, tenteram, selamat dan beruntung. Ia diberi rahmat apabila lemah dan diberi keampunan apabila bertaubat.

Demikianlah tanggapan seseorang Muslim terhadap sifat-sifat Allah yang telah diajarkan oleh Islam kepadanya. Ia dapati dalam setiap sifat Allah itu hakikat-hakikat yang mententeramkan hatinya, menenangkan jiwanya dan

menjamin perlindungan, rahmat kasihan belas, kekuatan dan keteguhan, kemantapan dan kedamaian.

Demikianlah hati seseorang Muslim dilimpahi kedamaian yang terbit dari kesahihan kepercayaan dan kefahamannya terhadap hubungan yang wujud di antara hamba dan Allah, di antara Allah dan alam buana, di antara alam buana dan manusia. Allah telah menciptakan alam buana ini dengan hikmat yang benar dan Ia telah menciptakan segala makhluk di alam buana ini dengan takdir yang rapi dan kebijaksanaan. Manusia adalah diciptakan dengan sengaja dan tidak akan dibiarkan sia-sia sahaja. Segala suasana dan keadaan alam yang sesuai dengan kewujudannya telah disediakan untuknya. Segala kejadian yang ada di bumi ini telah diciptakan untuk faedah dan kepentingannya. Ia dipandang tinggi di sisi Allah dan dialah khalifah Allah di bumi ini dan Allahlah yang menolongnya dalam melaksanakan tugas khilafah ini. Alam buana di sekelilingnya menjadi sahabat baiknya. Rohnya berpaut dengan roh alam buana apabila kedua-duanya bertawajjuh kepada Allah. Ia diundang menyaksikan pameran Ilahi yang diadakan di langit dan di bumi supaya ia meni'matinya dan bermesra dengannya dengan sepenuh mata dan hati. Ia diseru supaya berhubung mesra dengan segala sesuatu dan segala yang hidup di alam buana yang besar ini, yang penuh dengan sahabat handai yang juga turut diundang untuk menyaksikan pameran itu dan seluruh mereka turut membentuk pameran itu.

Agama yang membuat penganutnya berdiri di hadapan tumbuh-tumbuhan yang kecil dan menyarankan bahawa dia akan mendapat pahala apabila dia menyiram tumbuhan-tumbuhan itu dan berusaha supaya subur dan menghapuskan segala sesuatu yang menghalangi kesuburannya, adalah satu agama yang sungguh indah dan sungguh mulia yang mencurahkan kedamaian di dalam rohnya dan membebaskan rohnya berpeluk dengan alam buana dan berpeluk dengan segala makhluk yang ada, dan menyebarkan suasana aman, mesra, kasih sayang dan damai di sekeliling alam buana.

Kepercayaan kepada hari Akhirat menunaikan peranan asasinya dalam melimpahkan kedamaian keatas jiwa seseorang Mu'min dan alamnya, dan menghapuskan perasaan keluh kesah, bosan dan putus asa. Kira-kira penghabisan tidak dibuat di bumi ini dan balasan yang sempurna juga tidak dibuat di dunia ini. Kira-kira penghabisan akan diadakan di Akhirat, dan keadilan yang mutlak tetap terjamin di dalam kira-kira ini. Oleh sebab itu seseorang Mu'min tidak merasa menyesal terhadap usaha-usaha kebajikan dan terhadap jihadnya demi kepentingan agama Allah andainya usaha dan jihadnya itu tidak berjaya di bumi ini, dan andainya ia tidak pernah mendapat apa-apa balasannya dia tidak merasa gelisah terhadap upah dan ganjaran kerjanya jika upah dan ganjaran itu tidak diberi dengan sempurna di dunia ini mengikut penilaian-penilaian manusia, kerana dia yakin bahawa upah dan ganjaran itu akan disempurnakan kepadanya mengikut neraca pertimbangan Allah. Dia tidak merasa berputus asa dari mendapat keadilan apabila habuan-habuan kebaikan itu dibahagi-bahagikan bertentangan dengan kehendaknya dalam perjalanan hidup yang pendek ini. Keadilan pasti wujud kerana Allah tidak sekali-kali mahu menzalimi hamba-hamba-Nya.

Kepercayaan kepada hari Akhirat juga merupakan tembok yang menghalangkan pertarungan gila-gilaan dan pertentangan yang sengit, di mana nilai-nilai dan kehormatan-kehormatan dipijak-pijak tanpa segan silu, kerana di Akhirat manusia akan mendapat pemberian dan pengurniaan yang cukup dan akan mendapat pampasan terhadap hak-haknya yang terluput di dunia. Kepercayaan yang seperti ini dapat mencurahkan rasa damai di medan perlumbaan dan pertandingan, dan dapat menyalutkan suasana budi bahasa dan bersopan santun ke atas gerak-geri atau tindak-tanduk para peserta dalam perlumbaan dan pertandingan itu. Ia dapat mengurangkan kegelojohan dan kerakusan yang terbit dari perasaan bahawa peluang yang wujud di dalam usia yang pendek ini merupakan satu-satunya peluang yang terbuka kepadanya.

Seseorang Mu'min yang mengetahui bahawa matlamat kewujudan manusia ialah beribadat kepada Allah, iaitu ia diciptakan untuk mengabdikan dirinya kepada Allah, maka kesedaran yang seperti ini tidak syak lagi dapat mengangkatkannya ke puncak yang gemilang, iaitu ia meningkatkan perasaan dan hati nuraninya, meningkatkan kegiatan dan pekerjaannya, membersihkan cara-cara dan alat-alat pekerjaannya, kerana dia mahu berbakti kepada Allah dengan kegiatan dan pekerjaannya. Dia mahu beribadat kepada Allah dengan pendapatan dan perbelanjaannya dan dia mahu mengabdikan dirinya kepada Allah dengan kerja-kerja memerintah dan mentadbir di bumi dan menegakkan agama Allah. Oleh sebab itulah ia tidak seharusnya melakukan pengkhianatan dan penipuan, tidak seharusnya berlagak angkuh dan bertindak sewenang-wenang dan tidak seharusnya menggunakan cara-cara yang kotor dan hina. Begitu juga ia tidak seharusnya bertindak gopoh, memotong-motong jalan dan memayah-mayahkan kerja, kerana ia tetap akan sampai ke matlamat ibadatnya dengan niatnya yang ikhlas dan amalannya yang tekun dalam batas kemampuannya. Semuanya ini akan membuat dirinya tidak lagi dilambung-lambung oleh berbagai-bagai kebimbangan dan tamak haloba, dan tidak lagi dikongkong oleh kegelisahan-kegelisahan di mana-mana peringkat perjalanan hidupnya kerana dia beribadat pada setiap langkah yang dihayuni dan melaksanakan matlamat kewujudannya pada setiap mundar-mandirnya, dan dia mendaki menuju kepada Allah pada setiap kegiatan dan pada setiap bidang.

Seseorang Mu'min yang merasa bahawa dia berjalan dengan takdir Allah dan hidup dengan dengan keta'atan kepada Allah untuk melaksanakan iradat Allah, maka perasaan ini akan mencurahkan rasa ketenteraman, kedamaian dan kemantapan di dalam jiwanya. Dia dapat meneruskan perjalanannya tanpa digugatkan oleh rasa keseksaan dan keluh-kesah, rasa bosan dan marah apabila menghadapi halangan-halangan dan kesulitan, rasa putus harapan dari mendapat pertolongan, rasa takut kesesatan jalan atau rasa takut dari kehilangan balasan dan ganjaran. Oleh sebab itulah dia merasa begitu damai dan aman dalam jiwanya sehingga di saat-saat ia memerangi musuh-musuh Allah dan musuh musuhnya, kerana dia berperang kerana Allah, kerana sabilillah dan kerana meninggikan agama Allah. Dia bukannya berperang kerana mengejar kedudukan dan keuntungan atau kerana memuaskan keinginan atau kerana harta kekayaan dan kesenangan hidup dunia.

Seseorang Mu'min juga merasa bahawa dia berjalan seiringan dengan alam buana mengikut Sunnatullah. Undang-undang yang dipatuhinya ialah undang-undang yang dipatuhi oleh alam buana, dan arah yang ditujuinya ialah arah yang ditujui alam buana. Di sana tidak ada sebarang pertentangan dan permusuhan di antara dia dengan alam buana, tidak ada sebarang pembaziran kerja dan tenaga. Seluruh kekuatan alam buana bergabung dengan kekuatannya dan berpedoman dengan nur hidayat Allah yang menjadi pedomannya, serta sama-sama bertawajjuh kepada Allah yang juga menjadi matlamat tawajjuhnya.

Taklif-taklif yang diwajibkan ke atas setiap Muslim itu adalah taklif-taklif yang sesuai dengan fitrah manusia dan bertujuan untuk membetulkan fitrah itu. Taklif-taklif itu tidak melampaui batas kemampuan manusia dan tidak mengabaikan tabiat dan struktur kejadiannya. Ia tidak mensia-siakan mana-mana tenaga manusia, malah setiap tenaga dibebaskan bekerja, membena dan menyubur. Ia tidak melupakan mana-mana keperluan jasmani dan ruhani manusia malah ia memenuhi setiap keperluannya dengan mudah, toleransi dan mewah. Oleh sebab itu seseorang Mu'min tidak merasa bingung dan keluh kesah dalam melaksanakan taklif-taklif yang diwajibkan ke atasnya. Ia memikul taklif-taklif mengikut keupayaan dan kemampuannya dan meneruskan perjalanannya menuju Allah dengan tenang, tenteram dan aman damai.

Masyarakat yang diwujudkan oleh sistem hidup Rabbani ini dan hidup di bawah naungan peraturan-peraturan yang melahirkan 'aqidah yang indah ini di samping jaminan-jaminannya terhadap keselamatan jiwa, maruah dan harta benda adalah semuanya memain peranan mengembangkan kedamaian dan menyebarkan semangat keamanan.

Masyarakat yang berkasih sayang, bersatu padu, bertakaful dan seimbang yang telah diwujudkan sekali oleh Islam dengan bentuknya yang paling tinggi dan bersih, kemudian terus mewujudkannya dengan berbagai-bagai bentuk di dalam berbagai-bagai zaman yang berbeza-beza darjah kebersihannya, tetapi pada keseluruhannya ia masih merupakan satu masyarakat yang lebih baik dari segala masyarakat yang lain yang dibentuk oleh jahiliyah dahulu dan sekarang, dan lebih baik dari segala masyarakat yang dicemari oleh jahiliyah dengan kepercayaan-kepercayaan dan peraturan-peraturan keduniaannya.

Masyarakat ini hanya diikat oleh seutas tali hubungan sahaja, iaitu tali hubungan di mana leburnya hubungan-hubungan bangsa dan negara, bahasa dan warna dan segala hubungan sementara yang lain, yang tidak ada hubungan dengan hakikat insan.

Masyarakat ini ialah masyarakat yang mematuhi perintah Allah yang menyarankan:

10. "Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu saudara."

(Surah al-Hujurat)

Ia juga sebuah masyarakat yang melihat bentuknya yang telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

"Bandingan perpaduan orang-orang Mu'min dalam hubungan saling mesra mereka, hubungan saling kasih dan saling simpati mereka sama dengan perpaduan sebuah jasad, jika mana-mana satu anggotanya sakit, maka seluruh jasad akan berjaga dan mengidap demam kerananya."

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Muslim)

Masyarakat ini mempunyai peradaban-peradabannya di antaranya ialah:

86. "Dan apabila kamu diberi ucapan salam maka jawablah ucapan itu dengan ucapan yang lebih baik darinya atau balaskannya dengan ucapan yang sama."

(Surah an-Nisa)

(18)

18. "Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak suka sekalian orang yang sombong dan membanggakan diri."

(Surah Luqman)

34. "Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang lebih baik nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia."

(Surah Fussilat)

(11)

11. "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum menghinakan satu kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghina dan janganlah pula wanita-wanita menghinakan wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang dihinakan itu lebih baik dari wanita-wanita yang menghina. Dan janganlah kamu mengaibkan diri kamu sendiri. Dan janganlah kamu memanggil di antara kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama ialah nama fasik sesudah seseorang itu beriman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang yang zalim."

(Surah al-Hujurat)

(12)

12. "Dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijikkannya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."

(Surah al-Hujurat)

Masyarakat ini mempunyai jaminan-jaminan di antaranya ialah:

(6)

6. "Wahai orang yang beriman jika seorang yang fasik datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenarannya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu."

(Surah al-Hujurat)

12. "Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan prasangka kerana setengah setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari keaiban orang lain)."

(Surah al-Hujurat)

27. "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya."

(Surah an-Nur)

dan.......

- -

"Setiap Muslim terhadap satu sama lain diharamkan darahnya, kehormatannya dan harta bendanya."

Masyarakat ini adalah masyarakat yang bersih. Di dalam masyarakat ini kejahatan seks tidak berkembang, kegiatan-kegiatan yang membangkitkan hawa nafsu berahi tidak berleluasa, perbuatan mendedahkan tubuh dan hiasan tidak tersebar, biji-biji mata tidak berkeliaran memandang aurat, nafsu-nafsu keinginan

tidak galak menceroboh kehormatan-kehormatan, kegilaan seks dan kerakusan nafsu darah dan daging tidak terlepas bebas seperti di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah dahulu dan sekarang. Masyarakat ini sentiasa dibimbing oleh berbagai-bagai arahan Rabbaniyah. Ia sentiasa mematuhi perintah Allah S.W.T. yang berbunyi:

(19)

19. "Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."

(Surah an-Nur)

(2)

2. "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dan keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Dan hendaklah penyeksaan keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman."

(Surah an-Nur)

(4)

4. "Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan mohsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka delapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya dan merekalah orang-orang yang fasik."

(Surah an-Nur)

(30)

30. "(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui segala apa yang dibuat oleh kamu."

(31)

31. "Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimilik mereka atau pembantu-pembantu rumah dan lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat-aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang apa sahaja perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah wahai orang-orang yang beriman supaya kamu mendapat keberuntungan."

(Surah an-Nur)

Dalam masyarakat ini isteri-isteri nabi sendiri - selaku isteri yang paling suci yang hidup di rumah yang paling suci dan di zaman yang paling suci - diberi perintah yang sama:

(32)

32. "Wahai isteri-isteri nabi, kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk semasa bercakap-cakap (dengan lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya dan bercakaplah di dalam perkara yang baik."

(33)

33. "Dan tetaplah di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah dahulu. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan perkara perkara yang boleh mencemarkan dari kamu wahai Ahlil Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."

(Surah al-Ahzab)

Di dalam masyarakat yang seperti ini isteri merasa aman terhadap suaminya dan suami merasa aman terhadap isterinya, dan sekalian wali-wali merasa aman terhadap kehormatan-kehormatan dan maruah-maruah mereka, dan seluruh orang merasa aman terhadap saraf dan hati mereka, kerana mata mereka tidak terlihat pemandangan-pemandangan yang menimbulkan nafsu berahi, dan mata mereka tidak menarik hati mereka melakukan perbuatan-perbuatan haram, iaitu melakukan pengkhianatan suami isteri yang bertimbal-balik ketika itu atau hidup dengan keinginan-keinginan nafsu yang tertekan dan menderita penyakit-penyakit jiwa dan kemeranaan saraf. Masyarakat Islam yang bersih dan suci akan terus aman dan tenang di bawah kebebasan sayap-sayap kedamaian, kesucian dan keamanan.

Akhir kata, masyarakat Islam menjamin kerja dan rezeki kepada setiap yang berdaya. Ia menjamin hidup yang baik kepada setiap yang lemah, dan menjamin isteri yang salih kepada setiap orang yang ingin hidup dengan nafsu yang bersih dan terkawal. Ia menganggapkan setiap orang yang hidup di dalam masyarakat sebagai bertanggungjawab dari segi kanun jenayah andainya ada seseorang yang mati kelaparan di dalam kalangan mereka, sehingga ada setengah-setengah ahli perundangan Islam berpendapat supaya mereka dikenakan denda membayar diyah.

Masyarakat Islam menjamin kebebasan dan keselamatan kehormatan, maruah dan harta benda dengan kekuatan undang-undang setelah dijamin dengan perintah-perintah dan arahan-arahan Allah yang pasti dipatuhi. Dalam masyarakat Islam tiada siapa yang boleh dihukum dengan prasangka. Tiada siapa yang boleh memanjat rumahnya kerana mencari rahsia Tiada siapa yang boleh diintip oleh pengintip rahsia. Tiada darah yang tumpah sia-sia selagi ada undang-undang qisas, dan tiada seorang pun yang kehilangan harta kerana dicuri atau dirompak selagi ada undang-undang hudud.

Masyarakat Islam ditegakkan di atas dasar syura, nasihat dan saling membantu di samping ditegakkan di atas dasar persamaan dan keadilan yang tegas, yang membuat seseorang itu merasa haknya terjamin dengan kekuatan syari'at Allah bukannya dengan kehendak pemerintah, kehendak pembesar-pembesar yang berada di sekeliling pemerintah dan kehendak kaum kerabat seorang pembesar.

Akhir kata masyarakat Islam adalah satu-satunya masyarakat di antara seluruh masyarakat manusia yang lain yang membuat manusia tidak tunduk kepada sesama manusia, malah setiap orang, baik pemerintah mahu pun rakyat wajib tunduk kepada Allah dan syariat belaka dan wajib melaksanakan hukum Allah dan syari'at-Nya. Seluruh mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama

rendah di hadapan Allah Tuhan semesta alam, pemerintah yang paling adil dengan penuh ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan.

Semuanya ini merupakan sebahagian dari makna-makna kedamaian ( ) yang diisyaratkan ayat ini, iaitu ayat yang menyeru umat manusia supaya memasuki dalam kedamaian agar mereka menyerahkan seluruh jiwa raga mereka kepada Allah, tiada satu pun yang pulang kepada mereka, malah semuanya pulang kepada Allah belaka dengan penuh kepatuhan dan penyerahan.

Makna kedamaian ( ) ini tidak dapat difahami dengan kefahaman yang sebenar oleh orang yang tidak pernah mengetahui bagaimana hebatnya kebingungan dan kegelisahan itu berleluasa dan berkecamuk di dalam jiwa yang tidak mendapat ketenangan iman, dan berkecamuk di dalam masyarakat-masyarakat yang tidak mengenal Islam atau pernah mengenal Islam kemudian meninggalkannya kerana kembali kepada jahiliyah yang memakai berbagai-bagai nama di sepanjang zaman. Inilah masyarakat-masyarakat yang malang dan berada di dalam kebingungan walaupun ia mempunyai segala sesuatu yang dapat memberikan kemewahan kebendaan, kemajuan ketamadunan dan seluruh nilai-nilai kemajuan mengikut tradisi jahiliyah yang menganut kepercayaan-kepercayaan yang sesat dan berpedomankan neraca-neraca yang rosak.

Cukuplah kepada kita merenungi satu contoh yang telah berlaku di sebuah negeri yang dianggap sebagai sebuah negeri yang paling maju di seluruh dunia, iaitu negeri 'Sweden' di mana habuan sabsidi yang diberikan kepada setiap seorang rakyat dan jumlah pendapatan kebangsaan ialah menyamai lima ratus paun setahun, dan di mana setiap orang diberi perlindungan kesihatan dan bantuan-bantuan sakit percuma di samping perubatan-perubatan percuma di hospital-hospital. Ia juga diberi pelajaran percuma di semua peringkat pelajaran di samping disediakan bantuan-bantuan pakaian dan pinjaman-pinjaman kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Kerajaan juga memberi sabsidi perkahwinan kira-kira tiga ratus paun untuk menyiapkan rumahtangga di samping berbagai-bagai kemewahan kebendaan dan ketamadunan yang menarik.

Tetapi apakah yang ada di sebalik kemewahan kebendaan, ketamadunan dan kekosongan hati dari keimanan kepada Allah itu? Umat Sweden merupakan satu umat yang terancam dengan keputusan keturunan. Jumlah kelahiran zuriat di kalangan mereka terus menurun dengan sebab kebebasan pergaulan dan jumlah perceraian yang tinggi, iaitu satu perceraian dalam setiap enam perkahwinan akibat kebebasan hawa nafsu, pendedahan kegiatan seks dan kebebasan percampuran lelaki dan perempuan. Kehidupan generasi barunya menyeleweng. Mereka menagih arak dan dadah untuk menggantikan kekosongan jiwa mereka dari keimanan, dan menggantikan ketenteraman hati mereka yang tidak mempunyai 'aqidah. Penyakit-penyakit jiwa dan saraf di samping berbagai-bagai perilaku yang ganjil menyerang ribuan jiwa dan saraf. Kemudian kejadian membunuh diri juga lumrah. Keadaan yang seperti ini juga berlaku di Amerika dan ia berlaku lebih buruk lagi di Rusia. Itulah kecelakaan hidup yang telah ditulis di atas setiap hati yang kosong dari kemanisan keimanan dan ketenteraman 'aqidah. Ia tidak dapat mengecap' rasa kedamaian yang diseru Allah supaya

sekalian orang-orang Mu'min diseru masuk dan hidup di dalamnya untuk meni'mati keamanan naungan kerehatan dan kemantapan.

(208)

208. "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa kamu dan janganlah kamu menurut jejak syaitan-syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang amat nyata."

Setelah Allah menyeru orang-orang yang beriman supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka, maka al-Qur'an mengingatkan mereka supaya jangan mengikut langkah-langkah syaitan, kerana di sana hanya terdapat dua haluan sahaja; Sama ada masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa atau mengikut jejak-jejak syaitan, sama ada memilih hidayat atau memilih kesesatan, sama ada mengikut Islam atau mengikut jahiliyah, sama ada menuju jalan Allah atau menuju jalan syaitan, sama ada memilih petunjuk Allah atau memilih penyesatan syaitan. Setiap Muslim harus memahami sikapnya dengan ketegasan yang seperti ini. Ia tidak seharusnya teragak-agak dan termangu-mangu di tengah-tengah berbagai-bagai jalan dan hala tujuan.

Di sana tidak ada banyak sistem hidup yang harus dipilih salah satunya oleh seorang Mu'min, atau mencampurkan salah satunya dengan yang lain. Tidak sekali-kali begitu! Sesiapa yang tidak masuk ke dalam kedamaian dengan semesta jiwanya dan tidak menyerahkan dirinya semata-mata kepada kepimpinan Allah dan syari'at-Nya, sesiapa yang tidak membuang segala kepercayaan yang lain, segala sistem hidup yang lain dari segala undang-undang yang lain, maka bererti dia berada di jalan syaitan dan berjalan mengikut jejak-jejak syaitan.

Di sana tidak ada penyelesaian jalan tengah, di sana tidak ada sistem hidup separuh-separuhan, tidak ada peraturan separuh di sana dan separuh di sini, malah pilihan yang ada di sana hanya salah satu dari dua, iaitu yang hak dan yang batil, hidayat dan kesesatan, Islam dan jahiliyah, sistem Allah atau penyesatan syaitan. Dalam bahagian ayat yang pertama Allah menyeru para Mu'minin supaya masuk ke dalam kedamaian dengan keseluruhan jiwa mereka dan dalam bahagian ayat yang kedua ia mengingatkan mereka dari mengikut jalan syaitan. Ia menggerakkan hati nurani dan perasaan mereka di samping menimbulkan perasaan takut di dalam hati mereka, iaitu dengan mengingatkan dendam kesumat dan permusuhan syaitan yang ketat terhadap mereka. Permusuhan itu amat jelas dan tiada siapa yang melupakannya melainkan manusia yang lalai dan kelalaian tidak wujud bersama iman.

Kemudian ayat yang berikut mengingatkan kepada mereka akibat kegelinciran setelah mendapat penerangan yang jelas.

(209)

209. "Oleh itu jika kamu tergelincir juga setelah datang kepada kamu keterangan-keterangan yang jelas, maka ketahuilah bahawa Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Peringatan yang menyebut bahawa Allah "Maha Perkasa" mengisyaratkan kekuatan dan kudrat kuasa Allah dan menyarankan bahawa mereka akan terdedah kepada tindakan kudrat Allah apabila mereka menyalahi perintah-Nya. Sementara peringatan yang menyebut bahawa Allah "Maha Bijaksana" menyarankan bahawa apa yang dipilih oleh Allah untuk mereka itulah yang paling baik dan sesuatu yang dilarangkan Allah itulah yang paling tidak baik, di samping menyarankan bahawa mereka akan menghadapi kerugian jika mereka tidak mematuhi perintah-Nya dan menjauhi laranganNya. Kedua-dua peringatan itu mengandungi ancaman dan amaran di tempat ini.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

“Di bawah bayangan Al-Quran”

An-Nisa’ (Ayat 58 – 70)

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 70)

(58)

58. "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."

(59)

59. "Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah kepada Allah dan taatlah kepada rasul dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu. Kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (al-Quran) dan rasul (as-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."

(60)

60. "Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."

(61)

61. "Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu berhukumkan perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh rasul nescaya engkau dapati orang Munafiqin menghalang darimu dengan penuh angkuh."

(62)

62. "Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa musibat kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyelesaian."

(63)

63. "Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mendalam kesan di dalam hati mereka."

(64)

64. "Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah dan andainya mereka — ketika menzalimi diri mereka — datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."

(65)

65. "Oleh itu demi Tuhan mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."

(66)

66. "Dan jika Kami mewajibkan ke atas mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu atau keluar dari kampung halaman kamu nescaya mereka tidak akan melakukannya melainkan sebilangan yang kecil sahaja dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka."

(67)

67. "Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami."

(68)

68. "Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."

(69)

69. "Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para syuhada' dan orang-orang yang salih dan merekalah sebaik-baik teman."

(70)

70. "Semuanya itu adalah limpah kurnia dari Allah dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (pahala balasan)."

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraannya)

Pelajaran ini membicarakan satu maudhu yang amat penting iaitu satu maudhu yang asasi di dalam kehidupan umat Muslimin. Ia membicarakan syarat keimanan dan batas yang mewakili di dalam sistem hidup Rabbani yang asasi bagi umat Muslimin. Kepentingan maudhu' ini adalah diambil dari maudhu ini sendiri, jika diambil dari cara hubungan dan persebatiannya dengan sistem hidup Rabbani yang asasi bagi umat Muslimin itu.

Al-Quran inilah yang mewujudkan umat Muslimin yakni mengeluarkannya di alam al-wujud secara langsung sebagaimana diterangkan oleh Allah dengan pengungkapan al Quran yang amat halus:

110. "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia. "

(Surah Ali Imran)

Al-Quran inilah yang mewujudkan umat Muslimin dari tiada. Ia melahirkan mereka supaya menjadi satu umat yang unik di dalam sejarah umat manusia:

110. "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia. "

(Surah Ali Imran)

Kita perlu tekankan hakikat ini dan menjelaskannya sebelum kita meneruskan pembicaraan ini. Sebenarnya al-Quranlah yang melahir dan mendidik umat Muslimin. Kemunculan umat Muslimin bukan sahaja merupakan kelahiran yang baru bagi satu umat, malah merupakan kelahiran yang baru bagi umat manusia dalam imejnya yang baru. Kemunculan mereka bukannya merupakan satu peringkat menuju ke arah kewujudan yakni bukan merupakan satu langkah menuju ke arah perkembangan dan bukanlah pula merupakan suatu lompatan dari lompatan-lompatan kebangkitan umat, malah — secara tepat — kemunculan mereka merupakan suatu kewujudan dan kelahiran bagi umat Arab dan umat manusia seluruhnya.

Apabila kita meneliti dewan Arab iaitu himpunan sajak-sajak dari peribahasa-peribahasa jahiliyah yang mengandungi pandangan-pandangan orang-orang Arab yang paling tinggi dan kekal terhadap kewujudan, terhadap hayat, terhadap alam buana, terhadap manusia, terhadap akhlak dan tingkahlaku di samping mengandungi ciri-ciri kehidupan mereka, perasaan-perasaan mereka, kefahaman-kefahaman mereka, intisari kebudayaan. Dan tamadun mereka dan seluruh keperibadian mereka… apabila kita meneliti keseluruhan kebudayaan, pemikiran dan kefahaman-kefahaman mereka dan nilai-nilai yang terkandung di dalam himpunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah itu.... apabila kita meneliti semuanya itu di bawah bayangan al-Quran yang mengandungi pandangannya terhadap kewujudan, hayat, alam buana, manusia, terhadap nilai-nilai dalam kehidupan manusia sistem masyarakat, terhadap konsep matlamat kewujudan manusia dan penyusunan peraturan-peraturan yang realistik yang dilandaskan di atas konsep ini….. kemudian kita meneliti pula realiti umat Arab sebelum Islam dan selepas Islam, iaitu realiti mereka di bawah kepercayaan-kepercayaan dan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang tergambar di dalam himpunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah kemudian realiti mereka di bawah kefahaman-kefahaman dan konsep-konsep al-Quran yang digambarkan oleh sistem hidup Rabbani….. apabila kita meneliti himpunan sajak-sajak dan peribahasa jahiliyah dan realiti kehidupan yang wujud di masa itu di bawah bayangan al-Quran dan realiti kehidupan Islamiyah nescaya ternyatalah kepada kita — secara pasti dan tepat — bahawa kemunculan umat Muslimin itu adalah suatu kelahiran bukannya sesuatu langkah atau peringkat perkembangan dan bukan pula sesuatu lompatan. Kemunculan mereka merupakan sesuatu pengeluaran dari ciptaan Allah sebagaimana yang digambarkan oleh al-Quran dengan pengungkapan yang amat halus. Ia merupakan sesuatu pengwujudan yang amat mengkagumkan dan sesuatu pengeluaran yang amat menghairankan. Ia merupakan kali yang pertama dan yang akhir — sejauh yang kami tahu — adanya satu umat yang lahir di antara dua kulit kitab suci dan adanya hayat yang keluar dari celah-celah kalimat-kalimat al-Quran.

Tetapi sebenarnya ini tidaklah menghairankan kerana kalimat-kalimat itu adalah kalimat-kalimat dari kalam Allah.

Sesiapa yang mahu berdebat bolehlah dia menjawab pertanyaan-pertanyaan kamu:

Di manakah umat Arab sebelum mereka dikeluarkan oleh Allah dengan kalimat-kalimat kalam-Nya, iaitu sebelum mereka diwujudkan Allah dengan Quran-Nya?

Kami memang tahu mereka tinggal di Semenanjung Tanah Arab, tetapi di mana mereka di dalam kewujudan insaniyah? Di mana mereka di dalam sejarah antarabangsa? Di manakah duduknya mereka di meja hidangan insaniyah antarabangsa? Apakah sumbangan mereka di meja hidangan itu hingga dapat dikenakan dengan nama mereka atau ditanda dengan cap mereka?

Umat Arab telah diwujudkan dengan agama ini dan telah dididik dengan sistem hidup yang luas ini. Mereka telah memimpin diri sendiri dan selepas itu memimpin umat manusia dengan kitab Allah yang ada di tangan mereka dan dengan sistem-Nya yang telah mencorakkan kehidupan mereka. Mereka bukannya diwujudkan dengan sesuatu yang lain. Dan ini telah dibuktikan oleh sejarah yang ada di hadapan kita. Allah telah menepati janji-Nya kepada mereka apabila Dia berfirman kepada mereka:

(10)

10. "Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu sebuah kitab (al-Qur'an) yang mengandungi sebutan nama kamu (yang harum) apakah tidak kamu berfikir?"

(Surah al-Anbia)

Dengan sebab kitab suci al-Quran inilah nama umat Arab disebut-sebut di muka bumi ini dan mereka dikenali mempunyai peranan di dalam sejarah. Dan bagi pertama kalinya mereka mempunyai kewujudan insaniyah dan tamadun antarabangsa. Namun demikian ada sekumpulan orang-orang yang tolol mahu menolak ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepada umat Arab itu dan mahu mengingkarkan limpah kurnia Allah yang telah menunjukkan kalam-Nya yang terakhir kepada seluruh penduduk bumi di tengah-tengah umat Arab dengan menggunakan bahasa mereka. Dan oleh sebab itulah kalam Allah itu telah memberi kewujudan, nama yang harum, sejarah dan tamadun kepada mereka. Kumpulan yang tolol itu mahu menanggalkan baju Islam yang dipakaikan Allah kepada mereka. Mereka mahu mengoyakkan bendera Islam yang telah membawa mereka kepada nama yang harum dan darjah yang mulia, malah telah melahirkan mereka ke alam al-wujud pada hari Allah mengeluarkan umat Muslimin dari kalangan mereka.

Di sini kami tegaskan apabila al-Quran mewujudkan umat Muslimin dan mendidik mereka, menggaris dan menegakkan ciri Islam yang baru di dalam kelompok Muslimin yang dipungut dari kaki bukit jahiliyah di samping menghapus ciri-ciri jahiliyah dari keladak-keladak di dalam kehidupan dan di dalam jiwa mereka dan mengatur masyarakat mereka dan membangunkannya semula di atas asas kelahiran mereka yang baru, apabila al-Qur'an menceburi perjuangan bersama kelompok Muslimin untuk menghadapi sisa-sisa keladak jahiliyah yang masih mendap di dalam jiwa mereka dan di dalam peraturan hidup mereka, iaitu sisa-sisa dari peninggalan masyarakat jahiliyah, di mana kelompok Muslimin telah dipungut oleh sistem hidup Rabbani, juga untuk menghadapi

jahiliyah yang sedang menunggu-nunggu peluang di sana untuk menyerang dan bersedia di sekeliling mereka, iaitu jahiliyah yang diwakili oleh kaum Yahudi di Madinah bersama-sama kaum Munafiqinnya dan kaum Musyrikin yang berada di Makkah dan di kawasan sekelilingnya, sedangkan masa dan tempat kedua-dua perjuangan ini adalah bersambung apabila al-Qur'an melakukan semuanya ini, maka mula-mulanya ia bertindak menegakkan pandangan dan kefahaman yang betul bagi kelompok Muslimin dengan menerangkan syarat keimanan dan batas keislaman kemudian dengan pandangan dan kefahaman inilah dihubungkan sistem hidup asasi mereka, iaitu sistem hidup Rabbani yang membezakan kewujudan mereka dari kewujudan jahiliyah yang ada di sekeliling mereka dan menjadikan mereka satu-satunya umat yang mempunyai ciri-ciri umat yang istimewa yang dilahirkan untuk kebajikan manusia iaitu untuk menjelaskan jalan hidayat kepada mereka dan memimpin mereka kepada Allah.

Pelajaran ini menjelaskan sistem Rabbani yang asasi ini. Ia adalah sistem yang tegak dan lahir dari pandangan Islam terhadap syarat keimanan dan batas keislaman.

Pelajaran ini menentukan pihak atau sumber, di mana umat Muslimin harus menerima peraturan-peraturan hidup mereka dan bagaimana cara menerima dan memahaminya dan dari mana mereka harus merujukkan kepadanya segala kemusykilan dan segala masalah yang tidak didapati nas atau menimbulkan pendapat-pendapat yang bertentangan, iaitu ia menjelaskan pihak berkuasa yang harus dita'ati mereka dan sebab keta'atan itu dan sumber kuasanya, dan di sini pelajaran ini menegaskan: Inilah syarat keimanan dan batas definasi keislaman.

Ketika itu barulah sistem hidup asasi (atau sistem hidup Rabbani) umat Muslimin mempunyai titik pertemuan dengan 'aqidah yang diimani mereka, iaitu ia bertemu dalam satu kesatuan yang padu tidak bercabang-cabang yakni tidak terpisah unsur-unsurnya.

Inilah maudhu' penting yang dijelaskan oleh pelajaran ini dengan penjelasan yang harus dan sempurna dan inilah persoalan yang kelihatan begitu mudah selepas membaca pelajaran ini menimbulkan kehairanan bagaimana seseorang Muslim tergamak mempertikaikannya?

Ia menjelaskan kepada umat Muslimin bahawa para rasul adalah diutus supaya dita'ati dan diikuti dengan perintah Allah bukannya diutus semata-mata untuk menyampaikan perutusan Allah dan meyakinkan manusia sahaja.

64. "Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah."

Ia selanjutnya menjelaskan kepada mereka bahawa manusia itu dikira tidak beriman melainkan apabila mereka berhakimkan kepada peraturan-peraturan Allah yang digambarkan — semasa hayat Rasulullah s.a.w. — di dalam hukum-hukum atau keputusan-keputusan beliau dan peraturan-peraturan yang kekal selepas beliau yang terkandung di dalam dua sumbernya, iaitu al-Qur'an dan as-

Sunnah. Mereka tidak cukup dengan semata-mata berhakim kepada beliau sahaja supaya dikira sebagai orang-orang Mu'min, malah mereka pasti menerima hukum-hukum atau keputusan-keputusan beliau dengan penuh kerelaan:

(65)

65. "Oleh itu demi Tuhan mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."

Inilah syarat keimanan dan batas keislaman. Ia menjelaskan pula kepada mereka bahawa orang-orang yang mahu berhakimkan Taghut — peraturan-peraturan yang lain dari syariat Allah — tidak lagi akan diterima dakwaan mereka bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada rasul dan kepada wahyu yang telah diturunkan sebelumnya kerana dakwaan itu adalah dusta semata-mata. Ia telah didustakan oleh kehendak mereka sendiri yang mahu berhakim kepada Taghut:

(60)

60. "Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."

Ia berkata lagi kepada mereka bahawa alamat nifaq ialah tindakan menghalangkan orang lain dari berhakimkan kepada peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah dan dari berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w.:

(61)

61. "Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu berhukumkan perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh rasul nescaya engkau dapati orang Munafiqin menghalang darimu dengan penuh angkuh."

Ini menjelaskan kepada mereka bahawa sistem keimanan dan sistem hidup mereka yang asasi ialah menta'ati Allah Azzawajalla (di dalam peraturan-

peraturan yang dijelaskan) di dalam al-Qur'an, dan mentaati Rasulullah s.a.w. (di dalam peraturan-peraturan yang terkandung) di dalam sunnahnya, juga menta'ati pemerintah-pemerintah dari orang-orang Mu'min yang termasuk di dalam syarat keimanan dan batas keislaman:

59. "Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah Allah dan ta'atlah kepada rasul dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu."

Kemudian ia menjelaskan kepada mereka bahawa tempat rujukan mereka apabila berlaku pertentangan pendapat di dalam masalah-masalah yang baru dan apabila timbul persoalan-persoalan yang tidak mempunyai hukum-hukum yang telah dinaskan ialah Allah dan rasul-Nya, iaitu syariat Allah dan rasul-Nya:

59. "Jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (al-Qur'an) dan rasul (as-Sunnah)."

Dengan cara begini sistem hidup Rabbani tetap selama-lamanya dapat menjadi penguasa yang mengawal segala kemusykilan dan segala persoalan yang timbul secara mendadak di dalam kehidupan umat Muslimin. Dasar ini menggambarkan sistem mereka yang asasi yang menjadikan mereka tidak Mukmin dan tidak Muslim kecuali mereka beriman dengannya dan berusaha merealisasikannya kerana ia menjadikan ketaatan dengan syarat-syaratnya yang tersebut, iaitu tindakan mengembalikan masalah-masalah yang baru muncul yang menimbulkan pendapat-pendapat yang bertentangan kepada Allah dan rasul-Nya adalah menjadi syarat keimanan dan batas keislaman. Ia menjadi syarat yang amat jelas mengikut nas yang jelas:

59. "Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Kita jangan lupa kepada penjelasan sebelum ini ketika menghuraikan firman Allah:

48. "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekutukannya dan mengampunkan dosa-dosa yang lain dari itu kepada sesiapa yang dikehendaki –Nya."

Di sana telah diterangkan bahawa kaum Yahudi telah dicap dengan perbuatan syirik terhadap Allah kerana mereka menjadikan orang-orang alim mereka selaku tuhan-tuhan yang lain dari Allah. Ini bukannya kerana mereka menyembah orang-orang alim itu, tetapi kerana mereka sanggup menerima hukum-hukum, halal dan haram yang dibuat oleh mereka, iaitu mereka memberi kepada orang-orang alim itu hak dan kuasa memerintah dan menggubal undang-undang dari ciptaan mereka sendiri akibat perbuatan inilah mereka telah dicap

sebagai orang-orang Musyrikin. Semua dosa-dosa yang lain dari syirik adalah diampunkan Allah walaupun dosa-dosa besar "walaupun dia berzina dan mencuri dan walaupun dia minum arak."[2]

Oleh itu tindakan memulangkan segala urusan bererti mengkhususkan sifat Uluhiyah kepada Allah S.W.T., juga mengkhususkan kuasa Hakimiyah (kuasa pemerintah dan menggubal undang-undang kepada Allah sahaja iaitu salah satu ciri Uluhiyah yang paling khusus bagi Allah. Sesiapa yang bertindak di dalam lingkungan ini dia tetap kekal menjadi seseorang Mukmin dan Muslim dan mempunyai harapan untuk mendapat keampunan terhadap dosa-dosanya termasuk dosa-dosanya yang besar, tetapi sesiapa yang bertindak di luar lingkungan ini, maka dia akan terjerumus ke dalam dosa syirik yang tidak akan mendapat keampunan Allah buat selama-lamanya. Itulah syarat keimanan dan ta'rif keislaman.

59. "Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Inilah maudhu penting yang dibicarakan oleh pelajaran ini di samping menjelaskan fungsi umat Muslimin di muka bumi ini, iaitu fungsi untuk menegakkan dasar keadilan dan akhlak yang mulia di atas landasan sistem Allah yang lurus dan selamat:

(58)

58. "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."

Kami telah menerangkan maksudnya secara ringkas oleh itu marilah pula kita hadapi ayat-ayat ini dengan huraian yang terperinci.

(Pentafsiran ayat 58)

(58)

58. "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah (dan tanggungjawab) kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu mengadili mereka dengan

[2] *Petikan dari hadith.*

adil. Sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."

Inilah tugas-tugas kelompok Muslimin dan inilah akhlak mereka, iaitu menunaikan amanah-amanah dan tanggungjawab-tanggungjawab kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan menjalankan pengadilan di antara manusia dengan adil mengikut peraturan Allah dan pengajarannya.

Amanah-amanah itu adalah bermula dari amanah agung, iaitu amanah yang diserahkan Allah kepada fitrah insan, amanah yang enggan diterima dan takut dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang lalu dipikul oleh makhluk insan iaitu amanah hidayat dan ma'rifat dan beriman kepada Allah yang terbit dari niat, dari kemahuan, dari usaha yang bersungguh-sungguh dan dari kecenderungan hati. Inilah amanah istimewa fitrah insaniyah. Selain dari makhluk insan, maka makhluk-makhluk lain semuanya beriman kepada Allah, mendapat pertunjuk kepada Allah mengenal Allah, beribadat kepada Allah dan menta'ati Allah dengan ilham dari Allah. Makhluk-makhluk ini telah dipaksa Allah menta'ati undang-undang-Nya tanpa usaha yang bersungguh darinya, tanpa niat, tanpa kemahuan dan tanpa kecenderungan darinya. Ianya insan sahaja satu-satunya makhluk yang diserahkan kepada fitrahnya, akalnya, ma'rifatnya, kemahuannya, kecenderungan dan daya usaha yang dicurahkannya untuk sampai kepada Allah dengan pertolongan dari Allah:

69. "Dan orang-orang yang berjuang untuk mencari keredaan Kami nescaya Kami tunjukkan jalan-jalan Kami kepada mereka."

(Surah al-Ankabut)

Inilah amanah agung yang dipikul oleh makhluk insan dan mereka bertanggungjawab menunaikan amanah ini mula-mula sekali di antara amanah-amanah yang lain yang dipikul oleh mereka.[3]

Dari amanah yang agung inilah terbitnya segala amanah yang lain yang diperintah Allah supaya ditunaikan oleh manusia. Di antara amanah-amanah itu ialah amanah membuktikan kebenaran agama Islam ini pada diri sendiri dengan usaha bermujahadah agar dirinya sendiri merupakan terjemahan bagi agama ini, iaitu terjemahan yang hidup di dalam perasaan-perasaan dan perilaku-perilakunya sehingga orang ramai dapat melihat gambaran iman (kepada agama ini terlukis dengan jelas) pada dirinya (dan membuat mereka begitu tertarik) dan berkata: Alangkah baiknya keimanan ini, alangkah indahnya dan alangkah bersihnya! Ketika ia berusaha membentuk jiwa sahabat-sahabatnya dengan contoh-contoh akhlak dan kesempurnaan yang seperti itu. Inilah pembuktian terhadap kebenaran agama ini dengan gambaran diri sendiri yang boleh mempengaruhi orang lain. Kemudian amanah membuktikan kebenaran agama ini dengan berda'wah kepada orang lain supaya menganutinya dengan menerangkan kelebihan-kelebihan dan keutamaan-keutamaan setelah ciri-ciri kelebihan dan

[3] Lihat huraian yang luas dalam buku "   " bab "Hakikat Insan".

keutamaannya itu tergambar pada diri penda'wah itu. Seseorang Mu'min tidak cukup dengan hanya menunjukkan bukti kebenaran agama itu pada dirinya sahaja, malah hendaklah dia berusaha menyeru orang lain kepadanya. Jika tidak, maka dia belum dikira telah menunaikan amanah da'wah dan tabligh. Kemudian amanah membuktikan kebenaran agama ini dengan perjuangan menegakkan agama di bumi selaku sistem hidup bagi kelompok Mu'minin dan sistem hidup bagi umat manusia seluruhnya, iaitu berusaha dengan segala sarana yang dimiliki oleh setiap individu dan kolompok Muslimin. Perjuangan menegakkan sistem hidup Ilahi di dalam kehidupan manusia adalah salah satu dari amanah-amanah yang besar selepas keimanan diri sendiri dan tiada sesiapa — baik individu mahupun kelompok — yang terlepas dari tanggungjawab amanah ini. Oleh sebab itu — berdasarkan hakikat ini — kewajipan berjihad terus hidup sampai hari Qiamat untuk menunaikan salah satu dari amanah-amanah itu.

Di antara amanah-amanah itu lagi ialah amanah bermu'amalah dengan orang lain, iaitu mengembalikan barang-barang amanah mereka kepada mereka atau dengan lain perkataan amanah di dalam muamalah dan simpanan-simpanan harta benda, amanah bersikap jujur terhadap pemerintah dan terhadap rakyat, amanah menjaga dan mendidik kanak-kanak, amanah menjaga kehormatan kelompok Muslimin, menjaga keselamatan harta benda dan tempat-tempat perkubuan mereka dan termasuk segala kewajipan dan tanggungjawab yang diterangkan oleh sistem hidup Rabbani di dalam setiap bidang hidup umumnya. Semuanya ini termasuk dalam kumpulan amanah-amanah yang diperintah oleh Allah supaya ditunaikannya yang disimpulkan di dalam ayat ini.

Mengenai persoalan penghakiman di antara manusia dengan kehakiman yang adil itu, maka ayat ini mengumunkan keadilan itu dengan seluas-luasnya, iaitu meliputi seluruh manusia:

58. "Di antara manusia"

bukannya keadilan di antara orang-orang Islam sahaja dan bukan pula keadilan terhadap kaum Ahlil-Kitab sahaja, malah keadilan adalah hak setiap manusia dengan sifatnya sebagai "insan" kerana sifat inilah sahaja yang mewujudkan hak keadilan di dalam sistem hidup Rabbani dan pada sifat inilah bertemunya seluruh manusia sama ada mereka orang-orang yang beriman atau orang-orang kafir, sama ada kawan atau lawan, sama ada putih atau hitam dan sama ada bangsa Arab atau bukan bangsa Arab. Umat Muslimin adalah bertanggungjawab menghakimkan di antara manusia dengan hukuman yang adil - apabila mereka menghakimkan perkara mereka. Keadilan yang mutlak ini tidak pernah dikenali oleh umat manusia kecuali di tangan Islam dan kecuali di zaman Islam kecuali di zaman pemerintahan kaum Muslimin dan kecuali di zaman Islam memegang teraju kepimpinan manusia, iatu keadilan yang tidak wujud sebelum ini dan tidak wujud selepas Islam memegang teraju kepimpinan dunia, dalam masa ini manusia tidak pernah mencapai keadilan dalam bentuknya yang begitu mudah yang diberikan kepada seluruh manusia dengan sifat mereka sebagai "manusia"

bukannya dengan sesuatu sifat kelebihan yang lain dari sifat asal yang disyarikat oleh seluruh mereka.

Inilah asas kehakiman di dalam Islam sebagaimana amanah — dengan segala pengertiannya — menjadi asas kehidupan di dalam masyarakat Islam. [4]

Ulasan yang berikut ialah ulasan terhadap perintah menunaikan amanah-amanah kepada mereka yang berhak menerimanya juga terhadap perintah menghakimkan di antara manusia dengan hukuman yang adil dan ulasan ini merupakan peringatan bahawa apa yang terangkan Allah itu adalah sesuatu pengajaran dan bimbingan dari Allah S.W.T. dan itulah sebaik pengajaran dan bimbingan:

58. "Sesungguhnya Allah memberi sebaik pengajaran kepada kamu"

Marilah kita berhenti sejenak memperhatikan keindahan pengungkapan ayat ini dari segi gaya penyampaian. Asal susunan ungkapan ini ialah:

(58)

58. "Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat"

Tetapi pengungkapan al-Qur'an mendahulukan perkataan "Allah" dan menjadikannya isim kepada " " dan menjadikan " " " dan segala hubungannya sebagai khabar selepas dibuangkan khabar. Untuk menyarankan hubungan yang amat rapat di antara Allah dengan pengajaran yang diberikannya.

Tetapi sebenarnya apa yang diberikan Allah itu bukannya "pengajaran", malah ialah "perintah" namun al-Qur'an mengungkapkannya sebagai 'pengajaran' kerana pengajaran lebih mudah meresap ke dalam hati, lebih cepat meniti di dalam jiwa dan lebih dekat membawa ke arah pelaksanaan kerana dirangsangkan oleh perasaan sukarela, semangat kegemaran dan rasa malu kepada Allah.

Kemudian dikemukakan ulasan yang akhir yang menghubungkan perintah itu dengan Allah, dengan kesedaran bermuraqabah dengan-Nya, dengan perasaan takut kepada Nya dan dengan harapan kepada-Nya:

(58)

58. "Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat"

Keselarasan di antara taklif-taklif yang diperintah — taklif menunaikan amanah-amanah dan taklif menghakimkan dengan adil di antara manusia — dengan sifat Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat itu adalah jelas dan amat halus saranannya, iaitu jika Allah mendengar dan melihat segala persoalan keadilan dan amanah maka keadilan jika memerlukan kepada pendengaran yang teliti dan nilaian yang hemat, memerlukan kepada penelitian keadaan-keadaan latar belakang dan gejala-gejalanya dan mengkaji rahsia-rahsia di sebalik adalah

---

[4] *Lihat huraian yang luas di dalam buku " " bab " " dan bab " ".*

secara mendalam. Pada akhirnya (ia perlu dilaksanakan begitu kerana) perintah kedua-dua taklifat adalah terbit dari Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat segala perkara dan urusan.

(Pentafsiran ayat 59)

Kemudian apakah pula ukuran amanah dan keadilan itu?Apakah faedah memahami, menentu dan melaksanakan keadilan dan amanah di dalam semua bidang hidup dan di dalam semua aktiviti kehidupan?

Apakah pengertian amanah dan keadilan, juga cara mempraktik dan melaksanakan kedua-duanya diserahkan kepada tradisi dan istilah manusia? Atau diserahkan kepada pendapat-pendapat yang diputuskan oleh akal dan hawa nafsu mereka?

Akal manusia memang mempunyai timbangan dan nilainya sebagai salah satu alat dari alat-alat ma'rifat dan hidayat bagi manusia. Ini adalah benar-benar, tetapi akal manusia ialah akal individu-individu dan kelompok-kelompok dalam sesuatu masyarakat yang terpengaruh dengan berbagai-bagai pengaruh. Oleh itu di sana tidak ada apa yang boleh dinamakan "akal manusia" dengan pengertiannya yang mutlak, malah yang wujud di sana hanya akal saya dan akal anda, akal si anu atau si polan dan akal kumpulan manusia itu dan ini walaupun di mana-mana tempat dan di mana-mana zaman, dan semua akal manusia terletak di bawah berbagai-bagai pengaruh yang mencondongkannya ke sini atau ke sana.

Oleh itu pastilah diwujudkan satu neraca yang tetap yang dapat dirujukkan kepadanya segala hasil pemikiran bermacam-macam akal itu agar dengan neraca itu dapat diketahui sejauh mana salah betulnya dalam keputusan-keputusan yang telah diambil olehnya dan di dalam kefahaman-kefahamannya, juga sejauh mana penyelewengan, keterlaluan dan kelemahannya dalam keputusan-keputusan dan kefahaman-kefahaman itu. Nilai akal manusia di sini ialah ia sebagai alat yang disediakan untuk penggunaan manusia supaya ia dapat mengetahui mutu keputusannya dalam pertimbangan neraca ini, iaitu satu neraca yang tetap, yang tidak digugatkan oleh hawa nafsu dan tidak terpengaruh kepada berbagai-bagai pengaruh yang lain:

Neraca ukuran yang diciptakan oleh manusia itu sendiri tidak boleh dipakai, kerana kecacatan mungkin berlaku pada neraca-neraca itu sendiri dan ini boleh mengakibatkan segala nilai menjadi kacau selama manusia tidak kembali kepada neraca yang betul dan tetap.

Dan Allah S.W.T. telah menetapkan neraca ini bagi manusia untuk menimbang amanah dan keadilan, menimbang semula nilai, semua keputusan dan semua aktiviti dàlam setiap bidang hidup:

(59)

59. "Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atilah kepada Allah dan taatlah kepada rasul dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu. Kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (al-Quran) dan rasul (as-Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."

Di dalam ayat yang pendek ini Allah S.W.T. menjelaskan syarat keimanan dan ta'rif keislaman dalam masa ia menjelaskan dasar sistem asasi kelompok Muslimin, dasar kehakiman dan sumber kekuasaan dan semuanya itu adalah bermula dan berakhir pada titik dasar menerima segala undang-undang dan peraturan dari Allah Yang Maha Esa sahaja dan merujukkan kepada Allah segala perkara yang tidak ada nas, iaitu perkara-perkara perincian kehidupan yang timbul di dalam kehidupan manusia di sepanjang generasi yang silih berganti dan mengakibatkan pertentangan fikiran-fikiran pendapat-pendapat dan pemahaman-pemahaman supaya di sana ada satu neraca yang tetap yang dapat dirujukkan fikiran-fikiran, pendapat-pendapat dan pemahaman-pemahaman yang bercanggah itu.

Hak Hakimiyah iaitu hak dan kuasa memerintah dan menetapkan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam urusan kehidupan manusia sama ada kecil atau besar adalah dimiliki oleh Allah S.W.T. sahaja dan Allah telah mengaturkan syariatnya dan memuatkan di dalam kitab suci-Nya al-Qur'an dan Dia telah mengutuskan seseorang rasul membawa syari'at itu supaya beliau menjelaskannya kepada umat manusia. Oleh sebab itu apa yang dijelaskan oleh beliau bukanlah hasil dari pemikiran hawa nafsunya, kerana itu sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan sebahagian dari syari'at Allah.

Allah S.W.T. itu wajib dita'ati, dan di antara ciri-ciri Uluhiyah ialah hak dan kuasa mengaturkan syariat. Oleh sebab itu syari'at Allah wajib diamal dan dilaksanakan dan adalah menjadi kewajipan orang-orang yang beriman menta'ati kepada Allah — pertama-tamanya — dan menta'ati kepada rasul-Nya kerana sifatnya sebagai utusan dari Allah. Oleh itu jelaslah bahawa ketaatan kepada rasul itu adalah tergolong dari keta'atan kepada Allah yang telah mengutus beliau membawa syari'at-Nya supaya beliau menjelaskannya kepada umat manusia di dalam sunnahnya. Berdasarkan hakikat ini, maka sunnah Rasulullah s.a.w. dan segala keputusannya adalah sebahagian dari syariat yang wajib dilaksanakan dan keimanan seseorang itu tertakluk — ada dan tiadanya — kepada ketaatannya dan pelaksanaannya terhadap syariat itu mengikut nas al-Quran yang berikut:

59. "Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat."

Mengenai (Ulil Amr) atau pemerintah-pemerintah, maka ayat yang berikut menentukan siapakah mereka:

59. "Dan pemerintah-pemerintah dari golongan kamu."

Yakni mereka dari golongan orang-orang yang beriman yang terdapat pada mereka syarat keimanan dan batas keislaman yang diterangkan di dalam ayat yang mewajibkan taat kepada Allah dan taat kepada rasul dan mengkhususkan hak memerintah dan hak mengadakan undang-undang dan peraturan bagi manusia kepada Allah S.W.T. sahaja, juga mengkhususkan kewajipan menerima undang-undang dan peraturan-peraturan dari Allah sahaja di dalam perkara-perkara yang ada nas dan merujukkan kepadanya perkara-perkara yang tidak ada nas yang menimbulkan pertentangan fikiran-fikiran, pemahaman-pemahaman dan pendapat-pendapat supaya perkara-perkara itu dapat ditatbikkan atau dipadankan dengan dasar-dasar, umum di dalam nas-nas yang ada.

Ayat ini menjadikan keta'atan kepada Allah sesuatu keta'atan dasar dan menjadikan keta'atan kepada rasul-Nya juga sesuatu keta'atan dasar, kerana beliau diutuskan oleh Allah. Kemudian ia menjadikan keta'atan kepada pemerintah-pemerintah dari golongan Mu'minin itu sebagai keta'atan yang mengikut keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada rasul-Nya. Oleh sebab itulah al-Quran tidak mengulangi kata-kata "ta'at" ketika menyebut "pemerintah-pemerintah" sebagaimana ia mengulanginya ketika menyebut Rasulullah s.a.w. Ini untuk menjelaskan bahawa keta'atan kepada pemerintah-pemerintah itu adalah diambil dari keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada rasul-Nya setelah al-Qur'an menjelaskan bahawa pemerintah-pemerintah itu hendaklah dari golongan orang-orang yang beriman yang mengikut syarat-syaratnya.

Selepas penjelasan-penjelasan ini, maka keta'atan kepada pemerintah-pemerintah itu hendaklah dalam batas-batas yang dibenarkan oleh Allah dan tidak ada nas yang mengharamkannya iaitu keta'atan itu tidak boleh dilakukan di dalam perkara-perkara yang diharamkan Allah apabila dirujukkan kepada dasar-dasar syari'at-Nya ketika berlaku perselisihan pendapat. As-Sunnah telah menjelaskan batas-batas keta'atan itu dengan garis-garis yang tegas dan meyakinkan:

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith al-A'masy sabda Rasulullah s.a.w.:

"Sesungguhnya keta'atan itu hanya di dalam perkara-perkara yang baik sahaja."

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim juga dari hadith Yahya al Qattan sabda Rasulullah s.a.w.:

"Patuh dan ta'at itu diwajibkan ke atas orang Islam (kepada pemerintah) sama ada dalam perkara yang disukainya atau dibencikannya selama ia tidak diperintah melakukan perbuatan maksiat dan apabila ia diperintah melakukan perbuatan maksiat, maka tiada sebarang kepatuhan dan keta'atan."

Mengikut sebuah hadith yang dikeluarkan oleh Muslim dari Ummul-Husayn sabda Rasulullah s.a.w.:

"Walaupun yang memerintah kamu itu seorang abdi yang memimpin kamu dengan kitab Allah..... patuhlah kepadanya dan taatilah."

Dengan dasar ketaatan ini Islam menjadikan setiap orang Islam sebagai pengawal setia syari'at Allah dan sunnah rasul-Nya pengawal setia keimanannya dan agamanya, pengawal setia dirinya dan akalnya dan pengawal setia kepada nasib kesudahannya di dunia dan Akhirat. Islam tidak menjadikan seseorang Islam seperti seekor binatang dalam kumpulannya, di mana ia akan patuh dan ta'at jika diherdik di sana sini. Sistem Ilahi cukup jelas dan batas-batas ketaatan juga cukup jelas. Syari'at yang ditaati dan sunnah yang diikuti hanya satu sahaja. Ia tidak berbilang-bilang, tidak pula terpisah-pisah dan ia tidak menyebabkan seseorang meraba-raba di dalamnya di celah-celah berbagai-bagai andaian dan sangkaan.

Semuanya itu ialah dalam perkara-perkara yang ada nas yang terang. Adapun perkara-perkara yang tidak ada nas, iaitu perkara-perkara kemusykilan dan persoalan-persoalan baru yang timbul di sepanjang zaman atau timbul kerana perkembangan keperluan-keperluan manusia atau kerana perbezaan alam sekitar, sedangkan di sana tidak ada nas yang qati'i mengenainya atau tidak ada apa-apa nas langsung mengenainya hingga mengakibatkan berlakunya perselisihan fikiran, pendapat dan pemahaman ketika membuat penilaian terhadapnya maka Islam tidak meninggalkan perkara-perkara ini dalam keadaan yang tidak menentukan begitu, iaitu ia tidak meninggalkannya tanpa neraca dan tanpa kaedah perundangan dan kaedah mengeluarkan hukum-hukum cabangan, malah di dalam sambungan ayat pendek yang berikut, Islam telah meletakkan kaedah ijtihad yang lengkap dan menentukan batas-batasnya serta menegakkan "dasar" yang menguasai kaedah ijtihad itu.

59. "Jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu persoalan, maka rujukkanlah kepada Allah (al-Qur'an) dan rasul (as-Sunnah)."

Yakni rujukkanlah kepada nas-nas yang boleh dipadan atau disesuaikan dengannya secara tidak langsung dan andainya didapati nas-nas yang seperti itu, maka rujukkanlah kepada dasar-dasar kulli/semesta yang umum di dalam agama Allah dan syari'atnya dan ini bukannya dasar yang terapung-apung dan kacau-bilau dan bukan pula dasar-dasar samar, yang tidak diketahui dan menyesatkan akal manusia. Seperti yang pernah dikatakan oleh setengah-setengah tukang pesong. Sebenarnya di dalam Islam terdapat dasar-dasar asasi yang amat jelas

yang merangkumi segala aspek hidup yang asasi. Dasar-dasar ini memagar segala aspek hidup itu dengan pagar yang boleh dilihat setiap hati nurani Muslim yang dikawal dengan neraca agama ini.[5]

59. "Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat.

Keta'atan kepada Allah dan keta'atan kepada rasul dan kepada pemerintah-pemerintah yang Mu'min yang melaksanakan syari'at Allah dan sunnah Rasulullah dan kewajipan merujukkan segala persoalan yang dipertikaikan itu kepada Allah dan rasul-Nya adalah semuanya menjadi syarat keimanan kepada Allah dan kepada hari Akhirat, di samping merupakan kehendak dan keimanan kepada Allah dan kepada hari Akhirat. Oleh itu keimanan tidak wujud dari awal-awal lagi jika syarat itu tidak wujud dan keimanan juga tidak wujud jika kesannya yang teguh tidak wujud.

Setelah al-Qur'an mengungkapkan nas persoalan ini dalam bentuk pengungkapan bersyarat maka sekali lagi ia mengemukakannya dalam bentuk "pengajaran" galakan dan pemberangsangan seperti yang telah dilakukannya dalam perintah menunaikan amanah-amanah dan melaksanakan penghakiman yang adil kemudian dikemukakan galakan dan pemberangsangan.

(59)

59. "Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."

Yakni tindakan itu lebih membawa kebaikan kepada kamu dan lebih bagus kesudahannya, iaitu kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat. Elok kesudahannya di dunia dan elok kesudahannya di Akhirat. Oleh itu mematuhi sistem hidup Ilahi bukan sahaja membawa kepada keredhaan Allah dan menghasilkan pahala di Akhirat — selaku keutamaan yang paling besar — tetapi ia juga menghasilkan kebaikan di dunia dan menghakikat kesudahan yang baik bagi individu dan kelompok di dalam kehidupan di dunia ini.

Sistem hidup Ilahi ini bertujuan supaya "manusia" dapat meni'mati kelebihan-kelebihan satu sistem yang diciptakan untuk mereka oleh Allah Pencipta Yang Maha Bijaksana, Maha Mengetahui, Maha Melihat dan Maha Mendalam ilmu-Nya, satu sistem yang selamat dari kejahatan dan hawa nafsu manusia, dari kelemahan dan keinginan-keinginannya, satu sistem yang tidak memilih kasih terhadap seseorang atau terhadap sesuatu golongan atau terhadap sesuatu kaum atau terhadap sesuatu bangsa atau sesuatu generasi manusia, kerana Allah adalah Tuhan kepada semua dan Maha Sucilah Allah dari dipengaruhi keinginan pilih kasih terhadap seseorang atau sesuatu golongan atau sesuatu kaum atau sesuatu bangsa atau sesuatu generasi.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi Penciptanya adalah Pencipta manusia itu sendiri yang mengetahui hakikat fitrahnya dan keperluan-keperluan yang sebenar bagi fitrahnya. Dia mengetahui segala liku-liku dan jalan-jalan jiwa

[5] *Lihat huraian yang luas dalam buku* " " *bab* " ".

manusia dan mengetahui pula cara-cara yang sesuai untuk berbicara dengannya dan untuk mengislahkannya Dia — Maha Sucilah Dia — tidak meraba-raba di padang gurun ujian dan percubaan kerana menjadinya satu sistem yang sesuai dan tidak membebankan manusia menanggung perbelanjaan-perbelanjaan percubaan yang berat apabila mereka meraba-raba di dalam percubaan di padang gurun tanpa pemandu. Bagi manusia cukuplah mereka membuat percubaan-percubaan dalam bidang penciptaan-penciptaan kebendaan apa sahaja yang disukai mereka, kerana bidang ini adalah satu bidang yang amat meluas untuk diterokai oleh akal manusia. Begitu juga cukuplah bagi mereka berusaha dengan akal mereka untuk mempraktikkan sistem hidup Ilahi ini dan untuk memahami tempat-tempat qias dan ijtihad dalam perkara-perkara yang menimbulkan perselisihan pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi ini ialah Penciptanya adalah Pencipta alam ini sendiri yang menjadi pentas hidup manusia. Pencipta alam ini telah mengurniakan kepada manusia satu sistem yang menjamin bahawa seluruh dasarnya sesuai dengan undang-undang alam buana, yakni sistem ini tidak akan bertarung dengan undang undang alam buana, malah akan berkenalan dan bersahabat baik dengannya serta mengambil manfaat darinya. Sistem hidup Ilahi ini akan memandu manusia ke arah ini dan melindungi mereka.

Di antara kelebihan sistem hidup Ilahi ialah — di samping ia memandu dan melindungi manusia ia memulia dan menghormati mereka dan memberi tempat yang wajar kepada akalnya untuk bekerja di dalam sistem ini, iaitu tempat untuk berijtihad bagi memahami nas-nas yang datang dari Allah dan rasul-Nya kemudian berijtihad untuk merujukkan masalah-masalah yang tidak ada nas kepada nas-nas yang ada atau kepada dasar-dasar umum agama dan seterusnya kepada bidang yang tulen yang dapat dikendalikan oleh akal manusia dan dapat dikuasai sepenuhnya, iaitu bidang kajian ilmiyah mengenal alam buana dan penciptaan-penciptaan kebendaan.[6]

(59)

59. "Tindakan itu adalah lebih baik untuk kamu dan lebih elok akibatnya."

Amatlah benar dan tepat apa yang telah diterangkan oleh Allah Yang Maha Besar.

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 65)

Setelah selesai menjelaskan dasar kulli/semesta mengenai syarat keimanan dan batas keislaman, mengenai sistem asasi kelompok Muslimin dan mengenai sistem perundangannya dan dasar-dasarnya, maka al-Qur'an di dalam (ayat-ayat yang berikut) berpaling pula kepada orang-orang yang menyeleweng dari dasar ini dan mendakwa bahawa mereka adalah dari orang-orang yang beriman, sedangkan mereka telah membatalkan syarat keimanan dan batas keislaman itu

[6] Lihat buku " " bab " ".

apabila mereka mahu berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syariat Allah, iaitu mereka mahu berhakimkan "kepada Tharut, sedangkan mereka telah diperintah supaya jangan percaya kepadanya."

Al-Qur'an berpaling kepada mereka untuk menyatakan kehairanan terhadap perbuatan mereka dan untuk mengecam mereka, juga untuk memberi amaran kepada mereka dan orang-orang yang seumpama mereka bahawa syaitan selama-lamanya mahu menyesatkan mereka. Selanjutnya al-Qur'an menceritakan perilaku mereka apabila mereka diajak mengikuti peraturan yang telah diturun oleh Allah dan mengikuti Rasulullah s.a.w., iaitu mereka menolak dan menafikan ajakan itu. Tindakan ini dianggap suatu sikap yang Munafiq, begitu juga kehendak mereka yang mahu berhakimkan kepada Taghut itu dianggap suatu perbuatan yang mengeluarkan mereka dari keimanan, malah mereka tidak masuk dalam keimanan sejak dari awal-awal lagi. Al-Qur'an selanjutnya menceritakan alasan-alasan mereka yang lemah dan dusta ketika mereka mengikuti jalan yang keji itu dan alasan ini dikemukakan mereka apabila mereka ditimpa kesusahan. Walaupun demikian, namun Allah tetap mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya terus diberi nasihat dan pengajaran kepada mereka. Kemudian bahagian ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang menerangkan tujuan Allah mengutuskan para rasul, iaitu supaya mereka dita'ati. Kemudian sekali lagi ia menjelaskan dengan nas yang tegas tentang syarat keimanan dan batas keislaman:

(60)

60. "Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan thaghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."

(61)

61. "Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu berhukumkan perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh rasul nescaya engkau dapati orang-orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh."

(62)

62. "Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa muslihat kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyelesaian."

(63)

63. "Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mendalam kesan di dalam hati mereka."

(64)

64. "Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan supaya dita'ati dengan izin Allah dan andainya mereka — ketika menzalimi diri mereka — datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih.

(65)

65. "Oleh itu demi Tuhan, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."

Gambaran yang sedemikian rupa terhadap kumpulan yang diceritakan oleh ayat-ayat ini menyarankan bahawa peristiwa ini berlaku di zaman permulaan hijrah, di mana kaum Munafiqin dan kaum Yahudi yang bekerjasama dengan mereka masih sama-sama mempunyai kekuatan.

Mereka mahu berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syariat Allah, iaitu berhakimkan kepada Taghut. Mungkin kumpulan ini terdiri dari orang-orang Munafiqin — sebagaimana telah dijelaskan di dalam ayat yang kedua dari kumpulan ayat-ayat ini. Dan mungkin pula terdiri dari orang-orang Yahudi apabila mereka diajak berhakimkan kepada kitab Allah apabila timbul kes-kes guaman sesama mereka atau di antara mereka dengan penduduk Madinah. Kitab Allah yang dimaksudkan di sini ialah kadang kadang kitab Taurat dan kadang-kadang penghakiman Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang berlaku pada setengah-setengah kes guaman, tetapi mereka menolak dan mahu berhakimkan kepada tradisi-tradisi jahiliyah yang lumrah pada masa itu. Dalam masalah ini kami

tarjihkan andaian yang pertama kerana Allah telah menjelaskan keadaan mereka dalam firman-Nya:

60. "Orang-orang yang mendakwa bahawa telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkan-Nya sebelum engkau"

Sedangkan kaum Yahudi tidak memeluk Islam dan tidak pernah mendakwa bahawa mereka beriman kepada wahyu yang telah diturunkan-Nya kepada Rasulullah s.a.w, malah kaum Munafiqin sahaja yang mendakwa bahawa mereka beriman kepada - wahyu yang telah diturunkan kepada beliau. Dan kepada wahyu yang diturunkan-Nya sebelum beliau (mengikut sebagaimana kehendak aqidah Islamiyah yang mempercayai seluruh rasul).

Peristiwa ini tidak berlaku kecuali di dalam tahun pertama hijrah, iaitu sebelum kekuatan kaum Yahudi di kalangan Bani Qurayzah dan Khaybar belum lagi dihancurkan dan sebelum kedudukan kaum Munafiqin menjadi begitu lemah setelah berakhirnya kedudukan kaum Yahudi di Madinah.

Walau bagaimanapun kita dapati dalam kumpulan ayat-ayat ini satu penentuan yang lengkap, halus dan tegas tentang syarat keimanan dan batas keislaman dan kita dapati pertanyaan dari Allah S.W.T. sendiri bahawa orang-orang yang berhakim kepada Taghut itu dianggap tidak beriman kerana mereka telah diperintah supaya jangan mempercayai Taghut. Begitu juga kita dapati Allah S.W.T. bersumpah dengan zat-Nya Yang Maha Tinggi bahawa mereka tidak masuk di dalam keimanan dan tidak dikira sebagai orang-orang yang beriman sehingga mereka berhakimkan Rasulullah dalam kesan-kesan guaman mereka dan menta'ati, keputusan beliau dengan penuh kerelaan dan melaksanakannya dengan hati yang lapang, iaitu menerima keputusan beliau dengan penerimaan sukarela bukannya kerana lemah dan terpaksa, malah kerana yakin dan reda.

(60)

60. "Tidakkah engkau melihat orang-orang yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada wahyu yang telah diturunkan Allah kepada engkau dan kepada wahyu yang telah diturunkannya sebelum engkau, sedangkan mereka masih ingin berhakimkan Taghut meskipun mereka telah diperintah supaya mengingkarkannya? Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."

Yakni tidakkah engkau melihat sesuatu yang sungguh menghairankan, iaitu ada sekumpulan manusia yang mendakwa beriman, tetapi di dalam waktu yang sama mereka runtuhkan dakwaan itu. Mereka mendakwa beriman kepada wahyu yang telah diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu, kemudian mereka tidak mahu berhakimkan kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu? Malah mereka mahu berhakimkan kepada sesuatu yang lain, kepada peraturan yang lain

dan kepada hukum-hukum yang lain. Mereka mahu berhakimkan kepada peraturan Taghut yang tidak mengambil dari wahyu yang diturunkan kepadamu dan dari wahyu yang diturunkan sebelummu, iaitu peraturan yang tidak dikawal dan ditimbang dengan neraca wahyu yang diturunkan kepadamu dan wahyu yang diturunkan sebelummu. Oleh sebab itulah peraturan ini dikatakan Taghut yang zalim dan keterlaluan kerana ia mendakwa memiliki salah satu dari ciri Uluhiyah dan kenapa ia tidak tunduk kepada neraca Uluhiyah yang betul. Mereka berbuat begitu bukan kerana jahil dan bukan pula berdasarkan sangkaan-sangkaan malah mereka memang mengetahuinya dengan keinginan yang penuh dan dengan pengetahuan yang cukup bahawa perbuatan berhakimkan kepada Taghut adalah satu perbuatan yang diharamkan Allah. Firman Allah:

60. "Meskipun mereka diperintah supaya mengingkarinya."

Oleh kerana itu perbuatan mereka di dalam perkara ini bukan kerana kejahilan dan tidak pula kerana sangkaan malah mereka lakukannya dengan sengaja, dengan qasad dan niat. Oleh sebab itu dakwaan mereka yang mengaku beriman kepada wahyu yang diturunkan kepadamu dan kepada wahyu yang diturunkan sebelummu adalah satu dakwaan yang tidak betul dan jujur, malah yang sebenarnya syaitan mahu membawa mereka ke dalam kesesatan yang tidak ada harapan lagi untuk mereka kembali ke pangkal jalan.

(60)

60. "Syaitan memang bermaksud untuk menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh."

Inilah sebab sebenar yang tersembunyi di sebalik kemahuan mereka hendak berhakimkan Taghut. Inilah motif yang menyebabkan mereka terkeluar dari batas keimanan dan syaratnya dan mendorong mereka ke arah berhakimkan Taghut. Inilah motif yang didedahkan Allah kepada mereka supaya mereka sedar dan pulang ke pangkal jalan, juga kepada kelompok Muslimin supaya mereka mengetahui siapakah sebenarnya yang menggerakkan kaum Munafiqin dan berdiri di belakang mereka.

Ayat yang berikut menceritakan keadaan mereka apabila mereka diseru supaya mengikut perintah yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada perintah yang telah diturunkan sebelumnya kerana mereka mendakwa beriman kepadaNya:

(61)

61. "Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu berhukumkan perintah yang telah diturunkan Allah dan apa yang telah diputuskan oleh rasul nescaya engkau dapati orang-orang Munafiqin berpaling darimu dengan penuh angkuh."

Subhanallah! Tabiat nifaq selalunya membuka tembelang dirinya sendiri selalunya bertindak bertentangan dengan logik fitrahnya.

Mengikut logik fitrah yang jelas apabila seseorang itu beriman kepada suatu peraturan atau kepada seseorang tentulah dia mahu berhakimkan kepada peraturan dan kepada orang yang dipercaya itu. Oleh itu apabila dia mendakwa bahawa dia telah beriman kepada Allah dan kepada peraturan yang diturunkan-Nya dan beriman kepada rasul dan kepada peraturan yang diturunkan kepada beliau kemudian jika dia diseru supaya mematuhinya dengan berhakimkan kepada perintah-Nya, syari'at-Nya dan peraturan-Nya, maka sudah tentu dia akan memberi sambutan yang sepenuhnya kepada seruan itu mengikut logik fitrah, tetapi andainya dia enggan dan menolak maka tindakan itu tentulah bertentangan dengan logik fitrah dan mendedahkan tembelang nifaqnya di samping mendustakan dakwaannya yang mengaku beriman itu.

Kepada logik fitrah yang amat jelas inilah Allah menghakimkan orang-orang yang mendakwa beriman kepada Allah dan rasul-Nya, kemudian mereka tidak mahu berhakimkan kepada peraturan Allah dan rasul-Nya, malah menolak dan berpaling darinya dengan penuh angkuh.

Kemudian ayat yang berikut mendedahkan salah satu dari gejala tabiat nifaq di dalam tindak-tanduk mereka apabila mereka jatuh dalam sesuatu kesusahan atau musibat akibat keengganan mereka menyambut seruan supaya mematuhi peraturan yang telah diturunkan Allah dan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Rasulullah s.a.w. atau dengan sebab mereka cenderung berhakimkan Taghut. Di waktu inilah mereka mengeluarkan alasan-alasan yang seluruhnya mencerminkan tabiat nifaq mereka:

(62)

62. "Oleh itu bagaimana nanti jika mereka ditimpa muslihat kerana perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan mereka sendiri kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah: Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyesuaian."

Musibat ini kadang-kadang menimpa mereka dengan sebab pecahnya tembelang mereka di tengah-tengah kelompok Muslimin pada masa itu, di mana mereka terdedah kepada tindakan dibuang, dipulau dan dihina di dalam masyarakat Islam, kerana masyarakat Islam tidak sanggup melihat adanya di kalangan mereka orang-orang yang mendakwa beriman kepada Allah dan kepada peraturan yang diturunkan-Nya, juga beriman kepada rasul dan kepada peraturan yang diturunkan Allah kepada beliau, kemudian mereka lebih cenderung berhakimkan kepada peraturan yang lain dari syari'at Allah atau mereka bertindak menolak dan berpaling darinya apabila diajak berhakimkan kepada syari'at Allah. Sikap yang seumpama ini hanya diterima di dalam masyarakat yang tidak mempunyai keimanan dan keislaman yang sebenar, di mana seluruh keimanan di dalam masyarakat ini ialah dakwaan-dakwaan yang sama dengan

dakwaan-dakwaan kaum Munafiqin itu dan seluruh keislamannya ialah dakwaan-dakwaan dan nama-nama Islam sahaja.

Atau musibat itu kadang-kadang menimpa mereka akibat kezaliman yang dideritai mereka disebabkan mereka berhakimkan kepada peraturan yang lain dari peraturan Allah yang adil. Kini mereka pulang dengan kecewa dan menyesal kerana berhakimkan kepada Taghut di dalam sesuatu kes guaman mereka.

Atau musibat itu kadang-kadang menimpa mereka sebagai suatu ujian dari Allah supaya mereka berfikir dan mendapat hidayat.

Walau apa pun sebab musibat itu namun nas al-Quran tetap bertanya mengecam: Apakah yang akan berlaku di waktu itu? Bagaimana mereka pulang kepada Rasulullah sa.w.?

(62)

62. "Demi Allah, tiadalah kami kehendaki melainkan hanya kebaikan dan penyelesaian."

Inilah satu keadaan yang amat mengecewakan ketika mereka pulang dan menyedari kesalahan yang telah dilakukan mereka, tetapi mereka tidak sanggup menghadapi Rasulullah s.a.w. dengan motif mereka yang sebenar dan oleh itu dalam waktu yang sama mereka bersumpah dusta bahawa tujuan mereka bukannya hendak berhakimkan Taghut — mungkin yang dimaksudkan di sini ialah tradisi-tradisi jahiliyah — ialah mereka ingin melakukan kebaikan dan penyesuaian! Inilah alasan yang selalu digunakan oleh setiap orang yang tidak mahu berhakimkam kepada agama Allah dan syari'at-Nya, iaitu mereka mahu mengelakkan dari kesulitan-kesulitan, kesukaran-kesukaran dan kepayahan-kepayahan yang timbul kerana berhakimkan agama Allah dan syariat-Nya. Mereka mahu menyesuai dan menyelaraskan di antara berbagai-bagai anasir, berbagai-bagai kecenderungan dan berbagai-bagai kepercayaan. Inilah alasan orang-orang yang mengaku beriman, sedangkan mereka tidak beriman. Inilah alasan orang-orang Munafiqin yang memutar-belitkan. Alasan mereka sama sahaja di setiap zaman.

(Di dalam ayat yang berikut) Allah S.W.T. menanggalkan pakaian yang palsu dari batin mereka dan menceritakan kepada rasul-Nya bahawa dia mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati mereka, tetapi walaupun begitu, Dia tetap mengarahkan beliau supaya bertindak terhadap mereka dengan lemah-lembut dan memberi nasihat kepada mereka agar berhenti dari perbuatan yang tidak jujur ini:

(63)

63. "Merekalah orang-orang yang Allah memang mengetahui segala isi hati mereka. Oleh itu hendaklah engkau berpaling dari mereka dan berilah nasihat kepada mereka dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mendalam kesan di dalam hati mereka."

Yakni mereka yang menyembunyikan hakikat niat dan motif mereka dan mengemukakan alasan-alasan ini hendaklah mengetahui bahawa Allah mengetahui segala rahsia yang tersembunyi di dalam hati mereka. Cuma siasat yang diamalkan di waktu itu terhadap orang-orang Munafiqin ialah mengabaikan kesalahan mereka dan bertindak dengan lemah-lembut terhadap mereka dan meneruskan amalan memberi nasihat dan pengajaran kepada mereka.

Pengungkapan yang menarik dalam ayat yang berikut:

(63)

63. "Dan katakanlah kepada mereka perkataan yang mempunyai kesan mendalam di dalam hati mereka"

adalah satu pengungkapan yang memberi gambaran seolah-olah perkataan itu diletakkan secara langsung di dalam hati dan tersemat terus di dalamnya.

Kemudian (di dalam ayat yang berikut) al-Qur'an menggalakkan mereka pulang ke pangkal jalan, bertaubat kepada Allah, bersikap jujur dan mencari ketenangan di bawah naungan Allah dan bimbingan rasul-Nya setelah mereka menunjukkan kecenderungan berhakimkan kepada Taghut dan tidak menghiraukan Rasulullah s.a.w. apabila mereka diajak berhakimkan kepada Allah dan rasul. Pintu taubat masih terbuka dan peluang untuk kembali kepada Allah belum lagi terluput waktunya. Istighfar mereka kepada Allah terhadap dosa-dosa mereka dan istighfar Rasulullah s.a.w. terhadap mereka tetap diterima oleh Allah, tetapi sebelum semuanya ini al-Quran lebih dahulu menjelaskan satu dasar yang asasi, iaitu tujuan Allah mengutuskan para rasul ialah supaya mereka dita'ati dengan keizinan-Nya bukan supaya ditentang perintah-perintah mereka dan bukan pula supaya mereka semata-mata menjadi penasihat-penasihat sahaja atau menjadi guru sahaja:

(64)

64. "Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul melainkan supaya dita'ati dengan lain Allah dan andainya mereka — ketika menzalimi diri mereka — datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih.

Hakikat ini mempunyai makna yang penting, iaitu rasul itu bukanlah semata-mata "pemberi-pemberi nasihat" yang hanya bertugas menghemburkan pengajaran-pengajarannya kemudian berlalu dari situ membiarkan kalimah-kalimah pengajarannya hilang begitu sahaja ditelan gelombang udara tanpa mempunyai apa-apa kuasa seperti yang pernah dikatakan oleh tukang-tukang pesong yang mahu memesongkan tabiat agama Allah dan tabiat rasul atau seperti yang difahamkan oleh orang-orang yang tidak memahami pengertian "ad-Din" yang sebenar.

Pengertian "ad-Din" yang sebenar ialah sebuah sistem hidup yang realistik, lengkap dengan segala bentuk organisasi-organisasinya, perancangan dan penyusunan programnya, nilai-nilai, undang-undang, peraturan-peraturan, akhlak dan adab-bicaranya, ibadat-ibadatnya dan syi'ar-syi'arnya.

Semuanya ini menunjukkan bahawa kerasulan itu memerlukan "kuasa" menghakikatkan sistem hidup ini dan kuasa untuk menundukkan orang ramai supaya ta'at merealisasikan perintahnya. (Kini jelaslah) bahawa Allah telah mengutuskan para rasul-Nya supaya mereka dita'ati dengan keizinan-Nya mengikut batas-batas, undang-undang dan peraturan-Nya untuk merealisasikan sistem hidup agama Allah, iaitu sistem yang telah dikehendaki Allah supaya mengurus dan mengendalikan kehidupan manusia.

Tiada seorang rasul pun yang telah diutuskan Allah melainkan semuanya supaya mereka dita'ati oleh manusia dengan keizinan Allah. Oleh itu keta'atan kepada rasul bererti keta'atan kepada Allah. Dia tidak pernah mengutus rasul-rasul semata-mata untuk menggerakkan kesedaran hati nurani dan melaksanakan syi'ar-syi'ar ibadat. Ini adalah suatu tanggapan yang salah di dalam memahami "ad-Din" dan satu tanggapan yang tidak selaras dengan hikmat Allah mengutuskan para rasul, iaitu untuk menegakkan satu sistem hidup yang tertentu di dalam realiti hidup manusia. Jika tidak, maka alangkah kerdil dan kecilnya hidup dunia ini, di mana seluruh tugas seorang rasul hanya berdiri memberi nasihat dan mengeluarkan kata-kata pengajarannya kemudian berlalu begitu sahaja dari situ membiarkan nasihat-nasihat itu dipermain oleh manusia yang sewenang-wenang dan biadab.

Dari sinilah sejarah Islam telah bentuk sebegitu rupa sebagai satu da'wah dan tabligh, sebagai satu sistem hidup, sebagai satu bentuk pemerintahan dan seterusnya sebagai satu bentuk pemerintahan khilafah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, yang ditegakkan dengan kekuatan syari'at dan peraturan untuk melaksanakan syariat dan peraturan demi merealisasikan keta'atan yang berkekalan kepada Rasulullah di samping merealisasikan tujuan Allah mengutuskan Rasul kepada manusia. Di sana tidak ada satu bentuk yang lain boleh diistilahkan sebagai "Islam" atau "Agama" kecuali bentuk keta'atan kepada rasul yang direalisasikan dalam setiap undang-undang dan peraturan. Kemudian bentuk undang-undang dan peraturan itu berubah-ubah tetapi dasar dan hakikatnya tetap tidak berubah iaitu berserah bulat kepada sistem Allah dan merealisasikan peraturan Rasulullah dan berhakimkan kepada syari'at Allah dan menta'ati Rasulullah dalam segala perkara yang disampaikannya dari Allah, mengkhususkan Allah dengan sifat Uluhiyah yang dilambangkan dalam syahadat kemudian mengkhususkan ciri Hakimiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, iaitu menjadikan kuasa mengadakan undang-undang dan peraturan itu sebagai hak Allah semata-mata tanpa disyarikati oleh sesiapa pun dan tanpa berhakimkan kepada Taghut sama ada banyak atau sedikit dan kembali kepada Allah dan rasul dalam semua persoalan dan masalah baru yang tidak mempunyai nas apabila berlaku perselisihan pendapat.

Kemudian Allah memberi peluang bertaubat kepada orang-orang Munafiqin yang telah menzalimi diri sendiri di zaman Rasulullah s.a.w., yang

telah menyeleweng dari jalan Allah dan menggalakkan mereka supaya merebut peluang ini.

(64)

64. "Dan andainya mereka ketika menzalimi diri mereka datang menemui engkau dan memohon keampunan kepada Allah kemudian rasul memohon keampunan untuk mereka nescaya mereka dapati Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih."

Allah menerima taubat pada setiap waktu dari siapa sahaja yang bertaubat kepada-Nya dan Allah Maha Pengasih pada setiap waktu terhadap siapa sahaja yang pulang kepada-Nya. Allah sifatkan diri-Nya dengan sifat Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih dan Allah berjanji kepada mereka yang bertaubat dan beristighfar kepada-Nya bahawa Dia akan menerima taubat mereka dan akan melimpahkan rahmat keampunan-Nya ke atas mereka. Orang-orang yang termasuk di dalam nas ini pada masa dahulu mempunyai peluang mendapat istighfar Rasulullah s.a.w. untuk mereka dan sekarang peluang ini sudah habis tempohnya, tetapi pintu Allah tetap terbuka dan belum lagi ditutup dan janji-Nya juga masih tetap ditawarkan dan belum lagi dibatalkan oleh itu sesiapa yang ingin merebut peluang pulang kepada Allah silalah tampil ke muka dan sesiapa yang berazam hendak bertaubat silalah maju ke depan.

Pada akhirnya tibalah ayat yang tegas dan jelas, di mana Allah bersumpah dengan zat Yang Maha Tinggi bahawa seorang Mu'min itu belum lagi dikira beriman sehingga ia berhakimkam Rasulullah s.a.w. di dalam seluruh urusannya dan menerima keputusan beliau dengan penuh kerelaan tanpa sebarang perasaan terkilan di dalam hatinya dan tanpa sebarang perasaan teragak-agak untuk menerimanya:

(65)

65. "Oleh itu demi Tuhan, mereka tidak beriman sehingga mereka berhakimkan kepadamu dalam perkara-perkara yang telah dipertikaikan di antara mereka kemudian mereka tidak dapati di dalam hati mereka sebarang perasaan terkilan terhadap keputusan yang telah diputuskan engkau dan mereka menerima dengan penuh kerelaan."

Di sini sekali lagi kita dapati diri kita berada di hadapan syarat keimanan dan batas keislaman yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. sendiri yang bersumpah dengan zat-Nya dan selepas penjelasan ini tiada lagi ruang bagi sesiapa untuk memberi sesuatu pendapat atau dalam menentukan syarat keimanan dan batas keislaman kecuali pendapat dan takwilan kerana tujuan pertengkaran yang tidak wajar dilayani, iaitu seperti pendapat yang mengatakan bahawa tujuan ayat ini adalah bergantung dengan satu zaman yang tertentu sahaja dan terbatas kepada satu kumpulan manusia sahaja.

Inilah pendapat mereka yang tidak memahami sedikitpun tentang Islam dan tidak memahami sedikitpun tentang pengungkapan al-Qur'an, sedangkan hakikat yang diterangkan oleh ayat ini adalah salah satu dari hakikat-hakikat kulli/semesta Islam. Ia diungkapkan dalam bentuk sumpah yang kuat dan bebas dari segala ikatan dan di sana tiada ruang untuk memberi tanggapan yang salah bahawa tujuan berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w. ialah berhakimkan kepada peribadi beliau sendiri, malah tujuannya yang sebenar ialah berhakimkam kepada syari'atnya dan sunnahnya. Jika tidak, maka syari'at Allah dan sunnah Rasulullah tidak lagi mempunyai tempat selepas kewafatan beliau s.a.w. Pendapat yang seperti itu pernah dikeluarkan oleh golongan murtad yang paling degil di zaman Khalifah Abu Bakr r.a. Beliau telah memerangi mereka dengan peperangan yang dilancarkan ke atas orang-orang yang murtad, malah beliau telah memerangi mereka kerana perkara yang jauh lebih kecil dari itu lagi, iaitu semata-mata kerana mereka enggan ta'at kepada Allah dan rasul-Nya dalam hukum zakat dan tidak mahu menerima hukum zakat yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. selepas kewafatan beliau.

Dan andainya cukup untuk membuktikan "keislaman" apabila orang ramai Islam berhakimkan kepada syari'at Allah dan hukum-hukum rasul-Nya, tetapi ia tidak cukup untuk membuktikan "keimanan" selama tidak disertai dengan kerelaan dan penerimaan hati yang ikhlas dan penyerahannya yang penuh keyakinan.

Inilah keislaman dan keimanan yang sebenar. Oleh itu setiap Muslim hendaklah melihat di mana kedudukan dirinya dari Islam dan di mana kedudukan dirinya dari iman sebelum dia membuat dakwaan beragama Islam dan beriman.

(Pentafsiran ayat-ayat 66 - 68)

Setelah menjelaskan hakikat bahawa dada keimanan tanpa berhakimkan kepada Rasulullah s.a.w. dan tanpa menerima keputusan-keputusannya dengan penuh kerelaan, maka (di dalam ayat yang berikut) al-Qur'an kembali sekali lagi menerangkan bahawa peraturan dan syari'at yang diajak mereka berhakimkan kepada-Nya dan keputusan-keputusan Rasulullah yang diwajibkan mereka menerimanya adalah peraturan dan syari'at yang mudah dan keputusan-keputusan yang penuh bertimbangrasa. Ia tidak mentaklifkan mereka sesuatu yang melebihi daya keupayaan mereka atau sesuatu yang mendatangkan kesulitan kepada mereka. Ia tidak memaksa mereka mengorbankan sesuatu yang amat disayanginya, kerana Allah mengetahui segala titik kelemahan manusia dan penuh bertimbangrasa terhadap kelemahan itu. Allah mengetahui jika manusia dibebankan dengan taklif-taklif yang berat, maka tiada yang dapat menunaikannya kecuali sebilangan yang kecil sahaja. Allah tidak mahu mereka menderita kepayahan dan kesulitan dan tidak mahu mereka terjerumus ke dalam kesalahan melanggar perintah. Oleh sebab itulah Allah tidak mewajibkan ke atas mereka taklif-taklif yang mendatangkan kesulitan kepada mereka atau taklif-taklif yang menyebabkan ramai dari mereka melaksanakannya dengan taqsir atau terus

melanggar perintah. Dan andainya mereka melaksanakan taklif-taklif yang mudah yang telah diwajibkan ke atas mereka dan mematuhi pengajaran yang diberikan Allah kepada mereka nescaya mereka akan mencapai kebaikan yang amat besar di dunia dan Akhirat dan nescaya Allah menolong mereka dengan mengurniakan hidayat sebagaimana Dia menolong setiap mereka yang berjuang mencari hidayat dengan keazaman yang keras, kemahuan yang kuat, usaha yang bersungguh-sungguh dan kehendak yang teguh dalam batas keupayaan mereka:

(66)

66. "Dan jika Kami mewajibkan ke atas mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu atau keluarlah dari kampung halaman kamu nescaya mereka tidak akan melakukannya melainkan sebilangan yang kecil sahaja dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka."

(67)

67. "Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami."

(68)

68. "Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."

Agama Allah itu mudah. Ia boleh dilaksanakan oleh setiap orang yang mempunyai fitrah yang sihat. Ia tidak memerlukan kepada keazaman-keazaman yang luar biasa — yang lazimnya — tidak boleh didapati melainkan dalam kalangan sebilangan kecil manusia sahaja, sedangkan agama ini tidak diturunkan untuk segolongan kecil manusia yang seperti itu, malah ia diturunkan untuk seluruh manusia dari berbagai-bagai keturunan dan warna dan dari berbagai-bagai kelas dari segi kemampuan dan keupayaan melaksanakan taklif-taklif agama. Agama ini memberi kemudahan kepada seluruh mereka untuk melaksanakan keta'atan-keta'atan yang dituntut di dalam agama dan untuk menahan diri dari maksiat-maksiat yang dilarangkannya.

Taklif membunuh diri dan keluar meninggalkan kampung halaman merupakan dua contoh taklif yang berat yang andainya diwajibkan ke atas mereka tentulah tidak ada orang yang sanggup melaksanakannya kecuali segelintir manusia sahaja, tetapi taklif-taklif yang seperti ini tidak diwajibkan ke atas mereka, kerana tujuan taklif-taklif itu bukanlah supaya kebanyakan orang tidak dapat melaksanakannya, malah tujuannya ialah supaya ia dapat dilaksanakan oleh semua orang dan supaya angkatan iman itu merangkumi setiap orang normal yang biasa dan seterusnya supaya masyarakat Islam dapat merangkul manusia dari semua kelas hati, semua kelas keazaman dan semua kelas kesediaan dan dapat menyubur dan memajukan seluruh mereka di tengah perjalanan angkatan Mu'minin yang besar, syumul dan luas itu.

Ujar Ibn Juraij: Kami telah diceritakan oleh al-Muthanna iaitu Ishaq Abul-Azhar dari Ismail dari Abu Ishaq as-Subay'ii katanya: Apabila turun ayat:

ada seorang lelaki berkata: Jika Allah menyuruh kami nescaya kami kerjakannya tetapi Alhamdulillah syukurlah Allah telah melepaskan kami (dari taklif itu). Kemudian berita itu sampai kepada Nabi s.a.w. lalu beliau bersabda:

"Sesungguhnya di antara umatku ada lelaki-lelaki yang kekuatan iman mereka di dalam hati adalah lebih teguh dari gunung-ganang."

Mengikut riwayat Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Mus'ab ibn Thabit dari bapa saudaranya Amir ibn Abdullah ibn az-Zubayr katanya: Tatkala turun ayat:

Sabda Rasulullah s.a.w.;

"Andainya ayat ini turun (kepada kaum Muslimin) nescaya Ibn Ummi 'Abd termasuk di dalam golongan mereka."

Mengikut satu riwayat yang lain bagi Ibn Abi Hatim dengan isnadnya dari Syurayh ibn 'Ubayd katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. membaca ayat ini:

maka Rasulullah s.a.w. pun menunjuk dengan tangannya kearah Abdullah ibn Rawahah kemudian bersabda:

"Andainya Allah mewajibkan taklif ini nescaya orang ini (Abdullah ibn Rawahah) termasuk di dalam golongan yang kecil ini."

Rasulullah s.a.w. mengenali sahabat dengan pengenalan yang yakin, mendalam dan halus. Beliau mengetahui sifat-sifat istimewa setiap orang dari mereka lebih dari mereka mengenal diri mereka sendiri. Di dalam sirah terdapat banyak bukti yang menunjukkan betapa mendalamnya pengetahuan dan pengalaman beliau dengan setiap orang dari sahabat-sahabatnya. Begitu juga pengetahuan dan pengalaman beliau dengan tokoh-tokoh dan suku-suku kaum yang menentang dan memerangi beliau iaitu pengetahuan dan pengalaman seorang panglima tentera yang mengetahui dengan detailnya segala sesuatu dari sekalian orang yang ada di sekelilingnya. Pengetahuan dan pengalaman beliau yang seperti ini belum lagi dibuat kajian yang sewajarnya ini bukanlah maudhu pembicaraan kita di sini, tetapi yang menjadi maudhu' pembicaraan kita ialah

Rasulullah s.a.w. mengetahui bahawa di kalangan umatnya ada orang-orang yang sanggup melaksanakan taklif-taklif yang berat jika diwajibkan ke atas mereka, tetapi beliau juga mengetahui bahawa agama ini bukanlah diturun untuk segelintir manusia yang istimewa ini sahaja di antara seluruh manusia yang lain. Allah S.W.T memang mengetahui tabiat makhluk "manusia" yang diciptakan-Nya itu dan mengetahui batas-batas kemampuan dan keupayaannya. Oleh sebab itu Allah tidak mewajibkan di dalam agama yang ditunaikan untuk seluruh manusia itu melainkan taklif-taklif yang mudah bagi semua orang yang mempunyai keazaman yang sihat, fitrah yang sederhana dan niat hendak beribadat kepada Allah dan tidak bertindak sewenang-wenang dan tidak pula bersikap memandang ringan.

Penjelasan hakikat ini amatlah penting untuk menghadapi propaganda-propaganda yang meruntuh, iaitu propaganda-propaganda yang menggalakkan manusia ke arah kebebasan ala haiwan dan kebebasan bergelumang di dalam lumpur yang kotor seperti ulat-ulat dengan alasan bahawa inilah realiti hidup manusia inilah tabiat "manusia" dan fitrahnya dan inilah batas-batas kemampuan dan keupayaannya sedangkan agama merupakan da'wah yang misali yang diturun bukan untuk direalisasikan di dalam realiti kehidupan di bumi dan andainya ada seorang yang berupaya melaksanakan taklif-taklif agama maka di sana ada seratus yang tidak mampu melaksanakannya

Dakwaan ini pertama dusta, kedua menipu dan ketiga jahil, kerana ia tidak memahami "manusia" dan tidak mengetahui tabiatnya sebagaimana yang diketahui oleh Allah Penciptanya yang telah mewajibkan taklif-taklif agama itu ke atas mereka Allah S.W.T memang mengetahui bahawa taklif-taklif agama itu adalah termasuk di dalam lingkungan keupayaan manusia biasa kerana agama bukanlah diturun untuk segelintir manusia yang luar biasa.

Yang diperlukan di sini ialah keazaman seorang manusia biasa keikhlasan niat dan tindakan memulakan perjalanan dan ketika itu akan terlaksanalah apa yang djanjikan Allah kepada setiap orang yang beramal:

(66)

66. "Dan andainya mereka melaksanakan apa yang dinasihatkan kepada mereka tentulah lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman) mereka."

(67)

67. "Dan jika demikian tentulah Kami berikan pahala yang amat besar dari sisi Kami."

(68)

68. "Dan tentulah Kami bimbing mereka ke jalan yang lurus."

Sebaik sahaja dimulakan tindakan akan tibalah pertolongan dari Allah diikuti oleh pengukuhan dirinya supaya meneruskan perjalanan, diikuti oleh pahala yang besar dan hidayat ke jalan yang lurus. Amatlah besar dan tepat apa yang telah dijelaskan oleh Allah itu. Allah S.W.T. sama sekali tidak menipu para

hamba-Nya dan sama sekali tidak menjanjikan mereka sesuatu janji yang tidak ditepatinya, kerana Allah tidak bercakap kepada mereka melainkan sesuatu yang benar:

(87)

87. "Siapakah yang lebih benar perkataannya dari Allah."

Dasar "mudah" yang wujud di dalam agama Allah itu bukanlah bermaksud "bermudah-mudah" atau mencari segala yang mudah dan bukanlah bererti mengumpulkan segala kemudahan dan kebenaran di dalam agama ini dan menjadikannya satu sistem hidup, kerana di dalam agama ini terdapat kewajipan-kewajipan yang ketat dan serius yang dipanggil 'azimah dan terdapat pula kemudahan-kemudahan dan kebenaran-kebenaran yang dinamakan rukhsah. Kewajipan-kewajipan yang ketat dan serius merupakan pokok pangkal atau amalan dasar di dalam agama, sedangkan kemudahan-kemudahan dan kebenaran-kebenaran hanya merupakan peraturan-peraturan sementara untuk menghadapi keadaan-keadaan dharurat sahaja. Ada setengah-setengah penda'wah yang jujur dan berniat baik telah menggunakan kemudahan-kemudahan itu untuk menarik orang ramai kepada agama ini, iaitu mereka mengumpulkan kemudahan dan kebenaran-kebenaran yang dibenarkan oleh agama kemudian mereka bentangkan kepada orang ramai sambil berkata kepada mereka: Lihatlah betapa mudahnya agama ini! Ada pula setengah-setengah tukang ampu yang mahu memuaskan selera pemerintah atau selera orang ramai berusaha mencari jalan keluar dari celah hukum-hukum dan nas-nas iaitu mereka bertindak menggunakan agama sebagai jalan keluar untuk memuaskan selera-selera itu.

Agama Allah ini bukannya boleh dipilih-pilih begitu. Ia pasti diambil secara borong atau secara keseluruhan, iaitu harus diambil dengan segala 'azimahnya dan segala rukhsahnya. Ia memang mudah kepada manusia dengan erti semua taklifnya boleh dilaksanakan oleh manusia biasa apabila ia mempunyai keazaman, dan dalam hal ini dia boleh mencapai kesempurnaan peribadinya mengikut batas-batas keupayaan dan kemampuannya sebagaimana di dalam sebuah kebun buahan yang sama semua buah-buah seperti anggur, khukh, lai, tut, tin, mentimun dan sebagainya boleh mencapai kesempurnaan atau kematangan masing-masing walaupun dengan masa yang berlain-lainan. Di sini tiada buah yang boleh disifatkan sebagai tidak matang — walaupun ia telah matang — dengan alasan kerana rasanya kurang enak dari buah-buah dari jenis yang lain.

Di dalam kebun agama juga tumbuhnya sayur-sayuran dan mentimun, tumbuhnya pokok-pokok zaitun, delima, epal, burquq (plum), anggur, tin dan sebagainya dan semuanya masak dan matang dengan masa masing-masing. Walaupun berlainan masa tetapi semuanya masak belaka dan mencapai kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada masing-masing.

Itulah tanaman Allah di dalam kebun Allah di bawah jagaan Allah dan dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 70)

Pada akhirnya penjelajahan ini dan pada akhir pelajaran ini ayat yang berikut kembali pula memberi pemberangsangan kepada hati dan memberi isyarat kepada roh supaya merebut keni'matan bersahabat dengan nabi-nabi, para siddiqin, para syuhada' dan para salihin.

(69)

69. "Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para syuhada' dan orang-orang yang salih dan merekalah sebaik-baik teman"

(70)

70. "Semuanya itu adalah limpah kurnia dari Allah dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (pahala balasan)."

Itulah sentuhan yang merangsangkan perasaan setiap hati yang masih ada sebesar zarrah kebajikan dan kebaikan dan masih ada sedenyut harapan mendapat maqam yang mulia untuk bersahabat dengan tokoh-tokoh besar manusia yang memperolehi martabat yang tinggi di sisi Allah, kerana ni'mat persahabatan dengan kumpulan tokoh-tokoh yang tinggi hanya dapat dicapai dengan limpah kurnia Allah. Ia tidak boleh dicapai oleh seseorang semata-mata dengan kelebihan amalan dan keta'atannya sahaja, malah ni'mat itu adalah dari limpah kurnia Allah yang melimpah ruah.

Di sini eloklah kita hidup sebentar bersama-sama sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang begitu rindu hendak bersahabat dengan beliau di Akhirat kelak. Di antara mereka ada yang begitu kasih dan rindu hingga sampai ke tahap tidak mahu diambil nyawanya ketika ia memikirkan sa'at perpisahannya dengan beliau, sedangkan beliau s.a.w. masih hidup di kalangan mereka. Lalu turunlah ayat ini menenangkan kerinduan mereka yang luhur dan amat peka itu.

Ujar Ibn Jarir kami telah diceritakan oleh Ibn Humayd, kami telah diceritakan oleh Yakub al-Qummi dari Jaafar ibn Abi al-Mughirah dan Said ibn Jubayr katanya: Ada seorang lelaki dari kaum Ansar datang menemui Rasulullah s.a.w. dengan keadaan dukacita lalu Nabi s.a.w. bertanya: Mengapa aku nampak engkau berdukacita?" Jawab orang itu "Wahai Nabi Allah! Ada sesuatu yang saya fikirkan." Beliau bertanya: Apa dia?" Jawab orang itu, "Kami datang ke mari menemui anda kemudian balik. Sekarang kami dapat menatap wajah anda dan duduk bersama anda, tetapi besok anda akan diangkat bersama para anbia' dan tentulah kami tidak dapat ke tempat anda lagi". Nabi s.a.w. tidak menjawab sepatah pun. Kemudian turunlah Jibril membawa ayat ini.

(69)

69. "Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para syuhada' dan orang-orang yang salih dan merekalah sebaik-baik teman"

Lalu Nabi s.a.w. memanggil orang itu dan menyampaikan berita gembira ini kepadanya.

Menurut satu hadith Marfu' yang diriwayatkan oleh Abu Bakr ibn Mardawayh dengan isnadnya dari 'Aisyah r.a. katanya: Ada seorang lelaki datang menemui Nabi s.a.w. lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya anda telah dikasihi di sisiku dari diriku sendiri dan lebih dikasihi di sisiku dari isteriku dan lebih dikasihi di sisiku dari anakku. Sewaktu saya berada di rumah, saya teringat kepada anda dan saya tidak tersabar lagi sehingga saya datang menemui anda dan melihat anda dan apabila saya teringat kepada kematian saya dan kematian anda saya pun sedar bahawa selepas anda dimasukkan ke dalam Syurga kelak anda akan diangkat bersama para anbia' dan jika saya masuk Syurga saya bimbang bahawa saya tidak akan bertemu lagi dengan anda". Nabi s.a.w. tidak memberi apa-apa jawapan sehingga diturun ayat:

(69)

69. "Dan sesiapa yang ta'atkan Allah dan rasul, maka mereka kelak akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi ni'mat Allah iaitu dari nabi-nabi, para siddiqin, para syuhada' dan orang-orang yang salih dan merekalah sebaik-baik teman"

Tersebut di dalam Sahih Muslim dari hadith 'Aqi ibn Ziyad dari al-Auza'ii dari Yahya ibn Kathir dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman dari Rabi'ah ibn Kab al-Aslami katanya:

Aku bermalam di sisi Rasulullah s.a.w. lalu aku membawa kepadanya air untuk beliau mengambil wuhdu' dan menunaikan hajatnya. Kemudian beliau bersabda kepadaku:

"Mintalah (apa hajat engkau) Aku pun menjawab, "Wahai Rasulullah Saya minta bersahabat dengan anda di dalam Syunga." Lalu beliau bertanya, "Ada lagi hajat yang lain?" Jawabku: "Itulah sahaja hajat saya." Lalu beliau pun bersabda:

"Jika demikian, maka tolonglah aku dengan bertindak menolong dirimu sendiri dengan membanyakkan sujud (solat)."

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dari saluran-saluran yang mutawatir dari sekumpulan sahabat bahawa Rasulullah s.a.w. telah ditanya mengenai

seorang lelaki yang kasihkan kaum (Rasulullah dan sahabat-sahabat besarnya tetapi belum dapat bersama sama dengan mereka kerana taraf amalannya tidak setaraf dengan mereka) lalu jawab beliau, "Seseorang itu akan dikumpul kelak bersama-sama dengan orang-orang yang dikasihinya," Ujar Anas: Kaum Muslimin tidak pernah bergembira sama seperti mereka bergembira ketika mendengar hadith ini.

Persoalan bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. di Akhirat kelak telah menjadi persoalan yang merungsingkan hati dan menyerabutkan jiwa kaum Muslimin. Mereka telah merasa kemanisan persahabatan dengan beliau di dunia dan tentulah ia menjadi persoalan yang merungsingkan siapa sahaja yang pemah mengecap kasih rasul yang budiman itu, dan di dalam hadith yang akhir ini terdapat keterangan yang memberi harapan, keyakinan dan cahaya yang baru kepada mereka.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

“Di bawah bayangan Al-Quran”

Al-A’raf (Ayat 161 – 167)

(Pentafsiran ayat-ayat 161 - 162)

Kini marilah kita melihat bagaimana kaum Bani Israel menerima naungan dan perlindungan Allah dan bagaimana langkah-langkah mereka menyeleweng di sepanjang jalan:

(161)

161. "Dan (kenangilah) ketika dikatakan kepada mereka: Tinggallah sahaja di negeri ini dan makanlah dari hasil buminya di mana sahaja kamu suka. Dan berdoalah: Gugurkanlah dosa-dosa dari kami dan masuklah pintu kota itu dengan (melakukan harakat) sujud nescaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan pahala kepada para Muhsinin."

Allah telah mengampunkan mereka selepas mereka menyembah patung anak lembu, juga mengampunkan mereka selepas mereka ditimpa ledakan petir yang menggegarkan bukit itu. Allah telah mengurniakan segala ni'mat itu kepada mereka, tetapi mereka masih terus diselewengi tabiat mereka yang berbelit-belit dari jalan yang lurus, mereka terus melanggar perintah Allah, dan menukarkan nas-nas perintah Allah. Lihatlah apabila mereka diperintah memasuki sebuah negeri yang tertentu — al-Quran tidak menyebut namanya kerana ia tidak menambah suatu apa dari segi tujuan penceritaan kisah ini — dan mereka diberi sepenuh kebebasan meni'mati segala makanan yang baik-baik yang terdapat di negeri ini, tetapi dengan syarat mereka membaca doa yang tertentu ketika memasuki negeri ini dan melakukan harakat sujud ketika melintasi pintu kota rayanya sebagai tanda patuh kepada perintah Allah dan merendahkan diri di sa'at mendapat kemenangan sama seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ketika memasuki kota Makkah pada Tahun Penaklukan Makkah, di mana beliau sujud di atas kenderaannya. Sebagai balasan mematuhi perintah Allah, mereka telah dijanjikan Allah untuk mengampunkan dosa-dosa mereka dan menambahkan lagi ni'mat kebaikan kepada para Muhsinin dari kalangan mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka menukar ungkapan do'a yang telah diajarkan kepada mereka dan menukarkan harakat sujud yang diperintah supaya dilakukan mereka ketika melintasi pintu kota negeri itu… Mengapa? Kerana menyambut dorongan tabiat mereka yang menyelewengkan hati mereka dari kejujuran:

162. "Kemudian orang-orang yang zalim dari kalangan mereka telah menukarkan perkataan itu dengan perkataan yang tidak diajarkan kepada mereka."

Ketika inilah Allah menimpakan ke atas mereka azab dari langit yang pernah menurunkan kepada mereka ni'mat makanan madu manna dan daging burung salwa dan pernah melindungi mereka dari kepanasan matahari dengan payung awan yang teduh.

(162)

162. **“Lalu Kami lepaskan ke atas mereka azab dari langit dengan sebab kezaliman yang telah dilakukan mereka.”**

Demikianlah perbuatan mereka yang kufur dan zalim itu telah menzalimi diri mereka sendiri kerana ditimpa azab Allah.

Al-Qur’an tidak menjelaskan apakah jenis azab yang ditimpakan ke atas mereka pada kali ini kerana tujuan penceritaan kisah ini telah tercapai tanpa menjelaskan jenis azab itu. Yang menjadi pokok tujuan di sini ialah menerangkan akibat melanggar perintah Allah, menerangkan kebenaran amaran Allah dan kebenaran melakukan balasan yang adil yang tidak dapat dihindari oleh setiap orang yang melanggar perintah Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 163 - 167)

Sekali lagi kaum Bani Israel terjerumus ke dalam maksiat dan dosa, tetapi pada kali ini kesalahan mereka bukanlah kerana melanggar perintah Allah secara terang-terangan, bahkan kerana mereka memutar belitkan perintah Allah untuk melepaskan diri darinya. Mereka ditimpakan ujian Allah, tetapi mereka tidak sabar menghadapinya kerana kesabaran menghadapi ujian itu memerlukan tabiat yang kukuh dan padu untuk mengatasi dorongan nafsu dan keinginan-keinginan yang tamak.

(163)

163. **“(Wahai Muhammad!) Tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut, ketika mereka melanggar peraturan hari Sabtu (yang melarang bekerja), pada hari yang dimuliakan mereka itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan menimbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan Sabtu yang dimuliakan mereka ikan-ikan itu tidak kelihatan datang kepada mereka. Demikian Kami uji mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka.”**

(164)

164. **“Dan (kenangilah) ketika suatu kumpulan dari kalangan mereka berkata: Mengapa kamu memberi nasihat kepada golongan yang akan dibinasakan Allah atau akan diazabkan Allah dengan azab yang amat berat? Mereka menjawab: Nasihat kami itu sebagai tanggungjawab kami kepada Tuhan kamu dan supaya mereka bertaqwa.”**

(165)

165. "Dan apabila mereka telah melupakan nasihat-nasihat yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan mereka yang melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan Kami hukumkan orang-orang yang zalim itu dengan azab yang amat berat dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka."

(166)

166. "Kemudian apabila mereka berlagak angkuh terhadap perbuatan yang dilarang mereka melakukannya, Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina."

(167)

167. "Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan menyeksakan mereka dengan azab yang seburuk buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Penerangan ayat-ayat ini mengubahkan cara penceritaan, iaitu dari cara menceritakan peristiwa zaman silam Bani Israel kepada cara mencabar keturunan Bani Israel yang menentang Rasulullah s.a.w. di Madinah. Penjelasan ayat-ayat ini hingga kepada ayat 171 " " adalah ayat-ayat Madaniyah yang diturunkan untuk menghadapi kaum Yahudi yang berada di sana, kemudian ayat-ayat ini dimuatkan dalam Surah Makkiyah di tempat ini untuk melengkapkan cerita Bani Israel dengan nabi mereka Musa a.s.

Di sini Allah S.W.T menyuruh Rasulullah s.a.w. bertanya kepada kaum Yahudi tentang satu peristiwa yang diketahui umum di dalam sejarah datuk nenek mereka di zaman dahulu. Allah hadapi mereka dengan peristiwa sejarah ini dengan sifat mereka sebagai satu umat yang mempunyai generasi-generasi yang terus bersambungan, juga dengan tujuan mengingatkan mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka di zaman dahulu yang telah mengakibatkan sebahagian dari mereka diubahkan kejadiannya, dan seterusnya mengakibatkan seluruh mereka diterapkan dengan kehinaan dan kemurkaan Allah yang abadi kecuali mereka yang mengikut Rasulullah s.a.w. Hanya mereka sahaja yang akan dihapuskan dari mereka beban-beban kewajipan yang berat dan belenggu-belenggu yang mengikat mereka.

Al-Qur'an tidak menyebut nama negeri yang berhampiran dengan laut itu kerana ia memang diketahui oleh orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka. Peristiwa itu sendiri telah dilakukan oleh sekumpulan Bani Israel yang

tinggal di sebuah bandar yang terletak di tepi pantai. Sebelum ini Bani Israel telah menuntut agar ditetapkan untuk mereka satu hari kelepasan umum yang dapat dijadikan mereka sebagai hari raya untuk mengerjakan ibadat, iaitu hari cuti umum dari segala urusan kerja mencari rezeki. Lalu Allah tetapkan hari Sabtu sebagai hari hiburan mereka. Kemudian Allah hadapi mereka dengan satu ujian untuk menunjuk dan mengajar mereka bagaimana perlunya kekuatan kemahuan mereka diperkuat dan dipertingkatkan untuk melawan godaan-godaan nafsu dan keinginan-keinginan yang tamak. Latihan ini amat perlu kepada kaum Bani Israel yang mempunyai syakhsyiah dan tabiat yang lemah dan goyah dengan sebab kompleks rendah diri atau rasa hina yang dialami mereka sebegitu lama. Kemahuan mereka perlu dibebaskan selepas mereka ditindas, dihina dan diperhambakan Fir'aun supaya mereka dapat membiasakan diri dengan sikap yang tabah dan gigih apatah lagi sifat-sifat ini amat diperlukan oleh setiap mereka yang memikul tugas menyebarkan da'wah Allah dan dipilih untuk melaksanakan amanah menegakkan pemerintahan Allah di bumi.

Ujian terhadap kekuatan kemahuan untuk mengatasi godaan nafsu merupakan ujian pertama yang dihadapkan kepada Adam dan Hawa. Kedua-duanya gagal menghadapi ujian itu dan mengaku kalah kepada godaan syaitan yang mempesonakan mereka dengan angan-angan hidup abadi dan kekuasaan yang tak kunjung hilang. Kemudian ujian itu terus dijadikan ujian yang harus ditempuh oleh setiap kelompok sebelum mereka diserahkan amanah menegakkan pemerintahan Allah di bumi. Di sini yang berubah hanya bentuk ujian dan yang tetap tidak berubah ialah tujuan ujian.

Pada kali ini golongan Bani Israel yang diuji itu telah gagal untuk menghadapi ujian yang telah ditetapkan Allah ke atas mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang berulang-ulang kali dilakukan mereka sebelum ini. Allah telah menjadikan ikan-ikan itu kelihatan timbul di permukaan air laut pada setiap hari Sabtu, ia kelihatan mudah dipancing dan ditangkap, tetapi mereka terlepas peluang untuk menangkap ikan-ikan itu kerana pantang larang hari Sabtu yang dihormati mereka. Tetapi apabila hari Sabtu itu berlalu dan masuk hari-hari bebas yang lain, mereka dapati ikan-ikan itu tidak lagi muncul berhampiran pantai sebagaimana yang didapati mereka pada hari Sabtu. Inilah perkara yang diperintahkan Allah kepada Rasulullah s.a.w supaya mengingatkan mereka dengan peristiwa ini di sepanjang mengingatkan penipuan yang telah dilakukan mereka dan akibat buruk yang telah menimpa mereka:

(163)

163. "(Wahai Muhammad!) Tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut, ketika mereka melanggar peraturan hari Sabtu (yang melarang bekerja), pada hari yang dimuliakan mereka itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan menimbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan Sabtu yang dimuliakan mereka ikan-ikan itu tidak kelihatan datang kepada mereka.

Demikian Kami uji mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka."

Bagaimana peristiwa ini berlaku? Bagaimana ikan-ikan itu mengaturkan tindakan-tindakan yang sedemikian terhadap mereka? Itulah peristiwa luar biasa yang berlaku dengan keizinan Allah apabila dikehendaki oleh-Nya. Mereka yang tidak mengetahui akan menolak konsep kehendak Allah jika proses penguatkuasaan-Nya tidak berlaku dengan peraturan yang mereka namakan sebagai "undang-undang alam", sedangkan hakikat yang sebenar mengikut kefahaman Islam dan mengikut realiti adalah tidak begitu. Allah S.W.T. telah menjadikan alam ini dan mengadakan undang-undang yang mengaturkan perjalanannya mengikut kehendak Allah yang bebas, tetapi kehendak masyi'ah Allah tidak tertakluk kepada undang-undang alam ini dengan ertikata ia tidak boleh beroperasi kecuali mengikut undang-undang alam, malah kehendak masyi'ah Allah tetap bebas walaupun selepas wujudnya undang-undang alam ini. Inilah hakikat yang dilupakan oleh orang-orang yang tidak mengetahui. Jika hikmat dan rahmat Allah terhadap sekalian makluk-Nya menghendaki agar proses undang-undang alam itu berjalan dengan peraturan yang tetap, maka ini tidak bermakna bahawa undang-undang alam itu harus mengikat kebebasan kehendak masyi'ah Allah dan meletakkannya di dalam skop undang-undang alam. Oleh sebab itu apabila hikmat Allah menghendaki melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang alam yang berjalan dengan peraturan yang tetap itu, maka apa yang dikehendaki kehendak masyi'ah Allah yang bebas itulah yang berlaku. Di samping itu penguatkuasaan undang-undang alam pada setiap kali operasinya adalah berlaku dengan perencanaan Allah yang khusus dengannya. Ia bukannya berlaku secara automatik tanpa campurtangan perencanaan Allah. Sebagai undang-undang yang tetap, ia terus beroperasi mengikut peraturan itu selama kehendak masyi'ah Allah tidak menghendaki melaksanakannya dengan peraturan yang lain. Ini berlandaskan konsep bahawa segala apa yang berlaku — sama ada dari penguatkuasaan undang-undang yang tetap atau dari penguatkuasaan yang lain darinya — adalah berlaku dengan perencanaan Allah yang khusus dengannya, maka kedua-dua peristiwa mu'jizat dan undang-undang alam yang tetap adalah sama sahaja dari segi bahawa operasi dan penguatkuasaan kedua-duanya adalah berlaku dengan perencanaan Allah belaka. Tidak ada penguatkuasaan secara automatik yang berlaku dalam peraturan alam walaupun sekali sebagaimana yang difikirkan oleh orang-orang yang tidak mengetahui, dan kini mereka mulai menginsafi hakikat ini pada suku abad yang akhir ini.

Walau bagaimanapun peristiwa luar biasa itu telah berlaku kepada penduduk sebuah negeri yang berdekatan dengan laut dari kaum Bani Israel, di mana segolongan dari mereka telah dirangsangkan oleh perasaan tamak haloba (apabila melihat ikan-ikan yang menimbul di permukaan laut di tepi pantai itu pada setiap hari Sabtu itu) keazaman mereka (untuk mematuhi pantang larang hari Sabtu) itu telah patah dan mereka terus lupakan perjanjian mereka dengan Allah, lalu mereka bertindak mengaturkan tipu helah— mengikut cara orang-orang Yahudi — untuk menangkap ikan pada hari Sabtu. Dan alangkah banyaknya cara-cara tipu helah yang dapat dilakukan apabila hati telah

menyeleweng, apabila rasa taqwa berkurangan dan apabila urusan itu ditangani dengan nas semata-mata dan bertujuan untuk menghindarkan diri dari terikat dengan kehendak-kehendak nas yang zahir itu, kerana undang-undang itu tidak dapat dikawal oleh nasnya semata-mata dan tidak dapat dipertahankan oleh penjaga-penjaga sahaja, malah pengawal undang-undang yang sebenar ialah hati yang bertaqwa, di mana perasaan taqwa dan takut kepada Allah tersemat di lubuk hati dan hati inilah yang sanggup mengawal dan mempertahankan undang-undang. Tidak ada undang-undang yang dapat dijaga dari diseleweng oleh manusia, tidak ada undang-undang yang hanya dapat dikawal oleh kekuatan kebendaan dan pengawasan yang lahir sahaja. Kerajaan tidak akan berupaya — walau bagaimana kejam pemerintahannya — untuk mengadakan bagi setiap rakyat seorang pengawal yang sentiasa menjaganya untuk melaksanakan undang-undang dan mengawalnya selama perasaan takut kepada Allah tidak tersemat di dalam hati mereka dan selama mereka tidak bermuraqabah dengan Allah dalam keadaan yang sulit dan dalam keadaan yang terang.

Oleh sebab itulah gagalnya undang-undang dan peraturan yang tidak berlandaskan kawalan hati yang bertaqwa, dan gagalnya teori-teori dan aliran-aliran pemikiran ciptaan manusia yang tidak diizinkan Allah, dan dengan sebab yang sama lemahnya alat-alat ciptaan manusia untuk mengawal dan melaksanakan undang-undang dan seterusnya lemahnya langkah-langkah pengintipan dan pemerhatian manusia yang mengikuti urusan-urusan perjalanan undang-undang dari atas permukaannya yang lahir sahaja.

Demikianlah segolongan penduduk negeri yang terletak di tepi laut itu melakukan tipu helah untuk menangkap ikan pada hari Sabtu yang diharamkan kepada mereka. Menurut cerita, mereka mengadakan sekatan-sekatan untuk mengepung ikan yang menimbul pada hari Sabtu dan apabila tiba hari Ahad mereka menangkap ikan-ikan yang terkepung itu. Mereka berkata mereka tidak menangkap ikan-ikan itu pada hari Sabtu, kerana pada hari itu ikan-ikan masih berada di dalam air di belakang sekatan-sekatan itu dan belum lagi ditangkap.

Sementara sekumpulan yang lain melihat perbuatan itu sebagai tipu helah terhadap Allah lalu mereka memberi amaran kepada kumpulan yang melanggar larangan itu supaya mengingati akibat buruk dari penipuan mereka dan seterusnya mengecam tipu helah yang dilakukan mereka.

Di samping itu ada satu kumpulan ketiga yang berkata kepada golongan yang memberi nasihat kepada kumpulan yang pertama agar membuat perkara yang ma'ruf dan menjauhi perkara yang mungkar: Apakah gunanya kamu memberi nasihat kepada orang-orang yang melanggar perintah Allah itu kerana mereka tidak akan berpatah balik dari perbuatan-perbuatan jahat yang dilakukan mereka? Dan kerana mereka tetap akan ditimpakan kebinasaan dan azab dari Allah?

164. "Dan (kenangilah) ketika suatu kumpulan dari kalangan mereka berkata: Mengapa kamu memberi nasihat kepada golongan yang akan

dibinasakan Allah atau akan diazabkan Allah dengan azab yang amat berat?"

Maksudnya, tidak ada faedahnya memberi nasihat dan amaran kepada mereka setelah Allah memutuskan untuk menimpakan kebinasaan dan azab yang berat ke atas mereka dengan sebab mereka melanggar perintah Allah.

(164)

164. "Mereka menjawab: Nasihat kami ini sebagai tanggungjawab kami kepada Tuhan kamu dan supaya mereka bertaqwa."

Maksudnya, nasihat kami itu merupakan suatu kewajipan kami kepada Allah, iaitu kewajipan menyeru manusia kepada kerja-kerja yang baik dan melarang mereka dari kerja-kerja yang mungkar, juga kewajipan memperingatkan manusia dari melanggar perintah-perintah Allah dengan tujuan untuk menyampaikan tanggungjawab kami kepada Allah agar Dia mengetahui bahawa kami telah menunaikan tanggungjawab kami, juga dengan tujuan agar nasihat itu dapat mempengaruhi hati-hati yang degil dan dapat merangsangkan perasaan taqwa mereka.

Demikianlah penduduk negeri yang berhampiran dengan laut itu berpecah kepada tiga golongan atau tiga umat. Pengertian kata-kata "umat" dalam istilah Islam ialah kumpulan manusia yang menganut 'aqidah yang sama, mempunyai kefahaman agama yang sama dan tunduk kepada kepimpinan yang sama. Pengertian ini berlainan dari pengertian "umat" di dalam tanggapan jahiliyah purba atau jahiliyah moden kerana mengikut tanggapan jahiliyah istilah "umat" ialah kumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan bumi dan diperintah oleh satu kerajaan. Pengertian ini tidak dikenali dalam Islam, malah ia hanya dikenali sebagai salah satu dari istilah-istilah jahiliyah purba atau moden. [7]

Penduduk negeri itu telah berpecah kepada tiga golongan iaitu golongan penderhaka yang melakukan tipu helah, golongan yang menentang golongan penderhaka yang bertindak positif terhadap golongan penderhaka dengan membantah, mengecam, memberi tunjuk ajar dan nasihat yang baik dan golongan yang membiarkan golongan penderhaka dan kemungkaran yang dilakukan mereka. Golongan ini mengambil sikap negatif terhadap golongan penderhaka dan tidak melakukan apa-apa tindakan positif untuk membendungkan

---

[7] *Di dalam al-Quran kata-kata "umat" kadang-kadang dipakai dengan makna sekumpulan orang ramai secara umum seperti dalam firman Allah (Al-Qasas: 23)*

"Apabila ia (Musa) sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati sekumpulan orang ramai sedang memberi minum kepada binatang-binatang ternakan mereka"
dan kadang-kadang dipakai dengan makna kepimpinan atau imamah seperti dalam firman Allah (an-Nahl: 120)

"Sesungguhnya Ibrahim adalah satu kepimpinan yang amat taat dan berpegang teguh dengan tauhid."
Di sini kata-kata "umat" mengandungi makna bahawa Ibrahim walaupun ia seorang diri namun ia merupakan satu kumpulan yang ramai. Pemakaian-pemakaian ini tidak menjejaskan pengertian umat dalam istilah Islam iaitu sekumpulan orang ramai yang menganut 'aqidah dan kefahaman yang sama.

kemungkaran itu. Itulah beberapa cara berfikir dan bertindak yang menjadikan tiga golongan itu sebagai tiga umat yang berlainan.

Apabila nasihat tidak lagi berguna dan pengajaran tidak memberi apa faedah dan yang lalai terus terbenam di dalam kesesatan, maka berlakulah keputusan Allah dan terlaksanalah segala amaran-Nya, di mana golongan yang melarang dan menentang perbuatan yang jahat terselamat dari ditimpa azab akibat yang buruk dan golongan penderhaka ditimpa azab yang berat yang akan diterangkan nanti. Tetapi al-Quran tidak menerangkan nasib yang menimpa golongan atau umat yang ketiga. Ini mungkin untuk memperkecilkan kedudukan mereka walaupun mereka tidak dikenakan azab, kerana mereka tidak bertindak secara positif membantah kemungkaran itu, malah cukup dengan membantah secara negatif sahaja. Oleh sebab itu mereka wajar diabaikan sahaja walaupun tidak dikenakan azab:

(165)

165. "Dan apabila mereka telah melupakan nasihat-nasihat yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan mereka yang melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan Kami hukumkan orang-orang yang zalim itu dengan azab yang amat berat dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka."

(166)

166. "Kemudian apabila mereka berlagak angkuh terhadap perbuatan yang dilarang mereka melakukannya, Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina."

Azab yang berat yang menimpa golongan penderhaka sebagai balasan yang setimpal terhadap kedegilan mereka melanggar perintah Allah yang disifatkan oleh ayat ini sebagai perbuatan kufur yang kadang-kadang diungkapkan dengan perbuatan yang zalim **( )**dan kadang-kadang diungkapkan dengan perbuatan yang menyeleweng **( )** sebagaimana biasa didapati dalam al-Qur'an apabila ia mengungkapkan perbuatan yang kufur dan syirik dengan kata-kata zalim **( )** dan menyeleweng **( ),** iaitu satu pengungkapan yang berbeza dari pengertian istilah fiqhiyah di zaman kebelakangan mengenai kata-kata ini, kerana pengertian al-Qur'an mengenai kata-kata ini tidak sama dengan pengertian yang lumrah dipakai dalam istilah fiqhiyah di zaman kebelakangan ini. Yang dimaksudkan dengan azab yang berat itu ialah azab perubahan kejadian dari bentuk rupa manusia kepada bentuk rupa kera. Mereka telah menolak sifat keinsanan mereka apabila mereka menolak ciri keinsanan mereka yang paling istimewa, iaitu ciri daya iradat atau kemahuannya yang mengawal keinginan nafsunya. Mereka kembali ke alam haiwan apabila mereka melucutkan diri dari ciri-ciri kemanusiaan lalu mereka diperintahkan Allah supaya mereka menjadi makhluk yang hina dan kembali ke alam haiwan yang mereka sukai.

Bagaimana mereka menjadi kera? Dan apakah yang telah berlaku kepada mereka selepas menjadi kera? Apakah mereka telah pupus sebagaimana pupusnya setiap makhluk yang keluar dari jenisnya? Apakah mereka beranak pinak selepas mereka menjadi kera? Dan lain-lain pertanyaan yang dibangkitkan oleh riwayat-riwayat pentafsiran. Semua pertanyaan-pertanyaan itu tidak diterangkan di dalam al-Qur'anul-Karim. Begitu juga tidak ada sesuatu hadis dari Rasulullah s.a.w yang menjelaskan perkara-perkara ini. Oleh sebab itu kita tidak perlu mengharungi persoalan-persoalan yang seperti itu.

Jika kata-kata "Kun" merupakan perintah Allah yang mewujudkan sesuatu makhluk yang belum wujud, maka kata-kata itulah juga merupakan perintah Allah yang mengubahkan sesuatu makhluk yang telah wujud kepada makhluk yang lain.

(166)

166. "Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina"

dan lantas mereka pun menjadi kera-kera yang hina. Itulah perintah yang tidak dapat ditolak dan tiada suatu yang dapat melemahkannya apabila dilafazkan oleh Allah S.W.T.

Kemudian seluruh Bani Israel telah ditimpa la'nat Allah yang abadi kecuali mereka yang beriman kepada Nabi Muhammad yang ummi dan mengikuti ajarannya. La'nat itu ditimpakan ke atas mereka dengan sebab-sebab perbuatan-perbuatan maksiat yang tidak putus-putus dilakukan mereka. Iradat Allah telah menghukumkan mereka dengan hukuman yang tidak dapat ditolak dan disoal:

(167)

167. "Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan menyeksakan mereka dengan azab yang seburuk buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Itulah keizinan Allah yang abadi yang telah berkuatkuasa sejak ia dikeluarkan. Oleh sebab itu Allah telah menghantarkan kepada kaum Yahudi dari satu masa ke satu masa kaum-kaum yang menimpakan azab ke atas mereka dan keizinan ini akan terus berkuatkuasa, di mana Allah akan menghantarkan dari satu masa ke satu masa kaum yang akan menyeksa dan mengazabkan mereka. Setiap kali mereka bangun dan bertindak angkuh dan sewenang-wenang, mereka diserang dan dihentam oleh kaum-kaum yang dihantarkan Allah untuk menumpaskan kaum yang zalim dan kejam itu, kaum yang sentiasa mengingkari janji dan melanggar perintah Allah, kaum yang keluar dari kawah maksiat untuk memasuki kawah maksiat yang lain, kaum yang pulang dari suatu penyelewengan untuk memasuki ke dalam penyelewengan yang lain.

Kadang-kadang ternampak bahawa la'nat abadi ke atas kaum Yahudi itu telah terhenti dan mereka kini menjadi kuat dan angkuh kembali. Ini hanya suatu tempoh sementara sahaja dari tempoh-tempoh sejarah, dan tiada siapa yang mengetahui melainkan Allah kaum yang manakah akan menghentam mereka dalam pusingan yang seterusnya dan pusingan-pusingan akan datang hingga sampai kepada hari Qiamat.

Allah telah mengumumkan bahawa la'nat yang abadi ini akan berlaku kepada mereka sehingga datangnya hari Qiamat sebagaimana diceritakan Allah di dalam al-Quran kepada nabi-Nya. Kemudian perkara ini diulaskan dengan menjelaskan sifat Allah S.W.T. dalam konteks azab dan rahmat-Nya:

(167)

167. "Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Dengan kepantasan balasan-Nya, Allah menimpakan azab ke atas mereka yang telah diputuskan-Nya wajar menerima balasan azab itu sebagaimana Dia telah menimpakan azab ke atas penduduk negeri yang terletak di tepi pantai itu. Begitu juga dengan sifat-Nya Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih, Allah menerima taubat mereka yang bertaubat dari kaum Bani Israel yang mengikut Nabi Muhammad yang tercatat namanya di dalam kitab Taurat dan Injil. Azab yang ditimpakan Allah ke atas Bani Israel itu bukanlah kerana membalas dendam, malah ia merupakan suatu balasan yang adil terhadap mereka yang benar-benar wajar menerimanya, sedangkan di sebalik balasan itu disediakan pula keampunan dan rahmat.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Saba' (Ayat 15 – 21)

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 19)

Di dalam kisah keluarga Daud, al-Quran membentang mengenai keimanan kepada Allah dan kesyukuran kepada-Nya terhadap limpah kurnia-Nya, dan di lembaran sebelahnya ia membentangkan kisah kaum Saba. Di dalam surah An-Naml telah disebutkan cerita-cerita yang berlaku di antara Nabi Sulaiman a.s. dengan ratu kerajaan Saba (PuteriBalqis) dan di sini pula disebut sekali lagi cerita kaum Saba' selepas kisah Nabi Sulaiman a.s. Ini menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa yang disebut di dalam ayat ni adalah terjadi selepas kisah yang telah berlaku di antara ratu itu dengan Nabi Sulaiman a.s.

Andaian ini berdasarkan alasan kerana kisah di dalam ayat ini menceritakan perihal kesombongan kaum Saba terhadap ni'mat Allah dan terhapusnya ni'mat itu dari mereka serta keadaan mereka yang porak peranda dan bertaburan di sana sini, sedangkan mereka di zaman Ratu Balqis yang diceritakan dalam Surah an-Naml itu merupakan sebuah kerajaan yang besar, mewah dan makmur sebagaimana telah diceriterakan oleh burung hud-hud kepada Nabi Sulaiman a.s.

(23)

23-24. "Sesungguhnya saya dapati seorang perempuan yang memerintah mereka. Dan dia telah dianugerahkan segala sesuatu serta mempunyai singgahsana yang besar. Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah."

(Surah an-Naml)

Dan berikutan dengan cerita ini ialah cerita keislaman Ratu Balqis beriman kepada Allah Tuhan semesta alam. Kisah yang diceritakan di dalam surah ini adalah berlaku selepas keislaman Ratu Balqis iaitu setelah kaum Saba' enggan bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka.

Kisah ini dimulakan dengan cerita kesenangan dan kemewahan kehidupan mereka dan bagaimana mereka diseru supaya bersyukur kepada Allah sedaya upaya mereka:

(15)

15. "Sesungguhnya bagi penduduk-penduduk Saba' itu satu bukti kekuasaan Allah di tempat kediaman mereka iaitu dua kebun (yang luas dan subur) sebelah kanan dan di sebelah kiri (perkampungan mereka lalu Kami berfirman): Makanlah dari rezeki Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu) adalah negeri yang ma'mur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."

Saba' ialah nama satu kaum yang mendiami Selatan Yaman. Mereka tinggal di satu kawasan bumi yang subur dan sebahagiannya masih kekal sehingga hari ini. Mereka telah mendaki tangga tamadun yang tinggi sehingga mereka dapat mengendalikan air-air hujan yang lebat yang mengalir dari sebelah laut di Selatan dan di Timur. Mereka telah membina sebuah takungan air tabi'i yang diapit oleh dua buah bukit dan di muka lembah di antara dua bukit itu mereka binakan sebuah empangan yang boleh dibuka dan ditutup. Mereka dapat menyimpan air yang banyak di belakang empangan itu dan mereka dapat mengendalikannya mengikut keperluan mereka. Dari empangan ini mereka mendapat punca bekalan air yang amat besar yang terkenal dengan nama Empangan Saba'.

Kebun-kebun yang terletak di kanan dan kiri negeri itu melambangkan negeri yang subur, mewah ma'mur, senang-lenang dan penuh keni'matan yang mudah, kerana itu kebun-kebun itu merupakan bukti yang mengingatkan kepada Allah Pengurnia Yang Maha Pemurah. Kaum Saba' telah disuruh supaya meni'mati rezeki-rezeki yang dikurniakan Allah itu dengan bersyukur:

(15)

15. "Makanlah rezeki dari Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya, (negeri kamu) adalah negeri yang baik dan ma'mur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."

Mereka diperingatkan dengan ni'mat negeri mereka yang mewah ma'mur terutama ni'mat keampunan Allah yang mema'afkan kecuaian mereka dari bersyukur dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka.

(15)

15. "(Negeri kamu) adalah negeri yang ma'mur dan (Tuhan kamu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun."

Negeri mereka adalah sebuah negeri yang mendapat ni'mat kema'muran di bumi dan mendapat keampunan di langit. Oleh itu apakah yang menghalang mereka dari memuji dan bersyukur kepada Allah? Tetapi mereka tidak bersyukur dan tidak pula mengingati Allah:

(16)

16. "Tetapi mereka berpaling (dari keta'atan dan kesyukuran) lalu Kami lepaskan banjir batu batan (yang membinasakan mereka) dan Kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pökok pokok bidara."

Mereka enggan bersyukur kepada Allah dan enggan melakukan amalan-amalan yang salih serta enggan menggunakan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu dengan pengendalian yang baik, lalu Allah merampaskan kembali kemewahan dan kema'muran hidup mereka dengan melepaskan banjir yang dahsyat yang menghanyutkan batu batan yang ada di tengah jalannya lalu

memecahkan empangan mereka dan menyebabkan banjir besar yang mengaramkan negeri itu. Setelah itu tidak ada lagi air yang dapat dismmpan mereka kerana semuanya menjadi kering. Kebun-kebun mereka yang luas bertukar menjadi padang belantara yang ditumbuhi pokok-pokok yang liar dan kasar:

(16)

16. "Dan kami tukarkan dua kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok Khamt dan pokok-pokok Athl serta sedikit pokok-pokok bidara."

Pokok Khamt ialah pokok Araak atau pokok-pokok yang berduri, pokok Athl ialah pokok tamarisk (sejenis pokok berduri halus), dan pokok-pokok bidara itulah sahaja pokok yang terbaik yang boleh didapati mereka tetapi jumlahnya sangat sedikit.

17. "Demikianlah Kami membalas mereka dengan sebab kekufuran mereka."

Menurut pendapat yang lebih rajih yang dimaksudkan dengan kekufuran di sini ialah kekufuran ni'mat.

(17)

17. "Dan kami tidak menimpakan balasan azab melainkan terhadap orang yang amat kufur."

Sehingga di waktu ini kaum Saba' masih lagi tinggal di kampung-kampung dan di rumah-rumah mereka. Walaupun Allah telah menyempitkan rezeki mereka dan menukarkan kemamuran dan kesenangan hidup mereka dengan kesusahan, namun Allah tidak memecahbelahkan mereka hingga berselerakan, dan kegiatan hidup bertamadun di sana masih bersambung dengan negeri-negeri yang diberkati Allah, iaitu negeri Makkah di Semenanjung Tanah Arab dan Baitul-Maqdis di Syam. Negeri Yaman di waktu itu makmur di utara negeri Saba' dan mempunyai perhubungan dengan negeri-negeri yang diberkati Allah dan jalan-jalan di antara kedua dua ibu negeri juga masih baik dan aman:

(18)

18. "Dan kami jadikan di antara (negeri) mereka dengan negeri-negeri yang Kami berkati itu beberapa negeri berdekatan yang kelihatan jelas dan Kami tentukan jarak perjalanan yang selesa di antaranya, (Kami berfirman): Berjalanlah kamu di negeri-negeri itu malam dan siang dengan aman sentosa."

Menurut cerita, orang-orang musafir di waktu itu keluar dari satu negeri dan masuk ke satu negeri yang lain sebelum hari menjadi gelap. Jarak perjalanan ke negeri-negeri itu sangat dekat dan perjalanan juga aman kepada para musafir.

Kerehatan dan keselesaan juga cukup kepada mereka kerana adanya rumah-rumah dan tempat-tempat perhentian yang berdekatan d tengah jalan.

Kini negeri Saba' dilanda kecelakaan hidup, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dari peristiwa amaran yang pertama itu. Peristiwa itu tidak menggerakkan mereka memohon kepada Allah agar Dia kembalikan semula kema'muran hidup yang telah hilang itu, malah mereka memohon kepada Allah dengan permohonan yang bodoh:

19. "Kemudian mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami."

Mereka meminta perjalanan-perjalanan yang jauh yang hanya dilakukan beberapa kali sahaja di dalam setahun bukannya perjalanan-perjalanan yang dekat yang bersambung-sambung rumah kediaman kerana perjalanan-perjalanan yang seperti ini tidak memuaskan selera persafiran mereka. Ini adalah terbit dari hati mereka yang sombong yang menganiayai diri sendiri.

19. "Dan mereka telah menzalimi diri sendiri."

Lalu Allah perkenankan permohonan mereka yang sombong itu:

19. "Lalu kami jadikan (peristiwa kebinasaan) mereka buah mulut orang ramai dan kami pecahbelahkan mereka bertaburan (di merata negeri)."

Mereka telah dipecahbelahkan berselerakan di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab. Mereka menjadi buah mulut dan bahan kisah yang diceritakan di sana sini sedangkan dahulunya mereka merupakan satu umat yang mempunyai kedudukan di dunia ini.

(19)

19. "Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur."

Yakni banyak bersabar di masa menghadapi kesusahan dan banyak bersyukur di masa mendapat kesenangan. Di dalam kisah kaum Saba' terdapat banyak pengajaran kepada orang-orang yang banyak bersabar dan orang-orang yang banyak bersyukur.

Ini satu fahaman tentang ayat ini dan di sana ada satu fahaman yang lain pula iaitu mungkin yang dimaksudkan dengan firman Allah:

18. "Dan kami jadikan di antara negeri-negeri dengan negeri-negeri mereka yang kami berkati itu beberapa negeri yang kuat."

Yakni negeri-negeri yang berkuasa. Sementara kaum Saba' pula berubah menjadi kaum yang miskin yang hidup di padang belantara yang kering. Mereka terpaksa berpergian ke sana sini dan berpindah randah mencari padang-padang ragut dan tempat-tempat yang ada air. Mereka tidak sabar menghadapi kesusahan itu lalu mereka berdoa:

"Wahai Tuhan kami! Jauhkan jarak perjalanan-perjalanan kami" yakni kurangkanlah perjalanan kami ke sana ke mari kerana kami telah penat. Mereka tidak sertakan di dalam do'a itu dengan permohonan taubat kepada Allah supaya doa mereka diperkenankan Allah. Mereka telah bersikap takabur dengan kesenangan hidup dan tidak sabar menghadapi kesusahan, lalu Allah membinasakan mereka dan memecah-belahkan mereka (berselerakan di merata negeri) dan tiada sesuatu yang tinggal melainkan hanya kesan-kesan dan cerita-cerita mereka sahaja. Dengan ini ulasan:

(19)

19. "Sesungguhnya kisah mereka itu menjadi pengajaran-pengajaran kepada setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur"

amatlah sesuai dengan sikap kaum Saba' yang kurang bersyukur kepada ni'mat Allah dan kurang bersabar menghadapi kesusahan. Ini adalah satu fahaman yang saya fikir sesuai dengan ayat ini. Allah sahaja Yang Maha Mengetahui maksudnya yang sebenar.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Pada akhir kisah kaum Saba', ayat berikut membawa kita keluar dari ruang lingkup kisah yang tertentu kisah ruang lingkup pentadbiran Ilahi yang umum, perencanaan-Nya yang syumul dan undang-undang-Nya yang am dan mendedahkan intisari hikmat dari seluruh kisah itu, termasuk takdir dan tadbir Ilahi yang tersembunyi di sebaliknya.

(20)

20. "Dan sesungguhnya tepatlah sangkaan Iblis terhadap mereka, lalu mereka menurutnya kecuali segolongan dari orang-orang yang beriman."

(21)

21. "Dan sebenarnya Iblis tidak mempunyai sebarang kuasa di atas mereka melainkan supaya Kami dapat mengetahui (di alam kenyataan) siapa orang yang beriman kepada hari Akhirat dan orang yang ragu-ragu terhadapnya, dan Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."

Kaum Saba' telah mengikuti jalan ini dan akhirnya membawa mereka kepada kebinasaan, kerana sangkaan Iblis terhadap mereka memang tepat iaitu dia mampu menyesatkan mereka dan dia pun bertindak menyesatkan mereka:

(20)

20. "Lalu mereka menurutnya kecuali segolongan kecil dari orang-orang yang beriman."

Sebagaimana yang biasa berlaku di dalam kumpulan-kumpulan manusia, iaitu di sana tidak sunyi adanya segelintir golongan orang-orang yang beriman yang tidak dapat digoda dan disesatkan syaitan dan golongan inilah yang membuktikan adanya kebenaran yang kukuh yang dapat dikenali oleh sesiapa sahaja yang mencarinya. Kebenaran itu dapat ditemui dan dipegang oleh sesiapa sahaja yang berkehendak kepadanya walaupun di dalam suasana-suasana yang paling gelap, sedangkan Iblis tidak mempunyai kuasa di atas mereka. Dia tidak boleh memaksa dan menguasai mereka. Tujuan Allah membenarkan syaitan menggoda mereka ialah supaya orang yang percaya kepada kebenaran itu benar-benar ternyata berpegang teguh dengan kebenaran dan orang yang tidak berkehendak kepada kebenaran itu benar-benar ternyata menyeleweng darinya dan supaya benar-benar ternyata di alam kenyataan:

21. "Orang yang beriman kepada hari Akhirat."

Allah telah melindungkan mereka dari segala penyelewengan agar mereka dapat dibezakan dari:

21. "Orang yang ragu-ragu terhadapnya"

iaitu orang yang terumbang-ambing atau orang yang menyahut seruan kesesatan tanpa dilindungi pengawasan Allah dan tanpa bercita-cita hidup di alam Akhirat.

Allah sememangnya mengetahui segala apa yang berlaku itu sebelum ianya berlaku, tetapi Allah S.W.T. mengenakan sesuatu balasan setelah perbuatan itu betul-betul berlaku di dalam dunia manusia.

Di dalam ruang yang terbuka luas ini, iaitu ruang perencanaan dan pentadbiran Ilahi yang mengendalikan segala urusan dan peristiwa, juga ruang godaan Iblis terhadap manusia yang tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka selain dari godaannya agar melalui godaan Iblis itu segala akibat dan natijah yang tersembunyi di dalam ilmu Allah itu terdedah ke alam nyata.... di dalam ruang lingkup yang amat luas inilah kisah kaum Saba' itu mempunyai hubungan dengan kisah setiap kaum yang lain di setiap masyarakat dan tempat. Jadi ruang lingkup ayat ini amatlah luas. Ia tidak lagi terbatas setakat kisah kaum Saba' sahaja, malah ia merupakan sebuah pernyataan yang mencakup keadaan seluruh manusia. Oleh itu kisah kaum Saba' merupakan kisah kesesatan dan hidayat manusia dengan segala punca dan akibatnya.

(21)

21. "Tuhanmu sentiasa mengawasi segala sesuatu."

Oleh itu tiada sesuatu pun yang terluput dari ilmu-Nya dan tiada sesuatu pun yang disia-sia dan diabaikan Allah.

Demikianlah pusingan yang kedua dari surah ini diakhiri dengan memperkatakan tentang hari Akhirat dan tentang ilmu Allah dan pengawasan-Nya. Kedua-duanya merupakan pokok pembicaraan yang amat ditekankan di dalam surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 22-27)

(22)

22. Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka.

(23)

23. Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Mereka semua menunggu dengan hati yang takut) sehingga apabila ketakutan itu telah dihilangkan dari hati mereka, barulah mereka bertanya: Apakah yang telah dititahkan Tuhan Kamu? Jawab mereka: Kebenaran. Dan Dia Maha Tinggi dan Maha Besar.

(24)

24. Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Katakanlah: Allah. Dan sesungguhnya kami atau kamu (kaum Musyrikin) pasti berada di jalan hidayat atau berada di dalam kesesatan yang nyata.

(25)

25. Katakanlah: Kamu tidak akan ditanya tentang dosa yang kami telah lakukan dan kami juga tidak akan ditanya tentang dosa yang kamu telah lakukan.

(26)

26. Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua kemudian Dia akan memberi keputusan di antara kita dengan keputusan yang benar. Dan Dialah Pemberi keputusan dan Yang Maha Mengetahui.

(27)

27. Katakanlah: Tunjukkanlah kepada-Ku sembahan-sembahan yang kamu hubungkan dengan Allah sebagai sekutu-sekutu-Nya. Tidak sekali-kali begitu sebenarnya, Dialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

Ini adalah satu pusingan yang pendek di sekitar persoalan syirik dan tauhid, tetapi pusingan ini membawa hati manusia menjelajah ke merata pelosok alam al-wujud iaitu alam nyata dan alam yang tersembunyi, alam yang tersergam di hadapan mata dan alam ghaib, alam bumi dan alam langit, alam dunia dan alam Akhirat. Ia membuat hati berdiri ketakutan dan seluruh urat sarafnya gementar. Ia membuat hati terpinga-pinga kerana terlalu hebat. Begitu juga penjelajahan ini membawa hati berdiri di hadapan persoalan-persoalan rezeki Allah dan di hadapan persoalan hisab dan balasan-Nya. Ia membawa hati ke dalam satu perhimpunan yang bercampuraduk dan ke dalam satu suasana menerima hukuman dan keputusan yang tegas yang memisah, membeza dan menyendiri.

Semuanya dijelaskan dengan nada-nada kenyataan yang kuat dan bertubi seolah olah pukulan-pukulan tukul: "Katakanlah.... katakanlah... katakanlah". Setiap perintah disertakan dengan hujah yang kuat, dengan dalil dan bukti yang jelas.

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 23)

(22)

22. "Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai tuhan selain dari Allah. Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi itu dan Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."

Itulah cabaran dalam ruang lingkup langit dan bumi secara menyeluruh.

22. "Katakanlah (wahai Muhammad!): Serukanlah sembahan-sembahan yang kamu dakwa sebagai Tuhan selain dari Allah."

Yakni serulah mereka. Biarlah mereka datang, biarlah mereka tampil ke muka, biarlah mereka berkata atau biarlah kamu sendiri berkata: Apakah sesuatu di langit dan di bumi sama ada kecil atau besar yang dimiliki oleh sembahan-sembahan kamu itu?

22 "Mereka tidak memiliki seberat atom pun di langit dan tidak juga di bumi."

Tidak ada alasan untuk mereka mendakwa memiliki sesuatu di langit atau di bumi, kerana pemilik sesuatu mempunyai kebebasan menggunakannya sesuka hatinya. Oleh itu apakah yang dimiliki oleh sembahan-sembahan yang didakwa mereka sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah itu? Apakah sesuatu di alam yang lebar ini yang mereka dapat menggunakannya sebebas pemilik yang sebenar?

Mereka tidak memiliki sesuatu apapun di langit dan di bumi walaupun seberat atom sama ada secara perseorangan atau secara perkongsian:

22. "Dan tidak mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam penciptaan langit dan bumi."

Allah S.W.T. tidak pernah meminta pertolongan dari mereka di dalam apa urusan sekalipun kerana Allah tidak memerlukan sebarang pembantu dan penolong:

(22)

22. "Allah tidak mendapat sebarang pertolongan dari mereka."

Yang nampak jelas, ayat yang berikut adalah memberi isyarat kepada sekutu-sekutu istimewa yang didakwa mereka sebagai Tuhan, iaitu para malaikat yang didakwa oleh orang-orang Arab selaku "puteri-puteri Allah". Mereka juga mendakwa bahawa malaikat-malaikat itu dapat memberi syafa'at kepada mereka di sisi Allah. Barang kali mereka inilah yang berkata:

3. "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendampingkan kami lebih dekat kepada Allah."

(Surah az-Zumar)

Oleh sebab itu ayat yang berikut menafikan bahawa mereka dapat memberi syafa'at kepada mereka di dalam satu pemandangan yang aman mencemaskan di hadapan Allah Yang Maha Mulia:

23. "Dan tidak berguna syafa'at di sisi Allah melainkan bagi orang yang telah diizinkan Allah."

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Yaasin (Ayat 20 – 32)

(Pentafsiran ayat ayat 20 - 25)

Inilah sambutan dari hati-hati yang tertutup dari da'wah para rasul. Itulah contoh hati yang dibicarakan oleh surah ini dalam pusingannya yang pertama dan itulah gambaran contoh yang wujud di alam kenyataan.

Adapun contoh orang yang mengikut al-Quran dan takut kepada Allah walaupun ia tidak melihat-Nya, maka dia mempunyai cara bentindak dan cara menyambut da'wah yang berlainan pula:

(20)

20. "Dan datanglah seorang lelaki dari daerah pedalaman negeri itu, lalu dia berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul."

(21)

21. "Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang orang yang mendapat hidayat."

(22)

22. "Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan.

(23)

23. "Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku."

(24)

24. "Sesungguhnya aku — jika aku berbuat demikian — berada di dalam kesesatan yang amat jelas."

(25)

25. "Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."

Itulah sambutan fitrah yang sihat kepada da'wah yang benar dan lurus, mudah dan hangat. Itulah fahaman yang lurus dan sambutan terhadap nada pernyataan yang kuat yang menjelaskan kebenaran yang begitu nyata.

Lelaki ini telah mendengar da'wah dan terus menyambutnya setelah dia melihat dalil-dalil yang benar dan logis. Apabila hatinya merasakan hakikat iman, maka hakikat inipun bergerak di dalam hatinya dan dia tidak dapat lagi mendiamkan dirinya. Dia tidak dapat lagi duduk di rumahnya apabila ia melihat

kesesatan, kekufuran dan kejahatan di sekelilingnya. Dia terus keluar mendapatkan kaumnya membawa keimanan yang terpacak di dalam hati dan bergerak dalam perasaannya, sedangkan kaumnya mendustakan para rasul dan mengancam mereka. Dia datang mendapatkan mereka dari daerah pedalaman negeri itu untuk melaksanakan kewajipannya, iaitu untuk menyeru kaumnya kepada kebenaran dan menghalangkan mereka dari melakukan kezaliman dan pencerobohan terhadap para rasul yang hampir-hampir dilakukan mereka.

Orang ini nampaknya bukanlah seorang yang mempunyai pangkat dan kuasa dan bukan pula seorang yang disegani di kalangan kaumnya atau mempunyai keluarga yang kuat di belakangnya, tetapi ʻaqidah yang hidup di dalam hati nuraninya itulah yang mendorongnya datang dari daerah pedalaman negeri itu.

(20)

(21)

20 - 21. "Lalu berseru: Wahai kaumku! Ikutilah para rasul, ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang yang mendapat hidayat."

Yakni orang yang berda'wah seperti ini tanpa meminta upah dan mencari keuntungan adalah orang yang benar. Jika tidak, apakah yang membuat dia sanggup bersusah payah andainya tidak kerana semata-mata menjunjung perintah dari Allah? Apakah yang mendorong mereka memikul tugas da'wah? Dan menghadapi manusia dengan ʻaqidah yang berlainan dari ʻaqidah yang dipegang mereka? Dan sanggup mendedahkan diri mereka kepada gangguan tindakan jahat, ejekan dan penindasan mereka, sedangkan dia tidak mendapat apa-apa hasil dan tidak pula meminta apa-apa upah dari mereka?

(21)

21. "Ikutilah mereka yang tidak meminta dari kamu sebarang upah dan mereka pula adalah orang-orang yang mendapat hidayat."

Tanda mereka mendapat hidayah itu amat jelas dapat dilihat pada tabiat da'wah mereka, iaitu mereka menyeru manusia supaya menyembah Tuhan Yang Maha Esa dan mengikut jalan yang terang. Mereka menyeru kepada satu aqidah yang tidak ada di dalamnya sebarang khurafat dan kesamaran, dan mereka mendapat hidayat ke jalan yang lurus.

Kemudian lelaki itu kembali menceritakan kepada mereka tentang dirinya dan sebab-sebab mengapa dia beriman:

(22)

22. "Mengapa pula aku tidak patut menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan kepada-Nya sekalian kamu akan dikembalikan."

(23)

23. "Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Maha Penyayang itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku."

(24)

24. "Sesungguhnya aku — jika aku berbuat demikian — berada di dalam kesesatan yang amat jelas."

Itulah pertanyaan yang terbit dari fitrah yang mengakui adanya Khaliq yang menjadi punca kewujudannya.

(22)

22. "Mengapa pula aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku?"

Mengapa aku seharusnya menyeleweng dari jalan yang tabi'i ini yang mula-mula sekali terlintas di dalam jiwa? Fitrah manusia tertarik kepada Pencipta yang menjadikannya. Dia tidak akan menyeleweng darinya melainkan dengan dorongan yang lain yang bertentangan dengan fitrahnya, dia tidak akan membelok ke lain melainkan dengan pengaruh yang lain yang bukan dari tabiatnya. Dari awal lagi ia bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Pencipta. Itulah pusat tawajjuh yang tidak memerlukan kepada mana-mana unsur yang luar dari tabiat dan tarikan semulajadi jiwanya. Lelaki yang beriman ini merasakan semua hakikat ini di lubuk hatinya. Oleh sebab itulah dia mengeluarkan kata-katanya yang amat jelas dan lurus tanpa berpura-pura, berbelit-belit dan tanpa bersimpul-simpul.

Dia juga merasa dan sedar dengan fitrahnya yang benar dan bersih bahawa seluruh makhluk itu pada akhirnya akan kembali kepada Khaliqnya sebagaimana segala sesuatu itu pulang kepada asalnya:

(22)

22. "Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."

Dia bertanya: Mengapakah aku tidak menyembah Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah yang menjadi titik kembalinya seluruh makhluk? Dia memperkatakan tentang perkembalian mereka kepada Allah yang juga menciptakan mereka. Oleh itu dia berhak menyembah-Nya.

Kemudian lelaki ini menyebut satu cara hidup yang lain yang bententangan dengan cara hidup fitrah yang lurus dan memandangnya sebagai suatu kesesatan yang begitu ketara:

(23)

23. "Apakah wajar bagiku menyembah tuhan-tuhan yang lain, sedangkan jika Tuhan Yang Rahman itu mahu menimpakan sesuatu bala bencana ke atasku, nescaya mereka tidak dapat menolongku sedikit pun dan tidak pula dapat menyelamatkanku."

Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang meninggalkan logik fitrah yang menyeru makhluk supaya menyembah Penciptanya, lalu dia menyeleweng kepada menyembah yang lain dari Allah Pencipta tanpa sesuatu keperluan dan dorongan? Siapakah lagi yang lebih sesat dari orang yang menyeleweng dari Allah Pencipta kepada Tuhan-tuhan yang lemah yang tidak berkuasa melindungi mereka dari bala bencana apabila Allah berkehendak menimpakan bala bencana ke atas mereka dengan sebab penyelewengan dan kesesatannya?

(24)

24. "Sesungguhnya aku jika aku berbuat demikian — berada di dalam kesesatan yang amat jelas."

Kini lelaki yang bercakap dengan lidah fitrah yang benar dan jelas itu menyatakan keputusannya yang akhir di hadapan kaumnya yang telah mendustakan para rasul dan mengancam keselamatan mereka, kerana suara fitrah di dalam hatinya lebih kuat dari segala pendustaan dan ancaman

(25)

25. "Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu. Oleh itu dengarlah nasihatku."

Demikianlah dia melahirkan pengakuan imannya yang yakin dan tenang dan menjadikan mereka sebagai saksi-saksi di atas keimanannya itu. Dia menyarankan kepada mereka supaya membuat pengakuan beriman sepertinya atau menyarankan bahawa dia tidak mempedulikan apa yang akan dikatakan mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 26-27)

Cara penceritaan kisah ini menyarankan bahawa penduduk negeri itu tanpa berlengah-lengah lagi telah membunuh lelaki itu walaupun tidak sedikit pun disebutkan secara terus terang, malah tirai dilabuhkan begitu sahaja menamatkan kisah dunia dengan segala isinya dan menamatkan kisah kaum itu, kemudian tirai diangkatkan kembali dan tiba-tiba kita melihat lelaki yang syahid itu telah berada di alam Akhirat dan melihat penghormatan yang disediakan Allah untuknya, iaitu penghormatan yang layak dengan darjah seorang Mu'min yang berani, ikhlas dan gugur syahid:

(26)

26. "(Setelah dia dibunuh) dia dipersilakan malaikat: Masuklah ke dalam Syurga. Lalu dia berkata: Alangkah baiknya jika kaumku mengetahui."

(27)

27. "Limpah keampunan yang dikurniakan Tuhanku kepadaku dan menjadikanku dalam golongan para hamba yang dimuliakanNya."

Hidup dunia adalah berhubung dengan hidup Akhirat dan kita melihat bahawa kematian itu hanya suatu perpindahan dari alam fana kepada alam baqa, dan ia merupakan satu hayunan langkah yang menyelamatkan lelaki yang Mu'min itu dari kesempitan bumi kepada keluasan Syurga, dari pencerobohan kebatilan kepada ketenteraman kebenaran, dari ancaman kezaliman kepada keselamatan ni'mat dan dari gelap-gelita jahiliyah kepada cahaya keyakinan.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Inilah balasan orang yang beriman. Adapun balasan orang yang melakukan kezaliman dan keterlaluan, maka kepada Allah balasan itu adalah lebih mudah dari mengirimkan bala tentera malaikat untuk menghancurkan mereka, kerana mereka terlalu lemah:

(28)

28. "(Dan sesudah itu) Kami tidak menurunkan sebarang pasukan tentera dari langit untuk membinasakan kaumnya dan Kami tidak pula perlu menurunkan pasukan itu."

(29)

29. "Tiada (suatu yang diperlukan) melainkan hanya satu pekikan sahaja, maka seluruh mereka mati sunyi sepi."

Al-Qur'an tidak menerangkan dengan panjang lebar tentang bentuk kebinasaan yang menimpa kaum itu, kerana memperkecilkan taraf kedudukan mereka. Hanya dengan satu pekikan sahaja seluruh mereka binasa dan mati. Kemudian tirai pun dilabuhkan menutup pemandangan kesudahan yang amat malang dan hina.

(Kumpulan ayat-ayat 30 - 68)

(30)

30. Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba-Ku yang menentang rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekannya.

(31)

31. Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)?

(32)

32. Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami.

(33)

33. Dan satu bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian bumi yang mati. Kami telah hidupkan bumi itu (dengan tumbuh-tumbuhan) dan Kami keluarkan darinya biji-bijian dan darinya juga mereka mendapat makanan.

(34)

34. Dan Kami jadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami alirkan padanya matair-matair.

(35)

35. Supaya mereka dapat memakan hasil-hasil buah-buahannya dan hasil hasil dari apa yang diusahakan tangan mereka. Mengapakah mereka tidak bersyukur?

(36)

36. Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh makhluk secara berpasang-pasangan, iaitu dari tumbuh-tumbuhan di bumi dan diri mereka sendiri, juga kejadian-kejadian yang lain yang tidak diketahui mereka.

(37)

37. Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah kejadian malam; Kami hapuskan siang tiba-tiba seluruh mereka berada dalam gelap-gelita.

(38)

38. Juga perjalanan matahari yang berlari ke tempat perhentiannya. Itulah perencanaan yang telah diaturkan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui.

(39)

39. Juga perjalanan bulan Kami aturkan perjalanannya beredar melalui beberapa peringkat perkembangan dan pada akhirnya ia kembali ke peringkat awalnya dengan bentuk melengkung seperti tandan tamar yang tua.

(40)

40. (Dengan peraturan itu) matahari tidak mungkin mengejar bulan dan malam tidak mungkin mendahului siang. Tiap-tiap satunya terapung apung beredar di tempat peredaran masing-masing.

(41)

41. Dan satu lagi bukti yang terang untuk renungan mereka ialah Kami telah mengangkut zuriat keturunan mereka dalam bahtera yang penuh sarat.

(42)

42. Begitu juga kami ciptakan untuk mereka kenderaan-kenderaan lain yang sama sepertinya yang dapat dinaiki mereka.

(43)

43. Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami menenggelamkan mereka dan (ketika itu) tiada siapa yang berkuasa menolong mereka dan tidak pula mereka dapat diselamatkan.

(44)

44. Melainkan dengan rahmat dan keni'matan hidup dari limpah kurnia Kami hingga ke satu masa yang tertentu.

(45)

45. Dan apabila dikatakan kepada mereka: Jagalah diri kamu (dari punca-punca kemurkaan Allah yang ada) di hadapan kamu supaya kamu dirahmati Allah (mereka tidak menghiraukannya).

(46)

46. Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya.

(47)

47. Dan apabila dikatakan kepada mereka: Dermakanlah sebahagian rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, maka mereka yang kafir berkata kepada mereka yang beriman: Apakah wajar bagi kami memberi makan kepada mereka (fakir miskin) sedangkan jika Allah kehendaki tentulah Dia sendiri akan memberi makan kepada mereka? Kamu sebenarnya berada di dalam kesesatan yang amat nyata.

(48)

48. Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu bercakap benar?

(49)

49. Sebenarnya mereka hanya menunggu satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka, sedangkan mereka ketika itu sedang leka bertengkar.

(50)

50. Kerana itu mereka tidak sempat meninggalkan pesanan dan tidak sempat kembali mendapatkan keluarga mereka.

(51)

51. Dan apabila sangkakala (kedua) ditiupkan, maka seluruh mereka mendadak keluar dari kubur-kubur mereka menuju kepada Tuhan mereka.

(52)

52. Mereka berkata: Alangkah celakanya nasib kami! Siapakah yang telah membangkitkan kami dari tempat tidur kami ini? Inilah kebangkitan (hari) yang dijanjikan Tuhan Yang Maha Penyayang dan amat benarlah sekalian rasul itu.

(53)

53. Hanya dengan satu pekikan sahaja tiba-tiba seluruh mereka dihadirkan di hadapan Kami.

(54)

54. Pada hari ini setiap orang tidak akan dianiayai sedikit pun dan kamu tidak akan dibalas melainkan menurut amalan yang dilakukan kamu.

(55)

55. Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari ini berada dalam kesibukan meni'mati pelbagai keni'matan.

(56)

56. Mereka dan pasangan-pasangan mereka berada di bawah naungan yang teduh dan bersandar di atas takhta.

(57)

57. Di dalam Syurga mereka dihidangkan berbagai-bagai buah-buahan dan mereka memperolehi apa sahaja yang diidami mereka.

(58)

58. (Mereka menerima) ucapan selamat sejahtera dari Tuhan Yang Maha Pengasih.

(59)

59. Kemudian diperintahkan kepada mereka: Pada hari ini asingkan diri kamu (dari orang-orang Mu'min), wahai orang-orang yang berdosa!

(60)

60. Wahai anak-anak Adam! Tidakkah Aku telah perintah kepada kamu supaya kamu jangan menyembah syaitan? Kerana syaitan itu musuh kamu yang amat nyata.

(61)

61. Dan supaya kamu menyembahKu. Inilah jalan yang lurus.

(62)

62. Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebilangan yang amat ramai dari kamu. Apakah tidak kamu berfikir?

(63)

63. (Kemudian mereka ditunjukkan): Inilah Neraka Jahannam yang telah diancamkan kepada kamu.

(64)

64. Rasakanlah bakarannya pada hari ini dengan sebab kekufuran yang dilakukan kamu.

(65)

65. Pada hari itu Kami tutupkan mulut mereka dan membiarkan tangan mereka memberi keterangan kepada Kami dan membiarkan kaki mereka menjadi saksi terhadap segala apa yang dilakukan mereka.

(66)

66. (Pada hari ini) jika Kami kehendaki, Kami boleh menghapuskan penglihatan mereka dan menyebabkan mereka (lintang-pukang) berlumba-lumba menyeberangi Sirat. Bagaimana mungkin mereka melihat?

(67)

67. Dan jika Kami kehendaki Kami boleh ubahkan mereka menjadi kaku dan terpaku di tempat mereka dan kerana itu mereka tidak dapat mara ke depan dan pulang ke belakang.

(68)

68. Dan siapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami akan kembalikannya semula kepada keadaannya di zaman kecil. Apakah tidak mereka berfikir?

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Setelah memperkatakan di dalam pelajaran pertama tentang orang-orang Musyrikin yang menentang dan mendustakan da'wah Islam dan tentang kisah teladan yang dikemukakan kepada mereka, iaitu kisah penduduk sebuah negeri yang mendustakan rasul-rasul mereka dan nasib kesudahan mereka yang telah dibinasakan Allah,

(29)

29. "Maka seluruh mereka mati sunyi sepi"

maka di dalam pelajaran ini al-Qur'an mulai memperkatakan secara umum mengenai sikap para pendusta dalam setiap agama yang benar. Ia menayangkan gambaran manusia-manusia sesat di sepanjang abad. Ia melahirkan keluhan kecewa terhadap orang-orang yang tidak mahu mengambil pengajaran dari umat-umat yang telah binasa sebelum mereka, sedangkan umat ini tidak akan pulang melainkan pada hari Qiamat:

(32)

32. "Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami."

Kemudian ia mulai membentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada kejadian-kejadian alam buana yang sentiasa disaksikan oleh mereka dengan hati yang cuai dan lalai. Bukti-bukti kekuasaan Allah itu terdapat pada kejadian diri mereka sendiri, pada kejadian-kejadian di sekeliling mereka dan di dalam sejarah mereka yang lama, namun demikian mereka tidak merasa apa-apa dan apabila diberi peringatan mereka tidak mengambil peringatan.

(46)

46. "Dan tiada suatu ayat dari ayat-ayat Allah yang sampai kepada mereka melainkan mereka terus berpaling darinya."

Mereka pinta disegerakan azab kerana tidak percaya:

(48)

48. "Dan mereka bertanya: Bilakah Qiamat yang-dijanjikan jika kamu bercakap benar?"

Sesuai dengan permintaan mereka supaya disegerakan azab itu, al-Quran menayangkan satu pemandangan yang panjang dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat, di mana mereka melihat dengan jelas nasib kesudahan mereka yang malang yang dipinta mereka supaya disegerakannya itu seolah-olah kelihatan terpampang di hadapan mata mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

(30)

30. "Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hambaKu yang menentang rasul. Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya."

(31)

31. 'Tidakkah mereka mengetahui beberapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka (di dunia)?"

(32)

32. "Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami"

Penyesalan ialah perasaan hati terhadap sesuatu perkara yang didukacitakan yang membuat seseorang itu tidak dapat berbuat apa-apa selain dari merasa kesal dan sedih. Allah S.W.T. tidak merasa sesal dan kecewa terhadap hamba-hamba-Nya, tetapi Dia hanya menjelaskan bahawa tindak-tanduk mereka wajar dikesalkan oleh setiap orang kerana perbuatan mereka amat malang dan amat didukacitakan. Ia akan membawa kepada akibat yang amat buruk dan bala yang amat besar.

Alangkah besarnya penyesalan hamba-hamba Allah yang diberi peluang untuk menyelamatkan diri, tetapi mereka tidak mempedulikannya. Mereka melihat di hadapan mereka akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan manfa'at darinya. Allah S.W.T. membuka kepada mereka pintu-pintu rahmat-Nya dengan mengirimkan rasul-rasul dari satu masa ke satu masa, tetapi mereka menjauhkan diri dari pintu-pintu rahmat itu dan berkelakuan biadab terhadap Allah.

(30)

30. "Tiada seorang rasul yang datang kepada mereka melainkan mereka ejekkannya."

(31)

31. "Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat sebelum mereka yang telah Kami binasakannya dan mereka tidak lagi pulang kepada mereka."

(32)

32. "Dan setiap orang dari mereka pasti akan dihadirkan di hadapan Kami"

Kebinasaan umat-umat yang dahulu kala yang pergi tidak pulang di sepanjang tahun dan abad itu sepatutnya menjadi pengajaran kepada orang yang berfikir dengan insaf, tetapi mereka yang malang itu tidak berfikir dengan insaf. Mereka akan menerima nasib yang sama. Manakah keadaan yang lebih dikesalkan dari keadaan mereka yang seperti ini?

Seekor binatang memperlihatkan rasa gentarnya apabila melihat saudaranya binasa di hadapannya dan ia akan cuba menghindarkan dirinya sedapat mungkin dari menerima nasib yang sama, tetapi mengapa manusia sanggup melihat manusia-manusia yang lain binasa seorang demi seorang kemudian dia terus meluru ke jalan yang sama? Perasaan angkuh itulah yang memperdayakannya dari melihat akibat yang buruk yang telah banyak menimpa orang lain itu. Kebinasaan umat-umat yang dahulu yang berlaku di sepanjang jalan adalah dapat dilihat semua orang, tetapi mereka seolah-olah buta tidak dapat melihatnya.

Dan andainya orang-orang yang binasa itu pergi tidak pulang-pulang kepada generasi-generasi pengganti mereka, maka ini bukanlah bererti mereka ditinggalkan begitu sahaja atau terlepas dari hisab Allah.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Ghafir (Ayat 28 – 55)

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 35)

Di sini tampillah seorang lelaki dari keluarga Fir'aun, seorang yang telah menerima pembelaan kebenaran dalam hatinya, tetapi dia telah menyembunyikan keimanannya. Ia tampil muka membela Musa dari Fir'aun dan kaumnya. Dia berbicara dengan Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dari berbagai-bagai segi. Dia memberi nasihat secara halus kepada hati mereka dan merangsangkan kepekaannya dengan pernyataan-pernyataan yang menakut dan meyakinkan mereka:

(28)

28. "Lalu berkatalah seorang lelaki Mu'min dari keluarga Firaun yang menyembunyikan keimanannya. Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku sedangkan dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Jika dia bohong, maka dialah yang akan menanggung akibat pembohongannya dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian azab yang diancamkannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta."

(29)

29. "Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini, kamulah yang terkemuka di dunia ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari azab Allah jika azab itu menimpa kita? Jawab Firaun:

Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."

(30)

30. "Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan (yang menentang rasul)."

(31)

31. "Seperti keadaan kaum Nuh, Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."

(32)

32. "Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa azab pada hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan (meminta pertolongan)."

(33)

33. "Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari azab Allah. Dan barangsiapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada-Nya."

(34)

34. "Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu.".

(35)

35. "Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."

Itulah satu pengembaraan yang amat hebat yang ditempuh oleh lelaki Mukmin bersama-sama Firaun dan pembesar-pembesarnya yang sedang mengatur komplot terhadap Musa dan apa yang dikemukakannya merupakan logik fitrah seorang Mukmin yang dinyatakan dengan hati-hati, pintar dan kuat. Mula-mula ia mengecam rancangan jahat yang hendak dilaksanakan mereka:

28. "Apakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata: Allah itu Tuhanku."

Apakah perkataan yang jujur ini yang ada hubungan dengan kepercayaan dan keyakinan seseorang ini wajar dihukum bunuh atau ditentang dengan mencabutkan nyawanya? Ini adalah satu gambaran perbuatan yang amat keji yang begitu jelas keburukannya.

Kemudian dia membawa mereka maju setapak lagi iaitu orang yang mengeluarkan perkataan yang jujur itu:

28. "Allah itu Tuhanku"

adalah mempunyai alasan dan dalilnya yang kuat:

28. "Dia telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu."

Lelaki itu mengisyaratkan kepada bukti-bukti yang telah dikemukakan oleh Musa a.s. dan dilihat sendiri oleh mereka, sedangkan bukti-bukti ini jika difikir secara persendirian dan jauh dari orang ramai adalah bukti-bukti yang sukar dipertikaikan oleh mereka.

Kemudian lelaki ini membuat andaian yang seburuk-buruknya dan memperlihatkan sikapnya yang adil terhadap persoalan itu sesuai dengan setinggi-tinggi andaian yang mungkin diambil mereka:

28. "Jika Musa itu bohong maka dialah yang akan menanggung akibat bohongnya."

Yakni dialah yang akan bertanggung terhadap perbuatannya, menerima balasannya dan menanggung dosanya. Dan ini bukannya boleh dijadikan alasan untuk mereka membunuhnya.

Di sana ada lagi satu kemungkinan iaitu jika Musa benar, maka eloklah kemungkinan itu diperhitungkan dengan sebaik-baiknya supaya mereka tidak menerima akibatnya:

28. "Dan jika dia benar nescaya kamu akan ditimpa sebahagian azab yang diancamkannya kepada kamu."

Kemungkinan mereka ditimpa sebahagian azab yang diancamkan kepada mereka itu merupakan sekurang-kurang kemungkinan dan dia tidak menuntut dari mereka lebih dari itu. Inilah kemuncak keadilan dalam sesuatu perdebatan.

Kemudian dia mengancam mereka secara halus. Apabila dia mengeluarkan satu pendapat yang melibatkan Musa di samping melibatkan mereka juga iaitu:

(28)

28. "Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang pelampau lagi pendusta."

Jika si pelampau yang pendusta itu Musa, maka sudah tentu Allah tidak akan memberi hidayat dan taufiq kepadanya, oleh itu biarkanlah dia menerima balasannya, tetapi hendaklah kamu berhati-hati dari mendustakan Musa dan bertindak keterlaluan terhadapnya supaya kamu tidak ditimpa balasan seperti ini.

Ketika dia menghubungkan mereka kepada tindakan Allah terhadap mereka yang pelampau dan pendusta itu, dia mengugut mereka dengan balasan Allah dan azab yang tidak dapat diselamatkan darinya oleh kerajaan dan

kekuasaan yang ada pada mereka. Dia menyebut ni'mat ini kepada mereka supaya mereka bersyukur bukannya ingkar:

29. "Wahai kaumku! Kamulah yang memiliki kerajaan (Mesir) pada hari ini dan kamulah yang terkemuka di negeri ini, tetapi siapakah yang dapat menolong kita dari azab Allah jika azab itu menimpa kita?"

Lelaki Mu'min itu merasakan perasaan yang dirasakan oleh hati yang Mu'min iaitu azab balasan Allah lebih dekat kepada orang-orang yang memegang kuasa memerintah di muka bumi ini. Merekalah orang-orang yang paling wajar takutkan Allah, paling wajar bertaqwa kepada-Nya, paling wajar menaruh kebimbangan kepada-Nya, kerana Allah mengawasi mereka setiap waktu malam dan siang. Kerana itu dia mengingatkan mereka dengan kekuasaan pemerintahan mereka ketika dia menyebut pandangan yang tersemat di dalam mata hatinya ini, kemudian dia libatkan dirinya bersama mereka ketika mengingatkan mereka dengan balasan azab Allah:

29. "Siapakah yang dapat menolong kita dari azab Allah jika azab itu menimpa kita?"

Kata-kata ini untuk menyedarkan mereka bahawa segala langkah mereka adalah penting baginya, kerana dia adalah salah seorang dari mereka yang turut menunggu nasibnya bersama mereka. Jadi, dia hanya seorang penasihat sahaja yang merasa bimbang terhadap mereka, semoga ini dapat mendorong mereka memberi perhatian yang berat kepada amaran dan peringatannya dan supaya mereka memandang amarannya itu dengan hati yang suci dan ikhlas. Dia cuba menyedarkan mereka bahawa tiada siapa yang dapat menolong dan membimbing dari azab Allah jika ia menimpa mereka, seluruh mereka terlalu lemah untuk menolakkannya.

Di sini Fir'aun merasa tersinggung sama seperti tersinggungnya setiap pemerintah yang zalim apabila diberi nasihat kepadanya. Baginda merasa bangga dengan dosanya. Baginda memandang nasihat yang ikhlas itu sebagai mencabar kuasanya dan mengecilkan pengaruhnya dan sebagai perbuatan hendak berkongsi kuasa dan pengaruh dengannya.

(29)

29. "Jawab Fir'aun: Aku tidak kemukakan fikiranku melainkan apa yang aku pandang baik dan aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar.

Aku tidak mencadangkan kepada kamu melainkan sesuatu yang aku pandang betul dan menganggapnya berguna. Cadanganku itu tidak syak lagi betul, baik dan tidak dapat dipertikaikan lagi. Apakah betul pemerintah yang zalim itu tidak memikirkan melainkan sesuatu yang baik dan betul? Apakah mereka boleh membenarkan jika ada orang lain memandang mereka telah membuat kesilapan? Apakah mereka membenarkan orang lain memberi fikiran

yang lain di samping fikirannya? Jika jawapannya ya, mengapa mereka digelarkan pemerintah yang zalim?

Tetapi lelaki yang Mu'min itu tidak berpendapat demikian. Dia merasa berkewajipan mengingat memberi nasihat dan mengeluarkan pendapatnya. Ia merasa berkewajipan berdiri di sebelah kebenaran yang diyakini olehnya walaupun bertentangan dengan pendapat pemerintah-pemerintah yang zalim, kemudian dia mengetuk hati mereka dengan satu pernyataan lain semoga hati itu sedar, terharu dan lembut, ia mengetuk hati mereka dengan menarik perhatiannya kepada akibat-akibat kebinasaan yang menimpa golongan yang menentang rasul-rasul sebelum mereka. Peristiwa-peristiwa itu merupakan saksi yang melihat bagaimana dahsyatnya Allah membinasakan pendusta-pendusta dan pelampau-pelampau:

(30)

30. "Lalu berkatalah lelaki yang beriman itu: Wahai kaumku! Aku takut kamu akan ditimpakan malapetaka seperti hari malapetaka yang menimpa golongan (yang menentang rasul)."

(31)

31. "Seperti keadaan kaum Nuh, 'Ad dan Thamud dan orang-orang selepas mereka. Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."

Setiap golongan itu ada hari kebinasaannya masing-masing tetapi lelaki yang Mu'min itu mengumpulkan hari-hari itu dalam satu hari sahaja:

(30)

30. "Seperti hari malapetaka yang menimpa golongan-golongan yang menentang rasul-rasul."

Itulah hari yang dapat dilihat dengan jelas betapa dahsyatnya balasan azab Allah. Itulah hari yang sama dari segi sifatnya yang berlaku ke atas golongan-golongan penentang rasul.

(31)

31. "Dan Allah tidak sekali-kali berkehendak melakukan kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya."

Allah membinasakan mereka dengan sebab dosa-dosa mereka dan membetulkan umat-umat di sekeliling mereka dan umat-umat yang kemudian dari mereka dengan menimpakan hari-hari azab Allah ke atas mereka.

Kemudian sekali lagi lelaki Mu'min itu mengetuk hati dengan mengingatkan mereka dengan Hari Qiamat yang penuh dengan seruan:

(32)

32. "Wahai kaumku! Aku takut kamu ditimpa azab pada Hari (Qiamat) yang penuh dengan seruan."

(33)

33. "Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari azab Allah. Dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepada.Nya."

Pada hari itu para malaikat yang mengumpulkan manusia di padang Mahsyar itu berseru, dan Ashabul-Araaf juga menyeru penghuni Syurga dan penghuni-penghuni Neraka. Sementara penghuni-penghuni Syurga menyeru penghuni-penghuni Neraka, dan penghuni-penghuni Neraka pula menyeru penghuni-penghuni Syurga. Hari itu penuh dengan seruan dalam berbagai-bagai bentuk. Penamaan hari Qiamat dengan:

(32)

32. "Hari yang penuh dengan seruan"

itu membayangkan suasana hari itu riuh rendah, hiruk-pikuk dengan suara-suara pekikan di sana sini, dan menggambarkan hari yang penuh dengan kesesakan dan pertengkaran. Ia juga sesuai dengan perkataan lelaki yang beriman itu.

33. "Iaitu pada hari kamu berpaling ke belakang melarikan diri, sedangkan tiada siapa yang dapat melindungkan kamu dari azab Allah."

Yakni mereka mungkin lari atau cuba melarikan diri dari kedahsyatan azab Neraka, tetapi pada hari itu tiada siapapun yang dapat memberi perlindungan dan hari itu bukanlah masa yang boleh melarikan diri. Gambaran ketakutan, kecemasan dan gambaran lari itu merupakan gambaran utama di sini bagi kumpulan manusia-manusia angkuh dan sewenang-wenang di bumi yang memegang pangkat kebesaran dan kuasa pemerintahan!

(33)

33. "Barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya.

Mungkin ayat ini mengandungi sindiran yang halus kepada perkataan Fir'aun:

(29)

29. "Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."

Dan memberi isyarat bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan barang siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya, dan Allah mengetahui seluruh keadaan dan hakikat manusia yang wajar menerima hidayat dan yang wajar menerima kesesatan.

Pada akhirnya lelaki yang Mu'min itu mengingatkan sikap mereka terhadap Nabi Yusuf a.s. dan di antara zuriatnya ialah Nabi Musa a.s. Dia menerangkan bagaimana mereka meragui kerasulan Yusuf dan pengajaran-

pengajaran yang dibawa oleh beliau supaya mereka tidak mengulangi pendirian itu terhadap Musa a.s. yang membenarkan apa yang dibawa oleh Yusuf a.s. sedangkan mereka telah meragui kebenaran Musa a.s. Dan seterusnya lelaki itu mendustakan anggapan mereka bahawa Allah tidak akan membangkitkan rasul yang lain selepas Nabi Yusuf, sedangkan inilah Nabi Musa a.s. seorang rasul yang dibangkitkan selepas Nabi Yusuf a.s. Yang mendustakan anggapan ini:

(34)

34. "Dan sesungguhnya sebelum ini Yusuf telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas, tetapi kamu masih berada di dalam keraguan terhadap ajaran yang dibawa olehnya kepada kamu, sehingga apabila dia wafat, kamu telah berkata: Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya. Demikianlah Allah menyesatkan orang-orang yang pelampau dan ragu-ragu."

(35)

35. "Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."

Inilah kali pertama di dalam al-Qur'an di mana disebutkan tentang kerasulan Yusuf a.s. yang diutuskan kepada penduduk Mesir. Kita telah pun mengetahui dari Surah Yusuf bahawa beliau telah sampai ke jawatan pengarah perbendaharaan negeri Mesir dan beliau telah pun mendapat gelaran "Aziz Mesir" iaitu gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Mesir (pada masa itu). Di dalam surah ini juga terdapat ayat yang mungkin dapat difahamkan bahawa beliau telah menaiki takhta kerajaan Mesir walaupun ini tidak diyakini, iaitu firman-Nya:

100. "Dan dia (Yusuf) telah mengangkatkan kedua orang tuanya ke atas singgahsana, lalu mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud kepadanya seraya berkata: Wahai ayahandaku! Inilah tafsir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Tuhanku telah menjadikan mimpiku itu suatu kenyataan."

(Surah Yusuf)

Mungkin singgahsana di mana beliau mengangkatkan kedua-dua ibubapanya, suatu singgahsana yang lain dari singgahsana kerajaan Fir'aun Mesir. Walau bagaimanapun Nabi Yusuf a.s. telah sampai ke peringkat kedudukan pegawai tinggi yang memerintah dan berkuasa di negeri itu. Oleh sebab itu

dapatlah kita gambarkan keadaan yang dikatakan oleh lelaki Mu'min itu, iaitu keadaan keraguan mereka terhadap pengajaran yang dibawa oleh Yusuf a.s. dahulu serta sikap mereka yang berpura-pura terhadap Yusuf selaku pembesar yang berkuasa di mana mereka tidak mendustakannya secara terbuka ketika beliau berada dalam jawatan ini! Sehingga ketika dia wafat, kamu telah berkata:

34. "Allah tidak akan membangkitkan lagi seorang rasul selepasnya."

Seolah-olah mereka merasa senang hati dengan kewafatannya, kerana itu mereka menzahirkan kegembiraan mereka di dalam bentuk ini dan melahirkan kebencian mereka kepada aqidah tauhid yang tulen yang dibawa oleh beliau kepada mereka, dan nampaknya aqidah ini telah dikemukakannya kepada dua orang rakan beliau semasa di dalam penjara:

(39)

39. "Manakah yang lebih baik, tuhan-tuhan yang ramai atau Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Perkasa."

(Surah Yusuf)

Oleh itu mereka menyangka bahawa tidak akan datang lagi kepada mereka seorang rasul yang lain selepas beliau kerana inilah yang menjadi cita-cita mereka. Dan seringkali apabila seseorang itu menggemari sesuatu, kemudian ia percaya bahawa kegemarannya itu akan menjadi kenyataan, kerana ini akan dapat memenuhi cita-cita kegemarannya.

Lelaki yang Mu'min itu bercakap dengan keras di sini ketika dia menyebut keraguan dan keterlaluan mereka mendustakan rasul, lalu ia berkata:

(34)

34. "Demikianlah Allah menyesatkan orang yang pelampau dan ragu ragu."

Dia memberi amaran kepada mereka bahawa Allah akan menyesatkan setiap pendusta yang pelampau dan ragu-ragu di dalam 'aqidahnya walau pun telah diberi keterangan-keterangan yang jelas kepadanya.

Dan seterusnya dia memberi amaran yang keras kepada mereka bahawa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa hujah dan alasan akan ditimpa kemurkaan Allah dan kemarahan para Mu'minin, inilah seburuk-buruk perbuatan yang dilakukan mereka. Begitu juga dia mengecam sikap mereka yang takbur dan sewenang-wenang dan memberi amaran bahawa akan membutakan hati orang-orang yang angkuh dan sewenang-wenang!

(35)

35. "Iaitu orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa sebarang alasan yang sampai kepada mereka. Amat besarlah kemurkaan di sisi Allah dan di sisi

orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah menutupkan setiap hati yang takbur dan sewenang-wenang."

Kenyataan lelaki yang beriman itu hampir-hampir sama dengan kenyataan Allah secara langsung permulaan surah yang menjelaskan bahawa kemurkaan itu akan menimpa orang-orang yang menyangkal ayat-ayat Allah tanpa bukti, dan bahawa orang orang yang takbur dan sewenang-wenang itu akan disesatkan Allah hingga tidak ada lagi di dalam hati mereka ruang dan jalan untuk menerima hidayat dan kefahaman.

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Walaupun lelaki Mu'min itu telah menarik hati mereka dalam pengembaraan yang amat jauh ini, namun Firaun tetap berada di dalam kesesatannya dan terus berdegil mengingkarkan kebenaran, tetapi baginda berpura-pura hendak menyelidik dakwaan Musa itu. Nampaknya kesan dari logik dan hujah yang dikemukakan oleh lelaki Mu'min itu amat kuat hingga Fir'aun dan pembesar-pembesarnya tidak dapat mengabaikannya begitu sahaja. Oleh itu Firaun mencari jalan lain yang baru:

(36)

36. "Dan Firaun berkata: Wahai Haman! Binakan untukku sebuah bangunan yang tinggi semoga aku dapat sampai ke jalan-jalan."

(37)

37. "Iaitu jalan-jalan langit supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta. Demikianlah didandan indah kepada Firaun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan (yang benar), dan tiadalah tipudaya Firaun itu melainkan musnah belaka."

Yakni wahai Haman! Bangunkanlah untukku sebuah bangunan yang tinggi supaya aku dapat sampai ke jalan-jalan langit untuk mencari dan melihat Tuhan Musa di sana:

37. "Sesungguhnya aku fikir dia seorang pendusta."

Demikianlah cara putar belit Firaun yang zalim itu untuk menghindarkan dirinya dari berdepan dengan kebenaran secara terus terang. Baginda sekali-kali tidak mahu mengakui aqidah tauhid yang menggoncangkan takhtanya dan mengancam dongeng-dongeng yang menjadi landasan kerajaanya. Amatlah jauh dari kemungkinan bahawa apa yang dikatakan oleh Firaun ini merupakan kefahamannya, dan amatlah jauh pula bahawa apa yang dikatakannya ini merupakan benar-benar serius untuk mencari Tuhan Musa dengan cara

kebendaan yang bodoh itu kerana Firaun-Firaun yang memerintah negeri Mesir itu biasanya mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak munasabah mempunyai kefahaman yang seperti ini. Malah dalam satu segi, itulah cara sendaan, kesewenang-wenangan dan permainan baginda, dan dalam satu segi yang lain pula itulah cara baginda berpura-pura insaf dan hendak menyelidik untuk mendapatkan kepastian. Dan mungkin pula inilah langkah berundur dari menghadapi pukulan-pukulan logik keimanan yang terdapat dalam percakapan lelaki yang Mukmin itu. Seluruh andaian ini menunjukkan kedegilan Firaun mempertahankan kesesatannya, dan keangkuhannya mempertahankan kekufurannya:

37. "Demikianlah didandan indah kepada Fir'aun segala perbuatannya yang buruk dan dia telah dihalangkan dari jalan yang benar."

Yakni baginda memang wajar dihalangkan dari jalan yang benar kerana dolak-dalik dan putar belitnya yang menyelewengkannya dari kejujuran dan dari jalan yang benar.

Kemudian diiringi dengan kenyataan bahawa tipu helah yang seperti itu akan berakhir dengan kekecewaan dan kehancuran:

(37)

37. "Dan tiadalah tipudaya Firaun itu melainkan musnah belaka."

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 44)

Setelah berdepan dengan putar belit, kesewenang-wenangan dan kedegilan Firaun ini, lelaki yang Mu'min ini pun mengeluarkan kata-katanya yang terakhir, yang lantang dan terus terang. Setelah Dia menyeru mereka mengikutnya ke jalan Allah selaku jalan yang betul dan menerangkan kepada mereka nilai hidup dunia yang fana ini dan menggalakkan mereka supaya mencari nikmat hidup yang kekal abadi dan mengingatkan mereka dari azab Akhirat. Dan seterusnya menerangkan kepada mereka tentang kepalsuan dan kebatilan yang wujud di dalam 'aqidah syirik itu:

(38)

38. "Dan berkatalah (lelaki) yang beriman itu: Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar."

(39)

39. "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal"

(40)

40. "Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang salih sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang yang akan memasuki Syurga, di mana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab."

(41)

41. "Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka."

(42)

42. "Kamu menyeruku supaya ingkarkan terhadap Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikit pun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."

(43)

43. "Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka."

(44)

44. "Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu, dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya."

Itulah hakikat yang telah pun dijelaskan sebelum ini di permulaan surah. Kemudian hakikat-hakikat itu dijelaskan sekali lagi oleh lelaki yang Mu'min ini ketika menghadapi Firaun dan pembesar-pembesarnya. Katanya:

(38)

38. "Wahai kaumku! Ikutilah aku nescaya aku membimbing kamu ke jalan yang benar."

Sekejap tadi Firaun telah berkata:

(29)

29. "Aku tidak tunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar."

Oleh itu perkataan lelaki yang Mu'min itu merupakan satu cabaran yang terus terang. Dia telah mengeluarkan pandangan yang benar tanpa takut dan gentar kepada kuasa Fir'aun yang sewenang-wenang itu, juga pembesar-pembesarnya yang berkomplot seperti Haman dan Qarun iaitu dua orang tokoh yang dikatakan menjadi menteri-menteri Firaun.

Dia menjelaskan kepada mereka tentang hakikat kehidupan dunia ini:

39. "Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanya keni'matan (yang sebentar) sahaja."

Yakni keni'matan yang tidak tetap dan kekal:

(39)

39. "Dan sesungguhnya Akhirat itulah negeri yang kekal."

Itulah kehidupan sejati yang wajar dipandang dan difikir dengan mendalam.

Dia menerangkan kepada mereka dasar hisab dan balasan di negeri Akhirat yang kekal:

(40)

40. "Barang siapa yang mengerjakan kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan dengan balasan yang setanding dengannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang salih sama ada lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman, maka merekalah orang-orang yang akan memasuki Syurga dan di sana mereka dikurniakan rezeki tanpa hisab."

Yakni mengikut kehendak kemurahan Allah ialah perbuatan yang baik itu dibalas dengan kebaikan berganda-ganda, sedangkan perbuatan yang jahat tidak dibalas dengan berganda-ganda. Itulah rahmat Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Itulah timbangrasa terhadap kelemahan mereka dan terhadap tarikan-tarikan dan halangan-halangan yang wujud di jalan kebajikan dan kejujuran kerana itulah perbuatan mereka yang baik itu diberi ganjaran yang berganda-ganda, dan dapat menghapuskan dosa perbuatan-perbuatan mereka yang jahat. Dan apabila mereka tiba di Syurga selepas hisab, mereka akan diberi rezeki tanpa hisab.

Lelaki yang Mu'min itu mengecam perbuatan mereka yang mengajaknya ke Neraka, sedangkan dia mengajak mereka ke Syurga. Lalu ia menyeru mereka dengan penuh kecaman:

(41)

41. "Wahai kaumku! Bagaimana aku menyeru kamu kepada keselamatan, sedangkan kamu menyeruku ke Neraka."

Mereka sebenarnya tidak menyeru lelaki yang Mu'min itu ke Neraka tetapi mereka menyerunya kepada 'aqidah syirik. Dan apakah bezanya di antara da'wah kepada syirik dan da'wah kepada Neraka? Kedua-duanya hampir sama sahaja. Dalam ayat yang berikut dia hanya menukarkan da'wah dengan satu da'wah yang lain:

(42)

42. "Kamu menyeruku supaya ingkarkan Allah dan mempersekutukan-Nya dengan sembahan-sembahan yang aku tidak mengetahui sedikitpun (mengenai ketuhanannya), sedangkan aku menyeru kamu beriman kepada Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."

Perbezaan di antara dua dakwah itu adalah amat jauh. Da'wah lelaki yang Mukmin itu amat jelas dan lurus. Dia menyeru mereka kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun. Dia menyeru mereka kepada Tuhan Yang Maha Esa. Di mana kesan-kesan sifat Wahdaniyah-Nya disaksikan oleh alam al-wujud. Dan dibuktikan oleh keindahan-keindahan Penciptanya yang dilakukan dengan qudrat kuasa-Nya dan perencanaan-Nya yang rapi. Dia menyeru mereka kepada Allah supaya mereka mendapat keampunan dari-Nya, kerana Dialah sahaja yang berkuasa memberi keampunan yang limpah:

(42)

42. "Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."

Ke manakah mereka menyerunya? Mereka menyerunya kepada mengingkarkan Allah melalui perbuatan syirik yang tidak diketahui sedikitpun mengenainya dari dakwaan-dakwaan, kepercayaan-kepercayaan yang karut dan penuh teka-teki.

Dia menjelaskan tanpa sebarang syak dan ragu bahawa tuhan-tuhan sekutu itu tidak mempunyai sesuatu apa pun, juga tidak mempunyai sebarang urusan baik di dunia mahupun di Akhirat. Segala-galanya terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, golongan manusia pelampau yang membuat dakwaan yang bukan terhadap itu akan menjadi penghuni-penghuni Neraka:

(43)

43. "Tidak syak lagi bahawa tuhan palsu yang kamu seru supaya aku beriman kepadanya, tidak mempunyai sebarang da'wah di dunia dan di Akhirat. Dan sesungguhnya kepulangan kita ialah kepada Allah dan sesungguhnya orang-orang yang pelampau itulah penghuni-penghuni Neraka."

Apakah lagi yang tinggal selepas ia memberi penerangan-penerangan yang jelas dan syumul mengenai hakikat-hakikat yang pokok dalam 'aqidah? Lelaki yang Mukmin itu telah menerangkannya dengan terus terang tanpa teragak-agak kepada Firaun dan para pembesarnya, setelah ia menyembunyikan keimanan. Dia telah mengumumkan hakikat ini dengan begitu jelas. Kini tiada apa lagi yang

hendak dikatakan olehnya melainkan hanya menyerahkan urusannya kepada Allah, kerana dia telah meluahkan kata-katanya dan melihatkan dhamirnya sambil mengancam mereka bahawa mereka akan sedar kepada kebenaran kata-katanya pada hari Qiamat, di mana tidak berguna lagi peringatan dan segala urusan terpulang kepada Allah:

(44)

44. "Kelak kamu akan ingat (kebenaran) apa yang aku katakan kepada kamu dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hambaNya."

Demikianlah berakhirnya perdebatan dan dialog itu. Di mana seorang lelaki yang beriman dari keluarga Firaun merakamkan kata-katanya yang benar yang kekal abadi dalam dhamir zaman.

(Pentafsiran ayat-.ayat 45 - 50)

Penjelasan ayat yang berikut menyaringkan babak-babak kisah selepas ini dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara Musa, Firaun dan Bani Israel sehingga kepada babak tenggelamnya Fir'aun dan selamatnya Musa a.s. dan selepas itu ia merakamkan pula pemandangan-pemandangan selepas babak yang terakhir ini dan selepas tamatnya hidup dunia:

(45)

45. "Lalu Allah melindunginya dari kejahatan-kejahatan tipudaya yang dirancangkan mereka, dan keluarga Firaun telah ditimpa azab yang amat dahsyat."

(46)

46. "Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan keluarganya ke dalam azab yang paling dahsyat."

(47)

47. "Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari azab Neraka?"

(48)

48. "Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka dan sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."

(49)

49. "Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan azab dari kami barang sehari."

(50)

50. "Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang. Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo'alah sendiri! Dan tiada doa orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia belaka."

Dunia telah dilipat dan lembaran pertama Akhirat telah dibentangkan, tiba-tiba lelaki Mu'min yang telah berkata benar dan berlalu itu telah dilindungi Allah dari akibat-akibat tipudaya Firaun dan pembesar-pembesarnya. Kesan-kesan buruk dari perbuatan-perbuatan Firaun yang jahat itu tidak mengenainya sedikit pun baik di dunia mahupun di Akhirat, sedangkan Fir'aun dan pengikut-pengikutnya ditimpa azab seksa yang amat dahsyat:

(46)

46. "Api Neraka didedahkan ke atas mereka pagi dan petang. Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan keluarganya ke dalam azab yang paling dahsyat."

Ayat ini menyatakan bahawa mereka didedahkan kepada Neraka pagi dan petang iaitu dalam tempoh selepas mati hingga berlakunya Qiamat. Mungkin azab ini ialah azab kubur kerana selepas itu al-Quran menyebut:

(46)

46. "Dan pada hari berlakunya Qiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan keluarganya ke dalam azab yang paling dahsyat."

Jadi itulah azab sebelum hari Qiamat, iaitu satu azab yang amat dahsyat. Mereka didedahkan kepada api Neraka pagi dan petang. Pendedahan itu bertujuan untuk mengazabkan mereka dengan melihat api Neraka dan menunggu diselar olehnya atau oleh bahang panasnya iaitu suatu azab yang amat dahsyat, atau untuk mengazabkan mereka terus dengan azab api Neraka itu. Seringkali perkataan " " (pendedahan) dipakai dengan makna " " (sentuhan atau selaran) dan azab ini lebih dahsyat lagi. Kemudian pada hari Qiamat kelak dikatakan kepada mereka: Masuklah ke dalam azab yang paling dahsyat!

Kemudian pada hari Qiamat kelak mereka akan dimasukkan ke dalam azab yang lebih dahsyat lagi.

Dalam ayat berikut, Qiamat telah pun berlaku dan al-Qur'an menggambarkan pandangan mereka dalam Neraka sedang berbantah-bantah sesama mereka:

(47)

47. "Dan (kenangilah) ketika mereka berbantah-bantah di dalam Neraka lalu berkatalah orang-orang yang lemah dari mereka kepada orang yang telah berlagak angkuh: Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu. Oleh itu dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari azab Neraka?"

Orang-orang yang lemah juga dimasukkan ke dalam Neraka bersama-sama orang-orang yang kuat dan berlagak takbur. Mereka tidak diberi syafa'at dengan alasan menjadi ekor-ekor dan pak turut-pak turut sahaja. Dan azab mereka juga tidak diringankan dengan alasan mereka hanya kumpulan-kumpulan kambing yang dituntun. Mereka tidak mempunyai fikiran dan kehendak sendiri dan tidak pula mempunyai pilihan.

Allah telah mengurniakan kepada mereka kehormatan insaniyah, kehormatan tanggungjawab individu dan kehormatan membuat pilihan dan menggunakan kebebasan, tetapi mereka telah melepaskan semua kehormatan ini dan terus menjadi pak turut pada pembesar-pembesar dan pemerintah-pemerintah yang zalim dan kuncu-kuncu mereka. Mereka tidak pernah berkata kepada mereka: "Jangan!" Malah tidak pernah terfikir untuk membantah dan seterusnya mereka tidak pernah memikirkan buruk baik, sesat atau tidaknya apa yang dikata dan dianjurkan oleh pembesar-pembesar itu kepada mereka:

47. "Sesungguhnya kami adalah pengikut-pengikut kamu."

Perbuatan mereka melepaskan semua kehormatan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan menjadi pak turut pembesar-pembesar dengan tujuan supaya menjadi tukang-tukang syafa'at mereka di sisi Allah, lalu mereka dimasukkan ke dalam Neraka. Mereka telah diheret oleh pemimpin-pemimpin mereka ke dalam Neraka sebagaimana mereka diheret seperti kambing di dalam kehidupan dunia. Dan kini mereka memohon pertolongan kepada pembesar-pembesar itu:

(47)

47. "Dapatkah kamu hapuskan dari kami sebahagian dari azab Neraka?"

Ini sesuai dengan apa yang dibayangkan oleh pemimpin-pemimpin mereka semasa dunia bahawa mereka memimpin mereka ke jalan yang benar dan melindungi mereka dari kerosakan, juga untuk memelihara mereka dari kejahatan, kemudharatan dan tipudaya musuh.

Tetapi pemimpin-pemimpin yang angkuh dan takbur itu merasa bosan dengan disesatkan pengikut-pengikut yang lemah itu lalu mereka menjawab dengan marah dan bosan. Mereka mengakui keadaan yang sebenar selepas mereka berlagak angkuh:

(48)

48. "Jawab orang-orang yang telah berlagak angkuh itu: Sesungguhnya kita semua sama-sama berada dalam Neraka dan sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba-hamba-Nya."

Yakni kita semua lemah belaka. Tiada siapa yang dapat menolong kita. Kita sama susah dan sengsara. Mengapa kamu memohon pertolongan kami sedang kamu sendiri melihat bahawa pembesar-pembesar dan orang-orang yang lemah semuanya sama.

(48)

48. "Sesungguhnya Allah telah pun menetapkan hukuman di antara hamba hamba-Nya."

Oleh itu tidak ada peluang lagi untuk meminda dan mengubahkan hukuman-hukuman itu. Segala perkara telah selesai dan tiada seorang hamba pun yang berkuasa meringankan sesuatu hukuman yang telah diputuskan Allah.

Apabila golongan pemimpin dan golongan pengikut itu sedar bahawa tiada tempat perlindungan yang lain melainkan pada Allah sahaja, maka mereka pun berpaling kepada penjaga-penjaga Neraka dengan keadaan hina-dina dan rendah diri memohon pertolongan:

(49)

49. "Lalu berkatalah orang-orang yang berada di dalam Neraka kepada penjaga-penjaga Neraka: Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan azab dari kami barang sehari."

Mereka memohon pertolongan penjaga-penjaga neraka supaya memohon kepada Allah agar meringankan azab mereka:

(49)

49. "Pohonkanlah kepada Tuhan kamu supaya meringankan azab dari kami barang sehari sahaja."

Mereka memohon hanya sehari sahaja untuk menarik nafas dan beristirehat. Dan untuk mendapat keringanan dari azab untuk satu hari pun memerlukan syafa'at dan doa.

Tetapi penjaga-penjaga Neraka itu tidak dapat memperkenankan permintaan mereka yang malang itu, kerana mereka mengetahui peraturan-peraturan Allah dan Sunnatullah. Mereka mengetahui bahawa waktu permohonan itu telah terlewat. Oleh sebab itu mereka menambahkan lagi azab keseksaan mereka dengan mengecam dan mengingatkan mereka tentang sebab azab ini:

50. “Jawab (penjaga-penjaga Neraka): Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul kamu membawa keterangan-keterangan yang jelas? Jawab mereka: Ya, mereka datang.”

Soal jawab itu sudah cukup untuk menamatkan segala dialog. Dan ketika itu penjaga-penjaga Neraka berlepas tangan dari mereka dan menyerahkan mereka kepada perasaan putus harapan serta diiringi dengan sendaan:

50. “Lalu (penjaga-penjaga Neraka) berkata: Berdo’alah sendiri.”

Yakni jika doa itu dapat mengubahkan sesuatu dari keadaan kamu, maka silalah kamu berdo’a sendiri:

Kemudian ayat ini diiringi dengan pernyataan:

(50)

50. ‘Tiada do’a orang-orang yang kafir itu melainkan hanya sia-sia sahaja.”

Yakni doa itu tidak sampai ke mana-mana dan tidak terjawab, malah diabaikan begitu sahaja sama ada pada golongan pembesar dan golongan pengikut-pengikut yang lemah.

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 55)

Pada situasi yang penentu ini al-Quran mengiringi dengan ulasan yang terakhir terhadap seluruh babak ini dan terhadap kenyataannya mengenal golongan-golongan yang menentang rasul-rasul yang terdedah kepada azab seksa Allah selepas mereka mendustakan rasul dan berlagak angkuh.

(51)

51. “Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi.”

(52)

52. “Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma’af dari mereka, dan mereka akan mendapat la’nat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat.”

(53)

53. “Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat.”

(54)

54. "Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat."

(55)

55. "Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."

Ulasan yang tegas ini sesuai dengan situasi yang tegas, dan dari ulasan ini manusia dapat mengetahui contoh kesudahan kebenaran dan kebatilan di dunia dan di Akhirat, dan melihat bagaimana nasib kesudahan Firaun dan para pembesarnya di dalam kehidupan dunia di samping melihat mereka bertengkar di dalam Neraka. Di mana mereka berakhir dengan pengabaian dan penghinaan. Itulah kesudahan setiap persoalan yang diterangkan oleh Quran.

(51)

51. "Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi."

(52)

52. "Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan mendapat la'nat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."

Mengenai kemenangan di Akhirat tiada seorang pun dari orang-orang yang beriman kepada hari Akhirat yang ingin memperdebatkan kesudahan ini. Dan tiada sebab baginya untuk berdebat. Tetapi mengenai kemenangan di dunia, ia mungkin memerlukan kepada penerangan yang jelas.

Sesungguhnya janji Allah itu tetap benar:

51. "Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul Kami dan orang-orang yang beriman di dalam kehidupan dunia"

tetapi yang dilihat manusia ialah ada rasul-rasul yang dibunuh dan ada rasul yang terpaksa berhijrah meninggalkan kampung halaman dan keluarganya kerana didusta dan diusir, dan ada orang-orang Mu'min yang hidup ditindas. Di antara mereka ada yang dicampak ke dalam parit-parit yang diunggun api, ada yang gugur syahid, ada yang hidup dalam kesempitan, kesengsaraan dan penindasan. Oleh itu di manakah janji Allah hendak memberi kemenangan kepada mereka dalam kehidupan dunia? Dari pintu inilah syaitan nenyelinap masuk ke dalam jiwa manusia melakukan berbagai-bagai hasutan dan godaan.

Tetapi manusia biasanya menilai sesuatu dari bentuk rupa yang lahir sahaja dan melupakan berbagai-bagai nilai dan hakikat-hakikat yang lain ketika

membuat sesuatu penilaian. Manusia mengukur dengan masa dunia yang pendek dan mengukur dengan kawasan tempat yang terbatas. Ini adalah ukuran-ukuran manusia yang kecil. Tetapi ukuran yang syumul ialah ukuran yang meletakkan sesuatu persoalan itu dalam ruang zaman dan tempat yang luas. Ia tidak meletakkan batas-batas di antara satu masa dengan satu masa yang lain dan tidak pula di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Andainya kita melihat persoalan 'aqidah dan keimanan di ruang yang luas ini tentulah kita melihat perjuangan 'aqidah itu mendapat kemenangan tanpa sebarang keraguan lagi. Kemenangan isu 'aqidah merupakan kemenangan kepada pejuang-pejuangnya, kerana pejuang-pejuang 'aqidah itu sendiri tidak mempunyai kewujudan yang berasingan di luar kewujudan perjuangan 'aqidah. Kewajipan utama yang dituntut oleh keimanan dari mereka ialah hancur lebur dalam perjuangan 'aqidah. Biarlah mereka yang tumbang asalkan 'aqidah berdiri tegak.

Manusia juga membataskan erti kemenangan itu dengan gambaran-gambaran tententu dan biasa kepada mereka, iaitu bentuk-bentuk kemenangan yang dapat dilihat dari dekat oleh mata mereka, tetapi kemenangan itu mempunyai gambaran beraneka rupa, kadang-kadang setengah-setengah kemenangan itu datang dalam bentuk kekalahan pada pandangan yang pendek. Misalnya Nabi Ibrahim a.s., beliau telah dicampakkan di dalam api, tetapi dia tetap teguh tidak berganjak dari 'aqidah dan dari berda'wah kepadanya. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Tidak syak ia mengikut logik aqidah beliau telah mencapai kemuncak kemenangan apabila beliau dibuang ke dalam unggun api dan sekali lagi beliau mencapai kemenangan apabila beliau terselamat dari jilatan api itu. Inilah dua bentuk kemenangan yang berlain-lainan dan kedua-duanya pada lahirnya amat jauh, tetapi pada hakikatnya amat dekat. Begitu juga Sayyiduna Husain r.a. beliau telah gugur syahid dalam satu gambaran yang agung dalam satu segi dan dalam satu gambanan yang sedih dalam satu segi yang lain. Adakah beliau dikira menang atau kalah? Mengikut pandangan yang lahir dan mengikut ukuran yang kecil beliau dikira kalah, tetapi mengikut pandangan hakikat yang tulen dan mengikut ukuran yang agung beliau dikira menang. Tiada seorang syahid di muka bumi ini yang mendapat kasih sayang dan simpati kaum Muslimin dan merangsangkan keghairahan mereka seperti simpati dan kasih sayang yang didapati oleh Sayyiduna Husain r.a. sama ada dari golongan yang berpihak kepadanya atau dari golongan yang tidak berpihak kepadanya dari orang-orang Islam dan bukan Islam.

Berapa banyak pejuang-pejuang yang gugur syahid, sedangkan ia tidak dapat memberi kemenangan kepada 'aqidah dan da'wahnya walaupun dia hidup seribu tahun sebagaimana ia mendapat kemenangan 'aqidah dan da'wahnya dengan kematian syahidnya. Dia tidak dapat menerapkan konsep-konsep yang agung di dalam hati manusia dan tidak dapat memberangsangkan ribuan manusia melakukan tindakan yang besar dengan sebuah pidato seperti pidatonya yang terakhir yang ditulis dengan darahnya, di mana pidato itu tetap menjadi tenaga penggerak kepada anak cucu cicit dan mungkin menjadi tenaga penggerak yang menghayunkan langkah-langkah sejarah di sepanjang generasi.

Apakah makna kemenangan dan kekalahan? Kita perlu memeriksa kembali gambaran dan nilai-nilai kalah menang yang biasa kita gunakan dalam penilaian

kita itu sebelum kita bertanya di mana janji Allah yang hendak memberi kemenangan kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'min dalam kehidupan dunia?

Walau bagaimanapun di sana terdapat berbagai-bagai kes-kes di mana kemenangan dapat dicapai dalam bentuknya yang lahir dan dekat iaitu kemenangan yang lahir dan dekat itu bersambung dengan bentuk kemenangan yang kekal dan tetap. Misalnya Nabi Muhammad s.a.w. telah mencapai kemenangan dalam masa hayatnya, kerana kemenangan ini mempunyai kaitan dengan tujuan menegakkan 'aqidah Islam dengan hakikatnya yang sempurna di muka bumi ini, kerana 'aqidah Islamiyah ini tidak mencapai kesempurnaannya melainkan apabila ia dapat menguasai seluruh kehidupan masyarakat manusia dan kegiatannya mulai dari hati individu hingga kepada kerajaan yang memerintah. Oleh itu Allah telah menghendaki supaya Rasulullah s.a.w. yang memperjuangkan 'aqidah ini mendapat kemenangan dalam masa hayatnya untuk merealisasikan 'aqidah ini dalam bentuknya yang sempurna dan meninggalkan hakikat ini sebagai satu hakikat yang wujud dengan jelas di dalam realiti sejarah yang dapat disaksikan oleh semua orang. Dan dengan ini bersambunglah gambaran kemenangan yang dekat ini dengan gambaran kemenangan yang jauh (akan datang) dan wujudlah persamaan gambaran kemenangan yang lahir dengan gambaran kemenangan yang haqiqi mengikut perencanaan dan penyusunan Ilahi.

Di sana ada satu pertimbangan yang elok diperhatikan iaitu janji Allah itu adalah tetap benar kepada rasul-rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman, tetapi hakikat iman yang sesuai dengan janji itu pastilah wujud lebih dahulu di dalam hati, hakikat iman inilah yang seringkali tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh manusia. Hakikat ini tidak mungkin wujud melainkan apabila hati seseorang itu bersih dari segala rupa bentuk syirik. Di sana terdapat berbagai-bagai bentuk syirik khafi (halus) dan hati seseorang tidak akan terlepas dari syirik ini melainkan apabila dia bertawajjuh dan bertawakkal kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, melainkan apabila dia tenang dan tenteram menerima qadha' dan takdir Allah terhadapnya dan melainkan apabila dia merasa bahawa Allah sahajalah yang mengendalikannya dan dia tidak mempunyai pilihan yang lain dari pilihan Allah dan menerima pilihan Allah itu dengan tenang, yakin, redha dan puas hati. Dan apabila seseorang itu sampai kepada darjat keimanan yang seperti ini, maka dia tidak akan mendahului Allah dan tidak akan mencadangkan kepada Allah sesuatu bentuk kemenangan dan kebajikan untuk dirinya, malah dia akan menyerahkan segala-galanya kepada Allah dan akan menerima segala bencana yang akan menimpanya sebagai ni'mat kebajikan. Itulah salah satu konsep dari konsep-konsep kemenangan, iaitu kemenangan di atas kepentingan diri dan hawa nafsu dan itulah kemenangan dalaman dan tanpa kemenangan ini, kemenangan lahir tidak akan tercapai sama sekali.

(51)

51. "Sesungguhnya Kami tetap menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari (Hari Qiamat di mana) berdirinya para saksi."

(52)

52. "Iaitu hari yang tidak berguna kepada orang-orang yang zalim (kafir) permohonan ma'af dari mereka, dan mereka akan mendapat la'nat dan akan mendapat tempat kediaman yang amat dahsyat."

Kita telah pun melihat di dalam pemandangan yang telah lalu bagaimana dalihan dan permintaan ma'af orang-orang kafir yang zalim itu tidak berguna kepada mereka dan bagaimana mereka berakhir dengan menerima la'nat dan tempat kediaman di dalam neraka yang amat dahsyat.

Salah satu dari gambaran kemenangan di dalam kisah Musa a.s. ialah:

(53)

53. "Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hidayat kepada Musa dan Kami kurniakan Bani Israel mewarisi kitab Taurat."

(54)

54. "Untuk menjadi hidayat dan peringatan kepada orang-orang yang mempunyai minda yang sihat."

Pengurniaan kitab suci dan hidayat, pengurniaan ni'mat mewarisi kitab suci dan hidayat merupakan satu contoh dari contoh-contoh kemenangan yang dikurniakan Allah. Contoh yang diberikan Allah dalam kisah Musa a.s. ini mendedahkan kepada kita betapa luasnya bidang kemenangan itu di mana kita dapat melihat satu bentuk kemenangan istimewa dan berbagai-bagai bentuk kemenangan yang ditunjukkan.

Di sini datanglah pernyataan yang mengakhiri bahagian ini mengarahkan Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya dan orang-orang yang beriman yang sedang tertindas di Makkah dan kepada setiap umatnya yang datang selepas mereka dan menghadapi situasi yang sama yang telah dihadapi mereka:

(55)

55. "Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu benar dan pohonlah keampunan terhadap dosamu dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu petang dan pagi."

Pernyataan yang akhir ialah seruan kepada bersabar, iaitu kesabaran menghadapi pendustaan, kesabaran menghadapi penindasan, kesabaran menghadapi keangkuhan

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

“Di bawah bayangan Al-Quran”

Al-Maidah (Ayat 78 – 81)

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 81)

Pada akhirnya ayat yang berikut mengemukakan satu laporan lengkap mengenai pendirian para anbia' Bani Israel terhadap orang kafir dan Bani Israel di sepanjang sejarah yang digambarkan dalam pendirian Nabi Daud dan Nabi Isa a.s., yang mana kedua-duanya telah mengutuk orang-orang kafir dan Bani Israel dan kutukan itu telah diperkenankan Allah dengan sebab-penderhakaan dan pencerobohan mereka, juga dengan sebab keruntuhan sosial mereka dan sikap mereka yang berdiam diri dan menutup mulut terhadap kemungkaran-kemungkaran yang berkembang di kalangan mereka tanpa bertindak melarang dan mencegahkannya, juga dengan sebab mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang yang kafir. Oleh sebab inilah mereka menerima kemurkaan dan kutukan Allah dan ditulis kekal di dalam azab Nerakã.

(78)

78. **"Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh."**

(79)

79. **"Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka."**

(80)

80. **"Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam azab."**

(81)

81. **"Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."**

Demikianlah ternyata bahawa Bani Israel mempunyai sejarah yang amat tua dalam bidang kekafiran, penderhakaan dan kutukan dan bahawa para nabi yang diutuskan untuk memberi hidayat dan menyelamatkan mereka (dari kesesatan) pada akhirnya mereka sendiri yang mengutuk dan melaknatkan Bani Israel agar

terusir dari hidayat Allah dan Allah telah mengabulkan do'a mereka dan mengenakan kemurkaan dan laknat ke atas Bani Israel.

Orang-orang yang kafir dari Bani Israel itu ialah orang-orang yang mengubah pindakan kitab-kitab yang diturunkan Allah kepada mereka dan tidak berhakimkan kepada syari'at Allah — sebagaimana telah disentuh di tempat-tempat yang lain di dalam surah ini dan surah-surah yang lain — dan membatalkan perjanjian mereka dengan Allah bahawa mereka akan menolong, menyokong dan mengikut setiap rasul:

(78)

78. "Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh."

Itulah penderhakaan dan pencerobohan mereka yang tergambar di dalam 'aqidah dan perilaku mereka. Dan sejarah Bani Israel adalah penuh dengan tindak-tanduk menderhaka dan menceroboh sebagaimana telah dihuraikan Allah dalam kitab suci-Nya yang mulia.

Tindak-tanduk menderhaka dan menceroboh itu bukan hanya sekadar menjadi amalan individu-individu sahaja, tetapi akhirnya telah melangkau menjadi ciri kelompok Bani Israel seluruhnya, yang mana masyarakat mereka mengambil sikap membungkam seribu bahasa terhadap perbuatan-perbuatan yang mungkar itu dan tidak bertindak melarang dan membantahkannya:

(79)

79. "Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka."

Penderhakaan dan pencerobohan mungkin berlaku dalam setiap masyarakat dan golongan penjahat-penjahat, perosak-perosak dan penyeleweng-penyeleweng, kerana bumi ini tidak suci dari kejahatan dan masyarakat juga tidak suci dari keganjilan-keganjilan tetapi tabiat masyarakat yang baik tidak membenarkan kejahatan dan kemungkaran menjadi tradisi yang dipersetujui umum, iaitu menjadi jalan yang mudah dan berani dilakukan oleh siapa sahaja yang ingin melakukannya. Apabila perlakuan kejahatan lebih sukar dari perlakuan kebaikan di dalam mana-mana masyarakat dan apabila hukuman terhadap kejahatan menjadi hukuman yang benar-benar menjerakan dan bersifat kolektif, di mana seluruh anggota masyarakat bangkit menentang kejahatan dan mengenakan balasan yang memeritkan, maka di waktu itu kejahatan dengan sendirinya akan tersisih dan dorongan-dorongan ke arahnya menjadi lemah. Di waktu itu masyarakat akan menjadi kukuh dan padu, kerosakan dan kebejatan akan terkurung dalam kalangan individu-individu atau dalam kumpulan-kumpulan kecil yang diburu oleh masyarakat dan mereka tidak dapat lagi menguasai masyarakat dan di waktu itu kejahatan tidak dapat berkembang dan menjadi ciri umum.

Sistem Islam yang membentangkan gejala-gejala kejahatan yang berlaku di dalam masyarakat Israel dalam bentuk cemuhan dan ancaman ini adalah

bertujuan supaya kelompok Muslimin mempunyai entiti yang dinamik, padu, kukuh dan dapat membasmikan gejala-gejala awal pencerobohan dan penderhakaan sebelum berkembang menjadi gejala umum. Ia bertujuan supaya masyarakat Islam menjadi kuat dalam mempertahankan kebenaran dan sensitif terhadap pencerobohan yang dilakukan ke atasnya, juga bertujuan supaya pihak berkuasa yang menjaga dan mengawal agama menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan jujur, iaitu mereka harus berdiri menentang kejahatan, kerosakan, kezaliman dan pencabulan tanpa takut dan gentar kepada sebarang kecaman dan cemuhan sama ada kejahatan itu dilakukan oleh pemerintah-pemerintah yang memerintah dengan sewenang-wenang atau dilakukan oleh hartawan-hartawan yang bermaharajalela dengan kekayaan mereka atau dilakukan oleh golongan-golongan penjahat atau dilakukan oleh orang ramai yang terkongkong kepada hawa nafsu, kerana peraturan Allah tetap peraturan Allah dan semua pihak yang melanggar peraturan ini sama ada dari golongan atasan atau dari golongan bawahan adalah sama sahaja.

Islam menekan kuat terhadap kewajipan menunaikan amanah dan mengenakan hukuman ke atas seluruh anggota kelompok apabila mereka mengambil sikap berdiam diri dan menutup mulut terhadap kemungkaran. Islam meletakkan tanggungjawab ini di atas leher setiap individu setelah meletakkannya di atas leher kelompok umumnya.

Mengikut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya daripada Abdullah ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

> **"Apabila Bani Israel jatuh ke dalam ma'siat, maka mereka telah dilarang oleh ulama'-ulama' mereka, tetapi mereka tidak juga berhenti (melakukan ma'siat-ma'siat) kemudian ulama'-ulama' itu duduk bersama-sama mereka di dalam majlis-majlis mereka dan makan minum bersama mereka, lalu Allah cantumkan mereka satu sama lain dan laknatkan mereka di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. (Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh)."**
>
> Rasulullah (ketika itu) sedang bersandar lalu beliau duduk sambil bersabda:
>
> **"Tidak boleh begitu, demi Allah yang nyawaku berada di tangan-Nya (kamu tidak boleh membiarkan orang-orang yang melakukan ma'siat) sehingga kamu bertindak bersungguh-sungguh melontarkan mereka agar tunduk kepada ajaran yang benar."**

Mengikut riwayat Abu Daud pula dengan isnadnya dari Abdullah ibn Mas'ud katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

> **"Awal-awal kelemahan (atau kegagalan) yang menimpa Bani Israel ialah mula-mula seorang dari mereka datang menemui seorang yang lain (yang melakukan ma'siat) dan terus menegur: 'Hai awak! Bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan ma'siat ini kerana ia tidak dihalalkan kepada awak.' Kemudian apabila ia datang pula menemuinya pada keesokan hari, maka ia merasa tidak ada apa-apa halangan untuk makan minum dan duduk bersama orang itu. Apabila mereka berbuat begitu maka Allah cantumkan hati mereka satu sama lain."**

Kemudian beliau membaca:

78. "Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam."

(81)

81. "Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."

Kemudian beliau bersabda: "Tidak boleh dibiarkan begitu! Demi Allah, hendaklah kamu menyuruh orang melakukan perkara yang ma'ruf dan hendaklah kamu melarang mereka melakukan perkara yang mungkar, hendaklah kamu menahan tangan orang yang zalim dan hendaklah kamu berusaha melontarkannya dengan sungguh-sungguh agar tunduk kepada ajaran yang benar atau memaksakannya dengan sungguh-sungguh mengikut ajaran yang benar."

Ini bukannya semata-mata menyuruh dan melarang kemudian selesai segala masalah, malah kejahatan, kerosakan, ma'siat dan pencabulan itu pastilah ditentang dengan gigih dan berterusan, ditentang dengan pemulauan dan pencegahan dengan menggunakan kekuatan.

Menurut riwayat Muslim dengan isnadnya daripada Abi Said al-Khudri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

,

"Barang siapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya, jika ia tidak berdaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidahnya dan jika ia tidak berdaya juga, maka hendaldah ia ubahkannya dengan hatinya maka itulah iman yang paling lemah."

Menurut riwayat al-Imam Ahmad dengan isnadnya daripada 'Adi ibn 'Umayrah katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya Allah tidak mengazabkan orang ramai dengan sebab perbuatan (kemungkaran) orang-orang yang tertentu sehingga mereka melihat kemungkaran itu berleluasa di kalangan mereka, sedangkan mereka berkuasa bertindak mengingkarkannya, tetapi mereka tidak mengingkarkannya. Apabila mereka berbuat begitu nescaya Allah azabkan orang ramai bersama-sama orang-orang yang tertentu (yang melakukan kemungkaran itu)."

Mengikut riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi dengan isnadnya daripada Abu Sa'id katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.

"Jihad yang paling utama ialah (kesanggupan) mengeluarkan perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim."

Banyak lagi terdapat ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabawi yang memperkatakan perkara ini, kerana perpaduan kelompok (dalam menghadapi pertumbuhan kemungkaran di dalam masyarakat), di mana tiada seorang pun boleh berdalih apabila melihat sesuatu kemungkaran yang dilakukan oleh orang lain: Apa ada kena mengena dengan saya? Semangat keghairahan menentang kerosakan akhlak di dalam masyarakat, di mana tiada seorang pun boleh berdalih apabila melihat kerosakan itu berkembang dalam masyarakat: "Saya nak buat apa. Ia akan menyusahkan saya sahaja jika saya tentang kerosakan ini," dan perasaan cemburu terhadap perkara-perkara yang suci di sisi Allah dan perasaan bertanggungjawab secara langsung untuk memelihara dan mempertahankannya supaya terselamat dari kemurkaan Allah adalah merupakan tapak asas tegaknya kelompok Muslimin.

Semuanya ini memerlukan kepada wujudnya keimanan yang tulen terhadap Allah, kepada wujudnya pengetahuan yang mengenal tugas-tugas keimanan, kepada wujudnya kefahaman yang betul terhadap sistem Ilahi, kepada wujudnya pengetahuan yang menyedari bahawa sistem Ilahi itu adalah merangkumi segala aspek kehidupan, kepada adanya kesungguhan berpegang teguh dengan 'aqidah dan kepada adanya kesungguhan perjuangan untuk menegakkan sistem hidup yang terpancar dari 'aqidah ini dalam kehidupan masyarakat seluruhnya, kerana masyarakat Islam yang mengambil undang-undang dan peraturannya dari syari'at Allah dan menegakkan kehidupannya di atas sistem Allah itulah satu-satunya masyarakat yang meluangkan kepada seseorang Muslim mengamalkan hakikat al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dengan cara yang tidak lagi menjadikan amalan ini sebagai amalan individu yang hilang di dalam arus dan gelombang atau sebagai amalan yang tidak mungkin dilaksanakan di dalam kebanyakan waktu sebagaimana yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah yang wujud pada hari ini di merata penjuru bumi, iaitu masyarakat yang menegakkan kehidupannya di atas tradisi-tradisi dan istilah-istilah sosial yang memandang hina kepada perbuatan campurtangan dalam urusan orang lain dan memandang perbuatan-perbuatan fasiq, kelakuan-kelakuan yang menyeleweng dan amalan-amalan ma'siat sebagai "persoalan-persoalan peribadi yang tidak wajar dicampurtangan oleh orang lain, di samping ia menggunakan kezaliman, keganasan, pencabulan dan pencerobohan sebagai pedang ancaman untuk menutup mulut, mengikat lidah dan menindas orang-orang yang berani berkata benar dan berani menyuruh kuasa yang zalim melakukan amalan yang ma'ruf.

Usaha-usaha yang gigih dan pengorbanan-pengorbanan yang luhur pertama-tama harus ditujukan lebih dahulu untuk menegakkan masyarakat yang baik, iaitu masyarakat yang ditegakkan di atas sistem Allah sebelum usaha-usaha

dan pengorbanan itu disalurkan kepada tujuan-tujuan mengadakan reformasi-reformasi yang bersifat juzukan, keperibadian dan keindividuan dengan perantaraan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil munkar.

Usaha-usaha yang bersifat juzukan tidak memberi apa-apa faedah andainya seluruh masyarakat telah rosak dan jahiliyah telah berleluasa dan andainya masyarakat itu ditegakkan di atas satu sistem yang bukan dari sistem Allah dan menggunakan undang-undang dan peraturan yang lain dari syari'at Allah. Di waktu ini usaha dan perjuangan pastilah dimulakan dan tapak asas dan digerakkan pertumbuhannya dari akar umbinya lagi. Seluruh usaha dan perjuangan pastilah ditumpukan untuk menegakkan kuasa Allah di bumi apabila kuasa ini telah mencapai kemantapannya, maka perjuangan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar akan menjadi satu perjuangan yang mempunyai sesuatu asas yang kukuh.

Gerakan ini memerlukan kepada keimanan. Ia memerlukan kepada kefahaman yang betul terhadap keimanan dan bidang fungsinya di dalam sistem hidup. Oleh itu keimanan yang mencapai tahap inilah yang membuat seseorang itu meletak seluruh pergantungannya kepada Allah dan menaruh seluruh kepercayaan bahawa Allah tetap akan menolong orang yang baik — walau sejauh mana sekalipun jalan perjuangan itu. Keimanan yang mencapai tahap ini membuat seseorang itu hanya mengharapkan pahala dari Allah sahaja. Oleh kerana itu orang yang memikul tugas perjuangan ini tidak mengharapkan ganjaran di bumi, tidak mengharapkan penghargaan dari masyarakat yang sesat dan seterusnya tidak mengharapkan pentolongan dari pendokong-pendokong jahiliyah dari mana-mana tempat sekalipun.

Segala nas al-Qur'an dan hadith Nabawi yang menyebut al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar adalah memperkatakan tentang kewajipan seseorang Muslim di dalam masyarakat Islam, iaitu masyarakat yang dari awal-awal lagi mengi'tirafkan kuasa Allah dan berhakim kepada syari'at Allah walaupun di dalam masyarakat ini kadang-kadang berlaku kezaliman pemerintah dan kadang-kadang perlakuan dosa berkembang luas. Demikianlah gambaran yang kita dapati dalam hadith Rasulullah s.a.w. (yang berikut):

"Jihad yang paling utama ialah (kesanggupan) mengeluarkan perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim."

Orang yang disebut di dalam hadith ini ialah seorang "Imam" (pemerintah) dan dia tentu tidak boleh menjadi pemerintah Islam melainkan dari awal-awal lagi dia mengi'tirafkan kuasa Allah dan berhakimkan syari'at Allah, kerana pemerintah yang tidak berhakimkan syari'at Allah tidak dipanggil imam, malah ia dipanggil oleh Allah S.W.T. dengan panggilan:

(44)

44. **"Dan barang siapa yang tidak menghukum dengan peraturan-peraturan yang telah diturunkan Allah, maka mereka adalah orang-orang yang kafir."**

Adapun masyarakat-masyarakat jahiliyah yang tidak berhakimkan syari'at Allah, maka kemungkaran yang paling besar dan paling penting di dalam masyarakat ini ialah kemungkaran yang mencetuskan segala kemungkaran yang lain. Kemungkaran itu ialah kemungkaran sikap masyarakat ini yang menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu. Inilah kemungkaran besar, asasi dan pokok yang wajib disangkal dan ditolak sebelum bertindak menolak kemungkaran-kemungkaran kecil yang lain, iaitu kemungkaran-kemungkaran yang mengikut kemungkaran yang paling besar itu atau menjadi cawangannya dan gejalanya.

Tidak ada gunanya membuang tenaga orang ramai yang baik dan salih dalam usaha menentang kemungkaran-kemungkaran kecil yang lahir dari kemungkaran yang pertama, iaitu kemungkaran menunjukkan keangkuhan dan kebiadaban terhadap Allah dan penolakan terhadap Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu. Ya, memang tidak dapat dipertikaikan lagi tidak ada gunanya membuang tenaga dalam usaha menentang kemungkaran-kemungkaran kecil yang merupakan kehendak-kehendak yang lazim atau merupakan hasil-hasil tabi'i yang buruk dari kemungkaran yang pertama itu.

Tetapi kepada siapa kita harus berhakim dan menghukumkan kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan oleh manusia itu? Dan apakah neraca yang harus digunakan untuk menimbang perbuatan-perbuatan mereka dan memutuskan bahawa ini perbuatan mungkar dan hendaklah kamu jauhinya? Kini andainya anda berkata: Ini perbuatan mungkar, maka berpuluh-puluh orang di sana sini akan datang kepada anda dan menyangkal pendapat anda: Tidak, ini bukannya perbuatan mungkar. Memang benar di zaman silam ia dianggap mungkar, tetapi kini dunia telah berubah, masyarakat telah maju, pandangan-pandangan dan pendekatan-pendekatan manusia telah berbeza.

Kini jelaslah bahawa kita memerlukan satu neraca yang tetap untuk dijadikan rujukan apabila hendak mempertimbangkan perbuatan-perbuatan manusia dan kita memerlukan nilai-nilai yang teraku untuk dijadikan kayu ukur ketika menilaikan perbuatan-perbuatan ma'ruf dan perbuatan-perbuatan mungkar. Tetapi dari mana kita hendak mengambil nilai-nilai ini? Dari mana kita hendak membawa neraca ini?

Apakah kita harus mengambilnya dari penilaian-penilaian orang ramai, dari tradisi-tradisi dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang berubah-ubah dan tidak pernah tetap di atas satu keadaan? Andainya kita mengambil nilai-nilai itu dari sini kita akan berakhir dengan mengharungi padang belantara dan tersesat di sana tanpa pemandu dan kita akan hanyut di dalam arus dan gelombang tanpa berpedoman.

Oleh sebab itu dari awal-awal lagi kita pasti tegakkan satu neraca tetap yang tidak terumbang-ambing mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu.

Neraca yang tetap teguh itu ialah neraca Allah.

Apakah yang akan terjadi andainya masyarakat dari awal-awal lagi tidak mengi'tirafkan kuasa Allah? Apakah yang akan berlaku andainya masyarakat tidak berhakimkan syari'at Allah? Malah apakah yang akan berlaku andainya

masyarakat mengejek, mempermain-main, menolak dan menyangkal seruan penda'wah-penda'wah yang mengajaknya kepada sistem Allah?

Bukankah membuang tenaga percuma dan bukankah perbuatan sia-sia andainya anda bangkit dalam masyarakat yang seperti ini untuk mengajak orang ramai melakukan perbuatan ma'ruf dan melarang mereka dari perbuatan mungkar dalam urusan-urusan kehidupan yang kecil dan sampingan sahaja, di mana neraca-neraca, nilai-nilai, fikiran dan kehendak-kehendak hawa nafsu mempunyai pandangan yang berlain-lainan?

Secara dasar satu persetujuan pastilah diwujudkan untuk memperakui sesuatu peraturan, neraca pertimbangan, kuasa dan pihak yang menjadi rujukan apabila berlaku perbezaan fikiran, pendapat dan kehendak-kehendak hawa nafsu.

Tindakan menyuruh melakukan perbuatan ma'ruf yang paling besar pasti dilancarkan, iaitu perbuatan ma'ruf yang mengi'tirafkan kuasa Allah dan sistem hidup Allah dan tindakan melarang perbuatan mungkar yang paling besar juga pastilah dilancarkan, iaitu perbuatan mungkar yang menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia. Apabila tapak asas selesai dibina, barulah bangunan boleh ditegakkan. Kini selamatkan tenaga-tenaga dan usaha-usaha yang berselerak itu dari terbuang sia-sia, malah seluruh tenaga harus digembelengkan di satu front sahaja untuk menyediakan tapak asas untuk ditegakkan bangunan.

Kadang-kadang seseorang merasa kasihan dan ta'jub terhadap golongan orang-orang yang baik yang mengorbankan tenaga mereka dalam melancarkan gerakan al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dalam persoalan-persoalan kehidupan yang juz'i atau cabangan sahaja (furu'), sedangkan persoalan akar umbi yang menjadi asas kehidupan masyarakat Islam dan asas al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar itu sendiri adalah terputus!

Oleh itu apakah cukup anda melarang orang ramai dari memakan harta haram dalam sebuah masyarakat yang seluruh sistem ekonominya ditegakkan di atas sistem riba dan menyebabkan seluruh hartanya menjadi haram di samping menyebabkan seseorang tidak dapat makan dari harta yang halal kerana seluruh sistem sosial dan ekonominya tidak ditegakkan di atas syari'at Allah, kerana masyarakat ini dari awal-awal lagi menolak Uluhiyah Allah dengan menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia itu?

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari melakukan perbuatan yang fasiq - misalnya — dalam sebuah masyarakat, di mana undang-undangnya tidak menganggap zina sebagai perbuatan jenayah kecuali dalam kes paksaan dan sehingga dalam kes paksaan ini juga ia tidak menghukumkannya dengan syari'at Allah, kerana masyarakat ini dari awal-awal lagi menolak Uluhiyah Allah apabila ia menolak syari'at Allah yang diatur untuk mengendalikan kehidupan manusia ini?

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari mabuk dalam sebuah masyarakat yang undang-undangnya menghalalkan minum arak dan ia tidak mengenakan hukuman kecuali dalam kes mabuk yang terang di tengah jalan raya dan dalam kes ini juga ia tidak menghukumkan dengan hukum hudud Allah, kerana dari awal lagi ia tidak mengi'tirafkan kuasa Hakimiyah Allah.

Apakah cukup anda melarang orang ramai dari memaki agama dalam sebuah masyarakat yang tidak mengi'tirafkan kuasa Allah dan tidak menyembah Allah, malah menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, iaitu tuhan-tuhan yang memberi dan menetapkan undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan kepadanya, sedangkan orang yang memaki dan orang yang dimaki kedua-duanya tidak mengikut agama Allah belaka, malah kedua-duanya dan seluruh anggota masyarakat kedua-duanya adalah mengikut agama tuhan-tuhan (palsu) yang lain yang memberi dan menetapkan undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan kepada mereka?

Apakah cukup (dilancar gerakan) al-Amru bil-ma'ruf dan an-Nahyu 'anil-munkar dalam keadaan-keadaan yang seperti ini? Apakah cukup melarang orang ramai dari melakukan dosa-dosa yang besar apatah lagi dosa-dosa yang kecil, sedangkan dosa yang paling besar tidak dilarang, iaitu dosa kekafiran terhadap Allah dengan sebab menolak sistem hidup ilahi?

Persoalan ini adalah lebih besar, lebih luas dan lebih mendalam dari usaha-usaha, tenaga-tenaga dan perhatian yang dicurahkan oleh golongan (pengislah-pengislah) yang baik, kerana yang menjadi persoalan di peringkat ini bukannya mengesan dan mengambil berat tentang persoalan-persoalan cabangan, biarpun bagaimana besarnya sekalipun persoalan yang bersangkut dengan usaha menegakkan hukum-hukum hudud Allah, kerana hukum-hukum hudud Allah ini dari segi dasarnya adalah ditegakkan di atas pengi'tirafan terhadap kuasa hakimiyah (kehakiman) Allah sahaja dan andainya pengi'tirafan itu belum menjadi kenyataan dalam bentuk menganggapkan syari'at Allah sebagai satu-satunya sumber perundangan dan menganggapkan Rububiyah Allah, pengurusan dan pentadbiran-Nya sebagai satu-satunya sumber kuasa, maka segala usaha dalam persoalan-persoalan cabangan itu adalah sia-sia dan percuma sahaja, sedangkan kemungkaran yang paling besar itulah kemungkaran yang lebih wajar diutamakan dari kemungkaran-kemungkaran yang lain dan lebih wajar dicurahkan segala daya dan usaha.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

,

"Barang siapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia ubahkannya dengan tangannya, jika ia tidak berdaya, maka hendaklah ia ubahkannya dengan lidahnya dan jika ia tidak berdaya juga, maka hendaklah ia ubahkannya dengan hatinya dan itulah iman yang paling lemah."

Mungkin orang-orang Islam akan dilalui satu zaman, di mana mereka bukan sahaja tidak berdaya mengubahkan kemungkaran dengan tangan mereka, tetapi juga tidak berdaya mengubahkannya dengan lidah mereka, dan yang tinggal pada mereka hanya iman yang paling lemah sahaja, iaitu kesanggupan mengubahkan kemungkaran dengan hati mereka sahaja dan di tahap ini tiada

siapa yang boleh menghalangi hati mereka jika mereka benar-benar beriman kepada Islam.

Ini bukannya satu sikap negatif dalam menentang kemungkaran sebagaimana yang mungkin dilihat pada seimbas pandang, kerana pengungkapan Rasulullah s.a.w. yang menggunakan kata-kata "pengubahan" itu menunjukkan bahawa ianya adalah satu tindakan yang bersifat positif. Sebenarnya tindakan menentang dan membantah dengan hati itu adalah bererti bahawa hati itu tetap memelihara sifat tentangannya yang positif terhadap kemungkaran, iaitu ia tetap membantah dan membencikan kemungkaran, ia tidak akan menyerah kalah kepada kemungkaran dan ia tidak akan memandang kemungkaran itu mempunyai sebarang kedudukan yang legal yang dihormati dan diakui. Oleh itu tentangan hati terhadap sesuatu kedudukan yang mungkar adalah satu kekuatan positif untuk meruntuhkan kedudukan itu dan untuk menegakkan kedudukan yang ma'ruf sebaik sahaja mendapat peluang atau untuk menunggu kesempatan menghancurkan kemungkaran itu. Semuanya ini merupakan satu tindakan positif untuk mewujudkan perubahan walaupun ia merupakan satu tahap iman yang paling lemah dan tidak ada lagi tahap yang lebih rendah dari kesanggupan seseorang Muslim memelihara tahap iman yang paling lemah! Tetapi sikap menyerah kalah kepada kemungkaran dengan alasan kerana ia telah menjadi realiti atau kerana ia mempunyai daya tekanan yang boleh membawa kepada kebinasaan, maka ia mengertikan seseorang itu keluar dari mata rantai iman yang terakhir dan seterusnya meninggalkan kedudukan iaitu iman yang paling lemah.

Inilah (tahap tentangan terakhir) dan jika tidak dipertahankannya nescaya masyarakat wajar menerima laknat Allah yang telah menimpa Bani Israel:

(78)

78. Orang-orang kafir dari Bani Israel telah dilaknatkan Allah di atas lidah Daud dan 'Isa putera Maryam. Laknat yang sedemikian disebabkan kerana mereka menderhaka dan kerana mereka menceroboh."

(79)

79. "Dan kerana mereka tidak saling melarang satu sama lain terhadap kemungkaran yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya amat buruk segala perbuatan yang dilakukan mereka."

Kemudian rangkaian ayat yang berikut terus memperkatakan tentang Bani Israel hingga akhir bahagian ini dan inilah penghabisan juzu' ini. Di sini al-Qur'an menceritakan keadaan mereka di zaman Rasulullah s.a.w., iaitu keadaan yang sama dengan keadaan mereka di setiap zaman dan tempat, di mana mereka mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir dan saling bantu membantu dengan mereka untuk menentang kelompok Muslimin. Sebab mereka bertindak begitu — walaupun mereka kaum Ahlil Kitab — ialah kerana mereka tidak beriman kepada Allah dan kepada Nabi dan tidak masuk ke dalam agama yang terakhir. Mereka sebenarnya tidak beriman. Andainya mereka beriman tentulah mereka tidak mengadakan hubungan setiakawan dengan orang-orang kafir:

(80)

80. "Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam azab."

(81)

81. "Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."

Di samping laporan ini merupakan satu laporan yang tepat dengan keadaan kaum Yahudi di zaman Rasulullah s.a.w., maka ia juga tepat dengan keadaan mereka pada hari ini, pada hari esok dan seterusnya pada setiap zaman. Begitu juga laporan ini tepat dengan keadaan segolongan kaum Ahlil-Kitab yang satu lagi (iaitu kaum Nasara) di kebanyakan negeri pada hari ini. Inilah di antara perkara-perkara yang mengajak kita supaya berfikir dengan mendalam untuk memahami rahsia-rahsia al-Qur'an dan hakikat-hakikatnya yang mena'jubkan yang disimpankan untuk kelompok Muslimin di setiap zaman.

Kaum Yahudilah yang mengadakan hubungan setiakawan dengan kaum Musyrikin. Merekalah yang menghasut kaum Musyrikin menentang kaum Muslimin:

(51)

51. "Dan mereka berkata kepada orang-orang kafir (Musyrikin Makkah) bahawa mereka (Musyrikin) adalah lebih betul jalannya dari orang-orang yang beriman"

(Surah an-Nisa')

sebagaimana telah diceritakan oleh al-Qur'anul-Karim. Semuanya ini dapat dilihat dengan jelas dalam masa Peperangan al-Ahzab, juga sebelum dan selepas peperangan ini dan seterusnya hingga sampai kepada sa'at ini, di mana negeri Israel tidak akan tegak di bumi Palestin di masa kebelakangan ini melainkan dengan hubungan setiakawan dan saling membantu di antara mereka dengan orang-orang kafir yang terdiri dari kaum materialis yang tidak percaya kepada Tuhan.

Adapun golongan Ahlil-Kitab yang satu lagi (kaum Nasara) mereka pula sentiasa bekerjasama dengan kaum-kaum yang berpegang dengan aliran materialisme yang menolak Tuhan dalam mana-mana perkara yang melibatkan kaum Muslimin. Begitu juga mereka selalu bekerjasama dengan kaum-kaum yang berpegang dengan kepercayaan paganisme yang mempersekutukan Allah dalam

mana-mana pertarungan yang menentang kaum Muslimin walaupun kaum Muslimin ini tidak melambangkan Islam dalam suatu apa pun kecuali kerana mereka dari keturunan kaum yang dahulunya dikenali sebagai orang-orang Islam! Tetapi itulah dendam kesumat (kaum Nasara) yang tidak pernah reda terhadap agama Islam dan pemeluk-pemeluknya walaupun pemeluk-pemeluk ini hanya mengaku sahaja beragama Islam.

Amatlah benar dan tepat apa yang telah dijelaskan oleh Allah Yang Maha Besar:

(80)

80. "Engkau dapat melihat kebanyakan mereka bersahabat setia dengan orang-orang kafir (kaum Musyrikin Arab). Sesungguhnya amatlah buruk akibat yang mereka sediakan untuk diri mereka, iaitu mereka dimurkai Allah dan mereka akan kekal di dalam azab."

Itulah hasil yang mereka telah sediakan untuk diri mereka, iaitu kemurkaan Allah dan keseksaan yang kekal abadi di dalam Neraka. Oleh itu alangkah malangnya hasil persediaan yang mereka siapkan untuk diri mereka. Alangkah pahitnya hasil yang diperolehi mereka dari perbuatan bersetiakawan dengan orang-orang kafir.

Siapakah dari kalangan kita (kaum Muslimin) yang mendengar penjelasan Allah S.W.T. mengenai kaum Ahlil-Kitab ini? Maka tentulah tidak wajar ia membuat keputusan-keputusan sendiri yang tidak diizinkan Allah dalam persoalan mengadakan hubungan setiakawan dan saling membantu di antara penganut-penganut Islam dengan musuh-musuh mereka (Ahlil-Kitab) yang bersetiakawan dengan orang-orang kafir.

Apakah sebenarnya motif yang mendorong kaum Ahlil-Kitab bersetiakawan dengan orang-orang kafir? Motifnya ialah kerana mereka tidak beriman kepada Allah dan Nabi:

(81)

81. "Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia, tetapi kebanyakan mereka adalah fasiq."

Inilah sebabnya yang sebenar, iaitu kerana mereka tidak percaya kepada Allah dan Nabi, kerana kebanyakan mereka fasiq dan menyeleweng dan kerana mereka sama sebulu dengan orang-orang kafir dari segi perasaan dan haluan. Oleh sebab itu sudah tentu mereka akan memilih bersetiakawan dengan orang-orang kafir dari bersetiakawan dengan orang-orang yang beriman.

Ulasan al-Qur'an ini melahirkan dari ulasan tiga hakikat yang terang:

Hakikat yang pertama: Seluruh kaum Ahlil-Kitab — kecuali sebilangan kecil yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. — adalah tidak beriman kepada Allah belaka kerana mereka tidak beriman kepada Rasul-Nya yang terakhir. Al-Qur'an tidak menafikan keimanan mereka kepada nabi sahaja, malah menafikan juga keimanan mereka kepada Allah.

(18)

81. "Dan jika mereka benar-benar beriman kepada Allah dan kepada nabi dan wahyu yang diturunkan kepadanya tentulah mereka tidak mengambil orang-orang kafir sebagai sahabat setia."

Inilah keterangan yang jelas dari Allah yang tidak boleh ditakwilkan lagi biar bagaimanapun mereka mendakwa beriman kepada Allah apatah lagi apabila kita mengambil kira pegangan dan kefahaman mereka yang sesat dan menyeleweng tentang hakikat Uluhiyah sebagaimana telah dibicarakan oleh ayat-ayat pelajaran ini, dan ayat-ayat lainnya di dalam al-Qur'anul-Karim.

Hakikat yang kedua: Seluruh kaum Ahlil-Kitab adalah diseru di atas lidah Nabi Muhammad s.a.w. supaya masuk ke dalam agama Allah. Dan andainya mereka menyambut seruan ini, maka bererti mereka telah beriman dan memeluk agama Allah dan andainya mereka menolak maka bererti mereka tidak beriman sebagaimana yang telah disifatkan Allah.

Hakikat yang ketiga: Tiada hubungan setiakawan dan saling membantu di antara kaum Ahlil-Kitab dengan kaum Muslimin dalam apa-apa urusan sekalipun kerana setiap urusan kehidupan mengikut pandangan Islam adalah tunduk kepada pengawasan agama.

Cuma Islam tetap menyuruh para pemeluknya supaya menunjukkan hubungan dan perilaku yang baik kepada kaum Ahlil-Kitab dan supaya melindungi jiwa, harta benda dan maruah mereka dalam negara Islam, juga supaya membiarkan mereka mengamalkan dengan bebas apa sahaja kepercayaan yang dipegang oleh mereka dan supaya berda'wah kepada mereka dengan baik agar mereka memeluk agama Islam dan seterusnya melakukan perdebatan yang baik dengan mereka. Di samping itu Islam menyuruh kaum Muslimin supaya menghormati perjanjian dengan mereka selama mereka menghormatinya dan menghormati sikap damai mereka terhadap kaum Muslimin. Dan di dalam keadaan apa sekalipun mereka tidak boleh dipaksa mengenai sesuatu yang ada hubungan dengan agama.

Inilah agama Islam dengan sikapnya yang terang dan jelas dan dengan pendiriannya yang baik dan toleran.

Allah berfirman benar dan menunjuk ke jalan yang lurus.

(Tamat Juzu' Yang Keenam)

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Aali-Imran (Ayat 21 – 32)

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 22)

(21)

21. "Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berlaku adil, maka gembirakanlah mereka dengan azab yang amat pedih."

(22)

22. "Merekalah orang-orang yang terhapus pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat dan mereka sama sekali tidak akan mendapat penolong-penolong."

Inilah nasib kesudahan yang pasti (berlaku kepada mereka) iaitu azab yang amat pedih. Al-Qur'an tidak menentukan azab ini di dunia atau di Akhirat, oleh itu azab ini diduga akan menimpa mereka di dunia dan di Akhirat. Gambaran amalan-amalan mereka yang disia-siakan di dunia dan di Akhirat itu digambarkan dengan ungkapan-ungkapan yang hidup, kerana kata-kata " " pada asalnya bermakna penyakit kembung perut yang dihidapi binatang yang memakan sejenis tumbuhan yang beracun dan penyakit ini merupakan penyakit yang akan membawa maut kepada binatang itu. Demikianlah juga amalan-amalan orang-orang yang kafir mungkin kelihatan mengembung besar dan hebat pada penglihatan orang ramai, tetapi kekembungan itu hanya membawa kepada kesesiaan dan kebinasaan sahaja pada hari Akhirat, di mana mereka tidak akan ditolong dan dipertahankan oleh sesiapa pun.

Di dalam ayat ini perbuatan mengingkarkan ayat-ayat Allah disertakan dengan perbuatan membunuh para nabi tanpa sesuatu alasan yang benar — dan tidak mungkin adanya alasan yang benar pada jenayah membunuh mana-mana nabi — juga membunuh orang-orang yang menyuruh orang ramai melakukan keadilan, iaitu orang-orang yang menyuruh mereka supaya mengikut undang-undang dan peraturan Allah yang ditegakkan di atas keadilan dan menghasilkan keadilan. Sebutan sifat-sifat ini membayangkan bahawa ancaman itu ditujukan kepada kaum Yahudi, kerana inilah sifat-sifat mereka di dalam sejarah mereka dan mereka dikenal dengannya apabila disebut sifat-sifat itu. Tetapi ini tidak pula menghalangkan bahawa perkataan ini juga ditujukan kepada kaum Nasara kerana mereka juga — sehingga ke tarikh itu — telah membunuh beribu-ribu penganut mazhab yang bertentangan dengan mazhab kerajaan Kristian Roman termasuk mereka yang berterus-terang mengakui keesaan Allah Taala dan kemanusiaan al-Masih a.s. Dan mereka ini tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang menyuruh orang ramai berlaku adil. Begitu juga ancaman ini merupakan satu ancaman yang berterusan kepada setiap mereka yang melakukan perbuatan yang keji itu. Dan orang-orang ini memang ramai di setiap zaman.

Eloklah kita sentiasa ingat apakah maksud al-Quran apabila ia menyebut sifat:

21. "Orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah,"

kerana maksudnya bukanlah semata-mata ditujukan ke mereka yang mengumumkan kalimah keingkaran sahaja, malah termasuk sama di dalam sifat ini mereka yang tidak mengakui keesaan Uluhiyah dan tidak menentukan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Pengakuan ini secara terus-terang mengandungi pengakuan terhadap keesaan pihak yang mentadbirkan kehidupan manusia dengan undang-undang dan peraturan, dengan bimbingan. dan pimpinan, dengan nilai-nilai dan neraca-neraca. Oleh itu sesiapa yang dari awal-awal lagi mengakui mana-mana kerja ini kepada yang lain dari Allah, maka dia adalah seorang musyrik atau seorang yang kafir terhadap Uluhiyah Allah walaupun dia mengakui Uluhiyah Allah dengan lidah mereka seribu kali. Kita akan melihat di dalam ayat-ayat selanjutnya bukti kebenaran kesimpulan ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 25)

(23)

23. "Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dan kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka kemudian segolongan mereka berpaling darinya dan mereka menghindari (seruan itu)."

(24)

24. "Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."

(25)

25. "Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."

Itulah pertanyaan yang bertujuan menyatakan kehairanan dan mengecam sikap kaum Ahlil-Kitab yang aneh dan bertentangan. Mereka dikurniakan habuan dari kitab suci iaitu Taurat yang dikurniakan kepada kaum Yahudi dan di samping Taurat ialah kitab Injil yang dikurniakan kepada kaum Nasara. Kedua-duanya masing-masing dikurniakan habuan kitab suci memandang kitab Allah itulah yang merupakan seluruh yang telah diturunkan Allah kepada para rasul-

Nya dan di sanalah dijelaskan konsep keesaan Uluhiyah dan Qiwamah/Pentadbiran Allah. Segala kitab yang diturunkan kepada para rasul itu pada hakikatnya merupakan satu kitab sahaja, yang mana kaum Yahudi dikurniakan sebahagian darinya dan kaum Nasara juga dikurniakan sebahagian darinya, sedangkan kaum Muslimin dikurniakan semua kitab itu memandang al-Quran sebagai sebuah kitab yang merangkumi seluruh dasar-dasar agama Allah dan mengesahkan semua kitab suci yang diturunkan sebelumnya. Pertanyaan ini merupakan pertanyaan menyatakan kehairanan terhadap kaum Ahlil-Kitab yang diseru supaya berhakimkan kitab Allah di dalam pertelingkahan-pertelingkahan mereka, dan dalam segala urusan hidup mereka, tiba-tiba seluruh mereka tidak menyambut seruan itu, malah segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah dan syari'at-Nya, iaitu satu perkara yang bertentangan dengan keimanan mereka terhadap mana-mana bahagian kitab Allah dan tidak selaras dengan dakwaan mereka selaku Ahlil-Kitab:

(23)

23. "Tidakkah engkau melihat kepada orang-orang yang telah dikurniakan habuan dan kitab suci, mereka diseru kepada kitab Allah supaya Ia mengadili di antara mereka kemudian segolongan mereka berpaling darinya dan mereka menghindari (seruan itu)."

Demikianlah Allah menyatakan kehairanan terhadap sikap Ahlil-Kitab apabila segolongan dari mereka menolak dari berhakimkan kitab Allah di dalam perkara-perkara i'tiqad dan urusan-urusan kehidupan. Bagaimana pula dengan mereka yang mengaku sebagai orang-orang Islam kemudian mereka mengeluarkan syariat Allah dari seluruh bidang kehidupan mereka, namun bagitu mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam? Ini adalah satu contoh yang dikemukakan Allah kepada kaum Muslimin juga supaya mereka mengetahui hakikat agama dan tabiat Islam dan supaya mereka berwaspada dari menjadi sasaran pernyataan kehairanan Allah dan kecaman-Nya. Jika kecaman ini ditujukan kepada sikap Ahlil-Kitab yang tidak mendakwa Islam apabila segolongan dari mereka enggan berhakimkan kepada kitab Allah, maka bagaimana pula kecaman Allah apabila orang-orang Islam sendiri yang enggan berhakimkan kepada kitab Allah. Tentulah ia menjadi suatu kehairanan yang tidak putus-putus dan menjadi bala yang tidak dapat diduga dan melamarkan kemurkaan Allah yang membawa kepada kecelakaan dan terusir dari rahmat Allah, wal-Iyazu-billahi.

Kemudian al-Quran mendedahkan punca pendirian mereka yang keji dan bertentangan itu:

(24)

24. "Itu disebabkan kerana mereka berkata: 'Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja' dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."

Inilah sebab keengganan mereka dari berhakimkan kitab Allah dan punca pertentangan mereka dengan dakwaan mereka sebagai orang-orang yang beriman dan sebagai Ahlil-Kitab. Ia berpunca dari ketiadaan kepercayaan terhadap kesungguhan hisab pada hari Qiamat dan kesungguhan keadilan Ilahi yang tidak memilih kasih. Ini ternyata di dalam perkataan mereka:

24. "Api Neraka tidak akan menyentuh kami melainkan sekadar beberapa hari sahaja."

Jika tidak, mengapa api Neraka tidak menyentuh mereka melainkan sekadar beberapa hari sahaja? Mengapa mereka berkata begitu sedangkan mereka menyeleweng sama sekali dari hakikat agama, iaitu enggan berhakimkan kitab Allah dalam segala perkara dan urusan? Mengapa mereka berkata begitu jika mereka benar-benar percaya kepada keadilan Allah dan benar-benar yakin terhadap pertemuan dengan Allah? Mereka berkata begitu semata-mata dusta sahaja kemudian mereka tertipu dengan kedustaan mereka sendiri:

(24)

24. "Dan mereka telah diperdayakan di dalam agama mereka oleh kedustaan yang diada-adakan mereka."

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul dalam sebuah hati kesungguhan kepercayaan terhadap pertemuan dengan Allah dan kesungguhan perasaan terhadap hakikat pertemuan dengan kelemahan dan kegoyahan kepercayaan terhadap balasan dan keadilan Allah.

Sebenarnya tidak mungkin terkumpul di dalam sebuah hati perasaan takut kepada hari Akhirat dan malu kepada Allah dengan perasaan enggan berhakimkan kepada kitab Allah di dalam segala urusan kehidupannya.

Sifat Ahlil-Kitab itu sama dengan sifat mereka yang mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam pada hari ini. Apabila mereka diseru kepada berhakimkan kitab Allah, mereka enggan dan menolak dan ada pula di antara mereka yang berlagak angkuh dan biadab. Mereka mendakwa bahawa kehidupan manusia itu adalah urusan dunia bukan urusan agama dan agama tidak penting dilibatkan di dalam kehidupan amali manusia, di dalam perhubungan-perhubungan ekonomi dan sosial mereka, malah dalam kehidupan kekeluargaan mereka. Namun demikian, mereka masih terus mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam. Ada pula setengah mereka secara bodoh dan bebal beranggapan bahawa Allah tidak akan mengazabkan mereka (di Akhirat) melainkan semata-mata untuk membersihkan mereka dari dosa-dosa maksiat kemudian selepas itu mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga kerana bukankah mereka orang-orang Islam belaka?Anggapan ini sama sahaja dengan anggapan kaum Ahlil-Kitab dan keangkuhan mereka sama sahaja dengan keangkuhan Ahlil-Kitab yang tertipu dengan kedustaan yang telah diada-adakan mereka tanpa

sebarang prinsip dalam agama. Kedua-dua golongan ini sama sahaja dalam tindak-tanduk mereka yang melencong dari prinsip pokok dan hakikat agama yang diredhai oleh Allah, iaitu penyerahan diri, keta'atan dan kepatuhan kepada perintah dan penerimaan peraturan dan undang-undang dari Allah Yang Maha Esa sahaja dalam segala urusan kehidupan:

(25)

25. "Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu? Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai."

Bagaimana? Itulah ancaman yang menggerunkan hati Mu'min yang menghadapinya apabila ia menyedari kesungguhan hari Qiamat dan kesungguhan pertemuan dengan Allah itu, juga kesungguhan keadilan Allah. Kepercayaan dan kesedarannya tidak menjadi lemah bersama angan-angan yang palsu dan kebohongan-kebohongan yang mengeliru. Di samping itu ia merupakan ancaman kepada semua pihak, iaitu kaum Musyrikin, kaum Mulhidin/ateis, kaum Ahlil-Kitab dan pendakwa-pendakwa Islam. Semua golongan ini sama sahaja, iaitu mereka tidak merealisasikan Islam di dalam kehidupan mereka.

25. "Bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada hari (Qiamat) yang tidak mempunyai sebarang keraguan itu?"

dan keadilan mengambil jalannya:

(25)

25. "Dan setiap orang disempurnakan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukannya dan mereka sekali-kali tidak akan dianiayai"

yakni dilakukan kezaliman dan pilih kasih di dalam hisab Allah.

Pertanyaan ini dikemukakan tanpa jawapan…… tetapi hati telah menjadi begitu takut dan gementar untuk mencari jawapan.

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Selepas itu Allah mengajar Rasulullah s.a.w. dan setiap Mu'min supaya berdo'a kepada Allah dan mengakui hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa dan hakikat Qiwamah/ Pentadbiran yang tunggal di dalam kehidupan manusia dan di dalam pengurusan alam buana. Keduanya merupakan gejala dari Uluhiyah dan Hakimiyah iaitu kuasa kehakiman dan kepemerintahan Allah yang tiada sekutu dan tiada tandingan bagi-Nya:

(26)

26. "Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

(27)

27. "Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."

Ini adalah suatu seruan yang penuh khusyu'. Di dalam susunan katanya terdapat nada do'a dan dalam bayangan maknanya terdapat jiwa dan intisari memohon dan di dalam tudingannya kepada kitab alam buana yang terbuka merangsangkan perasaan manusia dengan halus dan lemah-lembut dan seterusnya di dalam pengumpulannya di antara pengurusan Allah dan pengendalian-Nya terhadap urusan manusia dan urusan alam buana terdapat isyarat kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah dan Qiwamah/ Pentadbiran Yang Maha Esa terhadap alam buana dan manusia, dan hakikat bahawa urusan hal ehwal manusia itu merupakan sebahagian dari urusan alam buana yang besar yang dikendalikan Allah, dan prinsip memberi keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa sahaja itu merupakan tugas seluruh alam buana di samping menjadi tugas manusia dan perbuatan menyeleweng dari prinsip ini merupakan satu perbuatan yang ganjil, bebal dan sesat.

26. "Katakanlah: Wahai Tuhanku yang memiliki teraju kekuasaan. Engkaulah yang mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabutkan kekuasaan dari mereka yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki"

Itulah hakikat yang terbit dari hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa. Dari hakikat Tuhan Yang Maha Esa lahirlah hakikat Pemilik Yang Maha Esa. Dialah "yang memilik teraju kekuasaan" tanpa sebarang sekutu. Kemudian Dialah yang

mengurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebahagian dari kekuasaan-Nya sebagai suatu pinjaman yang bebas diambil balik pada bila-bila masa yang dikehendaki-Nya. Tiada seorang pun yang mempunyai hak milik yang tulen yang dapat berbuat sekehendak hatinya, malah hak milik itu adalah hak milik pinjaman yang tunduk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan pemilik sejati. Apabila si peminjam melakukan urus tindak yang bertentangan dengan syarat-syarat itu, maka urus tindak itu tidak sah dan wajiblah ia mengembalikan kuasa itu balik di dunia ini dan adapun di Akhirat dia akan dihisab terhadap urus tindaknya yang salah dan bertentangan dengan syarat pemilik asal yang telah memberi milik kepadanya itu.

Demikianlah juga Dialah yang memulia siapa yang dikehendaki-Nya dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dan tiada siapa yang berhak menegurkan keputusan-Nya, tiada siapa yang berkuasa menolak keputusan dan ketetapan-Nya. Dialah yang memegang teraju segala urusan dan tiada sesiapa pun yang berhak mengendalikan ikhtisas ini selain dari Allah.

Dalam pentadbiran Allah terdapat kebajikan dan kebaikan belaka. Dia menjalankan pentadbiran itu dengan adil dan saksama. Dia memberi kekuasaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mencabutkan kekuasaan dari sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Dia memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama dan menghinakan siapa yang dikehendaki-Nya dengan adil dan saksama. Keadilan itulah kebaikan dan kebajikan yang haqiqi dalam segala keadaan dan itulah kehendak iradat Allah yang mutlak dan qudrat Allah yang mutlak untuk merealisasikan kebajikan dan kebaikan ini dalam segala keadaan:

(26)

26. "Di tangan Engkaulah terletaknya segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

Pentadbiran Allah terhadap urusan-urusan hidup dan kebajikan manusia merupakan sebahagian dari pentadbiran agung-Nya terhadap seluruh urusan alam buana dan urusan hidup.

(27)

27. "Engkaulah yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan Engkaulah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab."

Pengungkapan secara gambaran mengenai hakikat yang besar ini dapat memenuhi hati, perasaan, penglihatan dan pancaindera seseorang dengan hakikat ini. Harakat yang halus yang saling masuk memasuki, iaitu harakat memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan hakikat mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang

hidup adalah harakat yang membuktikan kudrat Allah tanpa sebarang kekeliruan dan pertikaian apabila hati seseorang memberi perhatian yang teliti kepadanya dan apabila ia mendengar kepada suara fitrah yang benar dan mendalam.

Sama ada pengertian memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam ialah siang mengambil sebahagian dari malam atau malam mengambil sebahagian dari siang dalam masa peredaran musim-musim atau masuknya siang ke dalam malam dan masuknya malam ke dalam siang ketika kegelapan merangkak masuk di waktu senja, dan ketika kecerahan merangkak masuk di limun pagi. Kedua-dua pengertian itu membuat hati seseorang melihat tangan kudrat Allah menggerakkan bintang-bintang dan mengedarkan bumi yang gelap itu di hadapan matahari yang terang-benderang, menukarkan tempat-tempat yang gelap dengan tempat-tempat yang cerah, kemudian kegelapan malam perlahan-lahan bertukar kepada kecerahan siang dan pagi perlahan-lahan bernafas di dalam kegelapan. Kemudian malam perlahan-lahan menjadi panjang apabila ia memakan hari siang pada permulaan musim dingin, kemudian perlahan-lahan pula siang menjadi panjang apabila ia menarik sebahagian malam di permulaan musim panas. Kedua-dua harakat siang dan malam itu tidak pernah didakwa oleh seseorang pun bahawa dialah yang memegang benang-benang rahsianya yang halus dan tidak ada seseorang yang berakal pun pernah mendakwa bahawa harakat siang dan malam itu berlangsung secara kebetulan sahaja tanpa pentadbiran.

Demikian juga hayat dan maut atau hidup dan mati salah satunya bergerak meniti pada yang lain dengan beransur-ansur dan perlahan-lahan. Pada setiap sa'at yang melalui setiap yang hidup kita dapati maut bergerak meniti pada yang hidup dan memakannya kemudian hayat dibina kembali padanya yakni sel-selnya yang hidup mati dan kemudian sel-sel yang baru pula muncul dan bekerja. Mana-mana yang hilang dan mati akan kembali hidup dalam pusingan yang lain dan mana-mana yang muncul hidup akan kembali mati dalam pusingan yang lain. Inilah yang berlaku pada yang hidup. Kemudian lingkungan maut itu semakin meluas, iaitu yang hidup itu mati semuanya, tetapi sel-selnya akan berubah kepada zarrah-zarrah yang masuk ke dalam satu rangka susunan yang lain kemudian masuk ke dalam satu jisim yang hidup lalu ia bergerak hidup. Demikianlah pusingan hayat dan maut itu berlangsung setiap sa'at malam dan siang dan tiada seorang pun yang pernah mendakwa bahawa dialah yang melakukan sesuatu dari pusingan itu dan tiada seorang yang berakal pun yang mendakwa bahawa pusingan itu berlaku sedemikian secara kebetulan tanpa pentadbiran.

Harakat yang berlaku di seluruh alam buana dan harakat yang berlaku pada setiap yang hidup adalah harakat yang halus, mendalam, seni dan hebat. Harakat ini telah ditonjolkan oleh ayat al-Quran yang pendek ini kepada hati dan akal manusia. Harakat ini membayangkan kudrat Allah Yang Maha Kuasa, Maha Pencipta, Maha Halus dan Maha Pentadbir. Bagaimana manusia berusaha mengasingkan pentadbiran urusan kehidupan kreatif dari Allah Yang Maha Halus dan Maha Pentadbir? Bagaimana manusia memilih untuk mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan dari ciptaan hawa nafsu mereka sendiri,

sedangkan mereka merupakan sebahagian dari alam buana yang ditadbirkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya?

Kemudian bagaimana manusia memperhambakan satu sama lain dan mempertahankan satu sama lain, sedangkan seluruh mereka diberi rezeki oleh Allah dan seluruh mereka bergantung kepada kemurahan Allah?

(27)

27. “Dan Engkaulah yang mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab.”

Inilah sentuhan yang mengembalikan hati manusia kepada hakikat yang agung, iaitu hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa, hakikat pentadbiran Yang Maha Esa, hakikat penciptaan Yang Maha Esa, hakikat pengendalian Yang Maha Esa, hakikat pemilikan Yang Maha Esa dan hakikat pengurniaan Yang Maha Esa, juga mengembalikan hati manusia kepada hakikat bahawa keta’atan itu hanya kepada Allah Yang Maha Pentadbir sahaja, yang memiliki teraju kekuasaan, yang menentukan kemuliaan dan kehinaan, yang memati dan menghidup, yang mengurnia dan yang menahan dan yang mentadbirkan urusan alam buana dan manusia dengan adil saksama dan penuh kebajikan dalam segala keadaan.

Sentuhan ini juga menguatkan kecaman yang telah dikemukakan dalam ceraian ayat yang silam terhadap sikap Ahlil-Kitab yang enggan berhakimkan kitab Allah yang mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang Allah untuk manusia, sedangkan undang-undang Allahlah yang mentadbirkan seluruh urusan alam buana dan urusan manusia……… dan dalam waktu yang sama ia membuka jalan kepada amaran yang akan disebut di dalam ceraian ayat yang berikut yang melarang orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman, sedangkan orang-orang kafir itu tidak mempunyai apa-apa kuasa di alam buana ini, malah segala urusan alam ini tergenggam di tangan kudrat Allah dan Dialah Penaung dan Pelindung para Mu’min bukannya yang lain dari-Nya:

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

(28)

28. “Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikit pun kecuali kerana kamu hendak menjaga keselamatan dari sesuatu yang ditakuti dari mereka dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali.”

(29)

29. "Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."

(30)

30. "Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh dan Allah mengingatkan dirinya kepada kamu dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."

Di dalam ayat yang silam al-Qur'an merangsangkan kesedaran bahawa seluruh urusan itu di tangan kudrat Allah, seluruh kekuatan adalah milik Allah, seluruh teraju pentadbiran dipegang oleh Allah dan seluruh punca rezeki di tangan kemurahan Allah. Oleh itu apakah ertinya orang yang beriman bersahabat dengan musuh-musuh Allah? Di dalam sebuah hati tidak mungkin terkumpul keimanan kepada Allah dan persahabatan setia dengan musuh-musuh Allah yang enggan berhakimkan kitab Allah apabila mereka diserukan berbuat demikian. Oleh sebab itulah al-Qur'an memberi amaran yang sekeras ini, di mana ia dengan tegas menjelaskan keluarnya seseorang Muslim dari keislamannya apabila ia bersahabat setia dengan orang-orang kafir yang tidak redha berhakimkan kitab Allah di dalam kehidupan mereka, sama ada persahabatan setia ini dengan hubungan kasih mesra di dalam hati atau dengan menolong mereka atau dengan meminta pertolongan dari mereka.

28. "Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir selaku sahabat-sahabat setia dengan membelakangi orang-orang yang beriman dan sesiapa yang berbuat demikian, maka ia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan Allah sedikitpun."

Demikianlah dia tidak ada apa-apa hubungan dan sangkut-paut dengan Allah, tidak ada apa-apa hubungan agama dan 'aqidah, tidak ada apa-apa pertalian dan naungan, malah dia jauh dari Allah dan putus segala hubungan dengan-Nya.

Perbuatan taqiyah (atau berlagak pura-pura melakukan sesuatu pada zahir kerana menjaga keselamatan diri) hanya dibenarkan kepada mereka yang takut di setengah-setengah negeri dan di waktu-waktu yang tertentu sahaja, tetapi

hendaklah taqiyah itu berupa taqiyah lisan sahaja bukannya taqiyah kasih mesra dan kesetiaan di hati dan bukan pula kesetiaan dalam bentuk amalan dan tindakan. Ujar Ibn Abbas r.a.: Taqiyah itu bukannya dengan tindakan tetapi hanya dengan lisan. Oleh itu tidak termasuk di dalam taqiyah yang dibenar syara' mengadakan hubungan yang mesra di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang kafir, iaitu orang yang tidak redha berhakimkan kepada kitab Allah di dalam urusan kehidupan umumnya sebagaimana difahamkan oleh ayat ini secara tidak langsung dan oleh ayat lain di tempat yang lain di dalam surah ini secara terus-terang. Begitu juga ia tidak termasuk dalam taqiyah yang dibenarkan syara' orang-orang yang beriman mengadakan usaha kerjasama dan saling bantu-membantu dengan orang kafir secara amali dalam apa bentuk sekalipun atas nama taqiyah. Tipu helah yang seperti ini tidak harus dilakukan ke atas Allah.

Oleh sebab perkara yang seumpama ini diserahkan kepada hati nurani dan kepada ketaqwaan seseorang dan ketakutannya kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia yang ghaib, maka ancaman berikut mengandungi peringatan kepada para Mu'minin supaya berwaspada terhadap kemurkaan Allah. Dan peringatan itu disampaikan dengan ungkapan yang amat menarik:

(28)

28. "Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu dan kepada Allah tempat kembali."

Kemudian ayat yang berikut terus memberi peringatan dan mencubit hati manusia dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa melihat mereka dan ilmu Allah mengikuti segala gerak-geri mereka:

(29)

29. "Katakanlah: Jika kamu sembunyikan apa yang tersimpan di dalam dada kamu atau kamu nyatakannya, maka Allah tetap mengetahuinya dan Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan segala apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."

Ayat ini menekankan lagi peringatan dan ancaman, menguatkan lagi pemberangsangan supaya takut kepada Allah dan menjaga keselamatan diri dari terdedah kepada kemurkaan Allah yang berasaskan ilmu dan kudrat-Nya. Oleh itu tiada tempat perlindungan dan tiada pertolongan yang dapat menyelamatkan seorang dari kemurkaan-Nya.

Kemudian ayat yang berikut selangkah lagi menyambung peringatan dan mencubit hati dengan membawa hari Qiamat yang ditakuti, di mana tiada satu amalan dan satu niat pun yang terlepas dari hisab dan di mana setiap orang akan menghadapinya dengan seluruh tabung simpanan amalannya:

30. "Pada hari setiap orang dapati segala kebajikan yang telah dilakukannya dibawa di hadapannya begitu juga segala kejahatan yang telah dilakukannya. Dia berangan-angan andainya wujud di antara dia dan hari itu satu masa yang amat jauh."

Ini adalah satu persemukaan yang menutup segala jalan kepada hati manusia. Ia mengepungnya dengan tabung amalannya yang baik dan jahat dan ia menggambarkan keadaan dirinya ketika dia berdepan dengan tabung amalan ini, di mana dia berangan-angan — tetapi sayang kini bukan masa berangan-angan — andainya wujud di antara dia dan amalan-amalannya yang jahat yang telah dilakukannya itu satu masa yang amat jauh atau wujud di antara dia dan hari Qiamat itu masa yang amat jauh. Sedangkan hari itu terus menghadapinya dan memegang lehernya dan masa itu bukan lagi masa menyelamatkan diri dan bukan lagi masa lari.

Kemudian ayat yang berikut menyambung serangan ke atas hati manusia. Ia mengulangi amaran Allah S.W.T. yang mengingatkan diri-Nya kepada manusia:

30. "Dan Allah mengingatkan diri-Nya kepada kamu."

Kemudian Allah mengingatkan rahmat-Nya kepada mereka di dalam amaran itu dan mengingatkan bahawa peluang masih terbuka dan belum luput waktunya:

(30)

30. "Dan Allah Maha Penyayang terhadap para hamba-Nya."

Dan di antara bukti kesayangan Allah ialah Dia memberi amaran dan peringatan ini dan inilah bukti bahawa Allah mahukan kebajikan dan rahmat kepada para hamba-Nya.

Penerangan besar-besaran ini yang telah menggunakan berbagai-bagai singgungan, saranan, gaya pengungkapan dan isyarat membayangkan wujudnya keadaan (yang merbahaya) yang berlaku di dalam masyarakat kaum Muslimin, iaitu keadaan bahaya dari hubungan-hubungan baik yang terjalin di antara individu-individu dari khemah Muslimin dengan kaum kerabat, sahabat handai dan agen-agen mereka di Makkah yang terdiri dari orang Musyrikin dan hubungan mereka di Madinah dengan kaum Yahudi di bawah motif hubungan kekeluargaan atau perniagaan, sedangkan Islam mahu membangunkan asas masyarakat Islam yang baru itu di atas asas 'aqidah semata-mata dan di atas asas sistem hidup yang lahir dari 'aqidah ini. Itulah matlamat yang membuat Islam sama sekali tidak membenarkan sikap yang goyah dan terumbang-ambing itu.

Penerangan besar-besaran itu juga membayangkan bagaimana perlunya hati manusia berusaha setiap waktu untuk membebaskan dirinya dari ikatan-ikatan hubungan ini dan pulang ke jalan Allah dan berpegang teguh dengan sistem hidup yang diatur oleh-Nya.

Islam tidak melarang orang-orang Islam bermu'amalah dengan baik terhadap mereka yang tidak memerangi agamanya walaupun mereka berpegang

dengan agama yang lain dari agamanya, tetapi persahabatan setia itu adalah sesuatu hubungan yang lain dari mu'amalah yang baik, kerana persahabatan setia itu suatu hubungan mesra dan tolong menolong satu sama lain, dan hubungan sedemikian tidak mungkin wujud di dalam hati Mu'min yang sebenar melainkan terhadap sesama orang-orang yang beriman yang sama-sama mempunyai pertalian dengan Allah dan sama-sama tunduk kepada sistem hidup yang diatur oleh Allah dan sama-sama berhakimkan kitab Allah dengan penuh keta'atan dan kepatuhan.

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Pada akhirnya pelajaran ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang tegas yang memutuskan persoalan yang dibicarakannya, iaitu persoalan yang menjadi garis terbesar yang asasi di dalam surah ini. Kenyataan itu diatur dengan susunan kalimah yang pendek untuk menjelaskan hakikat iman dan hakikat agama. Ia menggariskan perbezaan yang tegas di antara keimanan dan kekafiran dengan kejelasan yang tidak meninggalkan sebarang keraguan dan kekeliruan.

(31)

31. "Katakanlah: Jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

(32)

32. "Katakanlah: Ta'atlah kepada Allah dan rasul, jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."

Cinta kepada Allah bukannya dakwaan dengan lisan dan bukannya kerinduan hati semata-mata, malah pastilah disertai dengan mengikuti sunnah Rasulullah, berjalan mengikut hidayatnya dan mengamalkan sistem hidupnya di dalam kehidupan. Keimanan juga bukannya kalimah-kalimah yang diucapkan dan bukannya perasaan-perasaan yang berkobar-kobar dan bukan pula syi'ar-syi'ar yang diadakan, tetapi keimanan itu ialah keta'atan kepada Allah dan rasul dan mengamalkan sistem hidup yang diatur oleh Allah yang dibawa oleh Rasul.

Ujar al-Imam ibn Kathir dalam tafsirnya mengenai ayat yang pertama: "Ayat yang mulia ini menghukumkan setiap orang yang mendakwa kasihkan Allah, sedangkan dia tidak mengikut sunnah Nabi Muhammad bahawa dia sebenarnya dusta sehingga dia mengikut syari'at Muhammad dan agama nabi-Nya dalam segala tutur kata dan amalan-amalannya, sebagaimana telah sabit di dalam sebuah hadith yang sahih dari Rasulullah s.a.w. sabdanya:

"Sesiapa yang mengerjakan sesuatu amalan yang tidak disahkan oleh agama kami, maka amalan itu adalah ditolak."

Kemudian ujar beliau pula mengenai ayat yang kedua:

(31)

31. **"Katakanlah: Jika kamu benar-benar cintakan Allah, maka ikutilah aku nescaya Allah akan menyintai kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

32. **"Jika kamu berpaling."**

Yakni jika kamu menyalahi perintah Rasulullah.

(32)

32. **"Maka sesungguhnya Allah tidak kasihkan orang-orang yang kafir."**

Ini menunjukkan bahawa perbuatan menyalahi Rasulullah di dalam agama itu adalah satu perbuatan yang kufur dan Allah tidak suka kepada mereka yang bersifat demikian walaupun mereka mendakwa dan menyangka di dalam hatinya bahawa mereka cintakan Allah.

Ujar al-Imam Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qayyim al-Jauziyah di dalam kitabnya " " Qayim al-Juziah.

"Sesiapa yang memperhatikan sirah Rasulullah s.a.w. dan riwayat-riwayat yang sah mengenai pengakuan sebilangan ramai Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin yang mengakui kerasulan dan kebenaran beliau, sedangkan pengakuan yang seperti itu tidak dapat memasukkan mereka ke dalam Islam… maka dia tentulah sedar bahawa Islam itu suatu perkara yang lebih dari pengakuan itu lagi. Ia bukannya semata-mata kenal sahaja dan bukan pula semata-mata kenal dan mengaku sahaja, malah Islam ialah kenal, mengaku, mengikut, menta'ati dan mematuhi agamanya lahir dan batin….."

Agama Islam mempunyai hakikatnya yang tersendiri. Ia tidak wujud tanpa hakikat itu. Hakikat itu ialah hakikat keta'atan kepada syari'at Allah, mengikut sunnah Rasulullah dan berhakimkan kitab Allah. Itulah hakikat yang lahir dari hakikat tauhid yang dibawa oleh Islam, iaitu tauhid Uluhiyah, yang mana Allah sahaja yang berhak disembah manusia dan berhak dita'ati perintah-Nya, berhak dijalankan syari'at-Nya di dalam kehidupan mereka dan berhak menentukan nilai-nilai dan neraca-neraca untuk mereka berhakimkan kepada-Nya dan merelakan keputusan-keputusan-Nya. Dan dari sinilah lahirnya tauhid qiwamah/pentadbiran yang menjadikan hak memerintah dan mentadbir kehidupan manusia dan segala hubungannya hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sebagaimana ia menjadikan hak memerintah dan mentadbirkan seluruh alam buana ini hanya bagi Allah Yang Maha Esa sahaja sedangkan manusia hanya merupakan sebahagian dari alam buana.

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Al-Ahzab (Ayat 21 – 40)

(Pentafsiran ayat 21)

Itulah keadaan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka, juga gambaran penyebar-penyebar khabar angin. Itulah gambaran mereka yang buruk, tetapi malapetaka kesusahan dan ketakutan tidak mengubahkan semua manusia kepada gambaran yang buruk itu, malah di sana ada golongan yang berseri-seri gemilang di tengah suasana yang gelap itu, hati mereka begitu tenang di tengah-tengah kemelut itu. Mereka penuh percaya kepada Allah dan redha dengan qadha' Nya. Mereka yakin mendapat kemenangan dari Allah selepas melalui segala keadaan yang cemas dan nanar ini.

Al-Quran memulakan gambaran golongan yang berseri-seri gemilang itu dengan menyebut Rasulullah s.a.w.:

(21)

21. "Sesungguhnya pada Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada hari Akhirat dan banyak mengingati Allah."

Walaupun di dalam suasana yang amat mencemas, susah dan letih lesu ini, namun Rasulullah s.a.w. tetap merupakan sumber keamanan, keyakinan, harapan dan ketenangan kepada kaum Muslimin. Pengkajian terhadap sikap Rasulullah s.a.w. di dalam menghadapi peristiwa peperangan al-Ahzab yang besar ini boleh memberi pedoman dan panduan kepada para pemimpin jama'ah dan pergerakan (da'wah Islamiyah). Ia memberi contoh tauladan yang baik kepada mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan balasan yang baik pada hari Akhirat, juga kepada mereka yang menunjukkan contoh yang baik dan mengingati Allah tanpa melupakan-Nya.

Eloklah kita mengetahui serba sedikit tentang sikap Rasulullah s.a.w. ini sebagai contoh, kerana kita tidak dapat menghuraikannya dengan terperinci di sini.

Rasulullah s.a.w. keluar menggali parit pertahanan bersama-sama kaum Muslimin. Beliau memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok dan mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang. Beliau turut menyanyikan sajak bersama mereka dengan suara yang tinggi semasa bekerja. Mereka menyanyikan sajak-sajak yang bersahaja yang digubah dari kejadian-kejadian yang berlaku. Misalnya ketika itu ada seorang Islam bernama Ju'ayl. Rasulullah s.a.w. tidak sukakan nama ini, lalu mengubahkannya kepada nama 'Amr. Lalu orang-orang Muslimin yang berkerja menggali parit itu mendendangkan beramai-ramai sebuah sajak mengenainya yang bersahaja:

*

Beliau menukar namanya

Dari Juayl kepada Amr

Setiap hari ada sahaja

Beliau menolong si malang derita

Apabila mereka mendendangkan kata-kata “Amr Rasulullah s.a.w. turut meningkah ‘Amran’. Begitu juga apabila mereka mendendangkan kata-kata "Zah" beliau turut meningkah “Zahran”.

Di sini dapatlah kita gambarkan betapa mesranya suasana ketika itu, di mana kaum Muslimin bekerja keras (menggali parit) dan Rasulullah s.a.w turut serta memotong dengan kapak, menyodok tanah dengan penyodok-penyodok, mengangkut tanah dengan keranjang-keranjang dan menyanyikan sajak ini bersama-sama mereka. Di sini juga dapat kita gambarkan bagaimana hebatnya suasana mesra ini melepaskan tenaga dan semangat di dalam jiwa mereka, mencurahkan perasaan sukarela, keghairahan, keyakinan dan kebanggaan di dalam hati mereka.

Ketika itu Zaid ibn Thabit berada dalam kumpulan yang bertugas mengangkut tanah. Rasulullah s.a.w. telah memujinya, “Dia seorang belia yang amat bagus”. (Pada suatu hari) dia mengantuk dan terus tertidur di dalam parit. Udara ketika itu sangat dingin, lalu ‘Umarah mengambil senjatanya tanpa disedarinya. apabila dia tenjaga dia terkejut, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: “Wahai Abu Ruqad (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana.” Kemudian beliau bertanya: “Siapa tahu di mana senjata anak muda ini? Jawab ‘Umarah, “Wahai Rasulullah s.a.w.! Senjatanya ada pada saya. Ujar beliau: “Pulangkan senjata itu kepadanya.” Kemudian beliau melarang mereka supaya jangan menakut-nakutkan orang-orang Islam dan bergurau dengan mengambil barang-barang kepunyaan mereka.

Peristiwa ini menggambarkan betapa mata dan hati Rasululiah s.a.w. sentiasa waspada dan ingat kepada setiap orang yang ada di dalam barisan perjuangan sama ada muda atau tua, juga menggambarkan semangat gurau senda yang manis dan mesra (sebagaimana tersemat dalam kata-kata beliau kepada Zaid ibn Thabit): “Wahai Abu Ruqad! (pak tidur) Engkau tidur hingga senjata engkau hilang entah ke mana”. Pada akhirnya peristiwa ini juga menggambarkan keadaan suasana mesra, di mana kaum Muslimin hidup di bawah naungan Nabi mereka dalam masa yang amat genting itu.

Di samping itu semangat perjuangan Rasulullah s.a.w. sentiasa melihat kemenangan dari jauh hingga beliau nampak kemenangan itu di dalam cahaya-cahaya api yang tercetus dari batu-batu yang terkena hayunan cangkul, kemudian beliau ceritakannya kepada kaum Muslimin untuk membangkitkan keyakinan dan kepercayaan di dalam hati mereka.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan dari Salman al-Farisi katanya “Aku sedang mencangkul di suatu sudut parit itu, tiba-tiba satu batu yang keras menyusahkan cangkulku. Rasulullah s.a.w. berada berhampiran denganku. Apabila beliau melihat aku mencangkul dan melihat tempat itu amat keras dan sukar kepada aku, beliau pun turun dan mengambil cangkul dari tanganku lalu beliau cangkulkan tempat itu dengan cangkulan yang kuat hingga terpercik cahaya api, kemudian beliau mencangkul sekali lagi dan cahaya api terpercik pula

sekali lagi. Kemudian beliau mencangkul bagi kali yang ketiga dan sekali pula cahaya api itu terpercik". Ujar Salman: Aku pun berkata:

"Demi ayah bondaku, apakah cahaya yang aku nampak terpancar ketika anda mencangkul itu. Sabda beliau "Engkau nampak cahaya itu, wahai Salman?" Jawab dia, "Ya, saya nampak". Sabda beliau: "Cahaya api pertama itu mengalamat bahawa Allah akan memberi kemenangan kepadaku mena'luk negeri Yaman, cahaya yang kedua pula mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri Syam dan negeri sebelah Barat dan cahaya yang ketiga mengalamatkan bahawa Allah akan memberi kemenangan kepada aku mena'luk negeri sebelah Timur".

Tersebut di dalam kitab " " karangan al-Maqrizi bahawa peristiwa ini adalah berlaku kepada 'Umar ibn al-Khattab dengan disaksikan oleh Salman al-Farisi r.a.

Pada hari ini dapatlah kita gambarkan betapa hebatnya pengaruh kata-kata beliau itu di dalam hati kaum Muslimin yang sedang dikepung oleh serangan musuh itu.

Di samping cerita-cerita Rasulullah s.a.w. yang gemilang itu dapatlah pula kita tokokkan dengan cerita Huzayfah yang pulang dari tugas meninjau keadaan bala tentera gabungan. Dia sedang dalam keadaan yang amat sangat sejuk, sedangkan Rasulullah s.a.w. ketika tu sedang mendirikan solat dengan berselimutkan kain lepas panjang salah seorang isterinya. Tetapi walaupun beliau sedang bersembahyang dan berhubung dengan Allah, namun beliau tidak membiarkan Huzayfah menggelentar kesejukan hingga beliau selesai sembahyang, malah beliau menarik Huzayfah di antara dua kakinya dan campakkan hujung kain lepas itu kepada Huzayfah supaya dia berselimut dengannya sementara beliau meneruskan sembahyangnya hingga selesai, lalu Huzayfah pun menyampaikan berita (pergerakan angkatan musuh) itu kepada beliau. Di menyampaikan berita gembira itu kepada beliau yang telah pun mengetahui berita itu dengan hatinya. Kemudian beliau mengirim Huzayfah untuk menghebohkan berita ini kepada kaum Muslimin,

Cerita-cerita mengenai keberanian Rasulullah s.a.w., ketabahan dan kecekalan beliau dalam menghadapi keadaan yang ganas itu adalah jelas di sepanjang kisah peperangan itu. Kita tidak perlu lagi menyalinkan cerita-cerita itu di sini kerana ia sangat masyhur.

Amatlah tepat firman Allah S.W.T.:

(21)

21. "Sesungguhnya pada Rasulullah itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu, iaitu bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah dan keselamatan pada Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 25)

Kemudian dikemukakan pula gambaran iman yang kukuh dan tenang dan gambaran cemerlang kaum Mu'minin dalam menghadapi kemelut dan bahaya serangan musuh yang menggoncangkan hati mereka itu. Peristiwa yang menggoncangkan hati itu telah diambil mereka sebagai bahan untuk menambahkan ketenteraman, kepercayaan, keceriaan dan keyakinan mereka:

(22)

22. "Dan ketika orang-orang yang beriman melihat tentera-tentera gabungan, mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan RasulNya, dan benarlah Allah dan RasulNya, dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."

Kemelut dan kesusahan yang dihadapi kaum Muslimin di dalam Peperangan Ahzab ini amatlah besar. Ia benar-benar menggoncangkan hati mereka sebagaimana digambarkan Allah Yang Maha Benar:

(11)

11. "Di sanalah orang-orang Mu'min diuji dan digoncangkan (hati mereka) dengan goncangan yang amat kuat."

Mereka semua adalah manusia yang mempunyai tenaga yang terbatas dan Allah tidak mentaklifkan mereka lebih dari keupayaan mereka. Walaupun mereka yakin akan mendapat pertolongan Allah pada akhirnya dan walaupun Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan berita gembira kepada mereka tentang kemenangan dan pena'lukan negeri-negeri Yaman, Syam dan negeri di sebelah Barat dan Timur pada masa depan, namun kegawatan situasi itu yang sedang menghadapi kemelut yang hebat itu tetap menggoncang, mencemas dan menyebakkan pernafasan mereka.

Di antara cerita-cerita yang lebih menggambarkan keadaan ini ialah cerita Huzayfah. Rasulullah s.a.w. memang menyedari keadaan para sahabatnya. Beliau melihat mereka dari dalam jiwa mereka sendiri. Oleh kerana itu beliau bersabda: "Siapakah orang yang sanggup keluar meninjau keadaan musuh kemudian balik semula ke sini nescaya akan kupohon kepada Allah supaya Dia jadikannya temanku di dalam Syurga?"

Walaupun permintaan beliau itu disertakan dengan syarat kembali pulang dan dengan do'a mendapat ni'mat bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. di dalam Syurga, namun tiada seorang pun yang tampil menyahut seruan beliau. Apabila beliau menyebut nama Huzayfah, dia berkata: "Aku tidak dapat mengelak lagi dan tampil berdiri sebaik sahaja beliau memanggilku." Situasi yang seperti ini tentulah tidak berlaku melainkan dalam keadaan yang paling cemas.

Tetapi walaupun mereka berada di dalam ketakutan, di mana mata mereka meliar dan nanar, pernafasan mereka sebak, namun hubungan mereka dengan Allah tidak pernah putus, kefahaman mereka tidak menyimpang dari Sunnatullah

dan mereka yakin kepada keteguhan Sunnatullah yang tidak pernah bergoyang. Mereka yakin bahawa titik akhir Sunnatullah itu akan terlaksana apabila titik awalnya telah terlaksana. Oleh kerana itulah mereka jadikan kecemasan yang dialami mereka itu sebagai landasan untuk menunggu pertolongan dari Allah. Ini adalah kerana mereka percaya kepada firman Allah S.W.T. sebelum ini:

(214)

214. "Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki syurga sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu dari kamu? Mereka telah ditimpa malapetaka dan kesusahan dan mereka telah digoncangkan ketakutan sehingga Rasulullah s.a.w dan orang-orang Mu'minin yang ada bersamanya pernah bersungut bilakah tibanya pertolongan dari Allah? (Lalu dijawab): Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."

(Surah al-Baqarah)

Kini mereka sedang digoncangkan ketakutan dan kerana itu pertolongan dari Allah sudah dekat kepada mereka. Justeru itu mereka berkata:

(22)

22. "Mereka berkata: Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul dan benarlah Allah itu Rasul-Nya dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."

22. "Inilah apa yang telah dijanjikan Allah dan Rasul-Nya."

Ketakutan, kesusahan, kegoncangan dan kesulitan ini adalah semuanya telah dijanjikan Allah bahawa Dia akan memberi pertolongan. Oleh itu pertolongan itu pasti datang:

22. "Dan benarlah Allah dan Rasul-Nya"

…yakni benarlah Allah dan Rasut-Nya yang telah menunjukkan alamat (kedatangan pertolongan itu) dan kerana itu hati mereka tetap yakin kepada pertolongan dan janji Allah:

(22)

22. "Dan pemandangan itu tidak menambahkan mereka melainkan keimanan dan penyerahan diri (kepada Allah)."

Mereka adalah segolongan manusia belaka. Mereka tidak mampu membersihkan diri mereka dari perasaan-perasaan manusia dan kelemahan-

kelemahannya. Mereka tidak dituntut menjangkau batas-batas jenis mereka sebagai manusia dan tidak pula disuruh keluar dari lingkungan jenis manusia sehingga hilang segala sifat-sifat dan ciri mereka sebagai manusia. Oleh kerana itulah Allah jadikan mereka sedemikian rupa supaya mereka tetap dengan sifat-sifat manusia dan tidak berubah kepada jenis makhluk yang lain; tidak berubah kepada malaikat-malaikat tidak pula kepada syaitan-syaitan dan tidak pula kepada binatang dan batu batan. Sebagai manusia mereka tetap mengalami rasa takut dan cemas apabila dilanda kesusahan. Hati mereka akan bergoncang apabila menghadapi suasana bahaya yang melewati keupayaan mereka. Namun demikian, hati mereka tetap tertambat pada tali yang kukuh yang menghubungkan mereka dengan Allah. Tali inilah yang menghalangkan mereka dari gugur dan tali inilah yang membaharui harapan mereka dan mengawal mereka dari rasa putus asa. Dengan sifat-sifat inilah mereka menjadi contoh yang unik dan tiada tolak bandingnya di dalam sejarah manusia.

Kita harus memahami hakikat ini supaya kita dapat memahami contoh golongan manusia yang unik ini. Kita harus memahami bahawa mereka hanya manusia. Mereka tidak terlepas dari tabiat manusia termasuk sifat-sifat yang kuat dan sifat yang lemah. Punca keistimewaan mereka ialah kerana mereka dengan sifat-sifat manusia mereka telah berjaya mendaki setinggi-tinggi kemuncak yang disediakan Allah untuk makhluk manusia, iaitu mereka telah memperlihatkan kebolehan mereka memelihara ciri makhluk manusia di bumi dan berpegang kukuh dengan tali perhubungan dengan langit (Allah).

Apabila kita melihat kelemahan kita sekali sekala atau kegoncangan dan ketakutan kita sekali sekala atau melihat sekali sekala kecemasan kita dalam menghadapi kesusahan dan bahaya, maka janganlah kita berputus asa dari diri kita dan janganlah kita terlalu terharu hingga menganggap diri kita sudah habis atau tidak layak buat selama lamanya untuk memikul tugas yang besar, tetapi di samping itu janganlah pula kita menyokong kelemahan kita dan menyanjungnya sebagai sifat semulajadi manusia dan janganlah pula kita mempertahankan kelemahan itu dengan alasan ia juga telah dialami oleh orang-orang yang lebih baik dari kita. Yang perlu kepada kita ialah berpegang teguh dengan tali Allah untuk bangun kembali dari rebah dan memulihkan semula keyakinan dan ketenteraman kita serta menjadikan kemelut yang menggoncangkan hati kita itu sebagai alamat bahawa kita akan mendapat pentolongan dari Allah. Dengan demikian kita kembali menjadi kuat, teguh dan tenang untuk meneruskan penjalanan.

Inilah imbangan yang telah membentuk golongan Muslimin yang menjadi contoh yang unik di zaman permulaan Islam. Merekalah contoh yang disebut-sebut al-Qur'an, di mana diceritakan kisah-kisah perjuangan mereka yang gemilang dan keteguhan mereka memegang janji mereka dengan Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan ada pula yang menunggu untuk gugur syahid:

(23)

23. "Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit pun."

Mereka ini contoh golongan yang bertentangan dengan golongan yang keji yang berjanji dengan Allah bahawa mereka tidak akan berundur lari dari perjuangan kemudian mereka tidak menepati janji itu:

(15)

15. "Sedangkan dahulunya mereka telah berjanji dengan Allah iaitu mereka tidak akan berpaling undur dan janji Allah tetap akan disoal."

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Thabit katanya: Bapa saudaraku Anas ibn an-Nadhr r.a. sangat terkilan kerana tidak dapat ikut bersama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Badar. Dia berkata "Aku tidak ikut berjuang di dalam peperangan pertama yang diceburi Rasululah s.a.w. Demi sesungguhnya jika Allah memberi kesempatan kepadaku berjuang dalam peperangan selepas ini, nescaya Allah dapat melihat bagaimana aku berjuang." Ujar Thabit: Dia bimbang mengeluarkan perkataan yang lain. Kemudian dia turut berjuang bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam Peperangan Uhud. Di sana dia bertemu dengan Saad ibn Mu'az r.a., lalu dia berkata kepadanya, "Aku tercium bau Syurga di Bukit Uhud" Kata Thabit: Lalu dia bertempur hingga gugur syahid. Di badannya terdapat lebih lapan puluh luka-luka ditetak, ditikam dan dipanah. Kata saudara perempuannya iaitu ibu saudaraku ar-Rubaiyi binti an-Nadhr: "Aku dapat mengenal mayat saudaraku itu dari jari-jarinya" ujar Thabit: lalu turunlah ayat ini:

(23)

23. "Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang benar benar menunaikan apa yang telah mereka janjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan di antara mereka pula ada yang menunggu (mati syahid). Dan mereka tidak mengubahkan janji mereka sedikit."

(Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasai dari hadith Sulaiman ibn al-Mughirah).

Gambaran gemilang bagi contoh golongan Mu'minin ini adalah disebut di sini dengan tujuan untuk menyempurnakan gambaran iman berbanding dengan gambaran nifaq, keimanan yang lemah dan kemungkiran janji dari golongan lawannya supaya perbandingan itu dapat ditunjukkan dengan sempurna dalam rangka tarbiyah melalui peristiwa dari al-Qur'an.

Gambaran itu diulaskan pula dengan menenangkan hikmat ujian dan akibat kemungkiran janji dan menyerahkan hal ini semuanya kepada kehendak iradat Allah:

(24)

24. "Agar Allah memberi balasan kepada orang-orang yang benar kerana janji mereka dan menyeksakan orang-orang Munafiqin jika dikehendaki-Nya atau menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Ulasan sedemikian dibuat di tengah-tengah tayangan peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan dengan tujuan untuk memulangkan segala urusan kepada Allah dan untuk menjelaskan hikmat peristiwa itu, kerana tiada peristiwa yang sia-sia dan tiada pula yang berlaku secara kebetulan sahaja, malah peristiwa-peristiwa itu adalah berlaku mengikut hikmat dan tadbir yang telah ditentukan Allah dan berakhir dengan kesudahan-kesudahan yang dikehendaki Allah, di mana rahmat Allah terhadap para hamba-Nya dapat dilihat dengan jelas. Rahmat dan keampunan Allah selama-lamanya lebih dekat dan lebih besar:

(24)

24. "Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Kemudian cerita peristiwa yang besar itu ditamatkan dengan kesudahan yang membenarkan tanggapan orang-orang Mu'minin terhadap Allah, mengesahkan kesesatan orang-orang Munafiqin dan orang-orang yang menyebar khabar-khabar angin dan salahnya tanggapan dan kefahaman mereka, juga menjelaskan nilai-nilai keimanan pada penghabisan peristiwa itu:

(25)

25. "Dan Allah telah menghalaukan kembali orang-orang kafir (tentera-tentera gabungan) dengan membawa dendam kesumat mereka. Mereka tidak mendapat sebarang kejayaan dan Allah telah menghindarkan orang-orang Mu'minin dari bencana peperangan dan Allah adalah Maha Kuat dan Maha Perkasa."

Peperangan Ahzab itu telah bermula kemudian terus berlangsung dan akhirnya tamat. Allahlah yang memegang teraju peperangan itu. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak iradat-Nya. Hakikat ini telah diterangkan oleh ayat al-Quran yang tersebut dengan gaya pengungkapannya yang tersendiri, di mana segala peristiwa dan akibat telah disandarkan secara langsung kepada Allah Taala untuk menjelaskan hakikat ini dan menyematkannya di dalam hati dan menerangkan kefahaman Islam yang betul.

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 27)

Kekalahan itu bukan sahaja menimpa kaum Musyrikin Quraisy dan Ghatafan, malah turut menimpa Bani Qurayzah juga, iaitu kaum Yahudi yang menjadi sekutu kaum Musyrikin:

(26)

26. "Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan."

(27)

27. "Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

Cerita (kekalahan Bani Qurayzah) ini memerlukan sedikit penjelasan mengenai kisah kaum Yahudi dengan kaum Muslimin.

Orang-orang Yahudi di Madinah tidak pernah berdamai dengan Islam sejak kedatangannya kepada mereka kecuali dalam masa yang pendek sahaja. Rasulullah s.a.w. telah mengadakan perjanjian damai dengan mereka pada permulaan kedatangan beliau ke Madinah. Dalam perjanjian itu beliau mewajibkan mereka bekerja sama dan membantu untuk menjaga keselamatan Madinah serta mengenakan syarat supaya mereka jangan melakukan pengkhianatan, perbuatan-perbuatan yang jahat, pengintipan dan supaya mereka jangan membantu musuh dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyakiti.

Tetapi tidak lama kemudian kaum Yahudi merasa bahawa agama yang baru ini mengancam kedudukan tradisional mereka selaku Ahlil-Kitab yang pertama kerana dengan sifat inilah membolehkan mereka menikmati kedudukan yang tinggi selama ini di kalangan penduduk Madinah. Mereka juga merasa terancam dengan peraturan baru masyarakat Madinah yang dibawa oleh Islam di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. Sebelum ini mereka dapat mempergunakan keadaan permusuhan yang wujud di antara suku Aus dan Khazraj itu untuk mendapat kedudukan yang tinggi di Madinah, tetapi sekarang apabila Islam telah berjaya menyatupadukan Aus dan Khazraj di bawah pimpinan Nabi mereka yang mulia, maka kaum Yahudi tidak lagi berpeluang mendapat air yang keruh untuk mereka menangguk keuntungan di antara dua puak itu.

Yang menjadi pukulan yang amat hebat kepada kaum Yahudi ialah apabila Abdullah ibn Salam pendeta dan ahli agama mereka yang terkenal itu memeluk Islam. Allah telah membuka pintu hatinya kepada agama Islam lalu dia memeluknya kemudian dia mengajak semua ahli rumahnya supaya memeluk Islam dan mereka semua telah menganut Islam bersamanya. Tetapi apabila dia

bimbang jika dia mengumumkan keislamannya tentulah orang-orang Yahudi akan membuat berbagai-bagai tuduhan terhadapnya, maka kerana itu dia telah meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau bertanya kepada orang orang Yahudi tentang peribadinya sebelum dia mengumumkan keislamannya kepada mereka. Apabila ditanya, mereka menjawab: Dia (Abdullah) itu penghulu kami dan anak penghulu kami, juga pendeta kami dan orang alim kami. Ketika inilah Abdullah ibn Salam keluar mendapatkan mereka dan meminta mereka supaya beriman sepertinya. Di sinilah mereka terperangkap. Lalu mereka melimparkan kata-kata yang buruk kepada Abdullah ibn Salam dan mengingatkan suku-suku Yahudi supaya berwaspada terhadapnya. Kini mereka merasa kedudukan keagamaan dan politik mereka benar-benar terancam. Oleh itu mereka mengambil keputusan untuk melancarkan tentangan yang tidak mengenal damai terhadap Muhammad s.a.w.

Sejak itu bermulalah peperangan yang tidak pernah damai di antara kaum Yahudi dan Islam sehingga hari ini.

Ia bermula dengan perang dingin menurut istilah sekarang, iaitu peperangan propaganda terhadap Muhammad s.a.w. dan terhadap Islam. Di dalam peperangan ini orang-orang Yahudi telah menggunakan berbagai-bagai cara yang terkenal di dalam sejarah mereka. Mereka menggunakan cara menaburkan keraguan terhadap kerasulan Muhammad s.a.w. dan melemparkan kekeliruan-kekeliruan di sekitar agama yang baru itu. Mereka menggunakan cara melaga-lagakan di antara orang-orang Islam, sekali di antara Aus dan Khazraj dan sekali pula di antara orang-orang Ansar dan Muhajirin. Mereka menggunakan cara mengintip orang-orang Islam untuk kepentingan musuh-musuh mereka dan kaum Musyrikin. Mereka menggunakan orang-orang dalam yang diambil dari orang-orang Munafiqin yang berpura-pura Islam untuk mencetuskan fitnah di dalam barisan orang-orang Islam. Akhir sekali mereka menunjukkan tembelang diri mereka yang sebenar dan menggunakan cara menggemblengkan tenaga untuk menyerang kaum Muslimin sebagaimana yang telah berlaku di dalam Peperangan Al Ahzab.

Suku-suku kaum Yahudi yang terpenting ialah Bani Qaynuqa', Bani an-Nadhir dan Bani Qurayzah dan setiap suku itu masing-masing mempunyai masalah dengan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam.

Suku Bani Qaynuqa' merupakan satu suku Yahudi yang paling berani. Mereka menaruh dendam terhadap kaum Muslimin apabila mereka mendapat kemenangan di dalam Peperangan Badar. Mereka bertindak mengganggu orang-orang Islam dan memungkiri perjanjian yang wujud di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. kerana bimbangkan kedudukan beliau akan menjadi begitu kuat hingga tidak mampu lagi ditentang mereka apatah lagi setelah beliau berjaya mengalahkan kaum Quraysy dalam peperangan pertama di antara beliau dengan mereka.

Ibn Hisyam telah menceritakan hal mereka di dalam as-Sirah melalui saluran lbn Ishaq katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah Rasulullah s.a.w. telah mengumpul mereka di pasar Bani Qaynuqa' lalu bersabda kepada mereka: "Wahai sekalian

orang-orang Yahudi! Takutilah kepada kemurkaan Allah sebagaimana yang telah menimpa kaum Quraysy, peluklah agama Islam kerana kamu telah pun mengetahui bahawa saya adalah seorang Nabi yang diutuskan Allah. Semua ini terdapat di dalam kitab suci kamu dan dalam janji Allah kepada kamu." Jawab mereka:" Wahai Muhammad, janganlah engkau tertipu apabila engkau mendapat kesempatan mengalahkan kaum (Quraysy) yang tidak tahu berperang itu. Kami, demi Allah, jika kami memerangi engkau, nescaya tahulah engkau bahawa kamilah orang-orang yang sebenar handal".

Ibn Hisyam juga telah menceritakan hal mereka melalui saluran Abdullah ibn Ja'far katanya:

Di antara cerita Bani Qaynuqa' ialah ada seorang perempuan Arab datang menjual barangnya di pasar Bani Qaynuqa'. Kemudian perempuan itu duduk bersama seorang tukang emas di pasar itu. Orang-orang Yahudi di situ mahu dia membuka mukanya, tetapi dia enggan lalu tukang emas itu mengambil hujung kain perempuan itu dan mengikatkannya di belakangnya. Apabila perempuan itu bangkit berdiri maka kainnya terus terselak mendedahkan 'auratnya. Mereka pun ketawa lalu perempuan itu menjerit menyebabkan seorang Islam menyerbu ke arah tukang emas itu dan membunuhnya, lalu orang-orang Yahudi menyerang orang Islam itu dan membunuhnya. Kemudian keluarga orang Islam itu menyeru kaum Muslimin melawan orang-orang Yahudi itu menyebabkan mereka marah, lalu terjadilah suatu pergaduhan di antara mereka dengan kaum Yahudi Bani Qaynuqa'.

Ibn Ishaq telah menyambungkan cerita ini katanya:

Lalu Rasulullah s.a.w. mengepung Bani Qaynuqa' sehingga mereka bersetuju menerima pengadilannya. Ketika inilah Abdullah ibn Ubay ibn Salul tampil menemui beliau seraya berkata: "Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik" (ketika itu Bani Qaynuqa' menjadi sekutu orang-orang Khazraj), tetapi Rasulullah s.a.w. tidak menghirau permintaannya, lalu dia merayu lagi, ("Wahai Muhammad, tolonglah layan sekutu-sekutu saya dengan baik." Rasulullah s.a.w. (sekali lagi) berpaling darinya, lalu dia memasukkan tangannya ke dalam saku baju besi Rasulullah s.a.w. Dan beliau pun bersabda kepadanya: "Lepaskan aku". Rasulullah s.a.w. kelihatan sangat marah hingga wajahnya berubah dan bersabda lagi: "Lepaskan aku". Jawab Abdullah: "Tidak, demi Allah saya tidak lepaskan anda sehingga anda berjanji memberi layanan yang baik kepada suku-suku saya. Mereka terdiri dari empat ratus orang yang tidak berbaju besi dan tiga ratus orang yang berbaju besi. Mereka telah mempertahankan saya dari orang-orang Arab dan bukan Arab. Anda boleh membunuh mereka dalam satu pagi sahaja. Sesungguhnya, demi Allah, saya takut ditimpa malapetaka". Kemudian Rasulullah s.a.w. menjawab: "Baiklah aku serahkan mereka kepada engkau".

Abdullah ibn Ubay ibn Salul pada masa itu mempunyai kedudukan di kalangan kaumnya. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. berkenan menerima permintaannya mengenai Bani Qaynuqa' dengan syarat mereka meninggalkan negeri Madinah. Mereka dibolehkan mengambil harta benda mereka bersama

mereka kecuali senjata. Dengan ini terselamatlah negeri Madinah dari satu masyarakat Yahudi yang mempunyai kekuatan yang penting.

Adapun kaum Yahudi Bani an-Nadhir pula, Rasulullah s.a.w. telah keluar untuk menemui mereka di dalam tahun yang Keempat Hijrah selepas Peperangan Uhud dengan tujuan menuntut mereka supaya bersama-sama membayar diat dua orang yang terbunuh mengikut perjanjian yang telah dimeteraikan di antara beliau dengan mereka. Apabila beliau menemui mereka, mereka pun berkata: "Baiklah, wahai Abul-Qasim, kami boleh menolong anda memenuhi permintaan yang dipinta anda itu." Tetapi apabila mereka berkumpul sesama mereka secara diam-diam mereka berkata: Kamu tidak akan menemui lelaki ini (Muhammad) dalam keadaannya yang seperti sekarang. Oleh itu siapa di antara kamu yang sanggup naik ke atas rumah ini dan menggugur batu ke atasnya supaya kita terselamat darinya? Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk di tepi dinding rumah mereka.

Apabila mereka hendak bertindak melaksanakan rancangan mereka yang jahat itu, Allah mengilhamkan kepada Rasulullah s.a.w. dan mendedahkan rancangan mereka terhadap beliau, lalu beliau pun bangkit dari tempat itu dan terus keluar pulang ke Madinah. Beliau memerintah kaum Muslimin supaya bersiap sedia untuk memerangi Bani an-Nadhir itu. Mereka berkubu di dalam kubu-kubu mereka dan Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiqin telah mengirim utusannya kepada mereka meminta mereka supaya bertahan dengan gagah berani dan gigih. Katanya: "Kami tidak akan menyerahkan kamu (kepada Muhammad). Jika kamu diserang, kami akan berperang bersama-sama kamu dan jika kamu diusir keluar, kami akan keluar bersama-sama kamu". Tetapi orang-orang Munafiqin tidak memenuhi janji mereka dan Allah telah mencampakkan perasaan takut ke dalam hati Bani an-Nadhir lalu mereka menyerah diri tanpa perang dan pertempuran. Mereka meminta Rasulullah s.a.w. supaya bersetuju melepaskan mereka keluar (dari Madinah) dan memelihara darah mereka dengan syarat mereka dapat membawa harta benda mereka sekadar yang dapat dibawa oleh unta-unta mereka kecuali senjata. Rasulullah s.a.w. telah bersetuju dengan permintaan mereka. Mereka pun keluar menuju Khaybar dan setengahnya menuju ke Syam. Di antara pembesar-pembesar mereka yang menuju Khaybar ialah Salam ibn Abul-Haqiq, Kinanah ibn Ar-Rabi' ibn Abul-Haqiq dan Huyai bin Akhtab. Merekalah tokoh-tokoh yang disebut-sebut sebagai orang-orang yang berusaha mengemblengkan kaum Musyrikin Quraysy dan suku Ghatafan (untuk memerangi kaum Muslimin) di dalam Peperangan Ahzab.

Sekarang tibalah kita kepada kisah peperangan Bani Qurayzah. Di dalam Peperangan Ahzab. Dahulu telah pun diceritakan tentang pendirian mereka yang telah berpaling tadah menyebelahi kaum Musyrikin untuk memerangi kaum Muslimin dengan hasutan pemimpin-pemimpin Bani an-Nadhir terutama Huyai ibn Akhtab. Tindakan Bani Qurayzah membatalkan perjanjian yang dimeteraikan dengan Rasulullah s.a.w. di masa itu lebih menyulitkan kaum Muslimin dari menghadapi serangan tentera-tentera gabungan dari luar Madinah.

Di antara cerita yang dapat menggambarkan betapa besarnya ancaman yang dihadapi kaum Muslimin dan betapa besarnya kebimbangan yang ditimbulkan oleh tindakan Bani Qurayzah yang membatalkan penjanjian itu ialah

cerita yang menerangkan apabila berita pembatalan perjanjian itu sampai kepada Rasulullah s.a.w, beliau pun mengutus Sa'd ibn Mu'az ketua suku Aus, Sa'd ibn Ubbadah ketua suku Khazraj bersama-sama Abdullah ibn Rawahah dan Khawwat ibn Jubayr r.a. Sabda be!iau "Pergilah tengok apakah benar berita tindakan kaum Yahudi itu atau tidak? Jika benar berilah satu isyarat yang dapat aku memahaminya dan janganlah kamu menimbulkan keadaan pecah belah pada orang ramai (dengan menghebohkan berita itu), dan jika mereka masih lagi menghormati perjanjian di antara kita dengan mereka, maka hendaklah kamu hebohkan berita kepada mereka." Cerita ini menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menduga kesan berita itu kepada orang ramai Muslimin.

Lalu rombongan itu pun keluar menemui Bani Qurayzah dan mereka dapati keadaan mereka lebih buruk dari berita yang sampai kepada mereka. Mereka mencaci Rasulullah s.a.w. Mereka berkata Siapakah Rasulullah? Tiada perjanjian dan tiada persetujuan di antara kami dengan Muhammad. Kemudian rombongan itu pulang menyampaikan berita itu kepada Rasulullah s.a.w. secara sindiran bukannya secara terus terang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai kaum Muslimin! Bergembiralah!" (Beliau berkata begitu dengan tujuan menguatkan semangat kaum Muslimin dari kesan berita yang buruk itu menjalar di dalam barisan mereka).

Ujar Ibn Ishaq: Pada masa inilah kaum Muslimin mengalami kesusahan dan kecemasan yang amat berat. Mereka dikepung musuh dari hulu dan hilir sehingga mereka menaruh berbagai-bagai sangkaan dan setengah-setengah orang Munafiqin memperlihatkan sikap talam dua muka… hingga akhir.

Demikianlah suasana di dalam masa Peperangan Ahzab:

Apabila Allah S.W.T. menolong Nabi-Nya dengan memberi kemenangan kepada beliau dan mengusir musuh-musuhnya balik membawa dendam kesumat mereka, maka beliau pun pulang ke Madinah dan kaum Muslimin pun meletakkan senjata-senjata mereka. Ketika Rasulullah s.a.w. sedang bermandi manda membersihkan dirinya dari debu-debu perjuangan di rumah Ummu Salamah r.a., tiba-tiba Jibril a.s. menjelma dan berkata kepadanya: "Adakah anda telah méletakkan senjata, wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah s.a.w "Ya." Jibril: "Tetapi para malaikat belum lagi meletakkan senjata mereka dan inilah masa kembali memburu musuh." Kemudian Jibril berkata:

"Sesungguhnya Allah memerintah anda bangkit menyerang Bani Qurayzah". Mereka tinggal beberapa batu dari Madinah. Peristiwa ini berlaku selepas sembahyang Zohor. Rasulullah s.a.w. telah berpesan (kepada kaum Muslimin). "Jangan sesiapa pun sembahyang 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah." Apabila mereka berada di tengah perjalanan, waktu 'Asar pun masuk lalu setengah mereka menunaikan sembahyang dengan memberi alasan bahawa tujuan pesanan Rasuluflah s.a.w. tadi ialah untuk mempercepatkan penjalanan sahaja, sementara yang lain berkata: Kami tidak akan menunaikan solat 'Asar melainkan di tempat Bani Qurayzah. Tiada seorang pun dari dua puak itu mencela satu sama lain.

Pemergian mereka diikuti oleh Rasulullah s.a.w. Beliau telah melantik Abdullah ibn Ummi Maktum sebagal pemangku pemerintah Madinah dan

menyerahkan panji-panji angkatan tentera kepada Ali ibn Abu Talib r.a. Beliau telah memerangi Bani Qurayzah dan mengepung mereka selama dua puluh lima malam. Setelah dikepung sebegitu lama, maka pada akhirnya mereka bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan yang akan dibuat terhadap mereka oleh Sa'd ibn Mu'az ketua suku Aus r.a. kerana Bani Qurayzah merupakan sekutu suku Aus di zaman jahiliyah. Mereka percaya bahawa Sa'd ibn Mu'az akan memberi keputusan yang baik kepada mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul terhadap sekutunya kaum Yahudi Bani Qaynuqa' sehingga dia dapat meminta Rasulullah s.a.w. membebaskan Bani Qaynuqa'. Oleh itu mereka fikir bahawa Sa'd juga akan berbuat seperti Abdullah ibn Ubay terhadap mereka. Mereka tidak tahu bahawa Sa'd r.a. telah mendapat kecederaan akibat terkena anak panah di dalam Peperangan Ahzab menyebabkan urat nadi lengannya terputus dan darah keluar tidak berhenti. Rasulullah s.a.w. telah membakarkan luka itu dengan besi panas untuk memberhentikan darahnya dan menempatkannya di sebuah khemah rawatan di dalam masjid agar beliau dapat melawatnya dari dekat. Sa'd telah berdoa kepada Allah: "Ya Allah, jika Engkau telah menetapkan ada lagi peperangan dengan kaum Quraysy, maka panjangkanlah umur kami untuk menghadapi peperangan itu, dan jika Engkau telah memberhentikan peperangan di antara kami dengan mereka, maka hindarkannya, dan janganlah Engkau matikan daku sehingga hatiku puas membalas perbuatan Bani Qurayzah." Do'anya telah diperkenankan Allah S.W.T. Mereka telah ditakdirkan bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan Sa'd terhadap mereka dengan pilihan dan permintaan mereka sendiri.

Ketika itulah Rasulullah s.a.w. menjemput Sa'd dari Madinah supaya datang mengadili Bani Qurayzah. Apabila dia datang dengan menunggang keldai yang khusus disediakan untuknya, maka orang-orang Aus pun datang merayu kepadanya. Mereka berkata: "Wahai Sa'd! Mereka (Bani Qurayzah) itu adalah bekas sekutu-sekutu engkau. Adililah mereka dengan baik." Orang-orang Aus terus memujuk Sa'd supaya kasihan belas kepada Bani Qurayzah tetapi Sa'd mendiamkan diri dan apabila mereka terus mendesaknya, diapun berkata: "Sekarang sampailah masa kepada Sa'd membuat keputusan yang tegas kerana Allah tanpa mengendahkan celaan siapa pun." Mendengar jawapan ini mereka pun faham bahawa Sa'd tidak akan membiarkan Bani Qurayzah itu hidup.

Apabila Sa'd menghampiri khemah Rasulullah s.a.w. beliau bersabda (kepada perajurit-perajurit Islam): Bendirilah kamu sekalian menyambut ketua kamu". Mereka sekalian berdiri dan menurunkan Sa'd dari kenderaannya kerana menghormati kedudukannya agar ia lebih berwibawa mengenakan hukuman terhadap Bani Qurayzah.

Apabila Sa'd duduk, Rasulullah s.a.w. pun bersabda kepadanya: "Mereka ini", beliau menunjuk kepada Bani Qurayzah, "telah bersetuju untuk menerima sebarang hukuman engkau. Oleh itu hukumkan mereka dengan apa sahaja hukuman yang disukai engkau." Lalu Sad r.a. bertanya: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas mereka?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya akan diluluskan ke atas orang-orang yang ada di dalam khemah ini?" Jawab beliau: "Ya." Tanya Sa'd lagi: "Adakah hukuman saya juga

akan diluluskan oleh orang yang berada di sebelah ini?" (Dia menunjukkan ke pihak Rasulullah s.a.w, sambil memalingkan mukanya dari beliau kerana menghormatinya). Jawab beliau: "Ya". Kemudian Sa'd r.a. pun berkata: "Saya membuat keputusan semua perajurit mereka dibunuh, zuriat mereka ditawan dan harta benda mereka dirampas." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Engkau telah menghukumkan dengan hukuman Allah dari atas tujuh petala langit".

Kemudian Rasulullah s.a.w. memerintah supaya digalikan parit dan apabila parit-parit itu siap digali, mereka pun dibawa ke sana dengan tangan yang terikat ke belakang dan dipancung. Jumlah mereka ialah di antara tujuh dan lapan ratus orang. Kanak-kanak mereka yang belum baligh dan wanita-wanita mereka dijadikan tawanan dan harta benda mereka dirampas, termasuk dalam kumpulan yang dibunuh itu ialah Huyai ibn Akhtab (pemimpin Bani an-Nadhir) yang turut masuk ke dalam kubu Bani Qurayzah sebagai menepati janjinya dengan mereka.

Sejak hari itu lemahlah pengaruh Yahudi dan gerakan talam dua muka di Madinah. Kaum Munafiqin menundukkan kepala mereka dan merasa gentar terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka. Selepas peristiwa-peristiwa ini kaum Musyrikin tidak lagi berfikir dan merancang untuk memerangi kaum Muslimin, malah sebaliknya kaum Musliminlah yang memerangi mereka sehingga sampai kepada masa pena'lukan Makkah dan Ta'if . Dapatlah dikatakan bahawa di sana ada hubungan yang rapat di antara gerakan Yahudi dengan gerakan orang-orang Munafiqin dan kaum Musyrikin. Pengusiran Yahudi dari negeri Madinah telah menamatkan hubungan itu. Di sini dapatlah dilihat satu perbezaan amat jelas di antara dua zaman itu di dalam sejarah pertumbuhan dan kemantapan kerajaan Islam.

Tepatlah seperti firman Allah:

(26)

26. "Dan Allah telah menurunkan golongan Ahlil-Kitab (Bani Qurayzah) yang telah membantu mereka (angkatan musuh) dari kubu-kubu mereka dan mencampakkan perasaan takut ke dalam hati mereka. Sebahagian dari mereka kamu bunuh dan sebahagian lagi kamu tawan."

(27)

27. "Dan Allah telah mewariskan kepada kamu tanah-tanah mereka, rumah-rumah dan harta benda mereka, juga tanah-tanah yang belum kamu memijaknya dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

Yang dimaksudkan dengan tanah-tanah yang diwarisi oleh kaum Muslimin yang belum dipijak mereka mungkin tanah-tanah kepunyaan Bani Qurayzah yang berada di luar perkampungan mereka, kerana harta-harta itu semua termasuk di

dalam harta benda mereka yang menjadi milik kaum Muslimin, mungkin juga ungkapan itu merupakan isyarat bahawa Bani Qurayzah akan menyerah tanah-tanah mereka tanpa perang. Jadi maksud "pijak" di dalam ayat ini ialah "perang".

(27)

27. "Dan Allah adalah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."

Ayat ini merupakan ulasan yang diambil dari alam kenyataan. Ulasan ini mengembalikan segala perkara kepada Allah. Ayat yang telah lepas juga, iaitu ketika menceritakan kisah peperangan ini telah mengembalikan segala urusan kepada Allah. Ia menyandarkan tindakan-tindakan di dalam peperangan itu secara langsung kepada Allah untuk menegakkan hakikat yang agung ini iaitu hakikat yang telah ditanamkan Allah di dalam hati kaum Muslimin dengan perantaraan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan dengan penerangan al-Quran selepas berlakunya peristiwa-peristiwa itu supaya menjadi asas kefahaman Islam di dalam jiwa mereka.

Demikianlah tamatnya tayangan peristiwa yang amat besar, iaitu satu peristiwa yang mengandungi peraturan-peraturan, nilai-nilai, arahan-arahan dan dasar-dasar yang dibawa oleh al-Quran untuk diterapkan ke dalam hati kaum Muslimin dan kehidupan mereka.

Demikianlah peristiwa-peristiwa yang berlaku itu menjadi bahan tarbiyah dan al-Qur'an menjadi pemandu dan penterjemah kehidupan dan peristiwa-peristiwanya, juga penterjemah arah aliran dan kefahaman-kefahamannya. Kini nilai-nilai telah mantap dan hati menjadi tenang dan yakin melalui ujian-ujian Ilahi dan bimbingan al-Qur'an.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Satu)

JUZU' YANG KEDUA PULUH DUA

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 28 - 35)

(28)

28. Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik.

(29)

29. Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu.

(30)

30. Wahai isteri-isteri Nabi! Barangsiapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah.

(31)

31. Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia.

(32)

32. Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga

menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik.

(33)

33. Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.

(34)

34. Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbirNya) dan Maha Pakar.

(35)

35. Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang taat, lelaki-lelaki dan perempuan perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu', lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar.

Pelajaran yang ketiga dari Surah al-Ahzab ini adalah khusus untuk para isteri Nabi s.a.w. selain dari ayat selingan akhir yang menjelaskan pahala kepada seluruh lelaki dan perempuan Islam. Di dalam ayat-ayat awal surah ini telah disebut bahawa para isteri Nabi itu telah digelarkan sebagai "Ibu-ibu para Mu'minin. Taraf keibuan yang tinggi ini mempunyai kewajipan-kewajipannya, dan kedudukan mereka sebagai isteri Nabi itu juga mempunyai tanggungjawab-tanggungjawabnya. Di dalam pelajaran ini disebut sebahagian dari kewajipan-kewajipan itu dan dijelaskan nilai-nilai yang dikehendaki Allah sebagai gambaran dan asas rumahtangga Nabi yang menjadi contoh teladan dan pedoman kepada orang-orang yang menuju jalan Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

(28)

28. Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu: Jika kamu mengingini kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya aku berikan kepada kamu bayaran mut'ah dan menceraikan kamu dengan cara yang baik.

(29)

29. Dan jika kamu menghendaki (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya serta negeri Akhirat, maka sesungguhnya Allah telah menyediakan pahala yang amat besar kepada mereka yang membuat amalan yang baik di antara kamu.

Nabi s.a.w. telah memilih cara hidup berpada-pada untuk dirinya dan keluarganya. Ini bukan kerana beliau tidak mampu uniuk hidup mewah, kerana beliau telah hidup hingga ke zaman mewah, di mana banyak negeri-negeri tertaluk kepadanya dan banyak harta-harta rampasan perang diperolehinya dan di mana orang-orang Islam yang dahulunya tidak mempunyai harta dan bekalan makanan telah menjadi senang. Namun begitu dalam sebulan kadang-kadang dapur rumahnya tidak juga berasap walaupun beliau begitu murah bersedekah, memberi dan menghadiah. Tetapi itulah pilihan beliau yang meletakkan dirinya lebih tinggi dari kemewahan hidup dunia, dan itulah keinginan beliau yang tulus mencari keredhaan di sisi Allah, iaitu keinginan seorang yang mampu hidup mewah tetapi dia sengaja tidak mahu, dan meletakkan dirinya lebih tinggi darinya dan sengaja memilih (cara hidup yang seperti itu). Rasulullah s.a.w. bukanlah diwajibkan oleh aqidah dan syariat supaya beliau dan keluarganya hidup seperti itu. Kenikmatan-kenikmatan dan kesenangan-kesenangan hidup itu bukanlah diharamkan kepadanya mengikut aqidah dan syariat dan beliau tidak sekali-kali mengharamkan kenikmatan-kenikmatan itu kepada dirinya apabila keni'matan itu datang kepadanya secara spontan tanpa berusaha dengan susah payah, atau keni'matan itu berada di hadapannya secara kebetulan, tetapi beliau tidak mengejar dan mengingini keni'matan-keni'matan, tidak berpoya-poya di dalamnya dan tidak sibuk memikirkannya. Beliau tidak mentaklikkan umatnya supaya hidup seperti beliau kecuali mereka yang suka hidup begitu kerana meletakkan dirinya dimaqam yang mengatasi keni'matan-keni'matan hidup dan kerana mahu membebaskan dirinya dari belenggu keni'matan agar hidup merdeka dari keinginan dan kehendak-kehendak nafsu.

Tetapi para isteri Nabi s.a.w. adalah perempuan-perempuan dan manusia biasa. Mereka mempunyai perasaan-perasaan manusia. Walaupun mereka mempunyai kelebihan, kehormatan dan kedudukan yang amat dekat dengan sumber nubuwah yang mulia, namun keinginan semulajadi mereka kepada keni'matan hidup itu tetap bersemarak di dalam hati mereka. Apabila mereka

melihat keadaan hidup yang senang dan mewah yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'minin mereka pun bersungut kepada Rasulullah s.a.w. tentang habuan nafqah mereka. Beliau tidak menyambut baik tuntutan mereka, malah beliau menyambutnya dengan dukacita dan dengan perasaan yang tidak senang, kerana beliau ingin mereka hidup dengan cara hidup yang telah dipilihnya, iaitu hidup bebas, luhur dan redha, sunyi dari kesibukan memikirkan urusan-urusan keni'matan hidup. Beliau mahu kehidupannya dan kehidupan mereka yang berada di dalam naungannya supaya tetap hidup di atas kemuncak yang gemilang itu yang bersih dari pengaruh dan campuraduk hidup dunia ini bukan memandang dari segi halal dan haram, kerana perkara-perkara yang halal dan haram itu memang telah jelas, telapi memandang dari segi kebebasan dari godaan-godaan kehidupan dunia yang murah.

Beliau amat dukacita dengan tuntuan nafkah yang dikemukakan oleh para isterinya sehingga beliau mengasingkan diri dari para sahabatnya. Ini amatlah menyusahkan mereka. Mereka datang untuk menemui beliau, tetapi tidak diizinkan masuk.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Jabir r.a. katanya: Abu Bakr r.a. telah datang meminta izin untuk menemui Rasulullah s.a.w. dan ramai orang duduk di pintunya, Rasulullah s.a.w. ketika itu sedang duduk, tetapi dia tidak diizinkan masuk. Kemudian datang pula 'Umar r.a. lalu meminta izin, tetapi tidak juga diizinkan. Setelah itu barulah beliau memberi izin kepada Abu Bakr dan Umar r.a., lalu kedua-duanya masuk. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk dan dikelilingi oleh isteri-isterinya. Rasulullah s.a.w. diam tidak bercakap. Umar r.a. berkata. Aku pasti bercakap dengan Nabi s.a.w. semoga beliau ketawa. Lalu Umar r.a. pun berkata: "Wahai Rasulullah! Tahukah anda anak perempuan Zaid tadi telah menuntut nafkah (yang lebih) dari saya, lalu saya pukul lehernya?" Nabi s.a.w. terus ketawa hingga ternampak geraham-gerahamnya dan bersabda: "Mereka yang ada di sekelilingku ini juga menuntut nafkah dariku." Lalu Abu Bakar r.a. bangun menuju kepada Aisyah untuk memukulnya, dan Umar r.a., juga bangun menuju kepada Hafsah. Kedua-duanya berkata: "Apakah engkau berdua mahu menuntut sesuatu yang tidak ada pada beliau? Lalu ditahan oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian para isteri Nabi s.a.w. pun berkata: "Demi Allah selepas majlis ini, kami tidak akan menuntut kepada Rasulullah s.a.w. sesuatu yang tidak ada pada beliau." Ujar rawi, di sini Allah Azzawajalla menurunkan ayat yang memberi pilihan kepada mereka, lalu beliau pun menyampaikan pilihan itu mula-mula kepada 'Aisyah r.a. seraya bersabda:

"Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan oleh engkau), tetapi abang tidak suka engkau mengambil keputusan yang terburu-buru sehingga engkau (lebih dahulu) berunding dengan dua orang tua engkau". Lalu Aisyah r.a. bertanya: "Apa dia?" Kata rawi, beliau pun membaca ayat:

(28)

Lalu Aisyah r.a. berkata: "Adakah dalam perkara hendak memilih abang, hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Bahkah hamba tetap memilih Allah dan Rasul-Nya, tetapi hamba harap abang tidak menceritakan pilihan hamba ini kepada mana-mana isteri abang yang lain Rasulutlah s.a.w.:

,

"Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih engkau melainkan abang akan ceritakannya kepada dia."

(Muslim mengeluarkan hadith ini dari hadith Zakaria bin Ishaq)

Mengikut riwayat al-Bukhari dengan sanadnya dari Abu Salamah ibn Abdul Rahman bahawa 'Aisyah r.a. isteri Nabi s.a.w. telah menceritakan kepadanya bahawa Rasulullah s.a.w. telah datang mendapatkannya apabila Allah Ta'ala menyuruh beliau memberi pilihan kepada para isterinya. Kata 'Aisyah: Rasulullah s.a.w. telah mulakan dengan aku dengan sabdanya, "Abang hendak menyampaikan satu perintah kepada engkau (untuk diputuskan engkau), oleh itu janganlah engkau terburu-buru mengambil keputusan sehingga engkau berunding dengan dua orang tua engkau". Sedangkan beliau memang tahu bahawa orang tuaku tidak akan menyuruhku bercerai dengan beliau. Kata 'Aisyah: Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman:

Lalu aku pun berkata: Adakah kerana ini hamba patut berunding dengan orang tua hamba? Sesungguhnya hamba tetap mahukan Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat.

Kedatangan al-Qur'anul Karim ialah untuk menggariskan nilai-nilai asasi dalam persepsi Islam terhadap hidup dunia. Nilai-nilai ini pastilah mempunyai terjemahannya yang hidup di dalam rumahtangga Nabi s.a.w. dan kehidupan peribadinya. Nilai-nilai ini pastilah dilaksanakan dengan gambaran yang sejelas-jelasnya di dalam rumahtangga beliau yang selama-lamanya menjadi pedoman kepada umat Muslimin dan agama Islam sehingga Qiamat.

Kedua-dua ayat yang menawarkan pilihan itu telah diturunkan untuk menggariskan jalan yang betul sama ada memilih hidup dunia dan hiasan-hiasannya yang indah atau memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, kerana hati yang sebiji itu tidak dapat mengisi dua persepsi terhadap hidup dunia dan Allah tidak menjadikan dua hati di dalam dada seseorang.

Para isteri Nabi s.a.w. telah pun mengambil keputusan: "Demi Allah, selepas majlis ini kami tidak akan menuntut kepada Rasulullah s.a.w. sesuatu yang tidak ada padanya". Ayat al-Qur'an itu telah diturunkan untuk menjelaskan lunas persoalan ini. Masalah di sini bukannya masalah ada atau tidak ada pada Rasulullah s.a.w., tetapi masalahnya ialah membuat pilihan yang mudah di antara memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat dengan memilih keni'matan dan kesenangan hidup dunia sama ada khazanah kekayaan bumi berada di dalam tangan mereka atau rumah mereka kosong dari bekalan-bekalan makanan. Mereka

telah membuat pilihan yang mutlaq iaitu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat setelah ditawarkan pilihan yang tegas ini. Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. melayakkan mereka berada di kemuncak yang tinggi yang sesuai dengan rumah seorang Rasul yang agung. Menurut setengah-setengah riwayat, Nabi s.a.w. amat bergembira dengan keputusan ini.

Eloklah kita berhenti sebentar merenungi peristiwa ini dari beberapa sudutnya

Peristiwa ini menggariskan persepsi Islam yang jelas terhadap nilai-nilai. Ia menggariskan jalan kesedaran dan perasaan terhadap dunia dan Akhirat. Ia menghapuskan di dalam hati Muslim segala rasa teragak-agak dan terumbang-ambing di antara memilih nilai-nilai dunia dengan memilih nilai Akhirat, di antara menuju ke hala bumi dengan menuju ke hala langit. Ia membersihkan hati dari segala hubungan yang asing yang menjadi penghalang di antaranya dengan ketulusannya terhadap Allah Yang Tunggal.

Dalam satu segi yang lain pula, peristiwa ini menggambarkan kepada kita hakikat kehidupan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang hidup bersamanya dan berhubung dengannya. Yang paling indah dari hakikat ini ialah kehidupan mereka adalah satu kehidupan seorang manusia biasa, iaitu manusia yang tidak terlepas dari sifat-sifat, perasaan-perasaan dan ciri-ciri mereka sebagai manusia di samping sifat-sifat keagungan mereka yang unik dan ketulusan mereka kepada Allah Yang Tunggal. Perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen manusia tidak mati di dalam hati mereka, malah meningkat ke tahap yang luhur dan bersih dari noda-noda campur aduk. Tabiat manusia yang manis tetap ada pada mereka, dan tabiat ini tidak menghalang jiwa mereka dari meningkat ke darjat yang paling sempurna yang disediakan kepada manusia.

Kita sering kali tersilap apabila kita menggambarkan Nabi s.a.w. dan para sahabatnya dengan gambaran yang tidak sebenar dan tidak lengkap, iaitu gambaran di mana kita membersihkan mereka dari segala perasaan dan sentimen manusia dengan anggapan bahawa dengan gambaran ini kita menaikkan darjat mereka dan membersihkan diri mereka dari segala sesuatu yang kita fikirkannya sebagai cacat dan lemah.

Kesilapan itu melukiskan gambaran yang tidak berpijak di alam kenyataan, iaitu gambaran yang disalutkan dengan lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan yang kabur menyebabkan sifat-sifat mereka sebagai manusia tidak ketara lagi, dan kerana itu terputuslah hubungan manusia di antara kita dengan mereka. Rupa mereka di dalam hati kita di tengah lingkaran-lingkaran cahaya kehebatan itu kelihatan lebih dekat kepada bayang-bayang yang tidak dapat disentuh dan dipegang dengan tangan hingga kita merasakan mereka seolah-olah satu makhluk yang berlainan dari kita atau mereka seolah-olah malaikat atau makhluk lain seumpamanya yang sama sekali tidak mempunyai perasaan dan sentimen manusia. Walaupun gambaran khayal ini begitu indah dan berkaca-kaca, namun tidak menjauhkan mereka dari lingkungan kita hingga kita tidak dapat lagi mencontohi dan mengikut jejak mereka kerana berputus asa dari kemungkinan dapat meniru mereka secara amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Dengan gambaran sedemikian, hilanglah sepenting-penting unsur penggerak di

dalam pelajaran sirah, iaitu unsur yang merangsangkan perasaan kita untuk meniru dan mengambil contoh teladan, kerana yang mengambil tempat unsur ini ialah perasaan kekaguman dan keta'juban yang tidak menghasilkan apa-apa selain dari satu perasaan yang kabur dan tidak jelas, walaupun perasaan ini menarik tetapi ia tidak melahirkan kesan amali di dalam kehidupan kita di alam kenyataan. Kemudian kita juga kehilangan hubungan harmoni yang saling berinteraksi yang hidup di antara kita dengan tokoh-tokoh yang agung itu kerana hubungan yang saling berinteraksi itu hanya wujud sebagai hasil dari perasaan kita bahawa mereka adalah manusia yang sebenar, yang hidup dengan sentimen-sentimen, perasaan-perasaan dan emosi-emosi yang sama dengan jenis perasaan-perasaan, sentimen-sentimen dan emosi-emosi yang ada pada kita, tetapi mereka telah meningkat ke taraf yang luhur dan bersih dari noda-noda yang bercampur dengan perasaan-perasaan kita.

Hikmat kebijaksanaan Allah amat jelas apabila Dia memilih para rasul-Nya dari jenis manusia juga bukan dari jenis malaikat atau dari jenis makhluk yang lain dari manusia, supaya hubungan yang sebenar tetap wujud di antara kehidupan para rasul dengan kehidupan para pengikut mereka, dan supaya pengikut-pengikut mereka merasa bahawa hati mereka diselubungi perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen dari jenis perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen seperti mereka juga, walaupun perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen para rasul itu telah meningkat ke tahap yang luhur dan bersih. Dengan demikian dapatlah mereka menyintai mereka dengan kecintaan seorang manusia terhadap seorang manusia yang lain dan timbullah keinginan mereka untuk meniru mereka sebagai seorang manusia yang kecil meniru seorang manusia yang agung.

Dalam peristiwa yang menawar pilihan itu kita berdepan dengan keinginan tabiat semula jadi para isteri Nabi s.a.w. sebagai perempuan yang memang mengingini keni'matan. Di sini juga kita berdepan dengan gambaran kehidupan rumahtangga Nabi s.a.w. dengan para isterinya yang merungut dan mempersoalkan perkara nafqah kepada beliau. Perbuatan itu mengganggu ketenangan beliau, namun begitu beliau tidak menerima kehendak Abu Bakr dan 'Umar r.a. hendak memukul Aisyah dan Hafsah kerana perbuatan itu. Persoalan di sini ialah persoalan perasaan dan keinginan manusia yang bersih dan meningkat ke tahap yang luhur, tetapi perasaan-perasaan itu tetap tidak padam dan terpendam. Demikianlah keadaan mereka sehingga datang perintah Allah menawarkan pilihan kepada mereka. Lalu mereka tetap memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat, dan pilihan itu dibuat mereka tanpa sebarang paksaan dan tekanan. Oleh kerana itu hati Rasul s.a.w. amat bergembira apabila beliau dapati hati para isterinya juga telah berjaya meningkat ke puncak yang luhur, bersih dan gemilang itu.

Kita juga berdepan dengan sentimen manusia yang manis pada hati Rasulullah s.a.w. Beliau amat kasih kepada Aisyah dan mahukan dia meningkat ke taraf nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Oleh kerana itu beliau mulakan dengan 'Aisyah apabila menawarkan pilihan Allah itu. Beliau mahu menolongnya untuk meningkat ke tahap yang luhur dan bersih itu. Beliau meminta kepadanya supaya jangan mengambil keputusan yang terburu-

buru sehingga dia berunding dengan dua orang tuanya sedangkan beliau memang tahu bahawa kedua-dua orang tuanya tidak akan menyuruh dia bercerai dengan beliau sebagaimana telah diterangkan olehnya sendiri. Sentimen yang manis di hati Nabi s.a.w. dapat ditangkap oleh daya kefahaman 'Aisyah, dan kerana itu dia dengan sukacita merakamkannya di dalam percakapannya. Di dalam pencakapan ini juga dapat dilihat dengan jelas bahawa Rasulullah s.a.w. amat sayangkan isterinya yang muda itu dan kerana itu beliau mahukannya supaya meningkatkan dirinya ke tahap hidup yang dihayati dan kekal bersama-sama beliau pada tahap itu, iaitu bersama-sama berkongsi nilai-nilai yang asasi itu di dalam hatinya sebagai nilai-nilai yang dikehendaki Allah untuk beliau dan ahli rumahnya. Begitu juga dapat dilihat dengan jelas bahawa 'Aisyah r.a. adalah seorang isteri yang amat bergembira kerana mendapat tempat yang teguh di dalam hati Rasulullah s.a.w., kerana itu dia dengan sukacita merakamkan kasih sayang beliau terhadap dirinya dan kehendak beliau supaya dia berunding dengan dua orang tuanya untuk memilih puncak yang tinggi dan kekal bersama beliau di puncak yang gemilang itu. Kemudian di sini juga kita dapat diperhatikan perasaan-perasaan keperempuanannya apabila dia meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menceritakan kepada isteri-isterinya yang lain bahawa dia telah memilih beliau apabila ditawarkan pilihan itu. Permintaan ini membayangkan keinginan 'Aisyah r.a. untuk memperlihatkan bahawa dia telah membuat pilihan yang unik dan berbeza di antara pilihan para isteri beliau yang lain atau dengan setengah-setengah isteri beliau yang lain, malah di sini juga kita dapat perhatikan dari satu sudut yang lain keagungan nubuwah yang terkandung dalam jawapan Rasulullah s.a.w. apabila beliau bersabda kepada 'Aisyah r.a.:

"Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan abang untuk memberi kepayahan, tetapi Dia mengutuskan abang untuk memberi kemudahan. Oleh itu tiada seorang pun dari isteri-isteri (abang yang lain) yang menanyakan abang tentang keputusan yang telah dipilih oleh engkau melainkan abang akan ceritakan kepada dia."

Yakni beliau tidak suka menyembunyikan dari mana-mana isterinya sesuatu yang dapat menolong mereka ke arah kebaikan, begitu juga beliau tidak suka mengujikan dengan ujian yang menyukarkan mereka, malah beliau memberi pertolongan kepada setiap isteri yang berkehendakkan pertolongan supaya dia dapat meningkatkan dirinya ke tahap yang luhur dan dapat membebaskannya dari godaan-godaan kesenangan hidup dunia.

Inilah sifat-sifat manusia yang baik yang sayugia kepada kita - ketika menceritakan sirah - jangan menghapuskannya dan jangan mengabaikannya dan seterusnya jangan memperkecilkan nilai-nilai kerana dengan memahami hakikat sifat-sifat inilah dapat menjalinkan satu hubungan yang hidup di antara kita dengan syakhsiyah Rasulullah s.a.w, dan syakhsiyah para sahabatnya r.a., iaitu hubungan yang mengandungi rasa saling simpati dan saling mengerti yang merangsangkan hati untuk mencontohi dan meniru mereka di alam kenyataan.

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Sekarang marilah kita kembali semula kepada nas al-Qur'an setelah membuat selingan ini dan setelah menggariskan nilai-nilai dunia dan Akhirat dan membuktikan hikmat firman Allah: **"Allah tidak menjadikan bagi seseorang itu dua hati di dalam dadanya"** dalam satu gambaran amali yang berlaku di dalam kehidupan Nabi s.a.w. dan ahli rumahnya. Di dalam nas al-Qur'an itu kita dapati ia mula menerangkan balasan khusus yang disediakan kepada para isteri Nabi s.a.w. sesuai dengan kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah yang terpilih:

(30)

30. "Wahai isteri-isteri Nabi! Barang siapa di antara kamu yang melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan azab balasannya dua kali ganda, dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."

(31)

31. "Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."

Itulah tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi selaku para isteri Rasulullah s.a.w. dan selaku ibu-ibu para Muminin. Sifat dan kedudukan inilah yang meletakkan kewajipan-kewajipan yang berat ke atas mereka dan memelihara mereka dari melakukan perbuatan yang keji. Andainya seorang dari mereka melakukan perbuatan yang keji secara terbuka, maka dia akan menerima hukuman azab dua kali ganda. Andaian itu bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab kedudukan mereka yang tinggi itu:

(30)

30. "Dan perkara itu adalah amat mudah kepada Allah."

Kedudukan mereka yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. yang terpilih itu tidak menyukar Allah (untuk menghukum mereka) sebagaimana yang mungkin difikirkan oleh orang-orang yang tertentu.

(31)

31. "Dan barang siapa di antara kamu yang ta'at kepada Allah dan Rasul Nya dan beramal salih Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda, dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."

Amalan-amalan yang salih itu merupakan terjemahan amali dari ketaatan dan kerendahan diri kepada Allah:

31. "Kami akan kurniakan kepadanya pahala amalannya dua kali ganda" sebagaimana balasan azab terhadap mereka digandakan dua kali ganda

(31)

31. "Dan Kami sediakan untuknya rezeki yang amat mulia."

Dan rezeki itu telah pun disediakan untuknya di samping pahala yang berlipat ganda sebagai limpah kurnia dari Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 34)

Kemudian al-Qur'an menerangkan kedudukan istimewa para isteri Rasulullah s.a.w. yang tidak ada pada perempuan-perempuan yang lain dan kewajipan-kewajipan mereka dalam melayani orang ramai, juga kewajipan-kewajipan mereka di dalam amal ibadat. Kemudian al-Quran menerangkan kepada mereka bagaimana Allah memberi ri'ayah istimewa kepada rumahtangga Nabi yang mulia itu dan menjaganya dari segala noda-noda dan dosa dan mengingatkan mereka agar mengingatkan ayat-ayat al-Quran dan hikmat yang dibaca di rumah-rumah mereka yang menjadikan mereka mempunyai tanggungjawab yang khusus dan meletakkan mereka pada kedudukan yang unik di antara seluruh perempuan-perempuan yang lain:

(32)

32. "Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya, dan bercakaplah di dalam perkara yang baik".

(33)

33. "Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita-wanita) di zaman jahiliyah pertama. Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."

(34)

34. "Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dan ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."

Ketika Islam datang, ia dapati masyarakat Arab sama seperti masyarakat-masyarakat yang lain yang wujud pada masa itu iaitu masyarakat yang memandang perempuan hanya sebagai alat keni'matan dan pemuasan-pemuasan hawa nafsu. Oleh kerana itu, dari segi insaniyah, masyarakat itu memandang kaum perempuan dengan pandangan yang rendah.

Begitu juga Islam dapati dalam masyarakat Arab semacam kekacauan di dalam hubungan-hubungan seks dan dapati peraturan kekeluargaannya tidak kukuh sebagaimana telah diterangkan di dalam surah ini

Hal yang sedemikian ditambah pula dengan pandangannya yang rendah terhadap seks, kejatuhan adirasa kecantikan, pemusatan minatnya kepada nafsu fizikal yang kuat dan tidak memberi perhatian kepada kecantikan yang luhur, tenang dan bersih. Semuanya dapat dilihat dengan jelas di dalam sajak-sajak jahiliyah yang berkisar di sekitar tubuh perempuan dan menekankan perhatiannya di sekitar anggota-anggota dan makna-makna yang paling kasar dari tubuh perempuan.

Apabila Islam datang, ia mulai meninggikan pandangan masyarakat terhadap seks dan menekankan sudut insaniyah di dalam hubungan di antara lelaki dan perempuan, kerana hubungan ini bukanlah semata-mata bertujuan untuk memenuhi kelaparan jasad dan memadamkan keinginan nafsu daging dan darah yang kuat, malah hubungan itu merupakan pertalian di antara dua makhluk manusia yang diikatkan dengan kasih sayang. Pertalian ini melahirkan ketenangan dan kesenangan. Pertalian ini mempunyai matlamat yang berhubung kait dengan iradat Allah dalam penciptaan manusia, pembangunan di bumi dan pemerintahan manusia selaku khalifah di bumi dengan Sunnatullah.

Demikian Islam mulai memberi perhatian yang berat kepada pertalian-pertalian keluarga dan menjadikannya sebagai asas peraturan dan penyusunan masyarakat dan mengirakannya sebagai tapak semaian bagi pertumbuhan dan perkembangan generasi-generasi baru manusia. Islam mengadakan jaminan-jaminan untuk melindungi tapak semaian ini dan membersihkan dari segala perasaan dan tanggapan yang mengotori udaranya.

Undang-undang keluarga mengambil ruang yang besar di dalam undang-undang Islam dan ruang yang amat nyata di dalam ayat-ayat al-Qur'an. Di samping mengadakan undang-undang itu, Islam juga sentiasa memberi bimbingan untuk menguatkan asas yang pokok yang menjadi tapak tegak masyarakat terutama mengenai kebersihan jiwa, kebersihan perhubungan di antara lelaki dan perempuan dan memeliharakannya dari segala perbuatan yang tidak senonoh serta membersihkannya dari kerakusan nafsu walaupun di dalam hubungan jasad semata-mata.

Di dalam surah ini, peraturan masyarakat dan urusan keluarga telah mengambil ruang yang besar. Di dalam ayat-ayat yang sedang kita bicarakan sekarang ini terdapat firman-firman yang ditujukan kepada para isteri Nabi s.a.w. Ia memberi arahan dan bimbingan kepada mereka mengenai hubungan mereka

dengan orang ramai terutama mengenai diri mereka sendiri dan hubungan mereka dengan Allah. Allah berfirman kepada mereka:

(33)

33. "Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."

Sekarang marilah kita perhatikan sarana-sarana untuk menghapuskan dosa dan sarana-sarana untuk membersihkan diri yang diterangkan Allah kepada mereka, sedangkan mereka adalah ahlil rumah dan para isteri Nabi s.a.w. yang merupakan wanita-wanita yang paling bersih di antara seluruh wanita-wanita di muka bumi ini dan sedangkan wanita-wanita lain lebih memerlukan kepada sarana-sarana ini dari mereka yang hidup di bawah lindungan dan rumahtangga Rasulullah s.a.w.

Ia dimulai dengan menyedarkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan kelebihan mereka di atas seluruh wanita yang lain. Ia menerangkan bahawa kedudukan mereka adalah satu kedudukan yang unik di antara seluruh wanita di muka bumi ini dengan syarat mereka memenuhi hak-hak tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh kedudukan itu.

32. "Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain, jika kamu bertaqwa."

Kamu berada pada kedudukan yang tidak dikongsi oleh mana-mana perempuan pun, tetapi kedudukan ini hanya dicapai dengan taqwa. Persoalan di sini bukannya persoalan semata-mata wujudnya hubungan yang dekat dengan Rasulullah s.a.w., malah pastilah dilaksanakan hak-hak tanggungjawab hubungan yang dekat itu pada diri mereka sendiri.

Itulah hak tanggungjawab yang berat yang menjadi landasan agama ini. Hak tanggungjawab ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau berseru kepada ahli rumahnya supaya jangan tertipu dengan kedudukan mereka yang dekat dengan beliau, kerana kedudukan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari azab Allah. Sabda beliau:

يا فاطمة ابنة محمد، يا صفية ابنة عبدالمطلب. يا بني عبدالمطلب لا أملك
لكم من الله شيئا. سلوني من مالي ما شئتم (أخرجه مسلم).

"Wahai Fatimah anak Muhammad! Wahai Safiyah anak Abdul Muttalib! Wahai kaum keluarga Mutalib! Aku tidak memiliki apa-apa untuk menyelamatkan kamu dari azab Allah. Mintalah dari hartaku apa yang kamu suka."

(Dikeluarkan oleh Muslim)

Di dalam satu riwayat yang lain.

«يا معشــر قريش أنقـذوا أنفسكم من النار، يـا معشر كعب أنقـذوا أنفسكم من
النار، يـا معشـر بنى هاشم أنقـذوا أنفسكم من النار، يا معشـر بنى عبدالمطلب
أنقذوا أنفســكم من النار، يا فاطمـة بنت محمد أنقذي نفسك من النار فإني والله
لا أملك لكم من الله شيئا إلا أن لكم رحما سأبلها ببلالها» رواه مسلم والترمذى .

"Wahai sekalian kaum Quraysy! Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai kaum keluarga Abdul Muttalib! Selamatkan diri kamu dari api Neraka. Wahai Fatimah binti Muhammad! Selamatkan dirimu dari api Neraka, kerana sesungguhnya aku tidak miliki apa apa untuk menyelamatkan kamu dari azab Allah, kecuali aku hanya mempunyai hubungan rahim dengan kamu yang aku akan basahkannya (peliharakannya di dunia) dengan sewajarnya"

(Riwayat Muslim dan at-Tirmizi)

Setelah menjelaskan kepada mereka tentang kedudukan yang dicapai oleh mereka dengan taqwa itu, maka Allah mulakan dengan menerangkan sarana-sarana yang dikehendaki Allah untuk membersihkan dosa dari ahli rumah Rasulullah s.a.w.:

32. "Oleh itu janganlah kamu bersikap tunduk berlembut semasa bercakap-cakap (dengan lelaki-lelaki asing) hingga menimbulkan keinginan orang yang mempunyai penyakit di dalam hatinya".

Allah melarang mereka apabila mereka bercakap dengan lelaki-lelaki yang asing supaya jangan ada di dalam nada suara mereka sikap tunduk berlemah-lembut yang boleh menimbulkan nafsu berahi pada kaum lelaki dan pada orang-orang yang berniat serong di dalam hati mereka. Siapakah wanita-wanita yang diperingatkan Allah itu? Mereka ialah para isteri Nabi s.a.w. dan ibu-ibu para Mu'minin yang tiada siapa pun berniat serong terhadap mereka sekali imbas pada hemat akal. Di zaman manakah peringatan itu? Di zaman Nabi s.a.w., iaitu zaman angkatan manusia pilihan dari seluruh zaman, tetapi Allah yang menciptakan lelaki dan perempuan itu mengetahui bahawa di dalam suara perempuan — apabila ia bercakap dengan sikap tunduk dan dengan kata-kata yang lemah-lembut — ada tarikan yang boleh menimbulkan nafsu keinginan dan niat yang serong pada hati. Kaum lelaki yang berpenyakit (berniat jahat) memang wujud di semua zaman dan di semua masyarakat terhadap semua perempuan walaupun dia isteri Nabi dan ibu para Mu'minin. Oleh itu kaum perempuan tidak dapat membersihkan diri mereka dari kecemaran dan dosa sehingga mereka menjauhi dari awal-awal lagi segala sebab-sebab yang merangsangkan nafsu yang jahat itu.

Bagaimana pula dengan masyarakat yang kita hayati sekarang ini, iaitu masyarakat di zaman kita yang sakit, kotor dan rendah ini, di mana nafsu keinginan dan niat-niat yang serong (terhadap perempuan) bermaharajalela dan subur? Bagaimana pula dengan kita yang berada di dalam suasana (sekarang), di mana segala sesuatu merangsangkan nafsu keinginan dan menggerakkan syahwat seks? Bagaimana dengan kita yang berada dalam masyarakat dan suasana

sekarang, di mana kaum wanita bercakap dengan nada-nada yang manja dan lembut gemalai. Mereka mengumpulkan segala daya tarikan wanita, segala daya tarikan seks dan segala yang merangsangkan nafsu kemudian mereka lepaskannya di dalam nada-nada dan nyanyian-nyanyian mereka? Di manakah duduknya mereka dari kebersihan dan kesucian? Bagaimanakah kesucian dan kebersihan dapat subur di dalam udara yang kotor itu, di mana tubuh mereka, lenggang-lenggok mereka dan suara mereka merupakan kekotoran dan dosa dan noda yang hendak dibersihkan Allah dari para hamba Nya yang terpilih?

(32)

32. "Dan bercakaplah dalam perkara yang baik."

Allah melarangkan mereka bercakap dengan nada-nada yang lemah-lembut dan dengan gaya yang tunduk, dan di dalam ayat ini pula menyuruh mereka supaya mereka bercakap di dalam perkara-penkara yang baik, kerana maudhu' percakapan juga boleh menimbulkan nafsu sama seperti nada dan gaya bercakap. Oleh itu tidak seharusnya ada - di dalam percakapan di antara lelaki dan perempuan isyarat-isyarat sulit, sindir menyindir dan senda gurau supaya tidak membuka pintu ke arah tujuan yang lain sama ada dekat atau jauh.

Allah S.W.T. selaku Pencipta Yang Maha Mengetahui dengan tabiat-tabiat makhlukNya telah menyampaikan bimbingan ini kepada para ibu Mu'minin yang bersih itu supaya mereka berhati-hati dalam percakapan mereka dengan kaum lelaki di zaman mereka, sedangkan zaman itu merupakan zaman terbaik dari segala zaman.

33. "Dan hendaklah kamu menetap di rumah kamu."

Perintah ini bukanlah bermakna menyuruh mereka supaya tinggal di rumah sahaja tanpa meninggalkannya langsung, malah ia merupakan satu isyarat yang halus agar mereka menjadikan rumah itu tempat yang pokok di dalam kehidupan mereka dan bidang yang lain dari rumah hanya merupakan satu bidang kecuali dan dharurat sahaja, tanpa menetap dan bertungkus lumus. Bidang itu hanya dipenuhi sekadar perlu sahaja.

Rumahtangga itulah tempat perempuan. Di sinilah tempat dia mendapati dirinya berada di tempat yang sebenar seperti yang dikehendaki Allah, iaitu berada dalam keadaan yang tidak terpesong, menyeleweng, kotor dan tidak dibebankan dengan tugas-tugas yang bukan tugas-tugas mereka yang sebenar yang telah disediakan Allah mengikut fitrah mereka

"Oleh kerana Islam mahu mengadakan suasana yang wajar bagi rumahtangga untuk membela dan memelihara kanak-kanak yang dilahirkan di dalamnya, maka Islam telah mewajibkan tanggungan nafkah ke atas lelaki supaya si ibu mendapat tenaga; waktu dan ketenangan yang membolehkannya untuk mengendalikan urusan membela kanak-kanak yang sedang subur itu, juga untuk membolehkannya mewujudkan peraturan, keharuman dan kemanisan rumahtangga. Ibu yang penat bekerja kerana mencari makan, ibu yang penat

dengan tugas-tugas pekerjaan, ibu yang terikat dengan waktu-waktu kerja dan ibu yang menghabiskan daya tenaganya di dalam pekerjaan, tidak dapat memberikan suasana yang selesa dan harum kepada rumahtangga, juga tidak dapat memberikan hak-hak pembelaan yang wajar kepada kanak-kanak yang sedang subur itu. Rumah-rumah pegawai-pegawai wanita dan isteri yang bekerja hanya dapat memberi suasana hotel dan kedai sahaja kepada rumahtangga. Di sana tidak ada bau suasana rumahtangga yang harum. Hakikat rumahtangga tidak wujud melainkan apabila diwujudkan oleh wanita, dan keharuman bau rumahtangga juga tidak wujud kecuali bau itu dilepaskan oleh isteri. Kemesraan rumahtangga juga tidak wujud kecuali rumahtangga itu dikendalikan oleh ibu. Oleh itu perempuan atau isteri atau ibu yang menghabiskan daya tenaga jiwanya di dalam pekerjaan tidak akan dapat mencetuskan suasana di dalam rumahtangga kecuali suasana penat, jemu dan bosan.

"Keluarnya kaum wanita untuk bekerja merupakan satu malapetaka kepada rumahtangga. Mereka hanya boleh berbuat demikian kerana dharurat sahaja, tetapi jika mereka melakukannya dengan sukarela, sedangkan mereka boleh menjauhkannya, maka itu merupakan bala yang akan mengganggu jiwa, hati dan akal di zaman-zaman keruntuhan akhlak, kejahatan dan kesesatan."[8]

Apabila kaum wanita keluar bukan dengan tujuan bekerja, malah dengan tujuan bercampurgaul melakukan pekerjaan-pekerjaan hiburan, membuang masa di kelab dan perhimpunan-perhimpunan sosial, maka ia merupakan suatu kejatuhan di dalam lumpur yang mengembalikan manusia ke padang ragut binatang.

Perempuan di zaman Rasulullah s.a.w. keluar ke masjid menunaikan solat tanpa dilarang oleh syara', tetapi zaman itu adalah zaman kesucian dan taqwa. Mereka keluar sembahyang dengan berkelubung. Tiada seorang pun yang mengenali mereka dan tiada sesuatu pun yang menampakkan kecantikan-kecantikan tubuh badan mereka, namun demikian Siti 'Aisyah r.a. tidak berkenan mereka keluar menunaikan solat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari 'Aisyah r.a. katanya: Dahulu perempuan-perempuan Mu'minat hadir bersembahyang Subuh bersama-sama Rasulullah s.a.w kemudian mereka pulang berkelubung dengan kain-kain panjang mereka tanpa dikenali kerana gelap.

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim lagi bahawa 'Aisyah telah berkata: Jika Rasulullah s.a.w. mengetahui apa yang dilakukan oleh perempuan-perempuan (sekarang) tentulah beliau melarang mereka keluar ke masjid-masjid sebagaimana dilarangkan perempuan-perempuan Israel.

Apakah yang telah dilakukan oleh perempuan-perempuan semasa hidup Siti 'Aisyah r.a. itu? Apakah yang mungkin dilakukan mereka sehingga dia berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w. akan melarang mereka keluar bersembahyang? Apakah yang dilakukan mereka dibandingkan dengan apa yang dilakukan oleh perempuan-perempuan yang kita lihat pada hari ini?

---

[8] *Dipetik dari buku "* *" bab "* *"*

33. “Dan janganlah kamu mendedahkan diri seperti pendedahan (wanita wanita) di zaman jahiliyah pertama.”

Mereka jangan berbuat begitu apabila mereka terpaksa keluar setelah diperintah supaya mereka tinggal di rumah itu sahaja. Di zaman jahiliyah dahulu perempuan mendedahkan diri mereka, tetapi semua gambaran yang diceritakan mengenai pendedahan perempuan di zaman jahiliyah itu masih kelihatan bersahaja atau sopan jika dibandingkan dengan pendedahan perempuan di zaman ini iaitu zaman jahiliyah kita sekarang.

Ujar Mujahid: Dahulu perempuan keluar berjalan di antara kaum lelaki. Itulah pendedahan perempuan di zaman jahiliyah.

Ujar Qatadah: Dahulu perempuan berjalan berlenggang-lengguk untuk menarik perhatian lelaki, lalu Allah Ta’ala melarang mereka berbuat demikian.

Ujar Muqatil ibn Hayyan: Pendedahan atau Tabarruj ialah meletakkan kain kelubung di atas kepala tanpa mengikatkannya, lalu menampakkan rantai lehernya, subangnya dan bahagian lehernya. Semuanya nampak belaka. Itulah pendedahan.

Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Dahulu perempuan lalu di antara kaum lelaki dengan mendedahkan dadanya tanpa dilindungi sesuatu apa. Kadang-kadang dia menampakkan lehernya, rambut di hadapan kepalanya dan subang-subang telinganya, lalu Allah menyuruh perempuan-perempuan yang beriman supaya melindungkan diri mereka dalam semua keadaan.

Itulah gambaran-gambaran pendedahan atau tabarruj di zaman jahiliyah yang dibicarakan al-Quranul Karim untuk membersihkan masyarakat Islam dari kesan-kesannya dan untuk menghindarkannya dari segala faktor tarikan dan godaan wanita, juga untuk meninggikan adab sopannya, kefahaman-kefahamannya perasaannya dan adirasanya.

Kami katakan: Mengenal adirasanya kerana adirasa manusia yang hanya tertarik kepada kecantikan badan yang bogel adalah adirasa yang primitif dan kasar dan adirasa ini tidak syak lagi lebih rendah dari adirasa yang tertarik dengan kecantikan yang sopan dan tenang iaitu kecantikan yang membayangkan kecantikan jiwa, kecantikan kesucian diri dan kecantikan perasaan.

Ukuran ini adalah satu ukuran yang tepat tidak meleset untuk mengetahui ketinggian dan kemajuan tanah insaniyah. Kesopanan merupakan kecantikan haqiqi yang luhur, tetapi kecantikan yang luhur ini tidak dapat difahami orang yang mempunyai adirasa jahiliyah yang kasar, yang hanya melihat kecantikan pada daging yang bogel dan hanya dapat mendengar panggilan keinginan daging yang kasar.

Ayat ini memberi isyarat kepada pendedahan perempuan di zaman jahiliyah. Ia menyarankan bahawa pendedahan wanita itu adalah dari sisa-sisa peninggalan jahiliyah yang sepatutnya bagi orang yang telah melewati zaman - itu meningkatkan kefahaman-kefahamannya, cita-citanya dan perasaan-perasaannya

lebih tinggi dari kefahaman-kefahaman, cita-cita dan perasaan-perasaan jahiliyah itu.

Jahiliyah bukanlah satu masa yang tertentu dari sesuatu zaman, malah ia adalah satu keadaan sosial yang tertentu yang mempunyai kefahaman-kefahaman yang tertentu terhadap hidup. Keadaan dan kefahaman ini mungkin terdapat pada mana-mana zaman dan tempat, kerana itu ia menjadi penunjuk atau bukti jahiliyah di mana sahaja ia didapati.

Dengan ukuran ini kita dapati bahawa kita sekarang sedang hidup dalam satu masa jahiliyah yang buta, berhati kasar, berkefahaman hayawaniyah dan terjerumus ke lembah kehinaan. Dengan ukuran ini kita dapat memahami bahawa kesucian diri dan keberkatan tidak mungkin wujud di dalam masyarakat yang hidup seperti ini, yang tidak mengamalkan sarana-sarana pembersihan diri yang dijadikan Allah sebagai alat untuk manusia membersihkan diri mereka dari kekotoran dan pendedahan zaman jahiliyah. Mereka yang mula-mula mengambilkan sarana-sarana ini ialah ahli rumah Nabi s.a.w. yang sememangnya suci dan bersih belaka.

Al-Qur'anul-Karim mengarah para isteri Nabi s.a.w. supaya mengamalkan sarana-sarana itu kemudian ia mengikatkan hati mereka dengan Allah dan mengangkatkan pandangan mereka ke arah kemuncak yang bersih dan gemilang untuk mengambil nur hidayat dan pertolongan Ilahi untuk mendaki kemuncak yang bersih dan gemilang itu:

33. "Dan dirikanlah solat serta keluarkan zakat dan ta'atlah kepada Allah dan RasulNya."

Ibadat kepada Allah tidak terpisah dari tatalaku sosial atau akhlak di dalam kehidupan, malah ibadat merupakan jalan untuk meningkatkan diri ke taraf yang gemilang itu. Ia merupakan bekalan bagi orang yang berjalan menuju jalan Allah. Seseorang itu pastilah mempunyai hubungan dengan Allah untuk mendapat pertolongan Ilahi dan bekalan dan untuk membersihkan hatinya. Dia pasti mempunyai hubungan dengan Allah supaya ia dapat meningkatkan dirinya ke taraf yang mengatasi adat kebiasaan manusia, tradisi-tradisi masyarakat dan tekanan alam sekitar, dan supaya dia merasa bahawa dia lebih mendapat hidayat dan lebih tinggi dari manusia dan masyarakat, juga supaya dia merasa benar-benar layak untuk memimpin orang-orang lain menuju nur hidayat bukannya dipimpin oleh orang-orang lain menuju kepada kegelapan dan jahiliyah yang akan menenggelamkan kehidupan manusia apabila mereka menyimpang dari jalan Allah.

Islam merupakan satu kesatuan yang mengumpul syi'ar-syi'ar ibadat, adab-adab cara dan akhlak, undang-undang dan peraturan. Seluruhnya berada di dalam 'aqidah dan tiap-tiap satunya berperanan untuk merealisasikan 'aqidah dan semuanya selaras menuju satu haluan. Dari kesatuan dan keselarasan inilah tegaknya entiti agama dan tanpa kedua-duanya entiti Islam tidak akan wujud.

Oleh sebab itulah perintah mendirikan solat, mengeluarkan zakat, taat kepada Allah dan Rasul-Nya itu merupakan penamat arahan-arahan membentuk kesedaran, akhlak dan tatalaku yang ditujukan kepada ahli rumah Rasulullah s.a.w. yang mulia itu, kerana arahan-arahan itu tidak dapat ditegakkan tanpa amalan ibadat dan kecacatan. Semuanya itu untuk merealisasikan hikmah, tujuan dan matlamat iaitu:

(33)

33. "Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya."

Ungkapan ini mengandungi berbagai-bagai saranan yang membayangkan kasih mesra Ilahi (terhadap Ahlil-Bait).

Allah menamakan mereka Ahill-Bait (ahli rumah) tanpa sifat dan tambahan yang lain kepada rumah itu seolah-olah rumah itu hanya sebuah rumah sahaja di alam ini yang mempunyai sifat ini. Apabila disebut sahaja bait maka semua orang mengenalinya sama seperti mereka mengenali Kaabah apabila dipanggil Baitullah, Baitul al-Haram dan al-Bait. Oleh itu ungkapan Ahlil-Bait itu merupakan suatu penghormatan dan keistimewaan yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w.

Allah berfirman:

(33)

33. "Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghapuskan dosa dari kamu, wahai Ahlil-Bait, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya"

Dalam ungkapan ini terselit kemesraan Ilahi yang menjelaskan sebab dan tujuan perintah-perintah itu, iaitu kemesraan Ilahi yang membuat Ahlil-Bait itu merasa bahawa Allah Yang Maha Tinggi sendiri yang mengendalikan pembersihan diri mereka dan menghapuskan segala noda dan dosa dari mereka. Itulah ri'ayah Ilahi secara langsung terhadap Ahlil-Bait. Apabila kita mengetahui bahawa yang mengeluarkan kenyataan itu ialah Allah Pencipta alam buana Yang Maha Mulia, Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Agung, maka tahulah kita betapa tingginya penghormatan Ilahi itu.

Allah S.W.T. membuat kenyataan ini dalam kitab suci-Nya yang dibaca di alam Al-Mala'ul-A'la dan dibaca di bumi di setiap tempat dan waktu, di mana berjuta-juta manusia yang beribadat dengannya dan berjuta bibir yang menyebutnya.

Akhirnya Allah jadikan perintah-perintah dan arahan-arahan itu sebagai sarana untuk menghapuskan noda dan dosa yang boleh mencemarkan rumahtangga Rasulullah s.a.w.. Pembersihan itu merupakan usaha membersih dan menghapuskan kekotoran dan kecemaran yang dilakukan dengan sarana-sarana yang diamal dan dilaksanakan manusia dalam kehidupan mereka di alam kenyataan. Inilah jalan Islam iaitu mewujudkan kesedaran dan taqwa di dalam hati, tingkahlaku dan amalan di dalam kehidupan. Hanya dengan kedua-dua inilah sahaja sempurnanya keislaman seorang dan terlaksananya matlamat dan tujuan Islam di dalam hidup manusia.

Arahan-arahan kepada para isteri Rasulullah s.a.w itu ditamatkan dengan mengingatkan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi dan istimewa di sisi Rasulullah s.a.w., iaitu menjadikan rumah mereka sebagai tempat turunnya al-Quran (tempat lahirnya hikmat (hadith), tempat terbitnya nur hidayat dan iman:

(34)

34. "Dan ingatlah apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dan ayat-ayat Allah dan hikmat (hadith-hadith Rasul), sesungguhnya Allah adalah Maha Halus (tadbir-Nya) dan Maha Pakar."

Itulah limpah kurnia Ilahi yang amat besar dan cukuplah bagi seorang merasakan kebesaran nikmat itu dan kehalusan ciptaan Allah pada ni'mat dan kelimpahan ni'mat yang tiada tolok bandingnya itu.

Peringatan yang seperti ini juga terdapat pada akhir firman Allah yang menawarkan pilihan kepada para isteri Nabi s.a.w. di antara keni'matan hidup dunia dan hiasannya dengan memilih Allah, Rasul-Nya dan negeri Akhirat. Di sini ketaralah betapa besarnya ni'mat Allah terhadap mereka dan betapa kerdilnya keni'matan hidup dunia dengan segala kemewahan dan hiasannya.

(Pentafsiran ayat 35)

Dalam rangka usaha membersihkan masyarakat Islam dan menegakkan kehidupannya di atas landasan nilai-nilai yang dibawa Islam yang mencakupi lelaki dan perempuan, maka al-Quran menyebut sifat-sifat yang dapat menegakkan nilai-nilai itu dengan terperinci:

(35)

35. "Sesungguhnya lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Muslim, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang Mu'min, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang taat, lelaki-lelaki dan perempuan perempuan yang bercakap benar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang sabar, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang khusyu, lelaki lelaki dan perempuan-perempuan yang bersedekah, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang berpuasa, lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang memelihara anggota kelamin dan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan yang banyak mengingati Allah itu adalah telah disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."

Sifat-sifat yang terkumpul di dalam ayat ini adalah sifat-sifat yang bekerjasama dalam membentukkan jiwa Muslim iaitu Islam, iman, taat, bercakap

benar, sabar, khusyu, bersedekah, berpuasa, memelihara anggota kelamin dan banyak menyebut Allah. Tiap-tiap sifat ini mempunyai nilainya masing-masing dalam pembentukan syakhsiyah Muslim.

Ciri keislaman ialah menyerah diri, ciri keimanan ialah tasdiq, dan di antara keduanya terdapat hubungan yang rapat atau salah satunya merupakan muka yang kedua kepada muka yang satu lagi. Penyerahan diri adalah hasil tasdiq kerana tasdiq yang sebenar melahirkan penyerahan diri kepada Allah.

Ciri keta'atan adalah hasil dari keislaman dan keimanan yang lahir dari hati yang redha bukannya dari paksaan luar.

Ciri bercakap benar ialah sifat yang mengeluarkan orang-orang yang tidak bersifat dengannya dari barisan umat Muslimin kerana firman Allah:

105. "Orang yang mengada-adakan pembohongan itu hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah."

(Surah an-Nahl)

Oleh itu pembohong adalah dibuang dari barisan umat Muslimin yang bercakap benar.

Sabar ialah sifat (yang perlu kepada seorang Muslim) kerana tanpa sifat ini dia tidak berdaya menjunjung aqidahnya dan melaksanakan komitmen-komitmennya. Aqidah Islam memerlukan seorang itu sabar di dalam setiap langkahnya, sabar menahan hawa nafsunya, sabar menempuh kesulitan-kesulitan da'wah dan penindasan manusia, sabar menghadapi kecurangan, kelemahan, penyelewengan dan keragaman manusia, sabar menghadapi ujian, dugaan dan fitnah dan sabar menghadapi kesenangan dan kesusahan, kerana kesabaran ketika mendapat kesenangan dan kesusahan itu amat sulit dan sukar.

Ciri khusyu' ialah sifat hati dan anggota yang menunjukkan hati itu tunduk kepada kebesaran Allah, merasakan kehebatan-Nya dan bertaqwa kepadaNya.

Ciri bersedekah ialah tanda kebersihan diri dari kebakhilan, tanda adanya kasihan belas terhadap manusia, tanda adanya semangat perpaduan dan saling membantu di dalam kelompok Muslimin. Ia juga merupakan penunaian terhadap hak tanggungjawab harta dan pernyataan kesyukuran kepada Allah yang mengurniakan nimat.

Ciri berpuasa: Ayat ini telah menjadikan ibadat puasa sebagai salah satu sifat-sifat asasi. Ini menunjukkan puasa itu adalah satu kesanggupan yang berterusan dan tetap, iaitu kesanggupan mengatasi kehendak-kehendak keperluan dan kesabaran menahankan diri dari keperluan-keperluan hidup yang utama. Ia juga merupakan pernyataan iradat (yang gigih) dan pernyataan bahawa sifat insaniyah pada makhluk manusia ini mengatasi sifat haiwaniyahnya.

Ciri memelihara anggota kelamin termasuk membersih dan mengawal diri dari dorongan nafsu keinginan yang paling kuat dan mendalam dalam struktur kejadian manusia. Hanya orang yang bertaqwa sahaja yang dapat mengawal desakan keinginan ini. Ia juga mencakupi usaha mengatur hubungan lelaki dan

perempuan dan meningkatkan matlamat yang lebih tinggi dari kepuasan nafsu semata-mata dalam hubungan lelaki dan perempuan serta menundukkan hubungan itu kepada kehendak syariat Allah dan kepada hikmat dan tujuan yang tinggi dari penciptaan lelaki dan perempuan, iaitu hikmat dan tujuan untuk mengimarahkan bumi dan meninggikan kehidupan manusia.

Ciri banyak menyebut Allah merupakan rantai hubungan di antara seluruh kegiatan seorang dengan 'aqidah dan kepercayaannya kepada Allah. Ia membuat hati terkenang kepada Allah di setiap saat. Fikiran dan gerak-gerinya tidak pernah putus dari rantai hubungan yang kukuh dengan Allah. Hatinya disirami kemanisan zikir yang mencurahkan nur hidayat dan membangkitkan hayat padanya.

Orang-orang yang terkumpul pada diri mereka sifat-sifat ini iaitu sifat-sifat yang berkerjasama membentuk syakhsiyah Muslimin yang sempurna itu, maka untuk mereka:

(35)

35. "Disediakan Allah untuk mereka keampunan dan pahala yang amat besar."

Demikianlah ayat ini menyebut sifat-sifat am Muslimin dan Muslimat dan asas-asas syakhsiyah mereka setelah ia menyebut sifat-sifat khusus para isteri Nabi s.a.w.. pada awal pusingan surah ini. Di dalam ayat ini perempuan disebut di samping lelaki sebagai sebahagian dari usaha Islam untuk meningkatkan nilai kaum perempuan dan meninggikan pandangan terhadap mereka di dalam masyarakat serta memberikan kepada mereka tempat yang sama di samping lelaki dalam hubungan mereka dengan Allah dan dalam tugas-tugas kewajipan agama, iaitu tugas-tugas membersihkan diri, membuat amal ibadat dan berkelakuan yang baik dan lurus di dalam kehidupan.

(Kumpulan ayat-ayat 36 - 48)

(36)

36. Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan — apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara — membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata.

(37)

37. Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana.

(38)

38. Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagal Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana.

(39)

39. Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab.

(40)

40. Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

(41)

41. Wahai orang-orang yang beriman! Sebutlah Allah dengan sebutan yang banyak.

(42)

42. Dan bertasbihlah kepada-Nya pagi dan petang.

(43)

43. Dialah yang mencucurkan rahmat ke atas kamu dan malaikat-malaikatNya (juga turut mendo'akan rahmat ke atas kamu) kerana Dia hendak mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada nur, dan Allah adalah Maha Pengasih terhadap para Mu'minin.

(44)

44. Ucapan penghormatan untuk mereka pada hari mereka menemuiNya ialah 'selamat sejahtera', dan Allah telah menyediakan untuk mereka pahala yang melimpah-ruah.

(45)

45. Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau sebagai saksi, sebagai penyampai berita gembira dan sebagai penyampai ajaran.

(46)

46. Juga sebagai penda'wah kepada Allah dengan perintah-Nya dan sebagai lampu yang terang.

(47)

47. Dan sampaikanlah berita gembira kepada para Mu'minin bahawa mereka akan memperolehi dari Allah limpah kurnia yang amat besar.

(48)

48. Dan janganlah engkau turut kehendak orang-orang kafir dan orang-orang Munafiq. Dan janganlah engkau hiraukan gangguan-gangguan mereka serta berserahlah kepada Allah dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penjaga (kamu).

Pelajaran ini merupakan satu pusingan yang baru dalam usaha mengatur semula peraturan masyarakat Islam di atas asas kefahaman Islam, iaitu peraturan yang berkaitan dengan penghapusan peraturan anak angkat yang telah diterangkan di permulaan surah. Kehendak Allah telah menugaskan Rasulullah s.a.w. sendiri untuk menghapuskan peraturan ini dari segi amali. Dahulu adat orang-orang Arab mengharamkan perkahwinan dengan bekas isteri anak angkat sama dengan pengharaman berkahwin dengan bekas isteri anak kandung. Orang-orang Arab tidak sanggup menghalalkan perkahwinan dengan bekas-bekas isteri anak angkat kecuali ada sesuatu contoh yang membenarkan peraturan yang baru ini. Kita akan melihat dari kedudukan Nabi s.a.w. yang menghadapi ujian ini, di mana selain beliau tiada seorang pun yang sanggup memikul tugas yang amat berat ini dan menghadapi masyarakat dengan tindakan yang luar biasa dari adat masyarakat itu. Kita juga akan melihat ulasan-ulasan terhadap peristiwa itu adalah ulasan yang panjang untuk mengikatkan hati kepada Allah dan untuk

menerangkan hubungan kaum Muslimin dengan Allah dan Rasulullah serta tugasnya di kalangan mereka. Semuanya ini untuk memudahkan proses perubahan peraturan itu diterima oleh mereka dan untuk memujuk hati mereka supaya menerima perintah dan penyusunan semula peraturan masyarakat ini dengan sukarela dan patuh.

Sebelum peristiwa ini telah pun dijelaskan dasar bahawa segala keputusan adalah terserah kepada Allah dan Rasul dan tidak seharusnya kepada orang yang beriman lelaki dan perempuan membuat keputusan sendiri apabila Allah telah menetapkan keputusan mengenai urusan-urusan mereka. Ini menunjukkan betapa sukarnya perubahan peraturan ini kerana ia bertentangan dengan adat orang Arab yang kuat.

(Pentafsiran ayat 36)

(36)

36. "Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan — apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara — membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka, dan barang siapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat nyata."

Menurut riwayat, ayat ini diturun mengenai peristiwa Zainab binti Jahsy apabila Nabi s.a.w.. hendak merobohkan perbezaan kelas yang diwarisi turun-temurun di dalam masyarakat Islam dan mengembalikan mereka menjadi sama rata seperti gigi-gigi sisir, di mana tiada kelebihan bagi seorang ke atas orang yang lain melainkan dengan taqwa. Golongan maula[7] iaitu golongan hamba-hamba yang telah dibebaskan merupakan golongan yang lebih rendah dari golongan tuanmas. Di dalam golongan ini termasuk Zaid ibn Harithah bekas hamba Rasulullah s.a.w. yang telah dijadikannya sebagai anak angkat beliau. Rasulullah s.a.w. mahu mewujudkan persamaan taraf yang sempurna dengan mengahwinkan Zaid dengan seorang wanita bangsawan dari Bani Hasyim dari keluarga beliau sendiri iaitu Zainab binti Jahsy. Beliau mahu menghapuskan perbezaan kelas itu di dalam keluarga beliau sendiri, kerana perbezaan ini begitu mendalam dan kuat (dalam masyarakat Arab) hingga tidak dapat dihapuskan melainkan dengan tindakan dari Rasulullah s.a.w. sendiri agar menjadi contoh dan teladan kepada kaum Muslimin dan agar umat manusia mengikut jejaknya dalam persoalan ini.

Ibn Kathir telah meriwayatkan di dalam tafsirnya katanya: Ujar al-Aufi dan Ibn 'Abbas r.a.: Firman Allah Taala:

(36)

cerita itu begini, Rasulullah s.a.w.. keluar meminang untuk anak muda (peliharaannya) Zaid ibn Harithah r.a., lalu beliau masuk menemui Zainab binti Jahsy al-Asadiyah lalu meminangnya. Jawab Zainab: "Saya tidak mahu berkahwin dengannya!" Ujar Rasulullah s.a.w.: "Bahkan hendaklah engkau berkahwin dengannya Zainab: "Wahai Rasulullah! Adakah saya diperintah mengenai diri saya'" Semasa kedua-duanya sedang bencakap tiba tiba Allah menurunkan (ayat tadi) kepada Rasulullah s.a.w. Lalu Zainab berkata: "Adakah anda redhakan perkahwinan ini untuk saya, wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Ya". Ujar Zainab: "Jika begitu, saya tidak akan melanggar kehendak Rasulullah. Sesungguhnya saya nikahkan diri saya dengannya"

Ujar Ibn Lahi'ah dari Abu 'Umnah dari 'Ikramah dari Ibn 'Abbas r.a.. katanya: Rasulullah s.a.w.. telah meminang Zainab binti Jahsy untuk Zaid ibn Harithah r.a., lalu dia menolak dan berkata: "Saya lebih baik dari dia" Dia adalah seorang perempuan yang mudah tersinggung lalu Allah menurunkan (ayat tadi).

Demikianlah kata Mujahid, Qatadah dan Muqatil ibn Hayyan bahawa ayat tadi adalah turun mengenai Zainab binti Jahsy r.a. dia dipinang oleh Rasulullah untuk maulanya Zaid ibn Harithah r.a.. Pada mulanya dia menolak kemudian akhirnya dia menerimanya.

Ibn Kathir juga telah meriwayat satu riwayat yang lain katanya: Ujar Abdul Rahman ibn Zaid ibn Aslam. Ayat (tadi) diturun mengenai Ummu Kalthum binti 'Aqabah ibn Abu Muayt r.a. Dia adalah wanita pertama yang berhijrah selepas Perjanjian al-Hudaybiyah, lalu dia memberikan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berkata: "Aku terima." Lalu beliau kahwinkannya dengan Zaid ibn Harithah r.a. (yakni — Wallahu a'alam — selepas dia berpisah dengan Zainab), lalu dia dan saudaranya marah dan berkata :"Kami mahukan Rasulullah s.a.w.. sendiri, tetapi kami dikahwinkan dengan hambanya! Kata rawi: Lalu turunlah (ayat tadi) hingga akhirnya. Katanya lagi: Satu perintah yang lebih umum dari ini telah pun datang iaitu:

6. "Nabi itu lebih menjaga (kebaikan) orang-orang yang beriman dari diri mereka sendiri."

Katanya ayat tadi khusus dan ayat ini lebih umum.

Di dalam riwayat yang ketiga, ujar Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Abdur Razzaq, kami telah dikhabarkan oleh Ma'mar dari Thabit Al-Bannani dari Anas r.a. katanya: Nabi s.a.w.. telah meminang untuk Julaybib[9] seorang wanita dari kaum Ansar. Beliau membuat pinangan kepada bapanya, lalu dia berkata: "Nanti saya berunding dengan ibunya."Jawab Nabi s.a.w.. "Baiklah:" Kata rawi, lelaki itu pun pergi menemui isterinya dan menyebut perkara pinangan itu kepadanya, lalu isterinya berkata: "Tidak, ya Allah, jadi". Rasulullah s.a.w. tidak mendapat orang lain melainkan hanya Julaybib, sedangkan sebelum ini kami telah menolak pinangan si anu dan si anu. Kata rawi: Anak gadisnya yang sedang bersembunyi itu mendengar pembicaraan itu. Lalu lelaki itu hendak keluar untuk

[9] *Dari golongan bekas hamba (maula)*

memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. mengenai keputusan itu, tiba-tiba anak gadis itu berkata: Adakah bapa dan ibu hendak menolak pinangan Rasulullah s.a.w.? Jika beliau redhakan orang itu (Julaybib) untuk bapa dan ibu, maka kahwinkanlah saya dengannya. Kata rawi: Seolah-olah gadis itu berlepas diri dari keputusan dua orang tuanya. Lalu kedua-duanya berkata: "Katamu itu benar" Lalu bapanya pergi menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepadanya: "Jika andâ redhakan orang itu, maka kami juga redhakannya" Jawab Rasulullah s.a.w. "Sesungguhnya aku telah redhakannya." Kata rawi: Lalu beliau pun mengahwinkannya." Kemudian penduduk Madinah diminta pertolongan (kerana menghadapi satu peperangan), lalu Julaybib pun menunggang (keluar berjuang), dan akhirnya mereka dapatinya gugur syahid dan di sekelilingnya terdapat mayat-mayat orang Musyrikin yang telah dibunuh olehnya. Kata Anas r.a.: "Aku telah melihat isteri Julaybib dan sesungguhnya rumahnya adalah rumah yang paling banyak menerima pinangan di Madinah."

Riwayat-riwayat ini — jika sahih — telah menghubungkan ayat ini dengan peristiwa perkahwinan Zainab dengan Zaid r.a. atau dengan peristiwa perkahwinan Zaid dengan Ummu Kalthum binti 'Aqabah ibn Abu Mu'ait.

Kami telah mengemukakan riwayat yang ketiga mengenai Julaybib kerana ia menunjukkan cara pemikiran masyarakat (di zaman itu) yang mahu dihancurkan oleh Islam, dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah bertindak mengubahkan cara pemikiran itu dengan perbuatan dan Sunnahnya sebagai sebahagian dari rangka usaha menyusun semula peraturan masyarakat Islam di atas asas pemikiran Islam yang baru dan kefahamannya terhadap nilai-nilai di bumi ini juga untuk mencetuskan semangat kemerdekaan yang dilandaskan di atas sistem hidup Islam yang diambil dari semangatnya yang agung.

Tetapi ayat ini merupakan satu nas yang lebih umum dari mana-mana peristiwa yang tertentu. Mungkin juga ia mempunyai hubungan dengan tindakan menghapuskan kesan-kesan mengambil anak angkat dan menghalalkan isteri-isteri anak angkat yang telah dicerai, juga dengan peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a. setelah dia bercerai dengan Zaid, iaitu peristiwa yang menimbulkan satu kegemparan yang besar pada masa itu dan masih terus digunakan oleh musuh-musuh Islam sebagai alasan untuk memburuk-burukkan Rasulullah s.a.w.. Mereka telah mengadakan berbagai-bagai kisah dongeng yang karut di sekitar peristiwa itu.

Sama ada yang menjadi sebab turunnya ayat ini ialah peristiwa-peristiwa yang disebut oleh riwayat-riwayat tadi atau peristiwa perkahwinan Rasulullah s.a.w. dengan Zainab r.a., namun dasar yang dijelaskan oleh ayat tadi adalah lebih umum, lebih mencakupi dan lebih mendalam di dalam jiwa kaum Muslimin, kehidupan mereka dan pemikiran mereka yang tulen.

Inilah satu asas dari asas-àsas 'aqidah Islam yang telah tertanam di dalam hati angkatan kaum Muslimin yang pertama. Ia tertanam dengan amat kukuh. Ia diyakinkan oleh jiwa mereka dan ia mempengaruhi perasaan-perasaan mereka. Intisari dari asas ini ialah mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun di atas diri mereka dan urusan mereka, malah mereka dan segala apa yang ada di dalam milik mereka adalah di bawah kekuasaan Allah. Allah memilih dan mengendalikan

mereka mengikut kehendak iradat-Nya. Mereka tidak lebih dari merupakan sebahagian dari alam buana yang berjalan mengikut undang-undang yang umum, sedangkan Allah Pencipta dan Pentadbir alam buana inilah yang menggerakkan mereka bersama-sama pergerakan alam buana yang besar. Dialah yang membahagikan peranan-peranan kepada mereka masing-masing di dalam cerita alam buana yang besar ini. Dialah yang menentukan gerak langkah mereka di atas pentas alam al-wujud yang besar ini. Mereka tidak mempunyai kuasa memilih peranan yang dilakunkan mereka kerana mereka tidak mengetahui cerita itu dengan sepenuhnya. Mereka juga tidak mempunyai kuasa untuk memilih gerak langkah yang disukai mereka kerana apa yang disukai mereka mungkin tidak sesuai dengan peranan yang ditentukan untuk mereka, kerana mereka bukannya pengarang cerita itu dan bukan pula tuan punya panggung itu. Mereka hanya para pengambil upah yang mendapat upah dari kerja-kerja mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam hasil natijah cerita itu.

Ketika itu barulah mereka menyerahkan diri mereka kepada Allah dengan penyerahan yang sebenar-benarnya. Mereka menyerahkannya dengan segala apa yang ada pada diri mereka. Mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa pun terhadap diri mereka. Ketika itulah jiwa mereka menjadi betul dan selaras dengan fitrah seluruh alam buana. Ketika itu barulah gerak-geri mereka menjadi betul dan selaras dengan pergerakan umum alam buana. Mereka berjalan mengikut jalan peredaran mereka masing-masing sebagaimana planet-planet dan bintang-bintang berjalan mengikut jalan peredaran masing-masing tiada satu pun yang cuba menyimpang dari jalan itu atau cuba berjalan lebih cepat atau lambat dalam peredarannya bersama pergerakan seluruh alam buana itu.

Ketika itu barulah hati mereka redha dengan apa sahaja qadha' qadar yang ditentukan Allah kepadanya, kerana perasaan batin mereka benar-benar merasa bahawa takdir Allah itulah yang mengendalikan segala sesuatu, segala manusia, segala peristiwa dan segala keadaan. Mereka menerima takdir Allah terhadap mereka dengan ma'rifat yang memberi kefahaman, kerehatan, kepercayaan dan ketenteraman.

Sedikit demi sedikit mereka tidak lagi merasa terkejut dengan takdir Allah apabila menimpa mereka. Mereka tidak lagi merasa terperanjat dan sedih yang boleh diubati dengan kesabaran. Malah mereka ini takdir Allah dengan sambutan orang yang arif dan orang yang menunggu sesuatu yang biasa dan diketahui di dalam hatinya tanpa menimbulkan rasa terperanjat, gentar dan ta'jub.

Oleh kerana itu mereka tidak lagi menuntut supaya dipercepatkan perjalanan cakerawala kerana mereka hendak melakukan sesuatu yang dikehendakinya dan tidak pula menuntut peristiwa-peristiwa itu diperlambatkan kerana mereka mempunyai hajat untuk mendapatkan sesuatu walaupun hajat itu ialah untuk menolong da'wah mereka dan menegakkannya, malah mereka meneruskan perjalanan mereka bersama ketetapan-ketetapan Allah yang menyampaikan ke tempat yang ditetapkannya. Mereka menerima ketetapan-ketetapan itu dengan redha dan tenang. Mereka mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka; nyawa, tenaga dan harta benda tanpa tergopoh-gapah, tanpa merasa bosan, tanpa membangkit-bangkit, tanpa berbangga-bangga, tanpa

menyesal dan bersedih. Mereka yakin bahawa mereka sedang melakukan sesuatu yang telah ditetapkan Allah supaya mereka melakukannya dan bahawa apa yang dikehendaki Allah itulah yang tetap berlaku dan bahawa segala sesuatu itu bergantung dengan waktu yang telah ditentukan.

Itulah penyerahan diri yang mutlaq kepada tangan kekuasaan Allah agar memimpin langkah-langkahnya dan mengaturkan pergerakannya, sedangkan mereka penuh yakin kepada kepimpinan dan merasa begitu aman, percaya dan tenteram dan berjalan bersamanya dengan selesa mudah dan lemah lembut.

Namun demikian, mereka melakukan apa sahaja yang terdaya oleh mereka dan mengorbankan apa sahaja yang ada pada mereka. Mereka tidak membuang waktu dan daya tenaga mereka. Mereka tidak meninggalkan segala ikhtiar dan wasilah. Kemudian mereka tidak memberatkan diri mereka dengan perkara-perkara yang tidak mampu dilakukan mereka. Mereka tidak keluar dari sifat-sifat mereka sebagai manusia, iaitu sifat-sifat biasa manusia dan ciri-ciri lemah dan kuat yang ada pada mereka. Mereka tidak mendakwa mempunyai perasaan-perasaan dan daya tenaga yang tidak ada pada diri mereka. Mereka tidak suka dipuji kerana kerja-kerja yang tidak dilakukan mereka dan tidak mereka berkata berlainan dari apa yang dibuat mereka.

Inilah imbangan di antara penyerahan diri yang mutlaq kepada takdir Allah dan bekerja keras dengan menggunakan segala daya tenaga dan berhenti dengan tenang pada tahap usaha yang mampu dilakukan mereka. Itulah imbangan yang menjadi sifat istimewa yang tenterap di dalam kehidupan angkatan Muslimin yang pertama, malah inilah sifat yang melayakkan mereka untuk memikul amanah ʻaqidah Islam yang agung yang tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang.

Kemantapan asas ini di dalam hati mereka itulah yang telah membolehkan angkatan Muslimin yang pertama melakukan kejayaan-kejayaan yang luar biasa di dalam kehidupan peribadi mereka dan dalam kehidupan masyarakat manusia di zaman itu. Asas inilah yang menjadikan segala jejak langkah dan pergerakan mereka seliras dengan peredaran cakerawala dan selaras dengan langkah-langkah zaman, tidak bencanggah dan berlanggar dengannya hingga menyebabkan mereka terhalang atau terlambat. Asas inilah yang memberkati segala usaha perjuangan mereka hingga dapat menghasilkan buah-buah manis yang amat banyak dan amat besar dalam masa yang pendek sahaja.

Sesungguhnya perubahan yang berlaku di dalam jiwa mereka, di mana gerak langkah mereka selaras dengan harakat alam buana, sesuai dengan perencanaan Ilahi yang mengendalikan seluruh alam buana ini .... sesungguhnya perubahan itu merupakan satu mu'jizat yang amat besar yang tidak dapat dilaksanakan oleh manusia, malah ia terlaksana dengan iradat Allah yang telah menciptakan bumi dan langit, bintang-bintang dan planet-planet dan menyelaraskan gerak langkah mereka dengan peredaran cakerawala itu sesuai dengan penyelarasan Ilahi yang istimewa.

Hakikat ini ditunjukkan oleh berbagai-bagai ayat al-Qur'an, di mana Allah S.W.T. berfirman:

56. “Sesungguhnya engkau tidak dapat memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasihi, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya.”

(Surah al-Qasas)

272. “Bukanlah kewajipan engkau menjadikan mereka mendapat hidayat, tetapi Allahlah yang memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya.”

(Surah al-Baqarah)

120. “Katakanlah bahawa hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar.”

(Surah al-Baqarah)

ltulah hidayat dengan hakikatnya yang agung dan maknanya yang luas. Allah memberi hidayat dan memimpin manusia ke tempatnyà yang sebenar di dalam rangka alam buana dan menyelaraskan gerak langkahnya dengan gerakan alam buana.

Usaha perjuangan itu tidak akan mendapat hasilnya yang sempurna melainkan apabila hati seseorang itu tegak di atas hidayat Allah dalam ertikatanya yang sebenar dan gerak langkahnya selaras dengan peredaran alam buana dan hatinya yakin kepada takdir Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu tiada sesuatu pun di alam buana ini melainkan mengikut kehendak takdir-Nya.

Dari penjelasan ini ternyatalah bahawa nas al-Qur’an:

36. “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan — apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara — membuat pilihan sendiri mengenai urusan mereka”

adalah mempunyai pengertian yang lebih syumul, lebih luas dan lebih jauh dari mana-mana peristiwa khusus yang berlaku dan diturunkan ayat ini kerananya. Ayat ini menjelaskan satu dasar umum yang pokok di dalam sistem hidup Islam.

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Kemudian al-Quran menceritakan tentang peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab binti Jahsy serta pendahuluan dan ekorannya yang mengandungi hukum-hukum dan arahan-arahan:

(37)

37. "Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah ni'mat (Islam) kepadanya dan engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah! Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau. Dan apabila Zaid telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."

(38)

38. "Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."

(39)

39. "Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."

(40)

40. "Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana-mana lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penamat sekalian nabi, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Pada awal surah ini telah pun dijelaskan tentang penghapusan adat mengambil anak angkat dan memulangkan bin mereka kepada bapa-bapa mereka yang sebenar serta menegakkan hubungan kekeluargaan itu di atas asasnya yang semulajadi.

(4)

4. "Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kandung kamu sendiri. (Dakwaan-dakwaan itu) hanya perkataan-perkataan kamu yang keluar dari mulut kamu sahaja, sedangkan Allah menerangkan hakikat yang benar dan Dialah jua yang memberi hidayat ke jalan yang betul."

(5)

5. "Panggilah mereka (anak anak angkat) dengan 'bin' bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka (maka panggillah mereka) sebagai saudara-saudara seagama kamu dan sebagai maula kamu. Dan tiada apa-apa dosa di atas kamu dalam perkara yang kamu tersalah melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa) ialah perbuatan-perbuatan yang disengajakan hati kamu, dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."

Tetapi peraturan anak angkat ini masih mempunyai kesan-kesannya yang kuat di dalam kehidupan masyarakat Arab dan kesan-kesan ini tidak terhapus semudah terhapusnya peraturan anak angkat itu sendiri, kerana adat resam dalam sebuah masyarakat itu mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam di dalam hati penduduk penduduknya. Oleh sebab itu penghapusan kesan-kesan adat itu pastilah didahulukan dengan contoh-contoh amali yang menentang adat itu, dan contoh-contoh ini pula pastilah pada permulaannya menghadapi kecaman-kecaman dan tentulah kesannya diterima dengan berat oleh orang yang ramai.

Dahulu telah pun dinyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengahwinkan anak angkatnya Zaid ibn Harithah — yang pernah dipanggil Zaid ibn Muhammad kemudian diubah kepada bin bapanya yang sebenar — dengan Zainab binti Jahsy anak perempuan ibu saudara beliau sendiri. Tujuan perkahwinan ini ialah untuk memecahkan perbezaan kelas yang turun-temurun dan untuk merealisasikan tujuan firman Allah Taala:

13. "Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu."

(Surah al-Hujurat)

Seterusnya tujuan perkahwinan itu ialah untuk menegakkan nilai lslamiyah yang baru dengan mengemukakan contoh amali di alam kenyataan.

Kemudian selepas itu Allah berkehendak pula menyerahkan kepada Nabi-Nya — di samping tugas-tugas kerasulan yang lain — tugas menghapuskan sendiri kesan-kesan peraturan anak angkat itu dengan mengahwini bekas isteri anak angkatnya Zaid ibn Harithah yang telah diceraikan itu dan menghadapi masyarakat dengan tindakan ini, iaitu satu tirtdakan yang tidak terdaya dilakukan oleh seorang yang lain untuk menghadapi masyarakat (zaman itu) walaupun peraturan anak angkat itu sendiri telah dibatalkan.

Allah Ta'ala telah mengilhamkan kepada Nabi s.a.w. bahawa Zaid akan menceraikan isterinya. Dan beliau sendiri pula akan mengahwininya kerana sesuatu hikmat yang telah diputuskan Allah. Pada masa itu hubungan di antara Zaid dan Zainab berada dalam keadaan huru hara yang membayangkan bahawa perkongsian hidup mereka tidak akan berpanjangan.

Zaid berkali-kali datang menemui Rasulullah s.a.w. dan mengadu bahawa dia tidak senang hidup dengan Zainab dan tidak sanggup lagi untuk terus hidup dengannya. Rasulullah s.a.w. walaupun beliau terkenal berani menghadapi kaumnya di dalam urusan aqidah dengan tegas tanpa teragak-agak dan takut, namun beliau merasa berat dengan ilham yang diterima dari Allah mengenai Zainab. Beliau teragak-agak hendak menghadapi kaumnya dengan memecahkan adat yang telah bertunjang begitu mendalam itu. Lalu beliau berkata kepada Zaid (seorang yang telah dikurniakan Allah dengan ni'mat Islam dan ni'mat hubungan yang dekat dengan Rasulullah, juga ni'mat kasih Rasulullah s.a.w. terhadap dirinya, iaitu kasih yang diutamakan beliau di dalam hatinya di atas sekalian yang lain tanpa kecuali, dia juga seorang yang mendapat ni'mat kemerdekaan, asuhan dan kasih sayang dan Rasulullah s.a.w.) Beliau bersabda kepada Zaid:

37. "Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah."

Dengan jawapan ini beliau melambatkan tindakan menghadapi persoalan yang amat besar ini, di mana beliau masih teragak-agak untuk mengumumkannya kepada orang ramai sebagaimana diterangkan Allah:

37. "Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih wajar ditakuti engkau."

Rahsia yang disembunyikan Nabi s.a.w. di dalam hatinya, sedangkan beliau tahu bahawa Allah akan mendedahkannya ialah ilham Allah yang menyarankan bahawa beliau akan berkahwin dengan Zainab, tetapi ilham itu bukanlah merupakan satu perintah yang berterus terang dari Allah, kerana jika ilham itu bersifat demikian tentulah beliau tidak akan teragak-agak dan melambat-lambatkannya atau cuba menangguh-nangguhkannya, malah beliau akan mengumumkannya dengan terus terang biar bagaimanapun akibatnya, tetapi

Rasulullah s.a.w. hanya di peringkat berhadapan dengan ilham di dalam hatinya dan di waktu itu beliau merasa bimbang menghadapinya dari menghadapi orang ramai sehingga diizinkan Allah. Pada akhir Zaid menceraikan isterinya, sedangkan Zaid dan Zainab sendiri tidak berfikir apakah yang akan berlaku selepas itu, kerana menurut adat, Zainab tetap dianggap sebagai bekas isteri anak Muhammad yang tidak halal kepadanya walaupun selepas dihapuskan adat anak angkat itu kerana perintah menghalalkan bekas isteri anak angkat yang diceraikan itu belum lagi diturunkan pada masa itu. Hanya peristiwa perkahwinan Nabi s.a.w. dengan Zainab selepas itu sahaja yang menjelaskan hukum ini iaitu setelah peristiwa itu diterima dengan rasa hairan, terkejut dan membantah.

Inilah cerita sebenar yang meruntuhkan segala cerita-cerita lain mengenai peristiwa ini, iaitu cerita-cerita karut yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dahulu dan sekarang. Mereka telah merekakan berbagai-bagai dongeng dan cerita-cerita dusta di sekitar peristiwa itu

Cerita yang sebenarnya ialah seperti yang diterangkan Allah Ta'ala:

(37)

37. "Dan apabila Zaid telah mengakhiri keperluannya terhadap isterinya (menceraikannya). Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'minin untuk mengahwini isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri keperluan mereka terhadap isteri-isteri mereka, dan keputusan Allah jua adalah keputusan yang tetap terlaksana."

Ini adalah salah satu tugas risalah yang amat berat yang ditanggung oleh Rasulullah s.a.w. untuk menghadapi masyarakat yang sangat bencikannya sehingga beliau teragak-agak untuk mengemukakan kepada masyarakat, sedangkan beliau tidak pernah teragak-agak menghadapi masyarakat untuk menegakkan 'aqidah tauhid, mengancam tuhan-tuhan dan sembahan-sembahan mereka yang karut dan menyalahkan datuk nenek mereka.

(37)

37. "Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."

Keputusan Allah adalah satu keputusan yang tidak dapat ditolak dan dielak. Ia tetap berkuatkuasa dan terlaksana dan tidak ada jalan yang lain lagi untuk menghindarinya.

Perkahwinan Rasulullah s.a.w.. dengan Zainab r.a. dilangsungkan selepas habis 'iddahnya. Beliau telah mengirim Zaid bekas suaminya selaku seorang yang paling disayangi supaya melamarkan Zainab untuknya.

Dari Anas r.a. kata: Apabila selesai 'iddah Zainab r.a., sabda Rasulullah s.a.w. kepada Zaid ibn Harithah: Pergilah (berjumpa dengan Zainab) dan sebutkan kepadanya bahawa aku melamarnya." Lalu Zaid pun pergi menemui Zainab yang sedang menguli gandumnya. Kata Zaid: Apabila aku melihatnya sebaklah dadaku

hingga aku tidak berdaya melihatnya, lalu aku berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah melamarnya. Kemudian aku palingkan belakangku kepadanya dan memusingkan tumitku sambil berkata lagi: "Wahai Zainab! Bergembiralah engkau! Rasulullah s.a.w. telah mengutuskan aku supaya melamarmu." Jawab Zainab: "Aku tidak akan berbuat apa-apa sehingga aku diperintahkan Tuhanku Azzawajalla." Lalu dia pun bangun menuju ke masjidnya. Kemudian turun ayat itu dan Rasulullah s.a.w. masuk ke rumahnya tanpa meminta izin lagi.[10]

Al-Bukhari r.a. telah meriwayatkan dari Anas ibn Malik r.a. katanya: Sesungguhnya Zainab binti Jahsy r.a. menyatakan rasa bangganya terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w. yang lain dengan katanya: "Anda semua dikahwinkan oleh keluarga-keluarga anda, sedangkan saya dikahwinkan oleh Allah Ta'ala dari atas tujuh petala langit"

Tetapi persoalan ini tidak berlalu dengan mudah, malah seluruh masyarakat Islam gempar dan orang-orang Munafiqin terus membuat heboh dengan mengatakan Muhammad telah berkahwin dengan isteri anaknya!

Oleh kerana persoalan ini persoalan menegakkan satu dasar yang baru, maka al-Qur'an telah menguatkannya dan menghapuskan unsur keganjilannya dengan memulangkan persoalan ini kepada lunas-lunasnya yang mudah, logikal yang bersejarah:

(38)

38. "Tidak ada sebarang keberatan kepada Nabi dalam melaksanakan perintah yang telah ditetapkan Allah kepadanya sebagai Sunnatullah yang telah berlaku kepada nabi-nabi yang telah berlalu, dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."

Persoalan itu berlangsung mengikut Sunnatullah yang tidak berubah-ubah, iaitu undang-undang yang bergantung dengan hakikat-hakikat segala sesuatu bukannya bergantung dengan tanggapan-tanggapan dan adat-adat yang dibuat oleh manusia tanpa berlandaskan asas.

(38)

38. "Dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap terlaksana."

Yakni lulus dan berkuatkuasa. Tiada apa dan siapa pun yang dapat menahankannya Keputusan itu telah dibuat dengan penuh kebijaksanaan dan pertimbangan ia dibuat kerana sesuatu tujuan yang dikehendaki Allah yang mengetahui sejauh mana keperluannya dan kepentingannya di samping mengetahui masa dan tempat mana patut dilaksanakannya. Allah Ta'ala telah memerintah Rasul-Nya supaya membatalkan adat itu dan menghapuskan kesannya secara amali, juga supaya menjelaskan penghapusan itu dengan

---

[10] *Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim dan an-Nasai'I dari beberapa saluran dari Sulaiman ibn al-Mugirah.*

menjadikan diri beliau sebagai contoh pertama di alam kenyataan, kerana perintah Allah itu pasti dilaksanakan.

Sunnatullah ini telah berlangsung di kalangan para rasul yang telah lalu:

(39)

39. "Iaitu nabi-nabi yang menyampaikan risalah-risalah Allah serta takut kepada-Nya dan mereka tidak takut kepada seorang pun melainkan hanya kepada Allah, dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab.'

Mereka tidak membuat apa-apa perhitungan terhadap makhluk di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan risalah yang ditugaskan kepada mereka dan mereka tidak takut kepada sesiapapun kecuali Allah yang mengutuskan mereka unituk menyampaikan da'wah-Nya, untuk bertindak dan melaksanakan hukuman.

(39)

39. "Dan cukuplah Allah sendiri menjadi Penghisab."

Hanya Allah sendiri sahaja yang menghisab mereka, sedangkan manusia tidak berkuasa menghisabkan mereka.

40. "Muhammad itu bukanlah bapa kepada mana mana lelaki di antara kamu."

Yakni Zainab itu bukanlah isteri anaknya dan Zaid juga bukan anak kandung Muhammad, kerana dia adalah anak Harithah. Jadi, tidak ada sesuatu yang menghalangkan dalam persoalan ini apabila dilihat dengan kacamata hakikat yang wujud di alam kenyataan.

Hubungan di antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan seluruh orang-orang Islam termasuk Zaid ibn Harithah ialah hubungan seorang Nabi dengan kaumnya, bukannya hubungan seorang bapa dengan seseorang dari mereka:

40. "Tetapi dia adalah seorang Rasul dan penamat sekalian nabi."

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

“Di bawah bayangan Al-Quran”

Al-Isra’ (Ayat 22 – 37)

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

(22)

22. "Janganlah engkau mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan kecewa."

Itulah larangan terhadap kepercayaan syirik dan amaran terhadap akibatnya.

Walaupun perintah ini merupakan suatu perintah umum, tetapi ia dihadapkan dalam bentuk perintah kepada individu supaya setiap orang merasa dan sedar bahawa perintah ini adalah suatu perintah khusus mengenai dirinya atau khusus dikeluarkan kepadanya. Kepercayaan merupakan perkara peribadi di mana setiap orang bertanggungjawab kepadanya dengan dirinya sendiri. Akibat yang menunggu setiap orang yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid ialah dia akan:

22. "Tercela"

kerana perbuatan keji yang dilakukannya.

(22)

22. "Dan kecewa"

Dia tidak akan ditolongi Allah, dan barang siapa yang tidak ditolongi Allah akan menjadi seorang yang kecewa walaupun penolong-penolongnya ramai. Kata:

22. "Menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela"

menggambarkan keadaan seorang yang terhina dan kecewa hingga dia terduduk atau jatuh terselepoh. Gambaran ini membayangkan betapa lemah kedudukannya, kerana duduk terselepoh itu merupakan keadaan seorang yang amat lemah dan hina diri. Kata-kata itu juga membayangkan keadaan terbiar dan kecewa yang berterusan, kerana perbuatan duduk itu tidak membayangkan pergerakan dan perubahan keadaan. Kata-kata ini memanglah dimaksudkan di tempat ini.

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلاَّ تَعْبُدُواْ إِلاَّ إِيَّاهُ

23. "Dan Tuhanmu telah memutuskan supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja."

Ini merupakan perintah supaya mentauhidkan Allah selepas dilarang melakukan perbuatan syirik. Perintah ini disampaikan dengan kata-kata keputusan, kerana ia merupakan satu perintah yang pasti sama dengan kepastian sesuatu keputusan atau Qadha' Allah. Kata-kata "   " (memutus) menyalutkan

perintah itu dengan pengertian ketegasan di samping pengertian pembatasan yang memberi makna penafian dan pegecualian iaitu:

23. "Supaya kamu jangan menyembah melainkan hanya Dia sahaja"

kerana itu seluruh suasana ayat ini membayangkan ketegasan dan kepastian.

Setelah ditegakkan asas tauhid barulah diterangkan pula tugas-tugas keindividuan dan tugas-tugas kemasyarakatan, iaitu tugas-tugas yang berasaskan 'aqidah tauhid yang bertapak dalam jiwa, iaitu aqidah yang menyatukan motif dan matlamat dari segala tugas dan tindakan.

Hubungan pertama selepas hubungan 'aqidah ialah hubungan keluarga, oleh kerana itu penjelasan ayat ini menghubungkan kewajipan berbuat baik kepada ibubapa dengan kewajipan menyembah Allah untuk menerangkan betapa tingginya nilai berbuat baik kepada ibubapa itu di sisi Allah.

(23)

23. "Dan supaya memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat usia tua dalam jagaanmu, maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia."

(24)

24. "Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana perasaan kasih sayang dan berdo'alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil."

Dengan ungkapan-ungkapan yang lemah-lembut dan gambaran-gambaran yang memberi inspirasi inilah al-Qur'anul-Karim merangsangkan kesedaran berbuat baik dan perasaan kasih sayang di dalam hati anak-anak. Ini disebabkan kerana hidup yang terus mara membawa makhluk-makhluk yang hidup itu sentiasa menarik perhatian mereka supaya memandang ke depan, iaitu memandang kepada zuriat keturunan, memandang kepada generasi baru dan generasi masa depan. Perhatian mereka sangat sedikit memandang ke belakang, iaitu memandang kepada orangtua-orangtua, memandang kepada generasi-generasi yang sedang mengundur diri. Oleh sebab inilah generasi anak-anak perlu membangkitkan kesedaran mereka supaya berpusing ke belakang dan menoleh kepada ayah-ayah dan ibu-ibu mereka.

Fitrah semulajadi yang mendorong kedua ibubapa berusaha membela anak-anak mereka dan membuat mereka sanggup berkorban apa sahaja walaupun diri mereka sendiri. Jika tunas tumbuhan yang hijau menyedut segala makanan yang

terdapat pada biji benih hingga akhirnya menjadi hancur, dan jika anak ayam dalam telur itu menyedut segala makanan yang terdapat dalam telur hingga akhirnya tinggal kulit, maka begitulah juga anak-anak manusia menyedut segala madu, segala kesihatan, segala daya usaha dan segala perhatian ibubapa mereka hingga akhirnya mereka menjadi tua renta jika kedua-duanya dipanjangkan umur, namun begitu kedua-duanya tetap merasa bahagia dan senang hati.

Tetapi bagi anak-anak pula mereka cepat melupakan semua pengorbanan-pengorbanan ibubapa. Mereka mengambil giliran mereka berkejar ke depan dan menumpu perhatian mereka kepada isteri-isteri dan anak-anak mereka pula. Demikianlah kemaraan hidup.

Justeru itu para ibubapa tidak perlu berpesan supaya anak-anaknya menjaga dan membela anak-anak mereka, malah para anaklah yang perlu dibangkitkan kesedaran mereka dengan sungguh-sungguh supaya mereka mengingatkan kewajipan mereka terhadap ibubapa yang telah memberi seluruh madu kepada mereka hingga kering (tua renta).

Di sinilah diterangkan perintah supaya berbuat baik kepada ibubapa dalam bentuk keputusan dari Allah yang mendokong pengertian perintah yang wajib setelah menerangkan perintah yang wajib supaya menyembah Allah.

Penjelasan ayat itu memayungi seluruh suasana dengan bayangan yang selembut-lembutnya dan merangsangkan kesedaran supaya mengingati kenangan-kenangan zaman kecil dan perasaan-perasaan kasih sayang dan rindu mesra:

23. "Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya meningkat umur tua dalam jagaanmu."

Umur yang tua itu mempunyai kehormatan dan kelemahannya, umur yang tua itu mempunyai makna dan saranannya. Kata-kata " " (di bawah jagaanmu) menggambarkan pengertian berlindung dan menumpang ketika tua dan lemah.

23. "Maka janganlah sekali-kali engkau mengucapkan sebarang kata-kata yang kasar kepada keduanya dan janganlah sekali-kali engkau menyergahkan keduanya."

Inilah peringkat pertama dari peringkat-peringkat memelihara dan menjaga adab sopan terhadap ibubapa, iaitu si anak jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang membayangkan rasa bosan dan marah atau kata-kata yang membayangkan penghinaan dan budi bahasa yang kasar.

(23)

23. "Dan ucapkanlah kepada keduanya dengan kata-kata yang mulia."

Inilah peringkat budi bahasa positif yang tertinggi, iaitu si anak hendaklah bercakap dengan kedua-dua orang tuanya dengan menggunakan kata-kata yang membayangkan sikap mulia dan menghormati mereka.

24. “Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang.”

Di sini ayat ini mengungkapkan dengan uslub yang begitu lembut dan halus. Ia menyentuh lubuk hati dan perasaan. Itulah perasaan kasih sayang yang amat halus hingga ia merupakan seolah-olah sikap rendah diri yang tidak sanggup mengangkat mata dan menolak perintah, dan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan menyerah ta’at.

(24)

24. “Dan berdo’alah: Ya Tuhanku! Limpahkanlah rahmat ke atas keduanya sebagaimana mereka membelaku di masa kecil.”

Itulah kenangan mesra, iaitu kenangan zaman kecil yang lemah di bawah belaan dua ibubapa dan kini kedua-duanya sedang berada dalam keadaan yang lemah dan memerlukan belaan dan kasih mesra sama seperti anak-anak itu memerlukannya di zaman kecil. Itulah do’a si anak kepada Allah supaya melimpahkan rahmat ke atas ibubapa, kerana rahmat dan pemeliharaan Allah itu lebih luas dan syumul dan pekarangan-Nya lebih lapang dan kerana Allahlah yang lebih berkuasa membalas budi baik mereka yang telah memberi darah dan hatinya yang tidak dapat dibalas oleh anak-anak.

Ujar al-Hafiz al-Bazzar dengan sanadnya dari Buraydah dari bapanya: Ada seorang lelaki sedang bertawaf dengan mengendungkan ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w., “Adakah hamba telah menunaikan haknya (hak ibunya)?” Jawab beliau: ‘Tidak. Tidak dengan hanya sekali pandang sahaja sampai satu keluhan pun”.

(Pentafsiran ayat 25)

Oleh sebab di dalam ayat ini segala perasaan dan harakat telah dihubungkan dengan ‘aqidah, maka ia diiringi dengan pernyataan yang memulangkan segala urusan kepada Allah yang mengetahui segala niat hati dan mengetahui segala rahsia di sebalik perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan.

(25)

25. “Tuhan kamu lebih mengetahui segala niat yang tersemat di dalam hati kamu, jika kamu orang-orang yang berniat baik, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap orang-orang yang sentiasa bertaubat.”

Pernyataan ini disebut sebelum menghuraikan taklif-taklif, kewajipan-kewajipan dan peradaban-peradaban yang lain untuk dijadikan rujukan bagi setiap perkataan dan perbuatan dan untuk dibukakan pintu taubat dan kasihan belas kepada orang yang melakukan kesalahan atau cuai menunaikan kewajipannya, kemudian dia kembali semula kepada Allah dan bertaubat dari kesalahan dan kecuaiannya.

Selama hati itu baik, maka pintu keampunan itu tetap terbuka. Para "Awwabin" ialah orang-orang yang apabila mereka melakukan kesalahan mereka kembali semula kepada Allah memohon keampunan-Nya.

(Pentafsiran ayat-ayat 26- 28)

Setelah berbicara mengenai kebaktian kepada ibubapa, ayat berikut memperkatakan pula tentang kebaktian kepada seluruh kerabat dan terus menyambung dengan orang-orang miskin dan orang musafir dengan tujuan memperluaskan hubungan kerabat itu supaya merangkumi hubungan-hubungan insaniyah dalam ertikatanya yang luas:

(26)

26. "Berikanlah kepada kerabatmu haknya masing-masing, juga kepada orang miskin dan orang musafir (yang terlantar) dan janganlah engkau berbelanja dengan membazir."

(27)

27. "Sesungguhnya para pembazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan amat kufur terhadap ni'mat Tuhannya."

(28)

28. "Dan jika engkau tidak dapat melayani mereka kerana (masih) mencari rahmat (rezeki) yang engkau harapkannya dari Tuhanmu, maka ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang lemah lembut."

Al-Quran menjadikan kerabat, orang miskin dan orang musafir yang terlantar itu mempunyai hak di atas orang-orang Islam yang harus ditunaikan dengan menghulurkan bantuan yang berhak kepada mereka. Dan bantuan ini bukanlah merupakan suatu pemberian kemurahan hati dari seorang kepada seorang yang lain, malah merupakan suatu hak yang difardhukan Allah serta dihubungkan-Nya dengan kewajipan menyembah dan mentauhidkan-Nya. Ia merupakan suatu kewajipan yang pasti ditunaikan untuk melepaskan tanggungjawabnya dan untuk menghubungkan kasih mesra di antaranya dengan orang yang diberikan bantuan itu. Apa yang dilakukannya itu merupakan pelaksanaan kewajipan yang terletak di atas bahunya.

Al-Qur'an melarang perbuatan membazir, dan yang dimaksudkan dengan pembaziran— mengikut pentafsiran Ibn Mas'ud dan Ibn 'Abbas — ialah

perbelanjaan yang dibelanjakan pada jalan yang tidak sebenar. Ujar Mujahid, sekiranya seseorang itu membelanjakan seluruh harta kekayaannya pada jalan yang sebenar, maka dia tidak disifatkan sebagai seorang pembazir, tetapi sebaliknya jika dia membelanjakan secupak makanan pada jalan yang tidak sebenar, maka dia disifatkan sebagai seorang pembazir.

Jadi, yang diperhitungkan di sini bukannya banyak sedikit perbelanjaan itu, tetapi ialah tempat dibelanjakan harta itu. Oleh sebab itulah orang-orang yang membazir itu dianggap saudara-saudara syaitan kerana mereka membelanjakan harta mereka ke jalan kebatilan, kejahatan dan maksiat. Mereka benar-benar merupakan saudara-saudara dan rakan-rakan sejawat syaitan:

(27)

27. “Dan syaitan-syaitan amat kufur terhadap ni’mat Tuhannya.”

Dan andaikata seorang itu belum lagi mempunyai keluasan harta yang membolehkannya untuk menunaikan hak kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang musafir dan merasa malu untuk menghadapi mereka lalu dia berdoa kepada Allah agar mengurniakan rezeki kepadanya dan kepada mereka, maka hendaklah dia janjikan mereka hingga ke masa dia mendapat keluasan dan hendaklah dia bercakap dengan mereka dengan perkataan-perkataan yang lemah-lembut, dan janganlah menaruh perasaan bosan terhadap mereka dan janganlah pula diam membisu sahaja menyebabkan mereka merasa tidak senang dan marah, kerana kata-kata yang lemah-lembut dan menyenangkan itu dapat memberi pampasan, harapan dan kesabaran kepada mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Sehubungan dengan pembaziran dan larangan melakukannya al-Quran menyuruh supaya mengamalkan sikap bersederhana dalam semua perbelanjaan:

(29)

29. “Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu (bersikap bakhil) dan janganlah pula engkau membukanya dengan seluas-luasnya (bersikap boros) menyebabkan engkau terselepoh dengan keadaan tercela dan lemah.”

Perimbangan merupakan asas yang pokok dalam sistem hidup Islam, dan keterlaluan merosakkan perimbangan. Pengungkapan di sini berlangsung dengan cara gambaran, di mana sifat bakhil digambarkan dengan tangan yang terbelenggu di leher dan sifat memboros digambarkan dengan tangan yang terbuka dengan seluasnya hingga tidak dapat memegang sesuatu apa, dan seterusnya menggambarkan kesudahan bakhil dan boros itu dengan duduk terselepoh yang membayangkan kedudukan orang yang tercela dan lemah. Kata kata “ ” dari segi bahasa bererti binatang yang tidak dapat berjalan dan berhenti kerana lemah, demikianlah juga si bakhil menjadi lemah dengan sebab

tabiat kikirnya menyebabkannya tidak dapat bergerak. Begitulah juga nasib pemboros lambat-laun dia akan berakhir dengan kelumpuhan dan terselepoh lemah. Dan kedua-dua sifat bakhil dan pemboros itu adalah sifat yang hina dan tercela belaka, dan sebaik-baik sikap ialah bersederhana.

Kemudian perintah bersederhana itu diiringi pula dengan pernyataan bahawa pemberi rezeki itu ialah Allah. Dialah yang meluas dan melapangkan rezeki dan Dialah juga yang menyempit dan mengetatkan rezeki dan Allah yang memberi rezeki itulah yang menyuruh manusia supaya bersederhana di dalam perbelanjaan:

(30)

30. "Sesungguhnya Tuhanmu yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat keadaan hamba-hamba-Nya."

Allah yang meluaskan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan ilmu dan penglihatan-Nya yang amat mendalam, begitu juga Dia menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan ilmu dan penglihatan-Nya yang mendalam. Allah menyuruh bersederhana di dalam perbelanjaan dan melarang bersikap kikir dan pemboros. Dialah Yang Maha Mengetahui dan melihat sesuatu yang paling baik dalam segala keadaan dan Dialah yang telah menurunkan al-Qur'an yang memberi hidayat ke jalan yang amat lurus di dalam segala keadaan.

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Setengah-setengah orang Arab di zaman jahiliyah membunuh anak-anak perempuan mereka kerana takut kepada kemiskinan dan kepapaan, oleh sebab di dalam ayat yang silam telah dijelaskan bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, maka (kini) diiringi pula dengan larangan membunuh anak kerana takut miskin dan papa. Ini adalah amat sesuai dengan tempatnya dalam penjelasan ayat-ayat ini, kerana selama rezeki itu di tangan Allah, maka sudah tentu tiada apa-apa hubungan di antara kepapaan dengan keramaian anak-anak atau dengan jantina anak-anak, malah segala urusan adalah terpulang kepada Allah belaka. Apabila hubungan di antara kepapaan dan keramaian anak-anak itu telah terhapus dari pemikiran manusia dan dapat membetulkan 'aqidah mereka dari segi ini, maka dengan sendiri pula akan terhapusnya motif dan dorongan untuk melakukan perbuatan liar yang bertentangan dengan fitrah makhluk-makhluk yang bernyawa dan undang-undang hayat itu:

(31)

31. "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada

kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang amat besar."

Penyelewengan dan kerosakan 'aqidah menimbulkan kesan-kesannya yang buruk di dalam kehidupan masyarakat. Ia tidak terhenti setakat kerosakan 'aqidah dan upacara-upacara beribadat sahaja. Justeru itu pembetulan 'aqidah melahirkan kesan-kesannya yang baik. Ia dapat membetulkan perasaan-perasaan manusia dan memelihara kesejahteraannya juga memelihara kesejahteraan dan kelurusan kehidupan masyarakat. Contoh penanaman anak-anak perempuan merupakan satu contoh yang jelas yang membuktikan kesan-kesan 'aqidah terhadap kehidupan masyarakat manusia dan membuktikan bahawa hidup manusia itu tetap terpengaruh kepada 'aqidah dan 'aqidah tidak pernah hidup terpencil dari kehidupan.

Sekarang marilah kita berhenti sejenak memperhatikan kehalusan-kehalusan pengungkapan al-Qur'an yang amat mengkagumkan itu.

Di tempat ini al-Qur'an mendahulukan sebutan rezeki anak-anak di atas rezeki-rezeki bapa-bapa iaitu:

31. "Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu"

tetapi di dalam Surah al-An'am al-Quran mendahulukan sebutan rezeki bapa-bapa di atas anak-anak:

151. "Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka (anak anak)."

(Surah al-An'am)

Perbezaan ini disebabkan adanya satu perbezaan yang lain di dalam pengertian dua ayat itu. Ayat (surah) ini berbunyi:

31. "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu."

Sementara ayat (Surah al-An'am) yang satu lagi berbunyi:

151. "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan. Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka."

(Surah al-An'am)

Di dalam surah ini membunuh anak kerana takut jatuh ke dalam kepapaan dengan sebab anak-anak dan kerana itu didahulukan sebutan rezeki anak-anak, sedangkan di dalam Surah al-An'am pula membunuh anak dengan sebab bapa-

bapa berada di dalam kepapaan yang sebenar, maka kerana itulah didahulukan sebutan rezeki bapa-bapa. Jadi, mendahului atau mengemudiankan sebutan rezeki anak dan bapa itu adalah disusun mengikut kehendak-kehendak yang sesuai dengan maksud ungkapan-ungkapan di dalam dua surah itu masing-masing.

Dari larangan membunuh anak berpindah pula kepada larangan melakukan zina:

(32)

32. "Dan janganlah kamu hampiri perbuatan zina kerana sesungguhnya zina itu suatu pencabulan yang keji dan suatu jalan yang buruk akibatnya."

Di antara perbuatan membunuh anak dan melakukan zina itu terdapat hubungan dan persesuaian. Larangan melakukan zina disebut di tengah-tengah, iaitu di antara larangan membunuh anak dengan larangan membunuh manusia yang lain kerana wujudnya hubungan dan persesuaian yang sama.

Perbuatan zina mengandungi pembunuhan dari berbagai-bagai sudut. Zina merupakan perbuatan membunuh dari awal-awal lagi, kerana zina itu menumpahkan benih hayat pada bukan tempatnya yang sebenar dan diikuti pula oleh keinginan mahu menghindarkan diri dari kesan-kesannya dengan membunuh janin sebelum ia membentuk rupa atau selepas ia membentuk rupa sama ada sebelum ia dilahirkan atau selepas ia dilahirkan di dunia. Andai kata janin itu dibiarkan hidup, maka biasanya ia dibiarkan hidup dalam satu kehidupan yang buruk atau kehidupan yang hina, iaitu satu kehidupan yang disia-siakan dalam masyarakat di dalam mana-mana aspeknya, dan zina itu juga merupakan satu bentuk pembunuhan terhadap masyarakat, di mana berkembangnya kejahatan zina yang menyebabkan kehilangan hubungan keturunan dan percampuran darah keturunan dan seterusnya kehilangan kepercayaan terhadap kehormatan dan anak dan mengakibatkan kehancuran ikatan-ikatan masyarakat dan akhirnya membawa kepada keruntuhan yang menyerupai maut di kalangan kelompok-kelompok masyarakat.

Dari sudut yang lain zina merupakan satu pembunuhan kepada masyarakat kerana kemudahan memuaskan nafsu syahwat melalui zina menjadikan kehidupan secara suami isteri merupakan perkara skundar bukannya perkara yang perlu, dan menjadikan keluarga suatu tanggungjawab yang tidak mustahak, sedangkan keluarga merupakan tapak semaian yang baik bagi anak-anak yang kecil, di mana fitrah dan didikan mereka tidak akan sihat dan betul melainkan apabila mereka dibelakan di sana.

Tiada satu umat di mana kejahatan zina tersebar meluas dalam kalangan masyarakatnya melainkan umat itu tetap menuju ke arah keruntuhan. Ini berlaku sejak zaman purbakala hingga ke zaman moden.

Mungkin setengah orang terkeliru dengan kedudukan Eropah dan Amerika pada hari ini, di mana kedua negara itu memegang teraju kekuatan kebendaan walaupun amalan kejahatan zina berleluasa di dalam kedua masyarakat itu. Tetapi kesan-kesan keruntuhan pada umat-umat yang tua seperti Perancis tidak syak amat ketara. Adapun di kalangan umat-umat yang masih muda seperti Amerika

Syarikat, maka kesan-kesan keruntuhan itu belum lagi timbul kerana umat Amerika masih lagi baru dan sumber-sumber kekayaan alamnya sangat luas. Amerika laksana seorang pemuda yang sedang rakus dan keterlaluan memuaskan hawa nafsunya dan kesan-kesan keterlaluan itu belum lagi nampak pada tubuh badannya kerana dia masih muda, tetapi lambat-laun dia akan menghadapi keruntuhan apabila dia melangkah kepada usia yang tua, ketika itu dia tidak lagi berupaya menanggung kesan-kesan umur tua itu sekuat yang dapat ditanggung oleh rakan-rakan sejawatnya yang sederhana.

Al-Quran memberi amaran jangan mendekati perbuatan zina. Ini merupakan penekanan supaya menjauhi perbuatan itu, kerana perbuatan zina itu didorongkan oleh keinginan nafsu yang kuat, justeru itu menjauhi dari mendekati itu adalah lebih selamat. Perbuatan mendekati sebab-sebab yang membawa kepada zina itu tidak memberi jaminan yang selamat.

Justeru itulah Islam menyekat jalan zina dengan menjauhi sebab-sebab yang mendorong ke arahnya untuk menjaga supaya seseorang itu tidak terjerumus ke dalamnya. Kerana itu Islam melarang percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan yang tidak perlu, mengharamkan khalwat dan perbuatan bersolek secara berlebih-lebihan. Islam menggalakkan perkahwinan kepada yang mampu, dan berpuasa kepada yang tidak mampu, dan melarang mengadakan halangan-halangan yang boleh menyekat perkahwinan seperti meletakkan maskahwin yang terlalu tinggi. Islam menafikan ketakutan kepada kemiskinan dan kepapaan kerana mempunyai anak-anak yang ramai. Ia menggalakkan supaya diberi subsidi kepada orang-orang yang ingin berkahwin untuk memelihara kesucian diri mereka. Ia menjatuhkan hukuman yang paling berat ke atas jenayah zina apabila berlaku, juga ke atas kesalahan menuduh perempuan-perempuan yang baik tanpa bukti dan lain-lain sarana untuk mencegah perbuatan zina dan mengubatinya agar masyarakat Islam terpelihara dari keruntuhan dan kehancuran.

(Pentafsiran ayat 33)

Larangan membunuh anak dan melakukan perbuatan zina itu diakhiri dengan larangan membunuh orang melainkan dengan sebab yang benar:

(33)

33. **"Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diat), oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."**

Islam adalah agama hidup dan agama damai. Membunuh orang merupakan suatu dosa besar di sisi Islam selepas dosa syirik terhadap Allah. Oleh

sebab Allah yang mengurniakan hayat, maka tiada siapa selain Allah yang berhak meragutkan hayat kecuali dengan kebenaran-Nya mengikut batas-batasnya yang digaris oleh-Nya. Setiap nyawa itu suci tidak boleh disentuh dan diceroboh melainkan dengan sebab yang benar, dan sebab yang benar yang mengharuskan membunuh orang itu telah ditentukan Allah dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan lagi. Ia bukannya ditinggalkan kepada keputusan fikiran manusia dan tidak pula dibiarkan terpengaruh kepada hawa nafsu manusia. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

> **"Tidak halal darah seorang Muslim yang mengaku tiada Tuhan yang lain melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah kecuali dengan salah satu dari tiga sebab: Nyawa dibalas dengan nyawa, penzina yang muhsan, orang yang meninggalkan agamanya dan berpisah dari kelompok Muslimin."**

Sebab-sebab yang pertama ialah pembunuhan balas yang adil. Hukuman nyawa di balas dengan nyawa itu dapat menjamin keselamatan nyawa-nyawa orang lain:

(179)

179. "Dalam hukuman qisas itu terdapat jaminan hidup bagi kamu"

(Surah al-Baqarah)

kerana qisas dapat menghalangkan orang-orang yang ingin menceroboh terhadap nyawa orang lain. Hukuman qisas yang menunggu mereka akan mencegah mereka sebelum mereka tampil melakukan jenayah itu. Ia dapat memberi jaminan hidup dengan menahan pihak yang menuntut hutang darah dari bertindak sewenang-wenang menuntut bela yang tidak berhenti setakat si pembunuh sahaja, malah melampaui orang lain menyebabkan timbulnya pertumpahan darah yang tidak hanya membabitkan dua pihak itu sahaja. Ia dapat memberi jaminan hidup kerana setiap orang merasa aman terhadap keselamatan diri dan merasa yakin terhadap keadilan hukuman qisas. Oleh sebab itu dia dapat keluar dengan bebas untuk bekerja dan bergiat menghasilkan pengeluaran-pengeluaran. Demikianlah seluruh umat dapat hidup dengan aman dan selamat.

Sebab yang kedua ialah untuk menolak kerosakan yang membawa pembunuhan akibat tersebarnya maksiat zina, kerana zina merupakan satu bentuk pembunuhan sebagaimana kami telah terangkan tadi.

Sebab yang ketiga ialah untuk menolak kerosakan jiwa yang boleh menimbulkan keadaan kacau-bilau di dalam masyarakat Islam, mengancamkan keamanan dan sistem hidupnya yang telah dipilih oleh Allah dan menyerahkannya kepada golongan yang mahu membunuh masyarakat Islam. Orang yang meninggalkan agamanya (murtad) dan berpisah dengan masyarakat Islam itu pada hakikatnya dia membunuh (masyarakat Islam) kerana (pada mulanya) dia telah memilih agama Islam tanpa dipaksa dan terus masuk menjadi anggota masyarakat Islam, di mana dia mengetahui segala rahsia-rahsianya. Oleh sebab itu apabila dia keluar dari agama Islam sesudah itu, maka perbuatan itu merupakan ancaman kepada keselamatan masyarakat Islam. Andainya (dari awal

lagi) dia tinggal di luar masyarakat Islam, tiada seorang pun akan memaksanya memeluk agama Islam, malah Islam menjamin akan memberi perlindungan kepadanya jika dia dari golongan Ahlil-Kitab, dan menjamin keamanan dan keselamatannya jika dia dari golongan Musyrikin, dan selepas ini tiada lagi samahah/toleransi kepada orang-orang yang menentang 'aqidah Islam.

(33)

33. "Dan janganlah kamu membunuh seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan sebab yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberikan kepada walinya kuasa (menuntut qisas atau diat), oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."

Itulah tiga sebab yang mengharuskan pembunuhan. Oleh itu sesiapa yang dibunuh dengan zalim tanpa salah satu dari tiga sebab tersebut, maka Allah telah memberi kuasa (menuntut qisas atau diat) kepada walinya — waris yang terdekat kepadanya — terhadap si pembunuh itu, jika wali itu suka dia boleh menuntut hak balas bunuh, dan jika dia suka dia boleh mema'afkannya dengan menuntut bayaran diat, dan jika dia kehendaki dia boleh mema'afkannya tanpa membayar diat. Pendeknya dialah pihak yang berkuasa menentukan keputusannya terhadap si pembunuh itu kerana hutang darah itu berada dalam bidang kuasanya.

Walaupun si wali itu diberi kuasa yang amat besar, namun Islam melarangnya dari bertindak melakukan pembunuhan yang melampaui batas kerana menggunakan kuasa yang telah dikurniakan kepadanya. Pembunuhan yang melampaui batas ialah pembunuhan yang melampaui si pembunuh, dan membabit orang-orang yang lain darinya yang tidak berdosa, sebagaimana yang berlaku dalam tradisi menuntut bela di zaman jahiliyah, di mana bapa-bapa, saudara-saudara lelaki, anak-anak lelaki dan kaum kerabat yang tidak berdosa itu turut sama dibabitkan di dalam pembunuhan itu semata-mata kerana mereka tergolong di dalam keluarga si pembunuh. Pembunuhan yang melampaui batas juga ialah pembunuhan dalam bentuk memotong dan mencaing-caingkan anggota si pembunuh. Pihak wali hanya diberi kuasa menuntut hutang darah ke atas pembunuh itu tanpa pencaingan anggota-anggotanya, kerana Allah bencikan perbuatan itu dan Rasulullah s.a.w. telah melarangkannya.

(33)

33. "Oleh itu janganlah si wali itu bertindak melampaui batas (dalam tuntutan balas bunuh), sesungguhnya dia tetap diberi pertolongan."

Allah tetap memberi kuasa kepadanya dan dia tetap dibantu oleh undang-undang syara' dan ditolong oleh hakim. Oleh sebab itulah dia harus berlaku adil dalam tuntutan qisasnya. Seluruh pihak yang berkuasa akan menolongnya dan berusaha mendapatkan haknya.

Pemberian kuasa kepada wali menuntut hak qisas terhadap si pembunuh dan pengemblengan kuasa undang-undang syara' dan kuasa hakim untuk membantunya merupakan langkah-langkah untuk memenuhi keinginan fitrah manusia dan menenangkan gelora kemarahan yang dialami pihak wali yang mungkin mendorongnya bertindakbalas dengan sewenang-wenang dalam suasana dendam dan emosi yang berkobar-kobar tanpa garis panduan. Tetapi jika pihak wali itu (dari awal lagi) sedar bahawa Allah telah memberi kuasa kepadanya untuk menuntut hak qisas terhadap darah si pembunuh dan sedar bahawa para hakim telah ditugas untuk membantunya dalam mendapatkan hak qisas itu tentulah kemarahannya yang berkobar-kobar itu menjadi tenang dan hatinya kembali tenteram dan dia akan berhenti setakat menuntut hak qisas yang adil dan tenang.

Manusia tetap dengan sifat-sifat manusianya, oleh itu dia tidak boleh dituntut dan disuruh melakukan sesuatu yang bertentangan dengan keinginan fitrahnya yang begitu gemar menuntut hak qisas. Kerana itulah Islam mengakui keinginan fitrah ini dan memenuhi tuntutannya dalam batas-batas yang aman. Islam tidak mengabaikan kehendak-kehendak fitrah itu dengan mewajibkan sikap tasamuh/bertolak ansur secara paksa, malah Islam hanya menyeru dan menggalakkan mereka ke arah sikap bertolak ansur dan mengutamakannya, kemudian menjanjikannya dengan balasan pahala tetapi selepas mereka diberi kuasa menuntut hak qisas. Ketika itu pihak wali bebas sama ada hendak menuntut hak qisas atau memberi kema'afan. Kesedaran pihak wali bahawa dia mempunyai kuasa penuh dalam perkara ini kadang-kadang boleh mendorongnya ke arah mema'af dan bertolak ansur, tetapi jika dia sedar bahawa dia dipaksa memberi kema'afan, maka ini mungkin membangkitkan kemarahannya dan mendorongnya ke arah tindakan-tindakan yang melampaui batas dan liar.

(Pentafsiran ayat 34)

Setelah selesai membicarakan tentang kehormatan maruah dan nyawa, maka al-Qur'an memperkatakan pula tentang kehormatan harta benda anak yatim dan kehormatan perjanjian:

(34)

34. "Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga dia meningkat umur dewasa. Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya."

Islam memelihara kehormatan darah, maruah dan harta benda setiap Muslim. Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah diharamkan darahnya, maruahnya dan harta bendanya."

Tetapi Islam menekankan penjagaan harta benda anak yatim dan menonjolkan larangan itu dengan kata-kata jangan menghampiri harta benda mereka melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya. Ini disebabkan kerana anak-anak yatim itu tidak mampu menguruskan harta benda mereka dan mempertahankannya. Masyarakat Islam adalah diwajibkan memelihara dan menjaga anak yatim dan harta benda mereka sehingga mereka meningkat usia dewasa, cerdik dan mampu menguruskan sendiri harta benda mereka dan mempertahankannya.

Di antara perkara-perkara yang menarik perhatian mengenai perintah-perintah dan larangan-larangan (di dalam al-Quran) ialah kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas setiap individu itu diungkapkan suruhan dan larangannya dengan sighah mufrad/susun kata tunggal, sedangkan kewajipan-kewajipan yang diwajibkan ke atas masyarakat diungkapkan suruhan dan larangan-larangannya dengan sighah jama'/susun kata majmu'. Misalnya kewajipan-kewajipan berbakti kepada dua ibubapa, memberi bantuan kepada kerabat, orang miskin, orang musafir, larangan membazirkan harta, suruhan mengamalkan sikap sederhana dalam urusan perbelanjaan, iaitu sikap sederhana di antara kikir dan memboros, suruhan mempastikan kebenaran sesuatu perkara dan larangan bersikap takbur dan angkuh adalah semuanya diungkapkan dengan sighah mufrad/susun kata tunggal kerana kewajipan-kewajipan itu merupakan kewajipan individu. Sementara larangan-larangan membunuh anak, melakukan perbuatan zina, membunuh orang dan suruhan-suruhan menjaga harta benda anak yatim, menunaikan perjanjian, menyempurnakan sukatan dan timbangan diungkapkan dengan sighah jama'/susun kata majmu' kerana kewajipan-kewajipan ini merupakan kewajipan kelompok.

Oleh sebab itulah larangan mendekati harta anak yatim kecuali dengan cara yang sebaik-baiknya itu diungkapkan dengan sighah majmu' supaya seluruh orang ramai Islam bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim dan harta benda mereka. Ini adalah tanggungjawab mereka selaku orang Islam terhadap anak-anak yatim.

Oleh kerana penjagaan harta anak-anak yatim itu merupakan kewajipan orang ramai Islam, maka al-Quran telah menghubungkan kewajipan ini dengan kewajipan menunaikan perjanjian secara umum:

(34)

34. "Dan sempurnakanlah segala perjanjian kerana perjanjian itu akan ditanya."

Allah Jalla JalaluHu akan menyoal tentang penunaian perjanjian itu dan akan menghisab setiap mereka yang memungkiri dan membatalkan perjanjian itu.

Islam menekan berat terhadap kewajipan menyempurnakan perjanjian, kerana penunaian perjanjian merupakan tempat pergantungan kejujuran, kepercayaan dan kebersihan di dalam hati nurani individu dan di dalam

kehidupan orang ramai. Pembicaraan mengenai kewajipan menunaikan perjanjian ini telah dikemukakan berulang-ulang kali dengan berbagai-bagai bentuk di dalam al-Quran dan al-Hadith, sama ada perjanjian dengan Allah atau perjanjian dengan manusia, perjanjian individu, perjanjian kelompok, perjanjian negara, perjanjian pemerintah dan perjanjian rakyat yang diperintah. Di dalam sejarah realiti, Islam telah mencapai tahap yang amat tinggi dalam kejujuran menyempurnakan perjanjian, iaitu tahap yang tidak dapat dicapai oleh manusia melainkan di bawah naungan Islam.[11]

(Pentafsiran ayat 35)

Dari kewajipan menyempurnakan perjanjian beralih pula kepada kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan:

(35)

35. "Dan sempurnakanlah sukatan jika kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."

Titik persamaan di antara kewajipan menyempurnakan perjanjian dengan kewajipan menyempurnakan sukatan dan timbangan adalah jelas dari segi makna dan kata-kata. Oleh itu peralihan pembicaraan di dalam susunan ayat diselaraskan dengan jelas.

Penyempurnaan sukatan dan kejujuran dalam timbangan merupakan amanah di dalam mu'amalah dan kebersihan di dalam hati. Ia dapat menegakkan kejujuran bermu'amalah di dalam masyarakat, memberi kepercayaan kepada orang ramai dan menyempurnakan keberkatan di dalam kehidupan:

(35)

35. "Itulah yang lebih baik dan lebih elok akibatnya."

Ia mendatangkan hasil yang amat baik di dunia dan akibat yang amat elok di Akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Tiada seorang yang mampu melakukan sesuatu perbuatan yang haram kemudian dia meninggalkan perbuatan itu, sedangkan tiada sesuatu yang menghalangkannya selain dari perasaan takut kepada Allah, nescaya Allah gantikannya di dunia ini lagi sebelum Akhirat dengan kebaikan yang lebih baik dari itu (yakni dari keuntungan dari perbuatan yang haram itu)."

Ketamakan dalam sukatan dan timbangan itu membayangkan kekotoran dan kehinaan hati. Penipuan dan pengkhianatan di dalam mu'amalah itu menggoncangkan kepercayaan orang ramai dan mengakibatkan kelembapan dan

[11] *Lihat buku "* *" bab "* *" para "* *".*

kemelesetan urusniaga dan mengurangkan keberkatan di dalam masyarakat menyebabkan akibat yang buruk ini kembali menimpa individu-individu itu sendiri. Mereka mengira mereka telah mendapat keuntungan dari perbuatan mengurangkan sukatan dan timbangan itu, sedangkan keuntungan itu hanya merupakan satu keuntungan lahir yang sebentar sahaja, kerana akibat kelembapan dan kemelesetan urusniaga di dalam masyarakat ini tidak lama akan kembali menimpa individu-individu itu sendiri.

Ini adalah satu hakikat yang memang disedari oleh orang-orang yang mempunyai pandangan yang jauh di alam perniagaan dan kerana itu mereka telah mematuhinya. Kepatuhan mereka bukanlah terbit dari dorongan akhlak atau motif keagamaan, malah oleh semata-mata kesedaran mereka dari pengalaman-pengalaman amali di dunia pasaran niaga.

Perbezaan di antara mereka yang mematuhi sukatan dan timbangan yang sempurna berdasarkan kepentingan perniagaan dengan mereka yang mematuhinya berdasarkan pegangan agama ialah mereka yang mematuhi berdasarkan pegangan agama dapat merealisasi matlamat perniagaan dan serentak itu juga dapat menambahkan kebersihan hatinya dan meninggikan pandangan dan hasratnya di dalam kegiatan amalinya ke ufuk yang lebih tinggi dari alam bumi, dan memberikan kefahaman yang lebih luas dalam memahami dan menghayati kehidupan.

Demikianlah Islam sentiasa menegakkan matlamat-matlamat hidup yang amali di sepanjang perjalanan menuju kepada ufuk-ufuk yang gemilang, di sepanjang masanya yang jauh dan seluruh bidang-bidangnya yang amat luas.

(Pentafsiran ayat 36)

ʻAqidah Islam adalah satu ʻaqidah yang amat jelas, lurus dan terang. Tiada suatu di dalam ʻaqidah Islam yang dilandaskan di atas andaian atau prasangka atau pendapat yang mengelirukan:

(36)

36. "Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu. Sesungguhnya telinga, mata dan hati itu semuanya akan ditanya."

Ayat yang pendek ini membentuk satu pendekatan atau methodologi yang sempurna bagi hati dan akal manusia termasuk methodologi ilmiyah yang baru sahaja diketahui manusia, di samping ditokokkan pula dengan unsur kejujuran hati dan muraqabah dengan Allah yang merupakan ciri keistimewaan Islam yang mengatasi methodologi-methodologi ʻaqliyah lain yang kering.

Amalan mempastikan kebenaran sesuatu berita, sesuatu gejala dan sesuatu pergerakan sebelum menghukumkannya merupakan anjuran al-Qur'nul-Karim dan methodologi Islam yang halus dan hemat. Apabila hati dan akal manusia mengikut methodologi ini dengan jujur, maka tiada lagi ruang di alam ʻaqidah yang dapat dimasuki prasangka dan kepercayaan khurafat, dan tiada lagi ruang di

alam penghakiman, pengadilan dan mu'amalah yang dapat dimasuki oleh andaian-andaian dan pendapat-pendapat yang keliru, dan seterusnya tiada lagi ruang di alam penyelidikan-penyelidikan, ujian-ujian dan ilmu pengetahuan yang dapat dimasuki oleh pendapat-pendapat yang dangkal dan andaian-andaian yang karut.

Amanah ilmiyah yang dibangga-banggakan oleh manusia di zaman moden ini tidak lain dan tidak bukan melainkan merupakan sebahagian dari amanah 'aqliyah dan hati yang diumumkan tanggungjawabnya yang agung oleh al-Qur'an. Pengumuman itu menjadikan setiap orang bertanggungjawab terhadap pendengaran, penglihatan dan hatinya di hadapan Allah yang mengurniakan telinga, mata dan hati itu.

Itulah amanah anggota dan pancaindera, amanah akal dan hati. Inilah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap orang, amanah yang dipertanggungjawabkan kepada anggota-anggota, pancaindera, akal dan hati semuanya. Itulah amanah yang membuat hati gementar kerana kehalusan dan keberatannya setiap kali lidah melafazkan satu perkataan, setiap kali seseorang itu mengesahkan satu cerita dan setiap kali dia mengeluarkan satu pendapat atau hukuman terhadap seorang lain atau terhadap suatu perkara atau peristiwa.

36. "Dan janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak tahu."

Janganlah kamu ikut sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya dengan yakin dan belum kamu pastikan kesahihannya sama ada berupa perkataan yang digembar-gemburkan orang atau berupa cerita yang diperikan atau berupa suatu gejala yang ditafsirkan atau berupa sesuatu kejadian yang diberikan sebabnya atau berupa hukum syara' atau berupa persoalan 'aqidah.

Tersebut di dalam al-Hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

"Awasilah prasangka kerana prasangka itu sebohong-bohong percakapan."

Tersebut dalam Sunan Abu Daud (sabda Rasulullah s.a.w.):

:

"Seburuk-buruk alasan seseorang ialah perkataannya: Kata orang begini-begini." [12]

Dalam sebuah hadith yang lain (sabda Rasulullah s.a.w.):

[12] *Iaitu bercakap mengenai sesuatu tanpa alasan dan bukti selain dari bersandarkan kepada cerita-cerita dan desas-desus yang diperkatakan orang.*

"Sesungguhnya dusta yang paling dusta ialah seseorang itu mengaku melihat sesuatu yang tidak pernah dilihatnya."

Demikianlah terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang menegakkan methodologi yang sempurna dan sepadu ini yang bukan sahaja mewajibkan akal supaya berhemat mengeluarkan pendapat-pendapatnya dan mempastikan kesahihan dalam penyiasatan-penyiasatannya, malah hati juga pasti hemat melayani lintasan-lintasan fikiran, kefahaman-kefahaman, perasaan-perasaan dan pendapat-pendapatnya. Oleh sebab itu lidah tidak harus mengeluarkan sesuatu perkataan, tidak harus menceritakan sesuatu peristiwa, tidak harus mengutip sesuatu riwayat, dan akal tidak harus mengeluarkan sesuatu hukuman dan seseorang itu tidak harus membuat sesuatu keputusan melainkan setelah ia pastikan kebenarannya dari segenap perinciannya, segenap hubungannya dan segenap hasil natijahnya sehingga di sana tidak ada lagi sebarang keraguan dan kesamaran terhadap kebenarannya.

9. "Sesungguhnya al-Qur'an ini memberi hidayat ke jalan yang amat lurus"
amatlah benar keterangan ini.

(Pentafsiran ayat 37)

Suruhan-suruhan dan larangan-larangan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan 'aqidah tauhid ini diakhiri dengan larangan berlagak angkuh yang kosong dan congkak bongkak yang palsu:

(37)

37. "Dan janganlah engkau berjalan di bumi ini dengan lagak yang angkuh, kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."

Apabila hati seseorang sunyi dari kesedaran bahawa Allah Yang Maha Kuasa menguasai para hamba-Nya, maka dia akan dipengaruhi perasaan takbur dan sombong kerana kekayaan atau kekuasaan atau kekuatan atau kecantikannya, tetapi jika ia ingat bahawa segala ni'mat yang ada padanya adalah dari pemberian Allah dan ingat bahawa dia amat lemah di hadapan kekuasaan Allah tentulah dia akan merendahkan perasaan takburnya dan menurunkan rasa kesombongannya dan akan berjalan di bumi dengan langkah-langkah yang lemah-lembut tanpa lagak-lagak yang angkuh dan bongkak.

Al-Qur'an menghadapi orang yang takbur dan sombong itu dengan mengemukakan kelemahan dan kekerdilannya:

(37)

37. "Kerana sesungguhnya engkau tidak akan menembusi bumi (dengan jejakmu) dan tidak pula akan sampai setinggi gunung."

Tubuh manusia sangat kecil, tidak sebesar kejadian-kejadian besar yang lain yang telah diciptakan Allah. Dia hanya kuat dengan kekuatan yang dikurniakan Allah dan mulia dengan kemuliaan yang dianugerahi Allah. Dia hanya mulia dengan roh ciptaan Allah yang dihembuskan ke dalam dirinya untuk membolehkannya membuat perhubungan dan bermuraqabah dengan Allah agar tidak melupainya.

Sifat tawadhu' dan rendah diri yang diserukan al-Quran dengan mencelakan sifat takbur dan sombong itu merupakan peradaban terhadap Allah, peradaban terhadap sesama manusia, ia merupakan peradaban individu dan peradaban sosial. Tiada yang meninggalkan peradaban ini kepada sifat takbur dan sombong melainkan manusia yang berhati yang kecil dan berminat remeh. Manusia yang takbur dibencikan Allah kerana kesombongan dan kelupaannya terhadap ni'mat-Nya dan dia dibencikan orang ramai kerana gaya hidupnya yang angkuh.

Tersebut di dalam hadith (sabda Rasulullah s.a.w.):

> **"Barang siapa yang merendahkan dirinya kepada Allah nescaya diangkatkan Allah. Oleh itu dia merasa kecil di sisi dirinya, tetapi dipandang besar di sisi orang ramai, dan barang siapa yang berlagak takbur nescaya dia dihinakan Allah. Oleh itu dia merasa besar di sisi dirinya, tetapi dipandang kecil di sisi orang ramai sehingga dia lebih dibenci di sisi mereka dari anjing dan babi."**[13]

[13] *Diriwayatkan oleb Ibn Kathir di dalam tafsirnya.*

TAFSIR FI ZILALIL QURAN

"Di bawah bayangan Al-Quran"

Lukman (Ayat 13 – 19)

Hakikat siapakah Luqman yang dipilih oleh al-Qur'an sebagai jurucakap yang menerangkan persoalan-persoalan tauhid dan Akhirat telah diterangkan oleh berbagai-bagai riwayat-riwayat, ada riwayat yang mengatakan beliau itu seorang nabi dan ada riwayat yang mengatakan beliau hanya seorang hamba yang salih bukannya nabi. Kebanyakan Mufassirin berpegang dengan riwayat yang kedua ini. Kemudian dicerita pula bahawa beliau adalah seorang hamba bangsa Habsyah, dan ada pula cerita mengatakan beliau seorang yang berasal dari Nubah (di Timur LautAfrika). Begitu juga ada cerita yang mengatakan beliau hidup dalam kalangan Bani Israel sebagai salah seorang dari hakim-hakim mereka. Walau bagaimanapun hakikat beliau, namun al-Qur'an telah menjelaskan bahawa beliau telah dikurniakan Allah hikmat yang isi kandungan dan tujuannya ialah bersyukur kepada Allah, **"dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata) Bersyukurlah kepada Allah",** ini adalah bimbingan al-Quran secara tidak langsung supaya bersyukur kepada Allah sebagai mencontohi Luqmanul-Hakim yang telah dipilih untuk mengemukakan kisahnya dan perkataannya. Di samping bimbingan secara tidak langsung ini terdapat pula satu bimbingan yang lain, iaitu kesyukuran kepada Allah merupakan satu bekalan yang berguna kepada orang yang bersyukur, sedangkan Allah terkaya darinya. Allah itu terpuji dengan zat-Nya walaupun tidak dipuji oleh sesiapa pun dan makhluk-Nya:

(12)

12. "Dan. barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Kaya dan Maha Terpuji."

Oleh itu orang yang paling tolol ialah orang yang tidak mengikut hikmat ini dan tidak mengumpul modal bekalan yang seperti ini untuk faedah dirinya.

(Pentafsiran ayat 13)

Kemudian datang pula persoalan tauhid di dalam bentuk nasihat Luqmanul-Hakim kepada anaknya:

(13)

13. "Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."

Ini adalah satu nasihat yang jujur kerana tiada lain tujuan seorang bapa melainkan supaya anaknya mendapat kebaikan dan tiada sikap yang wajar bagi seorang bapa terhadap anaknya melainkan memberi nasihat. Di sini Luqmanul-Hakim melarang anaknya dan mempersekutukan Allah dengan alasan bahawa perbuatan syirik adalah suatu yang amat besar. Beliau menekankan hakikat ini dua kali. Sekali dengan mengemukakan larangan dan menjelaskan alasannya dan sekali lagi dengan menggunakan kata-kata penguat iaitu "inna" dan "lam" pada "lazulmun". lnilah hakikat yang dikemukakan Nabi Muhammad s.a.w. kepada

kaumnya lalu mereka mempertikaikannya dan mengatakan penceritaan ini sebagai ada udang disebalik hatu. Mereka takut penceritaan ini bertujuan untuk mencabut kekuasaan mereka dan menunjukkan kelebihan ke atas mereka. Apakah yang ada pada nasihat Luqmanul-Hakim yang dikemukakan kepada anaknya? Tidakkah nasihat seorang bapa kepada anaknya itu bersih dari segala keraguan dan jauh dari segala sangkaan yang buruk? Sebenarnya itulah hakikat yang amat tua yang disebut oleh setiap orang yang dikurniakan Allah pengetahuan hikmat yang bertujuan semata-mata untuk kebaikan bukannya tujuan yang lain darinya. lnilah penerangan psikologi yang dimaksudkan disini.

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Di bawah bayangan nasihat bapa kepada anak, al-Qur'an menjelaskan hubungan di antara dua ibu bapa dan anak-anak dengan uslub yang amat halus. Ia menggambarkan hubungan itu dengan satu gambaran yang menarik, penuh mesra dan lemah lembut, namun demikian hubungan 'aqidah adalah tetap diutamakan dan hubungan darah yang erat itu:

(14)

14. "Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau dan kepada-Ku tempat kembali."

(15)

15. "Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku, kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."

Perintah kepada anak-anak supaya berbuat baik kepada ibu bapa berulang-ulang kali disebut di dalam al-Qur'anul-Karim dan di dalam suruhan-suruhan Rasulullah s.a.w., tetapi perintah kepada ibu bapa supaya berbuat baik kepada anak-anak hanya disebut sedikit sahaja dan kebanyakannya mengenai peristiwa menanam anak hidup-hidup, iaitu satu peristiwa tertentu yang berlaku di dalam suasana-suasana tertentu. Ini disebabkan kerana fitrah semulajadi sahaja sudah cukup untuk mendorong ibu bapa mengambil berat terhadap keselamatan anak-anaknya. Fitrah semulajadi memang didorong ke arah melindungi generasi baru untuk menjamin kesinambungan hayat sebagaimana yang dikehendaki Allah. Ibu bapa akan mengorbankan tubuh badan mereka, saraf mereka, umur mereka dan

segala sesuatu yang mahal yang dimiliki mereka demi kepentingan anak-anak mereka. Mereka membuat pengorbanan-pengorbanan itu tanpa bersungut atau mengadu, malah tanpa kesedaran mereka, malah mereka berkorban dengan cergas dan senang hati seolah-olah merekalah yang menerima. Pendeknya fitrah semulajadi sudah cukup untuk mendorong ibu bapa menjaga anak-anaknya tanpa perintah, cetapi kepada si anak pula ia perlu diperintah berulang-ulang kali supaya memberi perhatian kepada generasi ibu bapa yang berkorban dan yang berundur ke belakang hayat setelah mencurahkan usia dan jiwa mereka kepada generasi baru yang menghadapi masa depan hayat. Si anak tidak dapat menggantikan separuh pengorbanan yang telah dilakukan orang tuanya walaupun dia memberi seluruh umurnya untuk mereka. Gambaran menarik di dalam ayat *"dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun"* adalah menggambarkan bayangan dan pengorbanan mereka yang luhur itu. Si ibu sudah tentu menanggung habuan pengorbanan yang lebih besar dan dia melakukan pengorbanan itu dengan perasaan kasih mesra yang lebih hebat, lebih mendalam, lebih lembut dan halus. Al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar telah meriwayatkan dalam musnadnya dengan sanadnya dari Burayd dari bapanya bahawa seorang lelaki mengerjakan tawaf dengan mendukung ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w.: "Adakah saya telah membayar haknya (ibunya) beliau: "Tidak, tidak, walau senafas pun". Demikianlah dia tidak dapat membalas budi ibunya walau senafas pun dan masa ia mengandung atau masa dia bersalin. Dia mengandungnya dengan mengalami kelemahan demi kelemahan.

Di bawah bayangan gambaran yang penuh mesra itu, al-Quran menyuruh manusia supaya bersyukur kepada Allah selaku Pengurnia ni'mat yang pertama dan berterima kasih kepada ibu bapa selaku pembuat budi atau pemberi ni'mat yang kedua. Al-Quran mengatur kewajipan, mula-mula bersyukur kepada Allah kemudian berterima kasih kepada dua ibu bapa:

14. "Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau"

kemudian ia kaitkan hakikat ini dengan hakikat hari Akhirat **"dan kepada-Ku tempat kembali",** di mana bergunanya modal bekalan amalan bersyukur itu.

Tetapi hubungan dua ibu bapa dengan anak itu walaupun begitu erat mesra dan mulia namun dalam susunan tertib ia hanya menduduki tempat yang kedua selepas hubungan 'aqidah. Baki perintah kepada manusia dalam hubungan mereka dengan ibu bapa ialah:

15. "Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya mempersekutukanKu dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya."

Sampai di sini gugurlah kewajipan ta'at kepada dua ibu bapa, dan di sinilah meningkatnya hubungan 'aqidah mengatasi segala hubungan yang lain. Walau bagaimana hebat usaha, perjuangan, desakan dan penerangan yang dikemukakan

oleh ibu bapa dengan tujuan memujuk si anak supaya mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diketahui ketuhanannya, maka dia diperintah supaya jangan ta'at kepada kehendak dua ibu bapa itu. Itulah perintah dan Allah selaku tuan punya hati yang pertama yang pasti ditaati

Tetapi perbezaan 'aqidah di antara anak dan ibu bapa, juga perintah supaya jangan menta'ati ibu bapa dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan 'aqidah, tidaklah menggugurkan hak ibu bapa dari mendapat layanan yang baik dan persahabatan yang mesra dari anak-anaknya:

15. "Dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini."

Hidup dunia ini hanya merupakan satu perjalanan yang pendek yang tidak menjejaskan hakikat yang pokok:

15. "Dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku."

Itulah jalan orang-orang yang beriman.

15. "Kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu."

laitu selepas selesai perjalanan hidup dunia yang terbatas.

(15)

15. "Dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."

Setiap orang akan menerima balasan dan amalannya iaitu amalan kufur atau bersyukur, syirik atau tauhid.

Menurut riwayat, ayat ini juga ayat Surah al-'Ankabut yang sama dan ayat al-Ahqaf adalah diturun kerana peristiwa Saad ibn Abu Waqqas dengan Ibunya (sebagaimana saya telah jelaskannya di dalam juzu' yang kedua puluh dalam Sura al-'Ankabut). Menurut riwayat yang lain, ayat ini diturun kerana peristiwa Sa'd ibn Malik. Ini diriwayatkan oleh at-Tabrani dalam kitab al-'Isyrah dengan sanadnya dari Daud bin Abu Hind. Kisah yang disebut dalam Sahih Muslim adalah dari hadith Sa'd ibn Abu Waqqas dan inilah riwayat yang lebih rajih. Maksud ayat ini adalah umum mencakupi segala keadaan yang sama. Ia mengatur hubungan-hubungan di samping mengatur kewajipan-kewajipan, iaitu hubungan dengan Allah merupakan hubungan yang pertama dan menjunjung perintah Allah merupakan kewajipan yang pertama Al-Qur'an menjelaskan dasar ini dan menekankannya pada setiap kesempatan dengan menggunakan berbagai-bagai cara supaya dasar ini tertanam di dalam hati orang-orang yang beriman dengan jelas tanpa sebarang keraguan dan kekaburan.

(Pentafsiran ayat 16)

Setelah selesai penerangan selingan di dalam nasihat Luqman kepada anaknya itu, al Qur'an menyambung pula nasihat Luqman yang berikut untuk menjelaskan persoalan hari Akhirat dengan hisabnya yang amat halus dan balasannya yang amat adil. Tetapi hakikat hisab dan balasan ini tidak dijelaskan secara bersendirian sahaja, malah dikemukakan di dalam ruangan alam buana yang luas dan dengan gambaran yang berkesan, yang membuat hati menggigil apabila ia menyedari ilmu Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu ilmu Allah yang amat halus dan seni:

(16)

16. "Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu amalan itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di laut atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar."

Tiada satu pengungkapan mengenai kehalusan dan kesyumulan ilmu Allah dan qudrat-Nya, juga mengenai kehalusan hisab dan keadilan pertimbangan Allah yang dapat mendampingi pengungkapan al-Quran ini. ltulah kelebihan al-Quran yang penuh mukjizat, indah dan mendalam penerangannya[14] . Sebiji sawi yang kecil, terbuang dan tiada nilai tersembunyi dalam sebiji batu yang pejal, ia tidak kelihaan dan tidak dapat dihubungi "*atau berada di langit*" iaitu di angkasa raya yang maha luas, di mana bintang yang besar kelihatan seperti sebiji noktah yang terapung-apung atau sebiji debu yang sesat "*atau di bumi*" Ia hilang tidak kelihatan di dalam debu-debu tanah dan batu-batunya "*nescaya akan dibawakannya oleh Allah*" yakni ilmu Allah tetap mengikutinya dan qudrat Allah tetap menangkapnya "*sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar*". Ini adalah satu kesimpulan yang amat sesuai dengan pemandangan sesuatu yang tersembunyi dan seni.

Daya khayal kita terus mengikuti biji sawi di tempat persembunyiannya yang amat dalam dan luas itu, dan menyedari bahawa ilmu Allah tetap mengikuti biji sawi itu hingga hati kita menjadi khusyu' dan kembali kepada Allah Yang Maha halus dan mengetahui segala sesuatu yang tersembunyi. Dan di sebalik itu tertanamlah hakikat persoalan hari Akhirat yang mahu ditanamkan oleh al-Quranul-Karim ke dalam hati manusia dengan cara penerangan yang amat menarik ini.

(Pentafsiran ayat 17)

Kemudian aI-Qur'an terus menceritakan nasihat Luqman kepada anaknya. Beliau membawa anaknya mengikuti langkah-langkah 'aqidah setelah ia tertanam di dalam hatinya, iaitu selepas beriman kepada Allah yang tanpa sebarang sekutu

[14] *Lihat bab "   " dalam buku "   "*

bagi-Nya dan selepas yakin kepada hari Akhirat yang tidak diraguinya sedikit pun itu dan selepas percaya kepada keadilan balasan Allah yang tidak terlepas dari-Nya walaupun sebesar sebiji sawi. Ia membawa anaknya kepada langkah yang kedua iaitu bertawajjuh kepada Allah dengan ibadat solat dan menghadapi manusia dengan berdawah kepada Allah dan sabar memikul tugas-tugas da'wah dan kesulitannya yang pasti dihadapi:

(17)

17. "Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan dan larangkan mereka berbuat kemungkaran dan sabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman."

lnilah jalan aqidah yang tersusun iaitu mentauhidkan Allah, menyedari wujudnya pengawasan Allah, meletakkan harapan pada balasan yang disediakan di sisi Allah, percaya kepada keadilan Allah dan takut kepada balasan Allah, kemudian berpindah pula kepada kegiatan berda'wah, iaitu menyeru manusia memperbaiki keadaan diri mereka, menyuruh mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka berbuat kemungkaran. Dan sebelum menghadapi perjuangan menentang kejahatan itu, seseorang harus berbekal dengan bekalan utama iaitu bekalan ibadat kepada Allah, bertawajjuh kepada Allah dengan solat dan sabar menanggung kesulitan yang dialami oleh setiap penda'wah kepada agama Allah, iaitu kesulitan akibat dan kedegilan dan penyelewengan hati manusia, kesulitan akibat dan kelancangan lidah dan dari kejahatan tindak-tanduk manusia, juga kesulitan akibat dan kesukaran kewangan dan pengorbanan jiwa ketika diperlukan keadaan *"sesungguhnya urusan sedemikian adalah dan urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman"* Maksud dari ialah memotong jalan ragu-ragu (atau menghapuskan sikap teragak-agak) setelah ditetapkan azam dan dikuatkan tekad.

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Kemudian Luqman menyentuh dalam nasihatnya adab cara berdawah kepada Allah bagaimana yang diceritakan oleh al-Qur'an di sini, kerana berda'wah kepada Allah tidak mengharuskan seseorang bersifat takbur terhadap manusia atau bersikap angkuh atas nama memimpin manusia ke arah kebaikan dan lebih-lebih lagi sikap angkuh tanpa berda'wah kepada kebaikan. Ini adalah lebih buruk dan lebih keji lagi:

(18)

18. "Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."

Kata-kata "as-Sa'r" bererti sejenis penyakit unta yang membuat lehernya menjadi teleng. Uslub al-Quran telah memilih kata-kata ini untuk meliarkan manusia dari teleng angkuh yang serupa dengan teleng penyakit unta, iaitu gerak-geri sombong dan tidak menghiraukan manusia, lagak memaling muka menunjukkan kesombongan.

Berjalan di bumi dengan lagak yang sombong ialah berjalan dengan gaya takbur dan tidak mempedulikan manusia, iaitu satu lagak yang dibencikan Allah dan dimarahkan manusia. Gerak-geri dan lagak yang seperti ini adalah membayangkan seseorang itu ditimpa penyakit takbur **"Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."**

Di samping melarang berjalan dengan lagak yang sombong al-Qur'an menerangkan cara berjalan yang sederhana dan mempunyai tujuan:

(19)

19. "Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."

Maksud sederhana di sini ialah gaya berjalan yang hemat, jimat dan tidak melampau, tidak membuang tenaga menunjuk-nunjukkan lagak dan lenggang-lenggoknya yang sombong, juga gaya berjalan yang mempunyai matlamat kerana perjalanan yang mempunyai tujuan dan matlamat itu tidak teragak-agak dan tidak berlenggang-lenggok malah terus menuju kepada tempat tujuannya dengan mudah dan lancar.

Merendahkan suara ketika bercakap membayangkan adab sopan dan kepercayaan kepada diri sendiri dan keyakinan kepada kebenaran dan kekuatan apa yang diucapkannya. Orang-orang yang biadab sahaja yang bercakap dengan suara yang keras dan bahasa yang kesat atau orang-orang yang ragu-ragu terhadap nilai perkataannya atau terhadap nilai dirinya sendiri lalu dia berusaha melindungi keraguannya itu di sebalik kata-katanya yang tajam, kasar dan keras.

Uslub al-Qur'an membidas perbuatan-perbuatan seperti itu dan menggambarkannya dengan gambaran yang hina dan buruk apabila ia mengulas: *"Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai"* dengan satu pemandangan yang lucu dan menjijikkan serta menimbulkan perasaan benci dan memandang keji. Tidak mungkin bagi seseorang yang mempunyai hati yang memahami gambaran yang lucu di sebalik pengungkapan yang indah ini kemudian ia cuba meniru suara keldai itu.

Demikianlah berakhirnya pusingan yang kedua setelah selesai memperkatakan persoalan yang pertama dengan penerangan dan uslub yang baru.

Surah Al-Alaq

Surah Segumpal Darah

Surah (96) - Makkiyah - 19 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. (Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk).

(2)

2. Ia telah menciptakan manusia dan segumpal darah.

(3)

3. Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah.

(4)

4. Yang mengajar dengan pena.

(5)

5. Ia mengajar mauusia apa yang tidak diketahuinya.

(6)

6. Ingatlah! Sebenarnya manusia itu bersifat melampau dan takbur.

(7)

7. Kerana melihat dirinya mempunyai harta kekayaan.

(8)

8. Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian.

(9)

9. Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang.

(10)

10. Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?

(11)

11. Apakah pandanganmu jika orang yang dilarang itu berada di atas jalan hidayat?

(12)

12. Atau menyuruh orang lain bertaqwa kepada Allah?

(13)

13. Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?

(14)

14. Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?

(15)

15. Tidak sekali-kali begitu, demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatan yang keji itu) nescaya Kami akan tarikkan ubun-ubunnya.

(16)

16. Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa.

(17)

17. Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya.

(18)

18. Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah.

(19)

19. Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendaknya malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah.

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Permulaan surah ini merupakan ayat-ayal al-Quran yang pertama yang diturunkan, mengikut kata sepakat para Ulama. Riwayat-riwayat yang menyebut ayat yang lain yang mula diturunkan itu adalah tidak dapat dipegang. Ujar al-

Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh 'Abdur-Razzaq, kami telah diceritakan oleh Ma'mar- ibn az-Zuhri dan 'Urwah dari Aisyah r.anha katanya:

Wahyu pertama yang mula diterima Rasulullah s.a.w. ialah yang benar dalam masa tidur. Beliau tidak melihat satu mimpi melainkan yang dengan jelas seperti serlahan cahaya pagi. Kemudian beliau diberi kegemaran bersemadi di tempat yang sunyi. Beliau bersemadi di Gua Hira. Di sanalah beliau beribadat beberapa malam lamanya sebelum beliau pulang kepada keluarganya dan berbekal untuk itu, kemudian beliau pulang lagi kepada Khadijah dan berbekal pula seperti itu sehingga datanglah kebenaran semasa beliau berada dalam Gua Hira. Ia didatangi malaikat Jibril yang berkata kepada beliau: "Bacalah!" Jawab beliau: "Aku tidak pandai membaca." Dan beliau bercerita: Lalu malaikat itu datang memelukku hingga membuat aku penat, kemudian ia melepaskan aku sambil berkata: "Bacalah!" Aku menjawab "Aku tidak pandai membaca." Lalu ia memelukku kali yang kedua sehingga membuat aku penat kemudian ia melepaskan aku sambil berkata: "Bacalah" Aku menjawab: "Aku tidak pandai membaca". Lalu ia memelukku kali yang ketiga kemudian ia berkata:

(1)

1. "(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhan yang telah menciptakan (seluruh makhluk)."

(2)

2. "Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah."

(3)

3. "Bacalah dan Tuhanmulah yang paling pemurah."

(4)

4. "Yang mengajar dengan pena."

(5)

5. "Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Selepas itu Rasulullah s.a.w. kembali dengan ayat-ayat ini dalam keadaan menggigil hingga beliau masuk ke dalam rumah menemui Khadijah dan berkata "Selimutkan aku! Selimutkan aku!" Lalu mereka menyelimutkan beliau sehingga hilang ketakutannya. Lalu beliau berkata: "Wahai Khadijah! Mengapa aku jadi begini?" Kemudian beliau menceritakan kepada Khadijah apa yang telah berlaku dan berkata: "Aku bimbang terhadap diriku." Lalu dijawab Khadijah: "Tidak. Senangkan hati anda. Demi Allah, Allah tidak sekali-kali akan menghinakan anda, kerana sesungguhnya anda seorang yang sentiasa membuat hubungan yang baik dengan kaum kerabat, sentiasa bercakap benar, menanggung bebanan menolong orang-orang yang lemah, sentiasa memuliakan tamu dan sentiasa menolong orang-orang yang dilandakan bala bencana." Kemudian Khadijah membawa

beliau bertemu dengan Waraqah ibn Naufal ibn Mad ibn Abdul 'Uzza ibn Qusayy iaitu sepupu Khadijah sebelah bapanya Dia adalah seorang yang telah memeluk agama Nasrani pada masa jahiliyah lagi. Dia boleh menulis kitab dalam bahasa Arab dan telah menulis kitab suci Injil dalam bahasa 'Ibrani sebanyak yang dikehendaki Allah. Dia seorang tua yang telah buta matanya, lalu Khadijah berkata: "Wahai sepupuku! Dengarlah cerita dari anak saudaramu ini. Kata Waraqah: "Wahai anak saudaraku! Apakah yang engkau lihat?" Lalu Rasulullah s.a.w. menceritakan segala apa yang dilihatnya. Kemudian Waraqah berkata "Itulah malaikat yang diturunkan kepada Musa a.s. Aku berangan-angan kembali muda belia, aku berangan-angan semoga aku masih hidup sewaktu engkau diusir keluar oleh kaum engkau." Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: "Apakah mereka akan mengusirku keluar?" Jawab Waraqah: "Ya. Tiada siapa pun yang datang membawa apa yang dibawa engkau melainkan ia akan dimusuhi. Jika aku sempat dengan masamu, aku akan memberi sepenuh pertolongan kepadamu." Tetapi tidak lama kemudian Waraqah meninggal dunia.... hingga akhir. (Hadith ini dikeluarkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith az Zuhri).

Menurut riwayat at-Tabari dengan sanadnya dari Abdullah ibn az-Zubayr katanya:

Sabda Rasulullah s.a.w.: Malaikat itu datang kepadaku semasa aku sedang tidur membawa sejenis bekas dan kain beroked di mana terletak sebuah kitab, lalu berkata: 'Bacalah!' Aku pun menjawab: 'Aku tidak pandai membaca.' Lalu ia memelukku hingga aku sangka aku tentu mati. Kemudian ia melepaskan aku dan berkata: 'Bacalah!' Aku pun menjawab: 'Aku nak baca apa?' Aku jawab begitu untuk mengelak supaya ia tidak memelukku lagi seperti tadi. Lalu ia pun berkata:

Ujar beliau: "Lalu aku pun membacanya hingga habis. Kemudian ia beredar meninggalkanku. Aku pun terjaga dari tidurku dan aku merasa hatiku telah ditulis satu tulisan." Beliau bersabda lagi: "Tidak ada makhluk Allah yang lebih tidak disukaiku dari penyair dan orang gila. Aku tidak sanggup melihat kedua mereka" Beliau bersabda lagi: "Aku berkata: Sesungguhnya diriku kini telah menjadi seorang penyair atau seorang gila. Janganlah sekali-kali orang-orang Quraysy mengatakan begitu kepadaku. Aku akan naik ke atas bukit untuk mencampakkan diriku dan membunuhnya supaya aku rehat." Beliau bersabda lagi: "Lalu aku keluar untuk berbuat demikian sehingga apabila sampai di tengah bukit aku dengar satu suara dari langit berkata: "Wahai Muhammad! Engkau adalah Rasulullah dan aku adalah Jibril." Beliau bersabda lagi: "Aku pun mendongak kepalaku ke langit, tiba-tiba aku melihat Jibril dalam bentuk seorang lelaki berdiri di kaki langit seraya berkata: 'Wahai Muhammad! Engkau adalah Rasulullah dan aku adalah Jibril. Beliau bersabda lagi: "Aku pun berhenti memandang kepadanya hingga aku tidak lagi teringat kepada tujuanku. Aku tidak dapat melangkah ke depan dan tidak pula dapat berundur ke belakang. Aku mengalihkan mukaku darinya melihat ke kaki langit yang lain, tetapi dari satu arah pun yang kupandang melainkan aku tetap nampaknya. Aku terus berdiri tidak maju ke depan dan tidak pula mundur ke belakang sehingga Khadijah mengirim orang-orangnya mencariku sampai ke Makkah dan balik semula, tetapi aku masih berdiri

di tempatku, kemudian Jibril berundur meninggalkanku dan aku beredar dari situ pulang kepada keluargaku"

Kisah ini diriwayatkan oleh lbn Ishaq dengan panjang lebar dari Wahb ibn Kisan dari 'Ubayd juga.

Aku berdiri di depan peristiwa ini yang sering kita membaca di dalam kitab-kitab sirah dan kitab-kitab tafsir, kemudian kita lewati dan meninggalkannya begitu sahaja atau kita berhenti sebentar kemudian kita berlalu dari situ.

Ia merupakan satu peristiwa yang maha agung, yang tiada batas bagi keagungannya. Walau bagaimanapun kita cuba pada hari ini untuk mengetahui seluruh keagungannya, namun di sana masih banyak dari sudut-sudut peristiwa ini berada di luar kefahaman kita.

Ia adalah peristiwa yang agung dari sudut hakikatnya, dari sudut maknanya dan dari sudut kesan-kesannya kepada kehidupan seluruh manusia. Detik-detik masa berlakunya peristiwa ini merupakan detik-detik masa yang paling agung yang pernah berlalu di bumi ini di sepanjang sejarahnya.

Apakah hakikat peristiwa yang telah berlaku dalam detik-detik ini?

Hakikatnya ialah Allah Yang Maha Agung, Maha Berkuasa dan Yang Maha Besar yang memiliki seluruh alam ini telah sudi dan berkenan memandang kepada makhluk-Nya yang bernama manusia yang duduk tersorok di satu sudut alam buana, yang namanya hampir-hampir tidak dilihat bumi, lalu Ia muliakannya dengan memilih salah seorang dari makhluk ini untuk menjadi pusat pancaran nur-Nya, khazanah hikmat-Nya, tempat turun kalam-Nya yang suci dan pelaksana perencanaan-perencanaan yang dikehendaki-Nya terhadap makhluk manusia ini.

Ini adalah satu hakikat yang maha agung, yang tiada batas lagi keagungannya, dan sudut-sudut keagungannya akan beransur-ansur kelihatan jelas apabila manusia mulai memahami sekadar kemampuannya hakikat Uluhiyah yang mutlaq, yang azali dan abadi, dan mulai memahami hakikat 'Ubudiyah atau kehambaan dirinya yang terbatas, yang baru dan yang fana, kemudian ia akan merasa kemanisan kesan dan keprihatinan dari 'inayah Allah itu terhadap makhluk manusia dan menerimanya dengan penuh patuh, syukur dan gembira apahila ia memahami kalam Allah yang bergema di alam, yang diturunkan kepada manusia yang duduk tersorok di suatu alam yang kecil.

Apakah makna peristiwa ini?

Maknanya dari segi Allah S.W.T. ialah Allah adalah Tuhan Yang Maha Pemurah, Pengurnia rahmat yang melimpah-ruah Yang Maha Penyayang, yang mencurahkan kurnia dan rahmat-Nya tanpa sesuatu sebab selain dan kerana limpah kurnia itu sendiri merupakan sebahagian dan sifat zatiyah-Nya Yang Maha Mulia.

Maknanya dari segi manusia pula ialah Allah S.W.T. telah mengurniakan kepada mereka satu penghormatan yang hampir-hampir tidak dapat digambarkannya dan tidak berdaya disyukuri walaupun ia menghabiskan seluruh umurnya dalam keadaan sujud dan ruku, penghormatan itu ialah Allah sentiasa terkenang kepadanya, menoleh kepadanya dan membuat hubungan dengannya,

dan memilih dari bangsanya seorang Rasul yang menerima wahyu-wahyu-Nya, juga kerana Allah memilih bumi ini sebagai tempat kediamannya dan sebagai tempat turun kalam suci-Nya yang bergema di merata pelosok alam dengan khusyuk dan do'a.

Kesan-kesan peristiwa yang agung ini dalam seluruh kehidupan manusia telah bermula sejak awal-awal lagi, iaitu ia bermula dengan mengubahkan perjalanan sejarah sejak Ia mula mengubahkan perjalanan hati manusia dan sejak Allah telah ditentukan sebagai satu-satunya pihak yang harus di pandang manusia dan sebagai satu-satunya sumber bagi manusia menerima persepsi-persepsi, nilai-nilai dan neraca pertimbangan mereka. Kini yang menjadi penentu bukannya bumi dan hawa nafsu, tetapi ialah langit dan wahyu Ilahi.

Sejak masa ini penghuni bumi, yang tersemat hakikat ini dalam jiwa mereka, hidup secara langsung di bawah naungan dan pemeliharaan Allah. Mereka hidup dengan menumpukan pandangan mereka secara langsung kepada Allah dalam segala urusan hidup mereka baik yang kecil atau yang besar. Mereka melihat, mendengar, merasa dan bergerak di bawah perhatian Allah. Mereka mengharapkan Allah membimbing mereka selangkah demi selangkah ke jalan yang benar dan menghindarkan jalan yang salah. Setiap malam mereka tertunggu-tunggu turunnya wahyu Allah yang baru yang menceritakan apa yang ada di dalam hati mereka dan menyelesaikan masalah-masalah mereka dan memerintah mereka buat ini dan jangan buat itu.

ltulah satu zaman yang aneh, iaitu selama 23 tahun yang berikut selepas itu di mana terjalinnya hubungan secara langsung di antara manusia dan al-Malaul-A'la, satu zaman yang tidak dapat difahami hakikatnya melainkan oleh angkatan Muslimin yang pertama yang telah menghayatiny, mengalaminya dan menyaksikannya sendiri dari awal hingga akhirnya. Mereka telah mengecapi kemanisan hubungan itu dan merasakan tangan qudrat Allah sentiasa memimpin mereka. Mereka telah melihat sendiri dari mana mereka bermula dan ke mana mereka berakhir, iaitu satu jarak perbezaan yang amat jauh yang tidak dapat diukur dengan mana-mana ukuran bumi, iaitu jarak yang wujud di dalam hati yang tidak dapat disamakan dengan jarak yang wujud di alam nyata, juga tidak dapat disamakan dengan jarak jauh yang wujud di antara bintang-bintang dan alam-alam yang lain, iaitu jarak perbezaan antara menerima bimbingan dari bumi dengan menerima bimbingan dari langit, dan jarak perbezaan mencari petunjuk dari hawa nafsu dengan mencari petunjuk dari wahyu Allah, jarak perbezaan di antana pimpinan jahiliyah dengan pimpinan Islamiyah di antara pimpinan manusia dengan pimpinan Rabbani iaitu satu jarak perbezaan yang lebih jauh dari jarak bumi dengan langit di alam bintang-bintang.

Mereka mengenal dan mencapai kemanisan rasanya, mereka menyedari nilainya dan mereka benar-benar merasa kesan dan kehilangan zaman ini apabila Rasulullah s.a.w. kembali ke Rahmatullah dan dengan itu putuslah zaman yang cemerlang itu, iaitu satu zaman yang tidak dapat digambarkan oleh akal andainya ia tidak benar-benar berlaku di alam kenyataan.

Dari Anas r.a.. katanya: Abu Bakr telah berkata kepada 'Umar r.a selepas wafatnya Rasulullah s.a..w.: "Marilah pergi bersama kami ke rumah Ummu

Aiman r.a. untuk mengunjunginya sebagaimana Rasulullah s.a.w. selalu mengunjunginya" Apabila kedua duanya datang menemui Ummu Aiman ia pun menangis, lalu kedua-duanya berkata:

"Mengapa mak cik menangis? Tidakkah mak cik tahu bahawa balasan yang disediakan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk Rasulullah s.a.w.?' Jawab Ummu Aiman: "Ya mak cik tahu bahawa balasan yang disediakan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk Rasulullah s.a.w., tetapi mak cik menangis kerana wahyu telah terputus dari Allah." Perkataan Ummu Aiman itu telah mengharukan kedua-duanya lalu kedua-duanya menangis bersama Ummu Aiman.

(Dikeluarkan oleh Muslim)

Kesan-kesan zaman ini terus mempengaruhi kehidupan manusia sejak zaman itu hingga ke zaman in malah hingga ke Hari Qiamat.

Manusia telah dilahirkan semula apabila mereka mengambil nilai-nilai hidupnya dari langit bukan dari bumi, dan mengambil undang-undang dan syari'atnya dari wahyu bukan dari nafsu.

Perjalanan sejarah manusia telah berubah, iaitu satu perubahan yang belum pernah berlaku sebelum itu, dan kerana itu peristiwa ini merupakan satu persimpangan jalan, di mana batu-batu tandanya kelihatan jelas, tegap dan tinggi, tidak dapat dikikis oleh zaman dan tidak pula dapat dihapuskan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku, dan di mana terpacak dalam hati manusia kefahaman yang jelas terhadap alam, terhadap hidup dan terhadap nilai-nilai yang belum pernah wujud sepertinya dan tidak pernah ada selepasnya satu kefahaman lain yang syumul, bersih dan bebas dari segala perhitungan-perhitungan bumi yang serupa dengannya, di samping sifatnya yang realistik dan sesuai dengan kehidupan manusia. Asas-asas sistem hidup Illahi ini telah ditegakkan di bumi dengan jelas dan terang:

42. "Agar siapa yang binasa, ia binasa selepas mendapat keterangan yang jelas dan siapa yang hidup, ia hidup selepas mendapat keterangan yang jelas."

(Surah al-Anfal)

laitu tanpa sebarang kesamaran dan kekeliruan.

Andainya berlaku kesesatan dan penyelewengan, maka ia berlaku dengan ilmu pengetahuan dan dengan sengaja.

Itulah satu peristiwa unik di zaman yang unik iaitu satu peristiwa pemutus dalam sejarah umat manusia seluruhnya, bukannya dalam sejarah satu umat atau satu generasi, satu peristiwa yang telah dirakamkan oleh seluruh alam dan hati nurani manusia. Sepatutnya pada hari ini hati nurani insan terus mengingati peristiwa yang agung ini tanpa melupakannya, dan harus mengenanginya selama-lamanya sebagai hari kelahiran semula manusia yang hanya dapat menyaksikannya sekali sahaja di sepanjang zaman.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

lnilah ulasan bahagian awal dari surah ini, sedangkan bahagian-bahagian bakinya adalah jelas diturunkan selepasnya. Ia mengisyaratkan kepada beberapa situasi dan peristiwa yang berlaku dalam sirah Rasulullah s.a.w. pada masa-masa kebelakangan iaitu selepas beliau diperintah menyampaikan da'wah dan mendirikan ibadat solat secara terang-terangan atau selepas berlakunya penentangan-penentangan dari kaum Musyrikin, dan peristiwa-peristiwa itulah yang disyaratkan oleh ayat:

(hingga akhir)….(2) (1)

Walau bagaimanapun di sana terdapat susunan yang cukup selaras di antara bahagian-bahagian surah ini dan cukup teratur dalam penyusunan hakikat-hakikat yang dibicarakannya selepas bahagian awal ini. Dan ini menjadikan keseluruhan surah ini satu unit yang padu dan rapat hubungannya.

(1)

1. "(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)."

(2)

2. "Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah."

(3)

3. "Bacalah dan Tuhanmulah yang paling pemurah."

(4)

4. "Yang mengajar dengan pena."

(5)

5. "Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

ltulah surah pertama al-Qur'an. Ia dimulakan dengan nama Allah. Ia mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. pada kali yang pertama beliau berhubung dengan al-Mala'ul-A'la, dan pada kali pertama beliau menghayunkan langkahnya di jalan da'wah di mana beliau dipilih Allah untuk-Nya. Allah mengarah beliau supaya membaca dengan nama Allah:

1. "(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu."

Ayat ini dimulakan dengan menyebut secara umum salah satu dari sifat-sifat Allah iaitu sifat mencipta dan memulakan penciptaan:

(1)

1. "Yang telah menciptakan (seluruh makhluk)."

Kemudian diiringi dengan menyebut khusus tentang penciptaan dan asal mula kejadian makhluk manusia:

(2)

2. "Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah."

Yakni dari titik darah beku yang melekat di dalam rahim. Iaitu dari asal mula yang sangat kecil dan bersahaja, kemudian dengan limpah kemurahan-Nya dan dengan qudrat kuasa-Nya. Allah mengangkatkan segumpal darah itu kepada darjat manusia yang mengerti dan boleh belajar:

(3)

3. "Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah."

(4)

4. "Yang mengajar dengan pena.

(5)

5. "Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Itu adalah satu perpindahan yang amat jauh di antara asal mula dengan akhir kesudahan, tetapi Allah Maha Kuasa dan Maha Pemurah dan kerana itulah berlakunya perpindahan yang mena'jubkan itu.

Di samping menjelaskan hakikat penciptaan manusia, ayat itu juga menjelaskan hakikat mengajar iaitu bagaimana Allah mengajar manusia dengan pena, kerana pena selama-lamanya merupakan alat mengajar yang paling luas dan paling mendalam kesannya dalam kehidupan manusia. Pada masa itu, hakikat peranan pena belum lagi jelas seperti yang kita ketahui dalam kehidupan manusia sekarang ini. Tetapi Allah S.W.T. amat mengetahui nilai pena, kerana itulah Ia menyebutkannya pada detik pertama kemunculan agama yang terakhir bagi umat manusia dan pada surah yang pertama dan surah-surah al-Quranul-Karim. Namun begitu Rasulullah s.a.w. sendiri yang membawa surah ini bukanlah seorang yang pandai menulis dengan pena. Oleh itu andainya al-Qur'an itu bukannya wahyu dari Allah, malah perkataan yang dikarangkan oleh beliau tentulah beliau tidak akan menonjolkan hakikat peranan pena itu pada detik pertama da'wahnya. hakikat ini tentulah tidak tertonjol andainya al-Quran itu bukannya wahyu dan bukannya perutusan dari Allah.

Kemudian ayat ini menjelaskan sumber pengajaran iaitu sumbernya ialah Allah. Dari Allah, manusia mengambil ilmu pengetahuan yang telah dan sedang diketahuinya. Dari Allah, manusia mengetahui segala rahsia alam yang dibuka kepadanya mengetahui segala rahsia kehidupan dan rahsia-rahsia dirinya sendiri. Segala-galanya datang dari satu sumber dan di sana tiada sumber yang lain dari Allah.

Dengan bahagian awal surah ini, yang diturunkan pada detik pertama Rasulullah s.a.w. berhubung dengan al-Malaul-A'la, diletakkan batu asas kefahaman keimanan yang luas, iaitu setiap urusan, setiap gerak langkah dan setiap tindakan hendaklah dimulakan dengan nama Allah dan diteruskan dengan nama Allah. Kepada Allah ia menuju dan kepada-Nya ia kembali. Dan Allah itulah yang mencipta dan Dialah juga yang mengajar. Dari Allah asal mula kejadian dan dari Allah datangnya segala pengajaran dan segala ilmu pengetahuan. Manusia belajar dan mengajar, dan seluruhnya bersumberkan Allah yang Mencipta dan Mengajar:

(5)

5. "Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Hakikat pertama al-Quran yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. inilah yang terus mengawal perasaannya, mengawal lidahnya, mengawal tindak-tanduknya di sepanjang hidupnya selaku asas keimanan yang pertama.

Ujar al-Imam Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qayyim al-Juziyah dalam kitabnya[15] menyaringkan contoh-contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam amalan menyebut dan mengingati Allah:

Nabi s.a.w. adalah seorang manusia yang paling sempurna ingatan dan sebutannya terhadap Allah azzawajalla, malah semua perkataan dan percakapannya adalah mengenai peringatan kepada Allah dan segala sesuatu yang berhubung dengannya. Semua perintah, larangan dan perundangannya yang disampaikan kepada umat Muslimin merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Semua penjelasannya tentang nama-nama Allah, sifat-sifat-Nya, hukum-hukum-Nya. tindakan-tindakan-Nya, janji-janji-Nya yang baik dan janji janji azab seksa-Nya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala sanjungan dan kesyukurannya terhadap ni'mat-ni'mat Allah, segala kata-katanya yang mengagung-agungkan Allah, segala tahmidnya dan segala tasbihnya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala permohonan dan do'a-do'anya, segala kegemaran dan ketakutannya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala diam dan senyapnya merupakan kenangan hatinya terhadap Allah. Beliau adalah seorang yang mengingati Allah di sepanjang masa dan dalam semua keadaannya. Ingatan dan kenangannya terhadap Allah adalah berlangsung bersama gerak nafasnya, sama ada dia berdiri, duduk, baring, berjalan kaki, menunggang, pergi dan singgah, berlepas dan berhenti dalam persafiran.

Apabila beliau bangkit dan tidurnya, beliau membaca:

"Segala sanjungan itu terpulang kepada Allah yang menghidupkan kita setelah ia mematikan kita dan kepada.Nya kita kembali."

15

Ujar 'Aisyah r.a.: Apabila beliau bangkit sembahyang di waktu malam ia mengucapkan Allahu Akbar sepuluh kali dan Lailahaillallah sepuluh kali kemudian Ia berdo'a sepuluh kali:

"Ya Tuhanku, aku berlindung pada-Mu dari kesulitan dunia dan kesulitan hari Qiamat."

Kemudian barulah ía mulakan solat. Ujar 'Aisyah r.a. lagi: Menurut kebiasaannya apabila beliau bangkit di waktu malam beliau membaca:

لا إله إلاّ أنت سبحانك اللّهم أستغفرك لذنبي وأسألك رحمتك . اللّهم زدني علما ولا تزغ قلبي بعد إذ هديتني وهب لي من لدنك رحمة ، إنّك أنت الوهّاب .

"Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan hanya Engkau, Maha Sucilah Engkau. Ya Tuhanku! Aku pohon keampunan dari-Mu terhadap dosa-dosaku dan aku pohon limpah rahmat-Mu. Ya Tuhanku! Tambahkan ilmu untukku dan janganlah Engkau pesongkan hatiku ke jalan yang sesat setelah Engkau berikan hidayat kepadaku dan kurniakanlah kepadaku rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkau Tuhan Yang Maha Pengurnia."

(Hadith ini disebut oleh Abu Daud)

Dan beliau bersabda: "Barang siapa yang bangkit di waktu malam dan membaca:

لا إله إلاّ الله وحده ، لا شريك له ، له الملك وله الحمد وهو على كلّ شيء قدير ، الحمد لله وسبحان الله ولا اله إلاّ الله والله أكبر ولا حول ولا قوّة إلاّ بالله العليّ العظيم .

Kemudian berdo'a:

atau lain-lain doa nescaya dimakbulkan do'anya. Dan jika ia mengambil wudhu' dan mendirikan solat nescaya diterima solatnya." (Hadith ini disebut oleh al-Bukhari).

Ibn 'Abbas telah menceritakan tentang Rasulullah s.a.w. pada malam ia bermalam di rumahnya. Katanya: Apabila beliau bangkit dari tidur beliau mendongakkan kepalanya ke langit dan membaca sepuluh ayat yang akhir dari Surah Ali 'Imran iaitu:

"Ya اللّهمّ لك الحمد أنت نور السّموات والأرض ومن فيهنّ ، ولك الحمد أنت قيّم السّموات والأرض ومن فيهنّ ، ولك الحمد أنت الحقّ ، ووعدك الحقّ ، وقولك الحقّ ، ولقاؤك حقّ ، والجنّة حقّ والنّار حقّ ، والنّبيّون حقّ ، ومحمّد حقّ ، والسّاعة حقّ ، اللّهمّ لك أسلمت ، وبك آمنت ، وعليك توكّلت ، وإليك أنبت ، وبك خاصمت ، وإليك حاكمت ، فاغفر لي ما قدّمت وما أخّرت ، وما اسررت وما اعلنت . أنت إلهي لا اله إلاّ أنت ، ولا حول قوّة الا بالله العليّ العظيم .

Tuhanku! Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah cahaya yang menerangi langit dan bumi dan segala penduduknya. Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah Pentadbir langit dan bumi dan segala penduduknya. Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah Tuhan yang sebenar dan segala janji-Mu adalah benar, segala firman-Mu adalah benar, pertemuan denganMu di Hari Akhirat adalah benar, balasan Syurga adalah benar, balasan Neraka adalah benar, seluruh nabi-nabi adalah benar, Muhammad adalah benar dan Hari Qiamat adalah benar. Ya Tuhanku! Kepada-Mu aku benserah dan kepada-Mu-aku beriman, kepada-Mu aku bertawakkal dan kepada-Mu aku kembali, dengan pertolongan-Mu aku berlawan dan kepada-Mu aku berhakim. Dan ampunkan segala dosaku yang telah lepas dan segala dosaku yang kemudian, ampunkan segala dosa yang kulakukannya secara sulit dan segala dosa yang kulakukan secara terang-terangan. Engkaulah Tuhanku, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Engkau, dan tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."

Ujar 'Aisyah r.a.: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila bangun di waktu malam beliau berdo'a:

"Ya Tuhanku, Tuhan Jibril, Mikail dan Israfil, Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan nyata, Engkaulah yang mengadili di antara hamba-Mu dalam perkara-perkara yang menjadi bahan perselisihan mereka. Tunjukkanlah mana yang benar kepadaku di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan itu. Sesungguhnya Engkaulah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Mu ke jalan yang lurus."

Dan mungkin juga Aisvah bcrkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. memulakan solatnya dengan bacaan tersebut."

Biasanya apabila beliau selesai mendirikan Solat Witir beliau membaca:

(tiga kali), dengan memanjangkan suaranya pada kali yang ketiga:

Biasanya apabila beliau keluar dan rumahnya beliau membaca:

بسم الله توكّلت على الله . اللّهمّ إنّي أعوذ بك أن أضل أو أضل أو أزل أو أزل أو أظلم أو أظلم أو أجهل أو يجهل عليّ . (حديث صحيح) .

"Dengan nama Allah, aku bertawakkal kepada Allah. Ya Tuhanku! Aku berlindung kepadamu dari menyesatkan orang atau disesatkan orang, atau dari menggelincirkan orang lain atau dari digelincirkan dari jalan yang benar, atau menganiayai orang atau dianiayai orang, atau bertindak bodoh atau diperbodohkan orang."

(Hadith Sahih)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

من قال إذا خرج من بيته . «بسم الله توكّلت على الله ولا حول ولا قوّة إلاّ بالله» يقال له ، هديت وكفيت ووقيت وتنحّى عنه الشّيطان . (حديث حسن) .

Siapa yang membaca apabila keluar dari rumahnya:

«بسم الله توكّلت على الله ولا حول ولا قوّة الا بالله»

Nescaya dijawab kepadanya:

"Engkau diberi hidayat, diberi perlindungan dan keselamatan, dan syaitan menjauhkan diri darinya."

lbn Abbas mcnceritakan hal Nabi s.a.w. semasa ia bermalam di rumahnya, katanya:

Beliau keluar untuk mengerjakan Solatul-Fajr sambil berdoa:

اللّهمّ اجعل في قلبي نورا ، واجعل في لساني نورا ، واجعل في سمعي نورا ، واجعل في بصري نورا ، واجعل من خلفي نورا ، ومن أمامي نورا ، واجعل من فوقي نورا ، واجعل من تحتي نورا اللّهمّ أعظم لي نورا .

"Ya Tuhanku! Letakkan pancaran nur dalam hatiku, letakkan pancaran nur pada lidahku, letakkan pancaran nur dalam pendengaranku, letakkan pancaran nur dalam penglihatanku, letakkan pancaran nur di belakangku, letakkan pancaran nur di hadapanku, letakkan pancaran nur di atasku dan letakkan pancaran nur di bawahku. Ya Tuhanku! Besarkanlah pancaran nur untukku."

Ujar Fadl ibn Marzuq dari 'Atirah al-Awtl dan Abu Sa'id al-Khudri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ما خرج رجل من بيته الى الصّلاة فقال : اللّهمّ إنى أسألك بحقّ السّائلين عليك وبحقّ ممشاي إليك ، فإنّي لم أخرج بطرا ولا أشرا ولا رياء ولا سمعة وإنّما خرجت اتّقاء سخطك ، وابتغاء مرضاتك أسألك أن تنقذني من النّار وأن تغفر لي ذنوبي ، فانّه لا يغفر الذّنوب إلا أنت . إلاّ وكّل الله به سبعين ألف ملك يستغفرون له وأقبل الله عليه بوجهه حتّى يقضي صلاته .

"Tiada seorang yang keluar dan rumahnya untuk mengerjakan solat, lalu berdo'a 'Ya Tuhanku, aku pohon kepada-Mu dengan hak orang-orang yang memohon kepada-Mu dengan hak kepenatan perjalananku kepada-Mu, sesungguhnya aku bukan keluar sembahyang kerana sombong dan megah dan bukan pula kerana riak dan ingin mendapat kepujian, malah aku keluar sembahyang kerana melindungkan diri dari kemurkaan-Mu dan kerana mencari keredhaan-Mu, aku pohon pada-Mu supaya Engkau selamatkan aku dari api Neraka dan supaya Engkau ampunkan dosaku kerana tiada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau. Tiada yang berbuat demikian melainkan Allah tugaskan tujuh puluh ribu malaikat memohon ampun untuknya dan Allah akan memandang kepadanya sehingga ia selesai mengerjakan solatnya."

Abu Daud menyebut cerita Nabi s.a.w. iaitu apabila beliau masuk ke dalam masjid, beliau berkata:

أعوذ بالله العظيم بوجهه الكريم ، وسلطانه القديم من الشّيطان الرّجيم

"Aku berlindung pada Allah Yang Maha Besar, pada Zat-Nya yang Maha Pemurah dan pada Kuasa-Nya yang qadim dan syaitan yang terkutuk."

Siapa yang berkata demikian, maka syaitan akan berkata: "Dia terselamat dari gangguanku di sepanjang hari itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا دخل أحدكم المسجد فليصلّ وليسلّم على النّبيّ صلّى الله عليه وسلّم وليقل :
اللّهمّ افتح لي أبواب رحمتك فإذا خرج فليقل : اللّهمّ إنّي أسألك من فضلك .

"Apabila seseorang kamu masuk masjid, maka hendaklah ia berselawat dan bertaslim ke atas Nabi s.a.w. dan berdoa Ya Tuhanku, bukalah untukku pintu rahmat-Mu. Dan apabila ia keluar hendaklah ia berdo'a: Ya Tuhanku! Aku pohon limpah kurniamu."

Abu Daud juga menyebut cerita apabila Nabi s.a.w. masuk ke dalam masjid beliau berdoa:

اللّهمّ اغفر لي ذنوبي وافتح لي أبواب رحمتك .

"Ya Allah, ya Tuhanku! Ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu rahmat-Mu kepadaku."

Kemudian apabila beliau keluar dari masjid beliau berdo'a:

اللّهمّ اغفر لي ذنوبي وافتح لي أبواب فضلك

"Ya Allah, ya Tuhanku! Ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu limpah kurnia-Mu."

Biasanya apabila beliau sembahyang Subuh, beliau duduk di tempat solatnya berzikir mengingati Allah 'Azzawajalla hingga matahari naik dan apabila menjelang pagi beliau berdo'a:

اللّهمّ بك أصبحنا وبك أمسينا ، وبك نحيا ، وبك نموت ، وإليك النّشور (حديث صحيح) .

"Ya Tuhanku, dengan rahmat-Mu kami selamat berada di waktu pagi, dan dengan rahmat-Mu kami selamat berada di waktu petang, dan dengan rahmat-Mu kami hidup, dan dengan rahmat-Mu kami mati dan kepada-Mu kami kembali."

Beliau juga berdo'a begini:

أصبحنا وأصبح الملك لله ، والحمد لله ، ولا إله إلاّ الله وحده لا شريك له ، له الملك وله الحمد وهو على كلّ شيء قدير ربّ أسألك خير ما في هذا اليوم وخيرما بعده . وأعوذ بك من شرّ هذا اليوم وشرّ ما بعده . ربّ أعوذ بك من الكسل وسوء الكبر. ربّ أعوذ بك من عذاب في النّار وعذاب في القبر.

"Kami selamat berada di waktu pagi dan seluruh kerajaan alam adalah milik Allah, segala kepujian terpulang kepada Allah, dan tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah Yang Tunggal, tiada sekutu bagi-Nya, Ia memiliki seluruh kerajaan alam dan seluruh kepujian dan Dia adalah Tuhan Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu. Ya Tuhanku! Aku pohon dari-Mu segala kebaikan yang ada pada hari ini dan pada hari selepasnya, dan aku berlindung dengan rahmat-Mu dan segala kejahatan yang ada pada hari ini dan pada hari selepasnya. Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat Mu dari perangai malas dan umur yang sangat tua. Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat-Mu dari keseksaan di dalam Neraka dan dari keseksaan di dalam kubur."

Dan apabila ia berada di waktu petang beliau berkata:

أمسينا وأمسى الملك ربه . . . الخ

"Kami selamat berada di waktu petang dan seluruh kerajaan kepada Allah yang telah mengurniakan makanan dan minuman adalah milik Allah.... hingga akhir bacaan tadi"

Abu Bakr r.a. telah berkata kepada beliau: Suruh aku membaca beberapa kalimah do'a apabila aku berada di waktu pagi dan apabila aku berada di waktu petang. Jawab beliau bacalah:

اللّهمّ فاطر السّموات والأرض ، عالم الغيب والشّهادة ، ربّ كلّ شيء مليكه ومالكه . أشهد أن لا إله إلاّ أنت ، أعوذ بك من شرّ نفسي وشرّ الشّيطان وشركه وأن أقترف على نفسي سوءا أو أجره إلى مسلم .

"Ya Tuhanku, Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Tuhan yang memelihara segala sesuatu, yang menguasainya dan memilikinya. Aku bersaksi tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Engkau, aku berlindung dengan rahmatMu dan kejahatan

diriku dan dari kejahatan syaitan dan perangkap-perangkapnya, dan dari melakukan kejahatan ke atas diriku atau menarikkan kejahatan itu kepada mana-mana orang Islam."

Sabda Rasulullah s.a.w. **"Bacalah doa ini apabila engkau berada di waktu pagi atau di waktu petang atau engkau hendak tidur."**

Biasanya apabila beliau memakai pakaian-pakaian baru, beliau berdo'a:

اللّهمّ لك الحمد، أنت كسوتنيه، أسألك خيره وخير ما صنع له، وأعوذ بك من شرّه وشرّ ما صنع له. (حديث صحيح).

"Ya Tuhanku! Seluruh kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah yang telah mengurniakan pakaian ini kepadaku, aku pohon dari dari-Mu kebaikannya dan kebaikan tujuan yang dibuat kerananya, dan aku berlindung dengan rahmat-Mu dan kejahatannya dan kejahatan tujuan yang dibuat kerananya."

(Hadith Sahih)

Dia juga menyebut cerita Rasulullah s.a.w. iaitu biasanya apabila beliau pulang ke rumahnya beliau berkata:

الحمد لله الّذى كفاني وآواني، والحمد لله الّذى أطعمنى وسقانى، والحمد لله الّذى منّ عليّ، أسألك أن تجيرني من النّار.

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah memberi perlindungan dan kediaman kepadaku, segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan ni'mat kepadaku. Aku pohon kemurahan supaya melindungiku dari api Neraka."

Menurut hadith yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, Rasulullah s.a.w. membaca ketika masuk tandas:

اللّهمّ إني أعوذ بك من الخبث والخبائث

"Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat-Mu dan kejahatan syaitan jantan dan syaitan betina."

Dan apabila beliau keluar dari tandas beliau berkata:

غفرانك

"Aku pohon keampunan-Mu."

Tersebut dalam hadith: Apabila beliau meletakkan tangannya ke dalam bekas yang berisi air beliau menyuruh para sahabatnya: "Hendaklah kamu (mulakan) dengan mengambil wudhu dengan membaca Bismillah

Dia jua menyebut beliau berdoa:

الحمد لله الّذى أذهب عنى الأذى وعافاني (ابن ماجه)

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan yang telah menghilangkan dariku kekotoran yang menyakiti dan memberi 'afiat kepadaku."

Apabila beliau melihat anak bulan beliau berdo'a:

اللّهمّ أهّله علينا بالأمن والإيمان، والسّلامة والإسلام ربّي وربّك الله .
(قال الترمذي حديث حسن)

"Ya Tuhanku! Zahirkanlah anak bulan itu kepada kami dengan keamanan dan iman dan dengan keselamatan dan Islam. Allah itu Tuhanku dan Tuhanmu."

Apabila beliau menjamah makanan, beliau membaca dan menyuruh setiap orang yang hendak makan supaya membaca , dan jika ia lupa menyebutkannya pada permulaan, maka hendaklah ia membaca:

باسم الله في أوله وآخره . (حديث صحيح)

"Dengan nama Allah di awal dan di akhirnya."

Demikianlah segala kegiatan hidup Rasulullah s.a.w. adalah terpengaruh dengan arahan Ilahi (Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah mencipta) yang telah diterima olehnya dalam detik pertama beliau dibangkit menjadi Rasul, dan arahan inilah yang menjadi tapak yang kuat bagi kefahaman keimanannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Sepatutnya kesedaran terhadap hakikat bahawa Allah sebagai Tuhan yang mencipta, Tuhan yang mengajar dan Tuhan yang mencurahkan limpah kurnia mendorong manusia ke arah mengenal Allah dan bersyukur kepada-Nya, tetapi apa yang telah berlaku ialah sebaliknya, dan penyelewengan inilah yang diperkatakan dalam bahagian kedua surah ini

(6)

6. "Ingatlah! Sebenarnya manusia itu bersifat melampau dan takbur."

(7)

7. "Kerana melihat dirinya mempunyai harta kekayaan."

(8)

8. "Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."

Allah itulah yang telah memberi rezeki dan mengurniakan kekayaan kepada manusia di samping menciptakan mereka, memuliakan mereka dan mengajar ilmu pengetahuan kepada mereka, tetapi manusia pada umumnya, kecuali mereka yang dilindungi imannya, tidak bersyukur apabila mereka diberi ni'mat harta hingga mereka kaya raya. Mereka tidak mengenal punca ni'mat yang menjadikan mereka kaya iaitu punca yang telah mencipta dan memberi ilmu pengetahuan dan rezeki kepada mereka. Mereka bertindak melampau, sombong

dan takbur, sedangkan sepatutnya mereka mengenal Allah dan bersyukur kepadaNya

Sesudah ayat ini menunjukkan gambaran manusia pelampau yang lupakan asal kejadiannya dan berlagak takbur dan sombong kerana merasa sudah kaya, maka Ia iringi pula dengan ancaman secara tidak langsung:

(8)

8. "Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."

Yakni ke mana lagi manusia pelampau yang sombong, kerana merasa sudah kaya itu, akan pergi?

Sekaligus itu juga ayat ini mengemukakan satu dasar dari dasar-dasar kefahaman keimanan iaitu dasar perkembalian kepada Allah iaitu dasar perkembalian kepada Allah dalam segala perkara dan urusan, dalam segala niat dan tindakan. Kerana di sana tidak ada titik perkembalian yang lain dari Allah. Hanya kepada Allah sahaja pulangnya manusia yang salih dan manusia yang jahat, manusia yang ta'at dan manusia yang menderhaka, manusia yang benar dan manusia yang batil, manusia yang baik dan manusia yang fasiq, manusia yang kaya dan manusia yang miskin. Hanya kepada Allah jua kembalinya manusia pelampau yang angkuh yang merasa dirinya sudah kaya itu. Segala-galanya akan kembali kepada Allah, kerana dari Allah mereka bermula dan kepada Allah mereka akan berakhir.

Demikianlah berkumpulnya di dalam dua bahagian ayat ini sudut pembicaraan kefahaman keimanan, iaitu penciptaan, penghormatan dan pengajaran Allah kepada makhluk insan kemudian diakhiri dengan titik perkembalian dan kepulangan kepada Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya:

(8)

8. "Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 14)

Bahagian yang ketiga dari surah-surah yang pendek ini menayangkan satu sifat gambaran dan sifat-sifat keterlaluan dan keangkuhan yang keji, yang menimbulkan rasa ta'jub dan kaget dengan gaya pengungkapan al-Quran yang unik:

(9)

9. "Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang."

(10)

10. "Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?"

(11)

11. "Apakah pandanganmu jika orang yang dilarang itu berada di atas jalan hidayat."

(12)

12. "Atau menyuruh orang lain bertaqwa kepada Allah?"

(13)

13. "Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?"

(14)

14. "Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"

Ayat-ayat ini begitu jelas mencemuh dan membayangkan rasa ta'jub di atas perbuatan keji yang dinyatakan dalam satu cara pengungkapan yang tidak dapat ditandingi dalam bahasa persuratan dan tidak dapat diungkap melainkan dengan uslub bahasa wahyu yang hidup yang mengungkap dengan sentuhan yang putus-putus tetapi lincah dan pantas.

9. "Apakah pandanganmu?"

Apakah fikiranmu terhadap perbuatan yang keji ini? Apakah perbuatan ini wajar berlaku?

(9)

9. "Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang."

(10)

10. "Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?"

Di sini datanglah ancaman Allah secara halus:

Apakah pandanganmu apabila orang ini menambahkan perbuatannya yang keji dan buruk itu dengan satu perbuatan keji dan buruk yang lain? Apakah pandanganmu terhadap orang yang telah diganggu dan dihalang dari mengerjakan solatnya sedangkan dia seorang yang memperjuangkan hidayat Allah dan menyuruh manusia bertaqwa? Apakah patut dia diganggu dan dihalang, sedangkan dia membawa petunjuk Allah dan menyuruh manusia bertaqwa kepada Allah?

Apakah pandanganmu jika orang ini menambahkan perbuatannya yang keji itu dengan satu perbuatan yang lebih keji?

(13)

13. "Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?"

(14)

14. "Tidakkah Ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"

Iaitu melihat tindak-tanduknya yang mendustakan agama Allah dan berpaling darinya, dan seterusnya melihat perbuatannya yang melarang orang Mumin dan mengerjakan ibadat solat itu, sedangkan orang itu berada di atas jalan hidayat dan menyuruh bertaqwa. Allah melihat dan di sebalik penglihatan itu ada akibatnya:

(14)

14. "Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Di hadapan pemandangan manusia pelampau yang menentang da'wah, keimanan dan ketaatan kepada Allah ditonjolkan amaran akhir yang tegas iaitu satu amaran yang terbuka bukan lagi satu amaran secara halus:

(15)

15. "Tidak sekali-kali begitu, demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatannya yang keji itu) nescaya Kami akan tarikkan ubun-ubunnya."

(16)

16. "Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa."

(17)

17. "Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya."

(18)

18. "Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah."

Amaran ini merupakan amaran yang tepat pada waktunya dengan menggunakan kata-kata yang kasar.

Ungkapan *"Kami akan tarikkan"* adalah satu ungkapan yang kasar dan bunyi ungkapan *"tarik"* itu sendiri membayangkan maknanya yang kasar iaitu mengheret dengan kasar.

Maksud dari kata-kata *"ubun-ubun"* ialah dahi, iaitu bahagian anggota yang selalu diangkat tinggi-tinggi oleh orang yang berlagak sombong dan takbur, iaitu ubun-ubun yang memang wajar ditarik dan ditumbangkan:

(16)

16. "Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa."

Inilah masa ubun-ubun itu ditarik dan ditumbangkan dan andainya terlintas dihatinya untuk memanggil kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya untuk membantunya, maka

(17)

17. "Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya."

Dan pihak Kami:

(18)

18. "Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah."

Kesudahan dari perlawanan ini dapat diketahui dengan mudah.

(Pentafsiran ayat 19)

Dalam tayangan pemandangan akhir yang mengerikan itu ditamatkan surah ini dengan mengarahkan orang Mu'min yang patuh supaya tetap teguh beriman dan melakukan keta'atan:

(19)

19. "Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendaknya, malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah."

Yakni jangan sekali-kali engkau tunduk kepada manusia bongkak yang menghalangi engkau dari solat dan da'wah itu, malah sujudlah kepada Tuhanmu dan dampingilah dirimu kepada-Nya dengan keta'atan dan amalan-amalan ibadat, dan tinggalkan sahaja manusia yang bongkak dan penghalang itu kepada malaikat Zabaniyah.

Menurut setengah-setengah riwayat yang sahih, surah ini — selain dari bahagian yang pertama — adalah diturunkan kerana perbuatan Abu Jahl semasa ia lalu dan melihat Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang di Maqam Ibrahim, lalu ia berkata: Wahai Muhammad! Bukankah aku melarang engkau bersembahyang?" Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab dengan kata-kata yang kasar kepadanya. Dan barangkali peristiwa inilah yang membuat Rasulullah s.a.w. memegang leher Abu Jahl berkata kepadanya:

(34)

34. “Awaslah engkau! Awaslah engkau!”

(Surah al-Qiamat)

Lalu dijawab Abu Jahl: “Dengan hak apakah engkau mengancam aku? Demi Allah, akulah orang yang paling ramai pengikut-pengikut di wadi ini.” Kerana itulah Allah menurunkan ayat:

(17)

17. “Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya.”

Ujar lbn ‘Abbas: “Jika Abu Jahal memanggil kuncu-kuncunya nescaya ia akan dibinasakan malaikat ‘Azab pada s.a.’at itu juga.”

Walau bagaimanapun, pengertian ayat ini adalah ditujukan kepada semua orang Mu’min yang taat patuh mengerjakan ibadat dan berjuang menyampaikan da’wah Allah dan kepada semua pelampau yang zalim yang menahan orang-orang Mu’min mengerjakan ibadat solat, mengugut mereka yang melakukan keta’atan dan merasa angkuh dengan kekuatannya. Arahan Rabbani ialah:

(19)

19. “Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendaknya, malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah.”

Demikianlah keselarasan semua bahagian surah ini dan kesepaduan nada-nada pernyataanya.

Surah Adh-Dhuha

Surah Waktu Pagi

Surah (93) - Makkiyah - 11 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Demi waktu pagi.

(2)

2. Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi.

(3)

3. Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula ia murkakanmu.

(4)

4. Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia.

(5)

5. Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati.

(6)

6. Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lain Allah memberi perlindungan kepadamu?

(7)

7. Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?

(8)

8. Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?

(9)

9. Oleh itu, janganlah engkau hinakan anak yatim.

(10)

10. Dan janganlah engkau herdikkan peminta bantuan.

(11)

11. Dan hendaklah engkau sebut-sebutkan ni'mat Tuhanmu.

(Latar belakang dan pokokpembicaraan)

Pokok pembicaraan surah ini, pengungkapannya dan pemandangan-pemandangannya, bayangan-bayangan dan nada-nada pernyataannya merupakan suatu sentuhan kasih mesra, suatu hembusan rasa sayang, suatu belaian tangan yang belas kasihan yang menghilangkan sakit derita, suatu tiupan bayu yang membawa kerehatan, kerelaan dan harapan di samping mencurahkan rasa ketenteraman dan keyakinan. Semuanya itu adalah dituju kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghibur dan mententeramkan hatinya. Semuanya itu merupakan tiupan bayu rahmat, bisikan kasih, perdampingan yang mesra, timangan-timangan kepada jiwa yang lesu, fikiran yang gelabah dan hati yang menderita.

Berbagai-bagai riwayat telah memberikan bahawa penurunan wahyu telah putus seketika kepada Rasulullah s.a.w. Malaikat Jibril telah terlambat membawa wahyu Allah kepadanya kerana itu kaum Musyrikin melancarkan kempen bahawa Muhammad telah ditinggalkan Tuhannya! Lalu Allah turunkan surah ini.

Penerimaan wahyu, pertemuan dengan Jibril dan perhubungan dengan Allah, merupakan bekalan-bekalan kepada Rasulullah dalam mengharungi jalan da'wah yang sukar, merupakan air minum di panas yang terik dalam menghadapi keingkaran. Dan merupakan angin sepoi bahasa dalam cuaca panas menghadapi pendustaan kaum Musyrikin. Dengan inilah Rasulullah s.a.w. dapat hidup dalam panas terik yang membakar yang dialami beliau ketika menghadapi manusia-manusia yang liar, penderhaka dan degil, dan ketika menghadapi tipudaya, gangguan dan penindasan yang ditimpakan ke atas da'wah, keimanan dan hidayat oleh pelampau-pelampau kaum Musyrikin.

Apabila wahyu terputus seketika, maka putuslah bekalannya, keringlah matairnya dan sepilah hatinya dari kekasih, dan tinggallah beliau seorang diri di tengah panas terik tanpa bekalan, tanpa air dan tanpa bau kekasih tercinta yang biasa dini'matinya. Dan ini menjadikan Rasulullah s.a.w. begitu sengsara menanggungnya dari segala sudut.

Ketika itulah turunnya surah ini membawa kasih mesra, rahmat, perdampingan, kerelaan, ketenteraman dan keyakinan:

(3)

3. "Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."

(4)

4. "Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."

(5)

5. "Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."

Yakni Tuhanmu tidak pernah sekalipun meninggalmu sebelum ini dan tidak pernah sekalipun membiarkanmu dari limpah rahmat, naungan dan perlindungannya.

(6)

6. "Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lain Allah memberi perlindungan kepadamu?"

(7)

7. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?"

(8)

8. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"

Tidakkah ini benar-benar berlaku dalam kehidupanmu? Tidakkah engkau merasa kesannya dalam hatimu dan dalam realiti kehidupanmu?

Tidak, tidak.

(3)

3. "Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu, dan tiada pula Ia murkakanmu."

Yakni rahmat kebajikan-Nya tidak pernah putus darimu dan tidak akan putus buat selama-lamanya.

(4)

4. "Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."

Yakni di sana terdapat balasan-balasan untukmu yang lebih besar dan lebih sempurna:

(5)

5. "Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati"

Turut bersama tiupan bayu hakikat ini ialah tiupan bayu yang lembut yang terdapat dalam ungkapan-ungkapan ayat dan nada-nada pernyataannya, juga dalam frem alam yang diletakkan hakikat ini iaitu ungkapan:

(1)

1. "Demi waktu pagi."

(2)

2. "Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi"

Ungkapan ini melahirkan suasana mesra yang lemah-lembut dan kasih yang tenang di samping melahirkan kerelaan yang syumul dan rindu dendam yang halus:

(3)

3. "Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."

(4)

4. "Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."

(5)

5. "Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."

(6)

6. "Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lain Allah memberi perlindungan kepadamu?"

(7)

7. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?"

(8)

8. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"

Seluruh perasaan kasih mesra, kerelaan dan kerinduan itu adalah mengalir dari suasana ungkapan yang seni, kata-kata yang lembut, dan irama indah yang keluar dari ungkapan-ungkapan itu iaitu irama yang bergerak dan melangkah tenang dan melahirkan gema yang halus dan sayu. Apabila Allah hendak mengadakan satu frem bagi mengungkapkan perasaan kasih sayang, rahmat yang tenang, kerelaan yang menyeluruh dan kerinduan yang halus ini maka Dia telah memilih waktu pagi yang terang cemerlang dan malam yang sunyi itu sebagai

frem yang amat sesuai dengannya. Itulah dua waktu yang paling jernih hening dan bening dari waktu-waktu siang dan malam. Itulah dua waktu yang merangsangkan manusia melepaskan menungan-menungan dan pengamatan-pengamatannya, merangsang jiwanya berhubung dengan alam buana dan dengan Allah Penciptanya dan mengarahkannya supaya bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih-tasbih dan dengan melahirkan perasaan yang gembira dan jernih. Allah telah menggambarkan dua waktu itu dengan kata-kata yang sesuai.

(2)

2. "Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi."

Yakni malam yang dimaksudkan di sini bukannya seluruh waktu malam yang sepi dan gelap-gelita, malah yang dimaksudkan ialah waktu malam yang tenang, jernih, hening, diselubungi tompokan-tompokan awan yang tipis yang merangsangkan perasaan sedih, bimbang dan terharu yang halus dan renungan yang tenang seperti suasana hidup yatim dan menumpang orang lain. Kemudian ia menyerlah tenang bersama waktu pagi yang hening. Demikianlah warna-warna gambaran itu sesuai dengan warna-warna fremnya. Dengan ini pengungkapan ayat-ayat ini menjadi begitu serasi. Gubahan ungkapan yang cukup indah ini membuktikan bahawa al-Qur'an itu dan gubahan Allah yang indah, tidak dapat ditandingi dan ditiru.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

(1)

1. "Demi waktu pagi."

(2)

2. "Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi"

(3)

3. "Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."

(4)

4. "Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."

(5)

5. "Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."

Allah S.W.T. telah bersumpah dengan dua waktu yang jernih hening, dan menghubungkan di antara gejala-gejala alam dengan perasaan-perasaan jiwa serta

menyarankan kepada hati manusia satu bentuk hidup yang sedar dan mempunyai hubungan saling mesra dengan alam yang indah dan dinamis, yang bermesra dengan setiap yang hidup. Hati ini hidup dalam hubungan penuh kemesraan dengan alam ini dan tidak lagi merasa sepi dan dagang di alam ini Dalam surah ini kesan rasa kemesraan itu benar-benar dirasai, seolah-olah Allah mahu menyarankan kepada Rasulullah s.a.w. dari awal surah lagi bahawa Tuhannya telah melimpahkan rasa kemesraan di sekeliling hidupnya di alam ini, ia bukannya terbuang dan terbiar dan bukan pula sebatang kara.

Dan selepas nienyampaikan saranan dari alam, maka secara langsung Allah menekankan:

(3)

3. "Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."

Allah tidak sekali-kali membiar dan membuangmu sebagaimana dikatakan oleh kaum Musyrikin yang mahu menyakiti hatimu dan merungsingkan fikiranmu, kerana Dia adalah "Tuhanmu" dan engkau adalah hamba-Nya yang dihubungkan kepada-Nya dan disandarkan kepada Rububiyah-Nya, dan Dialah Penjaga, Pelindung dan Penaungmu. Limpah kurnianya kepadamu tidak kunjung putus. Balasan-balasan yang disediakan untukmu di Akhirat adalah lebih balk dari limpah kurnia-Nya yang diberikan kepadamu di dunia:

(4)

4. "Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."

Itulah pengertian kebaikan dari awal hingga akhir.

Dan Allah akan terus memberi taufiq yang dikehendakimu dalam menjalankan tugas da'wahmu, menghapuskan segala halangan dan rintangan dari jalanmu, memberi kemenangan kepada agama dan kebenaran yang diperjuangkanmu. Semua itu merupakan masalah-masalah yang merungsingkan Rasulullah s.a.w. sewaktu menghadapi kedegilan, pendustaan, gangguan, tipudaya dan penghinaan kaumnya. Inilah maksud dari ayat:

(5)

5. "Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Kemudian surah ini terus mengingatkan Rasulullah s.a.w. tentang hubungan beliau dengan Allah sejak permulaan jalan hidupnya lagi agar beliau sentiasa mengenangkan budi baik Allah, kasih mesra dan limpah kurnia-Nya terhadap beliau, dan agar beliau mendapat keni'matan dengan mengingatkan kembali suasana-sausana rahmat dan kasih mesra Ilahi terhadap dirinya. ini

adalah suatu keni'matan yang besar yang dirangsangkan oleh kenangan-kenangan indah seperti berikut:

(6)

6. "Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lain Allah memberi perlindungan kepadamu?"

(7)

7. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?"

(8)

8. "Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"

Lihatlah realiti hidupmu sekarang dan sejarah hidupmu di zaman silam, pernahkah Allah meninggalmu, pernahkah Allah murkakanmu walaupun sebelum engkau ditugas membawa agama ini? Tidakkah Allah telah melindungimu semasa engkau yatim piatu? Tidakkah ia telah menyelamatkan engkau dengan hidayat-Nya semasa engkau terumbang-ambing dalam keadaan tiada pedoman' Tidakkah Allah telah menutupkan kemiskinanmu dengan pemberian-pemberian-Nya yang limpah?

Engkau telah dilahirkan yatim kemudian Allah telah memberi perlindungan kepadamu menyebabkan semua hati sayangkanmu hingga hati bapa saudaramu sendiri Abu Talib yang tidak seagama denganmu.

Dahulu engkau seorang miskin, lalu Allah kayakan dirimu dengan sikap memada di samping mengayakanmu dengan usaha-usaha perdaganganmu sendiri dan dengan harta isterimu Khadijah r.a. hingga engkau terselamat dari perasaan merasa miskin dan dari perasaan ingin berangan-angan untuk mendapat kekayaan yang wujud di sekeliling engkau.

Dahulunya engkau telah dilahirkan dalam masyarakat jahiliyah yang penuh dengan kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaan yang kacau-bilau, kelakuan-kelakuan yang sesat dan peraturan-peraturan yang menyeleweng yang menyebabkan hatimu tidak tenteram, tetapi di waktu itu engkau masih belum menemui satu jalan yang terang, jelas dan meyakinkan, sama ada dalam tradisi jahiliyah atau dalam agama pengikut-pengikut Musa dan 'Isa a.s. yang telah mengubah dan meminda dasar-dasar agama mereka dan menyebabkan mereka menyeleweng dari agama yang benar. Kemudian Allah memberi hidayat kepadamu dengan agama-Nya yang benar yang telah diwahyukan kepadamu, dan dengan sebuah sistem hidup yang menghubungkan engkau dengan-Nya.

Hidayat yang menyelamatkan manusia dan kekacauan 'aqidah dan kesesatannya merupakan ni'mat yang paling agung yang tidak dapat ditandingi oleh ni'mat-ni'mat yang lain. Hidayat itu memberikan kerehatan dan ketenteraman dari segala kegelisahan dan kepenatan jiwa yang tiada tolok bandingnya. Ayat ini mungkin diturunkan dengan sebab penderitaan jiwa yang

dialami Rasulullah s.a.w. semasa berlakunya keputusan wahyu, dan semasa Rasulullah s.a.w. menerima berbagai-bagai cemuhan dan penghinaan dari kaum Musyrikin, dan sewaktu beliau merasa sepi dari kekasih, lalu ayat ini turun untuk mengingat dan menenangkan beliau bahawa Allah tidak akan meninggalkannya dalam kebingungan, sebagaimana ia tidak meninggalkannya sebelum ini dalam keadaan kebingungan dan tanpa pedoman.

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Sesuai dengan peringatan Allah yang menyebut kisah beliau diberi perlindungan semasa hidup yatim piatu dan kisah beliau diselamatkan dengan hidayat-Nya dan keadaan tanpa pedoman, dan seterusnya kisah beliau diselamatkan dari kemiskinan, maka Allah mengarahkan beliau dan umat Muslimin selepasnya supaya memberi perlindungan kepada anak-anak yatim, menolong orang-orang yang memerlukan pertolongan dan menyebut-nyebutkan ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar yang dikurniakan kepadanya terutama ni'mat mendapat hidayat dengan agama Islam:

(9)

9. "Oleh itu janganlah engkau hinakan anak yatim."

(10)

10. "Dan janganlah engkau herdikkan peminta bantuan."

(11)

11. "Dan hendaklah engkau sebut ni'mat Tuhanmu."

Arahan-arahan supaya memuliakan anak yatim dan melarang dari menindas, menyakiti hati dan menghinakannya, juga arahan supaya menolong orang-orang yang meminta pertolongan dengan cara yang lemah-lembut dan terhormat itu merupakan saranan-saranan yang paling penting dari realiti keadaan masyarakat jahiliyah yang tidak berbudi dan tamak dan tidak melindungi hak-hak orang yang lemah dan mempertahankan haknya dengan kekuatan mata pedangnya. Kemudian Allah telah mengangkatkan masyarakat ini melalui syari'at-Nya kepada masyarakat yang benar dan adil, masyarakat taqwa yang tidak melampaui batas-batas yang digariskan Allah dan masyarakat yang sentiasa melindungi dan membela hak-hak orang-orang yang lemah, yang tidak mempunyai kekuatan mata pedang untuk mempertahankannya.

Menyebut-nyebut ni'mat Allah terutama ni'mat iman dan hidayat merupakan salah satu dari cara melahirkan kesyukuran terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat itu. Dan cara melahirkan kesyukuran yang sempurna ialah berbakti kepada para hamba-Nya. Itulah cara amali bersyukur dan itulah kenangan ni'mat secara senyap yang berguna dan mulia.

Surah Al-Insyirah

Surah Kelapangan Hati

Surah (94) - Makkiyah - 8 ayat

Dengan nama Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **(Wahai Muhammad) bukankah Kami telah lapangkan dadamu?**

(2)

2. **Dan Kami telah ringankan bebananmu.**

(3)

3. **Yang telah memberatkan belakangmu.**

(4)

4. **Dan Kami telah angkatkan namamu (di dunia dan di Akhirat).**

(5)

5. **Sesungguhnya selepas kesukaran itu kemudahan.**

(6)

6. **Sesungguhnya selepas kesukaran itu kemudahan.**

(7)

7. **Oleh itu apabila engkau telah selesai dari kegiatan-kegiatan hidupmu, maka usahakanlah kegiatan yang lain pula.**

(8)

8. **Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu.**

Surah ini diturunkan selepas Surah ad-Duha, seolah-olah merupakan surah yang menyempurnakannya. Dalam surah ini terdapat naungan kasih mesra dan

semangat bermunajat dengan orang kesayangannya. Dalam surah ini juga disebut gejala-gejala dan peristiwa-peristiwa yang membuktikan Inayah dan perhatian Ilahi terhadap RasuI-Nya, juga disebut berita gembira yang menjamin kesenangan dan kelapangan, dan disampaikan bimbingan untuk mencapai rahsia kesenangan dan tali hubungan yang kukuh dengan Allah 'Azzawajalla.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 – 4)

(1)

1. (Wahai Muhammad) bukankah Kami telah lapangkan dadamu?

(2)

2. Dan Kami telah ringankan bebananmu.

(3)

3. Yang telah memberatkan belakangmu.

(4)

4. Dan Kami telah angkatkan namamu (di dunia dan di Akhirat).

Ayat-ayat ini menyarankan bahawa jiwa Rasulullah s.a.w. sedang mengalami kesulitan dan kesusahan dalam usaha menyebarkan da'wah yang ditugaskan kepadanya dan dalam menghadapi berbagai-bagai halangan, rintangan dan tipu daya di jalan da'wah. Dadanya penuh sebak dengan kerungsingan-kerungsingan memikul tugas da'wah yang berat itu dan merasa betapa perlunya kepada pertolongan, bantuan dan bekalan semangat daripada Allah.

Kemudian berlakulah munajat yang manis dan bisikan yang mesra:

(1)

1. (Wahai Muhammad) bukankah Kami telah lapangkan dadamu?

Yakni bukankah Kami telah bukakan dadamu untuk memikul tugas da'wah ini dan Kami berikan kemudahan-kemudahan kepadamu untuk melaksanakannya? Bukankah Kami telah jadikan tugas da'wah itu satu tugas yang amat disukai hatimu? dan Kami licinkan jalan-jalannya untukmu serta Kami terangi jalan-jalan itu hingga engkau dapat melihat penghabisannya yang bahagia.

Wahai Muhammad periksalah dadamu, tidakkah engkau dapati di lubuknya perasaan senang dan lapang hati, perasaan terang-benderang oleh nur iman? Pulihkan kembali kecapan citarasa dari kurniaan-Ku ini di dalam perasaanmu dan jawablah: Tidakkah dengan kecapannya yang citarasa itu melapangkan hatimu dari segala kesusahan, merehatkan dirimu dari segala

kepenatan, memberikanmu perasaan senang dalam menghadapi setiap kesukaran dan perasaan rela terhadap segala penafian?

(2)

2. Dan Kami telah ringankan bebananmu.

(3)

3. Yang telah memberatkan belakangmu.

Yakni kami ringankan bebanan da'wah yang amat berat itu dengan melapangkan hatimu, dan dengan memberi taufik dan kemudahan kepadamu untuk melaksanakan da'wah, dan dengan menurunkan wahyu kepadamu untuk menerangkan hakikat-hakikat yang sebenar dan untuk menolongmu menyerap ke dalam jiwa manusia dengan cara yang lemah-lembut.

Tidakkah engkau dapati semuanya itu ketika menanggung beban yang telah memberatkan belakangmu? Tidakkah kini engkau dapati beban itu telah menjadi ringan setelah Kami lapangkan dadamu?

(4)

4. Dan Kami telah angkatkan namamu (di dunia dan di Akhirat).

Yakni Kami angkatkan namamu di kalangan para Malikat al-mala'ul a'la, Kami angkatkannya di bumi dan di seluruh 'alam buana dan kerana itulah Kami gandingkan namamu dengan nama Allah setiap kali bibir manusia menyebut Laa ilaa ha illal laah, Muhammadar Rasulullaah. Tidak ada lagi darjah yang setinggi dan semulia ini, itulah satu-satunya darjah yang hanya dicapai oleh Rasulullah s.a.w. di antara seluruh isi 'alam.

Kami telah angkatkan namamu di dalam Lauh Mahfuz ketika Allah memutuskan supaya namamu disebut pada setiap zaman dengan ucapan doa, selawat dan taslim dan dengan perasaan kasih-sayang yang mendalam.

Kami telah angkatkan namamu yang telah terikat dengan agama Allah yang luhur ini, kerana pemilihanmu untuk menyampaikan agama ini merupakan satu pengangkatan nama yang paling tinggi yang belum pernah dicapai oleh seseorang pun di 'alam buana ini baik sebelummu atau selepasmu.

Oleh itu kesusahan, kepenatan dan keletihan tidak mempunyai tempat lagi dibandingkan dengan pengurniaan Allah yang besar yang boleh menghapuskan segala penderitaan itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 5 – 6)

Walaupun begitu, namun Allah terus berlemah-lembut dengan Rasul kesayangan-Nya yang terpilih itu dan terus menghibur dan menenangkan hatinya di samping menerangkan rahsia kesenangan yang tidak terpisah darinya. Kerana:

(5)

5. Sesungguhnya selepas kesukaran itu kemudahan.

Kesukaran dan kesusahan tidak sunyi dari kesenangan dan kemudahan yang menemanimu di mana-mana sahaja. Apabila bebanan da'wah menjadi sebegitu berat, Kami lapangkan dadamu lalu bebanan yang memberatkan belakangmu itu menjadi ringan. Kesenangan sentiasa menemani kesusahan untuk meringankan tekanan dan keberatannya.

Ini adalah satu hakikat yang diyakinkan dan kerana itu ia disebut berulang-ulang kali dengan ungkapan yang sama.

(6)

6. Sesungguhnya selepas kesukaran itu kemudahan.

Pengulangan ayat ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. benar-benar berada dalam kesulitan dan kesukaran yang memerlu kepada pengamatan dan peringatan ini, memerlukan kenangan kepada gejala-gejala Inayah Allah ini, memerlukan kepada penayangan tempat-tempat Ri'ayah Allah ini, dan memerlukan kepada penegasan dengan segala cara penegasan yang seperti ini. Tidak syak lagi bahawa urusan da'wah yang telah memberatkan penanggungan hati Nabi Muhammad s.a.w. sebegini rupa adalah satu urusan yang amat besar.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 – 8)

Kemudian datang pula arahan Ilahi supaya ia mencari sebab-sebab yang boleh melahirkan kelapangan dan kesenangan hati dan mencari tempat simpanan bekal untuk menempuh perjalanan da'wah yang jauh dan sukar:

(7)

7. Oleh itu apabila engkau telah selesai dari kegiatan-kegiatan hidupmu, maka usahakanlah kegiatan yang lain pula.

(8)

8. Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu.

Selepas kesulitan ialah kesenangan. Oleh itu gunakanlah punca-punca kesenangan dan kemudahan itu. Yakni jika engkau telah selesai dari urusan-urusanmu dengan orang ramai dan dari urusan-urusan kehidupan, maka hadapilah dengan seluruh hatimu kepada kegiatan-kegiatan yang lain yang wajar dilakukan dengan susah payah dan penat jerih, iaitu kegiatan ibadat dan bertawajjuh kepada Allah:

(8)

8. Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu.

Tumpukan seluruh perhatian dan minat kepada Tuhanmu semata-mata dan kosongkan hatimu dari segala sesuatu termasuk urusan orang ramai yang engkau da'wahkan mereka. Sudah tentu engkau memerlukan bekalan dan senjata. Di sinilah engkau akan mendapat bekalan untuk menempuh jalan da'wah, di sinilah engkau akan mendapat alat-alat senjata untuk kelengkapan berjihad. Di sinilah engkau akan menemui kesenangan dan kemudahan setiap kali engkau menempuh kesulitan dan kesukaran. Inilah jalan perjuangan da'wah.

Surah ini berakhir sama seperti berakhirnya Surah ad-Duha. meninggalkan dalam hati dua perasaan yang bercampur-aduk, iaitu perasaan betapa besarnya kasih mesra Allah terhadap kesayangan-Nya Rasulullah s.a.w. dan perasaan betapa besarnya timbangrasa dan belas-kasihan-Nya terhadap Rasulullah s.a.w. dan kita sendiri seolah-olah merasa bagaimana perasaan kesulitan yang sedang berkecamuk di dalam hati Rasulullah s.a.w. pada waktu itu yang benar-benar memerlukan kepada kasih mesra Ilahi.

Itulah da'wah. Itulah amanah dan tugas yang amat berat, namun demikian ia tetap merupakan tempat pancaran dan tempat turunnya nur Ilahi. Ia merupakan tali hubungan yang menyambung fana' dengan baqa' dan 'alam dengan wujud.

Surah Az-Zalzalah

Surah Kegoncangan

Surah (99) - Makkiyah - 8 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya.**

(2)

2. **Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya.**

(3)

3. **Dan manusia berkata (ketakutan) mengapa bumi jadi begitu?**

(4)

4. **Pada hari itu bumi akan menceritakan berita-beritanya.**

(5)

5. **Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian).**

(6)

6. **Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.**

(7)

7. **Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.**

(8)

8. **Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.**

Di dalam mashaf, juga menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Madinah, tetapi di dalam riwayat-riwayat yang lain surah ini

diturunkan di Makkah. Kami tarjihkan riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah, kerana pokok persoalan dan gaya pengungkapan nya adalah menguatkan riwayat ini. Satu peristiwa gempa bumi yang menggentarkan hati manusia yang lalai. Satu peristiwa gempa yang menggegarkan seluruh bumi dan seluruh penduduknya. Satu gegaran gempa, di mana maudhu', pemandangan dan nada-nada kata turut sama mengambil bahagian. Sebaik sahaja mereka sedar dari kekagetan mereka, mereka terus dihadapkan kepada Allah untuk dihisab, ditimbang dan ditentukan balasan masing-masing, semuanya dijelas kan dalam beberapa potong ayat yang pendek sahaja. Inilah ciri Juzu' 'Amma seluruhnya dan ja digambarkan begitu kuat dalam surah ini.

(1)

1. Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya.

(2)

2. Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya.

Itulah peristiwa hari Qiamat. Ketika itu seluruh bumi bergegar dengan gempa-gempa yang paling dahsyat dan meluahkan segala isi perutnya dari mayat-mayat, logam-logam dan sebagainya yang selama ini dikandunginya, seolah-olah bumi mahu meringankan tubuhnya dari kandungan-kandungan yang berat itu. Ini satu pemandangan yang menunjukkan segala sesuatu yang tegak di bumi telah bergoyang di bawah tapak kaki para pendengar surah ini. Mereka merasa terhoyong-hayang dan bumi terus bergegar dan bergoncang di bawah tapak kaki mereka, satu pemandangan yang menakutkan hati yang selama ini menyangkakan segala apa yang tegak di bumi itu akan tetap teguh, kukuh dan kekal abadi. Inilah saranan pertama dari pemandangan- pemandangan Qiamat yang digambarkan oleh al-Qur'an, satu gambaran yang benar-benar hidup dan menjalar ke dalam saraf-saraf pendengar ayat- ayat ini sebaik sahajaa mendengar ungkapan al-Qur'an yang unik ini dan kesan ini bertambah jelas lagi apabila digambarkan reaksi "manusia" ter hadap pemandangan itu dan dilukiskan keadaan-keadaan perasaan mereka ketika melihat pemandangan ini.

(3)

3. Dan manusia berkata (ketakutan) mengapa bumi jadi begitu?

Inilah pertanyaan orang-orang yang berada dalam kebingungan dan ketakutan yang melihat satu peristiwa yang luar biasa, yang tidak dapat difahaminya dan tidak dapat disabar dan didiamkan begitu sahaja. "Mengapa bumi jadi begitu?" "Mengapa ia bergegar dan bergoncang begitu dahsyat?" "Mengapa?" Mereka seolah-olah ikut terhoyong-hayang bersama gegaran itu dan cuba berpaut pada sesuatu untuk menahannya dari rebah, dan segala sesuatu yang ada di sekelilingnya terus bergoyang dan bergegar-gegar. Umat manusia sebelum ini memang pemah melihat kejadian-kejadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi. Kejadian-kejadian itu dihadapinya dengan penuh ketakutan dan kecemasan. Mereka ditimpa kemusnahan dan kebinasaan, tetapi apabila mereka

melihat gegaran dan gempa bumi hari Qiamat, mereka dapatinya sama sekali tidak boleh dibandingkan dengan kejadian-kejadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi yang berlaku dalam dunia ini. Gempa bumi pada hari Qiamat merupakan satu peristiwa baru bagi manusia yang belum pernah dialaminya, satu peristiwa yang tiada tolok bandingnya, satu kejadian agung yang pertama kali berlaku.

4. Pada hari itu,

Iaitu pada hari berlakunya gempa bumi yang mengkagetkan seluruh manusia,

(4)

4. ... bumi akan menceritakan berita-beritanya,

(5)

5. Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian).

Yakni pada hari itu bumi akan menceritakan bahawa segala apa yang berlaku itu adalah atas perintah Allah. Dialah yang telah memerintah bumi supaya bergegar dengan sedahsyat-dahsyatnya dan meluahkan segala isi kandungannya yang berat dan kerana itu bumi telah mematuhi perintah-Nya.

(5)

5. "Dan ia telah mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."

(Al-Insyiqaq)

keadaan ini sendiri merupakan satu penceritaan yang amat jelas bahawa apa yang berlaku itu adalah dari perintah dan wahyu Allah kepada bumi. Ketika manusia berada dalam keadaan bingung dan kaget, di mana nada-nada ayat membayangkan kecemasan, keadaan terperanjat, hiruk-pikuk dan kacau-bilau dan ketika mereka termengah-mengah bertanya, "Mengapa bumi jadi begini? Mengapa?" Tiba-tiba mereka berdepan dengan pemandangan Mahshar, hisab, timbangan amalan dan balasan.

(6)

6. Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.

(7)

7. Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.

(8)

8. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.

Dalam sekelip mata sahaja kita melihat pemandangan manusia di bangkit dari kubur di merata pelosok bumi.

كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ (7)

7. "Mereka seperti belalang yang berkeliaran."

(Al-Qamar)

Iaitu satu pemandangan yang tidak pernah dilihat manusia, pemandangan seluruh manusia dari seluruh generasinya serentak bangkit dari kubur-kubur mereka di sana sini.

(44)

44. "Pada hari itu bumi terbelah meluahkan mereka dengan segera".

(Qaf)

Di mana sahaja mata memandang di sana kelihatan orang yang dibangkitkan dari kubur itu keluar dengan segera dan terus pergi tanpa menoleh ke kiri dan ke kanan. Semuanya berjalan tergesa-gesa tanpa menoleh kepada suatu apa dan tanpa melihat ke belakang dan ke sekelilingnya.

(8)

8. "Mereka tergesa-gesa menuju kepada suara yang menyeru mereka.

(Al-Qamar)

Leher mereka memanjang dan mata mereka membelalak.

(38)

38. "Pada hari itu setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."

('Abasa)

Satu pemandangan yang tidak dapat digambarkan dengan ungkapan-ungkapan bahasa manusia kerana terlalu dahsyat, mengeri dan mengkaget kan. Tiada kata-kata walaupun dengan menggunakan segala kata yang terdapat dalam kamus-kamus dunia tidak juga tercapai untuk memberi dan menggambarkan pemandangan hari itu.

(6)

6. Pada hari itu manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka.

Ini menjadikan keadaan lebih dahsyat lagi. Mereka keluar menuju ke tempat yang akan ditunjukkan amalan-arnalan mereka. Di sana mereka akan

dihadapkan dengan segala amalan mereka dan menerirna balasannya. Berdepan dengan amalan-amalan sendiri kadang-kadang lebih teruk dan dahsyat dari menerima balasannya. Ada orang tidak sanggup melihat per buatannya di hadapan dirinya sendiri, kerana terlalu keji di saat-saat ia dilanda perasan menyesal. Bagaimana nanti kalau ia dihadapi dengan amalan-amalannya itu di hadapan khalayak manusia dan di hadapan Tuhan Rabbul Jalil yang Maha Agung? Melihat dan menghadapi amalan-amalan itu sendiri merupakan satu hukuman yang amat menakutkan. Dan selepas itu diiringinya pula dengan proses hisab yang amat halus hingga tiada satu zarah pun dari amalan yang baik atau amalan yang jahat yang ditinggalkan tanpa balasan.

(7)

7. Oleh itu barangsiapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarah nescaya ia akan melihat pahalanya.

(8)

8. Dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya ia akan melihat balasannya.

Kata-kata zarah telah ditafsirkan oleh mufassirin dahulu sebagai "lalat". Ada pula yang mentafsirkannya dengan habuk-habuk debu yang kelihatan pada cahaya matahari. Itulah benda yang paling kecil yang dapat mereka tanggapkan dari kata-kata zarah itu. Tetapi zarah yang kita ketahui sekarang ialah "atom" dan atom itu lebih kecil dari habuk-habuk debu yang dilihat pada cahaya matahari, kerana habuk-habuk debu itu masih dapat dilihat dengan mata kasar, sedangkan atom hanya dapat dilihat dengan mikroskop yang paling besar di makmal-makmal sains. Atom merupakan sesuatu yang boleh dilihat dalam hati ahli-ahli sains.. Tiada seorang pun dari mereka yang dapat melibat atom dengan matanya atau dengan mikroskopnya, apa yang dapat dilihat mereka hanya kesan-kesannya sahaja. Amalan-amalan yang seberat atom ini baik amalan baik mahupun amalan jahat akan dihadirkan kelak dan diperlihatkan kepada yang melaku kannya dan akan diberikan balasannya. Oleh itu setiap orang tidak seharus nya memperkecil-kecilkan amalannya dengan mengatakan, "Ini cuma kecil sahaja, tidak dikira dan ditimbang." Malah hatinya akan menggeletar di hadapan setiap perbuatannya sebagaimana neraca yang halus akan bergerak meninggi atau menurun dengan sebab berat sebiji atom itu. Neraca yang menimbangkan amalan itu adalah suatu neraca yang tiada tolak bandingnya di dalam dunia ini kecuali neraca di dalam hati mu'min iaitu hati yang terus menggeletar, kerana melakukan kebaikan atau kejahatan seberat atom. Di sana ada hati-hati di dunia ini yang tidak bergoncang walau pun oleh dosa-dosa dan ma'siat yang sebesar gunung dan tidak merasa apa-apa walaupun ia telah bertindak menghancurkan kebaikan yang lebih teguh dari gunung.

Itulah hati-hati degil di bumi yang akan hancur-luluh pada hari hisab.

Surah At-Takathur

Surah Bermegah-megah

Surah (102) - Makkiyah - 8 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Kamu telah dilekakan oleh pertandingan bermegah-megah mendapat lebih banyak harta kekayaan.**

(2)

2. **Sehingga kamu masuk ke dalam kubur.**

(3)

3. **Tidak sekali-kali begitu kelak kamu akan mengetahui akibatnya.**

(4)

4. **Kemudian tidak sekali-kali begitu kelak kamu akan mengetahui akibatnya.**

(5)

5. **Tidak sekali-kali begitu kerana jika kamu mengetahui akibatnya dengan ilmu yang yakin (nescaya kamu tidak akan berbuat demikian).**

(6)

6. **Sesungguhnya kamu kelak akan melihat neraka itu.**

(7)

7. **Kemudian sesungguhnya kamu akan menyaksikannya dengan penglihatan yang yakin.**

(8)

8. **Kemudian sesungguhnya pada hari itu kamu akan ditanya tentang segala ni'mat yang telah dini'mati kamu (di dunia).**

Surah ini membawa nada yang hebat, menggerun dan mendalam seolah-olah satu suara dari seorang pemberi amaran yang berdiri di suatu tempat yang

tinggi dan berseru dengan suara yang kuat dan lantang. Ia menggerakkan manusia-manusia yang lalai, yang mabuk dalam kesenangan dan leka dalam kekeliruan yang sedang menghampiri gaung kebinasaan, sedangkan mata mereka tertutup, pancaindera mereka terpesona dan terpukau. Ia menyeru mereka dengan selantang-lantang suaranya.

(1)

1. Kamu telah dilekakan oleh pertandingan bermegah-megah mendapat lebih banyak harta kekayaan.

(2)

2. Sehingga kamu masuk ke dalam kubur.

Wahai orang-orang yang leka dalam kekeliruan dan yang mabuk dalam kesenangan, wahai orang-orang yang lalai, yang asyik berlumba-lumba membanyakkan harta kekayaan, anak-pinak dan keni'matan dunia! Ingatlah, bahawa kamu sekelian lambat laun akan berpisah dengan kekayaan itu. Wahai orang-orang yang tertipu dengan keni'matan-keni'matan hidup hingga lupakan apa yang akan berlaku selepasnya, wahai orang-orang yang akan meninggal semua harta kekayaan dan kesenangan yang menjadi sasaran perlumbaan dan kebanggaan mereka hingga masuk ke lubang kubur yang sempit, di mana tiada ruang lagi untuk berlumba-lumba dan bermegah-megah, sedarlah dan insaflah sesungguhnya:

(1)

1. Kamu telah dilekakan oleh pertandingan bermegah-megah mendapat lebih banyak harta kekayaan.

(2)

2. Sehingga kamu masuk ke dalam kubur.

Kemudian Allah mengetuk pintu hati mereka untuk menyampaikan berita-berita dahsyat yang menunggu mereka selepas mereka masuk ke dalam kubur dengan nada yang mendalam dan menarik:

(3)

3. Tidak sekali-kali begitu kelak kamu akan mengetahui akibatnya.

Kemudian amaran itu diulangkan sekali lagi dengan menggunakan kata-kata yang sama yang membawa nada-nada yang hebat dan menggerunkan,

(4)

4. Kemudian tidak sekali-kali begitu kelak kamu akan mengetahui akibatnya.

Kemudian amaran itu ditegaskan semakin mendalam dan semakin hebat membayangkan perkara dahsyat yang akan berlaku kepada mereka, mereka tidak

sedarkan hakikat yang dahsyat itu pada saat-saat mereka mabuk dalam kesenangan dan asyik dalam perlumbaan membanyakkan harta kekayaan.

(5)

5. Tidak sekali-kali begitu kerana jika kamu mengetahui akibatnya dengan ilmu yang yakin (nescaya kamu tidak akan berbuat demikian).

Kemudian Ia dedahkan hakikat dahsyat yang tersembunyi itu:

(6)

6. Sesungguhnya kamu kelak akan melihat neraka itu.

Kemudian hakikat itu ditegaskan sekali lagi dengan nada yang lebih mencemaskan hati:

(7)

7. Kemudian sesungguhnya kamu akan menyaksikannya dengan penglihatan yang yakin.

Kemudian Ia menyampaikan amaran akhir yang membuat si mabuk siuman, si lalai sedar dan si leka memberi perhatian dan orang yang sedang berpoya-poya dalam keni'matan menggeletar dengan ni'mat-ni'mat yang ada di dalam tangannya.

(8)

8. Kemudian sesungguhnya pada hari itu kamu akan ditanya tentang segala ni'mat yang telah dini'mati kamu (di dunia).

Kamu akan ditanya tentang segala ni'mat itu dari mana kamu dapat? Dan ke manakah pula kamu belanjakannya? Adakah kamu mendapat ni'mat-ni'mat itu dari kerja-kerja ketaatan dan kamu belanjakannya pula ke jalan-jalan ketaatan? Atau kamu mendapat ni'mat itu dari kerja-kerja ma'siat dan kamu belanjakannya ke jalan ma'siat? Adakah kamu memperolehi ni'mat itu dari pencarian yang halal dan membelanjakannya ke jalan yang halal? Atau kamu memperolehinya dari pencarian yang haram dan kamu belanjakannya pula ke jalan yang haram? Adakah kamu bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat itu? Adakah kamu tunaikan zakatnya? Adakah kamu membahagi-bahagikan ni'mat itu kepada orang lain? Atau kamu bolotkan ni'mat itu untuk diri kamu sahaja?

8. Kamu akan ditanya.

Kamu akan ditanya tentang kegiatan-kegiatan hidup kamu yang berlumba-lumba membanyakkan harta kekayaan dan bermegah-megah dengannya. Itulah tanggungjawab yang dipandang ringan oleh kamu pada saat-saat kamu sedang leka dalam ni'mat kesenangan, tetapi 'akibatnya kamu akan menanggung duka-nestapa yang amat berat. Surah ini merupakan satu surah yang amat jelas

maksudnya. Ia menyampaikan maksud-maksudnya secara langsung ke dalam hati manusia dan menjadikan hati mereka memberi perhatian yang berat kepada Akhirat dan mengenepikan keni'matan-keni'matan dunia yang remeh dan minat-minat kesukaan yang kecil, yang menjadi kegemaran orang-orang yang kosong jiwanya.

Surah ini menggambarkan keni'matan hidup dunia sebagai satu tayangan sekilas dalam sebuah filem yang panjang.

(1)

1. Kamu telah dilekakan oleh pertandingan bermegah-megah mendapat lebih banyak harta kekayaan.

(2)

2. Sehingga kamu masuk ke dalam kubur.

Kemudian tayangan itu berakhir dengan menutup lembarannya yang pendek. Dan selepas hidup dunia, zaman akan terus melanjut dan memanjang dengan bebanan-bebanannya yang bertambah berat. Pengungkapan ayat-ayat itu sendiri menyampaikan saranan-saranan ini dan ini menjadikan hakikat yang dibicarakan itu selaras dengan susunan ungkapan yang unik itu. Sebaik sahaja seseorang itu membaca surah yang hebat, mendalam dan menggerunkan ini, yang mula-mulanya menjulang naik dengan nadanya yang lantang ke angkasa dan kemudian menjunam turun dengan nadanya yang tenang ke dalam lubuk hati, ia akan merasa betapa beratnya tanggungjawab hidup yang dihayatinya sebentar di dunia ini, kemudian ia memikul tanggungjawab yang berat itu dalam perjalanannya, kemudian di sanalah ia akan menghisabkan dirinya sendiri terhadap segala ni'mat yang dini'matinya sehingga sekecil-kecilnya.

Surah Masa

Surah Masa

Surah (103) - Makkiyah - 3 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Demi masa!

(2)

2. Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian.

(3)

3. Kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh serta saling berpesan supaya menjunjung ajaran (Allah) yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar.

Dalam surah yang kecil, yang mengandungi tiga ayat ini tergambar satu peraturan hidup yang sempurna bagi manusia sebagaimana yang dikehendaki Islam. Sifat-sifat pokok kefahaman keimanan serta hakikatnya yang agung dan syumul adalah tergambar begitu jelas dalam surah ini. Ia meletakkan seluruh perlembagaan Islam dalam beberapa ungkapan yang pendek dan mensifatkan hakikat dan fungsi umat Islam hanya dalam satu ayat sahaja iaitu ayat yang ketiga dari surah ini. Inilah pengungkapan yang mengkagumkan yang hanya dapat dilakukan oleh Allah 'Azzawajalla sahaja.

Hakikat agung yang dikemukakan oleh keseluruhan surah ini ialah:

Biarpun selanjut mana waktu pada seluruh zaman dan sepanjang mana kelangsungan hidup manusia pada semua masa, namun di sana hanya ada satu cara dan satu jalan hidup sahaja yang membawa keuntungan dan keselamatan. Itulah cara dan jalan hidup yang telah dijelaskan sempadan-sempadan dan batu-batu tandanya dalam surah ini. Selain cara hidup ini adalah sia-sia dan rugi belaka.

(1)

1. Demi masa!

(2)

2. Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian.

(3)

3. Kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh serta saling berpesan supaya menjunjung ajaran (Allah) yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar.

Itulah keimanan, amalan yang soleh, saling berpesan menjunjung ajaran yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar.

Apakah iman itu?

Kami tidak bermaksud menta'rifkan iman di sini dengan ta'rif ilmu fiqah, tetapi kami mahu memperkatakan tentang tabi'at iman dan nilainya dalam kehidupan manusia.

Keimanan ialah hubungan makhluk manusia yang bersifat fana, kerdil dan terbatas dengan Allah yang bersifat Mutlak, Azali, Kekal, dan Sumber yang dari-Nya lahir segala yang wujud, juga hubungannya dengan 'alam yang lahir dari Allah dan hubungannya dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan 'alam ini, juga hubungannya dengan tenaga-tenaga 'alam yang tersimpan di 'alam ini. Titik tolak di sini ialah dari perbatasan diri manusia yang kerdil kepada ruang 'alam yang amat luas dan dari batas-batas kekuatannya yang lemah kepada kebesaran tenaga 'alam yang majhul dan dari batas-batas umurnya yang pendek kepada kelanjutan abad-abad yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. [16]

Hubungan seperti ini selain memberi kekuatan, kelanjutan dan kebebasan kepada manusia ia juga memberikan keni'matan hidup kepada mereka dengan segala keindahan 'alam dan dengan aneka ragam makhluk di mana terjalin di antaranya dengan mereka rasa kasih sayang yang mendalam pada jiwa masing-masing, sehingga hidup ini dirasakan seolah-olah satu perkelahan melihat temasya-temasya Ilahi yang dipamerkan kepada manusia di setiap tempat dan pada setiap waktu. Ia merupakan satu kebahagiaan dan kegembiraan yang tinggi dan merupakan satu kemesraan terhadap hidup dan terhadap 'alam buana sama seperti kemesraan kekasih terhadap kekasihnya. Ini adalah suatu keuntungan yang tidak dapat dibandingkan dengan keuntungan-keuntungan yang lain dan kehilangannya merupakan suatu kerugian yang tidak dapat dibandingkan dengan kerugian-kerugian yang lain.

Kemudian asas-asas keimanan itu sendiri merupakan asas-asas kemanusiaan yang luhur. Menyembah Allah yang Tunggal membebaskan manusia dari perhambaan kepada yang lain dari Allah dan menegakkan dalam jiwanya kesedaran berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan sesama manusia. Kerana itu ia tidak menghinakan dirinya kepada seseorang yang lain dan tidak tunduk melainkan kepada Allah yang Maha Kuasa. Dari sinilah lahirnya kebebasan haqiqi bagi manusia, iaitu kebebasan yang terbit dari dhamir dan dari kefahaman terhadap hakikat yang berlaku di 'alam iaitu tiada kekuasaan melainkan kekuasaan Allah yang Tunggal dan tiada Tuhan yang disembah

---

1 Detik dari kitab “ه ” *bab* “ ”

melainkan Allah yang Tunggal. Pembebasan diri ini adalah terbit dengan sendirinya dari kefahaman ini, kerana ia merupakan satu-satunya kesimpulan yang logik.

Ciri Rabbaniyah (yang menjadi teras keimanan) itulah yang menentukan arah dari mana manusia harus menerima kepercayaan-kepercayaannya, nilai-nilainya, ukuran-ukurannya, pertimbangan-pertimbangannya, syari'at-syari'atnya, undang- undangnya dan segala peraturan yang mengikatnya dengan Allah atau dengan 'alam atau dengan manusia. Dengan demikian kehidupan manusia terhindar dari perintah hawa nafsu dan kepentingan dan tempat kedua-duanya digantikan dengan syari'at dan keadilan. Ciri Rabbaniyah itu juga yang menaikkan rasa bangga seseorang mu'min terhadap nilai cara hidupnya dan memandang rendah kepada kepercayaan-kepercayaan Jahiliyah, nilai-nilainya dan pertimbangan-pertimbangannya, juga memandang rendah kepada nilai-nilai yang diambil dari perhubungan-perhubungan kebumian (keduniaan) walaupun dia sebatang karah, kerana ia menghadapi kepercayaan-kepercayaan dan nilai-nilai Jahiliyah itu dengan kepercayaan dan nilai-nilai yang diambil secara langsung dari Allah yang sudah tentu lebih tinggi, lebih kuat dan lebih utama diikuti dan dihormati. [17]

Hubungan yang jelas antara Khaliq dengan makhluk dan perbezaan yang nyata antara taraf Uluhiyah dengan taraf Ubudiyah dapat menghubungkan manusia yang fana dengan Allah yang Kekal itu dengan hubungan yang lurus tanpa kerumitan dan tanpa memerlukan wasilah. Hubungan yang jelas itu juga memberi nur dalam hati, memberi ketenteraman kepada roh dan memberi kemesraan dan kepercayaan kepada jiwa, menghapuskan keraguan-keraguan, ketakutan, kecemasan, dan kegelisahan di samping menghapuskan perasaan takbur dan sombong terhadap sesama makhluk dengan da'waan-da'waan palsu.

Juga sikap yang jujur mematuhi cara hidup yang dikehendaki Allah. Kerana itu sesuatu perbuatan yang baik bukanlah lahir secara kebetulan dan bukanlah hasil dari keinginan yang tiba-tiba dan bukanlah sesuatu yang dilakukan sekali-sekala sahaja, malah sesuatu perbuatan yang baik itu adalah lahir dari motif-motif tertentu dan menuju kepada satu matlamat yang tertentu dan semua individu yang berjuang kerana Allah akan terus bekerja-sama mempertahankannya, dengan itu terbentuklah kelompok Muslimin yang mempunyai satu matlamat dan satu panji dan mereka akan bekerjasama dan berpadu sebagaimana yang dilakukan oleh generasi-generasi Islam yang silih berganti yang berpegang kukuh dengan agama ini.

Anggapan bahawa manusia itu mulia di sisi Allah meninggikan pandangan manusia terhadap dirinya sendiri, menimbulkan dalam dhamirnya perasaan segan dan malu untuk menjatuhkan dirinya dari martabat luhur yang diangkatkan Allah itu. Konsep manusia itu mulia di sisi Allah merupakan satu tanggapan yang paling tinggi yang ditanggapkan manusia terhadap dirinya. Setiap isme dan setiap pemikiran yang merendahkan darjah manusia pada pandangannya sendiri atau menurunkan asalnya kepada asal-usul yang hina yang memutuskan hubungannya dengan 'alam Malaikat adalah isme dan fikiran yang menyeru manusia kepada

[2] *Lihat Tafsir Surah 'Abasa*

menjatuh dan merendahkan diri sendiri walaupun ia tidak mengatakannya secara terus-terang.

Dari sinilah saranan-saranan atau pendapat-pendapat Darwin, Freud dan Karl Marx mengenai manusia merupakan saranan-saranan dan pendapat-pendapat yang paling keji yang menimpa fitrah manusia dan kepimpinan manusia. Pendapat-pendapat itu menyarankan kepada manusia bahawa setiap kerendahan, kehinaan dan kekotoran adalah perkara biasa yang memang diduga dan dijangka, tiada suatu yang menganehkan dan tiada suatu yang patut dimalukan. Ini adalah satu perbuatan jenayah terhadap manusia yang patut dicela dan dikecamkan. [18]

Kebersihan perasaan-perasaan adalah hasil secara langsung dari kesedaran manusia terhadap kemuliaan dirinya di sisi Allah dan dari kesedarannya terhadap pengawasan Allah di atas dhamir dan hati mereka. Seseorang yang normal yang tidak dirosakkan oleh saranan-saranan Freud, Karl Marx dan sebagainya akan merasa malu andainya ada orang yang mengetahui keburukan-keburukan dhamir dan perasaannya. Seseorang mu'min yang merasa dirinya sedang dilihat Allah akan menggeletar, kerana itu lebih wajar baginya membersihkan dirinya.

Kesedaran terhadap akhlak merupakan hasil yang tabii dan pasti dari keimanan kepada Allah yang Maha Adil, Maha Penyayang, Maha Pengampun, Maha Pemurah, Maha Pengasih dan Sabar, iaitu Tuhan yang bencikan kejahatan dan cintakan kebaikan dan Tuhan yang mengetahui jelingan mata yang tidak jujur dan rahsia yang tersimpan di dalam dada.

Di sana terdapat tanggungjawab sebagai hasil dari kebebasan kemahuan dan pengawasan Allah yang ketat. Tanggungjawab itu menimbulkan kesedaran, rasa sensitif, sikap yang bijaksana dan hati-hati. Ia bukan sahaja merupakan tanggungjawab perseorangan, malah ia juga merupakan tanggungjawab kemasyarakatan, tanggungjawab terhadap kebaikan itu sendiri, tanggungjawab terhadap manusia seluruhnya di hadapan Allah. Apabila seseorang mu'min itu bertindak, ia akan merasa seluruh tanggungjawab itu, ia akan menilai hasil setiap langkahnya sebelum ia menghayunkan kakinya. Ia sedar bahawa dia adalah makhluk yang mempunyai nilai di 'alam ini dan mempunyai tanggungjawab dalam sistem 'alam ini.

Antara saranan keimanan lagi ialah menjauhi sikap tamak-haloba terhadap keni'matan-keni'matan hidup dunia yang fana dan memilih balasan-balasan yang tersedia di sisi Allah yang lebih baik dan kekal.

Firman Allah 'Azzawajalla:

(26)

26. "Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang soleh)."

(Al-Mutafiffin).

---

[3] *Lihat buku " " karangan Muhammad Qutb.*

Perlumbaan untuk merebut balasan-balasan Allah boleh meninggi dan membersihkan jiwa seseorang dan boleh mententeramkan kegelisahannya untuk mendapat hasil yang segera. Kerana itu ia berbuat kebaikan, kerana perbuatan itu baik dan kerana Allah suka kepada kebaikan, dan dia tidak salah apa-apa andainya perbuatan yang baik itu tidak menghasilkan kebaikan di hadapan matanya dan dalam umur hidupnya yang terbatas, sebab Allah yang kerana-Nya ia berbuat kebaikan itu tidak mati dan tidak pula lupakan sedikit pun perbuatannya yang baik itu.

Bumi bukannya negeri balasan dan hidup di dunia bukannya stesen pengembaraan. Dari sumber inilah seseorang mu'min itu mengambil bekalan daya kudrat untuk terus berbuat kebaikan. Dan inilah sumber yang menjadikan amalan berbuat kebaikan itu suatu cara hidup yang bersambung-sambung, bukannya hasil dari keinginan yang timbul mendadak dan bukan pula suatu hasil yang tunggal yang tidak bersambung. Inilah sumber yang membekalkan tenaga raksasa kepada seseorang mu'min untuk menentang kejahatan sama ada berupa pemerintahan yang zalim atau berupa tekanan dari pandangan-pandangan Jahiliyah atau berupa tekanan keinginan-keinginan hawa nafsunya sendiri terhadap kemahuannya.

Tekanan ini adalah terbit dari perasaan dan kesedaran seseorang bahawa umurnya begitu pendek untuk menghabiskan keni'matan-keni'matan hidupnya dan mencapaikan cita-citanya, juga kesedarannya terhadap kelemahannya untuk melihat hasil kebaikan yang jauh, dan untuk melihat kemenangan kebenaran di atas kebatilan. Di sinilah keimanan bekerja mengubati perasaan-perasaan itu dengan pengubatan asasi yang sempurna.

Iman itulah punca hidup yang agung. Dari punca inilah lahirnya segala cabang kebaikan dan dengan punca inilah bergantungnya segala hasil kebaikan. Tanpa iman, cabang kebaikan merupakan satu cabang yang terputus dari pokoknya, yang akan terus layu dan kering, dan tanpa iman hasil kebaikan itu merupakan satu hasil dari Syaitan yang tidak lanjut dan kekal.

Iman itulah paksi yang menarik ke arahnya semua tali-tali hidup yang luhur. Tanpa iman, tali-tali itu akan terlepas, terhurai dan tersimpang siur bersama hawa nafsu.

Iman itu satu sistem yang mengumpul berbagai-bagai kegiatan dan amalan dan mengembalikannya kepada satu sistem, di mana kegiatan-kegiatan itu menjadi selaras, saling bantu membantu dan menuju ke satu jalan dan satu harakat yang mempunyai satu motif dan satu matlamat yang tertentu.

Kerana itulah al-Qur'an mensia-siakan nilai segala amalan yang tidak berasal dari punca iman dan tidak terikat kepada paksi iman. Pandangan Islam dalam perkara ini amat jelas. Firman Allah 'Azzawajalla dalam Surah Ibrahim:

18. "Bandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap Tuhan mereka sama seperti abu yang ditiup angin pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak dapat

mengambil faedah sesuatu apa dari amalan-amalan yang mereka usahakan (di dunia)."

(Surah Ibrahim)

Firman-Nya lagi dalam Surah an-Nur:

39. "Dan orang-orang yang kafir, amalan-amalan mereka adalah sama seperti bayangan air di padang datar, di sana si dahaga menyangkakannya air, tetapi apabila ia datang ke tempat itu, ia tidak dapati air sedikit pun."

(Surah An-Nur)

Ini adalah nas-nas yang sorih yang menunjukkan seluruh amalan itu adalah sia-sia dan tidak berharga selama ia tidak bersandar kepada iman, kerana iman itulah yang membuat amalan itu mempunyai motif yang bersambung dengan Allah dan mempunyai matlamat yang sesuai dengan tujuan wujudnya di 'alam ini. Inilah pandangan 'aqidah Islam yang logik yang mengembalikan segala sesuatu kepada Allah. Sesiapa yang putus hubungan dengan Allah, akan putuslah ia dan akan hilanglah hakikat tujuannya.

Iman adalah bukti kesihatan fitrah manusia dan kesejahteraan kejadiannya, juga bukti keseimbangannya dengan fitrah 'alam seluruhnya dan bukti adanya hubungan harmoni antara manusia dengan 'alam sekelilingnya. Dan hubungan inilah yang pada akhirnya pasti membawa manusia kepada iman, kerana 'alam itu sendiri mengandungi dalil-dalil dan saranan-saranan yang menunjukkan bahawa kekuasaan Allah yang mutlak itulah yang menciptakan 'alam ini dengan peraturan yang rapi. Sebaliknya apabila hubungan harmoni itu tidak wujud atau rosak, maka itulah bukti adanya kerosakan pada sistem penerimaan manusia dan kerosakan itu akan membawa kerugian, kerana kerosakan ini menyebabkan amalan-amalannya tidak sah walaupun pada zahirnya menampakkan tanda baik.

'Alam orang yang beriman itu begitu luas, syumul, tinggi, indah dan bahagia sehingga 'alam-'alam orang-orang yang bukan mu'min kelihatan begitu kecil, kerdil, rendah, buruk, celaka dan rugi serugi-ruginya.

'Amalan yang soleh itu merupakan buah yang tabi'i dan iman, juga merupakan gerakan automatik yang bermula pada saat bertapaknya hakikat iman di dalam hati manusia. Kerana itu iman merupakan satu hakikat positif yang dinamis. Sebaik sahaja ia bertapak dalam hati manusia ia terus bergerak menonjolkan zatnya keluar dalam bentuk amalan yang soleh. Inilah iman dalam Islam. Ia tidak tinggal begitu beku tanpa bergerak, tidak tinggal tersembunyi tanpa menjelma dalam satu bentuk harakat yang hidup di luar tubuh seseorang Mu'min. Andainya iman itu tidak bergerak seperti ini, maka ia adalah suatu iman yang palsu atau suatu iman yang mati. Ia sama dengan bunga yang tidak berbau. Oleh itu amalan yang soleh harus tercetus dari keimanan itu secara tabi'i jika tidak maka keimanan itu tidak wujud.

Di sinilah letaknya nilai iman, iaitu iman adalah gerakan, tindakan, amalan, pembinaan dan pembangunan yang menjurus kepada Allah. Iman bukannya penguncupan diri bukannya bersifat negatif, bukannya penyorokan diri dalam isi dada dan bukannya semata-mata niat baik yang tidak menjelma dalam gerakan dan tindakan. Inilah sifat utama Islam dan sifat inilah yang menjadikan Islam suatu kekuatan pembangunan yang amat besar dalam kehidupan.

Ini dapat dimengertikan, kerana iman itu ialah penglibatan diri dengan cara hidup Rabbani, iaitu cara hidup yang sentiasa bergerak dan bertindak di 'alam ini, iaitu gerakan yang lahir dari satu perencanaan, dan menuju ke arah satu tujuan. Iman memimpin manusia ke arah melaksanakan program harakat yang menjadi tabi'at 'alam al-Wujud iaitu melakukan gerakan-gerakan dan tindakan-tindakan yang bersih, membina dan membangun sesuai dengan sistem hidup yang terbit dari Allah.

Amalan saling berpesan supaya menjunjung ajaran Allah yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar melahirkan gambaran umat Islam atau kelompok Muslimin yang mempunyai identiti, ikatan dan tujuan perjuangan yang sama, iaitu kelompok yang sentiasa sedar terhadap hakikat dirinya dan terhadap kewajipannya, di samping sentiasa sedar terhadap hakikat tugas iman dan amalan soleh yang termasuk di bawahnya tugas memimpin umat manusia ke jalan iman dan amalan soleh. Kerana itu, untuk melaksanakan tugas atau amanah agung ini mereka perlu saling berpesan dan nasihat-menasihati terhadap satu sama lain. Dari kata-kata saling berpesan itu nampaklah satu gambaran umat atau kelompok Muslimin yang bersatu-padu, satu umat yang terpilih, yang sedar dan yang tegak di bumi di atas lunas-lunas kebenaran, keadilan dan kebaikan. Itulah gambaran umat Islam yang dikehendaki oleh Islam. Islam mahukan mereka menjadi satu umat yang terpilih, kuat, sedar, siap sedia mengawasi kebenaran dan kebaikan dan sentiasa saling berpesan sesama mereka supaya menjunjung kebenaran dan bersabar dalam perjuangan dan hidup saling mesra, bekerjasama dengan semangat Ukhuwah Islamiyah sebagaimana yang disarankan oleh kata-kata saling berpesan di dalam al-Qur'an.

Amalan saling berpesan menjunjung ajaran Allah yang benar merupakan satu keperluan dalam perjuangan, kerana usaha-usaha menegakkan kebenaran itu amat sukar dan batu-batu penghalangnya beraneka ragam dalam bentuk hawa nafsu, logik kepentingan, kefahaman-kefahaman masyarakat, dan kemaharajalelaan pemerintah-pemerintah dan orang-orang yang zalim. Dengan amalan saling berpesan dapatlah diberi peringatan, pemberangsangan dan penyedaran terhadap persamaan matlamat, persamaan tugas dan amanah untuk melipatgandakan daya usaha perjuangan mereka. Setiap pejuang kebenaran akan merasa bahawa di sampingnya ada orang lain yang sentiasa berpesan, memberangsang dan turut berjuang bersamanya, juga sentiasa menyayanginya dan tidak menghampakannya.

Agama Islam yang benar ini tidak dapat ditegakkan melainkan dengan pengawasan dan kawalan kelompok Muslimin yang saling membantu, saling berpesan dan bersatu padu. Amalan saling berpesan supaya bersikap sabar juga merupakan satu keperluan dalam perjuangan, kerana usaha-usaha menegakkan

iman dan amal soleh, dan usaha-usaha menjaga kebenaran dan keadilan merupakan tugas-tugas yang amat sukar yang dihadapi oleh kelompok dan orang perseorangan dan inilah yang memerlukan kesabaran, iaitu sabar melawan tentangan hawa nafsu sendiri, sabar melawan tentangan-tentangan orang lain, sabar menghadapi gangguan dan kesulitan, sabar menentang keangkuhan, kebatilan dan kejahatan, sabar mengharungi jalan perjuangan yang panjang, sabar menempuh peringkat-peringkat perjuangan yang lambat, sabar kerana hilangnya batu-batu tanda jalan perjuangan dan sabar kerana kejauhan matlamat.

Amalan saling berpesan supaya bersabar itu menambahkan daya kebolehan, kerana ia dapat menimbulkan perasaan kesatuan matlamat dan tujuan dan kerjasama di antara semua pihak, di samping membekalkan perasaan kasih mesra terhadap satu sama lain, keazaman dan tekad perjuangan yang kukuh dan sebagainya dari konsep-konsep kelompok kerana dalam suasana kelompoklah hakikat Islam itu hidup dan menonjol jika tidak, maka itulah kerugian dan kehilangan. Pada hari ini apabila kita melihat dari kacamata undang-undang, perlembagaan yang digariskan oleh al-Qur'an untuk panduan hidup kelompok orang-orang Mu'min yang terselamat dari kerugian itu, kita merasa begitu cemas melihat umat manusia di merata pelosok bumi sedang dilingkungi kerugian. Kita merasa begitu cemas melihat kesesiaan-kesesiaan atau kepercumaan hidup mereka di dunia, dan melihat mereka berpaling dari agama yang baik yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, serta melihat, tidak adanya pemerintah yang terpilih, beriman dan tegak di atas agama yang benar di muka bumi ini.

Orang-orang Islam atau lebih halus orang-orang yang menda'wa beragama Islam merupakan orang-orang yang paling kuat berpaling dari cara hidup Ilahi yang telah dipilih Allah untuk mereka, dan dari undang-undang yang disyari'atkan Allah kepada mereka dan dari jalan tunggal yang digariskan Allah untuk menyelamatkan mereka dari kerugian dan kesesiaan. Negeri Arab yang dahulunya menjadi tempat lahirnya agama yang baik itu telah meninggalkan panji-panjinya yang telah dikibarkan Allah untuk mereka, mereka meninggalkan panji-panji iman untuk bergantung dengan panji-panji kebangsaan yang tak pernah mereka capai kebaikan di bawah kibarannya di sepanjang sejarahnya, dan nama mereka tak pernah disebut di bawah kibarannya baik di bumi mahupun di langit sehingga datangnya agama Islam mengibarkan panji-panji Allah yang Tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya, dan di bawah kibaran panji-panji inilah umat Arab mencapai kemenangan, menjadi kuat dan berjaya bagi pertama kalinya dalam sejarah mereka dan sejarah umat manusia seluruhnya.

Ujar al-Ustaz Abul Hasan an-Nadawi dalam bukunya yang bermutu: "Apakah Kerugian Dunia Dengan Sebab Kejatuhan Umat Muslimin?" yang memperkatakan tentang kepimpinan Islam yang terpilih dan unik ini di bawah judul: “Zaman Kepimpinan Islam” dan "Pemimpin-pemimpin Islam dan Sifat-Sifat Mereka.":

"Umat Muslimin muncul memimpin dunia. Mereka memecat umat-umat palsu dari kepimpinan umat manusia dengan penuh kesungguhan, bijaksana dan adil. Mereka mempunyai sifat-sifat yang cukup yang melayakkan mereka

memimpin umat-umat manusia dan menjamin kebahagiaan dan kejayaan umat yang berada di bawah naungan dan pimpinan mereka. "

Pertama: Umat Muslimin mempunyai kitab suci dan syari'at yang diturunkan Allah. Mereka tidak membuat undang-undang sendiri, kerana membuat undang-undang sendiri itu merupakan punca kejahilan, kesalahan dan kezaliman. Tindak-tanduk mereka, politik mereka dan cara pergaulan mereka dengan manusia tidak sembarangan dan tidak lintang-pukang. Allah telah mengurniakan nur kepada mereka dengan nur inilah mereka berjalan di kalangan umat manusia.

Dan Allah telah mengurniakan syari'at kepada mereka dan dengan syari'at inilah mereka menghukumkan manusia.

Firman Allah:

122. "Apakah orang yang mati yang kemudian Kami hidupkannya dan mengurniakan nur yang terang yang dengannya dia dapat berjalan di kalangan manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam gelap-gelita dan tidak dapat keluar darinya."

(Al-An'am)

(8)

8. "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah dan janganlah rasa benci terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah yang Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."

(Al-Ma'idah)

Kedua: Umat Muslimin tidak memegang teraju pemerintahan dan kepimpinan tanpa didikan akhlak dan pembersihan jiwa iaitu berlainan dengan kebanyakan umat, individu-individu dan pegawai-pegawai pemerintah dahulu dan sekarang, malah mereka tinggal sekian lama di bawah didikan dan pimpinan Nabi Muhammad s.a.w. yang membersihkan jiwa mereka, mengajar adab sopan kepada mereka dan melatihkan mereka dengan sifat-sifat zahid, wara', bersih hati, mementingkan kebajikan orang lain, takut kepada Allah dan tidak bercita-cita dan tamak untuk menjadi ketua."

Dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

\- -

"Sesungguhnya kami demi Allah tidak akan melantikkan ke jawatan ketua dalam urusan ini seseorang yang memohonnya atau seseorang yang tamakkannya."

Telinga mereka sentiasa terdengar-dengar firman Allah 'Azzawajalla:

(83)

83. "Negeri akhirat itu Kami peruntukkan kepada orang-orang yang tidak mahu berbangga-bangga dengan kebesaran di bumi dan tidak mahu membuat kerosakan. Dan balasan yang baik itu untuk orang-orang yang bertaqwa."

(Al-Qasas)

Kerana itu mereka tidak berlumba-lumba untuk merebut jawatan-jawatan apatah lagi untuk mencalonkan diri mereka ke jawatan-jawatan ketua, atau menonjolkan kebaikan diri mereka atau berkempen untuk menaikkan diri mereka atau membelanjakan harta untuk mendapatkan jawatan-jawatan. Dan apabila mereka dilantik ke jawatan pegawai pemerintah, maka mereka tidak menganggapkan jawatan itu sebagai suatu hasil keuntungan atau perolehan dari usaha tenaga dan harta yang mereka telah korbankan untuknya, malah mereka anggapkannya sebagai suatu amanah yang diletakkan di atas bahunya dan sebagai suatu ujian dari Allah. Mereka benar-benar sedar bahawa mereka akan berdiri mengadap Allah dan bertanggungjawab kepada-Nya dalam semua urusan pentadbiran baik yang kecil mahupun yang besar. Mereka sentiasa teringat kepada firman Allah 'Azzawajalla:

58. "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyempurnakan amanah-amanah itu kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu menghukum di antara manusia, maka hendaklah kamu hukumkan mereka dengan keadilan."

(An-Nisa')

Dan firman-Nya:

165. "Dialah (Allah) yang telah melantikkan kamu menjadi khalifah-khalifah yang memerintah bumi dan mengangkatkan sebahagian dari kamu ke darjat-darjat yang mengatasi sebahagian yang lain untuk menguji kamu terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu."

(Al-An-'am)

Ketiga: Umat Muslimin bukannya berkhidmat untuk kepentingan perkauman, mereka bukannya utusan bangsa atau negeri yang berjuang untuk kemakmuran dan kepentingan bangsa dan negeri itu sahaja atau percaya bahawa bangsa dan negeri mereka sahaja yang mempunyai kelebihan atas segala bangsa dan negeri yang lain dan bahawa mereka sahaja yang dijadikan untuk memerintah dan bangsa-bangsa yang lain adalah dijadikan untuk diperintah oleh mereka. "Umat Muslimin tidak dilahirkan untuk membangun Empayar Arab yang mewah makmur dan untuk bermegah-megah hidup di bawah pemerintahannya. Mereka tidak dilahirkan untuk mengeluarkan manusia dari penjajahan Rom dan Farsi kepada pemerintahan Arab atau pemerintahan mereka sendiri, malah mereka dilahirkan untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal seperti yang diucapkan oleh Rab'ii ibn 'Amir di majlis Yazdajrad: "Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal dan dari kesempitan dunia kepada keluasan Akhirat dan dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."

Semua bangsa dan semua manusia di sisi mereka adalah sama sahaja iaitu semuanya dari keturunan Adam dan Adam berasal dari tanah. Tiada kelebihan bagi bangsa Arab ke atas bangsa bukan Arab dan tiada kelebihan bagi bangsa bukan Arab ke atas bangsa Arab melainkan dengan taqwa.

Firman Allah 'Azzawajalla:

13. "Wahai manusia sesungguhnya Kami telah ciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku supaya kamu berkenal-kenalan satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa."

(Al-Hujurat)

Umar ibn al-Khattab pernah berkata kepada 'Amru ibn al-'As Gabenor Mesir sewaktu anaknya memukul seorang Mesir dan berbangga-bangga dengan keturunannya sambil berkata: "Nah ambil ini dari seorang anak bangsawan." Lalu Umar mengenakan hukuman pukul balas dan berkata: "Bila lagi awak memperhambakan manusia, sedangkan mereka dilahirkan ibu mereka dengan keadaan merdeka?" Mereka tidak bakhil menyebarkan agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan yang diketahui mereka kepada siapa sahaja. Mereka tidak memandang keturunan, warna kulit dan negeri apabila mereka menghukum, memerintah dan menilaikan kelebihan, malah mereka laksana awan yang memayung seluruh negeri dan semua manusia atau laksana hujan yang mencurah di merata tempat yang dapat dimanfaatkan oleh semua negeri dan manusia mengikut penerimaan dan kesediaan masing-masing.

Di bawah naungan dan pemerintahan mereka, semua bangsa walaupun yang pernah ditindas sebelumnya dapat menerima habuan masing-masing dalam bidang agama, ilmu pengetahuan, pendidikan dan kerajaan dan turut bekerjasama

dengan bangsa Arab dalam usaha membina sebuah dunia baru, malah ramai dari tokoh-tokoh mereka mengatasi orang-orang keturunan Arab dalam setengah-setengah bidang ilmu pengetahuan. Di antara mereka terdapat imam-imam, pakar-pakar fiqah dan hadith yang merupakan mahkota-mahkota dan pemimpin-pemimpin umat Arab dan umat Muslimin seluruhnya.

Keempat: Manusia itu tersusun daripada jisim dan roh. Ia mempunyai hati, akal, perasaan dan tubuh-badan. Oleh itu manusia tidak akan berbahagia, berjaya, dan mencapai kemajuan yang seimbang melainkan seluruh bahagian dirinya subur dan berkembang dengan seimbang dan mendapat makanan yang baik. Tamadun yang baik tidak akan wujud kecuali manusia terdidik dalam 'alam sekitar yang menyuburkan agama, akhlak, akal dan tubuh badan dan memberi kemudahan kepada mereka untuk mencapai kesempurnaan insaniyah.

Hal ini menurut pengalaman tidak mungkin berlaku melainkan apabila teraju pimpinan dan pentadbiran tamadun itu berada di tangan orang-orang yang beriman kepada roh dan benda, yang dapat menunjukkan contoh-contoh yang baik dalam kehidupan keagamaan dan akhlak serta mempunyai akal yang sejahtera dan bijaksana dan mempunyai ilmu pengetahuan yang benar dan berguna.

Pada akhirnya beliau berkata ketika memperkatakan judul: "Peranan pemerintahan Khalifah-khalifah ar-Rashidin selaku contoh-contoh tamadun yang soleh."

Demikianlah apa yang telah berlaku, kita tidak dapati mana-mana peranan dalam sejarah yang lebih sempurna, lebih indah dan lebih cemerlang dari peranan yang dimainkan dalam pemerintahan khalifah-khalifah ar-Rashidin, di mana kekuatan roh, akhlak, agama, ilmu pengetahuan dan segala peralatan benda bekerjasama dengan sepadu dalam membentuk manusia yang sempurna dan melahirkan tamadun yang soleh ... kerajaan mereka merupakan kerajaan yang terbesar di dunia, dan merupakan satu kuasa politik yang teragung pada zamannya. Dalam pemerintahan mereka munculnya contoh-contoh akhlak yang tinggi dalam kehidupan rakyat dan sistem pemerintahan, juga dalam kegiatan perniagaan dan perusahaan. Kemajuan akhlak dan rohaniyah adalah sejajar dengan keluasan wilayah yang ditakluk mereka dan dengan tamadun yang dibangun mereka. Perlakuan jenayah amat kurang jika dibandingkan dengan keluasan negara dan bilangan penduduknya. Hubungan di antara individu dengan individu dan hubungan di antara individu dengan masyarakat terus bertambah baik. Itulah peranan yang sempurna yang tidak diimpikan manusia lebih maju dari itu dan tidak pernah diandaikan oleh tukang-tukang andai lebih cemerlang dari itu."

Itulah beberapa ciri zaman kebahagiaan yang dialami manusia di bawah naungan perlembagaan Islam yang ditegakkan asas-asasnya dalam "Surah al-'Asr" dan di bawah panji-panji iman yang dibawa oleh angkatan iman dan amalan soleh yang saling berpesan menjunjung ajaran yang benar dan bersikap sabar.

Alangkah jauh bandingannya dengan kesesiaan yang dialami manusia kini di merata tempat dan dengan kerugian yang menimpa mereka dalam pertarungan kebaikan dan kejahatan, dan alangkah jauh bezanya kegelapan dan kesesatan

dengan kebajikan yang besar yang telah dibawa oleh umat Arab pada masa mereka membawa panji-panji Islam dan memegang pimpinan umat manusia. Kemudian apabila mereka meletakkan panji-panji itu, mereka terus berada di ekor angkatan-angkatan kemajuan manusia dan seluruh angkatan itu menuju kepada kesesiaan dan kerugian belaka. Kini seluruh panji-panji dikibarkan untuk Syaitan, tiada satu pun untuk Allah, seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kebatilan, tiada satu pun untuk kebenaran, seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kegelapan dan kesesatan, tiada satu pun untuk hidayah dan cahaya, dan seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kerugian, tiada satu pun untuk keuntungan. Namun demikian, panji-panji Allah tetap berkibar. Ia hanya menunggu tangan-tangan yang sanggup mengibarkannya dan menunggu umat manusia yang ingin berjalan di bawah pimpinannya menuju kebajikan, hidayah, kebaikan dan keuntungan.

Itulah masalah untung rugi di dunia ini, dan jika dibandingkan dengan untung rugi di akhirat, maka untung rugi di dunia adalah amat kecil, di akhirat sanalah untung rugi yang sebenar. Untung rugi di sana berlanjutan dalam zaman yang berterusan, dalam kehidupan yang kekal dan dalam 'alam hakikat yang sebenar. Di sanalah untung rugi yang sebenar iaitu keuntungan mendapat Syurga dan keredaan Allah atau kerugian tidak mendapat Syurga dan keredaan Allah. Di sanalah manusia akan mencapai kemuncak kesempurnaan yang ditentukan untuk mereka atau akan terhumban jatuh ke darjah yang menghilangkan martabat kemanusiaan mereka dan akhirnya mereka menjadi senilai dengan batu, malah batu lebih senang dari mereka.dari segi kerehatan.

Firman Allah:

(40)

40. "Pada hari itu setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: "Alangkah baiknya jika aku jadi tanah."

(An-Naba')

Surah ini begitu tegas sekali menentukan jalan iaitu seluruh manusia berada dalam kerugian, melainkan orang-orang yang beriman, melakukan amalan yang soleh dan saling berpesan supaya menjunjung ajaran yang benar dan supaya bersikap sabar. Inilah satu-satunya jalan, tiada jalan yang lain lagi, iaitu jalan beriman dan beramal soleh dan menegakkan masyarakat Islam yang bersatu-padu menjaga ajaran yang benar dengan berbekalkan sifat sabar.

Itulah satu-satunya jalan, kerana itu dahulu ada dua orang lelaki dari sahabat Rasulullah s.a.w. apabila mereka bertemu, mereka tidak berpisah sehingga salah seorang dari mereka membaca "Surah al-'Asr" kepada seorang lagi, kemudian barulah mereka bersalam-salaman. Mereka berdua seolah-olah berjanji setia untuk menjunjung perlembagaan Ilahi ini, iaitu berjanji untuk tegak di atas iman dan amalan yang soleh, saling berpesan supaya menjunjung ajaran yang suci dan supaya bersikap sabar. Mereka berdua berjanji untuk mengawal perlembagaan ini dan untuk menjadi golongan umat Islam yang hidup tegak di atas perlembagaan ini.

Surah Quraisy

Surah Suku Quraisy

Surah (106) - Makkiyah - 4 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Kerana (mengenangkan ni'mat) kebiasaan kaum Quraisy.**

(2)

2. **Iaitu kebiasaan mereka melakukan perjalanan perniagaan pada musim sejuk dan panas.**

(3)

3. **Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'abah ini.**

(4)

4. **Yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.**

Allah 'Azzawajalla telah memperkenankan doa kekasih-Nya Nabi Ibrahim apabila beliau berdoa kepada-Nya selepas selesai membina rumah Ka'abah dan membersihkannya.

(126)

126. "Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya."

(Al-Baqarah)

Lalu Allah jadikan negeri ini aman sentosa dan bebas dari kuasa pemerintah-pemerintah yang zalim. Juga Dia jadikan orang-orang yang tinggal di sana aman sentosa walaupun negeri-negeri di sekelilingnya sentiasa diancam ketakutan sehingga sampai kepada zaman penduduk-penduduknya menyeleweng

dari agama yang benar dan melakukan syirik terhadap Allah dengan menyembah berhala-berhala.

Ini semua dilakukan Allah kerana satu hikmat yang dikehendaki-Nya terhadap rumah suci itu. Apabila bala tentera bergajah datang untuk merobohkannya, mereka telah menerima akibat yang menghancurkan mereka sebagaimana yang diterangkan dalam Surah Al-Fil. Allah telah memelihara keamanan dan kesentosaan rumah ini dan menjaga kehormatannya sebagaimana yang diterangkan Allah.

(67)

67. "Tidakkah mereka melihat kami jadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman sentosa, sedangkan manusia (di negeri-negeri) di sekeliling mereka rompak-merompak."

(An-'Ankabut)

Peristiwa serangan bala Tentera Bergajah memberi kesan yang amat besar menambahkan kehormatan rumah Ka'abah di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab juga meninggikan darjat penduduknya dan para penjaganya dari kaum Quraisy. Ini menolong mereka dapat menjelajah ke negeri-negeri lain dengan aman, kerana di mana sahaja mereka pergi, mereka dihormati dan dilayani dengan baik. Ini juga menggalakkan mereka mengadakan perjalanan perniagaan dua hala yang besar dengan angkatan-angkatan kafilah iaitu perjalanan ke Yaman di Selatan dan perjalanan ke Syam di Utara serta mengatur dua angkatan perniagaan yang besar, iaitu pertama kafilah perniagaan yang menuju ke Yaman pada musim sejuk, yang kedua angkatan kafilah perniagaan yang menuju ke Syam pada musim panas.

Walaupun keamanan jalan-jalan bukit di Semenanjung Tanah Arab dalam keadaan yang buruk dan penuh dengan kejadian samun-menyamun, tetapi kehormatan Baitullah yang dirasakan di seluruh pelosok Semenanjung Tanah Arab telah menjamin keamanan dan keselamatan kepada penduduk-penduduknya dalam kegiatan-kegiatan perniagaan mereka. Kaum Quraisy telah diberikan suatu keistimewaan. Pintu-pintu rezeki dibuka luas di hadapan mereka dan mereka dapat berniaga dalam keadaan aman sentosa.

Mereka amat tertarik dengan dua perjalanan perniagaan yang menguntungkan itu sehingga kedua-duanya menjadi 'adat atau tradisi dalam kehidupan mereka. Inilah ni'mat kehidupan yang Allah peringatkan kaum Quraisy selepas kebangkitan Rasulullah sebagaimana Ia peringatkan mereka dengan peristiwa serangan bala Tentera Bergajah dalam Surah Al-Fil. Inilah ni'mat kebiasaan mereka melakukan dua perjalanan perniagaan pada musim dingin dan pada musim panas.

Itulah ni'mat rezeki yang mewah hasil dari dua perjalanan perniagaan itu, sedangkan negeri mereka kering-kontang. Mereka dapat hidup selesa dan senang

dari limpah kurnia Allah. Itulah ni'mat keamanan dari ketakutan sama ada di kampung halaman mereka sendiri di sekitar Baitullah atau dalam perjalanan-perjalanan mereka ke negeri-negeri lain. Mereka selama-lamanya berada dalam lindungan kehormatan rumah suci Ka'abah yang dipelihara Allah dari segala pencerobohan.

Allah mengingatkan kaum Quraisy dengan ni'mat-ni'mat itu supaya mereka merasa malu kerana menyembah yang lain dari Allah, sedangkan Allah itulah penaung rumah suci itu, mereka hidup aman sentosa dan dengan nama rumah suci itu mereka diberi layanan yang baik dalam perjalanan-perjalanan mereka dan mereka dapat pulang kembali dengan selamat.

Allah berfirman kepada kaum Quraisy: Kerana mengenangkan ni'mat kebiasaan orang Quraisy yang melakukan perjalanan perniagaan pada musim sejuk dan musim panas, maka sudah sewajarnya mereka menyembah Allah penaung rumah suci itu yang telah mengurniakan ni'mat keamanan kepada mereka; yang telah menjadikan mereka begitu biasa dan selesa dengan perjalanan-perjalanan perniagaan itu dan dari perniagaan-perniagaan inilah mereka memperoleh hasil keuntungan yang mewah.

Kerana itu:

(3)

3. Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'abah ini.

(4)

4. Yang telah mengurniakan makanan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Mengikut keadaan bumi negeri mereka, mereka sepatutnya sentiasa diancam kelaparan, tetapi Allah selamatkan mereka dengan bekalan-bekalan makanan dari kelaparan itu.

وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍ

4. "Dan mengamankan mereka dari ketakutan."

Mengikut keadaan mereka yang lemah dan keadaan 'alam sekitar di sekeliling mereka, mereka sepatutnya sentiasa diancam ketakutan, tetapi Allah amankan mereka dari ketakutan itu.

Itulah peringatan Allah yang sewajarnya menimbulkan rasa malu dalam hati kaum Quraisy. Mereka bukannya tidak tahu nilai Baitullah dan kesan kehormatannya dalam kehidupan mereka. Malah dalam saat-saat kesusahan dan duka-nestapa, mereka tidak memohon perlindungan melainkan kepada Tuhan rumah suci yang Tunggal itu sahaja.

Lihat sahaja Abdul Muttalib, ia tidak menentang angkatan tentera Abrahah dengan kekuatan askar, tetapi ia menentang Abrahah dengan Tuhan rumah suci yang mengawal sendiri rumah-Nya. Ia tidak menentang Abrahah dengan patung dan berhala-berhala, ia tidak berkata kepada Abrahah: "Tuhan-tuhan itu akan

melindungi keselamatan rumah suci mereka, tetapi apa yang dikatakan kepada Abrahah ialah: "Saya adalah tuan kepada unta-unta yang dirampas engkau dan rumah ini mempunyai tuannya yang akan mempertahankannya." ... tetapi sayang kesesatan dan penyelewengan Zaman Jahiliyah tidak mengakui kebenaran dan pandangan akal yang baik.

Surah ini adalah lanjutan dari Surah al-Fil sebelumnya dari segi pokok persoalan dan suasana walaupun ia merupakan satu surah yang berasingan yang dimulakan dengan Bismillahir Rahmanir Rahim.

Menurut riwayat-riwayat hadith, di antara turunnya Surah Al-Fil dengan Surah Quraisy adalah dipisahkan oleh sembilan surah yang lain, tetapi tertib kedua-dua surah ini dalam mashaf adalah disusun beriringan sesuai dengan pokok persoalan kedua-duanya yang hampir sama.

Surah Al-Fiil

Surah Gajah

Surah (105) - Makkiyah - 5 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhan bertindak terhadap Tentera-tentera Bergajah?**

(2)

2. **Tidakkah Ia jadikan rancangan jahat mereka (berakhir) dengan kesesatan (kegagalan)?**

(3)

3. **Dan Allah telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasukan-pasukan.**

(4)

4. **Sambil melontar ke atas mereka batu-batu yang pejal.**

(5)

5. **Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.**

Surah ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang amat masyhur dalam kehidupan penduduk Semenanjung Tanah Arab yang berlaku sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w. Peristiwa ini merupakan satu bukti yang besar bagaimana Allah menjaga dan memelihara tempat yang suci itu, iaitu tempat yang dipilihnya sebagai pusat cahaya agama yang terakhir, sebagai tempat pertumbuhan 'aqidah yang baru dan sebagai titik-tolak agama itu memulakan pergerakan sucinya untuk memburu Jahiliyah di merata pelosok bumi dan menegakkan Hidayah, kebenaran dan kebaikan.

Kesimpulan dari berbagai-bagai riwayat yang mengisahkan peristiwa itu ialah seorang Gabenor Habsyah bagi negeri Yaman iaitu semasa negeri ini tunduk kepada pemerintahan Habsyah setelah diusir pemerintahan Farsi yang berkuasa di

sana. Nama gabenor itu ialah Abrahah. Beliau telah membina sebuah gereja di Yaman atas nama Seri Maharaja Habsyah. Gereja itu dihiasi dengan segala macam hiasan dan peralatan yang amat indah dan menarik dengan tujuan untuk mengalihkan tumpuan orang-orang Arab dari Baitul Haram di Makkah ke gereja itu. Beliau melihat bagaimana penduduk negeri Yaman sendiri yang diperintah oleh beliau turut tertarik kepada Baitul Haram sama seperti kaum-kaum Arab yang lain di kawasan tengah dan utara Semenanjung Arab itu. Beliau telah menulis surat kepada Seri Maharaja Habsyah menerangkan niat dan tujuannya itu.

Kaum-kaum Arab tidak berganjak dari rumah suci mereka. Mereka beranggapan bahawa mereka adalah dari zuriat Ibrahim dan Ismail yang membina rumah suci itu. Inilah alasan kebanggaan mereka mengikut cara mereka yang suka berbangga-bangga dengan keturunan. Pada hemat mereka, kepercayaan-kepercayaan keagamaan yang ada pada mereka, walaupun dalam keadaan keruntuhan adalah lebih baik dari kepercayaan-kepercayaan keagamaan kaum Ahlil Kitab yang ada di sekeliling mereka. Mereka melihat kepercayaan-kepercayaan kaum Ahlil Kitab juga dilanda kucar-kacir dan keruntuhan.

Ketika inilah Abrahah membuat keputusan tegas untuk meruntuhkan Ka'abah supaya orang-orang Arab tidak lagi tertumpu kepadanya. Beliau telah memimpin satu angkatan tentera yang ramai yang disertai dengan gajah-gajah. Angkatan itu didahului oleh seekor gajah yang terkenal di sisi mereka, kemudian berita angkatan ini dan tujuannya telah didengar oleh kaum-kaum Arab dan mereka merasa sedih atas tujuan Abrahah yang mahu meruntuhkan rumah Ka'abah mereka. Kerana itu tampillah seorang pembesar dari kaum bangsawan dan raja-raja Yaman menentang angkatan Abrahah. Nama pembesar itu ialah Zu Nafar. Ia telah menyeru kaumnya kaum-kaum Arab yang lain supaya bangkit memerangi Abrahah untuk mempertahankan rumah Ka'abah. Seruannya telah mendapat sambutan mereka. Lalu ia pun memerangi Abrahah, tetapi ia kalah dan jadi tawanan Abrahah.

Nufayl ibn Habib al-Khath'ami juga tampil memimpin dua qabilah Arab bersama dengan kaum Arab yang ramai untuk menentang angkatan Abrahah tetapi Abrahah telah berjaya mengalahkan mereka dan menawan Nufayl. Pada akhirnya Nufayl bersetuju untuk menjadi pemandu jalan Abrahah dalam perjalanannya ke negeri Arab itu. Apabila angkatan Abrahah lalu di Ta'if beberapa orang dari suku Thaqif datang menemui Abrahah dan berkata kepadanya bahawa rumah suci yang dimaksudkannya itu bukan terletak di tempat mereka, tetapi di negeri Makkah. Tujuan mereka berkata begitu ialah supaya Abrahah tidak mengganggu rumah suci mereka yang dibina untuk berhala al-Lata. Mereka juga telah menghantar seorang pemandu bersama Abrahah untuk menunjukkan rumah Ka'abah.

Setelah tiba di Mughammis yang terletak di antara Ta'if dan Makkah, Abrahah menghantar salah seorang panglimanya hingga ke Makkah. Panglima itu telah merampas dan membawa balik kepada beliau binatang-binatang ternakan kaum Quraysh dan lain-lainnya yang ada di Tihamah termasuk dua ratus ekor unta kepunyaan Abdul Muttalib ibn Hashim. Beliau pada masa itu ialah pembesar dan ketua kaum Quraysh. Oleh kerana itu suku-suku Quraysh, Kinanah dan

Huzayl dan penduduk-penduduk di tanah Haram telah berazam untuk melawan angkatan Abrahah, tetapi kemudian mereka membatalkan cadangan itu setelah sedar bahawa mereka tidak berupaya untuk melawan angkatan Abrahah. Kemudian Abrahah menghantar utusannya ke Makkah untuk menemui ketua negeri itu dan menyampaikan perutusan bahawa kedatangan angkatan Gabenor Abrahah bukan untuk memerangi penduduk negeri Makkah, tetapi hanya untuk merobohkan rumah Ka'abah sahaja. Andainya mereka tidak menentang, maka ia tidak lagi perlu menumpahkan darah mereka dan andainya ketua negeri Makkah itu tidak mahu berperang, maka hendaklah ia dibawa mengadap Gabenor.

Apabila utusan Abrahah menerangkan tujuan kedatangannya kepada Abdul Muttalib ia pun berkata:

"*Demi Allah, kami tidak mahu memeranginya, kami tidak punya kekuatan untuk berperang. Ka'abah ini ialah rumah Allah dan rumah kekasih-Nya Ibrahim a.s. Oleh itu jika Allah mempertahankan rumah ini, maka itu memang rumah-Nya dan tanah haram-Nya, dan jika Allah membiarkannya untuk diroboh Abrahah, maka kami tidak punya kekuatan untuk mempertahankannya.*"

Lalu utusan itu keluar bersama Abdul Muttalib untuk menemui Abrahah. Kata Ibn Ishak: Abdul Muttalib itu adalah seorang yang sangat tampan, cantik dan hebat. Oleh itu sebaik sahaja Abrahah melihatnya, ia terus menyambutnya dengan penuh hormat, tetapi oleh kerana beliau tidak suka dilihat oleh orang-orang Habsyah ia duduk bersama Abdul Muttalib di atas singgahsananya maka beliau turun dari singgahsananya lalu duduk di atas hamparan dan mempersilakan Abdul Muttalib duduk di sampingnya, kemudian beliau berkata kepada jurubahasanya:

"*Awak tanya dia apakah maksud kedatangannya?*"

Jawab Abdul Muttalib:

"*Maksud kedatangan saya ialah untuk meminta tuan Gabenor memulangkan kembali dua ratus ekor unta yang telah dirampaskan olehnya.*"

Apabila jurubahasa itu menyampaikan jawapan Abdul Muttalib kepada beliau, beliau pun berkata kepada jurubahasanya:

"*Katakan kepadanya: Beta mulanya amat memandang tinggi kepada awak apabila beta melihat awak, kemudian sekarang beta memandang rendah kepada awak apabila awak menyatakan maksud kedatangan awak untuk mengadap beta. Adakah wajar awak datang mengadap beta kerana hendak berunding dengan beta untuk meminta balik dua ratus ekor unta kepunyaan awak yang dirampas oleh beta itu dan awak langsung tidak mahu berunding dengan beta tentang nasib rumah Ka'abah yang menjadi pegangan agama awak dan agama nenek-moyang awak, sedangkan maksud kedatangan beta ialah untuk merobohkannya?*"

Jawab Abdul Muttalib:

"*Saya ini hanya tuan punya unta-unta itu sahaja, sedangkan rumah Ka'abah ini ada tuan punyanya yang akan mempertahankannya.*"

Sampuk Abrahah:

"*Ia tidak akan dapat menahani beta.*"

Jawab Abdul Muttalib:

"*Tuan bebas berbuat apa yang tuan suka.*"

Lalu Abrahah pun memulangkan kembali unta-untanya.

Abdul Muttalib pulang mendapatkan kaum Quraysh, dan menceritakan kepada mereka apa yang telah berlaku. Ia menyuruh mereka keluar meninggalkan kota Makkah dan berlindung di celah-celah bukit, kemudian beliau menuju ke Ka'abah dan memegang gelang pintunya, beliau berdiri bersama sekumpulan orang Quraysh berdoa kepada Allah dan memohon pertongan-Nya. Ada riwayat menceritakan bahawa Abdul Muttalib telah berseloka: Tuhanku hamba-Mu tiada kuasa Kecuali mempertahankan rumahnya Kerana itu, pertahankanlah rumah-Mu Salib dan kekuatan mereka Tidak akan dapat mengalahkan-Mu Andainya Engkau hendak membiarkan mereka Meruntuhkan qiblat kami Maka urusan itu terserah kepada-Mu.

Abrahah berlepas dengan bala tenteranya serta gajahnya menuju ke Makkah untuk meruntuhkan Ka'abah, tiba-tiba gajah itu terterum sebelum sampai ke Makkah dan tidak mahu masuk ke Makkah. Askar-askar Abrahah cuba memaksa gajah itu supaya bangkit merempuh ke Makkah, tetapi usaha mereka gagal. Peristiwa ini memang benar berlaku mengikut pengakuan Rasulullah s.a.w sendiri pada hari Hudaybiyah ketika untanya yang bernama Qaswa' terterum sebelum sampai ke Makkah. Sahabat-sahabat berkata: "Qaswa' dah tak larat berjalan." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Bukan Qaswa' tak larat berjalan, bukan itu tabi'atnya, tetapi ia ditahan oleh Tuhan yang menahan gajah (tentera Abrahah).

(Hadits al-Bukhari)

Tersebut di dalam Sohih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda pada hari kemenangan menakluk Makkah "Allah telah menahan gajah (tentera Abrahah) dari melanggar Makkah dan Allah juga yang membolehkan Rasul-Nya dan orang mu'min menguasai negeri Makkah. Pada hari ini kehormatan Makkah telah pulih kembali seperti kehormatannya pada zaman dahulu. Oleh itu setiap yang hadir hendaklah menyampaikan kepada yang tidak hadir." Oleh itu jelaslah bahawa peristiwa gajah ditahan dari merempuh negeri Makkah pada tahun gajah itu adalah suatu peristiwa yang benar. Tepat dengan iradat-Nya hendak membinasakan bala tentera itu bersama pemimpinnya Abrahah, Allah telah melepaskan pasukan-pasukan burung yang melontar ke atas mereka anak-anak batu yang membinasakan mereka seperti daun-daun kering yang reput sebagaimana diceritakan oleh al-Qur'an.

Tubuh Abrahah sendiri telah menjadi sasaran anak-anak batu itu dan dia menderita parah. Kerana itu ia telah dibawa keluar dari Makkah bersama-sama tenteranya, sedangkan jari-jemarinya gugur sebatang demi sebatang sehingga sampai ke San'aa ibu kota Yaman. Beliau tidak mati sehingga dadanya berlubang menampakkan jantungnya.

Di sini terdapat berbagai-bagai riwayat dalam menentukan jenis kumpulan burung-burung itu dan rupa bentuknya, juga tentang ukuran besar kecil dan bentuk rupa anak-anak batu itu. Begitu juga di sana ada riwayat yang menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku dalam tahun serangan Abrahah. Bagi ulama'-

ulama' yang cenderung menyempitkan ruang peristiwa-peristiwa yang mencarikkan adat atau cenderung melihat undang-undang 'alam itu berlaku dalam bentuknya yang biasa sahaja, mereka berpendapat bahawa pentafsiran peristiwa burung itu dengan kejadian wabak cacar adalah lebih dekat dan lebih baik. Burung-burung yang dimaksudkan itu ialah lalat-lalat yang membawa kuman-kuman cacar, kerana erti perkataan tayr ialah setiap benda yang terbang.

Ujar al-Ustaz al-Imam asy-Syeikh Muhammad 'Abduh dalam tafsirnya bagi surah ini dalam Juzu' 'Amma. "Pada hari yang kedua wabak cacar itu merebak dalam kalangan tentera Abrahah, menurut 'Ikrimah, itulah kejadian wabak cacar yang pertama di negeri Arab pada tahun itu. Kata Ya'qub ibn 'Utbah mengenal peristiwa itu: 'Kejadian wabak cacar adalah dilihat pertama kali pada tahun itu. Wabak itu telah memamah tubuh mereka dengan dahsyat dan jarang berlaku seperti itu. Daging-daging mereka merelai dan gugur menyebabkan Abrahah dan tenteranya takut dan terpaksa lari. Abrahah sendiri telah ditimpa wabak dan daging tubuhnya terus gugur secebis demi secebis, dan jari-jemarinya jatuh sebatang demi sebatang sehingga dadanya berlubang dan akhirnya mati di San'aa. "Inilah cerita yang mencapai kata sepakat dari berbagai-bagai riwayat itu dan sah kita berpegang dengannya.

Menurut keterangan surah yang mulia ini, wabak cacar itu telah berlaku dengan sebab anak-anak batu yang digugurkan ke atas tentera-tentera Abrahah oleh pasukan-pasukan burung dihantar oleh Allah bersama angin. "Oleh itu harus bagi anda mempercayai bahawa burung yang dimaksud itu adalah dari jenis nyamuk atau lalat yang membawa kuman setengah-setengah penyakit dan anak-anak batu yang dimaksudkan itu adalah dari tanah-tanah kering beracun yang dibawa angin dan melekat pada kaki binatang-binatang itu. Apabila tanah itu mengenai badan ia akan masuk ke dalam lubang-lubang kulit dan menimbulkan kudis-kudis yang akhirnya badan menjadi buruk dan daging-dagingnya gugur. Banyak binatang terbang yang lemah itu merupakan bala tentera Allah yang paling kuat dalam membinasakan manusia yang mahu dibinasakan Allah. Dan binatang yang seni ini yang sekarang dipanggil kuman adalah termasuk dari kumpulan binatang itu. Kuman-kuman itu juga berkelompok-kelompok dan berpasukan-pasukan yang begitu banyak. Hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui jumlah bilangannya. Kekuatan kudrat Allah untuk mebinasakan orang-orang yang zalim tidak semestinya bergantung kepada burung-burung yang sebesar kepala bukit atau burung-burung yang sebesar geruda atau burung-burung yang mempunyai warna-warna yang tertentu atau bergantung kepada jenis ukuran batu yang tertentu. Segala-galanya boleh menjadi tentera Allah. Setiap kejadian menampilkan buktinya Tuhan Khaliq yang Maha Esa "Tiada kekuatan 'alam buana ini melainkan semuanya tunduk kepada kekuatan Allah.

Pemerintah Abrahah yang zalim yang mahu meruntuhkan rumah Ka'abah itu telah dibinasakan Allah bersama tenteranya dengan angkatan burung yang membawa wabak cacar sebelum mereka sempat memasuki negeri Makkah. Ini adalah satu ni'mat yang dilimpahkan Allah ke atas penduduk Tanah Haram - walaupun mereka menyembah berhala - untuk memelihara rumah Ka'abah

sehingga Ia bangkitkan Rasul-Nya s.a.w yang akan memelihara rumah itu dengan kekuatan agama-Nya.

Ia juga merupakan satu gambaran kemurkaan Allah terhadap Tentera-tentera Bergajah yang mahu menyerang Ka'abah tanpa suatu kesalahan. "

Inilah riwayat yang boleh diperpegangi dalam mentafsirkan surah ini. Lain-lain riwayat tidak dapat diterima melainkan dengan ta'wilan jika riwayat-riwayat itu sohih. Kebesaran kekuasaan Allah semakin bertambah besar bagi orang-orang yang memandang besar kepada gajah, iaitu binatang berkaki empat yang mempunyai tubuh-badan yang paling besar ini dapat dibinasakan dengan kuman yang kecil, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tentulah ini lebih besar, lebih aneh dan lebih mengkagumkan di sisi orang-orang yang berakal."

Bagi kami gambaran wabak cacar yang terjadi dari tanah berkuman yang dikemukakan oleh al-Ustaz al-Imam Muhammad 'Abduh atau keterangan riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa batu-batu yang dilontarkan itu sendiri dapat menembuskan tubuh-badan dan menjadikannya seperti daun-daun kayu yang kering tidaklah lebih menunjukkan kudrat Allah, dan tidak pula lebih baik untuk mentafsirkan peristiwa ini. Pada pandangan kami kedua-dua pentafsiran itu adalah sama sahaja dari segi kemungkinan berlaku dan dari segi menunjukkan kudrat Allah, kerana bagi kami sama sahaja sama ada Allah binasakan angkatan Abrahah dengan undang-undang-Nya yang biasa yang diketahui manusia atau dengan undang-undang-Nya yang luar biasa yang tidak diketahui mereka. Undang-undang Allah tidak hanya terbatas pada undang-undang biasa yang diketahui manusia. Dan undang-undang Allah yang diketahui manusia hanya sebahagian yang kecil sahaja. Allah dedahkan rahsia undang-undang sekadar yang mampu dicapai oleh daya usaha akal fikiran dan ujian-ujian mereka dalam masa yang lama.

Undang-undang yang luar biasa atau mencarikkan adat juga merupakan undang-undang Allah, tetapi ia disifatkan luar biasa kerana dibandingkan dengan undang-undang biasa yang diketahui mereka. Kerana itu apabila kami berdepan dengan peristiwa luar biasa kami tidak merasa merasa ragu-ragu lagi terhadapnya atau cuba menta'wilkan peristiwa itu asalkan sahaja riwayatnya sah dan betul. Serentak itu juga kami tidak melihat peristiwa yang berlaku dengan undang-undang biasa itu sebagai kurang berkesan atau kurang berma'na dari peristiwa yang berlaku dengan undang-undang luar biasa, kerana undang-undang biasa itu pada hakikatnya luar biasa jika diukurkan dengan kudrat kuasa manusia. Proses naik dan terbenamnya matahari merupakan satu kejadian luar biasa, tetapi manusia telah biasa dengannya setiap hari. Begitu juga kejadian kelahiran anak merupakan satu kejadian yang luar biasa, tetapi ia berlaku setiap saat. Jika tidak, siapa suka cubalah uji sendiri.

Tindakan Allah menghantar burung-burung walaupun apa sahaja jenisnya membawa batu-batu yang mengandungi kuman-kuman cacar dan mengakibatkan berlakunya wabak cacar dalam kalangan tentera Abrahah yang sedang mara untuk meruntuhkan Ka'abah merupakan satu peristiwa luar biasa yang benar-benar menunjukkan kekuasaan Allah. Ia tidak kurang hebatnya jika Allah menghantar burung-burung khusus membawa batu-batu khusus yang

membinasakan tubuh badan bala tentera itu. Kedua-duanya sama-sama luar biasa belaka.

Tetapi dalam peristiwa ini khususnya, kami lebih cenderung kepada tafsiran bahawa ia adalah berlaku menurut undang-undang Allah yang luar biasa iaitu Allah telah menghantar pasukan-pasukan burung yang luar biasa membawa batu-batu yang luar biasa dan mengakibatkan penyakit yang luar biasa, walaupun kita tidak semestinya menerima riwayat-riwayat yang menerangkan rupa bentuk dan besar kecilnya burung-burung dan batu-batu dengan sifat-sifat yang mengharukan itu, kerana kejadian-kejadian yang seumpama itu menunjukkan ada-ada sahaja ditokok tambah dengan unsur-unsur keterlaluan. Kami lebih cenderung kepada tafsiran ini bukan kerana ia membawa ma'na dan hakikat yang lebih besar, tetapi kerana suasana surah dan latar belakang peristiwa ini menjadikan tafsiran ini lebih dekat. Allah S.W.T. mahukan rumah Ka'abah ini memain peranan yang besar. Allah mahu memelihara Ka'abah supaya menjadi pusat perhimpunan manusia yang aman dan supaya menjadi tempat pertumbuhan kumpulan yang memperjuangkan 'aqidah yang baru agar dari sinilah 'aqidah itu bergerak bebas, di sebuah negeri yang bebas yang tidak dikuasai oleh kuasa luar dan tidak pula dikuasai oleh sebuah kerajaan yang kuat yang dapat membendung da'wah dari tempat pertumbuhannya lagi. Allah jadikan peristiwa ini satu pengajaran yang terdedah kepada semua pandangan manusia dari semua generasi sehingga Ia membangkit-bangkitkannya sebagai ni'mat istimewa kepada kaum Quraysh dalam surah ini setelah Nabi s.a.w. diutus menjadi Rasul.

Allah menjadikan peristiwa itu sebagai satu contoh bagaimana Ia menjaga dan memeliliara tempat-tempat-Nya yang suci. Oleh itu amatlah sesuai dengan latar belakang seperti ini bahawa peristiwa itu berlaku dalam bentuk yang luar biasa dan belum pernah diketahui manusia. Tidak ada satu alasan yang diperlukan untuk menjadikan peristiwa ini sebagai peristiwa biasa, kerana peristiwa ini sendiri dengan segala latar belakangnya merupakan satu peristiwa yang unik, lebih-lebih lagi kejadian biasa wabak cacar itu tidak sesuai dengan riwayat-riwayat yang menceritakan kesan-kesan penyakit yang menimpa angkatan tentera Abrahah, kerana penyakit cacar tidak menggugurkan daging-daging tubuh secebis demi secebis dan jari-jemari sebatang demi sebatang dan tidak membelahkan dada sehingga menampakkan jantung, sedangkan inilah gambaran secara langsung dari nas al-Qur'an.

(5)

5. Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Riwayat 'Ikrimah dan keterangan Ya'qub ibn 'Utbah tidak merupakan nas bahawa tentera Abrahah telah ditimpa wabak cacar, ia tidak lebih dari menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku di Semenanjung Arab bagi pertama kalinya pada tahun itu, tidak ada dalam keterangan mereka berdua bahawa Abrahah dan bala tenteranya sahaja yang terkena wabak itu. Di samping itu keadaan penyakit yang menimpa tentera Abrahah yang sebegini dahsyat tanpa terlibat sama penduduk Arab yang berdekatan dengan tempat itu pada masa itu

merupakan satu perkara yang luar biasa jika pasukan burung-burung itu hanya melontarkan batu-batu itu ke atas tentera Abrahah sahaja. Oleh itu selama peristiwa ini sendiri merupakan satu perkara yang luar biasa, maka apa perlunya berpenat-penat untuk menentukannya dengan gambaran wabak cacar semata-mata dengan alasan kerana gambaran ini merupakan gambaran lumrah dan biasa pada tanggapan manusia, sedangkan berlakunya peristiwa itu dalam bentuk yang luar biasa adalah lebih sesuai dan munasabah dengan seluruh suasana peristiwa ini.

Kami memang mengerti dan menghargai motif-motif sekolah Pemikiran 'Aqliyah yang dikepalai oleh al-Ustaz al-Imam Rahimahullah pada masa itu. Kami memang mengerti motif-motifnya yang mahu menyempitkan bidang peristiwa-peristiwa luar biasa atau peristiwa-peristiwa ghaib dalam mentafsir al-Quran'nul Karim dan kejadian-kejadian sejarah serta berusaha mengembalikan peristiwa-peristiwa ghaib itu kepada peraturan-peraturan 'alam yang lumrah dan biasa sahaja.

Sekolah Pemikiran 'Aqliyah telah menghadapi kecenderungan kepada perkara-perkara khurafat yang mempengaruhi pemikiran orang ramai itu di samping menghadapi banjir dongeng-dongeng cerita-cerita Isra'iliyah yang termuat di dalam kitab-kitab tafsir dan riwayat, sedangkan pada masa itu kemajuan sains yang mengkagumkan manusia sampai kemuncaknya dan gelombang keraguan terhadap pentafsiran-pentafsiran agama juga telah memuncak tinggi, kerana inilah sekolah Pemikiran 'Aqliyah tampil berdiri dan berjuang untuk mengembalikan kehormatan agama dengan berlandaskan bahawa segala apa yang diterangkan oleh agama adalah sesuai dengan pemikiran akal belaka.

Dari sinilah sekolah Pemikiran 'Aqliyah berusaha membersihkan agama dari khurafat-khurafat dan dongeng-dongeng di samping berusaha mewujudkan pemikiran 'aqliyah agama yang memahami undang-undang 'alam sebagai undang-undang yang tetap dan teratur rapi dan memulangkan seluruh harakat manusia dan harakat 'alam kepada undang-undang itu.

Pemikiran seperti ini pada dasarnya merupakan pemikiran 'aqliyah al-Qur'an, kerana al-Qur'an memulangkan manusia kepada peraturan-peraturan 'alam yang diciptakan Allah selaku undang-undang yang tetap dan teratur rapi bagi seluruh harakat dan gejala 'alam. Tetapi usaha menghadapi tekanan khurafat dari satu segi dan tekanan kemajuan sains di satu segi yang lain itu telah meninggalkan kesan-kesan keterlaluan dalam sekolah Pemikiran 'Aqliyah, iaitu keterlaluan ihtiat (hemat) dan kecenderungan menjadikan undang-undang 'alam yang biasa sebagai kaedah semesta bagi peraturan Allah kerana itu dalam tafsir al-Ustaz al-Sheik Muhammad 'Abduh dan tafsir dua orang muridnya al-Ustaz al-Sheikh Rashid Rida dan al-Ustaz Abdul Qadir al-Maghribi terdapat kecenderungan yang jelas mentafsirkan banyak perkara yang luar biasa dengan undang-undang Allah yang biasa dan menta'wilkan setengah-setengahnya dengan ta'wilan-ta'wilannya yang dikira sesuai dan masuk akal, di samping terdapat kecenderungan terlalu hati-hati dan hemat dalam menerima cerita-cerita ghaib.

Di samping pengertian dan penghargaan kami terhadap faktor-faktor 'alam sekitar yang melahirkan aliran pemikiran 'aqliyah ini kami dapati ada keterlaluan dan pengabaian terhadap satu aspek yang lain dari pandangan al-Qur'an yang sempurna, iaitu ia melupakan aspek kebebasan iradat dan kudrat Allah di sebalik peraturan-peraturan 'alam yang dipilih olehnya sama ada peraturan-peraturan biasa atau peraturan-peraturan luar biasa. Kebebasan seperti ini menolak akal untuk menjadi hakim yang memberi keputusan terakhir dan menolak apa yang difikir oleh akal sebagai asas segala pentafsiran, dengan erti sesuatu peristiwa yang tidak sesuai dengan akal pastilah dita'wilkan sebagaimana yang ditegaskan berulang-ulang kali dalam tafsir tokoh-tokoh sekolah ini.

Di samping itu pula, undang-undang Allah yang biasa itu bukanlah merupakan keseluruhan undang-undang Allah, malah ia hanya merupakan sebahagian yang kecil sahaja yang tidak cukup untuk mentafsirkan segala undang-undang yang berlaku di 'alam ini. Kedua-dua undang-undang Allah yang biasa dan yang luar biasa sama-sama menjadi bukti yang menunjukkan kebesaran kudrat Allah dan kehalusan perencanaan-Nya. Semuanya ini di samping berhemat terhadap khurafat dan menolak dongeng dengan cara yang cukup sederhana adalah tidak terpengaruh dengan saranan 'alam sekitar yang khusus, juga tidak terpengaruh dalam menghadapi tradisi pemikiran yang lumrah pada mana-mana zaman.

Ada satu kaedah yang terjamin selamat dalam mentafsirkan nas-nas al-Qur'an iaitu kita tidak harus menghadapi nas-nas al-Qur'an dengan ketetapan-ketetapan 'aqliyah yang terdahulu atau ketetapan-ketetapan yang telah diterima umum atau ketetapan-ketetapan yang wujud di dalam sesuatu persoalan yang dikemukakan oleh al-Qur'an, malah kita harus menghadapi nas-nas itu sebagai sumber untuk membentuk ketetapan-ketetapan kita iaitu membentuk ketetapan-ketetapan kita yang berhubung dengan hal-hal keimanan kita dan membentuk kaedah-kaedah logik dan semua pemikiran kita.

Andainya nas-nas itu menetapkan sesuatu, maka itulah yang seharusnya merupakan ketetapan bagi kita, kerana pemikiran akal yang kita mahu berhakimkannya dalam memahami ketetapan al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa 'alam, sejarah manusia dan perkara-perkara ghaib adalah hasil pemikiran yang dikeluarkan oleh realiti kehidupan dan pengalaman manusia yang terbatas. Walaupun akal itu sendiri mempunyai kekuatan mutlak yang tidak terikat dengan butir-butir ujian dan kejadian yang tertentu, malah ia mengatasinya dan meningkat kepada pengertian-pengertian niskala di sebaliknya, namun pada penghabisannya ia tetap terbatas pada batas-batas kewujudan kita sebagai manusia, sedangkan kewujudan kita bukanlah suatu kewujudan yang mutlak seperti kewujudan Allah.

Oleh kerana al-Qur'an itu terbit dari Allah yang bersifat mutlak, maka al-Qur'an itulah yang berhak menentukan ketetapan kepada kita dan segala ketetapan al-Qur'an harus merupakan sumber untuk membentuk ketetapan-ketetapan 'aqliyah kita itu sendiri. Berdasarkan hakikat ini, tidak wajar dikatakan "bahawa keterangan sesuatu nas al-Qur'an itu bercanggah dengan akal, kerana itu ia perlu dita'wilkan sebagaimana sering berlaku dalam ketetapan-ketetapan yang

dilakukan tokoh-tokoh aliran 'aqliyah ini. Tetapi ini bukanlah bererti kita harus berserah bulat kepada khurafat-khurafat, bahkan maksudnya ialah akal kita bukanlah satu-satunya pemutus dalam mentafsirkan ketetapan al-Qur'an. Selama pengertian dari pengucapan atau pengungkapan al-Qur'an itu jelas dan terang, maka pengertian itulah yang menentukan bagaimana akal kita harus menerimanya dan bagaimana kita harus membentuk dari pengertian itu asas-asas pemikiran dan logik akal kita terhadap mana-mana maksud al-Qur'an dan terhadap hakikat-hakikat 'alam seluruhnya.

(1)

1. Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhan bertindak terhadap Tentera-tentera Bergajah?

Ia merupakan satu pertanyaan dengan tujuan menimbulkan rasa kagum terhadap peristiwa yang amat besar itu. Peristiwa itu begitu terkenal dan masyhur di sisi umat Arab hingga mereka jadikannya sebagai tahun permulaan sejarah. Mereka berkata:

"Kejadian itu berlaku pada Tahun Gajah dan kejadian ini berlaku dua tahun sebelum Tahun Gajah atau berlaku sepuluh tahun selepas Tahun Gajah."

Pendapat yang masyhur, Rasulullah s.a.w. dilahirkan pada Tahun Gajah itu sendiri dan ini mungkin merupakan satu dari penyesuaian-penyesuaian Ilahiyah yang indah, yang memang dirancangkan.

Di sini jelaslah bahawa tujuan surah ini bukanlah untuk menceritakan kisah yang tidak diketahui oleh orang-orang Arab, malah untuk mengingatkan mereka dengan kisah yang diketahui mereka untuk maksud di sebaliknya. Kemudian selepas ayat pertama Ia menyambung cerita itu dalam bentuk pertanyaan yang sama yang membawa erti penjelasan (istifham taqriri).

(2)

2. Tidakkah Ia jadikan rancangan jahat mereka (berakhir) dengan kesesatan (kegagalan)?

Tidakkah rancangan jahat mereka sesat (gagal) dan tidak sampai matlamatnya sama seperti orang kesesatan jalan dan tidak sampai kepada tempat yang ditujunya. Mungkin dengan pertanyaan ini Allah mahu mengingatkan kaum Quraysh terhadap ni'mat-Nya kepada mereka, iaitu ni'mat menjaga dan memelihara rumah Ka'abah semasa mereka tidak berdaya untuk menghadapi serangan Tentera Bergajah yang kuat itu. Semoga dengan peringatan itu mereka merasa malu kerana perbuatan mereka mengingkari Allah yang telah menolong mereka pada saat kelemahan mereka, dan semoga mereka mengurangkan rasa keangkuhan dengan kekuatan mereka dalam menghadapi Nabi Muhammad s.a.w. dan segelintir pengikut-pengikut yang beriman kepadanya, kerana Allah telah pun menghancurkan tentera-tentera yang kuat yang mahu mencerobohkan rumah suci-Nya dan Ia berkuasa pula untuk menghancurkan orang-orang yang kuat yang sedang menentang Rasul-Nya dan da'wah-Nya. Dalam ayat yang berikut Ia

menjelaskan bagaimana Ia menggagalkan rancangan jahat mereka dalam satu pemerian yang amat indah dan menarik.

(3)

3. Dan Allah telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasukan-pasukan.

(4)

4. Sambil melontar ke atas mereka batu-batu yang pejal.

(5)

5 Lalu Allah menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat.

Kata-kata "Ababil" bererti kumpulan-kumpulan atau pasukan-pasukan dan kata-kata "sijjil" berasal dari kata-kata Farsi yang tersusun dari dua kalimah yang bererti "batu dan tanah" iaitu batu yang berpalit dengan tanah.

(5)

5. "Seperti daun-daun yang dimakan ulat".

Kata-kata "Asf" bererti daun kayu yang kering dan maksud dari daun yang dimakan ulat ialah kehancurannya kerana dimakan dan dicaing ulat atau ketika dimakan dan dikunyah binatang. Ini adalah satu gambaran fizikal pecah-belah tubuh-badan akibat terkena batu-batu yang dilontar oleh pasukan-pasukan burung. Ini tidak perlu ditakwilkan dengan gambaran bahawa mereka dibinasakan dengan penyakit cacar.

Tujuan dan teladan yang dapat diambil dari peringatan Allah terhadap peristiwa ini memang banyak:

Pertama ia menyarankan bahawa Allah S.W.T. tidak mahu menyerahkan urusan memelihara rumah suci-Nya kepada kaum Musyrikin Arab walaupun mereka memang berbangga dengan rumah itu juga menjaganya dan berlindung padanya. Apabila Allah mahu menjaga dan mengisytiharkan naungan dan pengawasan-Nya terhadap rumah itu Ia membiarkan kaum Musyrikin kalah di hadapan kekuatan bala tentera yang menyerang dan kudrat kuasaNya terus campur tangan secara terang-terangan mempertahankan keselamatan rumah suci itu supaya orang-orang Musyrikin tidak mempunyai sebarang jasa mempertahankan rumah itu dengan semangat Jahiliyah mereka.

Latar belakang ini amat kuat menyokong bahawa urusan untuk membinasa tentera-tentera penceroboh diatur mengikut undang-undang yang luar biasa bukanlah mengikut undang-undang biasa, kerana cara inilah yang lebih munasabah. Sepatutnya campurtangan kudrat Allah yang terus-terang itu dibalas segera oleh kaum Quraysh dan kaum-kaum Arab yang lain dengan menganut agama Allah yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w., dan tidak sepatutnya kebanggaan dan penjagaan mereka terhadap rumah suci dan berhala-berhala

mereka yang mereka dirikan di sekelilingnya itu menjadi halangan kepada mereka untuk memeluk Islam.

Peringatan Allah dengan peristiwa itu dengan cara begini merupakan sebahagian dari kecaman terhadap mereka dan merupakan satu pernyataan hairan dan aneh terhadap sikap mereka yang degil itu.

Peristiwa itu juga menyarankan bahawa Allah tidak memberi kesempatan kepada Ahlil Kitab iaitu Abrahah dan bala tenteranya untuk merobohkan Baitullahil Haram dan menguasai Tanah Suci itu walaupun dicemari oleh kepercayaan syirik dan walaupun orang-orang Musyrikin sendiri menjadi penjaganya supaya rumah suci itu kekal bebas dari segala kekuasaan pemerintah-pemerintah dan kekal selamat dari rancangan-rancangan jahat, juga supaya kebebasan Tanah Suci itu kekal terpelihara agar agama yang baru itu dapat tumbuh dengan bebas tanpa dikongkong oleh sebarang kuasa dan tanpa dikuasai oleh mana-mana pemerintah yang zalim dan agar agama ini yang datang untuk menaungi semua agama dan kepimpinan seluruh manusia tidak dinaungi dan dipimpin oleh yang lain.

Inilah perancangan Allah terhadap rumah suci-Nya dan terhadap agama-Nya sebelum ada seseorang manusia pun yang tahu bahawa Nabi yang akan membawa agama baru itu telah dilahirkan pada tahun ini.

Kita merasa gembira dan tenteram dengan saranan surah ini terhadap cita-cita tamak-haloba Gerakan Salibiyah Antarabangsa dan Gerakan Zionisme Antarabangsa yang berlegar di sekeliling tempat-tempat suci Islam. Gerakan-gerakan itu tidak berhenti-henti merancang secara sulit untuk melaksanakan tamak-haloba mereka yang jahat itu. Allah 'Azzawajalla yang telah memelihara rumah suci-Nya dari percerobohan (Abrahah) Ahlil Kitab itu akan terus menjaga dan memeliharanya, juga memelihara negeri Rasul dari segala rancangan-rancangan yang jahat itu.

Saranan yang ketiga dari surah ini ialah bangsa Arab tidak pernah memain peranan penting di dunia, malah tidak mempunyai identiti sebelum Islam. Di Yaman mereka merengkok di bawah penjajahan Farsi atau Habsyah. Kerajaan Arab yang berdiri di sana kadang-kadang berada di bawah naungan Farsi. Di Utara, negeri Syam berada di bawah penjajahan Rom baik secara langsung mahupun secara penubuhan sebuah kerajaan Arab di bawah naungan kerajaan Rom. Tiada wilayah yang terselamat dari penjajahan asing melainkan wilayah tengah Semenanjung Arab, tetapi wilayah itu berada dalam keadaan hidup padang pasir dan berpecah-belah dan tidak dapat membentuk satu kekuatan yang haqiqi dalam percaturan kuasa dunia.

Peperangan antara qabilah berlaku selama empat puluh tahun, tetapi qabilah-qabilah itu baik secara berasing mahupun secara terkumpul tidak pernah mempunyai kekuatan yang disegani oleh negeri-negeri jiran yang kuat. Apa yang telah berlaku dalam Tahun Gajah itu merupakan ukuran kekuatan qabilah-qabilah itu apabila terdedah kepada serangan asing. Hanya di bawah panji-panji Islam sahaja bangsa Arab bagi pertama kalinya dalam sejarah memainkan peranan antarabangsa dan mempunyai kekuatan kerajaan yang digeruni, iaitu kekuatan yang menyapu kerajaan-kerajaan, menghancurkan singgahsana-singgahsana dan

memimpin umat manusia setelah dihapuskan pemimpin-pemimpin Jahiliyah yang sesat. Tetapi faktor yang menyediakan kebangkitan bangsa Arab bagi kali pertama dalam sejarah mereka ialah kerana mereka lupakan diri mereka sebagai bangsa Arab, mereka lupakan semangat kebangsaan dan perkauman mereka. Yang mereka ingat hanya mereka adalah orang-orang Islam sahaja dan panji yang dikibarkan mereka hanya panji-panji Islam sahaja. Mereka membawa satu 'aqidah raksasa yang kuat kepada manusia sebagai rahmat dan kebajikan untuk mereka. Mereka tidak membawa gagasan kebangsaan dan perkauman. Mereka membawa gagasan dari langit untuk diajarkan kepada manusia, bukannya membawa isme dari bumi untuk menundukkan manusia di bawah pengaruhnya.

Mereka keluar dari negeri mereka semata-mata untuk berjihad pada Jalan Allah, bukan untuk membina sebuah Empayar Arab yang mewah makmur, angkuh dan takbur, bukan untuk mengeluarkan umat Arab dari penjajahan Rom dan Farsi kepada pemerintahan bangsa Arab sendiri, malah mereka keluar untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal tepat seperti ucapan Rab'i ibn 'Amir utusan orang Islam di majlis Yazdajrad: "Allah mengutus kami untuk mengeluarkan umat manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah yang Tunggal, dari kesempitan hidup dunia kepada keluasan hidup Akhirat, dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."

Ketika inilah sahaja bangsa Arab mempunyai kewujudannya, memiliki kekuatan dan memegang teraju kepimpinan dan semuanya itu adalah untuk Allah dan untuk Jalan Allah. Mereka terus mempunyai kekuatan dan memegang teraju kepimpinan selama mereka berjalan lurus di atas jalan Islam, tetapi apabila mereka menyimpang darinya dan mengingatkan kembali semangat kebangsaan dan perkauman mereka, dan apabila mereka tinggalkan panji-panji Islam untuk mengebarkan panji-panji kebangsaan dan perkauman, mereka dibuang oleh bumi dan dipijak oleh bangsa-bangsa lain, kerana Allah telah meninggalkan mereka setelah mereka tinggal dan lupakan Allah.

Apakah nilai umat Arab tanpa Islam? Apakah fikrah yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia apabila mereka tinggalkan fikrah Islam? Apakah nilai satu bangsa yang tidak menyumbangkan sesuatu fikrah kepada umat manusia? Setiap bangsa yang pernah memimpin umat manusia dalam mana-mana tempoh sejarah adalah mendukung suatu fikrah, sedangkan bangsa-bangsa yang tidak mendukung sesuatu fikrah seperti bangsa Tartar yang menyerang negeri Timur dan bangsa Barbarian yang menyerang kerajaan Rom di Barat tidak dapat hidup lama. Mereka telah larut dalam bangsa-bangsa yang ditakluki mereka.

Satu-satunya fikrah yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia ialah 'aqidah Islamiyah. 'Aqidah inilah yang pernah mengangkatkan mereka ke mercu kepimpinan. Andainya mereka tinggalkan 'aqidah ini, maka tiada lagi suatu fungsi dan peranan untuk mereka di bumi ini. Inilah yang patut diingat baik-baik oleh umat Arab jika mereka mahu hidup, mahu memiliki kekuatan dan mahu memegang teraju kepimpinan. Dan hanya Allah sahaja yang dapat memberi Hidayah dari kesesatan.

Surah Al-Kauthar

Surah Ni'mat Yang Banyak

Surah (108) - Makkiyah - 3 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) ni'mat yang melimpah-ruah.**

(2)

2. **Kerana itu dirikanlah solah dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu.**

(3)

3. **Sesungguhnya orang yang benci kepada engkau dialah orang yang putus keturunan.**

Surah ini dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. sama seperti Surah Ad-Duha dan Surah al-Inshirah. Dalam surah ini Allah hiburkan Rasul-Nya dan menjanjikannya dengan ni'mat kebaikan yang limpah dan mengancamkan musuhnya dengan mala-petaka keputusan keturunan dan mengarahkannya ke jalan bersyukur. Kerana itu surah ini merupakan satu gambaran dari kehidupan da'wah dan kehidupan penda'wah pada zaman permulaan Islam di Makkah, iaitu satu gambaran dari angkara dan gangguan-gangguan yang dihadapi Nabi s.a.w. dan da'wah yang disampaikannya, juga satu gambaran dari pemeliharaan dan naungan Allah terhadap hamba-Nya dan sekumpulan para mu'min yang kecil. Allah meneguhkan hati Rasul-Nya, menenangkan fikirannya memberi janji yang baik kepadanya dan mengancamkan musuhnya dengan mala-petaka.

Begitu juga surah ini menggambarkan hakikat hidayah, ni'mat kebajikan dan keimanan yang sifat-sifatnya ialah jenuh melimpah-ruah dan berlanjutan dan menggambarkan hakikat kesesatan, kejahatan dan kekufuran yang sifatnya ialah remeh, tersorok dan terputus walaupun orang-orang yang lalai mempunyai tanggapan yang berlainan dari itu.

Tersebut dalam hadith-hadith bahawa tokoh-tokoh Quraysh yang biadab selalu mengganggu Rasulullah s.a.w. dan da'wahnya dengan berbagai-bagai tipu daya, sendaan dan ejekan untuk menjauhkan orang ramai dari mendengar da'wahnya yang benar yang dibawa dari Allah. Di antara mereka al-'As ibn Wa'il,

'Aqabah ibn Abi Mu'ait, Abu Lahab, Abu Jahal dan lain-lain. Mereka mencemuhkan Rasulullah s.a.w. sebagai manusia yang putus keturunan, kerana semua anak lelakinya wafat. Kata salah seorang mereka: "Biarkannya, kerana ia akan mati tanpa meninggalkan seorang pun anak lelaki dan perjuangannya tak lama akan berakhir begitu sahaja."

Tipu daya yang kecil ini mempunyai kesannya dalam masyarakat yang memang berbangga-bangga dengan adanya anak lelaki yang ramai. Tikaman ini digunakan oleh musuh-musuh Rasulullah s.a.w. yang benci kepadanya. Dan mungkin tikaman ini telah mengguriskan hati beliau dan mendukacitakannya, kerana itulah turunnya surah ini untuk menenang dan menghiburkan hatinya dan untuk menerangkan hakikat ni'mat kebajikan yang kekal berterusan yang telah dipilih oleh Allah untuknya dan menerangkan hakikat keputusan dan kepupusan yang disediakan untuk musuh-musuhnya.

(1)

1. Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) ni'mat yang melimpah-ruah.

Maksudnya Kami kurniakan kepadamu ni'mat-ni'mat kebajikan yang banyak dan melimpah-limpah tidak tersekat dan tidak terputus iaitu bertentangan dengan kempen-kempen yang dilancarkan oleh tokoh-tokoh Quraysh yang biadab itu. Bagi siapa yang ingin memeriksa ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya ia akan menemuinya pada segala aspek yang difikirkan olehnya iaitu ia akan menemuinya pada ni'mat nubuwwah dan ni'mat hubungannya dengan Allah yang Maha Besar, kerana orang yang telah menemui Allah tidak akan kehilangan sesuatu apa. Ia akan menemuinya pada ni'mat al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., kerana satu surah dari al-Qur'an merupakan satu ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah tidak berkesudahan. Ia akan menemuinya pada ni'mat al-mala'ul a'la (para Malaikat yang tertinggi) yang sentiasa mendoakan rahmat ke atas Rasulullah s.a.w. dan mendoakan rahmat ke atas orang-orang yang mendoakannya.

Nama Rasulullah s.a.w. sentiasa berkembar dengan nama Allah baik di bumi mahupun di langit. Ia akan menemuinya pada ni'mat sunnah Rasulullah s.a.w. yang kekal berterusan sepanjang zaman di merata pelosok bumi. Berjuta-juta manusia bersilih ganti menurut sunnahnya. Berjuta-juta lidah dan bibir tak berhenti-henti menyeru namanya. Berjuta-juta hati sentiasa cinta akan sirahnya dan sentiasa mengingatinya sampai hari Qiamat. Ia akan menemuinya pada ni'mat kebajikan yang banyak yang melimpahi umat manusia dari seluruh generasi dengan sebab da'wahnya sama ada manusia-manusia yang mengenal ni'mat kebajikan itu dan beriman dengannya atau manusia-manusia yang tidak mengenalnya tetapi turut dilimpahi ni'mat ke atas mereka. Ia akan menemuinya pada ni'mat-ni'mat kebajikan dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa yang tidak terhitung banyaknya. Sebarang usaha untuk menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah merupakan semacam usaha hendak memperkecil-kecilkannya.

Ni'mat al-kauthar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah ni'mat yang melimpah-ruah tidak terhingga, tidak terkira dan tidak terbatas. Oleh

sebab itu ayat ini ditinggalkan begitu tanpa diberi huraian yang tertentu. Ia meliputi segala kebajikan yang berkembang subur.

Terdapat banyak hadith dari berbagai-bagai saluran yang menerangkan bahawa al-Kauthar itu ialah sebuah sungai di dalam syurga yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w., tetapi menurut Ibn 'Abbas sungai itu merupakan salah satu ni'mat daripada ni'mat-ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w. dan pendapat ini amat munasabah dengan keterangan ayat al-Qur'an.

(2)

2. Kerana itu dirikanlah solah dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu.

Setelah menerangkan ni'mat yang melimpah-ruah yang bertentangan dengan kempen-kempen orang-orang kafir itu Allah memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya mensyukuri ni'mat itu dengan kewajipannya yang pertama, iaitu kewajipan melahirkan keikhlasan dan pemusatan hati kepada Allah dalam amal ibadat dan tujuannya dalam mengerjakan solat dan menyembelihkan binatang korban dengan ikhlas kerana Allah tanpa menghiraukan kesyirikan orang-orang musyrik dan tanpa menyertai upacara ibadat mereka mengikuti perbuatan mereka yang menyebut-nyebut lain dari nama Allah ketika menyembelih korban-korban mereka.

Keterangan yang berulang-ulang supaya disebutkan nama Allah sahaja ketika disembelih binatang-binatang korban dan diharamkan binatang-binatang sembelihan yang disebut nama lain dari nama Allah menunjukkan betapa besarnya perhatian agama Islam dalam usaha membersihkan seluruh kehidupan dari kesan-kesan syirik bukan hanya sekadar membersihkan fikiran dan hati sahaja. Islam adalah agama keesaan dalam erti katanya yang sebenar dan agama Tauhid yang bersih dan jelas, kerana itu ia memburu dan menyerang syirik dalam segala bentuk rupanya dan di mana-mana sahaja sama ada dalam hati, dalam 'ibadat dan dalam 'adat resam kehidupan.

Kehidupan lahir dan batin ini merupakan satu kesatuan dan Islam melayani kehidupan sebagai satu kulli/kesemestaan yang tidak berbelah-bahagi dan membersihkannya dari segala noda syirik dan membawa kehidupan ini tawajjuh kepada Allah dalam bentuknya yang bersih dan jelas sebagaimana yang kita dapat lihat dalam masalah binatang-binatang sembelihan dan lain-lainnya dari syi'ar-syi'ar 'ibadat dan tradisi-tradisi kehidupan.

(3)

3. Sesungguhnya orang yang benci kepada engkau dialah orang yang putus keturunan.

Dalam ayat pertama Allah menerangkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah seorang yang terputus, tetapi seorang yang dikurniakan ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah dan berterusan. Dalam ayat yang akhir ini pula Allah

menjelaskan bahawa orang yang terputus itu bukannya Nabi Muhammad s.a.w., tetapi orang-orang yang memusuhi dan membencinya dan janji Allah itu amat benar kerana sebutan nama mereka telah terputus, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. terus disebut dan disanjung tinggi.

Pada hari ini kita dapat saksikan kebenaran Firman Allah yang Mulia ini dalam gambaran (kemasyhuran namanya) yang gemilang dan amat luas tidak pernah disaksikan oleh orang-orang zaman dahulu yang telah mendengar nama beliau. Keimanan, kebenaran dan kebajikan tidak mungkin terputus. Ia akan menghulurkan dahan-dahan dan cabang-cabangnya dan menunjangkan akar umbinya jauh ke dalam. Yang terputus ialah kekufuran, kebatilan dan kejahatan biarpun bagaimana ia membesar dan kuat.

Ukuran-ukuran Allah berlainan dari ukuran-ukuran manusia, tetapi manusia sahaja yang terkeliru dan tertipu apabila mereka menyangka bahawa ukuran-ukuran merekalah yang menentukan hakikat-hakikat segala perkara. Di hadapan kita terpampang contoh yang diterangkan dalam ayat ini sebagai satu contoh yang jelas dan abadi. Di manakah tokoh-tokoh Quraysh yang mengejek Nabi Muhammad s.a.w. dengan ejekan-ejekan yang hina dan menarik hati orang ramai? Ketika itu mereka menyangka bahawa mereka telah berjaya menghancurkan Nabi Muhammad s.a.w. dan menyekat jalan da'wahnya, di mana mereka sekarang? Di mana nama-nama mereka dan kesan-kesan peninggalan mereka dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah yang dikurniakan kepada Rasulullah yang dicap mereka sebagai manusia yang terputus keturunannya itu?

Da'wah kepada Allah, kepada kebenaran dan kepada kebajikan tidak mungkin terputus. Dan penda'wahnya juga tidak terputus. Bagaimana ia mungkin terputus, kerana ia sentiasa mempunyai pertalian yang kukuh dengan Allah yang Maha Hidup, Maha Kekal, Azali dan Abadi. Hanya kekufuran, kebatilan dan kejahatan sahaja yang terputus bersama pejuangnya walaupun dalam setengah-setengah ketika ia kelihatan panjang umur dan akar-akarnya menunjang jauh.

Amatlah benar Firman Allah yang Maha Agung dan amatlah bohong tanggapan kaum Musyrikin yang melakukan tipu daya yang jahat itu.

Surah Al-Kafirun

Surah Orang-orang Kafir

Surah (109) - Makkiyah - 6 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.

(2)

2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.

(3)

3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(4)

4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.

(5)

5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Orang-orang Arab tidak mengingkari kewujudan Allah, tetapi mereka hanya tidak mengetahui hakikat Allah seperti yang diterangkan oleh Allah sendiri, iaitu bersifat Tunggal dan selama-lamanya menjadi Tumpuan Seluruh Makhluk, kerana itu mereka mempersekutui Allah (syirik), mereka tidak meletakkan Allah pada martabat-Nya yang sebenar dan tidak beribadat kepada-Nya dengan ibadat yang sebenar. Mereka mempersekutui Allah dengan berhala-berhala yang melambangkan tokoh-tokoh yang soleh dan tokoh-tokoh pembesar dan datuk nenek mereka atau berhala-berhala yang melambangkan malaikat-malaikat yang dianggap mereka sebagai anak-anak perempuan Allah, demikian juga mereka percaya bahawa antara Allah dengan jin ada hubungan keturunan, atau mereka menyembah tuhan-tuhan itu sedangkan mereka lupakan perlambangan-perlambangan ini.

Dalam keadaan-keadaan ini, tuhan-tuhan itu disembah mereka dengan tujuan supaya tuhan-tuhan itu dapat memperdekatkan mereka dengan Allah sebagaimana al-Qur'an menceritakan perkataan mereka dalam Surah az-Zumar.

3. "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya."

Al-Qur'an menceritakan bahawa mereka juga mengiktiraf Allah sebagai Pencipta langit dan bumi, mengendali matahari dan bulan dan menurunkan hujan dan langit sebagaimana tersebut dalam Surah al-Ankabut:

(61)

61. "Dan jika engkau bertanya mereka siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan mengendalikan matahari dan bulan, nescaya mereka menjawab; "Allah".

(63)

63. "Dan jika engkau bertanya siapakah yang menurunkan air hujan dari langit dan menghidupkan bumi dengannya selepas matinya (tandusnya), nescaya mereka menjawab; "Allah".

(Surah al-Ankabut)

Dalam sumpah-sumpah mereka, mereka berkata: "Demi Allah" dan dalam doa mereka, mereka berkata:"Wahai Allah". Tetapi walaupun mereka beriman kepada Allah, namun kepercayaan syirik telah merosakkan pemikiran mereka sebagaimana mereka dirosakkan oleh adat-resam dan syi'ar-syi'ar traditional mereka. Mereka memperuntukan satu bahagian dari hasil-hasil tanaman dan ternakan kepada tuhan-tuhan yang didakwakan mereka dan satu bahagian dari anak-anak mereka sehingga peruntukkan itu kadang-kadang membawa kepada membunuh anak-anak mereka.

Hal ini telah diterangkan oleh al-Qur'anul Karim dalam surah al-An'am.

(136)

136. "Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: 'Ini untuk Allah dan ini pula untuk

sembahan-sembahan kami." Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya apa yang diputuskan mereka."

(Maksudnya mereka membuat peruntukan sebahagian untuk Allah dan bahagian Ini dibelanjakan kepada fakir-fakir miskin dan kebajikan-kebajikan sosial yang lain, dan bahagian untuk sembahan-sembahan mereka diberikan kepada penjaga-penjaga berhala. Dalam amalan mereka, apa yang menjadi bahagian Allah boleh diberikan kepada berhala-berhala dan apa yang menjadi bahagian berhala-berhala itu tidak boleh diberi kepada Allah iaitu diberikan kepada fakir miskin atau kebajikan-kebajikan sosial yang lain.)

(137)

137. "Demikianlah juga ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai daripada orang Musyrikin memandang baik membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan mereka dan mengelirukan agama mereka. Dan andainya Allah menghendaki, nescaya mereka tidak berbuat begitu, kerana itu tinggalkan mereka dan perbuatan-perbuatan yang diada-adakan mereka."

(Mereka memandang baik membunuh anak-anak mereka dengan alasan mendekatkan diri kepada Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim a.s.)

(138)

138. "Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman yang terlarang, yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang kami kehendaki sahaja mengikut anggapan mereka, juga ternakan-ternakan yang diharamkan menunggangnya dan ternakan-ternakan yang tidak mereka sebutkan nama Allah ketika menyembelihkannya. Allah akan membalas mereka dengan sebab pembohongan yang diada-adakan mereka."

(139)

139. "Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada dalam perut binatang-binatang ternakan itu adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada para wanita kami, tetapi jika anak dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya.' Allah akan membalas mereka terhadap keputusan yang dibuat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."

(140)

140. "Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tanpa ilmu pengetahuan dan mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan di atas Allah. Sesungguhnya mereka telah sesat dan mereka tidak mendapat hidayah."

(Surah al-An'am)

Mereka menganggap diri mereka mengikut agama Ibrahim dan mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayah daripada kaum Ahli Kitab yang hidup bersama-sama mereka di Semenanjung Tanah Arab, kerana orang-orang Yahudi menganggapkan 'Uzayr putera Allah dan orang-orang Nasara menganggapkan 'Isa putera Allah, sedangkan mereka sendiri menyembah malaikat dan jin dengan anggapan bahawa malaikat dan jin itu mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah menurut sangkaan mereka yang karut, oleh itu mereka mengira diri mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayah dari kaum ahli Kitab, kerana bagi mereka hubungan malaikat dan jin dengan Allah lebih dekat daripada hubungan 'Uzayr dan 'Isa. Tetapi semua kepercayaan itu adalah syirik belaka dan di sana tiada syirik yang lebih baik atau terpilih.

Apabila Nabi Muhammad s.a.w. datang dan menerangkan kepada mereka bahawa agamanya ialah agama Ibrahim a.s., mereka pun berkata: Kami juga mengikut agama Ibrahim. Oleh itu apakah perlunya bagi kami meninggalkan agama kami untuk mengikut Muhammad? Serentak dengan itu juga mereka berusaha memujuk Rasulullah s.a.w. supaya mempersetujui satu jalan tengah di antaranya dengan mereka iaitu mereka mencadang supaya Muhammad bersetuju menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan mereka menyembah Tuhan Muhammad, juga supaya Muhammad tidak mengkritik tuhan mereka dan 'amal 'ibadat mereka. Mungkin kerana kekacauan kepercayaan mereka dan kerana pengiktirafan mereka terhadap Allah di samping mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain, mungkin kerana inilah mereka merasa jarak di antara mereka dengan Muhammad itu amat dekat iaitu boleh dicari jalan persefahaman dengan membahagi negeri kepada dua zon dan mencari jalan tengah di samping memenuhi setengah-setengah kehendak peribadi.

Untuk menghapuskan kekeliruan ini dan memotong segala usaha untuk mencari tolak ansur dan seterusnya untuk meletakkan garis pemisah yang tegas di antara 'ibadat mereka dengan 'ibadat Islam, di antara sistem mereka dengan sistem Islam dan di antara pemikiran mereka dengan pemikiran Islam, maka surah ini diturunkan sedemikian tegas dan sedemikian berulang-ulang untuk menolak segala usaha tawar menawar dan meletakkan garis pemisah yang muktamad di antara Tauhid dengan syirik, dan menegakkan tanda-tanda perbezaan yang jelas yang tidak menerima tawar menawar dan tidak boleh dipertikaikan lagi sedikit atau banyak.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.

(2)

2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.

(3)

3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(4)

4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.

(5)

5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Dalam ayat-ayat ini terdapat penafian selepas penafian, penegasan selepas penegasan, penekanan selepas penekanan. Ia menggunakan segala uslub penafian, penegasan dan penekanan. Maksud Qul "Katakanlah" ialah suatu perintah Ilahi yang tegas yang membayangkan bahawa persoalan 'aqidah adalah urusan Allah yang Maha Tunggal, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. tidak punya sesuatu pun dalam urusan ini. Allah jua yang memerintah dan menghukum, perintah dan hukum-Nya tidak boleh ditolak.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir.

Allah menyeru mereka dengan hakikat diri mereka yang sebenar dan menyifatkan mereka dengan sifat-sifat mereka yang sebenar iaitu mereka bukan berada di atas agama yang benar, mereka bukan orang-orang mu'min malah mereka adalah orang-orang yang kafir. Tiada titik pertemuan di antara engkau dengan mereka. Ayat pertama ini menerangkan hakikat perpisahan yang tidak mungkin bertemu.

(2)

2. Aku tidak sembah apa yang kamu sembah.

Maksudnya, kerana itu 'ibadatku tidak sama dengan 'ibadat kamu Tuhanku tidak sama dengan tuhan kamu.

(3)

3. Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

Maksudnya, kerana itu 'ibadat kamu tidak sama dengan 'ibadatku dan tuhan kamu tidak sama dengan Tuhanku.

(4)

4. Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah.

Ini ialah ayat penguat bagi ayat yang pertama.

(5)

5. Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah.

Ayat ini merupakan ulangan untuk menguatkan ayat yang kedua supaya tidak ada ruang lagi bagi sebarang kekeliruan setelah ditegas dan diulang dengan segala cara penegasan dan ulangan.

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Ayat ini merupakan kesimpulan dari hakikat perpisahan yang tidak mungkin bertemu dan hakikat perbezaan yang tidak mungkin dicampuradukkan. Aku di sini kamu di sana, tiada jambatan, tiada titian dan tiada jalan yang menghubungkan di antara kita. Satu perpisahan yang syumul dan satu perbezaan yang amat jelas dan halus. Perpisahan ini adalah perlu untuk menjelaskan tanda-tanda perbezaan yang pokok yang mustahil dapat diadakan pertemuan di antara kedua-duanya di tengah jalan, iaitu perbezaan dalam asas i'tiqad, dasar pemikiran, hakikat sistem hidup dan tabiat agama. Tauhid merupakan satu sistem dan syirik merupakan satu sistem yang lain pula. Kedua-duanya tidak mungkin bertemu.

Tauhid satu sistem yang membawa manusia dan 'alam seluruhnya kepada Allah yang Tunggal, tiada sekutu bagi-Nya. Ia menentukan sumber tempat manusia menerima 'aqidahnya, syari'atnya, nilai-nilai dan ukurannya, adab sopan dan akhlaknya, pandangan-pandangannya terhadap hidup dan 'alam. Sumber yang diterima oleh orang Mu'min itu ialah Allah yang Tunggal tiada sekutu bagi-Nya. Seluruh hidupnya ditegakkan di atas asas ini tanpa bercampur dengan sebarang bentuk syirik sama ada zahir (kasar) atau pun khafi (halus).

Perpisahan yang jelas ini perlu kepada para penda'wah dan kepada mereka yang dida'wah. Kepercayaan-kepercayaan Jahiliyah telah bercampur-aduk dengan kepercayaan-kepercayaan keimanan yang benar terutama pada kumpulan-kumpulan manusia yang telah mengenal 'aqidah yang benar, kemudian menyeleweng darinya. Kumpulan-kumpulan manusia seperti ini adalah paling degil untuk kembali beriman dalam bentuknya yang bersih dari sebarang penyelewengan. Mereka lebih degil dari kumpulan manusia yang tidak pernah mengenal 'aqidah yang benar. Mereka merasa diri mereka di atas jalan yang benar, sedangkan mereka sebenarnya sesat dan menyeleweng.

Percampuran aduk kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan mereka di antara yang baik dengan yang rosak itu kadang-kadang memberi harapan

kepada penda'wah untuk menarik mereka apabila ia mengakui aspek yang betul dan cuba membetulkan aspek yang rosak, tetapi godaan dan harapan ini amat merbahaya. Jahiliyah tetap Jahiliyah, Islam tetap Islam. Di antara kedua-duanya dipisahkan oleh satu perbezaan yang jauh. Satu-satunya jalan ialah keluar dari keseluruhan Jahiliyah dan masuk ke dalam keseluruhan Islam atau tinggalkan Jahiliyah dengan segala apa yang ada padanya dan pindah ke dalam Islam dengan segala apa yang ada padanya.

Langkah pertama bagi penda'wah ialah merasa dirinya benar-benar terpisah dari Jahiliyah baik dari segi pemikiran, cara hidup dan tindakan, iaitu satu perpisahan yang tiada titik pertemuan dan tiada kemungkinan untuk bekerjasama kecuali orang-orang yang berada dalam Jahiliyah itu berpindah dengan keseluruhan mereka ke dalam Islam. Tidak ada tampal menampal, tidak ada penyelesaian separuh jalan, tidak ada pertemuan di pertengahan jalan biar bagaimana sekalipun Jahiliyah itu menyalutkan badannya dengan pakaian Islam atau memakai nama Islam.

Kejelasan gambaran ini dalam kesedaran penda'wah merupakan batu asas da'wah. Dia harus sedar bahawa dia bukan seperti mereka. Agama mereka tidak serupa dengan agamanya. Jalan hidup mereka tidak sama dengan jalan hidupnya. Dia tidak mungkin mengikuti jalan hidup mereka walaupun selangkah. Tugas utamanya ialah membawa mereka mengikuti jalan hidupnya tanpa ampu-mengampu dan tanpa bertolak ansur sama ada sedikit atau banyak mengenai (kehendak agamanya). Itulah sikap pembebasan dan pemisahan diri yang sempurna dan tegas dari (kaum kafirin).

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Para penda'wah hari ini amat perlu kepada perpisahan yang tegas ini. Mereka amat perlu kepada perasaan bahawa mereka sedang mengembang semula Islam di dalam satu 'alam sekitar Jahiliyah yang menyeleweng atau dalam kumpulan manusia yang dulunya telah mengenal 'aqidah yang benar, tetapi setelah lama dilalui zaman, hati mereka menjadi keras dan menyeleweng dari jalan yang benar.

16. "Hati mereka menjadi keras dan sebilangan besar dari mereka adalah fasik (menyeleweng dan jalan yang benar). "

(Surah Al-Hadid)

Dalam melaksanakan da'wah di sana tiada da'wah separuh masak, tiada da'wah tolak ansur di tengah jalan, tiada da'wah sekadar membetulkan yang cacat dan tiada da'wah tampalan-tampalan, malah da'wah kepada Islam adalah sama dengan da'wah pada zaman permulaan iaitu pemisahan yang putus dari Jahiliyah. 6. "Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku." Agamaku ialah agama Tauhid yang bersih yang menerima seluruh konsep dan nilainya, 'aqidah dan syari'atnya dari Allah yang Tunggal sahaja tanpa sekutu dalam segala bidang hidup dan perilaku.

Tanpa pemisahan yang seperti ini, kekeliruan, kekaburan, bermuka-muka dan tampalan-tampalan akan terus kekal, sedangkan da'wah Islam tidak boleh ditegakkan di atas asas-asas yang lemah, malah ia tidak dapat ditegakkan melainkan di atas asas yang tegas, terus-terang, berani dan jelas. Inilah jalan da'wah yang mula pertama:

(6)

6. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku.

Surah An-Nasr

Surah An-Nasr

Surah (110) - Makkiyah - 3 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah).**

(2)

2. **Dan engkau lihat munusia masuk ke dalam agama Allah sepuak demi sepuak.**

(3)

3. **Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat (hamba-Nya).**

Surah yang pendek ini membawa berita gembira kepada Rasulullah SAW iaitu berita ketibaan pertolongan daripada Allah dan kemenangan menakluk negeri Makkah dan sambutan manusia yang berduyun-duyun memeluk agama Allah, di samping memberi arahan kepada Rasulullah SAW supaya bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih, tahmid dan istighfar ketika terlaksana berita-berita yang menggembirakan itu. Di samping itu surah ini juga sekaligus mendedahkan tabi'at dan hakikat agama Islam dan sejauh mana cita-cita perjuangannya mahu membawa manusia kepada ketinggian, kemuliaan, keikhlasan, kebebasan dan kemerdekaan iaitu kemuncak matlamat yang tidak dapat dicapai manusia melainkan di bawah naungan Islam.

Ada berbagai-bagai hadith mengenai turunnya surah ini. Antaranya yang kami pilih ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad iaitu:

Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abi 'Adi, daripada Daud, daripada ash-Sha'bi daripada Masruq katanya: A'isyah telah bercerita bahawa Rasulullah SAW di akhir-akhir kegiatannya banyak berzikir dengan: subha nallahi wa bihamdihi, astagh firullaha wa atubu ilaih. Dan beliau telah bersabda; "Tuhanku telah memberitahu kepadaku bahawa aku akan melihat satu alamat pada umatku dan Ia memerintah kepadaku apabila aku melihat alamat itu supaya aku bertasbih, bertahmid dan beristighfar kepada-Nya. Sesungguhnya Allah itu Maha Penerima Taubat," dan aku telah pun melihat alamat itu iaitu: Iza ja asnasrullahi wal fath ... hingga akhir surah.

(Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Muslim melalui Daud Ibn Abi Hind dengan nas ini).

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya; "Yang dimaksudkan dengan kemenangan dalam surah ini ialah kemenangan menakluk Makkah dan inilah pendapat yang sebulat." Qabilah-qabilah Arab memang menunggu-nunggu kemenangan Rasulullah SAW menakluk Makkah untuk memeluk agama Islam. Mereka berkata; "Jika ia (Muhammad) dapat menundukkan kaumnya, maka itulah tanda ia seorang Nabi." Oleh itu apabila Allah memberi kemenangan kepadanya menakluk Makkah, mereka pun memeluk agama Allah sepuak demi sepuak. Dalam masa tidak sampai dua tahun selepas itu seluruh Semenanjung Arab beriman kepada agama Allah. Tiada qabilah Arab melainkan semuanya mengisytiharkan keislaman mereka.

Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dalam sohihnya daripada 'Amru ibn Salamah katanya; Sebaik sahaja tertakluknya negeri Makkah setiap kaum segera menemui Rasulullah SAW untuk menyatakan keislaman mereka. Qabilah-qabilah Arab sebelum itu memang menunggu-nunggu tertakluknya negeri Makkah untuk menyatakan keislaman mereka. Kata mereka; "Biarkanlah dia (Muhammad) dengan kaumnya, jika dia dapat menundukkan mereka, maka itulah tanda ia seorang Nabi.

(Al-Hadith)

Hadith ini adalah sesuai dengan keterangan surah ini yang memberi isyarat bahawa satu peristiwa akan berlaku selepas turunnya ayat ini dan mengarahkan Nabi SAW supaya bertasbih, bertahmid dan beristighfar apabila berlakunya berita yang menggembirakan itu dan timbul alamatnya.

Di sana ada lagi satu hadith daripada Ibn 'Abbas dan hadith ini tidaklah sukar untuk diselaraskan dengan hadith yang telah kami pilihkan itu. Ujar al-Imam al-Bukhari kami telah diceritakan oleh Musa bin Ismail katanya kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah daripada Abi Bisyr, daripada Sa'id ibn Jubayr, daripada Ibn 'Abbas katanya, 'Umar telah memasukkan aku ke dalam kumpulan tokoh-tokoh tua Perang Badar. Setengah mereka seolah-olah merasa tidak setuju dalam hati mereka lalu berkata; "Mengapa dimasukkan budak ini bersama kami, kami juga ada anak-anak yang sebaya dengannya?" Jawab 'Umar; "Dia daripada budak-budak yang kamu telah kenal."

Pada suatu hari 'Umar menjemput mereka lalu ia masukkan aku bersama mereka. Menurut hatiku ia menjemput aku bersama mereka untuk memperlihatkan kebolehanku kepada mereka lalu ia berkata; "Apa pendapat kamu tentang maksud firman Allah 'Azzawajalla: Iza ja anas rullahi wal fath. Jawab sebahagian mereka; "Allah menyuruh kita bertahmid dan beristighfar kepada-Nya apabila Dia menolong dan memberi kemenangan kepada kita." Sebahagian yang lain diam tidak berkata apa-apa. Lalu 'Umar berkata kepadaku; "Adakah pendapat engkau begitu juga wahai Ibn 'Abbas?" Jawabku; "Tidak", lalu ia terus bertanya; "Apa pendapat engkau?" Jawabku; "Itulah ajal Rasulullah SAW yang diberitahu Allah kepadanya. Firman Allah; "Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan" maka itulah alamat ajal engkau, oleh itu hendaklah engkau bertasbih dengan memuji Tuhanmu dan beristighfar memohon keampunan-Nya, sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat (hamba-Nya)."

Kata 'Umar ibn al-Khattab: "Aku tidak mengetahui maksud ayat ini melainkan apa yang dikatakan engkau."

(Riwayat al-Bukhari sahaja)

Mungkinlah kepada Rasulullah SAW apabila ia melihat alamat daripada Tuhannya ia terus faham bahawa, tugasnya di bumi telah pun selesai dan dia tidak lama lagi akan menemui Tuhannya. Inilah maksud Ibn 'Abbas; "Itulah ajal Rasulullah SAW yang diberitahu Allah kepadanya."

Walau bagaimanapun, di sana terdapat suatu hadith lagi yang diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Bayhaqi dengan sanadnya daripada Ibn 'Abbas juga katanya; "Sebaik sahaja turun "Iza ja anas rullahi wal fath" Rasulullah SAW terus memanggil Fatimah dan berkata: "Sesungguhnya ayahanda telah diberitahu tentang kematian ayahanda," lalu Fatimah menangis kemudian dia ketawa sambil berkata: "Ia menceritakan kepadaku bahawa ia telah diberitahu tentang kematiannya, kerana itulah aku menangis, kemudian ia berkata pula: 'Sabarlah anakanda, kerana engkau anggota keluarga ayahanda yang pertama yang akan mengikuti ayahanda,' kerana itulah aku ketawa."

Dalam hadith ini terdapat keterangan yang menentukan masa turunnya surah ini, iaitu ia diturunkan selepas kemenangan menakluk Makkah dan sambutan orang ramai memeluk agama Islam secara besar-besaran telah terlaksana, kerana itu apabila surah ini diturunkan sesuai dengan alamatnya, maka Rasulullah SAW pun faham bahawa ajalnya telah hampir. Tetapi hadith yang pertama lebih kukuh dan lebih selaras dengan nas zahir al-Qur'an terutama hadith yang mencerita tentang Siti Fatimah yang menangis dan ketawa itu telah diceritakan dalam satu hadith yang lain dengan satu gambaran yang lain yang sesuai dengan pendapat yang kami tarjihkan ini. Hadith itu ialah daripada Ummu Salamah r. 'anha katanya; Rasulullah SAW telah memanggil Fatimah pada tahun kemenangan Makkah dan bercakap-cakap dengannya lalu Fatimah menangis kemudian ia bercakap-cakap dengannya lagi lalu Fatimah ketawa." Kata Ummu Salamah; "Apabila Rasulullah SAW wafat aku bertanya Fatimah tentang rahsia tangisannya dan ketawanya tempoh hari lalu ia bercerita: "Rasulullah SAW telah memberitahu kepadaku ia tidak lama lagi akan wafat, itulah sebabnya aku menangis, kemudian ia memberitahu kepadaku bahawa aku akan menjadi penghulu kepada wanita-wanita ahli syurga, kecuali Maryam binti 'Imran, kerana itulah aku ketawa."

(Dikeluarkan oleh at-Tirmizi).

Hadith ini selaras dengan nas zahir al-Qur'an dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan dikeluarkannya oleh Muslim dalam kitab sohihnya yang menerangkan di sana ada satu alamat antara Rasulullah dengan Tuhannya iaitu: "Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan menakluk Makkah ..." Oleh itu apabila kemenangan menakluk Makkah berlaku, maka Rasulullah SAW faham bahawa masa pertemuannya dengan Tuhannya telah hampir dan kerana itulah ia memanggil Siti Fatimah sebagaimana yang telah diceritakan oleh Ummu Salamah r.'anha.

Dari seluruh huraian ini marilah kita keluar meneliti pengertian yang tetap dan bimbingan yang berterusan yang dibawa oleh surah ini. Marilah kita menuju ke mercu yang ditunjukkan oleh surah yang pendek ini.

Bahagian awal surah ini menyarankan satu kefahaman khusus tentang hakikat peristiwa yang berlaku di 'alam ini dan tentang peranan Rasulullah SAW dan peranan para Mu'min dalam urusan da'wah Islam dan batas keupayaan mereka dalam urusan ini. Saranan ini diterangkan dalam ayat:

(1)

1. Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah).

iaitu pertolongan dan kemenangan itu adalah datang daripada Allah pada masa yang ditentukan-Nya dan dalam bentuk yang dikehendaki-Nya, sedangkan Nabi dan para sahabatnya tidak mempunyai apa-apa peranan dalam kemenangan itu. Ia merupakan urusan Allah semata-mata yang dilaksanakan-Nya dengan mereka atau tanpa mereka. Cukuplah Allah melaksanakan kemenangan urusan agama-Nya melalui mereka dan melantik mereka selaku pengawal dan pemegang amanah agama-Nya. Inilah keseluruhan peranan mereka dalam mencapai kemenangan dan dalam sambutan orang ramai menerima agama Allah, kerana itu dalam menghadapi penghormatan Allah yang melaksanakan kemenangan itu, mereka berkewajipan bertasbih, bertahmid dan beristighfar pada saat-saat kemenangan itu.

Bertasbih dan bertahmid atas ni'mat Allah yang telah menjadikan mereka sebagai pemegang amanah dan pembela agama-Nya, juga atas rahmat Allah ke atas seluruh umat manusia dengan mengurniakan kemenangan kepada agama-Nya, kemenangan kepada Rasul-Nya menakluk Makkah dan sambutan besar-besaran daripada orang ramai memeluk agama-Nya yang penuh kebajikan itu setelah sekian lama mereka berada dalam keadaan buta, sesat dan rugi.

Beristighfar terhadap berbagai-bagai perasaan dan pengalaman jiwa iaitu beristighfar terhadap perasaan bangga dan sombong yang berkecamuk dalam hati pada saat-saat mabuk kemenangan setelah sekian lama berjuang. Perasaan yang sedemikian memang sukar dikawal dalam hati manusia kerana itulah mereka perlu beristighfar. Beristighfar terhadap perasaan-perasaan tidak sabar, perasaan terkilan, kerana lambatnya Allah menunaikan janji memberi bantuan dan pertolongan, perasaan gentar dan goncang, iaitu perasaan-perasaan yang mungkin dialami dalam saat-saat menghadapi perjuangan yang lama, kepenatan dan kesukaran sebagaimana yang telah digambarkan oleh Allah dalam surah yang lain.

(214)

214. "Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki Syurga, sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kesusahan dan kesengsaraan dan mereka telah digoncangkan (dengan berbagai-bagai ujian) sehingga Rasul dan orang-orang Mu'min yang ada bersama pernah bersungut. 'Bilakah tibanya (pertolongan) daripada Allah?' (Lalu dijawab): 'Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat'."

(Al-Baqarah)

Sikap yang seperti ini memerlukan istighfar. Beristighfar kerana tidak cukup bersyukur kepada Allah yang sentiasa melimpahkan ni'mat dan rahmat-Nya yang tidak putus-putus. Daya upaya manusia sentiasa terbatas, sedangkan ni'mat dan anugerah Allah sentiasa melimpah-ruah.

Firman Allah:

(18)

18. "Andainya kamu membilang ni'mat Allah, nescaya kamu tidak berdaya mengirakannya."

(An-Nahl)

Ketaqsiran(kecuaian) yang seperti ini memerlukan istighfar. Di sana ada lagi satu tujuan yang halus daripada beristighfar pada saat mencapai kemenangan, iaitu untuk menggerak dan menyedarkan hati yang sedang dilambung rasa megah dan bangga dengan kemenangan itu agar menginsafi ketaqsiran dan kelemahan diriya. Oleh itu ia lebih baik merasa kebanggaannya dan memohon istighfar kepada Allah, kerana istighfar boleh menghalangkan perasaan angkuh dan sombong.

Perasaan lemah dan merasa tidak cukup bersyukur kepada Allah, juga amalan bertawajjuh kepada Allah kerana memohon kemaafan dan keampunan boleh menjamin tidak berlakunya perbuatan-perbuatan yang zalim terhadap musuh-musuh yang kalah. Orang yang menang hendaklah menyedari bahawa Allah mengamatinya, bahawa Allahlah yang memberi kekuatan kepadanya mengalahkan musuhnya, sedang ia lemah dan tidak berupaya. Allah telah mengalahkan musuh-musuhnya kerana suatu tujuan yang dikehendakinya. Oleh itu kemenangan yang dicapai itu adalah kemenangannya daripada kurnia-Nya, penaklukan itu adalah penaklukan-Nya dan agama adalah agama-Nya dan segala sesuatu terpulang kepada-Nya.

ltulah kemuncak yang gemilang dan mulia yang diseru oleh al-Qur'an supaya manusia bercita-cita mendakinya. Itulah kemuncak yang membuat manusia dewasa kerana mereka dapat menundukkan keangkuhan mereka dan membuat jiwa mereka terbang bebas kerana mereka tunduk kepada Allah. ltulah kemuncak yang gemilang dan mulia yang diseru oleh al-Qur'an supaya manusia bercita-cita mendakinya. Itulah kemuncak yang membuat manusia dewasa kerana mereka dapat menundukkan keangkuhan mereka dan membuat jiwa mereka

terbang bebas kerana mereka tunduk kepada Allah. Itulah kebebasan daripada belenggu-belenggu diri sendiri supaya manusia menjadi roh-roh daripada roh Allah yang tidak mencari sesuatu yang lain melainkan keredaan Allah.

Dan di samping kebebasan itu ialah perjuangan untuk menolong kebaikan dan menegakkan kebenaran, juga usaha meng'imarahkan bumi dan memajukan kehidupan, memimpin umat manusia dengan pimpinan yang matang, bersih, membina, adil, baik dan menuju kepada Allah. Seseorang itu tidak akan mencapai kebebasan selama ia terbelenggu kepada dirinya dan kepada nafsu keinginan dan selama ia tidak dapat membebaskan dirinya pada saat-saat kemenangan daripada perasaan merasa berjasa dalam kemenangan itu agar ia hanya mengenangkan jasa Allah yang Tunggal sahaja. Inilah adab-sopan para nabi yang dikehendaki Allah supaya sentiasa dijunjung tinggi oleh manusia.

Inilah adab-sopan Nabi Allah Yusuf a.s. pada saat tercapainya segala cita-citanya.

Firman Allah:

(100)

100. "Lalu ia (Yusuf) mengangkatkan dua ibu bapanya di atas singgahsana dan mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud hormat kepadanya dan berkata: "Wahai ayahandaku, inilah ta'bir mimpi anakanda dahulu. Sesungguhnya Allah Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan dan sesungguhnya Ia telah melakukan segala kebaikan terhadap anakanda ketika Ia membebaskan anakanda dari penjara dan membawa ayahanda bonda ke sini dari dusun padang pasir setelah Syaitan merosakkan hubungan antara anakanda dengan saudara-saudara anakanda. Sesungguhnya Tuhanku itu Maha Halus melaksanakan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."

(Surah Yusuf)

Pada saat itu Nabi Yusuf a.s. mencabutkan dirinya dari suasana kegembiraan bertemu dengan orang tuanya dan berbaik-baik kembali dengan saudara-saudaranya untuk bertawajjuh kepada Allah bagi menyampaikan kesyukurannya. Beliau berdoa ketika berada di kemuncak kekuasaan dan dalam kegembiraan tercapai impiannya:

(101)

101. "Ya Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku ni'mat kerajaan dan Engkau telah mengajarkan ilmu ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi! Engkaulah penaungku di dunia dan di Akhirat.

Wafatkanlah aku dalam agama Islam dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang solih."

(Yusuf)

Di sini lenyaplah segala pangkat dan kebesaran dan hilanglah segala kesukaan bertemu dengan orang tua dan kegembiraan berkumpul kembali dengan saudara mara. Pemandangan babak akhir kisah Nabi Yusuf a.s. menggambarkan pemandangan seorang manusia yang bermohon kepada Tuhannya supaya memelihara keislamannya hingga ia wafat dan supaya ia dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang soleh di sisi Tuhannya.

Inilah juga adab-sopan Nabi Allah Sulaiman a.s. apabila ia melihat singgahsana Balqis Ratu Negeri Saba' muncul di hadapannya sebelum matanya berkelip.

(40)

40. "Dan apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya ia pun berkata: 'Ini adalah limpah kurnia daripada Tuhanku untuk mencuba aku adakah aku bersyukur kepada-Nya atau mengingkari ni'mat-Nya." Oleh itu sesiapa yang bersyukur, maka sesungguhnya ia bersyukur untuk kebaikan dirinya dan sesiapa yang mengingkari ni'mat-Nya, maka Tuhanku adalah Maha Kaya dan Maha Pemurah.'"

(An-Naml)

Inilah juga adab-sopan Nabi Muhammad S.A.W di sepanjang hidupnya dan dalam masa mendapat pertolongan daripada Allah dan mencapai kemenangan menakluk Makkah, beliau membongkok di atas belakang untanya, kerana bersyukur kepada Allah dan memasuki negeri Makkah dengan keadaan seperti itu, sedangkan negeri itulah yang telah menyakitinya, mengusirnya keluar, memeranginya dan menentang da'wahnya dengan penuh kedegilan. Apabila tiba pertolongan daripada Allah dan terlaksana kemenangan menakluk Makkah ia lupakan kesukaan mendapat kemenangan dan terus membongkok bersyukur kepada Allah, bertasbih, bertahmid dan beristighfar sebagaimana yang diajar oleh Tuhannya, ia bertasbih, bertahmid dan beristighfar begitu banyak sebagaimana yang diceritakan oleh hadith-hadith.

Dan itulah sunnah yang diikuti para sahabat selepasnya radiallahu 'anhum ajma'in. Demikianlah terangkatnya manusia dengan keimanan mereka kepada Allah. Demikianlah jiwa mereka memancar dengan gemilang, melembut halus dan terbang bebas. Demikianlah mereka berjaya sampai kepada darjah kebesaran, kekuatan dan kebebasan.

Surah Al-Ikhlas

Surah Ikhlas

Surah (112) - Makkiyah - 4 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu Maha Esa.**

(2)

2. **Allah itu selama-lamanya Tumpuan seluruh makhluk.**

(3)

3. **Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan.**

(4)

4. **Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya.**

Surah yang pendek ini menyamai satu pertiga al-Qur'an sebagaimana yang telah diterangkan dalam hadith-hadith yang sohih. Daripada Abu Sa'd, ada seorang mendengar seorang lelaki membaca Qulhuwallahuahad dengan berulang-ulang kali. Pada pagi keesokan ia datang menemui Nabi s.a.w. lalu ia menyebutkan cerita itu kepada beliau seolah-olah ia merasa surah itu sangat sedikit, lalu Nabi s.a.w. berkata: "Demi jiwaku di tanganNya, sesungguhnya surah itu menyamai satu pertiga al-Qur'an." Tiada sesuatu yang aneh dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini kerana 'aqidah keesaan Allah yang diperintah kepada Rasul-Nya supaya diisytiharkannya dengan "Qul-huwallahuahad" itu merupakan 'aqidah bagi hati, merupakan pentafsiran bagi 'alam dan merupakan satu sistem bagi kehidupan kerana surah ini mengandungi garis-garis pokok yang amat luas mengenai hakikat agung Islam.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu Maha Esa.

Kata-kata "Ahad" lebih halus daripada kata-kata "Wahid", kerana kata-kata Ahad menambahkan kepada kata-kata Wahid pengertian tiada suatu yang lain bersama Allah dan tiada suatu yang setanding dengan Allah.

Maksudnya ialah keesaan wujud Allah. Di sana tiada hakikat melainkan hakikat Allah, tiada kewujudan haqiqi melainkan kewujudan Allah. Segala maujud yang lain adalah mengambil kewujudan mereka daripada kewujudan Allah yang haqiqi dan mengambil hakikat mereka daripada hakikat Allah yang sejati. Ia mengertikan keesaan pencipta, tiada pencipta yang lain daripada Allah yang menciptakan segala sesuatu di 'alam ini. Itulah 'aqidah yang tersimpul di hati dan itulah juga pentafsiran bagi 'alam.

Apabila pentafsiran itu teguh mantap dan kepercayaan ini jelas dan terang maka bersihlah hati daripada segala kepercayaan yang karut dan daripada segala pergantungan kepada yang lain daripada Zat Allah yang Tunggal dengan hakikat kewujudan dan hakikat penciptaan. Yakni hati itu bersih daripada pergantungan dengan sesuatu yang lain di 'alam al-Wujud ini -- walaupun ia tidak bersih daripada perasaan adanya sesuatu yang lain -- oleh itu tiada hakikat kepada sesuatu kewujudan kecuali hakikat penciptaan bagi iradat Ilahiyah sahaja. Oleh sebab itu tidak ada ertinya hati itu bergantung kepada sesuatu yang tidak mempunyai sebarang hakikat kepada kewujudannya dan sebarang hakikat kepada kudrat penciptaannya.

Apabila hati telah bersih daripada segala perasaan terhadap yang lain daripada hakikat Allah yang Tunggal dan bersih daripada pergantungan kepada yang lain daripada hakikat Allah, maka ketika itu ia akan bebas daripada segala belenggu dan ikatan, bebas daripada keinginan yang menjadi punca berbagai-bagai belenggu dan bebas daripada sebarang ketakutan yang menjadi sumber berbagai-bagai ikatan. Apa lagi yang diingininya sesudah ia menemui Allah, dan siapa lagi yang patut ditakutinya sedangkan di sana tidak ada kuasa penciptaan melainkan bagi Allah sahaja. Apabila mantapnya kepercayaan yang tidak melihat di 'alam ini melainkan hakikat Allah sahaja, maka ia akan melihat hakikat ini pada segala kejadian yang lain yang lahir daripada hakikat itu. Di tahap inilah hati seseorang akan melihat kudrat Allah menguasai segala sesuatu yang dilihatnya dan pada tahap yang lebih tinggi daripada tahap ini tidak nampak sesuatu di 'alam buana ini melainkan hanya Allah, kerana di sana tiada hakikat yang lain yang dilihatnya melainkan hanya hakikat Allah.

Begitulah juga ia akan menafikan sebab-sebab (causes) itu sebagai mempunyai kuasa pencipta, malah ia akan memulangkan segala sesuatu, segala peristiwa dan segala gerak kepada Allah sebagai sebab pertama yang melahirkan semuanya. Inilah hakikat yang amat ditekankan oleh al-Qur'an dalam menetapkan pegangan keimanan. Kerana itu al-Qur'an selama-lamanya menafikan sebab-sebab yang zahir dan menghubungkan segala sesuatu langsung kepada kehendak Allah.

17. "Bukan engkau yang memanah ketika engkau memanah tetapi Allahlah yang memanah."

(Al-Anfal)

10. "Tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah."

(Al-Anfal)

(29)

29. "Dan kamu tidak menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah."

(At-Takwir)

Ayat-ayat lain yang seperti ini memang banyak. Dengan menafikan semua sebab yang zahir dan mengembalikan segala-galanya kepada kehendak Allah yang Tunggal akan tercurahlah rasa ketenteraman dalam hati dan dapatlah ia mengenal matlamat yang tunggal, dengan ia meminta kepada-Nya apabila ia inginkan sesuatu, dan berlindung pada-Nya apabila merasa takut dan bersikap tenang terhadap segala daya pencipta, penggerak, dan pemberi kesan dan terhadap segala sebab yang zahir yang tidak mempunyai hakikat kewujudan sejati. Inilab anak-anak tangga jalan menuju hakikat yang dicuba oleh ahli-ahli tasawuf dan mereka telah ditarik jauh oleh hakikat ini.

Ini kerana Islam mahukan manusia menyusuri jalan yang membawa kepada hakikat ini semasa mereka menghadapi realiti kehidupan dengan segala cirinya atau semasa mereka menjalani kehidupan manusia dan memegang khilafah di bumi dengan segala asas dan terasnya, dengan mereka merasa tiada hakikat yang sebenar melainkan hakikat Allah dan tiada kewujudan yang sebenar melainkan kewujudan Allah dan tiada kuasa penciptaan melainkan kuasa penciptaan Allah dan mereka tidak berkehendak kepada jalan yang lain daripada jalan ini.

Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna yang ditegakkan di atas pentafsiran tadi dan di atas kefahaman, perasaan dan kecenderungan yang ditimbulkan dalam hati seseorang. Itulah satu sistem beribadat kepada Allah yang Tunggal, dengan tiada hakikat bagi kewujudan yang lain, melainkan kewujudan-Nya dan tiada hakikat bagi kudrat penciptaan yang lain melainkan kudrat penciptaan-Nya dan tiada kesan bagi iradat yang lain melainkan iradat-Nya. Itulah satu sistem bertawajjuh kepada Allah yang Tunggal sama ada dalam kegemaran dan ketakutan, sama ada dalam kesenangan dan kesusahan, kerana apalah gunanya bertawajjuh kepada yang lain daripada Allah yang tidak mempunyai kewujudan yang haqiqi? Itulah satu sistem menerima daripada Allah yang Tunggal dalam segala urusan 'aqidah, kepercayaan dan kefahaman nilai-nilai, ukuran-ukuran, syari'at, undang-undang, kedudukan, peraturan, adab cara dan adab resam.

Penerimaan perkara-perkara ini pastilah daripada Allah yang mempunyai kewujudan yang Maha Esa dan hakikat yang tunggal di 'alam realiti dan 'alam hati nurani. Itulah satu sistem bergerak dan bertindak kerana Allah yang Tunggal untuk mencari perdampingan dengan-Nya dan untuk menghindarkan diri daripada rintangan-rintangan dan kekarutan-kekarutan yang menyesatkan sama

ada dalam diri sendiri atau di sekelilingnya dari benda-benda dan manusia, dan antaranya ialah rintangan diri sendiri, ikatan kegemaran dan ketakutan kepada sesuatu di 'alam ini. Itulah satu sistem yang menghubungkan antara hati manusia dengan segala makhluk yang lain dengan hubungan kasih sayang, saling simpati dan seia sekata, kerana bukanlah maksud melepaskan diri daripada belenggu-belenggu kejadian 'alam ini ialah menaruh perasaan benci terhadapnya dan lari daripada berurusan dengannya, kerana semua makhluk itu adalah daripada ciptaan Allah. Semuanya mengambil kewujudannya daripada kewujudan Allah dan semuanya dilimpahkan dengan nur hakikat Allah.

Oleh sebab itu seluruh makhluk itu harus disayangi belaka kerana seluruhnya merupakan pemberian dan kurnia daripada Allah yang amat dikasihi. Itulah satu sistem yang luhur dan bebas, dengan bumi ini dipandang sebagai sebuah 'alam yang kecil, kehidupan dunia sebuah kehidupan yang pendek dan keni'matan hidup dunia juga suatu keni'matan yang sedikit, dan usaha mencapai kebebasan daripada rintangan-rintangan dan kekotoran-kekotoran dunia merupakan matlamat dan cita-cita (orang yang beriman), tetapi kebebasan dalam Islam bukan bererti pemencilan diri, bukan bererti pencuaian atau pengabaian dan bukan pula bererti benci dan lari, malah ia bererti percubaan dan perjuangan yang berterusan untuk memajukan manusia seluruhnya dan untuk membebaskan kehidupan mereka seluruhnya, kerana itu manusia diserahkan teraju khilafah dan kepimpinan dengan segala tugas dan kewajipannya, serta menegakkan kebebasan dengan segala nilainya.

Pembebasan diri dengan bertapa di rumah-rumah ibadat merupakan satu perkara yang mudah, tetapi Islam tidak mahu cara itu, kerana tugas menegakkan khilafah di bumi dan tugas memimpin umat manusia merupakan sebahagian daripada sistem agama Allah untuk pembebasan manusia. Ia merupakan satu cara yang amat sukar, tetapi itulah satu-satunya cara yang dapat menegakkan insaniyah manusia dan menjamin kemenangan tiupan roh yang luhur dalam dirinya.

Pendeknya kebebasan dalam Islam ialah kebebasan roh manusia menuju kepada Allah selaku sumber yang melahirkannya. Ia juga bererti perjuangan manusia untuk menegakkan hakikat rohnya yang luhur, dan hakikat roh inilah yang bekerja dalam bidang yang dipilih Allah penciptanya yang Maha Bijaksana. Kerana ini semua, maka da'wah Islam di tahapnya yang pertama ditumpukan kepada usaha menegakkan hakikat Tauhid dalam hati manusia dengan gambaran seperti ini kerana konsep Tauhid dengan gambaran seperti ini merupakan 'aqidah bagi hati, pentafsiran bagi 'alam dan sistem bagi kehidupan. Tauhid bukan semata-mata kata-kata yang diucapkan dengan lidah, bukan suatu gambaran yang mantap dalam hati, malah Tauhid merupakan keseluruhan agama, dan segala perincian dan cabang-cabang yang lain darinya hanya merupakan hasil tabi'i daripada kemantapan hakikat Tauhid dalam hati manusia.

Penyelewengan-penyelewengan yang menimpa umat-umat Ahlil Kitab zaman dahulu yang telah merosakkan 'aqidah, pemikiran dan kehidupan mereka adalah pada mulanya berlaku akibat daripada terhapusnya gambaran Tauhid yang murni dan kemudian diikuti pula oleh segala penyelewengan yang lain. Ciri

yang membezakan gambaran Tauhid dalam 'aqidah Islam ialah cirinya yang meresap dalam seluruh kehidupan dan seluruh kehidupan itu ditegakkan di atas asasnya. Ia menjadi tapak bagi semua program amali dalam kehidupan, kesan-kesannya kelihatan jelas dalam bidang perundangan sebagaimana kelihatan jelas dalam bidang kepercayaan. Kesan pertama daripada 'aqidah Tauhid ialah Syari'at Allah hendaklah merupakan undang-undang yang tunggal yang memerintah semua urusan kehidupan. Apabila kesan ini tidak wujud bererti 'aqidah Tauhid belum lagi berdiri teguh, kerana itu 'aqidah Tauhid harus berdiri teguh dan melahirkan kesan-kesannya dalam segenap bidang hidup.

Maksud Allah itu Maha Esa ialah Allah itu satu-satunya tumpuan seluruh makhluk, tidak beranak dan tidak pula diperanakkan dan tiada siapa yang setanding dengan-Nya. Al-Qur'an menyebut butiran-butiran ini untuk menambahkan kejelasan.

(2)

2. Allah itu selama-lamanya Tumpuan seluruh makhluk.

Pengertian "as-Samad" dari segi bahasa ialah tuan penghulu yang dituju orang ramai, dan tiada sesuatu urusan yang diputuskan melainkan dengam kebenarannya, Allah itulah Tuan yang sebenar tiada Tuan yang lain daripadaNya. Dia adalah Tunggal dalam ketuhanan-Nya dan semua yang lain adalah hamba-Nya belaka. Dialah sahaja yang ditujukan untuk memenuhi hajat-hajat dan Dialah sahaja yang menyahut seruan hamba-hamba-Nya yang mempunyai hajat. Dialah sahaja yang memutuskan segala perkara dengan keizinan-Nya dan tiada siapa yang turut membuat keputusan bersama-sama-Nya.

(3)

3. Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan.

Maksudnya ialah hakikat Allah itu adalah hakikat yang wujud abadi dan azali lagi. Hakikat Allah tidak dipengaruhi oleh keadaan demi keadaan. Dia mempunyai sifat yang sempurna dalam segala keadaan. Makna peranakan ialah kelahiran dan lanjutan keturunan. Peranakan merupakan satu kewujudan yang lebih selepas kurang atau selepas tidak ada dan semuanya ini mustahil pada Allah. Peranakan juga memerlukan isteri yang sama kejadian. Ini juga mustahil pada Allah kerana itu sifat Maha Esa atau "Ahadun" itu sendiri mengandungi penolakan adanya ibu bapa dan anak-anak.

(4)

4. Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya.

Maksudnya ialah tiada siapa yang serupa dan setanding dengan-Nya sama ada dari segi hakikat wujud atau dari segi hakikat kuasa penciptaan atau dari segi mana-mana sifat daripada sifat-sifat Zatiyah-Nya. Pengertian ayat ini juga menegakkan konsep "Ahadu", malah menguat dan mentafsirkannya dengan terperinci, iaitu konsep keesaan Allah menolak kepercayaan wujud Dua Tuhan yang mendakwa bahawa Allah itu Tuhan kebaikan dan di sana ada lagi satu tuhan

yang lain iaitu tuhan kejahatan yang menentang Allah dan menentang kebaikan-kebaikan-Nya dan menyebarkan kerosakan di muka bumi. 'Aqidah Dua Tuhan yang paling masyhur ialah 'aqidah orang Farsi yang percaya ada tuhan nur dan ada tuhan gelap. Kepercayaan ini terkenal di selatan Semenanjung Tanah Arab di mana pernah tegaknya kerajaan dan kekuasaan Farsi.

Surah ini menegak dan menjelaskan 'aqidah Tauhid Islam sebagaimana Surah al-Kafirun menafikan sebarang keserupaan atau menafikan wujudnya titik pertemuan antara 'aqidah Tauhid dengan 'aqidah syirik. Kedua-dua surah ini memperkatakan hakikat Tauhid dari satu sudut yang tertentu. Rasulullah s.a.w. biasanya memulakan harinya -- dalam solat Sunat Fajar -- dengan membaca dua surah ini dan amalan ini mempunyai makna dan tujuannya yang besar.

Surah Al-Falaq

Surah Waktu Subuh

Surah (113) - Makkiyah - 5 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Katakanlah (wahai Muhammad) aku pohon perlindungan pada Tuhan seluruh makhluk.**

(2)

2. **Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya.**

(3)

3. **Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap.**

(4)

4. **Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang disimpul.**

(5)

5. **Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki.**

Surah al-Falaq dan Surah an-Nas merupakan satu arahan dari Allah mula-mula kepada Nabi-Nya SAW dan kemudian kepada para Mu'minin supaya memohon perlindungan dan naungan pada Allah dari segala kejadian yang menakutkan sama ada yang sulit atau yang terang sama ada yang tidak diketahui atau yang diketahui secara umum atau secara terperinci seolah-olah Allah membuka perlindungan dan naungan-Nya kepada mereka sambil berseru dengan penuh kasih sayang "*Marilah ke sini marilah masuk ke dalam perlindungan dan naungan-Ku, marilah ke tempat yang aman yang memberi ketenangan kepada kamu. Marilah Aku tahu kamu lemah dan mempunyai banyak musuh dan di sekeliling kamu berbagai-bagai kejadian yang menakutkan.*" Hanya di sini sahaja keamanan, ketentemman dan kedamaian untuk kamu. Oleh sebab itulah kedua-dua surah ini dimulai dengan arahan ini:

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) aku pohon perlindungan pada Tuhan seluruh makhluk.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia.

(Surah an-Nas)

Mengenai kisah turunnya surah ini terdapat beberapa athar yang semuanya sesuai dengan bayangan yang Kami telah nyatakan tadi. Dari keterangan athar-athar itu jelaslah bahawa Rasulullah SAW telah memperlihatkan kegembiraannya yang mendalam terhadap turunnya surah ini. Dari 'Aqabah - Ibn 'Amir - r.a., Rasulullah SAW telah bersabda: *"Tidakkah engkau mengetahui ayat-ayat yang telah diturunkan pada malam ini, iaitu ayat-ayat yang tidak didapati seumpamanya iaitu: Qul a'uzubirabbil falaq dan Qul a'uzubirabbin nas. "*

Dari Jabir r.a katanya: Sabda Rasulullah SAW: "Bacalah wahai Jabir!" Aku menjawab "Demi bapaku dan ibuku, baca apa wahai Rasulullah?" Sabdanya: Bacalah: Qul a'uzubirabbil falaq dan Qul a'uzubirabbin nas, lalu aku pun membaca kedua-duanya, kemudian beliau bersabda: "Bacalah kedua-dua surah ini dan engkau tidak akan dapat membaca surah yang serupa dengan kedua-duanya."

(Ditiwayatkan dari Imam Malik, Muslim, at-Tirmizi, Abu Daud dan an-Nasai')

Dari Zarr ibn Hubaysh katanya: Aku bertanya Ubay ibn Ka'b r.a. tentang mu'auwizatayn (Qul a'uzubirabbil falaq dan Qul a'uzubirabbin nas) kataku: "Wahai Abu Munzir, saudaramu Abu Mas'ud telah berkata begini, begini, (mula-mula Ibn Mas'ud tidak mencatatkan kedua-dua surah ini dalam mashafnya, kemudian ia kembali mengikut fikiran jamaah sahabat lalu mencatatkan kedua-dua surah ini dalam mashaf). Lalu dia menjawab: "Aku telah bertanya Rasulullah SAW dan jawab beliau: 'Aku diperintah berkata "Qul", lalu aku pun berkata. Dan kami pun berkata seperti Rasulullah SAW berkata."

(Dikeluarkan oleh an-Nasa'i)

Semua riwayat ini melahirkan bayangan-bayangan kasih mesra ini. Di sini -- dalam surah ini -- Allah menyebut diri-Nya dengan sifat-Nya yang boleh menjadi benteng yang melindungkan dari kejahatan-kejahatan yang tersebut dalam surah ini.

(1)

1. Katakanlah (wahai Muhammad) aku pohon perlindungan pada Tuhan seluruh makhluk.

Antara pengertian "al-Falaq" ialah "waktu pagi" dan "Seluruh makhluk". Pengertian ini ditujukan kepada segala kejadian yang dilahirkan ke 'alam al-Wujud dan 'alam al-Hayat sebagaimana diterangkan dalam Surah al-An'am:

(95)

95. Sesungguhnya Allahlah yang melahirkan tumbuh-tumbuhan dari butir dan biji benih. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup.

Juga dari firman selanjutnya:

(96)

96. Dialah yang melahirkan pagi dan menciptakan malam untuk beristirehat dan menciptakan matahari dan bulan untuk perkiraan.

Sama ada dipakai dengan pengertian "aku pohon perlindungan pada Tuhan yang menjadi waktu pagi yang memberi keamanan dengan cahaya siang dari segala kejahatan yang sulit dan tersembunyi" atau dipakai dengan pengertian "aku pohon perlindungan pada Tuhan seluruh makhluk yang memberi keamanan dari segala kejahatan makhluk," maka kadua-dua pengertian adalah sesuai dengan ayat-ayat yang kemudian.

(2)

2. Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya.

Maksudnya ialah dari kejahatan makhluk seluruhnya, kerana setiap makhluk itu ada buruknya dan ada baiknya dalam keadaan-keadaan tertentu. Dan yang dipohon perlindungan di sini ialah dari keburukan dan kejahatannya agar kebaikannya sahaja yang tinggal. Allah yang menciptakan seluruh makhluk itu adalah berkuasa pula mengarah dan mentadbirkan keadaan-keadaan makhluk-makhluk itu supaya timbul yang baiknya bukan yang buruknya.

(3)

3. Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap.

Maksudnya ialah dari kejahatan malam dan segala apa yang ada pada malam hari. Apabila malam menyelubungi bumi maka ketika itu malam sendiri menjadi sesuatu yang menakutkan tambahan pula ia menimbulkan kemungkinan berlakunya segala sesuatu yang tidak diketahui seperti diserang binatang ganas, dimasuki pembunuh, dicerobohi musuh dan didatangi serangga-serangga merbahaya. Di samping itu pada malam hari juga timbulnya berbagai-bagai fikiran karut dan berbagai-bagai perasaan duka nestapa yang mencekik dan melemaskan.

Kegelapan malam menolong Syaitan untuk bertindak dan menggoda. Kegelapan malam dan keseorangan pada malam hari juga menggerakkan nafsu syahwat manusia dan dari bahaya sebarang makhluk yang nampak dan tidak nampak yang bergerak dan menyerang pada waktu malam.

(4)

4. Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang disimpul.

Maksudnya ialah dari kejahatan tukang-tukang sihir yang berusaha menimpakan bahaya dengan cara memperdayakan pancaindera dan urat- saraf seseorang dan menyampaikan saranan-saranan kepada jiwanya. Mereka membuat simpulan-simpulan tali dan menghembuskannya sebagai satu amalan tradisional sihir dan cara menyampaikan saranan-saranan. Ilmu sihir tidak mengubahkan hakikat-hakikat sesuatu dan tidak pula mewujudkan satu hakikat yang baru, tetapi ia boleh membuat pancaindera dan perasaan seseorang itu merasa apa yang dikehendaki tukang sihir. Inilah ilmu sihir seperti yang digambarkan oleh al-Qur'anul Karim dalam cerita Nabi Musa a.s.:

(65)

65. "Mereka (tukang-tukang sihir) berkata: 'Wahai Musa pilihlah sama ada engkau yang melemparkan dulu atau kami orang-orang yang mula-mula melemparkannya."

(66)

66. "Jawab Musa: 'Silalah kamu melemparkan dulu,' tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka dengan pengaruh sihir mereka terperasan kepada Musa seolah-olah berjalan. "

(67)

67. "Lalu Musa merasa takut dalam hatinya."

(68)

68. "Kami berfirman kepadanya: Janganlah engkau takut kerana sesungguhnya engkaulah yang paling tinggi (menang)."

(69)

69. "Dan lemparkanlah tongkat yang ada di tangan kananmu nescaya ia akan menelan apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya apa yang dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja dan tukang sihir itu tidak akan menang walau dari mana sahaja ia datang."

(Ta Ha)

Demikianlah tali dan tongkat-tongkat sihir mereka tidak berubah menjadi ular yang sebenar tetapi ia hanya membuat orang ramai dan Musa terperasan seolah-olah tongkat-tongkat itu ular-ular yang berjalan hingga menumbulkan perasaan takut dalam hati beliau lalu Allah meneguhkan hatinya. Kemudian hakikat sebenar terbuka apabila tongkat Musa benar-benar berubah menjadi seekor ular yang menelan semua tali-tali dan tongkat-tongkat tukang sihir yang palsu itu. Inilah tabiat ilmu sihir yang harus diterima oleh kita dan dengan tabiat inilah ilmu sihir memberi kesan kepada orang ramai, mencetuskan perasaan-perasaan tertentu mengikut saranan-saranan tukang sihir, iaitu perasaan-perasaan yang menakutkan mereka, mengganggu mereka dan mengarahkan mereka ke arah yang dikehendaki oleh tukang sihir.

Sampai di sini cukuplah untuk kita memahami tabi'at ilmu sihir dan rahsia hembusan pada simpulan-simpulan tali. Sihir itu suatu kejahatan dan bencana dan hanya kepada Allah sahaja dapat dipohon perlindungan dan naungan dari gangguannya. Di sana terdapat beberapa riwayat setengahnya sohih tetapi tidak mutawatir yang mengisahkan bahawa Labib ibn al-A'sam dari bangsa Yahudi telah menyihirkan Nabi SAW di Madinah selama beberapa hari menurut satu cerita dan selama beberapa bulan menurut satu cerita yang lain sehingga beliau terperasan telah mendatangi isteri-isterinya sedangkan beliau tidak mendatangi mereka, dan dalam satu riwayat yang lain beliau terperasan melakukan sesuatu sedangkan beliau tidak melakukannya.

Dan kedua-dua surah ini adalah diturunkan sebagai jampi kepada Rasulullah SAW. Oleh itu apabila beliau menghadirkan bahan sihir yang dimaksudkan itu setelah diberi mimpi kepadanya dan membaca kedua-dua surah itu maka terhurailah ikatan sihir itu pada beliau dan hilanglah segala gangguannya. Tetapi riwayat-riwayat ini bercanggah dengan dasar al-'Ismat an-Nabawiyah iaitu dasar setiap nabi itu ma'sum dalam segala tindakan dan kerja-kerja tablighnya. Riwayat-riwayat itu tidak sejajar dengan dasar 'aqidah bahawa setiap perbuatan Rasulullah SAW dan setiap sabdanya merupakan suatu sunnah dan syari'at. Begitu juga riwayat-riwayat itu bercanggah dengan keterangan al-Qur'an yang menafikan bahawa Rasulullah SAW itu terkena sihir dan mendustakan kaum Musyrikin yang membuat da'waan yang bohong itu.

Oleh sebab itu kami terpaksa ketepikan riwayat-riwayat ini kerana hadith-hadith ahad tidak boleh dijadikan pegangan dalam perkara-perkara 'aqidah. Tempat rujukan yang sebenar ialah al-Qur'an dan riwayat yang mutawatir merupakan syarat untuk diterima hadith-hadith yang ada hubungan dengan dasar-dasar 'aqidah, sedangkan riwayat-riwayat mengenai kisah Nabi SAW disihir itu tidak mutawatir tambahan pula mengikut pendapat yang kuat kedua-dua surah itu adalah diturun di Makkah dan ini melemahkan asas riwayat-riwayat itu.

(5)

5. Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki.

Hasad dengki ialah perasaan cemburu hati terhadap sesuatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya yang tertentu serta bercita-cita supaya ni'mat itu musnah dan hilang sama ada si pendengki yang merasa cemburu hati itu bertindak untuk memusnahkan ni'mat itu kerana ditekan dendam-kesumat atau ia hanya terhenti sekadar menaruh perasaan cemburu hati sahaja, namun sesuatu kejahatan tetap akan berlaku selepas wujudnya perasaan cemburu hati itu.

Kita terpaksa merendahkan nada menolak atau menafikan mana-mana rahsia 'alam yang kita tidak ketahui, juga rahsia-rahsia jiwa dan sistem peralatan jisimn manusia, kerana di sana terdapat banyak kejadian yang lahir dari rahsia-rahsia itu sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab-musababnya sehingga hari ini misalnya perbubungan telefati (perhubungan antara jiwa) yang berlaku di antara individu-individu yang tinggal berjauhan, iaitu perhubungan yang benar-benar berlaku yang dapat dibuktikan kebenarannya dengan berita-berita kejadian yang masyhur dan ujian-ujian yang banyak, sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab-musababnya berdasarkan maklumat-maklumat yang ada pada kita.

Begitu juga hipnotizam (ilmu daya menidurkan orang lain) yang kini menjadi objek ujian yang meyakinkan, sedangkan rahsia dan caranya masih tidak diketahui. Di samping telefati dan hipnotizam di sana banyak lagi rahsia-rahsia 'alam rahsia-rahsia jiwa dan rahsia-rahsia sistem peralatan jisim manusia. Oleh itu apabila pendengki-pendengki itu berdengki dan mengarahkan perasaan cemburu hatinya kepada orang yang didengkinya, maka kita tidak ada jalan untuk menafikan adanya kesan-kesan buruk dari pengarahan perasaan itu dengan alasan kerana ilmu pengetahuan dan alat-alat yang ada pada kita tidak sampai kepada rahsia kesan itu dan cara tindakannya. Kita tidak mengetahui bidang ini melainkan sedikit sahaja dan pengetahuan yang sedikit itu pun biasanya kita perolehi secara kebetulan sahaja dan kemudian ia mantap menjadi satu hakikat yang berlaku selepas itu.

Pada hasad dengki terdapat bencana dan kejahatan yang perlu dipohon perlindungan dan naungan dari Allah agar terselamat darinya. Allah SWT dengan limpah rahmat-Nya mengarahkan Rasul-Nya SAW dan sekalian umat di belakangnya supaya memohon perlindungan pada-Nya dari bencana-bencana kejahatan hasad dengki itu dan sudah tentu apabila mereka memohon kepada-Nya Dia akan melindungi mereka dari kejahatan-kejahatan itu baik secara umum mahupun secara detail.

Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dari 'Aisyah r.a. katanya adalah Rasulullah SAW apabila beliau berada di tempat tidurnya setiap malam beliau menemukan dua tapak tangannya kemudian mengembuskan pada kedua-duanya dan membaca (Qul a'uzubirabbinnas) dan (Qul a'uzubirabbil falaq) kemudian beliau sapukan dengan kedua-dua tapak tangannya semua bahagian tubuhnya yang dapat disapukan olehnya, beliau mulakan di atas kepala dan mukanya dan bahagian hadapan badannya. Beliau berbuat demikian sebanyak tiga kali. Demikianlah diriwayatkan oleh para pengumpul Hadith (Ashabus Sunan).

Surah An-Nas

Surah Manusia

Surah (114) - Makkiyah - 6 ayat

Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih.

(1)

1. **Katakanlah (wahai Muhammad) aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia.**

(2)

2. **Yang menguasai (dan memerintah) manusia.**

(3)

3. **Tuhan yang disembah manusia.**

(4)

4. **Dari kejahatan (Syaitan) pembisik yang datang dan menghilang.**

(5)

5. **Yang membisik (kejahatan) di dalam dada manusia.**

(6)

6. **Iaitu dari (Syaitan) jin dan manusia.**

Dalam surah ini dipohonkan perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia, yang memerintah manusia dan yang disembah manusia dan perkara yang dipohon perlindungan ialah kejahatan Syaitan yang datang dan menghilang iaitu yang membisik kejahatan dalam hati manusia iaitu dari Syaitan yang tidak nampak dan Syaitan manusia. Memohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara, yang memerintah dan yang disembah itu bererti menghadirkan sifat-sifat Allah yang Agung yang dapat menolak segala kejahatan umumnya dan kejahatan Syaitan pembisik yang datang dan menghilang khususnya.

Ar-Rab ialah sifat Allah yang memelihara, mengasuh, mengarah, menjaga dan melindung. Al-Malik ialah sifat Allah yang memilik, memerintah dan

mentadbir. Al-Ilaah ialah sifat Allah yang menguasai segala-galanya. Semua sifat-sifat ini berkuasa memberi pertolongan dan kejahatan yang meresap dalam hati-hati manusia yang tidak mengetahui bagaimana hendak menolak kejahatan-kejahatan yang tersembunyi itu.

Allah itu adalah pemelihara dan pelindung segala makhluk, pemerintah segala makhluk dan penguasa segala makhluk, tetapi di sini Allah disebut khusus sebagai pemelihara dan pelindung manusia, pemerintah manusia dan Tuhan yang disembah manusia supaya manusia merasa begitu hampir kepada-Nya dalam detik-detik mencari perlindungan dan naungan.

Allah telah mengarahkan Rasul-Nya SAW dan sekalian umatnya, supaya mencari perlindungan dan naungan pada-Nya dengan menghadirkan pengertian-pengertian dan sifat-sifat tersebut semoga diperlindungkan mereka dari kejahatan yang sangat halus jejak langkahnya, yang tidak terdaya ditolakkannya melainkan dengan pertolongan Allah pemerintah dan penguasa yang Maha Agung, kerana kejahatan yang halus itu menyerang mereka tanpa disedari.

Mula-mula Allah menyebut sifat Syaitan sebagai:

(4)

4. Dari kejahatan (Syaitan) pembisik yang datang dan menghilang.

Kemudian Dia menyebut kerjanya:

(5)

5. Yang membisik (kejahatan) di dalam dada manusia.

Kemudian Dia memperkenalkan hakikatnya:

(6)

6. Iaitu dari (Syaitan) jin dan manusia.

Tertib susunan ini membangkitkan kesedaran dan perhatian untuk mengenal hakikat Syaitan pembisik yang datang dan menghilang itu dan cara-cara ia bekerja melaksanakan kejahatannya sebagai persediaan untuk menolak dan mengawasi gerak langkahnya. Apabila seseorang itu menyedari bahawa Syaitan yang tidak nampak itu membisikkan kejahatan dalam hati manusia secara halus dan tidak dapat dilihat begitu juga apabila ia menyedari ada manusia yang dapat menyerap ke dalam dada dan menaburkan kejahatan dalam hati manusia sama seperti Syaitan yang tidak nampak itu, maka ia akan bersiap sedia untuk mempertahankan dirinya dari kejahatan itu, kerana ia telah mengetahui tempat persembunyian, pintu dan jalan masuk (Syaitan-syaitan itu).

Kita tidak mengetahui bagaimana berlangsungnya bisikan Syaitan, tetapi kita merasakan kesan-kesannya dalam jiwa dan dalam realiti hidup kita. Kita sedar bahawa pertarungan antara Adam dengan Iblis adalah satu pertarungan yang amat lama. Kita sedar bahawa Syaitan telah mengisytiharkan perang berterusan, iaitu satu perisytiharan yang lahir dari tabiat jahat yang ada dalam

dirinya, dan lahir dari sifat-sifat angkuh, hasad dengki dan dendam kesumatnya terhadap manusia.

Kita sedar Syaitan telah meminta kebenaran dari Allah untuk memerangi manusia, dan permintaannya itu telah diluluskan Allah kerana suatu hikmat yang diketahui-Nya. Walau bagaimanapun Allah tidak membiarkan manusia mengharungi perjuangan itu tanpa senjata, malah Dia telah menjadikan keimanan sebagai perisai untuk mereka, zikir sebagai kelengkapan perang dan doa memohon perlindungan sebagai senjata. Andainya manusia itu lupakan perisai, kelengkapan dan alat senjatanya maka dialah sahaja yang patut disalahkan.

Dari Ibn 'Abbas RA katanya sabda Rasulullah SAW:

"*Syaitan itu duduk mencangkung di atas hati manusia, apabila manusia menyebut Allah ia akan mengundurkan diri dan apabila manusia lalai ia akan membisikkan kejahatan.*"

Mengenai penggoda-penggoda dari kalangan manusia pula kita memang mengetahui dan mengenali banyak dari hasutan-hasutan dan bisikan-bisikan mereka yang jahat, malah kita tahu bahawa di antara hasutan dan bisikan jahat manusia itu ada yang lebih buruk daripada hasutan dan bisikan Syaitan. Mereka terdiri daripada: Teman-teman jahat yang menaburkan kejahatan ke dalam hati dan akal kawannya tanpa disedari dan diawasi olehnya kerana ia teman yang dipercayainya.

Pemagar-pemagar yang mengelilingi pembesar-pembesar yang membisikkan fikiran-fikiran yang jahat kepada mereka sehingga mereka bertindak ganas dan zalim terhadap rakyat jelata negerinya. Tukang-tukang umpat dan fitnah yang pandai bermadah dengan kata-kata yang begitu indah dan licin hingga apa yang dikatakannya itu kelihatan seolah-olah amat benar dan tidak dapat dipertikaikan lagi. Penjual-penjual nafsu yang masuk dari pintu-pintu naluri dengan gaya yang amat menarik yang tidak dapat ditolak melainkan dengan kesedaran hati nurani dan pertolongan dari Allah.

Di sana terdapat berpuluh-puluh jenis pembisik kejahatan yang datang dan menghilang, yang membuat perangkap-perangkap kejahatan dan menyeludupkannya ke dalam hati manusia. Mereka adalah lebih jahat daripada Syaitan-syaitan yang tidak nampak dan lebih halus daripada jejak langkahnya. Manusia memang tidak berupaya untuk menolak bisikan-bisikan kejahatan yang halus, kerana itu Allah menunjukkan perisai dan alat-alat senjata kepada mereka supaya mereka dapat menempuh pertarungan yang dahsyat itu.

Syaitan pembisik itu telah disifatkan dengan kelakuan "datang dan menghilang" ini adalah satu isyarat yang mengandung tujuan, kerana dari satu segi sifat itu menunjukkan bahawa kelakuan Syaitan itu lebih suka bersembunyi dan menunggu peluang. Andainya terbuka ia akan meresap masuk perlahan-lahan membisikkan kejahatan-kejahatannya, dan dari satu segi yang lain pula menunjukkan satu kelemahan Syaitan apabila berdepan dengan mereka yang sedar dan siap-siaga mengawal pintu hatinya. Oleh sebab itu semua pembisik-pembisik kejahatan sama ada dari Syaitan yang tidak nampak atau dari Syaitan-syaitan manusia apabila dilawan mereka akan berundur menyembunyikan diri sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah SAW,

"*Apabila manusia menyebut nama Allah, ia akan mengundurkan dirinya dan apabila manusia lalai, ia akan membisikkan kejahatan.*"

Isyarat ini boleh menguatkan hati seseorang untuk menghadapi Syaitan pembisik kejahatan, kerana ia bersifat datang dan menghilang iaitu bersifat lemah apabila ia berdepan dengan alat senjata orang mu'min di medan pertempuran. Dari satu segi yang lain pertarungan dengan Syaitan merupakan satu pertarungan lanjut yang tidak akan tamat. Syaitan selama-lamanya menunggu peluang untuk menyerang manusia pada saat-saat kelalaian, dan pertarungan itu akan terus meletus sekali kalah dan sekali menang hingga sampai kepada hari Qiamat sebagaimana yang digambarkan di berbagai-bagai tempat dalam al-Qur'an di antaranya ialah gambaran yang menarik dalam surah al-Isra' yang berikut:

(61)

61. "Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para Malaikat, Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka sekalian pun sujud kecuali Iblis, ia berkata: Adakah wajar aku sujud kepada orang yang telah Engkau ciptakannya daripada tanah?"

(62)

62. Dia berkata lagi, "Terangkanlah inikah orangnya yang telah Engkau muliakannya lebih daripadaku? Sesungguhnya jika dapat Engkau memberi tempoh kepadaku sehingga hari qiamat nescaya akan ku sesatkan zuriatnya kecuali sebahagian yang kecil."

(63)

63. Lalu Allah menjawab: "Baik pergilah! Sesiapa daripada mereka yang mengikut engkau, maka neraka Jahannamlah balasan yang sungguh padan untuk kamu."

(64)

64. "Dan kejutkan dengan suaramu sesiapa sahaja daripada mereka yang dapat engkau lakukan, dan kerahkan angkatan berkudamu dan kerahkanlah angkatan jalan kakimu untuk menyerang mereka, dan berkongsilah harta-benda dan anak-pinak dengan mereka dan kemukakan janji-janjimu kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan Syaitan kepada mereka melainkan hanya tipu daya sahaja."

(65)

65. "Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai hamba-hamba kesayangan-Ku, dan cukuplah Tuhanmu itu menjadi penjaga."

Inilah gambaran perjuangan dan motif-motifnya yang jahat sama ada perjuangan secara langsung dari Syaitan atau perjuangan melalui manusia-manusia yang menjadi agen-agennya, dan dalam perjuangan itu manusia akan tetap merasa ia tidak terus kalah, kerana Tuhan yang memelihara dan menguasainya dan Tuhan yang disembahnya itu tetap berkuasa di atas seluruh makhluk-Nya. Walaupun Allah membenarkan Iblis melancarkan peperangan menentang manusia, tetapi Dia tetap menguasai Iblis itu. Dia hanya membiarkan Syaitan itu menakluk orang-orang yang lalai dari Tuhan mereka sahaja, sedangkan orang-orang yang mengingati Allah akan terselamat daripada kejahatan dan bisikan Syaitan yang halus: Kini jelaslah bahawa kebaikan itu haruslah bersandar kepada kekuatan dan hakikat Ilahi yang sejati yang tiada kekuatan dan hakikat yang lain daripadanya dan pastilah bersandar kepada Allah Tuhan yang memelihara, Tuhan yang memerintah dan Tuhan yang disembah, sedangkan kejahatan pula bersandar kepada bisikan Iblis yang datang dan menghilang, yang lemah apabila ditentang, yang mundur ke belakang apabila ditempur dan yang tewas di hadapan perlindungan dan naungan Allah.

Ini adalah satu kefahaman hakikat kebaikan dan kejahatan yang paling sempurna di samping merupakan sebaik-baik kefahaman yang dapat memelihara hati daripada kekalahan dan mengisikannya dengan bekalan kekuatan, kepercayaan dan keyakinan. Alhamdulillah awal dan akhir. Pada Allah keyakinan dan Taufik. Dialah Tuhan yang dipohon pertolongan dan Dialah Tuhan yang Maha Penolong.